




**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA



LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2012 SIRI 1

ISI KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 SIRI 1
AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	JABATAN PERDANA MENTERI <ul style="list-style-type: none"> • Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Penerimaan Aset Alih Dan Tak Alih 	3 - 9
3	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Geran, Bayaran Aktiviti Dan Pengumpulan Maklumat Rukun Tetangga 	10 - 21
4	KEMENTERIAN KEWANGAN <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Dan Gudang Bangi - Pengurusan Skim Bayaran Ansuran Syarikat (Borang CP204) 	22 – 31
5		32 - 37
6		38 - 41
7		42 - 46
8	KEMENTERIAN KERJA RAYA <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya <ul style="list-style-type: none"> - Pentadbiran Kontrak Bagi Projek JKR 	47 - 59

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
9	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN - Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu Sabah	60 - 79
10	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - Pengurusan Projek Kemudahan Rekreasi Di Sekitar Bandaraya Kuala Lumpur	80 - 91
11 12 13	KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA - Pengurusan Program Susu 1Malaysia - Projek Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Prasekolah - Pengurusan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Di Sekolah/Institusi Pendidikan	92 - 98 99 - 110 111 - 125
14 15	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA - Pengurusan Program Latihan Kejururawatan - Pengurusan Ambulans	126 - 150 151 - 178
16	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN • Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia - Pengurusan Kenderaan Dan Jentera	179 - 197

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
17	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT - Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)	198 - 209
18	KEMENTERIAN PERTAHANAN - Pengurusan Rangsum Kering Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia	210 - 215
19	KEMENTERIAN DALAM NEGERI - Pembinaan Kompleks CIQ Dan Jeti Penumpang Di Muara Sungai Melaka, Melaka	216 - 218
20	• Polis Diraja Malaysia - Pengurusan Perolehan Pesawat Beechcraft King Air 350 Untuk Pasukan Gerakan Udara	219 - 232
21	• Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia - Pengurusan Aktiviti Pendaftaran Pertubuhan	233 - 245

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
22	KEMENTERIAN KEWANGAN <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Case Management System (CMS) 	246 - 248

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
24	Pendinginan Megajana Sdn. Bhd	251 - 264
25	Sarawak Hidro Sdn. Bhd	265 - 285
26	Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd	286 - 296
27	Technology Park Malaysia College Sdn. Bhd	297 - 303

(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

JABATAN PERDANA MENTERI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Perenggan 2 : Pengurusan Penerimaan Aset Alih Dan Tak Alih

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.1.1	<p>Prestasi Penyerahan Dan Penerimaan Aset - Usia Kapal/Bot Yang Diterima Melebihi Tempoh Jangka Hayat</p> <p>Menurut pihak APMM, berdasarkan standard maritim antarabangsa tempoh jangka hayat kapal/bot adalah antara 10 hingga 20 tahun. Usia kapal yang melebihi 30 tahun dianggap tidak selamat digunakan. Semakan Audit mendapati sebanyak 50 daripada 91 buah kapal/bot yang diserahkan kepada APMM telah berusia antara 10 hingga melebihi 40 tahun. Jangka hayat yang lama ini boleh membawa risiko kepada pengguna kapal/bot berkenaan semasa operasi penguatkuasaan. Adalah didapati 9 buah kapal PX kayu yang diterima oleh APMM daripada PGM telah berusia antara 42 hingga 47 tahun. Menurut maklumat APMM kesemua kapal/bot ini tidak dapat digunakan untuk operasi penguatkuasaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kapal/bot yang diserahkan kepada APMM bagi tujuan penguatkuasaan sepautnya dalam keadaan baik/boleh digunakan dan tidak melebihi tempoh jangka hayatnya. Penerimaan kapal/bot yang kurang memuaskan mengakibatkan kos pembaikan yang tinggi sebelum ia boleh digunakan.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Daripada 82 bot yang berusia kurang 30 tahun, sebanyak 69 buah kapal/bot telah siap disenggara dan beroperasi, baki 13 buah kapal/bot pula masih dalam senggaraan. Manakala 9 buah kapal PX kayu serahan daripada PGM sedang dalam proses pelupusan. Hasil pemeriksaan Lembaga Pemeriksa Pelupusan yang dilakukan pada bulan Februari 2013, mendapati 6 buah kapal PX Kayu disyorkan untuk diserahkan kepada Jabatan Taman Laut Malaysia; 2 buah kapal disyorkan untuk jualan secara lelong dan sebuah kapal lagi disyorkan untuk diserahkan kepada Jabatan Perikanan Sabah. Sehubungan itu, proses penyediaan kertas kerja sedang dibuat bagi memohon kelulusan Perbendaharaan dan dijangka proses pelupusan akan selesai dalam tempoh 3 bulan.</i></p>	<p>Status terkini 9 buah kapal PX kayu yang diterima oleh APMM daripada PGM iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbendaharaan telah meluluskan pelupusan 4 buah kapal PX iaitu Kapal PX17 (KM Layang), PX 26 (KM Mantanani), PX8 (KM Serimbun) dan PX25 (KM Aur) melalui kaedah hadiah kepada Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) untuk dijadikan tukun tiruan pada 20 Mac 2013. Vesel telah diserahkan pada JTLM pada 29 April 2013 dan Sijil Pelupusan (KEW PA 19) akan dikemukakan kepada Perbendaharaan pada 8 Mei 2013. Penyerahan kepada Jabatan Taman Laut bagi KM Serimbun (PX8) dan KM Aur (PX25) akan dibuat pada bulan Mei 2013. 2. Dua buah kapal PX iaitu PX2 (KM Rimau) dan PX13 (KM Tuba) telah diangkat kepada Perbendaharaan untuk kelulusan pelupusan melalui kaedah hadiah kepada Jabatan Taman Laut Malaysia untuk dijadikan tukun tiruan pada 30 April 2013 dan masih menunggu kelulusan Perbendaharaan. 3. PX15 (KM Gador) telah diangkat kepada Perbendaharaan untuk kelulusan pelupusan melalui kaedah hadiah kepada Jabatan Taman Laut Malaysia untuk dijadikan tukun tiruan pada 30 April 2013 dan masih menunggu kelulusan Perbendaharaan. 4. PX8 (KM Selingan) telah diangkat kepada Perbendaharaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>untuk kelulusan pelupusan melalui kaedah dihadiahkan kepada Jabatan Perikanan Sabah pada 25 Mac 2013 dan masih menunggu kelulusan Perbendaharaan.</p> <p>5. PX10 (KM Kendi) telah diangkat kepada Perbendaharaan untuk kelulusan pelupusan melalui kaedah lelong pada 30 April 2013 dan masih menunggu kelulusan Perbendaharaan.</p>
2.5.1.2	<p>Ruang Pejabat/Kuarters Dalam Keadaan Rosak Dan Terbiar</p> <p>Pemeriksaan Audit di Markas Operasi PGM Wilayah 3, Kemaman mendapati keadaan ruang pejabat serta kuarters yang diserahkan berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Keadaan ini telah menyebabkan ruang pejabat dan kuarters tersebut tidak sesuai untuk digunakan. Selain itu, lawatan Audit ke kawasan sekitar markas operasi juga mendapati ia tidak terurus dan terbiar.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Berdasarkan peruntukan yang terhad, sebanyak RM350, 000 telah disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan bangunan pejabat. Bangunan tersebut mula digunakan pada 24 Disember 2012. Manakala bagi penyenggaraan kuarters dan lain-lain kerja di Pangkalan Kemaman, skop kerja telah dimajukan ke Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM) dan seterusnya diangkat ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan pelaksanaan bergantung kepada kelulusan di bawah peruntukan pembangunan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, berikutnya aset yang diterima berada dalam keadaan kurang memuaskan, APMM telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan aset yang diterima dapat digunakan.</p>	<p>Berdasarkan peruntukan yang terhad, untuk fasa pertama sebanyak RM350, 000 telah disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan bangunan pejabat. Bangunan tersebut mula digunakan pada 24 Disember 2012.</p> <p>Bagi fasa seterusnya APMM akan mengemukakan permohonan peruntukan tambahan ke Bahagian Kewangan JPM sebelum 10 Mei 2013 setelah menyemak kedudukan kewangan terkini secara keseluruhan dan mengambil kira keupayaan Agensi untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf aset tak alih dalam tahun ini yang meliputi bangunan pejabat, Pusat Tahanan Vesel, Kuarters, surau, baikpulih sistem perparitan, sistem keselamatan seperti hos bomba dan pemasangan pagar.</p>
2.5.2.1.a	<p>Pengurusan Aset Alih Dan Tak Alih - Jeti/Pejabat Yang Diserah/Dikongsi Tidak Dapat/Sesuai Digunakan</p> <p>Mengikut keputusan Mesyuarat Green Room Bil. 3 Tahun 2011, agensi seperti PGM, JKDM, Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut Malaysia telah bersetuju untuk berkongsi jeti. Setiap agensi yang berkongsi aset hendaklah mematuhi Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dipersetujui. Hasil dari keputusan mesyuarat tersebut mendapati APMM telah berkongsi sebanyak 23 jeti PGM, 10 jeti JKDM dan 2 RTV/PTV bersama Jabatan Perikanan. Pemeriksaan Audit mendapati 9 jeti yang dikongsi tidak dapat digunakan.</p>	<p>Berikut dikemukakan senarai 9 jeti yang tidak dapat digunakan:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
		Bil.	Nama Jeti	Agensi	Masalah
2.5.2.1.b	Lawatan Audit mendapati jeti yang dikongsi dengan PGM di Lahad Datu, Sabah adalah kurang sesuai dengan kapal/bot yang ditempatkan di situ. Ini disebabkan ruangan yang disediakan untuk kapal/bot adalah sempit dan tidak mempunyai ruang yang cukup untuk menempatkan 4 buah kapal/bot dalam satu masa. Ini menyebabkan 2 daripada 4 buah kapal/bot APMM yang sepatutnya diletakkan di situ, disimpan di jeti APMM Sandakan dan di jeti Jabatan Perikanan. Manakala baki 2 buah kapal/bot masih lagi dalam peringkat baikpulih.	1	Muar	PDRM	JKR telah mengenalpasti jeti tersebut uzur dan tidak selamat digunakan.
2.5.2.1.c	<p>Berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Green Room, APMM Bil. 1 Tahun 2011, PGM telah bersetuju supaya pemindahan aset PGM dilakukan secara berperingkat dan beransur-ansur melalui kaedah berkongsi ataupun gunasama. Mesyuarat juga bersetuju jeti dan pejabat pangkalan di Pelabuhan Klang, Selangor; Batu Uban, Pulau Pinang; dan Lahad Datu, Sabah melaksanakan konsep ini. Lawatan Audit mendapati ruang pejabat di Balai Polis Batu Uban, Pulau Pinang yang diserahkan bagi penempatan anggota APMM di Batu Uban adalah sempit dengan keluasan 396 meter persegi dan tidak dapat memuatkan kesemua 10 anggota yang bertugas dalam satu masa.</p> <p>Pada pendapat Audit, jeti yang diserahkan sepatutnya boleh digunakan/dikongsi bersama supaya tidak menjelaskan operasi penguatkuasaan APMM. Selain itu, ruang pejabat yang diserahkan perlu mengambil kira bilangan anggota yang ada bagi memastikan keselesaan anggota APMM. Penambahan peruntukan perlu dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>APMM bersetuju bahawa penyerahan jeti/pejabat yang diserahkan hendaklah boleh digunakan/dikongsi bersama dengan mengambil kira kekuatan anggota, bilangan kapal/bot dan aset APMM tanpa menjelaskan operasi penguatkuasaan. Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat ini peruntukan tambahan wajar dipertimbangkan khususnya bagi membaik pulih supaya penggunaan/perkongsian jeti/pejabat berkenaan dapat dimanfaatkan selari dengan kekuatan dan keperluan operasi agensi.</i></p>	2	Pangkalan Rinting	PDRM	Jeti tidak sesuai digunakan kerana air cetek.
		3	Limbang	PDRM	Lokasi jeti jauh dari muara sungai.
		4	Kuala Kedah	PDRM	Air cetek semasa surut dan tidak sesuai untuk kapal/bot APMM.
		5	Sibu	PDRM	Lokasi jeti jauh dari muara sungai.
		6	Lumut	JKDM	Kapal/bot APMM lebih sesuai menggunakan Jeti Perikanan Kg. Acheh kerana pejabat kecil bagi APMM telah dibuat.
		7	Tanjung Gemok	JKDM	Air cetek semasa surut dan tidak sesuai untuk kapal/bot APMM.
		8	Sungai Rengit	JKDM	Air cetek semasa surut dan tidak sesuai untuk kapal/bot APMM.
		9	Tampoi	Jab. Perikanan Malaysia	Air cetek semasa surut dan tidak sesuai untuk kapal/bot APMM.
BHEPMM melalui surat bertarikh 7 Mei 2013 kepada PDRM akan mengadakan perbincangan dengan pihak PDRM, JKDM					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dan Jabatan Perikanan untuk mengeluarkan senarai 9 buah jeti yang tidak dapat digunakan oleh APMM dalam MOU yang telah ditandatangani antara APMM dan PDRM.</p> <p>Jeti PGM Lahad Datu adalah jeti yang besar dan mampu memuatkan kapal bersaiz besar. Namun ruang yang diberikan oleh PGM untuk kegunaan APMM adalah kecil dan tidak sesuai untuk menempatkan 4 buah kapal/bot dalam satu masa. Oleh itu, pada masa kini terdapat hanya 3 kapal/bot yang dapat ditempatkan di jeti tersebut termasuk 2 buah kapal telah selesai dibaikpulih pada 8 Jun 2012 (KM Kidurong) dan 25 Februari 2013 (KM Peringgi).</p> <p>BHEPMM melalui surat bertarikh 7 Mei 2013 kepada PDRM akan mengadakan perbincangan dengan pihak PDRM berkaitan dengan penyediaan ruang yang mencukupi bagi memuatkan kesemua 10 anggota APMM yang bertugas dalam satu masa.</p>
2.5.2.2	<p>Jeti Yang Diserah Tidak Ekonomik Untuk Dibaiki</p> <p>PGM turut menyerahkan jeti di daerah maritim Tawau untuk kegunaan APMM. Bagaimanapun, jeti yang diserahkan tersebut tidak dapat digunakan. Ini berdasarkan kepada hasil Laporan Awal Pemeriksaan Jeti oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kota Kinabalu pada 9 Februari 2012 yang menyatakan bahawa kebanyakan struktur utama seperti tiang, rasuk dan lantai konkrit telah retak dan permukaan konkrit pecah. Tanda-tanda retakan dan konkrit yang pecah ini menunjukkan bahawa kekuatan struktur jeti tersebut telah terjejas akibat daripada proses penghakisan yang teruk. Selain itu, banyak retakan baru dikesan pada struktur utama jeti. Merujuk kepada memorandum daripada Cawangan Rekabentuk dan Penyiasatan/Ibupejabat JKR Sabah bertarikh 10 September 2002, ia dengan jelas menyatakan tidak ekonomik untuk melakukan sebarang kerja pembaikan terhadap jeti ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, jeti yang tidak boleh digunakan dan tidak ekonomik untuk dibaiki sepertutnya tidak diserahkan kepada APMM oleh pihak PGM kerana ia boleh menjelaskan aktiviti penguatkuasaan APMM.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>APMM bersetuju dengan pendapat Audit, Jeti yang tidak boleh digunakan dan tidak ekonomik tidak patut diserahkan kepada APMM. Memandangkan keperluan jeti amat diperlukan oleh APMM, pertimbangan peruntukan wajar diberikan untuk pembinaan jeti baru bagi menempatkan kapal/bot APMM dan operasi penguatkuasaan dapat</i></p>	<p>Semasa Mesyuarat ‘Green Room’ perkara ini tidak dimaklumkan kepada APMM.</p> <p>Keadaan jeti tersebut hanya diketahui semasa lawatan APMM ke lokasi berkenaan.</p> <p>Berdasarkan laporan JKR Kota Kinabalu pada 9 Februari 2012 yang menyatakan bahawa kebanyakan struktur utama seperti tiang, rasuk dan lantai konkrit telah retak dan pecah.</p> <p>BHEPMM telah merujuk kepada JKR Tawau mengenai anggaran kos pembinaan jeti PGM tersebut melalui surat bil. BHEM (S) 500/ 7 Jld. 1 (32), bertarikh 19 Mac 2012. JKR Tawau memaklumkan bahawa kos awal pengukuhan jeti sedia ada adalah sebanyak RM1.45 juta, rujuk JKR.TWU.600-6/ 32-2 (212) bertarikh 14 Mei 2012.</p> <p>BHEPMM juga telah memajukan justifikasi pewujudan butiran projek penggantian dan naik taraf bangunan dan infrastruktur APMM kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) melalui surat BHEM (S) 500/ 1 Jld. 2 (16) bertarikh 18 April 2012 untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dilaksanakan dengan lebih berkesan.</i></p>	<p>perhatian pihak atasan Jabatan Perdana Menteri. Permohonan juga telah dibuat melalui SPPII, namun tidak mendapat kelulusan daripada EPU.</p> <p>Buat sementara waktu ini, APMM berkongsi pejabat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan jeti bersama PDRM bersebelahan dengan Jeti Jabatan Perikanan.</p>
2.5.2.3	<p>Bangunan Yang Diserah Tidak Dapat Diubahsuai</p> <p>Salah satu aset yang diterima oleh APMM ialah bangunan pejabat pangkalan dan jeti di Kuala Kedah. Jabatan Laut Malaysia telah bersetuju menyerahkan Pangkalan Kuala Kedah mulai 1 April 2011 dan mula diduduki pada 27 April 2011. Pemeriksaan Audit mendapati pengubahsuaian bangunan yang melibatkan struktur asas bangunan tidak dapat dilakukan oleh pihak APMM disebabkan ketiadaan <i>construction drawing</i> atau pelan struktur rekaan asal bangunan tersebut. Pihak JKR telah menetapkan bahawa sebarang kerja pengubahsuaian bangunan ini perlu merujuk kepada pelan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan ruang pejabat bangunan ini tidak dapat diubahsuai dan digunakan mengikut keperluan sebenar. Selain itu, didapati aduan kerosakan juga kerap berlaku seperti pintasan elektrik, gangguan talian telefon dan kerosakan saliran paip yang boleh membahayakan keselamatan warga APMM.</p> <p>Pada pendapat Audit, keperluan pengoperasian tidak dapat dicapai selaras dengan keperluan sebenar berikutan pengubahsuaian bangunan yang melibatkan struktur asas bangunan tidak dapat dilakukan oleh pihak APMM kerana ketiadaan <i>construction drawing</i>.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p>APMM telah mengemukakan surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 17 Disember 2012 bagi mendapatkan nasihat untuk pengubahsuaian/pembaikan pejabat Pangkalan Kuala Kedah. Pihak JKR (Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim (CPUM)) telah bersetuju untuk membantu dan meminta pihak APMM mengemukakan skop kerja tersebut untuk diteliti. Sehubungan itu, APMM telah mengemukakan skop kerja kepada JKR pada 22 April 2013 dan JKR telah memaklumkan penelitian ini akan dilakukan bermula penghujung Mei 2013.</p>	<p>Surat bertarikh 8 Mac 2011 daripada Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia kepada Jabatan Laut diberikan bagi memohon kebenaran APMM untuk mengambil alih bangunan tersebut. Manakala APMM telah menghantar surat ke Ibu Pejabat Jabatan Laut bertarikh 9 Mei 2011 bagi permohonan <i>construction drawing</i> selepas gagal mendapatkan maklumat perunding dan jurubina bangunan Pejabat Kuala Kedah.</p> <p>APMM telah mengemukakan surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 17 Disember 2012 bagi mendapatkan nasihat untuk pengubahsuaian/pembaikan pejabat Pangkalan Kuala Kedah. Pihak JKR (Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim (CPUM)) telah bersetuju untuk membantu dan meminta pihak APMM mengemukakan skop kerja tersebut untuk diteliti. Sehubungan itu, APMM telah mengemukakan skop kerja kepada JKR pada 22 April 2013 dan JKR telah memaklumkan penelitian ini akan dilakukan bermula penghujung Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
2.5.2.4.b	<p>Daftar Dan Senarai Aset Alih Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit terhadap 31 buah kapal/bot mendapat borang KEW.PA 2, 4, 6, 7, 9, 13 dan 14 tidak disediakan. Pemeriksaan selanjutnya mendapat 35 buah kapal/bot tidak mempunyai label ‘Hak Kerajaan’ dan ‘No. Siri Pendaftaran’ harta modal/inventori. Hasil temu bual dengan pegawai kapal/bot yang terlibat mendapat anggota tidak didekah dengan tatacara penggunaan borang dan laporan seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekurangan pendedahan menyebabkan pengurusan aset yang diterima oleh APMM tidak dibuat berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.</p> <p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Cadangan mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Aset telah dikemukakan kepada Perbendaharaan pada 4 Januari 2013 bagi mengatasi kekurangan pegawai yang menguruskan aset terutamanya melibatkan aset-aset di setiap kapal/bot bagi pejabat-pejabat di Wilayah, Daerah dan Pangkalan. Pada 14 Januari 2013, Perbendaharaan telah meluluskan pewujudan jawatan tersebut. Sehubungan itu, Ibu Pejabat APMM telah mengambil langkah mengadakan beberapa siri taklimat/kursus berkaitan dengan pengurusan aset kepada Penolong Pegawai Aset di peringkat Wilayah/Daerah/Pangkalan dan dijangka diselesaikan pada 31 Oktober 2013. Siri taklimat/khusus/latihan ini akan diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan kepatuhan kepada arahan/pekeliling/peraturan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan aset.</i></p>	<p>Kesemua 31 buah kapal dan bot yang belum didaftarkan telah didaftarkan ke dalam sistem SPA.</p> <p>Kesemua 35 buah kapal dan bot yang tidak mempunyai nombor siri pendaftaran telah daftar dan mempunyai nombor siri pendaftaran. Proses pelabelan masih berjalan.</p> <p>Agensi telah memohon perlantikan Penolong Pegawai Aset daripada pihak Perbendaharaan dah telah mendapat kelulusan pada 14 Januari 2013. Ini bagi membolehkan kerja-kerja pengurusan aset yang dilakukan di kapal mempunyai autoriti dan penurunan kuasa yang teratur.</p> <p>Kertas Arahan Ketua Pengarah telah disediakan dan dijangka dapat dikuatkuasakan pada 20 Mei 2013 meliputi penyelarasan tugas dan peranan dalam pengurusan aset di APMM terutamanya yang melibatkan aset-aset Pengurusan, Logistik dan aset-aset di Kapal dan Bot.</p> <p>Pada bulan Mei 2013, semua DM dan Pangkalan akan diminta mengumpulkan data-data asas menggunakan format yang disediakan.</p> <p>Taklimat dan latihan bagi pegawai-pegawai yang menguruskan aset di Wilayah, Daerah dan Pangkalan terutamanya bagi kapal dan bot yang telah dikumpul maklumatnya akan dilaksana dan diselesaikan menjelang 30 Jun 2013.</p>								
2.5.2.5.b	<p>Perjawatan Kapal/Bot Yang Diserah Tidak Diisi</p> <p>Semakan Audit mendapat sebanyak 848 perjawatan JKDM dan PGM tidak diisi sepenuhnya bersama perjawatan kapal/bot yang diserah. Sebaliknya, hanya 65 anggota PGM dan 3 anggota JKDM telah memilih untuk menganggotai APMM iaitu sejumlah 19% anggota sahaja. Kekosongan yang masih belum diisi adalah sebanyak 780 perjawatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa anggota yang mencukupi aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan ketenteraman yang merupakan antara fungsi utama APMM tidak dapat dilakukan dengan berkesan.</p>	<p>Makluman perjawatan sehingga 3 Mei 2013:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Status Perjawatan</th> <th>Bilangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah Perjawatan</td> <td>5,170 jawatan</td> </tr> <tr> <td>Jawatan Diisi</td> <td>4,292 jawatan</td> </tr> <tr> <td>Baki Perjawatan</td> <td>878 jawatan</td> </tr> </tbody> </table>	Status Perjawatan	Bilangan	Jumlah Perjawatan	5,170 jawatan	Jawatan Diisi	4,292 jawatan	Baki Perjawatan	878 jawatan
Status Perjawatan	Bilangan									
Jumlah Perjawatan	5,170 jawatan									
Jawatan Diisi	4,292 jawatan									
Baki Perjawatan	878 jawatan									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p>Jumlah keseluruhan perjawatan APMM adalah sebanyak 5,170 jawatan sementara pengisiannya sehingga 4 Mac 2013 adalah 4,237 (81.95%) orang. Baki kekosongan jawatan berjumlah 362 akan diisi secara berperingkat mulai bulan Mac hingga September 2013. Manakala baki selebihnya akan diisi melalui pengambilan pada tahun 2014. Bagi perancangan perjawatan (force level) sehingga tahun 2020, APMM telah membentangkan cadangan keperluan perjawatan tersebut dalam Mesyuarat Eksekutif Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Bil. 3 Tahun 2012 pada 29 Oktober 2012. Jumlah perjawatan yang dirancang sebanyak 11,794 jawatan dan pelaksanaan pengambilan secara berfasa bermula pada tahun 2015 sehingga tahun 2020.</p>	<p>Pada bulan Jun 2013 ini, sebanyak 200 jawatan akan diisi. Manakala baki selebihnya akan diisi melalui pengambilan pada tahun 2014.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

Perenggan 3 : Pengurusan Geran, Bayaran Aktiviti Dan Pengumpulan Maklumat Rukun Tetangga

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.1	<p>Prestasi Kewangan</p> <p>Bahagian Pembangunan Komuniti (BPK) di ibu pejabat JPNIN adalah bertanggungjawab bagi mengawal selia pengagihan geran/bayaran aktiviti Rukun Tetangga; pengurusan Tabika Perpaduan dan aktiviti lain yang berkaitan dengan pembangunan komuniti. BPK telah diperuntukkan sejumlah RM169.03 juta bagi tujuan tersebut di bawah Dasar Sedia Ada/Dasar Baru (Pembangunan Komuniti/Pengurusan)/One Off (NKRA 1Malaysia/NKRA Crime) bagi tahun 2010 hingga 2012. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM142.92 juta (84.5%) telah dibelanjakan bagi tujuan penyaluran geran dan bayaran aktiviti Rukun Tetangga.</p>	-
3.5.2.4.a	<p>Jumlah Geran yang Disalurkan Tidak Seragam</p> <p>Semakan Audit mendapati ibu pejabat tidak menetapkan jumlah geran peruntukan yang perlu disalurkan kepada setiap KRT. Berdasarkan rekod dan dokumen yang disemak, penentuan jumlah geran yang disalurkan pada tahun semasa adalah diputuskan di peringkat JPNIN Negeri berdasarkan status KRT yang dikategorikan sama ada aktif/sederhana aktif/tidak aktif pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada arahan/prosedur disediakan oleh ibu pejabat bagi menentukan bidang kuasa JPNIN Negeri untuk membuat penetapan jumlah geran tersebut. Semakan Audit selanjutnya terhadap 800 butiran tahap keaktifan KRT di negeri yang dilawati bagi tahun 2009 hingga 2011 mendapati jumlah geran yang disalurkan adalah tidak seragam sungguhpun KRT dikategorikan pada tahap keaktifan yang sama.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Jumlah agihan geran adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kewangan yang diterima oleh JPNIN pada tahun semasa. Kebiasaannya, pada setiap tahun ibu pejabat akan mengeluarkan surat makluman kepada JPNIN Negeri berkenaan</i></p>	<p>Pada tahun 2009 hingga 2011, Ibu Pejabat JPNIN telah menetapkan jumlah tertentu agihan geran dan berdasarkan tahap keaktifan sesebuah RT. Namun begitu, ketidakseragaman jumlah geran yang disalurkan disebabkan keaktifan RT dinilai berdasarkan perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kekerapan pelaksanaan program RT - Jenis program yang dilaksanakan - Negeri (Negeri berisiko tinggi/ sederhana/sejuk) - Impak pelaksanaan program <p>Tindakan pembetulan dibuat melalui surat arahan Penetapan Kadar Geran Tahunan RT yang telah dihantar kepada semua Pengarah Perpaduan Negeri berdasarkan peruntukan yang diterima Jabatan pada tahun semasa bermula 2012.</p> <p>i) Surat Makluman Agihan Geran 2012 [JPN.02/414.1 Jld.5 , 26 Januari 2012], [JPN.02/414.1 Jld.6(24) , 24 September 2012]</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dengan kadar pengagihan geran KRT dan sememangnya tiada arahan atau pekeliling dikeluarkan bagi membenarkan JPNIN Negeri untuk membuat penetapan jumlah agihan geran sendiri. Berdasarkan teguran Audit, JPNIN telah mengambil inisiatif bagi menyelesaikan isu ini melalui pindaan terhadap Pekeliling Rukun Tetangga Tahun 2012 dan Prosedur ISO (MS ISO 9001:2008) di mana semua geran peruntukan diagihkan berdasarkan tempoh penubuhan. Bagaimanapun sekiranya JPNIN Negeri ingin membuat penetapan sendiri berdasarkan keperluan semasa negeri, pertimbangan dan kelulusan daripada Ketua Pengarah berserta justifikasi kukuh berkenaan perkara tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu.</p> <p>Pada pendapat Audit, jumlah geran yang tidak seragam diagihkan kepada KRT adalah disebabkan kelemahan perancangan dan pemantauan oleh ibu pejabat terhadap proses pengagihan yang dilakukan oleh JPNIN Negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ii) Surat Makluman Agihan Geran 2013 [JPN.02/414.1 Jld.6(51), 14 Mac 2013] <ul style="list-style-type: none"> - JPNIN Negeri dipohon untuk membuat pengagihan peruntukan berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan oleh Jabatan pada tahun semasa. - Memastikan semua aktiviti dan urusan perbelanjaan Rukun Tetangga dipantau dan mematuhi peraturan kewangan semasa. <p>Penambahbaikan dibuat dengan penyeragaman maklumat berkaitan pengagihan peruntukan geran Rukun Tetangga melalui:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Akta Rukun Tetangga 2012 - Pekeliling Rukun Tetangga 2012 - MS ISO 9001:2008 - Buku Panduan Pengurusan Rukun Tetangga - Garis Panduan Penggunaan Geran Rukun Tetangga <p>Pemantauan secara berkala diperingkat Ibu Pejabat dan Negeri dilaksanakan melalui:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat Pengarah Bahagian (12 kali setahun) - Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri (Bulanan) - Mesyuarat Pemantauan Prestasi Bahagian [Agenda mesyuarat melibatkan pembentangan prestasi kewangan termasuk agihan geran RT]
3.5.2.4.b.i	<p>Prosedur Pengagihan Geran Dan Bayaran Aktiviti Rukun Tetangga Yang Tidak Teratur</p> <p>Peraturan kewangan menetapkan Pegawai Pengawal atau wakil yang diberi kuasa memperakui sesuatu bayaran adalah bertanggungjawab untuk memastikan penerima yang dinamakan dalam baucar bayaran adalah pihak yang berhak untuk menerima bayaran tersebut. Semakan Audit di negeri Sabah mendapati geran berjumlah RM352,360 bagi tahun 2010 dan 2011 telah disalurkan ke dalam 24 akaun bank Jawatankuasa Permuafakatan KRT di peringkat daerah sungguhpun tiada sebarang arahan dikeluarkan oleh ibu pejabat bagi mewujudkan akaun bank atau menyalurkan</p>	<p>JPNIN Sabah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat teguran telah dihantar kepada Pengarah Perpaduan Negeri Sabah pada 6 Disember 2012. [JPN.01/381/02/02 Jld.1(34)] 2. JPNIN Negeri Sabah telah mengambil tindakan dengan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>geran ke jawatankuasa tersebut. Berdasarkan rekod yang disemak di JPNIN Negeri Sabah, Jawatankuasa Permuafakatan Rukun Tetangga dianggotai oleh pengurus-pengerusi KRT yang ditetapkan dalam sesebuah daerah dan berperanan untuk menyelaras dan memberi nasihat mengenai aktiviti Rukun Tetangga bagi daerah tersebut. Semakan Audit juga mendapati JPNIN Negeri Sabah tidak mewujudkan mekanisme pemantauan yang berkesan terhadap perbelanjaan yang dilakukan oleh jawatankuasa berkenaan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Ibu pejabat telah mengeluarkan surat teguran kepada JPNIN Negeri Sabah bagi mengelakkan perkara ini berlaku pada masa hadapan dan mengarahkan semua akaun bank Jawatankuasa Permuafakatan Rukun Tetangga tersebut ditutup selewat-lewatnya akhir bulan Mac 2013.</i></p>	<p>menutup 6 akaun Jawatankuasa Pemuafakatan dan 18 akaun lagi dalam proses penutupan pada bulan Mei 2013 sepetimana email terkini yang diterima pada 3 Mei 2013.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Semua peruntukan geran RT Negeri Sabah bagi tahun 2013 telah disalurkan terus melalui Akaun RT pada bulan April 2013 yang lalu. 4. Pemantauan proses penutupan akaun ini dibuat berterusan setiap minggu bagi memastikan semua akaun tersebut telah ditutup sepenuhnya.
3.5.2.4.b.ii	<p>Semakan Audit di negeri Selangor mendapati penerimaan geran berjumlah RM9,600 yang direkodkan oleh KRT Flat Taman Pandan Perdana, Hulu Langat dan KRT Taman Desa Jenderam Hilir, Sepang adalah bagi pihak 5 KRT yang lain. Semakan Audit juga mendapati tiada arahan dikeluarkan oleh ibu pejabat bagi membenarkan geran peruntukan untuk sesebuah KRT disalurkan ke dalam akaun bank KRT yang lain. Justifikasi secara bertulis berhubung JPNIN Negeri Selangor melaksanakan tindakan tersebut juga tidak dapat disemak di dalam fail berkaitan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013.</p> <p><i>JPNIN Selangor telah mengambil langkah dengan mengadakan perbincangan dengan pihak bank bagi memudahkan KRT membuka akaun bank pada masa akan datang dan memastikan perkara ini tidak berulang lagi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit tindakan JPNIN Negeri Sabah dan Selangor menyalurkan geran ke dalam akaun bank Jawatankuasa Permuafakatan/KRT bagi pihak KRT yang lain adalah tidak mematuhi peraturan kewangan semasa/arahan ibu pejabat.</p>	<p>JPNIN Selangor:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat teguran telah dihantar kepada Pengarah Perpaduan Negeri Selangor pada 6 Disember 2012. [JPN.01/381/02/02 Jld.1(35)]. 2. JPNIN Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan bagi Daerah Sepang untuk menyalurkan kepada KRT Pangsapuri Jati Mas/Spring Court, KRT Penaga Mas/Elite Apartment, KRT Warisan Indah, KRT Taman Ambar sebanyak RM1,200.00 melalui surat JPNINSL/RT03/00/2004 Jld 2 (81) bertarikh 16 Mac 2011. 3. Penyaluran geran di Daerah Hulu Langat melalui surat JPNINSL/RT03/00/2004 Jld 2 (82) tarikh 16 Mac 2011. <p>Penambahbaikan:-</p> <p>JPNIN Selangor telah membuat keputusan dalam Mesyuarat Pengurusan JPNIN Selangor Bil.2/2013 pada 23/4/2013 dimana semua KRT baru ditubuhkan yang mempunyai masalah untuk membuka akaun supaya membuka Akaun Simpanan terlebih dahulu kemudian baru dipindahkan peruntukan tersebut dengan membuka Akaun Semasa untuk mengelakan peruntukan tersebut dibatalkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.4.b.iii	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati prosedur bagi pembayaran aktiviti Rukun Tetangga di bawah kod perbelanjaan Objek Sebagai (OS) 29000 – (Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti) tidak ditetapkan secara bertulis oleh JPNIN. Kesannya, proses pembayaran aktiviti Rukun Tetangga dilakukan secara tidak seragam antara JPNIN Negeri yang dilawati. Terdapat JPNIN Negeri yang menggunakan/tidak menggunakan borang yang khusus bagi tujuan KRT menuntut pembayaran. Daftar mengenai permohonan KRT bagi pembiayaan melalui peruntukan tersebut juga tidak diselenggara di peringkat JPNIN Daerah yang dilawati kecuali JPNIN Daerah Ranau, Sepang dan Johor Bahru.</p>	<p>Tindakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Surat teguran telah dikeluarkan kepada Pengarah Perpaduan Negeri Selangor, Johor dan Sabah untuk mengambil tindakan pembetulan terhadap prosedur pembayaran peruntukan di bawah OS29000 pada 5 Disember 2012. <ul style="list-style-type: none"> - Semua PPN perlu pastikan setiap Pegawai Daerah mematuhi prosedur kewangan yang berkuatkuasa. - Setiap pembayaran disertakan dokumen sokongan
3.5.2.4.b.iv	<p>Berdasarkan peraturan kewangan semasa, baucar bayaran hendaklah disediakan dan dilampirkan bersama dokumen sokongan yang lengkap seperti kelulusan dan laporan bergambar sebagai bukti bahawa aktiviti Rukun Tetangga telah dilaksanakan dengan sempurna dan diperakui oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit di pejabat JPNIN Negeri yang dilawati mendapati 147 (64.4%) daripada 228 sampel baucar bayaran aktiviti Rukun Tetangga yang disemak tidak dikembarkan bersama laporan aktiviti bergambar seperti yang ditetapkan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Penambahbaikan dibuat melalui Prosedur MS ISO 9001:2008 yang berkuatkuasa pada April 2013. <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan Tatacara Memohon Peruntukan Menjalankan Aktiviti Dibawah OS 29000 - Menambahbaik pelaporan aktiviti RT bagi tujuan tuntutan pembayaran aktiviti.
3.5.2.4.b.v	<p>Semakan Audit di JPNIN Negeri Sabah pula mendapati secara keseluruhannya bayaran dilakukan sebelum aktiviti Rukun Tetangga dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati baucar bayaran hanya dilampirkan dengan kertas cadangan/kertas kerja aktiviti tanpa sebarang perakuan bahawa aktiviti Rukun Tetangga tersebut telah dilaksanakan dengan sempurna.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Membekalkan Buku Panduan Pengurusan/Kewangan & Aset Alih KRT, Buku Tunai dan Baucar bagi memastikan pengurusan kewangan Rukun Tetangga lebih sistematis dan efisien. Penaziran dijalankan sebanyak 3 kali setahun oleh Ibu Pejabat ke peringkat negeri/daerah/KRT bagi memastikan tindakan pembetulan telah diambil dan semua bahan rujukan yang dibekalkan digunakan sepenuhnya. <ul style="list-style-type: none"> - 21 hingga 24 Mei (Negeri Selangor, Kelantan, Johor) - 28 hingga 31 Mei (Negeri Sabah)
3.5.2.4.b.vi	<p>Di JPNIN Daerah Sepang, Selangor pula, pihak Audit mendapati peruntukan untuk aktiviti Rukun Tetangga telah digunakan bagi tujuan perolehan kerja pembaikan Bangunan Tadika Perpaduan. Semakan Audit mendapati JPNIN Negeri Selangor mengeluarkan surat makluman kepada KRT Taman Jenderam Hilir bahawa sejumlah RM33,000 peruntukan aktiviti Rukun Tetangga yang disalurkan dalam akaun KRT tersebut adalah sebagai bayaran kepada kontraktor kerja pembaikan Tabika Perpaduan Siantan, Taman Putra Perdana, Sepang. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati baucar bayaran dan dokumen sokongan berkaitan bayaran tersebut adalah bagi tujuan pelaksanaan Program Karnival Sukan dan Program</p>	<p>JPNIN Selangor:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Peruntukan asal yang diberikan kepada KRT Taman Jenderam Hilir adalah bagi pelaksanaan Program Karnival Sukan dan Program Jamuan Hari Raya Qurban Tahun 2010. Namun begitu, peruntukan tersebut terpaksa digunakan untuk keperluan kecemasan bagi membaiki Bangunan Tadika Perpaduan selepas perbincangan dibuat bersama Jawatankuasa KRT Taman Jenderam Hilir.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Jamuan Hari Raya Qurban Tahun 2010 untuk KRT tersebut.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>JPNIN telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap Pekeliling Rukun Tetangga 2012 dan Prosedur ISO (MS ISO 9001:2008) berkenaan dengan permohonan dan Tuntutan Bayaran Aktiviti di bawah OS29000 melalui Bengkel Penetapan Piawaian ISO Rukun Tetangga dan SRS yang diadakan pada 6 hingga 8 Mac 2013. Prosedur ISO tersebut dijangka akan berkuat kuasa pada bulan April 2013. Selain itu, kursus Prosedur Kewangan secara berkala akan dilaksanakan bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan pegawai JPNIN Negeri/Daerah. Mulai tahun 2013, KRT juga akan dibekalkan dengan buku Panduan Pengurusan/Kewangan & Aset Alih KRT, Buku Tunai dan Baucar yang berkaitan. Surat amaran kepada Pengarah JPNIN Negeri Selangor telah dikeluarkan pada bulan Disember 2012 hasil daripada teguran Audit mengenai perbelanjaan kerja pembinaan Bangunan Tadika Perpaduan. Bagi mengelakkan perkara ini berulang, pemahaman mengenai Pekeliling Prosedur Peruntukan Kecemasan akan diberikan kepada pegawai JPNIN Negeri.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kelemahan pemantauan oleh pihak pengurusan JPNIN dan kurangnya kesedaran pegawai JPNIN berhubung pematuhan peraturan kewangan semasa menyebabkan pembayaran aktiviti Rukun Tetangga dilakukan secara tidak teratur.</p>	<p>2. Surat teguran telah dihantar kepada Pengarah Perpaduan Negeri Selangor pada 6 Disember 2012. [JPN.01/381/02/02 Jld.1(35)].</p> <p>3. JPNIN Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan kepada KRT Jenderam Hilir melalui Pegawai Perpaduan Daerah Hulu Langat. Surat JPNINSL/RT49/00/2004 Jld 6 bertarikh 19 Disember 2010.</p> <p>Penambahbaikan:-</p> <p>Ibu Pejabat mengeluarkan surat makluman berkaitan proses perolehan/ peruntukan kecemasan kepada semua Pengarah Perpaduan Negeri sebagai langkah pencegahan berlakunya perkara ini.</p>
3.5.3.1	<p>Prestasi Pengumpulan Maklumat/Penilaian KRT</p> <p>Prosedur ISO (MS ISO 9001:2008) - Pengumpulan Maklumat Rukun Tetangga (JPNIN/RT/05) telah disediakan oleh JPNIN bagi tujuan pengumpulan maklumat Rukun Tetangga. JPNIN Daerah adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat bilangan aktiviti yang dilaksanakan oleh KRT dan mengisi Borang Pengumpulan Maklumat Rukun Tetangga (JPNIN/RT/05) untuk dilaporkan ke JPNIN Negeri setiap bulan dan seterusnya kepada ibu pejabat untuk direkodkan/dikemas kini ke dalam Pangkalan Data Rukun Tetangga. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 557,618 aktiviti Rukun Tetangga di seluruh negara telah direkodkan ke dalam Pangkalan Data Rukun Tetangga. Berdasarkan jumlah aktiviti dan bilangan KRT bagi tempoh tahun tersebut, secara purata antara 30 hingga 38 aktiviti berjaya dilaksanakan oleh setiap KRT setiap tahun yang terlibat.</p>	<p>-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.3.2.a.ii	<p>Laporan/Statistik Aktiviti KRT Melalui Sistem Maklumat JPNIN yang Tidak Kemas Kini</p> <p>Semakan Audit mendapati modul e-RT (sub modul aktiviti/kewangan/mesyuarat) berfungsi bagi tujuan pengumpulan maklumat penyata kewangan dan bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh KRT. Berdasarkan proses kerja yang disemak, setiap KRT sepatutnya mengunci masuk maklumat yang diperlukan tersebut ke dalam sistem dan laporan/statistik yang berkaitan akan dijana bagi tujuan pelaporan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan capaian yang dijana melalui sistem tersebut mendapati tahap capaian KRT terhadap modul e-RT khususnya sub modul Kewangan adalah sangat rendah iaitu hanya 7.2%. Sehubungan itu, laporan/statistik yang dijana melalui sistem tersebut adalah tidak kemas kini dan tidak dapat digunakan bagi tujuan pelaporan bilangan aktiviti Rukun Tetangga.</p> <p>Pada pendapat Audit, penggunaan modul e-RT di dalam Sistem Maklumat JPNIN tidak mencapai objektif yang disasarkan. JPNIN sepatutnya melaksanakan kajian mengenai tahap penerimaan/kebolehcapaian/ kebolehlaksanaan KRT untuk mengunci masuk maklumat yang diperlukan ke dalam sistem tersebut terlebih dahulu.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Selepas teguran Audit, JPNIN di peringkat ibu pejabat telah menubuhkan kumpulan Task Force Sistem JPNIN bagi memastikan peningkatan prestasi penggunaan modul e-RT (sub modul aktiviti/kewangan/mesyuarat). Beberapa Bengkel Pemantapan Sistem JPNIN telah/akan diadakan sepanjang bulan Oktober 2012 hingga akhir bulan Mac 2013 di negeri Johor, Sabah, Sarawak, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Pahang. Selain itu, terdapat peningkatan penggunaan modul e-RT (sub modul aktiviti/kewangan/mesyuarat) hasil daripada pemantauan melalui Mesyuarat Pengarah Bahagian/Negeri dan Mesyuarat Berkala bersama Pegawai Sistem Maklumat Negeri.</i></p>	<p>Penjelasan:-</p> <p>JPNIN menghadapi beberapa kekangan dalam memastikan kebolehlaksanaan sistem maklumat ini. Antara kekangan yang dihadapi adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Komitmen orang awam iaitu Ahli Rukun Tetangga yang berkhidmat secara sukarela. 2. Liputan internet yang terhad di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan pedalaman. 3. Kemudahan peralatan seperti komputer/laptop, talian internet yang terhad dan ketiadaan pusat aktiviti yang bersesuaian serta selamat bagi menempatkan peralatan tersebut. 4. Latihan intensif kepada AJK RT dan Pegawai. <p>Tindakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengeluarkan surat arahan penguatkuasaan penggunaan Sistem Maklumat JPNIN kepada semua Pengarah Perpaduan Negeri. [JPN.02/519/495.5 (27), 5 Disember 2012] <ul style="list-style-type: none"> - Penguatkuasaan penggunaan sistem maklumat secara optimum diperingkat negeri/daerah/KRT. - Mewujudkan slot khas berkaitan sistem semasa mengendalikan taklimat/kursus/mesyuarat yang melibatkan AJK RT. 2. Mewujudkan <i>helpdesk</i> : <i>helpdesk_sm@jpnin.gov.my</i> yang membantu semua pengguna diperingkat negeri/daerah/RT berkaitan sistem maklumat JPNIN.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>3. Mewujudkan kiosk di Pejabat Perpaduan Daerah bagi menangani masalah ketiadaan pusat aktiviti RT bagi membolehkan AJK RT menggunakan/ access kepada sistem maklumat JPNIN.</p> <p>4. Mengadakan latihan intensif kepada Pegawai dan AJK RT bagi mendalami ilmu dan kemahiran berkaitan sistem maklumat yang dikendalikan oleh <i>Task Force Team</i> dari Ibu Pejabat.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bengkel Pemantapan Sistem e-RT kepada Pegawai di peringkat negeri/daerah dan Ahli Rukun Tetangga telah diadakan sepanjang bulan Oktober 2012 sehingga bulan Mac 2013 di negeri Johor, Sabah, Sarawak, Melaka, Pahang, Kelantan, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Selangor dan Terengganu. <p>5. Berdasarkan kepada tindakan yang telah dibuat, peningkatan penggunaan sistem maklumat dikalangan AJK RT telah meningkat dari 7.2% kepada 33% merujuk kepada Laporan Prestasi Sistem Maklumat – Bulan Mac 2013. JPNIN mensasarkan 95% penggunaan sistem maklumat bagi Disember 2013.</p> <p>6. Penambahbaikan turut dilaksanakan melalui inisiatif berikut dengan hasrat ia membantu meningkatkan kesedaran pegawai/AJK RT menggunakan sistem:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan Anugerah Kecemerlangan Penggunaan Sistem e-RT kepada Negeri dan Pegawai Perpaduan Daerah. - Mewujudkan <i>Whatsapp Group</i> sebagai medium interaksi yang lebih mudah/cepat/efisien antara pegawai di peringkat Ibu Pejabat/Negeri/Daerah yang turut dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri bagi tujuan pemantauan. <p>7. Pemantauan secara berkala diadakan melalui pembentangan prestasi/keaktifan sistem diperingkat Ibu Pejabat dan Negeri:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat Pengarah Bahagian - Mesyuarat Pengarah Perpaduan Negeri - Mesyuarat Pegawai Sistem Maklumat Negeri.
3.5.3.2.b	<p>Ketepatan Bilangan Aktiviti Rukun Tetangga Tidak Dapat Disahkan</p> <p>Semakan Audit di semua JPNIN Daerah yang dilawati mendapati Borang JPNIN/RT/05 yang menyatakan bilangan aktiviti Rukun Tetangga ada disediakan namun tidak dapat disahkan dengan rekod/dokumen yang boleh dirujuk sebagai bukti pelaksanaan di dalam fail KRT. Temu bual dengan pegawai yang terlibat mendapati bilangan aktiviti Rukun Tetangga ditentukan melalui laporan aktiviti bergambar yang sepatutnya dikemukakan oleh KRT setelah dilaksanakan. Bagaimanapun KRT kurang memberikan kerjasama untuk menghantar laporan tersebut sehingga menyebabkan pegawai JPNIN Daerah perlu mengambil tindakan alternatif lain bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan antaranya membuat rujukan terhadap surat jemputan ke majlis/mesyuarat, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan makluman KRT melalui laman sosial. Bagaimanapun, tindakan tersebut tidak direkodkan secara rasmi oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada prosedur/garis panduan ditetapkan oleh ibu pejabat bagi proses mendapatkan maklumat aktiviti daripada KRT.</p> <p>Pada pendapat Audit, maklumat mengenai bilangan sebenar aktiviti Rukun Tetangga yang dilaksanakan di negeri yang dilawati adalah diragui ketepatannya memandangkan rekod/dokumen yang boleh dirujuk sebagai bukti pelaksanaan tidak diselenggarakan dengan memuaskan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Proses mendapatkan maklumat aktiviti KRT turut diberikan penambahbaikan melalui Bengkel Penetapan Piawaian ISO Rukun Tetangga dan SRS yang telah diadakan.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Surat teguran telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Perpaduan Negeri pada 7 Disember 2012. [JPN.02/519/9 495.5 (28)] <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan pengurusan dokumen dan rekod berkaitan laporan aktiviti Rukun Tetangga diselenggara dengan teratur. - Semua maklumat aktiviti yang diterima daripada Rukun Tetangga hendaklah direkodkan secara rasmi dalam sistem mahupun manual. 2. Penambahbaikan telah dibuat ke atas Prosedur MS ISO 9001:2008 yang berkuatkuasa pada April 2013. <ul style="list-style-type: none"> - Penyeragaman kaedah pengumpulan maklumat aktiviti RT di peringkat daerah dan negeri dengan mengambil kira medium interaksi masa kini secara:- ✓ Pelaporan (mesyuarat/ program) ✓ Media Sosial (facebook , twitter, blog, whatsapp) ✓ Elektronik (email , telefon, pesanan ringkas) - Penyeragaman pelaporan aktiviti RT di peringkat negeri secara manual (Master Book) dan sistem e-RT (sub-modul mesyuarat). 3. Penaziran dijalankan sebanyak 3 kali setahun oleh Ibu Pejabat ke peringkat negeri/daerah/KRT bagi memastikan tindakan pembetulan telah diambil. <ul style="list-style-type: none"> - 21 hingga 24 Mei (Negeri Selangor, Kelantan, Johor) - 28 hingga 31 Mei (Negeri Sabah)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.3.3.a.i	<p>Justifikasi Penilaian Tahap Keaktifan KRT Tidak Dapat Disahkan</p> <p>Ibu pejabat menetapkan pegawai JPNIN Daerah bertanggungjawab untuk mengisi Borang Penilaian Prestasi dengan lengkap bagi setiap KRT di bawah penyeliaannya dan menyenaraikan markah penilaian di dalam Laporan Keaktifan KRT Daerah untuk dikemukakan kepada JPNIN Negeri. Semakan Audit terhadap Laporan Keaktifan KRT Daerah di negeri Johor dan Sabah mendapati markah penilaian diberikan kepada 146 KRT tanpa menggunakan borang penilaian yang sepatutnya. Sehubungan itu, justifikasi pemberian markah penilaian kepada 146 KRT tersebut tidak dapat ditentukan.</p>	<p>Surat teguran telah dihantar kepada Pengarah Perpaduan Negeri Sabah dan Johor berkaitan perkara ini. [JPN.02/519/9 495.5 (29) , JPN.02/519/9 495.5 (30)]</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan penilaian keaktifan RT dilaksanakan menggunakan borang penilaian prestasi sebagai bukti penilaian tahunan telah dilaksanakan dan melayakkan RT menerima geran tahunan.
3.5.3.3.a.ii	<p>Selain itu secara keseluruhannya, justifikasi pemarkahan di Borang Penilaian Prestasi KRT (JPNIN/RT/03) yang disediakan oleh JPNIN Daerah yang dilawati tidak dapat disokong dengan dokumen/rekod seperti laporan aktiviti/minit mesyuarat/penyata kewangan bulanan. Berdasarkan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab, penilaian sukar dijalankan disebabkan KRT kurang memberikan kerja sama untuk menghantar laporan aktiviti ke pejabat JPNIN Daerah sungguhpun aktiviti Rukun Tetangga sebenarnya memang dilaksanakan. Sehubungan itu, justifikasi pemarkahan adalah melalui pemantauan dan komunikasi dari semasa ke semasa antara KRT dan pegawai JPNIN yang menyelia KRT tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, justifikasi penilaian tahap keaktifan KRT oleh pegawai JPNIN Daerah dan penyelenggaraan rekod/dokumen berkaitan adalah tidak memuaskan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>JPNIN telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap Pekeliling Rukun Tetangga 2012 dan Prosedur ISO (MS ISO 9001:2008) berkenaan dengan permohonan dan Tuntutan Bayaran Aktiviti di bawah OS29000 melalui Bengkel Penetapan piawaian ISO Rukun Tetangga dan SRS yang diadakan pada 6 hingga 8 Mac 2013. Prosedur ISO tersebut dijangka akan berkuat kuasa pada bulan April 2013. Selain itu penilaian KRT akan dilakukan melalui Sistem Maklumat JPNIN dan latihan berkaitan penggunaan Sistem Maklumat JPNIN akan terus dilaksanakan bagi memastikan pegawai/KRT mahir menggunakananya.</i></p>	<p>Surat arahan Penilaian Keaktifan RT 2012 bagi Pengagihan geran RT 2013 telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Perpaduan Negeri pada 18 Disember 2012 [JPN.02/414.1 Jld 6(31)]. Maklumbalas telah diterima sepenuhnya dan Ibu Pejabat telah mengeluarkan akuan penerimaan Laporan Keaktifan KRT 2012 pada 18 Februari 2013 [JPN.02/414.1 Jld 6(47)].</p> <p>Penambahbaikan dibuat melalui:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyeragaman Garis Panduan Keaktifan RT dalam Prosedur MS ISO 9001:2008 dan Pekeliling Rukun Tetangga 2012 yang telah berkuatkuasa sepenuhnya tahun 2013. - Memantapkan penggunaan sistem e-RT oleh Pegawai dan AJK RT melalui Bengkel Pemantapan Sistem e-RT yang dikendalikan oleh kumpulan Task Force Sistem Maklumat JPNIN. <p>Pemantauan secara berkala diadakan melalui pembentangan prestasi/keaktifan sistem dan RT diperingkat Ibu Pejabat dan Negeri:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat Pengarah Bahagian - Mesyuarat Pengarah Perpaduan Negeri - Mesyuarat Pegawai Sistem Maklumat Negeri.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.4.2	<p>Pengurusan Kewangan KRT</p> <p>Temu bual dengan Pengerusi/AJK di 24 KRT yang dilawati mendapati secara amnya pihak KRT mengetahui melalui kursus/tidak mengetahui langsung/tidak pasti mengenai buku Panduan Pengendalian Akaun Dan Inventori Rukun Tetangga yang disediakan. Sehubungan dengan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kaedah pemantauan/pengauditan/tindakan pembetulan oleh JPNIN bagi memastikan pengurusan kewangan KRT dilaksanakan selaras dengan panduan yang disediakan.</p>	<p>Pengagihan Buku Panduan Pengurusan/Kewangan & Aset Alih KRT, Buku Tunai dan Baucar telah diagihkan pada bulan Januari 2013 bagi memastikan pengurusan kewangan Rukun Tetangga lebih sistematis dan efisien.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Setiap negeri telah menghantar slip penerimaan buku-buku yang telah dibekalkan oleh Ibu Pejabat.
3.5.4.3	<p>Semakan Audit terhadap rekod kewangan yang diselenggara oleh 24 KRT yang dilawati mendapati secara amnya adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan seperti format buku tunai/penyata kewangan yang tidak seragam; proses kelulusan perbelanjaan yang kurang jelas; Pengerusi KRT/JPNIN Daerah tidak menjalankan semakan terhadap rekod kewangan dan dokumen sokongan seperti baucar/slip bank/bil/resit dan lain-lain butiran tidak diselenggara dengan teratur untuk tujuan pengauditan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan kewangan KRT oleh JPNIN adalah lemah dan perlu dipertingkatkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Mulai tahun 2013, KRT akan dibekalkan dengan buku Panduan Pengurusan/Kewangan Dan Aset Alih KRT, Buku Tunai dan Baucar yang berkaitan. Kursus/latihan berkaitan kewangan juga akan diwajibkan kepada semua Pengerusi/Setiausaha dan Bendahari KRT yang baru. Bagi KRT sedia ada, kursus pemantapan akan diberikan berdasarkan keperluan di setiap negeri. Pegawai JPNIN Daerah akan melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap KRT.</i></p>	<p>Kursus intensif anjuran IKLIN seperti Kursus Asas Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga telah diadakan sebanyak 4 kali sepanjang bulan Januari hingga April 2013 yang melibatkan penyertaan AJK RT (Pengerusi/Setiausaha/Bendahari) di semenanjung Malaysia.</p> <p>Bengkel Pemantapan Sistem e-RT (sub-modul e-Kewangan) yang melibatkan AJK RT telah dilaksanakan sepanjang bulan Oktober 2012 hingga April 2013 meliputi negeri Johor, Sabah, Sarawak, Melaka, Pahang, Kelantan, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Selangor dan Terengganu.</p> <p>Penambahbaikan Prosedur MS ISO 9001:2008 yang berkuatkuasa pada April 2013.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan Tatacara Memohon Peruntukan Menjalankan Aktiviti Dibawah OS 29000 - Menambahbaik pelaporan aktiviti RT bagi tujuan tuntutan pembayaran aktiviti. - Menyediakan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Geran RT

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.5.2	<p>Perjawatan/Guna Tenaga</p> <p>Berdasarkan rekod yang disemak, secara keseluruhannya sebanyak 108 (99.1%) daripada 109 jawatan yang melibatkan tugas penyeliaan KRT dan pentadbiran pejabat telah diisi di JPNIN Negeri/Daerah yang dilawati. Bagaimanapun terdapat pegawai yang mengisi jawatan tersebut adalah secara pentadbiran dari pelbagai cawangan/bahagian/negeri yang lain mengikut keperluan. Semakan Audit selanjutnya mendapati penempatan pegawai secara pentadbiran tersebut memberi kesan terhadap bilangan pegawai di pejabat yang dilawati. Bilangan pegawai yang ditempatkan adalah antara 20% hingga 150% daripada perjawatan yang diluluskan. Di JPNIN Daerah Kota Kinabalu, Sabah, seramai 2 daripada 3 pegawai yang mengisi perjawatan di pejabat tersebut telah dipindahkan secara pentadbiran ke pejabat lain sehingga menyebabkan tugas penyeliaan KRT di daerah tersebut dilakukan oleh seorang pegawai sahaja (<i>one man show</i>). Manakala di negeri Kelantan, penempatan pegawai di JPNIN Daerah Pasir Mas/Tumpat pula melebihi 50% daripada perjawatan yang diluluskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perjawatan/guna tenaga di JPNIN Negeri/Daerah yang dilawati adalah lemah. Selain itu, pelaksanaan tanggungjawab secara <i>one man show</i> di JPNIN Daerah yang dilawati khususnya di Sabah adalah tidak sesuai dan meningkatkan risiko kegagalan pegawai untuk melaksanakan tanggungjawab bagi mencapai objektif yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kali terakhir JPNIN menerima kelulusan untuk penyusunan semula perjawatan keseluruhan adalah pada tahun 2008. Setelah inisiatif Transformasi Perkhidmatan Awam yang selari dengan inisiatif NKRA Jenayah (melibatkan JPNIN), pertambahan KRT telah meningkat dengan ketara sehingga hampir 52% pertambahan jumlah sedia ada kepada 6,061 KRT pada Disember 2012. Kertas penyusunan semula perjawatan JPNIN telah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pertimbangan penambahan perjawatan dari 922 perjawatan pelbagai peringkat kepada 1,027 (penambahan 127 jawatan) pada 1 Mac 2013 yang lalu. Penambahan jawatan tersebut adalah bagi mengatasi masalah pelaksanaan tugas secara <i>one man show</i> dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan JPNIN kepada masyarakat.</i></p>	<p>Pejabat JPNIN Sabah, terbahagi kepada 2 iaitu Pejabat Negeri dan Pejabat Daerah Kota Kinabalu yang berkongsi di ruang pejabat yang sama. Berdasarkan keperluan Pegawai di Daerah Kudat, Pegawai dipindahkan ke Pejabat Daerah Kudat untuk melaksanakan tugas di Kudat, sementara Daerah Kota Kinabalu, Pegawai dari Pejabat Negeri yang membantu melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Kota Kinabalu.</p> <p>Pejabat Daerah Kudat, walaupun diluluskan 4 perjawatan, namun, pegawai bertugas untuk menyelia Keningau/ Nabawan, Kota Marudu dan Ranau. Memandangkan keadaan geografi Negeri Sabah, pihak ibu pejabat terpaksa membenarkan penempatan secara pentadbiran ini dilaksanakan demi memastikan supaya penyampaian perkhidmatan Jabatan dapat dilaksanakan dengan sempurna.</p> <p>Bagi Pejabat Daerah Pasir Mas, walaupun jumlah perjawatan yang di luluskan adalah seramai 5 perjawatan keseluruhan, dan pegawai Gred S27 adalah mengetua daerah berkenaan, namun, terdapat keperluan untuk meletakkan seorang Pegawai Gred S32 yang lebih berpengalaman di Jajahan Pasir Mas/ Tumpat adalah diperlukan kerana terdapat keperluan memandangkan Jajahan Pasir Mas adalah antara kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan "pain point" bedasarkan penilaian Indeks Keharmonian Masyarakat jabatan.</p> <p>Selain dari itu, Jabatan juga telah memohon melaksanakan Pindah Butiran Perjawatan dan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai 1 November 2012 melalui Waran Perjawatan Bil. A219 Tahun 2012 lalu.</p> <p>Jabatan juga menyedari keperluan untuk memohon tambahan perjawatan dan telah menghantar Draf kedua Kertas Permohonan Perjawatan Tambahan kepada JPA pada 30 April 2013. Jabatan memohon tambahan sebanyak 262 perjawatan baru, tambahan kepada 1137 Perjawatan sedia ada. Dari sejumlah 262, sebanyak 35 Jawatan diperingkat Pengurusan dan Profesional, dan sebanyak 227 perjawatan peringkat Pegawai Sokongan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.6.2	<p>Kemudahan Kenderaan Bagi Aktiviti Penyeliaan KRT</p> <p>Semakan Audit setakat bulan Ogos 2012 mendapati sebanyak 11 buah kenderaan diperuntukkan JPNIN Negeri Sabah/Kelantan/Selangor/Johor bagi tujuan operasi. Di negeri Sabah, sebanyak 2 buah kenderaan ditempatkan di ibu pejabat JPNIN Negeri dan satu di JPNIN Daerah Tawau. Bagaimanapun, sewaktu pengauditan dijalankan, semua kenderaan tersebut tidak dapat digunakan disebabkan rosak. Berdasarkan maklum balas JPNIN Negeri Sabah, semua kenderaan tersebut telah diperolehi antara tahun 1996 hingga 2004 yang sepatutnya dalam peringkat untuk dilupuskan. Semakan Audit di JPNIN Negeri Kelantan, Selangor dan Johor juga mendapati masalah yang sama berlaku di mana kenderaan yang disediakan telah berusia antara 6 hingga melebihi 11 tahun.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Permohonan untuk mendapatkan kenderaan baru telah dibuat sejak tahun 2009 melalui permohonan Belanjawan Tahun 2011, 2012 dan 2013. Bagaimanapun permohonan tersebut telah masih ditolak oleh Kementerian Kewangan. JPNIN telah membuat permohonan sekali lagi melalui Belanjawan 2014 bagi mendapatkan 17 buah kenderaan baru dan 13 kenderaan sewaan SPANCO untuk kegunaan peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan kenderaan yang sesuai/baru hendaklah disegerakan bagi menggantikan kenderaan JPNIN yang telah rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki.</p>	<p>Pihak Ibu Pejabat sedia menyedari akan keperluan kenderaan sebagaimana dibangkitkan di dalam laporan Audit ini. Perolehan untuk kenderaan baru dan bersesuaian memang sedang dalam perancangan Jabatan untuk disediakan di dalam Tahun 2013, dengan melaksanakan penjimatan dalaman memandangkan peruntukan Belanja Mengurus sejak 2010 hingga 2013 untuk pembelian kenderaan baru tidak tersedia di dalam Belanjawan yang telah diluluskan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Perenggan 4 : Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Dan Gudang Bangi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1.1.c	<p>Prestasi Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek</p> <p>Sehingga tarikh lawatan Audit pada 27 November 2012 iaitu selepas tarikh tamat tempoh tanggungan kecacatan pada 28 Oktober 2012, pihak perunding utama masih belum mendapatkan kelulusan bangunan selamat untuk diduduki daripada pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya pihak perunding utama dapat menyelaraskan semua dokumen dengan cepat dan cekap bagi tujuan kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Pihak JKR selaku pegawai penguasa projek perlu memberi arahan secara bertulis kepada perunding utama untuk pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC). Sekiranya perunding utama gagal mematuhi arahan tersebut dalam tempoh masa yang munasabah, pihak JKR perlu memaklumkan kepada LHDNM berkenaan prestasi perunding tersebut supaya LHDNM dapat mengambil tindakan amaran secara bertulis kepada perunding utama. Jika perunding masih lagi ingkar mematuhi arahan tersebut, LHDNM akan membuat laporan kepada Lembaga Arkitek Malaysia untuk tindakan selanjutnya.</i></p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Perunding utama bertanggungjawab mengenal pasti dan memenuhi keperluan pelanggan dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Term of Reference antara LHDNM dan perunding arkitek. Pihak JKR telah menghantar surat peringatan bertarikh 6 Julai 2012 kepada perunding utama untuk</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>LHDNM telah mengemukakan surat kepada Lembaga Arkitek pada 22 Mac 2013 berkaitan aduan kegagalan prestasi Perunding Arkitek untuk tindakan yang sewajarnya oleh Lembaga Arkitek.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Perunding utama bertanggungjawab mengenal pasti dan memenuhi keperluan pelanggan dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Term of Reference antara LHDNM dan perunding arkitek. Pihak JKR telah menghantar</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>menyediakan lukisan dan dokumen berkaitan bagi mendapatkan kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.</i></p>	<p>surat peringatan bertarikh 6 Julai 2012 kepada perunding utama untuk menyediakan lukisan dan dokumen berkaitan bagi mendapatkan kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.</p>
4.5.1.2	<p>Pencapaian Kewangan Projek</p> <p>Bagi melaksanakan projek ini, peruntukan siling di bawah RMKe-9 berjumlah RM68 juta telah diluluskan pada 28 Februari 2008. Bagaimanapun, peningkatan peruntukan telah berlaku sebanyak 2 kali iaitu kepada RM84 juta pada tahun 2009 dan kepada RM94 juta pada tahun 2011. Berdasarkan kepada <i>As Tendered Detailed Abstract (ATDA) Rev.2</i> yang disediakan pada 5 Ogos 2011, kos pembinaan telah meningkat daripada RM57.60 juta kepada RM78.40 juta. Semakan Audit mendapati sejumlah RM76.28 juta (97.3%) telah dibayar kepada kontraktor sehingga bayaran interim ke-46 pada 30 Mei 2012. Manakala mengikut lejar individu sehingga 31 Oktober 2012, pembayaran yang telah dibuat kepada syarikat perunding berjumlah RM9.09 juta.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Peningkatan kos disebabkan perubahan kerja yang terpaksa dilaksanakan disebabkan kegagalan oleh pihak lain yang terlibat seperti IKRAM Sdn. Bhd. dan perunding juru ukur tanah yang gagal melaksanakan tugas dengan cekap dan tepat. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap pihak yang berkenaan. LHDNM akan menguruskan kerja ukur halus keluasan tanah tersebut untuk memuktamadkan keluasan tanah sebenar.</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>LHDNM telah melantik kumpulan IKRAM pada 11 Oktober 2003 untuk melaksanakan kerja siasatan tanah. Kontraktor siasatan tanah telah mengemukakan laporan siasatan tanah kepada LHDNM pada 18 Februari 2004.</p> <p>LHDNM difahamkan kontraktor utama melaksanakan semula kerja siasatan tanah sebelum pembinaan bangunan dimulakan pada tahun 2008.</p> <p>LHDNM berpendapat laporan yang dikemukakan oleh kontraktor siasatan tanah adalah digunakan pada ketika itu sahaja dan mungkin ianya tidak boleh digunakan untuk tempoh yang lama pada masa pembinaan bangunan dimulakan dalam tahun 2008.</p> <p>Perunding utama telah melaksanakan rekabentuk bangunan berdasarkan kepada keluasan tanah 3.6 ekar yang diukur oleh jurukur yang dilantik oleh perunding utama.</p> <p>LHDNM telah mengemukakan surat bertarikh 12 April 2013 kepada Pejabat Tanah Hulu Langat untuk mengeluarkan geran kekal berdasarkan pelan ukur halus oleh PKNS yang dikeluarkan pada 12 November 2009 dan keluasan tanah adalah 3.23 ekar.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>LHDNM telah membuat keputusan yang sewajarnya pada ketika itu berdasarkan kepada surat LHDNM.01/38/309/1/1-22 bertarikh 29 Dis 2003 daripada perunding utama yang menyatakan rekabentuk bangunan adalah berdasarkan keluasan tanah 3.6 ekar.</p> <p>Berdasarkan semakan teliti terhadap dokumen tambahan yang diperolehi, LHDNM sedang menyemak semula tindakan seterusnya.</p> <p>Sejajar dengan ini, LHDNM akan mengadakan perbincangan dengan Jurutera Daerah JKR Hulu Langat pada 11 Jun 2013. LHDNM memerlukan 3 – 4 bulan untuk mengkaji dan memulakan tindakan ke atas pihak-pihak tertentu.</p>
4.5.1.3.a	<p>Pencapaian Outcome</p> <p>Berdasarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) yang dikeluarkan oleh JKR, bangunan ini telah siap dibina pada 28 Oktober 2011. Bagaimanapun, bangunan ini masih belum diserah secara rasmi kepada LHDNM semasa lawatan Audit pada 27 November 2012. Lawatan Audit ini mendapati Pusat Pemprosesan di Pandan Indah, Kuala Lumpur masih belum berpindah ke bangunan ini kerana terdapat beberapa kerja tambahan bernilai RM6.88 juta yang perlu disiapkan. Kerja tambahan ini sepatutnya diberi perhatian pada peringkat awal lagi dan diambil kira/dimasukkan dalam tender asal projek. Kegagalan LHDNM untuk memastikan keperluan pada peringkat permulaan projek telah mengakibatkan kelewatan untuk menduduki bangunan ini. Sementara menunggu kerja tambahan ini siap, LHDNM terpaksa melanjutkan penyewaan ruang pejabat di Pandan Indah, Kuala Lumpur dengan jumlah sewaan berjumlah RM4.70 juta yang dikira dari tarikh CPC (28 Oktober 2011) dikeluarkan sehingga bulan Februari 2013. Tambahan pula, pihak JKR juga telah membayar bil utiliti dan khidmat pengawal keselamatan berjumlah RM505,600 dari tarikh CPC dikeluarkan sehingga bulan Februari 2013 dengan menggunakan peruntukan pembinaan projek ini.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Selain daripada kerja tambahan, masih terdapat beberapa skop kerja asal yang masih belum diselesaikan, sedangkan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan oleh JKR pada 28 Oktober 2011. Antara kerja asal yang masih belum selesai</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Selain daripada kerja tambahan, sehingga kini masih terdapat beberapa skop kerja asal yang belum diselesaikan oleh JKR. Di antaranya ialah skop kerja asal yang tidak mematuhi keperluan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>selepas tarikh CPC dikeluarkan adalah perolehan perabot; kerja testing & commissioning mekanikal & elektrikal; pemeriksaan bangunan bersama pelanggan bagi tujuan penyerahan bangunan kepada LHDNM; penyerahan dan pengujian lif penumpang oleh kontraktor utama kepada JKR; pemeriksaan bangunan bagi sistem mekanikal dan pemeriksaan bangunan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Hasil pemeriksaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia didapati masih terdapat 25 perkara tidak memenuhi kehendak Jabatan berkenaan. Sehubungan ini, Pegawai Pengguna perlu memastikan semua kerja asal disiapkan sepenuhnya sebelum CPC dikeluarkan kepada kontraktor. Pegawai Pengguna perlu memastikan perunding utama mengeluarkan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) kepada LHDNM supaya bangunan tersebut boleh diduduki dan diinsuranskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p>Kelewatan LHDNM berpindah ke Bangunan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Dan Gudang, Bangi berpunca daripada keperluan tambahan yang diminta oleh LHDNM pada peringkat akhir pelaksanaan melibatkan pemasangan Precision Aircond untuk bilik Server, kerja elektrikal dan pemasangan kad akses.</p>	<p>Jabatan Bomba dan Penyelamat. LHDNM difahamkan JKR akan menyiapkan kerja-kerja keperluan tersebut pada Julai 2013.</p> <p>LHDNM difahamkan kerja-kerja tambahan untuk bilik server akan disiapkan pada 21 Julai 2013.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Kelewatan LHDNM berpindah ke Bangunan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran Dan Gudang, Bangi berpunca daripada keperluan tambahan yang diminta oleh LHDNM pada peringkat akhir pelaksanaan melibatkan pemasangan Precision Aircond untuk bilik Server, kerja elektrikal dan pemasangan kad akses.</p>
4.5.1.3.b	<p>Semasa lawatan Audit di Pusat Pemprosesan, Pengeluaran dan Gudang Bangi pada 27 November 2012, semua perabot dan peralatan yang diterima telah siap dipasang tetapi belum dapat digunakan kerana pejabat LHDNM belum beroperasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, objektif penempatan Pusat Pemprosesan Pandan Indah ke Pusat Pemprosesan, Pengeluaran dan Gudang Bangi masih belum tercapai. Kelewatan LHDNM berpindah ke bangunan ini telah menyebabkan pihak LHDNM terpaksa menanggung kos sewaan. Manakala bayaran utiliti dan khidmat pengawal keselamatan ditanggung di bawah peruntukan projek ini.</p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>LHDNM tidak boleh beroperasi di bangunan tersebut kerana JKR belum menyerahkan bangunan kepada LHDNM dan kerja-kerja tambahan untuk bilik server belum siap sepenuhnya.</p>
4.5.2.1.b	<p>Pengurusan Pembinaan - Pelantikan Perunding</p> <p>LHDNM telah mengeluarkan surat niat kepada 4 syarikat perunding tersebut pada bulan Ogos dan Disember 2003. Semakan Audit mendapati pihak LHDNM telah menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) bernilai RM611,774 dengan semua syarikat perunding. Daripada jumlah ini, sejumlah RM529,733 (86.6%) telah dibayar kepada syarikat perunding pada tahun 2005. Bagaimanapun, projek ini telah tertangguh pada tahun 2006 kerana tiada peruntukan kewangan dalam RMKe-8. Oleh yang demikian, laporan yang dikeluarkan oleh syarikat perunding telah tidak digunakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p>LHDNM perlu membayar kos perunding bagi kerja reka bentuk yang telah dilaksanakan oleh perunding. Lukisan konsep asal yang disediakan oleh perunding dalam RMKe-8 tidak dapat digunakan kerana terdapat perubahan reka bentuk disebabkan oleh perancangan dan keperluan semasa operasi LHDNM dan dasar semasa Kerajaan apabila projek tersebut disambung semula pada RMKe-9. Perubahan reka bentuk disebabkan oleh keperluan tempat letak kereta tidak mencukupi; keluasan lantai telah bertambah daripada 26,662.94 meter persegi kepada lebih kurang 46,000 meter persegi dan perubahan bilangan tingkat daripada 5 tingkat kepada 7 tingkat (tidak termasuk 2 tingkat basement).</p> <p>LHDNM akan membuat perancangan dengan lebih teliti untuk projek pembangunan yang baru, di mana LHDNM akan melalui proses Pengurusan Nilai bagi memastikan skop kerja dimuktamadkan di peringkat awal supaya tidak berlaku perubahan skop semasa pembinaan dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran sejumlah RM529,733 merupakan satu pembaziran kerana laporan yang dikeluarkan syarikat perunding tidak dapat digunakan.</p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>LHDNM perlu membayar kos perunding bagi kerja rekabentuk yang telah dilaksanakan oleh perunding. Lukisan konsep asal yang disediakan oleh perunding dalam RMKe-8 tidak dapat digunakan kerana terdapat perubahan reka bentuk yang disebabkan oleh keperluan semasa mengikut operasi LHDNM. Perubahan reka bentuk disebabkan oleh keperluan tempat letak kereta tidak mencukupi; keluasan lantai telah bertambah daripada 26,662.94 meter persegi kepada lebih kurang 46,000 meter persegi dan perubahan bilangan tingkat daripada 5 tingkat kepada 7 tingkat (tidak termasuk 2 tingkat basement).</p> <p>LHDNM akan membuat perancangan dengan lebih teliti untuk projek pembangunan yang baru. Makmal Pengurusan Nilai Projek akan dilaksanakan bagi memastikan skop kerja dimuktamadkan di peringkat awal supaya tidak berlaku perubahan skop semasa kerja pembinaan sedang dijalankan.</p>
4.5.2.3.b	<p>Arahan Perubahan Kerja</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat 8 APK melibatkan perubahan/tambahan kerja kepada kontrak asal dengan kos tambahan sejumlah RM3.27 juta tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE).</p> <p>Pada pendapat Audit, APK tambahan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan menyiapkan projek malahan ia menggambarkan projek ini tidak dirancang dengan teliti. Pihak syarikat perunding perlu membuat perancangan kerja yang teliti dan reka bentuk yang terperinci bagi mengelakkan banyak tambahan/perubahan kerja. Selain itu, pihak LHDNM perlu merujuk semula kepada pihak UPE untuk sebarang perubahan skop.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 1 Mac 2013</p> <p>Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007, segala kelulusan APK adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Penguasa iaitu JKR. Oleh itu, pihak LHDNM perlu mendapatkan kelulusan UPE sekiranya berlaku perubahan</p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007, segala kelulusan APK adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Penguasa iaitu JKR. Oleh itu, pihak LHDNM akan mendapatkan kelulusan UPE sekiranya berlaku perubahan skop</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>skop kerja. Sehubungan ini, LHDNM akan memohon kelulusan UPE melalui Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya APK tersebut dikategorikan sebagai perubahan skop kerja.</i></p>	<p>kerja. Sehubungan ini, LHDNM akan memohon kelulusan UPE melalui Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya APK tersebut dikategorikan sebagai perubahan skop kerja.</p> <p>LHDNM telah mengemukakan surat permohonan kelulusan skop kerja tambahan yang bernilai RM 6.88 juta kepada Kementerian Kewangan pada 19 Mac 2013 untuk dikemukakan ke UPE.</p>
4.5.3.1	<p>Kualiti Pembinaan - Reka Bentuk Yang Tidak Sesuai/Tidak Praktikal/Tidak Memenuhi Keperluan Pengguna</p> <p>Reka bentuk yang ditetapkan mestilah sesuai, praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit mendapati reka bentuk yang tidak sesuai/tidak praktikal/tidak memenuhi keperluan pengguna antaranya adalah seperti air bertakung di antara ruang legar dua menara akibat tempias apabila hujan lebat, reka bentuk pintu satu daun tidak sesuai untuk mengangkut perkakasan ICT dan reka bentuk dinding jenis cermin tidak sesuai untuk bilik server.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Bangunan tinggi/bertingkat adalah disebabkankekangan tapak serta kos tanah yang tinggi di kawasan Bandar Baru Bangi. Isu penyenggaraan tinggi seharusnya telah diambil kira semasa review pelan oleh LHDNM dan perunding pada peringkat penyediaan reka bentuk awal.</i></p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Isu tempias air hujan adalah tidak dijangka semasa peringkat reka bentuk oleh perunding. Tindakan telah diambil dengan pembinaan dinding kaca (Glazed Wall) bagi mengelakkan air limpahan hujan daripada masuk ke dalam dewan dan ruang lobi lif.</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Pihak JKR telah melaksanakan pemasangan dinding kaca untuk mengelak tempias air hujan bertakung di antara ruang legar dua menara. Kerja-kerja ini telah disiapkan pada bulan Oktober 2012.</p> <p>Pihak JKR sedang melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan di bilik server dan akan menukar pintu satu daun ke dua daun dan dijangka siap Julai 2013.</p> <p>Pihak JKR sedang melaksanakan kerja-kerja pemasangan <i>gypsum board</i> di dalam bilik server dan kerja akan disiapkan pada bulan Julai 2013.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Bangunan tinggi/bertingkat adalah disebabkankekangan tapak serta kos tanah yang tinggi di kawasan Bandar Baru Bangi. Isu penyenggaraan tinggi seharusnya telah diambil kira semasa review pelan oleh LHDNM dan perunding pada peringkat penyediaan reka bentuk awal.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Isu tempias air hujan adalah tidak dijangka semasa peringkat reka bentuk oleh perunding. Tindakan telah diambil dengan pembinaan dinding kaca (Glazed Wall) bagi mengelakkan air limpahan hujan daripada masuk ke dalam dewan dan ruang lobi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Air bertakung disebabkan kebocoran dan resapan air daripada ruang tempat letak kereta aras tanah (ground level). Tindakan pembetulan telah diambil dengan pembaikian semula expansion joint.</i></p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Pada kontrak asal bilik ini adalah ruangan pejabat sahaja. Ia dipinda kepada bilik server setelah dipersetujui oleh LHDNM. Penggunaan kaedah lain yang lebih baik boleh ditanggung oleh pelanggan sendiri untuk mengawal suhu (contohnya langsur gelap, vertical blinds). Bagaimanapun, bahan seperti bata boleh mencacatkan rupa bentuk luaran bangunan.</i></p>	<p>lif.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Air bertakung disebabkan kebocoran dan resapan air daripada ruang tempat letak kereta aras tanah (ground level). Tindakan pembetulan telah diambil dengan pembaikian semula expansion joint.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Pada kontrak asal bilik ini adalah ruangan pejabat sahaja. Ia dipinda kepada bilik server setelah dipersetujui oleh LHDNM. Penggunaan kaedah lain yang lebih baik boleh ditanggung oleh pelanggan sendiri untuk mengawal suhu (contohnya langsur gelap, vertical blinds). Bagaimanapun, bahan seperti bata boleh mencacatkan rupa bentuk luaran bangunan.</p>
4.5.4.1	<p>Perancangan Pembinaan - Penempatan Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM</p> <p>Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) LHDNM pada asalnya dicadangkan untuk ditempatkan di Tingkat Bawah Menara 1. Pada 9 Jun 2008 LHDNM pula telah memutuskan supaya PKP ditempatkan di Tingkat 1 Menara 2. Keputusan ini telah diubah pada 3 September 2008 di mana LHDNM telah mengarahkan supaya mengeluarkan PKP daripada kontrak asal projek dan dipindahkan ke MITC Melaka. Bagaimanapun pada 9 Mac 2010, LHDNM memutuskan untuk menempatkan semula PKP di Tingkat 1 Menara 2 memandangkan LHDNM telah menarik balik cadangan penempatan PKP di MITC Melaka.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>LHDNM berpendapat perubahan penempatan lokasi PKP yang mengambil masa selama satu tahun 9 bulan bukanlah faktor penyumbang kelewatan projek tersebut. Ini adalah kerana PKP telah dimasukkan di dalam skop asal projek. Selain itu, perubahan penempatan lokasi PKP juga tidak menjelaskan aktiviti utama kerja di tapak kerana ianya bukan critical task di dalam projek ini. Sehubungan ini, LHDNM berpendapat semua pihak perlu membuat perancangan awal yang lebih teliti untuk memastikan projek LHDNM siap mengikut jadual dan operasi LHDNM tidak</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>terganggu.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan penempatan PKP oleh LHDNM adalah kurang memuaskan kerana keputusan LHDNM untuk menentukan lokasi penempatan PKP mengambil masa selama satu tahun 9 bulan.</p>	<p>memastikan projek LHDNM siap mengikut jadual dan operasi LHDNM tidak terganggu.</p>
4.5.4.2.a	<p>Kerja Tambahan Di Luar Tender Asal - Kerja Pemasangan <i>Precision Air Conditioning</i></p> <p>Menurut skop awal projek ini, bagi melindungi peralatan komputer di Bilik Scanner dan Server yang akan beroperasi sepanjang masa, peralatan hawa dingin yang sedia ada di Pusat Pemprosesan Pandan Indah, Kuala Lumpur akan digunakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peralatan hawa dingin tersebut tidak digunakan, sebaliknya satu tender akan dipanggil bagi <i>Precision Air Conditioning</i>. Bagaimanapun, sehingga 21 Februari 2013 tender tersebut masih belum dipanggil.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Kapasiti precision air-conditioning sedia ada tidak mencukupi ekoran pertambahan Server ICT berdasarkan perkembangan semasa sistem operasi berkomputer LHDNM. Sehubungan ini, permohonan ke UPE akan dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia selepas menerima kos sebenar kerja tambahan daripada JKR.</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Kerja-kerja tambahan pemasangan <i>Precision Air Conditioning</i> dilaksanakan oleh JKR bermula pada 18 Mac 2013 dan dijangka siap sepenuhnya pada 21 Julai 2013.</p>
4.5.4.2.b	<p>Kerja Elektrikal Dan Pemasangan Kad Akses</p> <p>Bangunan ini dibina bertujuan menyimpan borang pembayar cukai. Borang ini merupakan dokumen penting dan langkah bagi menjaga keselamatannya hendaklah diutamakan. Antara langkah tersebut termasuklah mengadakan sistem kad akses bagi mengawal aktiviti keluar/masuk ke bangunan tersebut. Semakan Audit mendapati sistem kad akses tidak diambil kira dalam perancangan pembinaan projek ini dan kerja tambahan telah ditawarkan.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 19 Februari 2013</p> <p><i>Perunding elektrik memaklumkan dalam Mesyuarat Koordinasi Projek pada 20 April 2012 bahawa kapasiti sistem kad akses di Pandan Indah, Kuala Lumpur hanya 20% sahaja boleh digunakan semula berdasarkan keperluan semasa. Sehubungan ini, sistem kad akses yang baru perlu dipasang bersesuaian dengan keperluan semasa. Sehubungan ini, permohonan ke UPE akan dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia selepas menerima kos sebenar kerja tambahan daripada JKR.</i></p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Kerja-kerja tambahan untuk kerja elektrik dan pemasangan kad akses bermula pada bulan Februari 2013 dan dijangka siap pada 21 Julai 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.4.2.c	<p>Kerja Pemasangan Glazed Wall Dan Roof Re-Covering</p> <p>Reka bentuk bangunan ini tidak mengambil kira tempias air hujan semasa angin kencang dan hujan lebat yang boleh memasuki ruang lobi dan dewan. Keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan lif di ruangan lobi dan pintu dewan. Bagi mengatasi masalah ini, satu tender kerja tambahan bernilai RM500,000 telah dibuat bagi memasang <i>Glazed Wall</i> dan <i>Roof Re-Covering</i>.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 19 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p><i>Reka bentuk bangunan adalah di bawah tanggungjawab JKR dan perunding arkitek. LHDNM difahamkan reka bentuk bangunan perlu diaudit oleh JKR setelah perunding arkitek mengemukakan cadangan reka bentuk. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah meluluskan skop kerja tambahan memasang Glazed Wall dan Roof Re-Covering pada 21 Jun 2012. Sehubungan ini, permohonan ke UPE akan dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia selepas menerima kos sebenar kerja tambahan daripada JKR.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan keperluan projek pembinaan ini oleh LHDNM adalah tidak memuaskan. LHDNM kurang memberi perhatian tentang keperluannya di peringkat perancangan projek walaupun telah menggunakan khidmat perunding dan pemantauan oleh pihak JKR. Kerja tambahan ini sepatutnya telah diberi perhatian dan diambil kira pada peringkat awal pelaksanaan projek ini. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada kerja tambahan di atas telah mendapat kelulusan UPE memandangkan tiada rekod mengenainya diperolehi.</p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Pihak JKR telah melaksanakan pemasangan <i>Glazed Wall</i> Dan <i>Roof Re-Covering</i> untuk mengelak tempias air hujan bertakung di antara ruang legar dua menara. Kerja-kerja ini telah disiapkan pada bulan Oktober 2012.</p> <p>Pada 19 Mac 2013 LHDNM telah mengeluarkan surat permohonan kelulusan skop kerja tambahan daripada UPE kepada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan.</p> <p>Pada 21 Mei 2013 Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan telah mengemukakan permohonan tambahan kos daripada JKR bagi projek ini berjumlah RM5,980,000.00.</p> <p>Pda 22 Mei 2013, LHDNM telah pun mengemukakan cadangan unjuran perbelanjaan pembangunan sehingga Disember 2013 berserta pindahan peruntukan daripada Butiran 00200 (Pengkomputeran) kepada Butiran 00300 (Bangunan) kepada Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan.</p>
4.5.5.1	<p>Mesyuarat Tapak</p> <p>Mesyuarat tapak telah diadakan sebanyak 17 kali. Minit mesyuarat tapak telah disediakan untuk merekod segala masalah; kemajuan projek; sebab kelewatan; perancangan kerja; keputusan dan tindakan yang sedang dan akan diambil hasil daripada mesyuarat tersebut. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh JKR.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.5.2	<p>Mesyuarat Teknikal</p> <p>Mesyuarat teknikal ada dibuat mengikut keperluan projek sebanyak 31 kali setakat 14 September 2011. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan reka bentuk asas cerucuk, kerja mengecat bangunan, pemasangan siling, kerja premix, membaiki kerja kecacatan, pembersihan kawasan luar dan dalam serta pemeriksaan bersama JKR Hulu Langat.</p>	
4.5.5.3	<p>Laporan Kemajuan</p> <p>Bagi memantau kemajuan projek, pihak kontraktor telah menyedia dan menghantar laporan kemajuan projek setiap bulan. Laporan ini memberi gambaran sebenar status kemajuan kerja. Selain itu, Laporan <i>Quality Assurance And Quality Confirmation</i> juga dikemukakan oleh perunding selaku penyelia tapak.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>LHDNM berpendapat pemantauan rapi perlu dilaksanakan oleh pihak JKR sebagai Pegawai Pengguna projek. Sehubungan ini, semua pihak perlu membuat pemantauan rapi untuk memastikan projek LHDNM disiapkan mengikut jadual pelaksanaan projek yang ditetapkan.</i></p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Mac 2013</p> <p><i>Pihak JKR telah memantau pelaksanaan projek ini melalui 17 kali Mesyuarat Tapak dan 31 kali Mesyuarat Teknikal. Bagaimanapun, wakil perunding yang dilantik oleh LHDNM masih gagal melaksanakan tugas secara profesional dan cekap. Sebagai penambahbaikan, dicadangkan semua pelantikan perunding untuk projek akan datang yang dikendalikan oleh JKR diuruskan JKR. Selain itu, dicadangkan juga projek akan datang perlu melalui proses Pengurusan Nilai bagi menetapkan objektif, skop, tempoh pelaksanaan dan sebagainya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sungguhpun JKR telah mewujudkan mekanisme untuk memantau pelaksanaan projek ini, namun keberkesanannya boleh dipersoalkan memandangkan prestasi projek kurang memuaskan.</p>	<p>Maklum Balas Daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p> <p>Untuk pelaksanaan projek pembangunan yang melibatkan agensi perlaksana JKR, LHDNM akan menyerahkan pelantikan perunding di bawah urusan JKR.</p> <p>Untuk projek-projek pembangunan LHDNM di masa akan datang, LHDNM akan melaksanakan proses Makmal Pengurusan Nilai Projek untuk menentukan skop kerja dan tempoh pelaksanaan yang tepat.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya.</p> <p>Pihak JKR telah memantau pelaksanaan projek ini melalui 17 kali Mesyuarat Tapak dan 31 kali Mesyuarat Teknikal. Bagaimanapun, wakil perunding yang dilantik oleh LHDNM masih gagal melaksanakan tugas secara profesional dan cekap. Sebagai penambahbaikan, dicadangkan semua pelantikan perunding untuk projek akan datang yang dikendalikan oleh JKR diuruskan JKR. Selain itu, dicadangkan juga projek akan datang perlu melalui proses Pengurusan Nilai bagi menetapkan objektif, skop, tempoh pelaksanaan dan sebagainya.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Perenggan 5 : Pengurusan Skim Bayaran Ansuran Syarikat (Borang CP204)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.1	<p>Pengurusan Aktiviti - Pengeluaran Dan Penerimaan Borang CP204</p> <p>Semakan Audit mendapati purata peratusan Borang CP204 yang diterima bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah 49.8% daripada keseluruhan Borang CP204 yang dikeluarkan oleh LHDNM. Manakala purata peratusan Borang CP204 yang tidak diterima bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah sebanyak 50.2%.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>LHDNM akan mengeluarkan Anggaran Cukai (CP205) di bawah kuasa Ketua Pengarah bagi kes yang tidak mengemukakan anggaran cukai. Kes terlibat merupakan kes amaun anggaran tahun taksiran sebelum adalah RM600 dan ke atas. LHDNM juga akan mengeluarkan kompaun terhadap kes berkenaan.</i></p>	<p>LHDNM mengeluarkan Anggaran Cukai (CP205) di bawah kuasa Ketua Pengarah bagi kes yang mana tidak mengemukakan anggaran cukai. Kes terlibat adalah kes amaun anggaran tahun taksiran sebelum adalah RM600 dan ke atas. LHDNM juga mengenakan kompaun kepada kes-kes berkenaan.</p> <p>Mulai tahun taksiran 2011, bagi kes tidak mengemukakan CP204 dan anggaran cukai CP205 tidak dikeluarkan serta tiada tindakan pendakwaan dan didapati ada cukai kena dibayar bagi tahun taksiran berkenaan, kenaikan 10% daripada amaun cukai kena bayar akan dikenakan secara auto / manual.</p> <p>Pengeluaran CP204 pada Oktober 2013 untuk Tahun Taksiran 2015, Borang CP204 tidak akan dikeluarkan kepada syarikat yang telah mengemukakan CP204 secara e-filing pada tahun taksiran sebelum.</p> <p>Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Tunggakan Hasil Bil 2/2013 pada 3 Mei 2013 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Timbalan Ketua Pegawai eksekutif (Operasi Percukaian) diputuskan bahawa borang CP204 tidak akan dikeluarkan kepada syarikat sebaliknya syarikat perlu muat turun Borang CP204 daripada Laman Web LHDNM.</p> <p>Oleh itu mulai Oktober 2013 untuk Tahun Taksiran 2015, Borang CP204 tidak akan dikeluarkan. Pembayar cukai perlu mendapatkan Borang CP204 dari Laman Web LHDNM atau mengemukakan Borang CP204 melalui e-Filing.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.2	<p>Pengeluaran Borang CP205</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi syarikat yang gagal mengemukakan Borang CP204 bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011, LHDNM telah mengeluarkan Borang CP205 pada kadar purata 7.1% sahaja. Manakala Borang CP205 yang tidak perlu dikeluarkan oleh LHDNM adalah sebanyak 92.9% bagi syarikat yang tidak mengemukakan Borang CP204. Ini adalah disebabkan syarikat tidak layak dikenakan cukai bagi tahun taksiran terlibat dan juga kerana amaun anggaran cukai adalah kurang daripada amaun minimum RM600 yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LHDNM perlu mengenal pasti status sebenar cukai kena dibayar bagi setiap syarikat. Maklumat cukai yang tepat adalah penting agar Borang CP204 tidak dikeluarkan kepada syarikat yang tidak layak dikenakan cukai. Impaknya mengurangkan bilangan Borang CP204 yang perlu dikeluarkan serta menjimatkan kos urusan Borang CP204.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>LHDNM telah memberi perkhidmatan kepada syarikat untuk mendapatkan Borang CP204 melalui pengeluaran borang, melalui laman web atau mengemukakan anggaran cukai melalui e-Filing. Borang CP204 tidak akan dikeluarkan kepada syarikat yang telah mengemukakan CP204 secara e-Filing pada tahun taksiran sebelum. Kriteria pengeluaran CP204 akan dikemas kini bagi memastikan CP204 tidak dikeluarkan kepada syarikat yang tidak layak dikenakan cukai.</i></p>	<p>LHDNM menyediakan perkhidmatan kepada syarikat bagi memudahkan syarikat memperolehi Borang CP204. Bagi pembayar cukai yang tidak menerima CP204 termasuk pembayar cukai baru boleh mendapatkan borang tersebut dari website atau mengemukakan anggaran cukai melalui e-filing.</p> <p>Pengeluaran CP204 pada Oktober 2013 untuk Tahun Taksiran 2015, Borang CP204 tidak akan dikeluarkan kepada syarikat yang telah mengemukakan CP204 secara e-filing pada tahun taksiran sebelum.</p> <p>Kajian tentang kriteria pengeluaran CP204 selain tidak dikeluarkan ke atas e-filing dan implikasinya sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Jun 2013 bagi memastikan CP204 tidak dikeluarkan kepada syarikat yang tidak layak.</p> <p>Mulai Oktober 2013 untuk Tahun Taksiran 2015, borang COP204 tidak akan dikeluarkan. Pembayar cukai perlu mendapatkan Borang CP204 dari Laman Web LHDNM atau mengemukakan Borang CP204 melalui e-Filing.</p>
5.5.2.1	<p>Kenaikan Cukai - Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Kegagalan Bayaran Ansuran Anggaran Cukai</p> <p>Mengikut subseksyen 107C(9) ACP 1967, LHDNM boleh mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% terhadap ansuran anggaran cukai yang tidak dibayar/kurang dibayar/lewat dibayar oleh syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 18 Ogos 2010, tempoh kelonggaran bayaran ansuran anggaran cukai adalah 7 hari dari tarikh kena dibayar. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2012, terdapat 15 syarikat yang tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM136,335 terhadap ketidakpatuhan bayaran ansuran anggaran cukai iaitu melibatkan 11 kes ansuran bulanan tidak dibayar, 18 kes ansuran bulanan kurang dibayar dan 23 kes ansuran bulanan lewat dibayar.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada</p>	<p>Cawangan LHDNM sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak. Amaun kenaikan hanya boleh ditentukan setelah taksiran dibangkitkan kerana amaun kenaikan adalah terhad kepada amaun taksiran bukan amaun anggaran.</p> <p>Kekangan pegawai juga menyebabkan tindakan segera kenaikan cukai bulanan yang tidak dapat diambil ke atas setiap ansuran.</p> <p>LHDNM akan melaksanakan kenaikan subseksyen 107C(9)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>8 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p>Cawangan LHDNM sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak. Bagaimanapun, kekangan pegawai menyebabkan tindakan segera kenaikan cukai bulanan tidak dapat diambil ke atas setiap ansuran. Tindakan penambahbaikan akan diambil dengan melaksanakan kenaikan subseksyen 107C(9) ACP 1967 secara automatik melalui Sistem Taksir Sendiri (STS).</p>	<p>secara automatik melalui Sistem Taksir Sendiri (STS) dan dijangka dilaksanakan pada Jun 2013.</p>
5.5.2.2	<p>Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Tunggakan Cukai</p> <p>Cawangan Pungutan adalah dikehendaki menguatkusakan Seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai kepada syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2012, terdapat satu syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dan satu syarikat di Cawangan Kuching yang mempunyai tunggakan cukai melibatkan 2 kes tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM41,193.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p>Cawangan LHDNM sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak dikenakan kenaikan cukai. Bagaimanapun, kekangan pegawai menyebabkan tindakan segera diambil dahulu bagi kes yang melibatkan amaun yang besar. Kenaikan automatik Seksyen 103 ACP 1967 melalui sistem telah dijalankan secara berperingkat mulai bulan Disember 2012 mengikut tahun taksiran berdasarkan kod taksiran dan kod bayaran. Bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan cukai secara automatik, tindakan kenaikan cukai secara manual adalah berdasarkan senarai tunggakan hasil yang dikeluarkan setiap awal tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, kenaikan cukai yang tidak dikenakan terhadap kegagalan bayaran ansuran anggaran cukai CP204 adalah kurang memuaskan kerana berdasarkan sampel Audit terdapat sebanyak 15 syarikat yang tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM136,335. Selain itu, terdapat satu syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dan satu syarikat di Cawangan Kuching yang mempunyai tunggakan cukai melibatkan 2 kes tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM41,193. Keadaan ini menyebabkan Akaun Belum Terima LHDNM terkurang nyata di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan bayaran (lewat/kurang/tidak bayar) skim ansuran anggaran cukai CP204 dan kegagalan</p>	<p>Cawangan LHDNM sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan pengenaan kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 ke atas semua syarikat yang layak. Bagaimanapun, kekangan pegawai menyebabkan tindakan segera diambil dahulu bagi kes yang melibatkan amaun yang besar.</p> <p>Pemantauan melalui <i>Revenue Management System</i> (ReMS) dilakukan bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan secara automatik dan kenaikan dikeluarkan secara manual oleh cawangan.</p> <p>Kenaikan cukai tidak dapat dibuat secara automatik untuk semua kes kerana:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan oleh pembayar cukai tidak tepat mengakibat baki lejar juga tidak tepat. Ini penting untuk memastikan bayaran adalah untuk bayaran anggaran cukai atau bayaran semasa atau bayaran tunggakan. ii. Perlu mengenepikan kes yang ada ansuran. Semua ansuran perlu diinput ke dalam sistem. iii. Mengenepikan kes SG berpendapatan penggajian sahaja kerana CP38 perlu dikeluarkan. iv. Mengenal pasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran kurangan. v. Peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat melalui sistem:-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bayaran (lewat/kurang/tidak bayar) ansuran tunggakan cukai telah layak untuk kenaikan cukai subseksyen 107C(9) ACP 1967 dan Seksyen 103 ACP 1967 tetapi kenaikan cukai belum dikira secara manual untuk mendebitkan lejar pembayar cukai. Bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan pegawai dengan mengenakan kenaikan cukai secara automatik bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga manusia dalam tindakan kenaikan cukai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Menjelaskan semua cukai / baki cukai tertungggak di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; b. Menjelaskan semua kenaikan cukai di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang layak dikenakan; b. Menjelaskan ansuran anggaran cukai tahun taksiran semasa di bawah seksyen 107C ACP 1967 yang telah melewati tarikh tetapi belum dijelaskan. vi. Mengenepikan kes VIP. <p>Kenaikan cukai seksyen 103 secara automatik melalui STS telah dilaksanakan pada Disember 2012 secara berperingkat mengikut Tahun Taksiran berdasarkan kod taksiran dan kod bayaran. Pemilihan kes adalah dari pangkalan data - Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC).</p>
5.5.3.1.a	<p>Tindakan Selepas Notis Tawaran Kompaun CP204 Dikeluarkan</p> <p>Syarikat perlu membayar kompaun dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Tawaran Kompaun CP204. Semakan Audit setakat bulan November 2012 mendapati perkara berikut:-</p> <p>Sebanyak 812 syarikat telah menjelaskan bayaran kompaun berjumlah RM163,200;</p>	<p>Prosedur bagi tindakan ke atas syarikat yang gagal mengemukakan borang CP204 telah dibuat oleh Jabatan Pungutan Hasil melalui:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pekeliling Operasi Bil. 22 Tahun 2008 bertajuk “Tindakan Ke Atas Syarikat Yang Gagal Mengemukakan Borang Anggaran Cukai - CP204”. b. Memo Operasi bertarikh 17 Jun 2009 bertajuk – “Tindakan ke atas Syarikat Yang Gagal Mengemukakan Borang Anggaran Cukai – CP204”.
5.5.3.1.b	<p>Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Johor Bahru telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap 68 syarikat yang gagal membayar kompaun;</p>	
5.5.3.1.c	<p>Sebanyak 1,708 (22%) daripada 7,772 syarikat yang dikeluarkan Notis Tawaran Kompaun CP204 telah ditarik balik. Antara sebab notis tersebut ditarik balik adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. syarikat telah mengemukakan Borang CP204 dalam tempoh yang ditetapkan; ii. notis tidak dapat diserahkan kepada syarikat; iii. pengarah syarikat meletak jawatan/meninggal dunia; dan iv. syarikat tidak menjalankan perniagaan. 	<p>Kekangan pegawai telah menyebabkan tindakan segera pendakwaan tidak dapat diambil ke atas kes yang gagal membuat bayaran kompaun.</p> <p>Memo ‘Tindakan Pendakwaan Ke atas Kegagalan Syarikat Mengemukakan Anggaran Cukai (CP 204)’ bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada Cawangan untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.1.d	Terdapat 3 syarikat di Cawangan Johor Bahru yang telah membayar denda berjumlah RM700 kepada mahkamah; dan	mengambil tindakan pendakwaan bagi kompaun yang tidak dibayar dalam tempoh.
5.5.3.1.e	<p>LHDNM belum mengambil tindakan pendakwaan terhadap 5,181 syarikat (66.7%) daripada 7,772 syarikat melibatkan 4 Jabatan/Cawangan.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p><i>Memo peringatan akan dikeluarkan kepada semua Cawangan selewat-lewatnya pada bulan Mac 2013 supaya Cawangan dapat mengambil tindakan pendakwaan bagi kes yang tidak membuat bayaran kompaun. Kekangan pegawai telah menyebabkan tindakan segera pendakwaan tidak dapat diambil terhadap kes yang gagal membayar kompaun. Bagi Cawangan Kuching, setakat 17 Januari 2013 sebanyak 122 syarikat daripada 171 syarikat dalam proses tindakan mahkamah. Selain itu, 13 syarikat lain di Cawangan Kuching telah membayar kompaun berjumlah RM2,600.</i></p>	<p>Senarai kes yang boleh diambil tindakan pendakwaan ke atas kegagalan syarikat mengemukakan Anggaran Cukai (CP204) telah dikeluarkan kepada semua cawangan melalui email bertarikh 15 April 2013.</p> <p>Tambahan pada itu, senarai kes kompaun yang dikemaskini dan dikenal pasti belum diambil tindakan telah dikeluarkan kepada semua cawangan pada 15 April 2013.</p> <p>Kes-kes ini akan dipantau oleh cawangan berkenaan sehingga selesai.</p>
5.5.3.2	<p>Kelewatan Tindakan Prosiding Mahkamah Terhadap Syarikat Yang Gagal Membayar Kompaun CP204</p> <p>Sekiranya bayaran kompaun CP204 gagal dijelaskan dalam tempoh 30 hari, LHDNM boleh mengambil tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP 1967. Semakan Audit mendapati Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Johor Bahru lewat mendaftarkan kes ke mahkamah antara 44 hari hingga 81 hari melibatkan 61 syarikat.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p><i>Memo peringatan akan dikeluarkan kepada semua Cawangan selewat-lewatnya pada bulan Mac 2013 supaya Cawangan dapat mengambil tindakan pendakwaan bagi kes yang tidak membuat bayaran kompaun. Kekangan pegawai telah menyebabkan tindakan segera pendakwaan tidak dapat diambil terhadap kes yang gagal membayar kompaun.</i></p>	<p>Sekiranya bayaran kompaun CP204 gagal dijelaskan dalam tempoh 30 hari, LHDNM boleh mengambil tindakan pendakwaan.</p> <p>Memo ‘Tindakan Pendakwaan Ke atas Kegagalan Syarikat Mengemukakan Anggaran Cukai (CP 204) bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada Cawangan untuk mengambil tindakan pendakwaan bagi kompaun yang tidak dibayar dalam tempoh.</p> <p>Senarai kes yang boleh diambil tindakan pendakwaan ke atas kegagalan syarikat mengemukakan Anggaran Cukai (CP204) telah dikeluarkan kepada semua cawangan melalui email bertarikh 15 April 2013.</p> <p>Kekangan pegawai telah menyebabkan tindakan segera pendakwaan tidak dapat diambil ke atas kes yang gagal membuat bayaran kompaun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.3	<p>Surat Peringatan Dikeluarkan Kepada Syarikat Yang Gagal Membayar Notis Tawaran Kompaun CP204</p> <p>Prosedur kerja tindakan kompaun CP204 tidak menetapkan bahawa surat peringatan perlu dikeluarkan kepada syarikat yang gagal membayar kompaun CP204. Semakan Audit mendapati Jabatan Cukai Korporat dan Cawangan Kota Kinabalu telah mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat bagi tahun taksiran 2010. Tempoh surat peringatan yang dikeluarkan kepada 245 syarikat adalah antara 174 hingga 817 hari selepas mengambil kira 30 hari dari tarikh Notis Tawaran Kompaun CP204.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 Dan 12 Mac 2013</p> <p><i>Merujuk kepada Pekeliling Operasi Bil. 22 Tahun 2008 bertajuk Tindakan Ke Atas Syarikat Yang Gagal Mengemukakan Borang Anggaran Cukai CP204, tidak dinyatakan tindakan surat peringatan boleh dilakukan. Jabatan Pungutan Hasil akan mengeluarkan memo selewat-lewatnya pada bulan Mac 2013 bagi menasihati Cawangan supaya mengambil tindakan yang sepatutnya mengikut prosedur bagi kes kegagalan pengemukaan Borang CP204. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, Jabatan Cukai Korporat telah melaksanakan tindakan pendaftaran kes ke mahkamah melibatkan 41 kes. Selain itu, Jabatan Cukai Korporat akan mengambil tindakan pendaftaran kes ke mahkamah terhadap 154 kes yang lain.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan yang diambil oleh LHDNM terhadap Notis Tawaran Kompaun CP204 yang dikeluarkan adalah tidak memuaskan kerana tindakan pendakwaan masih belum diambil terhadap 5,005 syarikat yang belum menjelaskan bayaran kompaun atau 64.4% daripada 7,772 syarikat melibatkan 4 Jabatan/Cawangan LHDNM. Tindakan prosiding mahkamah juga lewat diambil terhadap syarikat yang gagal membayar kompaun CP204 melibatkan 61 syarikat di antara 44 hari hingga 841 hari. Selain itu, amalan mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat yang gagal membayar kompaun CP204 dan menunggu maklum balas syarikat akan menyebabkan kelewatan tindakan pendakwaan yang sepatutnya dilaksanakan selepas luput tempoh bayaran kompaun.</p>	<p>Merujuk kepada Pekeliling Operasi Bil. 22 Tahun 2008 yang bertajuk "Tindakan Ke Atas Syarikat Yang Gagal Mengemukakan Borang Anggaran Cukai – CP204", tidak dinyatakan tindakan surat peringatan boleh dilakukan.</p> <p>Memo 'Tindakan Pendakwaan Ke atas Kegagalan Syarikat Mengemukakan Anggaran Cukai (CP 204)' bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada Cawangan untuk mengambil tindakan pendakwaan bagi kompaun yang tidak dibayar dalam tempoh.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 6 : Pengurusan Aktiviti Eksport

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.2.3.b	<p>Undang-undang Dan Peraturan Serta Standard Operating Procedures (SOP) Dalam Pengurusan Aktiviti Eksport</p> <p>Tanggungjawab “membuat pemeriksaan dan ukur tangki sebulan sekali sahaja atau bila didapati perlu oleh Pengarah Kastam Negeri atau Ketua Stesen yang mengawal bagi setiap pelantar minyak di luar pantai” adalah kurang jelas dan telah mengakibatkan kekeliruan di kalangan pegawai Kastam yang diberi tanggungjawab tersebut. Berdasarkan temu bual dengan pegawai Kastam yang terlibat, ada yang berpendapat bahawa pemeriksaan fizikal ke tangki simpanan terapung luar pantai hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sebulan sekali, manakala ada yang berpendapat pemeriksaan fizikal hanya dilaksanakan sekiranya didapati perlu oleh Pengarah Kastam Negeri atau Ketua Stesen. Manakala pegawai Kastam di JKDM Labuan berpendapat pemeriksaan fizikal di pelantar minyak adalah tidak perlu kerana terdapat Memorandum Persefahaman dengan syarikat minyak berkenaan.</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 6.5.2.3.d
6.5.2.3.c	<p>Walaupun PTP Bil. 15 menetapkan pemeriksaan atau kawalan fizikal tidak perlu dilaksanakan setiap kali berlakunya pemindahan dan pengeksportan petroleum mentah, perenggan 4.1.1 dalam PTP yang sama menetapkan sebaik sahaja tiba di pelantar minyak, pegawai Kastam hendaklah memeriksa sil Kastam yang dipasang pada saluran keluar <i>“outlet manifold”</i> dalam keadaan baik dan utuh. Tanggungjawab ini adalah tidak relevan kerana sil Kastam tersebut tidak dimeterai oleh pegawai Kastam semasa pemindahan dan pengeksportan petroleum mentah yang tidak disaksikan atau diperiksa secara fizikal oleh Pegawai Kastam.</p>	
6.5.2.3.d	<p>PTP Bil. 15 tidak menetapkan keperluan untuk melaporkan hasil pemeriksaan fizikal ke pelantar minyak atau merekodkan lawatan tersebut ke dalam daftar yang diselenggarakan khas untuk tujuan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>PTP Bil. 15 adalah merupakan SOP bagi pegawai Kastam menjalankan kerja pengeksportan minyak mentah di luar pantai sahaja. Satu SOP baru yang menyeluruh berkaitan prosedur pengeksportan minyak mentah di luar pantai dan di darat telah dimasukkan dalam pelan Tindakan Strategik Bahagian Cukai Dalam Negeri Tahun 2013 yang dijadualkan siap pada bulan Ogos 2013. JKDM bersetuju lawatan ke pelantar minyak perlu direkodkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan berkaitan taksiran duti eksport adalah mencukupi dan memadai. Bagaimanapun, SOP berkaitan pengurusan dan kawalan operasi pengeksportan petroleum mentah adalah tidak lengkap dan kurang jelas.</p>	
6.5.3.2.d	<p>Proses Taksiran Duti Eksport</p> <p>Pengikrarana melalui Borang K2 telah dibuat oleh ejen secara <i>online submission</i>. Namun begitu, masih berlaku kes ejen membawa Borang K2 kepada Pegawai Penaksir di Stesen Tanjung Pelepas, Johor. Perkara ini adalah bertentangan dengan Perintah Am Jabatan Bil. 103 yang menetapkan bahawa setiap borang ikrar yang didaftarkan tidak boleh diserahkan kembali kepada pengimport/pengeksport atau ejen penghantaran sehingga borang berkenaan selesai disemak dan duti/cukai dijelaskan. Isu ini pernah dibangkitkan dalam "Kajian Audit Pengurusan Taksiran Duti Kastam Terhadap Barangan Yang Diimport" dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2008. Walaupun, JKDM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Surat Arahan Bil. KE.HE(44)607/01/Klt7(36) bertarikh 14 April 2009, namun isu ini didapati masih berulang seperti yang dilaporkan dalam LKAN tahun 2011, kajian Audit bertajuk "Pengauditan Terhadap Pengurusan Taksiran Duti Import".</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2013</p> <p>Sebagai tindakan segera, stesen yang terlibat telah menggunakan System Tray sejak 11 Februari 2013 di mana semua dokumen berkaitan pelepasan dagangan diletakkan di dalam tray di kaunter pegawai penyelia. Oleh itu, agen tiada akses untuk memilih pegawai penaksir sendiri. Dokumen dan borang taksiran ini akan diagihkan oleh penyelia kepada pegawai penaksir. Stesen tersebut juga telah merancang untuk menggunakan Queue System (QMS) untuk urusan taksiran kastam setelah mendapat peruntukan kewangan tambahan daripada pihak Ibu Pejabat.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses taksiran duti eksport telah dijalankan dengan teratur kecuali kes di mana ejen penghantaran membawa sendiri Borang K2 kepada Pegawai Penaksir di Stesen Tanjung Pelepas, Johor. Jika tidak ditangani, isu ini</p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 6.5.3.2.d</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	akan memberi ruang kepada ejen memilih sendiri pegawai Kastam untuk berurusan dan sekiranya tidak dibendung ia boleh mempengaruhi taksiran yang dibuat dan memberi ruang dan peluang berlakunya penyelewengan.	
6.5.4.2	<p>Pemindahan Barang Berduti (Borang K8 Eksport)</p> <p>Borang K8 eksport yang masih berstatus <i>Temporary Release</i> setakat bulan Disember 2012 adalah sebanyak 9,444.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2013</p> <p><i>Mulai 1 Februari 2013, satu SOP bertajuk "Tindakan Menyelesaikan Borang Kastam No. 8 Yang Masih Berstatus Temporary Release" telah dikeluarkan bersama Webpage Borang K8 bagi tempoh Januari 2010 hingga Disember 2012 untuk tindakan oleh stesen penghantar dan stesen penerima. Tindakan ini akan dijalankan sehingga bulan Jun 2013. Pegawai Focal Point dan Pemantau Negeri telah dilantik untuk memastikan K8 berstatus Temporary Release mencapai sifar. Setakat 25 Februari 2013, daripada 2,188 Borang K8 yang berstatus Temporary Release di 4 stesen yang diaudit, 1,271 telah selesai. Manakala 86 Borang K8 masih dalam tindakan penyelesaian dan 831 borang tidak diterima masuk.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pemantauan antara kedua-dua stesen penerima dan penghantar telah mengakibatkan banyak Borang K8 yang masih berstatus belum selesai dan sekiranya tindakan tidak diambil, ia mudah disalahgunakan dan memberi ruang kepada penyelewengan serta aktiviti penyeludupan keluar.</p>	Setakat 20 Mei 2013, baki akhir Borang Kastam No. 8 Yang Masih Berstatus <i>Temporary Release</i> ialah sebanyak 5370 borang.
6.5.5.4.d	<p>Pengeksporran Petroleum Mentah</p> <p>Di Stesen Kastam W.P. Labuan, kawalan fizikal dan pengesahan terhadap pemindahan dan pengeksporran petroleum mentah dan kerja ukur tangki tidak pernah dijalankan. Ini adalah kerana pegawai di stesen tersebut merujuk kepada Memorandum Persefahaman yang telah dipersetujui di antara JKDM dengan syarikat minyak. Tujuan memorandum tersebut diadakan adalah untuk mewujudkan kawalan dokumentasi yang lebih berkesan serta menjadikan ianya satu prosedur pelepasan terus tanpa pemeriksaan Kastam. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati memorandum tersebut hanya terpakai bagi produk petroleum/aktiviti hiliran di premis berlesen di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976 atau gudang petroleum yang dilesenkan di bawah Seksyen 25, Akta Eksais 1976 atau Seksyen 65, Akta Kastam 1967.</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 6.5.5.4.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>MOU di antara JKDM dengan syarikat petroleum hiliran hanyalah melibatkan kawalan ke atas kilang penapisan dan depoh produk petroleum yang dilesenkan oleh jabatan. Bagi eksport petroleum mentah, ianya tidak tertakluk kepada MOU tersebut di mana tiada sebuah syarikat petroleum huluan pun yang terlibat dengan MOU berkenaan. Oleh itu JKDM bersetuju dan mengarahkan supaya Stesen W.P. Labuan mematuhi perintah tetap yang telah dikeluarkan melalui surat rujukan KE.HF.(88)650/02-7(4) pada 6 Mac 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan serta pemeriksaan fizikal Kastam terhadap aktiviti pengeksportan petroleum mentah adalah kurang memuaskan dan ia disebabkan oleh kekeliruan pegawai Kastam memahami PTP Bil. 15 yang kurang jelas.</p>	
6.5.6.2	<p>Taksiran Duti Eksport Petroleum Mentah</p> <p>Semakan Audit terhadap taksiran duti eksport petroleum mentah mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2012, Pejabat Kastam W.P. Labuan telah memproses sebanyak 179 Borang K2 untuk pengeksportan petroleum mentah. Daripada bilangan tersebut, terdapat 34 kes (19%) kelewatan (melebihi 7 hari) pengikrar dan bayaran duti berjumlah RM326.58 juta. Tempoh kelewatan adalah di antara 1 hingga 10 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada tindakan diambil terhadap syarikat yang lewat membuat pengikrar dan bayaran duti kastam.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</p> <p><i>Pihak JKDM Labuan telah mengeluarkan surat amaran pada 5 Februari 2013 kepada syarikat minyak berkenaan bagi memastikan kelewatan seperti ini tidak akan berlaku lagi. Surat tawaran kompaun juga telah dikeluarkan pada 27 Februari 2013. Pemantauan berterusan akan dibuat ke atas perkara ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, taksiran duti eksport tidak dilaksanakan dengan teratur apabila tiada tindakan diambil terhadap syarikat yang lewat membuat pengikrar dan bayaran duti.</p>	<p>Satu mesyuarat bersama syarikat minyak telah diadakan pada 8 April 2013 untuk membincangkan hasil penemuan audit di mana syarikat minyak telah diberi peringatan tegas supaya mengikrar dan membayar duti eksport minyak mentah yang terlibat dalam tempoh 7 hari seperti mana yang telah ditetapkan dalam Akta.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Perenggan 7 : Pengurusan Risiko Untuk Pelepasan Dagangan Import Kargo Udara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1.e	<p>Kaedah Pengurusan Risiko - Rangka Kerja Pengurusan Risiko</p> <p>Semakan Audit terhadap rangka kerja pengurusan risiko JKDM mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. struktur organisasi pengurusan risiko di bawah penyeliaan pihak pengurusan tertinggi di JKDM adalah tidak jelas sehingga menyebabkan pelaksanaan dan pemantauan pengurusan risiko JKDM tidak dapat dijalankan secara efektif; ii. amalan terbaik JKDM melalui Model Integrated Intelligence Driven Risk Management tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana CICC masih belum diwujudkan dan kedudukan data masih berada dalam keadaan silo sehingga kini; dan iii. tiada koordinasi antara semua Bahagian JKDM terhadap maklumat risiko dari sumber dalaman dan luaran yang dapat digunakan kerana CICC masih belum diwujudkan. Pelaksanaan dan pemantauan pengurusan risiko JKDM juga tidak dapat dijalankan secara berkesan. <p>Pada pendapat Audit, rangka kerja pengurusan risiko dan struktur pengurusan risiko JKDM adalah tidak memadai serta tidak selaras dengan garis panduan pengurusan risiko yang dikeluarkan oleh WCO.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Mac 2013</p> <p><i>JKDM bersetuju bahawa tiada perkongsian data antara Bahagian Penguatkuasaan (Pusat Risikan Kastam - PRisKa), Pasca Import, Bahagian Perkastaman, PERTEK dan Cukai Dalam Negeri (CDN). Kedudukan data masih berada dalam keadaan silo disebabkan JKDM masih tidak mempunyai sistem pangkalan data/maklumat bersepadan. Namun begitu, perkongsian data secara manual berdasarkan permohonan oleh setiap bahagian yang memerlukan maklumat tersebut ada</i></p>	Maklum balas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 7.5.1.1.e

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dilakukan. Pengurusan risiko yang komprehensif telah dibincangkan di dalam beberapa forum termasuk Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia dan keperluan ini telah diambil kira dalam pembangunan sistem u-Customs. Pada masa ini, sistem u-Customs pada peringkat proses penilaian tender.</p>	
7.5.1.2.a	<p>Sistem Dan Prosedur Pengurusan Risiko</p> <p>JKDM telah mengeluarkan garis panduan pengurusan risiko melalui Perintah Am Jabatan Bil. 98 pada tahun 2004 yang menetapkan struktur dan pelaksanaan program pengurusan risiko sebagai rujukan di semua negeri dan stesen. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pengurusan risiko tidak dilaksanakan berdasarkan garis panduan tersebut sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun di 5 Stesen Kastam Kargo Udara yang dilawati. Selain itu, semakan Audit juga mendapati garis panduan tersebut tidak dikemas kini sejak ianya dikeluarkan pada tahun 2004 sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai di 5 Stesen Kastam Kargo Udara yang dilawati, kewujudan Perintah Am tersebut tidak disedari dan ini telah mengakibatkan tiada prosedur pengurusan risiko yang seragam dilaksanakan di peringkat negeri;</p>	<p>Maklum balas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 7.5.1.2.b</p>
7.5.1.2.b	<p>Pada tahun 2008, JKDM telah mewujudkan Cawangan <i>Customs Verification Initiatives</i> (CVI) di peringkat Ibu Pejabat yang terlibat secara langsung dalam pengurusan risiko. CVI berperanan untuk mengumpulkan data analisis penting bagi mengenal pasti barang yang berisiko tinggi sekali gus memberi petunjuk kepada pegawai Kastam untuk menjalankan intervensi/pemeriksaan fizikal. Bagaimanapun, pengumpulan data oleh CVI adalah atas usaha sendiri kerana CICC masih belum diwujudkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKDM tidak mempunyai sistem dan prosedur pengurusan risiko yang komprehensif dan kemas kini sungguhpun Cawangan CVI telah ditubuhkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Mac 2013</p> <p><i>JKDM mengakui tidak mempunyai sistem dan prosedur pengurusan risiko yang komprehensif dan kemas kini dengan penubuhan Cawangan CVI sahaja. Selain itu, tiada koordinasi antara maklumat-maklumat risiko dari sumber dalaman dan luaran yang dapat digunakan oleh semua Bahagian JKDM kerana CVI bukan pusat pengumpulan data tetapi peranannya hanyalah tertumpu kepada pengurusan risiko pelepasan dagangan selaras dengan Standard 6 Revised Kyoto Convention (RKC) dengan menggunakan data daripada SMK untuk membuat analisis dan selektiviti. JKDM akan mengambil tindakan dengan merekayasa semula Perintah Am Jabatan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Bil. 98 yang dikeluarkan pada bulan September 2004. Pada masa yang sama sistem u-Customs telah mengambil kira proses pengurusan risiko bersepada dalam JKDM.</i>	
7.5.1.3.a	Modal Insan Pengurusan Risiko Cawangan CVI, peringkat Ibu Pejabat diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam I, Gred W52.	<p>Pengisian seorang pegawai Gred W41 telah dibuat serta-merta sementara pengisian seorang lagi pegawai Gred W41 akan dibuat setelah mendapat calon yang sesuai. Penempatan di Cawangan CVI memerlukan seseorang pegawai yang berpengetahuan di dalam bidang import/eksport dan cekap dengan kerja penarafan risiko.</p>
7.5.1.3.b	Bilangan jawatan yang diluluskan untuk Cawangan CVI adalah seramai 10 pegawai dan seorang pegawai Gred W17 telah ditempatkan secara pentadbiran. Setakat akhir tahun 2012, terdapat 2 jawatan Gred W41 masih belum diisi.	
7.5.1.3.c	<p>Sejak penubuhan Cawangan CVI, pegawainya telah diberi peluang untuk menghadiri kursus secara intensif berkaitan pengurusan risiko sama ada di dalam atau luar negara yang mempunyai sistem pengurusan risiko yang maju. Bagaimanapun, kursus/latihan di luar negara hanya pernah dihadiri pada tahun 2009 sahaja.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Mac 2013</p> <p><i>Semasa peringkat awal penubuhan Cawangan CVI, pegawai telah diberi peluang untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan pengurusan risiko di dalam dan di luar negara. Untuk tahun seterusnya pegawai-pegawai tersebut juga dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi secara latihan di tempat kerja dan juga melalui initiatif diri dan self learning. Bagaimanapun, jabatan tetap akan menghantar pegawai Cawangan CVI dan pegawai JKDM yang lain untuk menghadiri kursus berkaitan penilaian risiko di luar negara. Pada masa ini, JKDM mempunyai beberapa pegawai yang berkompetensi dalam bidang pengurusan risiko hasil daripada pendedahan di dalam dan luar negara.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JKDM masih belum mempunyai modal insan yang mencukupi dan terlatih dalam teknik pengurusan risiko yang terkini.</p>	
7.5.2.1.d	Pelaksanaan Pengurusan Risiko - Penarafan Risiko Dan Tindakan Susulan Semakan Audit mendapati intervensi/pemeriksaan fizikal tambahan oleh pegawai Kastam turut dijalankan terhadap barang/kargo yang tidak diberikan penarafan berisiko/arahan pemeriksaan oleh Cawangan CVI di Stesen Kastam Kargo Udara yang dilawati. Intervensi/pemeriksaan fizikal yang dijalankan tersebut adalah berdasarkan Seksyen 13 Akta Kastam 1967 di mana pegawai Kastam yang hak (Pegawai Penaksir) adalah diberi kuasa untuk menentukan pengelasan jenis barang/kargo dan tahap pemeriksannya. Semakan Audit selanjutnya terhadap	Cawangan CVI hanya memberi alert pelepasan dagangan untuk diambil tindakan oleh pegawai penaksir. Namun begitu Seksyen 13 Akta Kastam 1967 memperuntukkan kuasa kepada pegawai penaksir untuk menilai, menimbang, mengukur atau memeriksa barang-barang bagi menentukan kelas barang-barang tersebut samada berdutti atau tidak berdutti kastam. Dalam hal ini pegawai penaksir tidak terikat sepenuhnya kepada alert yang dikeluarkan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>732 Borang K1 mendapat kekerapan intervensi/pemeriksaan fizikal melalui kuasa Pegawai Penaksir adalah lebih tinggi iaitu 541 (73.9%) berbanding 191 (26.1%) yang diarahkan oleh CVI.</p>	<p>oleh CVI semasa membuat taksiran dan pelepasan dagangan.</p>
7.5.2.1.f	<p>Bagi tujuan penilaian risiko, WCO SAFE Framework of Standards to Secure and Facilitate Global Trade menetapkan peralatan pemeriksaan seperti mesin pengimbas harus disediakan dan digunakan untuk pemeriksaan Kastam. Alat ini dapat membantu pihak Kastam memastikan barang import yang diikrar dan duti/cukai yang dibayar adalah betul di samping mengesan dan menghalang barang yang berbahaya/terlarang seperti dadah dan senjata api, tanpa mengganggu aliran perdagangan yang sah. Bagaimanapun, semua Stesen Kastam Kargo Udara yang dilawati tidak mempunyai mesin pengimbas di pintu pelepasan Kastam. Lawatan Audit ke Zon Bebas MasKargo dan Kuala Lumpur Airport Services (KLAS) pula mendapati mesin pengimbas hanya digunakan untuk barang dagangan bagi tujuan eksport sahaja. Berdasarkan temu bual dengan pegawai MasKargo dan KLAS, tanggungjawab untuk membuat pengesahan melalui mesin pengimbas terletak pada negara pengeksport dan bukan negara pengimport.</p> <p>Pada pendapat Audit, arahan intervensi/pemeriksaan fizikal terhadap barang/kargo berdasarkan penarafan risiko dari Cawangan CVI dipatuhi dengan baik oleh pegawai Kastam di Stesen Kastam Kargo Udara. Bagaimanapun, konsep pengurusan risiko masih belum diaplikasikan sepenuhnya terhadap proses pelepasan barang/kargo dari kawalan Kastam memandangkan intervensi/pemeriksaan fizikal terhadap barang/kargo yang tidak diberi penarafan berisiko oleh Cawangan CVI masih dilakukan dengan kerap. Sehubungan itu, penyediaan mesin pengimbas di Stesen Kastam Kargo Udara adalah penting bagi mempercepatkan proses pemeriksaan yang dilakukan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Mac 2013</p> <p>Perolehan mesin pengimbas Jabatan adalah bergantung kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan manakala penempatannya adalah berdasarkan keutamaan iaitu di lokasi yang berpotensi mengutip duti/cukai. Bagaimanapun, Jabatan pernah mengemukakan kertas cadangan kepada Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2012 untuk perolehan mesin pengimbas di stesen-stesen seluruh negara termasuk di Stesen Kastam Kargo Udara seperti di Kota Kinabalu, Bayan Lepas, KLIA (Kompleks Kargo) dan Sarawak. Setakat ini, JKDM telah diluluskan peruntukan untuk 4 unit pengimbas bagasi dan 2 unit pengimbas badan di Harbour City Pelabuhan Klang; 5 unit mesin pengimbas kargo untuk pelabuhan-pelabuhan utama serta 10 unit pengimbas bagasi dan 2 unit pengimbas badan bagi keperluan KLIA2. Cawangan CVI hanya memberi alert dan</p>	<p>4 unit mesin pengimbas bagasi dan 2 unit mesin pengimbas badan telah siap dipasang di Harbour City, Pelabuhan Klang pada 23-25 Disember 2012.</p> <p>5 unit mesin pengimbas kargo untuk pelabuhan utama berada di tahap proses penyediaan kontrak.</p> <p>10 unit pengimbas bagasi dan 2 unit pengimbas badan bagi KLIA 2 telah selesai proses rundingan harga dan telah dimajukan ke MOF untuk tindakan lanjut.</p> <p>Perolehan lain - lain mesin pengimbas masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Seksyen 13 Akta Kastam 1967 memperuntukkan pegawai penaksir boleh menilai, menimbang, mengukur atau memeriksa barang-barang bagi menentukan kelas barang-barang tersebut sama ada berdutti atau tidak berdutti kastam. Dalam hal ini, pegawai penaksir tidak terikat sepenuhnya kepada alert yang dikeluarkan oleh CVI semasa membuat taksiran dan pelepasan dagangan.</p>	
7.5.3.1	<p>Program Pemantauan Dan Kajian Semula - Unit Data/Analisa Dan Pemantauan</p> <p>Unit Data/Analisa Dan Pemantauan, Cawangan CVI adalah unit yang bertanggungjawab memantau aktiviti penarafan risiko JKDM. Semakan Audit mendapati unit ini diketuai oleh seorang pegawai Gred W44 dan dibantu oleh seorang pegawai Gred W41 dan seorang pegawai Gred W27. Bagaimanapun, jawatan pegawai Gred W41 di unit ini tidak pernah diisi sejak Cawangan CVI ditubuhkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Mac 2013</p> <p><i>Tugas setiap pegawai Cawangan CVI telah diselaraskan semula dan semua pegawai terlibat dengan aspek data/analisis dan pemantauan.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan penemuan audit di para 7.5.3.1</p>
7.5.3.2	<p>Program Pemantauan</p> <p>Tiada program pemantauan pengurusan risiko diwujudkan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko peringkat Ibu Pejabat JKDM tidak ditubuhkan. Ini adalah disebabkan peraturan atau arahan khusus berkaitannya tidak dikeluarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit program pemantauan JKDM terhadap pengurusan risiko adalah lemah dan kajian semula terhadap rangka kerja pengurusan risiko perlu dilakukan bagi tujuan penambahbaikan secara berterusan.</p>	<p>Pemantauan dibuat melalui Mesyuarat Aktiviti, Mesyuarat Bahagian dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam SeMalaysia.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Jabatan Kerja Raya

Perenggan 8 : Pentadbiran Kontrak Bagi Projek JKR

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.1	<p>Dokumen/Syarat Kontrak - Syarat Pelepasan Bon Pelaksanaan Tidak Selaras Dengan Kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan bahawa Bon Pelaksanaan hendaklah dilepaskan/dipulangkan 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati syarat kontrak dalam borang kontrak piawaian JKR bagi kedua-dua kontrak konvensional dan kontrak reka dan bina (semakan tahun 2007 dan 2010) tidak selaras dengan kehendak pelepasan Bon Pelaksanaan yang ditetapkan dalam SPP Bil. 5 Tahun 2007. Mengikut syarat kontrak JKR, Bon Pelaksanaan (atau apa-apa bakinya yang masih ada untuk kredit kontraktor) bolehlah dilepaskan atau dipulangkan kepada kontraktor apabila siap membaiki semua kecacatan, kekecutan atau kerosakan lain yang mungkin kelihatan semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan dan setelah diberi Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan bagi seluruh kerja.</p> <p>Mengikut syarat kontrak JKR, sekiranya Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan 3 bulan 14 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan, Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan. Namun, mengikut SPP Bil. 5 Tahun 2007, Bon Pelaksanaan hendaklah dilepaskan 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian. Bon Pelaksanaan tidak boleh dilepaskan setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, tetapi sepatutnya dilepaskan 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p>Menurut klausa 13.1(a) Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 2007 dan 1/2010) serta klausa 10.1 Syarat-syarat Kontrak PWD DB (Rev. 2007 dan 1/2010), Bon Pelaksanaan hendaklah berkuatkuasa sehingga 12 bulan selepas tamat</p>	<p>Pejabat ini akan mengadakan perbincangan dengan Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kerja Raya pada akhir Jun 2013 untuk mengenalpasti kewajaran meminda syarat-syarat kontrak yang telah digubal oleh Jabatan Peguam Negara atau mencadangkan kepada Pihak Kementerian Kewangan untuk meminda SPP Bil 5 tahun 2007.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Tempoh Tanggungan Kecacatan atau apabila terkeluarnya Perakuan Siap Membaiki Kecacatan, mengikut mana yang terkemudian. Menurut klausula 13.5 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A dan klausula 10.6 Syarat-syarat Kontrak PWD DB pula, Bon Pelaksanaan (atau bakinya) boleh dilepaskan setelah siap membaiki semua kecacatan, kekecutan atau ketidaksempurnaan lain dan apabila terkeluarnya Perakuan Siap Membaiki Kecacatan. Sehubungan itu, Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan dan tidak perlu menunggu sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan oleh kerana kontraktor telahpun melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.</p> <p>Memandangkan SPP Bil. 5/2007 telah menyatakan bahawa Bon Pelaksanaan hendaklah dipulangkan 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian, maka tindakan sedemikian masih boleh dilakukan di mana ia tidak bercanggah dengan kedua-dua klausula 13.5 dan 10.6 syarat-syarat kontrak tersebut di atas. Borang kontrak PWD 203/203A (Rev.1/2010) dan PWD DB (Rev.1/2010) telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 JLD.31 SK.8(7) bertarikh 8 Februari 2012 dan ia digubal oleh Jabatan Peguam Negara bertujuan untuk melindungi kepentingan Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, syarat kontrak masih lagi tidak selaras dengan SPP Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan dengan pelepasan Bon Pelaksanaan. Pihak JKR perlu berbincang dengan Jabatan Peguam Negara untuk mengambil kira kehendak SPP Bil.5 Tahun 2007 dalam syarat kontrak.</p>	
8.5.1.2	<p>Ketidakseragaman Dalam Penggunaan Borang Kontrak Piawaian JKR</p> <p>Semakan Audit mendapati borang kontrak JKR 203A (Rev.2007) telah diguna pakai untuk kontrak JKR/IP/CKUB/159/2008 - "Projek Naik Taraf Jalan Laluan 8 Dari Kg. Relong, Pahang Ke Gua Musang, Kelantan (Fasa 1 - Segmen 5)" yang ditandatangani pada 3 Februari 2009. Bagaimanapun terdapat sejumlah 10 kontrak yang ditandatangani selepas Februari 2009 masih menggunakan borang JKR 203A (Semakan 10/83). Berdasarkan temu bual dengan pegawai JKR, ketidakseragaman ini berlaku kerana tiada arahan rasmi dikeluarkan mengenai penggunaan borang kontrak JKR 203A (Rev. 2007).</p> <p>Pada pendapat Audit, penggunaan borang JKR 203A (Semakan 10/83) bagi kontrak yang ditandatangani selepas Februari 2009 adalah tidak wajar kerana sebahagian syarat kontrak di borang JKR 203A (Semakan 10/83) tidak mematuhi peraturan baru yang berkuat kuasa dan sebarang proses tender semula juga perlu menggunakan borang yang baru. Pihak JKR terutamanya CKUB hendaklah mengeluarkan arahan</p>	<p>Surat Arahan KPKR Bil 4/2011 bertarikh 24.6.2011 bagi penggunaan borang kontrak JKR 203/203A (Rev. 1/2010) dan juga borang kontrak JKR DB (Rev. 1/2010) bagi kesemua pelaksanaan projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya. Sehubungan itu dengan terkeluarnya Surat Arahan KPKR Bil 4/2011, maka semua projek kendalian JKR yang akan dipanggil selepas itu akan menggunakan borang kontrak tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kepada semua pejabat JKR di seluruh negara untuk menyeragamkan penggunaan borang kontrak piawaian yang baru supaya peraturan semasa dapat dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan kontraktor.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Pejabat JKR yang terlibat memaklumkan proses penyediaan dokumen kontrak dibuat oleh Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB), Ibu Pejabat JKR. Selain itu, ketidakseragaman penggunaan borang adalah disebabkan projek yang ditender semula menggunakan borang yang sama bagi mengelakkan masalah perundangan. Pihak CKUB memaklumkan bahawa pihaknya telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Surat Arahan KPKR Bil. 4/2011 bertarikh 24.6.2011 bagi penggunaan borang kontrak JKR 203/203A (Rev. 1/2010) dan juga borang kontrak JKR DB (Rev. 1/2010) bagi kesemua pelaksanaan projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya.</i></p>	
8.5.1.3	<p>Pelantikan Pengarah Projek Tidak Mengikut Surat Arahan KPKR</p> <p>Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 6/2009 bertarikh 2 September 2009 telah menetapkan penentuan Pengarah Projek bagi projek reka dan bina berdasarkan nilai kontrak. Semakan Audit mendapati Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan) telah dilantik sebagai Pengarah Projek bagi satu projek reka dan bina di Sabak Bernam, Selangor.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemilihan Pengarah Projek hendaklah mematuhi penentuan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Pembentangan akan dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan JKR Selangor yang akan datang pada 19 Februari 2013 berhubung perkara ini agar segala kekeliruan dapat dijelaskan dan difahami oleh semua pihak supaya perkara ini tidak berulang pada masa depan.</i></p>	<p>Projek Pakej 5 SJK(T) (ZON 2) Bagi Negeri Selangor – SJK(T) Ladang Tumbuk, Kuala Langat, SJK(T) Ampar Tenang, Sepang, SJK(T) Teluk Merbau, Sepang, SJK(T) Ladang Sabak Bernam, Sabak Bernam dan SJK(T) Ladang Sungai Bernam, Sabak Bernam secara Reka & Bina.</p> <p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat kepada JKR Selangor sebelum sebelum akhir bulan Jun 2013 supaya pemilihan Pengarah Projek mestilah mematuhi Surat Arahan KPKR Bil 6/2009.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.4	<p>Dokumen Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa</p> <p>Dokumen/Perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. Surat Arahan KPKR Bil. 6/2009 telah pun memperuntukkan jadual bagi “Pegawai Yang Berkuasa Menandatangani Perakuan-Perakuan Yang Dikeluarkan Di Bawah Kontrak Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Dan Reka Dan Bina”. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak bagi 3 projek telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Satu projek telah diambil tindakan pembetulan manakala bagi 2 lagi projek pihaknya mengambil maklum mengenai kesilapan yang berlaku dan menjelaskan bahawa kesilapan berlaku disebabkan Jurutera Daerah telah terlepas pandang dari segi peruntukan kontrak dan wakil Pegawai Pengguna Kerja Utama menanggung kerja Pegawai Pengguna yang sedang dalam tempoh cuti sakit.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, hanya pegawai yang diberi kuasa boleh menandatangani dokumen/perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak supaya tidak mendatangkan sebarang implikasi perundangan.</p>	<p>Projek 1 : Menaiktaraf Jalan Bukit Besi Laluan Persekutuan 132) Dungun Terengganu (Isu tandatangan CPC)</p> <p>Projek 2 : Cadangan Pembinaan Ibu pejabat Polis Daerah IPD Sentul (IPD) Sentul Kuala Lumpur. (Isu tandatangan APK)</p> <p>Projek 3 : Merekabentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Dan Mentauliahkan Kompleks Sukan Komuniti – Paket 1 (Besut, Terengganu) (Isu tandatangan CPC)</p> <p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat peringatan sebelum akhir bulan Jun 2013 kepada Pegawai-Pegawai Pengguna berkenaan supaya membuat pembetulan ke atas kesilapan yang berlaku.</p>
8.5.2.1	<p>Bon Pelaksanaan - Ketidakstesenian Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan</p> <p>SPP Bil. 5 Tahun 2007 telah menetapkan bahawa bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000, kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak atau memilih Bon Pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan yang dibuat melalui potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% daripada jumlah harga kontrak. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Daripada 50 projek yang dipilih untuk pengauditan, kontraktor bagi 32 projek telah mengemukakan Bon Pelaksanaan manakala kontraktor bagi 18 projek lagi telah memilih Wang Jaminan Pelaksanaan. Semakan Audit mendapati bahawa terdapat kesilapan tempoh liputan sah laku Bon Pelaksanaan bagi 3 projek dengan liputan yang kurang antara 260 hingga 365 hari. Manakala, terdapat satu projek yang aman Wang Jaminan Pelaksanaan telah terlebih dipotong berjumlah RM32, 232.</p>	<p>Projek 1: Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, (Pakej 8 : Dari CH 85,000 (Felda Kerteh 6, Peringkat 1) Ke CH 91.800(Felda Kerteh 2, Peringkat 2) – Menyiapkan Baki Kerja Yang Belum Siap) Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman.</p> <p>Projek 2: Bangunan Pusat Pendokumentasian Dan Pemuliharaan Bahan-Bahan Pandang Dengar Negara</p> <p>Projek 3: Cadangan Membina Dan Menyiapkan Klinik Kesihatan Jenis 2(18ce,8dce) Bandar Cheras (Lady Templer) Dengan Pejabat Kesihatan Dan Kuarters Integrasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</p>
8.5.2.2	<p>Bon Pelaksanaan Tidak Dilanjutkan Selepas Lanjutan Masa Diluluskan/Tempoh Lanjutan Silap</p> <p>Mengikut SPP Bil. 5 Tahun 2007, tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari</p>	<p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat peringatan dan teguran kepada pihak-pihak yang terlibat sebelum akhir bulan Jun 2013 supaya kesilapan tempoh liputan sah laku Bon Pelaksanaan dibetulkan dan Wang Jaminan Pelaksanaan telah terlebih dipotong berjumlah RM32,232 disemak semula dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta merta hendaklah diambil oleh agensi untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa (EOT) diluluskan. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi 4 projek tidak dilanjutkan selepas EOT diluluskan manakala lanjutan Bon Pelaksanaan bagi 2 projek silap dengan tempoh liputan yang kurang antara 104 hingga 226 hari.</p>	dikembalikan.
8.5.2.3	<p>Bon Pelaksanaan Luput Sebelum Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan Dikeluarkan</p> <p>Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki kerja kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan, Pegawai Pengguna atau Pengarah Projek boleh melantik pihak ketiga untuk membaikinya dan kos terlibat boleh dikenakan kepada Bon Pelaksanaan atau tuntutan yang belum dijelaskan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi 2 projek telah luput sebelum kecacatan siap dibaiki dan sebelum Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Tempoh Bon Pelaksanaan yang silap telah dilanjutkan kepada tempoh yang betul. Wang Jaminan Pelaksanaan yang terlebih potong telah pun dipulangkan kepada pihak kontraktor. Selain itu, bagi kerja pembaikan yang telah selesai dijalankan, CMGD akan dikeluarkan. Manakala bagi pembaikan yang dilaksanakan oleh pihak ketiga, kos tersebut telah ditolak dari pembayaran muktamad.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, selain melindungi hak pihak yang memasuki kontrak, Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan amat penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Sehubungan dengan itu, pihak JKR harus memastikan ketepatan amaun dan tempoh liputan Bon Pelaksanaan/WJP serta memastikan Bon Pelaksanaan dilanjutkan selepas EOT diluluskan dan memastikan Bon Pelaksanaan tidak luput sebelum CMGD dikeluarkan supaya sebarang kerugian Kerajaan dari segi tanggungan kecacatan dapat ditutut dari Bon Pelaksanaan.</p>	Pejabat ini akan mengadakan satu perbincangan dengan Pejabat Penasihat Undang- Undang Kementerian Kerja Raya pada akhir bulan Jun 2013 untuk memastikan hak Kerajaan untuk melanjutkan tempoh Bon Pelaksanaan sekiranya Lanjutan Masa diluluskan kepada kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.3.1	<p>Pendahuluan Kepada Kontraktor - Jaminan Bayaran Pendahuluan Tidak Dilanjutkan Selepas Lanjutan Masa Diluluskan/Tempoh Lanjutan Silap</p> <p>Mengikut SPP Bil. 5 Tahun 2007, tempoh sah laku jaminan untuk bayaran pendahuluan mestilah meliputi tempoh kontrak atau ke satu tempoh lanjutan yang diluluskan. Selepas EOT diluluskan, Jaminan Wang Pendahuluan yang belum direkup sepenuhnya juga perlu dilanjutkan kepada satu tarikh yang dijangka siap (Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya). Semakan Audit mendapati jaminan untuk bayaran pendahuluan bagi 3 projek tidak dilanjutkan selepas EOT diluluskan manakala tempoh lanjutan silap untuk satu projek dengan liputan kurang 25 hari.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Satu projek, iaitu Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 telah diambil tindakan pembetulan dengan melanjutkan jaminan bank untuk bayaran pendahuluan kepada tempoh yang betul sehingga 30 Julai 2013, manakala bayaran pendahuluan bagi 3 projek lagi telah direkup sepenuhnya. Pemantauan pengurusan wang pendahuluan termasuk tarikh luput jaminan dan tuntutan bayaran telah dijadikan agenda dalam Mesyuarat Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Jabatan dan pejabat yang bertanggungjawab akan diingatkan untuk mengambil tindakan sewajarnya. Perkara ini juga telah ditekankan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 13/2011 – Penambahbaikan Kepada Prosedur Penyediaan Bayaran Bagi Kontrak Kerja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh sah laku jaminan yang silap boleh mengakibatkan kegagalan mengutip balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor dan seterusnya akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan kehilangan wang awam. Pihak JKR perlu memastikan tempoh sah laku jaminan untuk bayaran pendahuluan sentiasa meliputi tempoh kontrak atau tempoh lanjutan yang diluluskan. Tindakan segera perlu diambil untuk merampas jaminan wang pendahuluan sekiranya jaminan yang gagal dilanjutkan hampir luput.</p>	<p>Projek 1 : Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, Terengganu (Pakej 9B: dari CH 102,500 ke CH 107,700 (Hutan Simpan Bukit Bauk) – Menyiapkan Baki Kerja yang Belum Siap) Daerah Dungun Terengganu, Terengganu Darul Iman</p> <p>Projek 2 : Pusat Berita Bersepadu Di Angkasapuri Kuala Lumpur</p> <p>Projek 3 : Merekabentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Dan Mentaualiahkan Kompleks Sukan Komuniti – Pakej 1 (besut, Terengganu)</p> <p>Projek 4 : Pembinaan Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Lalu Lintas Di Bandar Rawang Secara Design & Build'.</p> <p>Pejabat ini akan mengadakan perbincangan dengan Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kerja Raya sebelum akhir bulan Jun 2013 untuk memastikan hak Kerajaan untuk melanjutkan tempoh Jaminan Wang Pendahuluan sekiranya Lanjutan Masa diluluskan kepada kontraktor.</p> <p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat peringatan kepada Pegawai Penguasa sebelum akhir bulan Jun 2013 supaya menyelesaikan isu berkenaan.</p>
8.5.4	<p>Polisi Insurans</p> <p>Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu mengambil polisi insurans kerja, polisi insurans tanggungan awam dan insurans pampasan pekerja. Insurans kerja perlu meliputi tempoh tamat kerja manakala insurans tanggungan awam pula perlu meliputi sehingga tamat tempoh memperbaiki kecacatan, iaitu 3 bulan 14 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak konvensional dan 3 bulan 28 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak reka dan bina. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya juga menetapkan tempoh liputan polisi insurans perlu dilanjutkan kepada satu tarikh yang dijangka siap</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sekiranya berlaku kelambatan dan lanjutan masa.	
8.5.4.1	<p>Kesilapan Tempoh Liputan Polisi Insurans Tanggungan Awam</p> <p>Semakan Audit terhadap polisi insurans asal mendapati 9 projek mempunyai kesilapan dalam tempoh liputan insurans tanggungan awam di mana tempoh liputan kurang antara 14 hingga 380 hari.</p>	<p>Projek 1 : Pakej 5 SJK(T) (ZON 2) Bagi Negeri Selangor – SJK(T) Ladang Tumbuk, Kuala Langat, SJK(T) Ampar Tenang, Sepang, SJK(T) Teluk Merbau, Sepang, SJK(T) Ladang Sabak Bernam, Sabak Bernam dan SJK(T) Ladang Sungai Bernam, Sabak Bernam secara Reka & Bina</p> <p>Projek 2 : Projek Naiktaraf Jalan Bukit Besi (Laluan Persekutuan 132) Dungun, Terengganu</p> <p>Projek 3 : Bangunan Tambahan A&E dan wad Hospital Bentong, pahang-Pakej II (Reka & Bina)</p> <p>Projek 4 : Bangunan Tambahan Baru INSPEN (<i>Annex Block</i>) Daerah Sepang, Selangor</p> <p>Projek 5 : Merekabentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Dan Mentauliahkan Kompleks Sukan Komuniti - Pakej 1 (Besut, Terengganu)</p> <p>Projek 6 : <i>Expansion Of The Intensive Care Unit Hospital Kuala Terengganu</i></p> <p>Projek 7 : Kompleks Pakar Materniti Di Hospital Kuala Terengganu.</p> <p>Projek 8 : Cadangan Projek Menaiktaraf Laluan B09/FT015 Dari Lapangan Terbang Subang Ke Hospital Sungai Buloh Selangor</p> <p>Projek 9 : Pembinaan Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas Di Bandar Rawang secara '<i>Design & Build</i>'</p>
8.5.4.2	<p>Polisi Insurans Tidak Dilanjutkan Selepas Lanjutan Masa Diluluskan/Tempoh Lanjutan Silap</p> <p>Semakan Audit mendapati polisi insurans bagi 6 projek tidak dilanjutkan selepas EOT diluluskan manakala ada kesilapan kekurangan tempoh lanjutan polisi insurans</p>	<p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat peringatan kepada Pasukan Projek yang terlibat sebelum akhir bulan Jun 2013</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi 9 projek antara 11 hari hingga 470 hari.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Kesilapan ini diakui. Kontraktor telah diarahkan untuk melanjutkan polisi insurans dengan betul. Pihak JKR akan memastikan perkara ini tidak akan berulang pada projek yang lain.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh liputan polisi insurans amat penting terutamanya apabila berlaku kemalangan, kecederaan, kebakaran atau peristiwa yang tidak diingini. Sehubungan itu, pihak JKR perlu sentiasa meneliti klausa polisi insurans, memastikan ketepatan tempoh liputan polisi insurans dan memastikan polisi insurans dilanjutkan selepas kelulusan EOT supaya kerugian Kerajaan dan kontraktor dari kecelakaan dapat dituntut dari insurans yang dibeli.</p>	<p>supaya perkara ini tidak lagi berulang. Seterusnya pejabat KPKR akan mengeluarkan surat kepada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek agar tindakan pembetulan hendaklah diambil pada akhir bulan Jun 2013.</p> <p>Projek 1 : Politeknik Banting, Selangor (Reka & Bina) : Paket 2 – Bangunan Dan Kerja-kerja Berkaitan</p> <p>Projek 2 : UITM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh - Fakulti Perubatan</p> <p>Projek 3 : Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, Terengganu (paket 9 B: dari CH102,500 Ke CH 107,700 (Hutan Simpan Bukit Bauk) - Menyiapkan Bakri Kerja Yang Belum Siap), Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman</p> <p>Projek 4 : Universiti Malaysia (UM), Fakulti Alam Bina Dan Kemudahan Asas</p> <p>Projek 5 : Merekabentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Dan Mentaualiahkan Kompleks Sukan Komuniti - Paket 1 (Besut, Terengganu)</p> <p>Projek 6 : Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu, Paket IV(B) – Penambakan Laut Dan Kawalan Hakisan Pantai</p> <p>Projek 7 : Paket 5 SJK(T) (ZON 2) Bagi Negeri Selangor – SJK(T) Ladang Tumbuk, Kuala Langat, SJK(T) Ampar Tenang, Sepang, SJK(T) Teluk Merbau, Sepang, SJK(T) Ladang Sabak Bernam, Sabak Bernam dan SJK(T) Ladang Sungai Bernam, Sabak Bernam secara Reka & Bina</p> <p>Projek 8 : Menaiktaraf Laluan Persekutuan FR 3 Dari Kuantan (KM 9) Ke Pekan (KM 46) Pahang Darul Makmur</p> <p>Projek 9 : Pembinaan Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Cawangan Pahang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Projek 10 : Pusat Berita Bersepadu Di Angkasapuri Kuala Lumpur</p> <p>Projek 11 : Bangunan Pusat Pendokumentasian Dan Pemuliharaan Bahan-Bahan Pandang Dengar Negara</p> <p>Projek 12 : Bangunan Tambahan Baru Inspec (Annex Block) Daerah Sepang Selangor</p> <p>Projek 13 : Expansion Of The Intensive Care Unit Hospital Kuala Terengganu</p> <p>Projek 14 : Cadangan Projek Menaiktaraf Laluan B09/FT015 Dari Lapangan Terbang Subang Ke Hospital Sungai Buloh Selangor.</p> <p>Projek 15 : Pembinaan Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas Di Bandar Rawang secara 'Design & Build'</p> <p>Pejabat KPKR akan mengeluarkan surat peringatan kepada Pasukan Projek yang terlibat sebelum akhir bulan Jun 2013 supaya tidak terlepas pandang mengenai isu tersebut</p>
8.5.5	<p>Kelewatan Meluluskan Lanjutan Masa</p> <p>Pegawai Pengguna perlu meluluskan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya keputusan serta pemakluman kepada kontraktor dibuat selepas tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak berakhir, maka masa bukan lagi teras kepada kontrak (time is at large) dan dengan itu kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah.</p> <p>Semakan Audit mendapati 15 EOT bagi 13 projek telah diluluskan selepas tarikh siap asal/semasa. Kelewatan tersebut adalah antara 4 hingga 336 hari. Malahan, 3 daripada EOT tersebut telah diluluskan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Daripada 15 EOT yang lewat diluluskan, 11 tidak dikeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non-Completion - CNC), 3 ada dikeluarkan CNC dan dikenakan denda ganti rugi (Liquidated And Ascertained Damages - LAD) serta satu lagi ada dikeluarkan CNC tetapi LAD tidak dikenakan.</p>	<p>Projek 1 : Politeknik Banting, Selangor (Reka & Bina) : Paket 2 – Bangunan Dan Kerja-Kerja Berkaitan</p> <p>Projek 2 : UITM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi</p> <p>Projek 3: Universiti Malaysia Terengganu Paket 2a – Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Pusat Dan Fakulti Pengajian Maritim Dan Sains Marin</p> <p>Projek 4 : Pusat Latihan Polis Di Mukim Pelangai, Bentong Pahang.</p> <p>Projek 5 : Cadangan Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Pahang</p> <p>Projek 6 : Pusat Berita Bersepadu Di Angkasapuri Kuala Lumpur</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p>Kelewatan meluluskan Lanjutan Masa adalah disebabkan kontraktor lambat mengemukakan permohonan, pandangan dan ulasan pihak perunding untuk dikemukakan kepada Jawatan Kuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa mengambil masa yang lama serta kontraktor lewat mengemukakan endorsement bagi lanjutan masa tempoh insurans dan Bon Pelaksanaan. Menurut Seksyen 56(3) Akta Kontrak 1950, ia antara lain menyatakan semasa pihak Kerajaan menerima kemungkiran kontraktor, maka pihak Kerajaan hendaklah mengeluarkan satu notis (dalam hal ini Perakuan Kerja Tidak Siap) untuk memaklumkan bahawa pihak Kerajaan hendak mengenakan LAD.</p> <p>Begitu juga bagi Lanjutan Masa di mana sekiranya Kerajaan sedikit lewat dalam meluluskannya, ia tidak bermakna masa tidak akan lagi menjadi teras kepada sesebuah kontrak tersebut. Namun terdapat perbezaan berkaitan dengan lanjutan masa yang disebabkan oleh kelewatan yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan di mana sekiranya lanjutan masa tidak diberikan, maka masa tidak lagi menjadi teras.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan mengeluarkan EOT dan kegagalan mengeluarkan CNC boleh menyebabkan berlakunya <i>time is at large</i> dan Kerajaan hilang hak ke atas kontraktor untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi projek yang ada dikeluarkan CNC dan ada dikenakan LAD, pihak Audit berpendapat bahawa LAD sementara tersebut boleh membawa implikasi kewangan kepada kontraktor. Sehubungan dengan itu, pihak JKR perlu memastikan EOT diluluskan sebelum tarikh siap asal/semasa sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan.</p>	<p>Projek 7 : Hospital Rehabilitasi Cheras (166 Katil), (Baru Pakej L – Cadangan Perpindahan KK2 Lady Templer Ke Menara PGRM Dan Kerja-Kerja Meroboh Bangunan Sediaada Di Tapak Hospital Rehabilitasi Cheras</p> <p>Projek 8 : The Design, Construction, Completion, Equipping, Commissioning And Maintenance Of Specialist Complex And Ambulatory Care Centre (ACC) Hospital Kuala Lumpur</p> <p>Projek 9 : Kompleks Pakar Materniti Di Hospital Kuala Terengganu</p> <p>Projek 10 : Redevelopement Of Kuala Terengganu Airport Project Package II – Terminal Building</p> <p>Projek 11 : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Klinik Kesihatan 3 (Cermai 2) Dan Kuarters Paya Besar, Kuantan , Pahang.</p> <p>Projek 12 : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Klinik Kesihatan 3 (Cermai 2) Dan Kuarters Kurnia, Kuantan Pahang</p> <p>Projek 13 : Bangunan Pusat Pendokumentasian Dan Pemuliharaan Bahan-Bahan Pandang Dengar Negara</p> <p>Pegawai Penguasa/Pengarah Projek dikehendaki untuk memohon lanjutan masa sebelum tempoh lanjutan masa berakhir kepada Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa</p> <p>Dalam tempoh itu pihak Kerajaan akan membuat keputusan sama ada untuk melanjutkan tempoh pembinaan , mengenakan LAD atau menamatkan kontrak. Sebelum keputusan dibuat satu penelitian perlulah dibuat dan ini sudah tentu akan mengambil masa dan sekiranya keputusan yang dibuat didapati lewat sedikit daripada tempoh siap yang dibenarkan, maka hak Kerajaan untuk mengenakan LAD masih lagi kekal.</p> <p>Namun demikian, jika kelewatan membuat keputusan adalah terlampaui lama maka ia akan memudaratkan hak Kerajaan.</p> <p>Dalam hal ini pejabat KPKR akan mengeluarkan surat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		peringatan sebelum akhir bulan Jun 2013 kepada Pegawai Pengguna untuk mengingatkan akan permohonan kepada Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa sebelum tamatnya tempoh yang dibenarkan.
8.5.6	<p>Kecacatan Lambat Diperbaiki</p> <p>Mengikut syarat kontrak, selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defects Liability Period - DLP) tamat, pemeriksaan perlu dibuat untuk memastikan kerja membaiki kecacatan telah dijalankan dengan sempurna. Sekiranya belum sempurna, kontraktor bagi kontrak konvensional diberi masa tidak melebihi 3 bulan 14 hari untuk memperbaiki kerja tersebut manakala kontraktor bagi kontrak reka dan bina diberi masa tidak melebihi 3 bulan 28 hari. Jika gagal, Pegawai Pengguna atau Pengarah Projek boleh melantik pihak ketiga untuk membaiki kecacatan tersebut dan kos terlibat boleh dikenakan kepada Bon Pelaksanaan atau tuntutan yang belum dijelaskan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati bahawa daripada 21 projek siap, kecacatan bagi 10 projek telah lambat diperbaiki dengan kelewatan antara 21 hingga 290 hari.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Pejabat ini bersetuju bahawa sekiranya kontraktor lambat atau gagal membaiki kecacatan adalah wajar bagi pihak Jabatan melantik kontraktor yang berasingan bagi membaiki kecacatan yang terlibat. Meskipun demikian, pejabat ini berpendapat walaupun hak Kerajaan untuk melantik pihak ketiga diperuntukkan di dalam syarat kontrak, namun terdapat kekangan dari sudut peruntukan kewangan untuk berbuat demikian. Menurut klausus 48.2 syarat kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), ia antara lain menyatakan bahawa Kerajaan bolehlah menuntut daripada Bon Pelaksanaan (dalam hal ini termasuklah Jaminan Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan) untuk mendapatkan kembali kos membaiki kecacatan tersebut. Memandangkan peruntukan kewangan projek yang terhad, kos untuk membaiki kecacatan adalah juga terhad dan dengan itu ia menyukarkan tindakan untuk melantik kontraktor yang berasingan dan membiayai kos pembaikan yang terlibat. Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 200.4(b) yang menyatakan bahawa bagi kontrak kerja tempatan, perbelanjaan membaiki kecacatan yang dibiayai oleh Kementerian/Jabatan dalam tempoh tanggungan kecacatan hendaklah dituntut dari Bon Pelaksanaan dan tuntutan itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun hasil. Ini bermakna apabila pihak Kerajaan menuntut Bon Pelaksanaan sama ada dalam bentuk Jaminan Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan, wang tersebut hendaklah dikreditkan ke akaun hasil dan pihak Jabatan tidak dapat menggunakan wang hasil rampasan tersebut. Oleh yang demikian, adalah wajar Bon</i></p>	Pejabat ini telah mengemukakan senarai projek yang terlibat kepada pihak Kementerian Kewangan pada 17 Mei 2013. Pejabat ini masih menunggu pindaan AP 200.4(b) daripada Kementerian Kewangan bagi membolehkan Bon Perlaksanaan yang dituntut digunakan untuk membaiki kecacatan dengan melantik pihak ketiga.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pelaksanaan yang dituntut itu boleh dilunaskan demi untuk membayai kos yang terlibat untuk membaiki kecacatan dengan melantik kontraktor yang berasingan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kontrak.</i></p> <p><i>Dalam hal ini pihak Jabatan sudahpun memohon kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula AP 200.4(b) melalui surat pejabat ini bertarikh 27.9.2012 bil. (30)dlm.JKR:UB123/BDK.1/020.050/01 agar hasil rampasan atau penggunaan sebahagian daripada Jaminan Bon Pelaksanaan dan juga Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan pembaikan kecacatan dengan melantik kontraktor yang berasingan. Satu mesyuarat dengan pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan perkara yang sama telah diadakan pada 11 Januari 2013 di Kementerian Kewangan.</i></p> <p><i>Berdasarkan perkembangan terkini, Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK) Kementerian Kewanganersetuju untuk menimbang untuk meminda AP 200.4(b) bagi membolehkan Jabatan Kerajaan menggunakan Bon Pelaksanaan tersebut untuk membaiki kecacatan dan tidak perlu memasukkannya ke dalam hasil.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sekiranya kontraktor enggan/gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak JKR sepatutnya menguatkuasakan hak dengan melantik kontraktor yang berasingan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kontrak dan peraturan yang akan dipinda kelak.</p>	
8.5.7	<p>Kelewatan Mengeluarkan Perakuan Muktamad</p> <p>Berdasarkan syarat kontrak konvensional, Pegawai Pengguna hendaklah mengeluarkan Perakuan Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya DLP bagi keseluruhan kerja atau 3 bulan selepas dikeluarkan CMGD, mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad bagi Projek Redevelopment Of Kuala Terengganu Airport Project Package II - Terminal Building masih belum dikeluarkan semasa lawatan Audit walaupun CMGD telah dikeluarkan pada Julai 2010 di mana kelewatan adalah selama 652 hari.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Kelewatan Perakuan Muktamad dikeluarkan adalah kerana memerlukan penelitian yang mendalam untuk menyediakan pengukuran semula kuantiti sementara bagi keseluruhan projek serta masih terdapat tuntutan secara loss and expenses yang masih menunggu untuk diluluskan di peringkat Jawatankuasa Tuntutan. Pejabat ini akan membuat perancangan lebih awal dan teliti dalam menjalankan sesuatu projek selepas ini agar kelewatan sebegini tidak akan berlaku. Pihak JKR juga telah</i></p>	Pejabat Pegawai Pengguna akan mengeluarkan Perakuan Muktamad pada akhir bulan Jun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mengeluarkan Surat Arahan KPKR Bil. 14/2012 mengenai Prosedur Baru Penutupan Akaun yang juga selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 1/2012. Surat Arahan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk memastikan Penyata Akaun Muktamad dapat dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perakuan muktamad perlu dikeluarkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam syarat kontrak. Kelewatan mengeluarkan perakuan muktamad boleh mengakibatkan masalah kewangan kepada kontraktor.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perenggan 9 : Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu Sabah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.1.a	<p>Prestasi Projek - Prestasi Fizikal</p> <p>Tempoh asal yang ditetapkan untuk menyiapkan Paket 1 adalah selama 36 bulan iaitu mulai 21 Mei 2006 hingga 20 Mei 2009. Sebanyak 3 lanjutan masa berjumlah 290 hari telah diluluskan menjadikan tarikh siap baru ialah pada 4 Mac 2010. Manakala tempoh yang ditetapkan untuk menyiapkan Paket 2 adalah selama 36 bulan mulai 21 April 2006. Memandangkan Paket 2 juga gagal disiapkan dalam tempoh asal yang ditetapkan, sebanyak 5 lanjutan masa berjumlah 1,106 hari telah diluluskan. Bagi Paket 2, satu perjanjian tambahan telah dimeterai antara GUSB dengan Kementerian pada 13 Mac 2012 dengan kos berjumlah RM11.76 juta dan ini menjadikan tarikh siap baru ialah pada 31 Disember 2012. Mengikut perjanjian tambahan, terdapat 3 tarikh siap kerja yang berbeza yang masing-masingnya ialah Seksyen 1 pada 30 April 2012, Seksyen 2 pada 31 Ogos 2012 dan Seksyen 3 pada 31 Disember 2012. Jawatankuasa Tuntutan Kontrak telah meluluskan pembayaran berjumlah RM5.93 juta dan RM13.84 juta masing-masingnya sebagai kos tambahan sepanjang tempoh lanjutan masa Paket 1 dan Paket 2.</p>	<p>Lanjutan masa berkenaan diberikan selaras dengan peruntukan yang dibenarkan dalam kontrak.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>
9.5.1.1.b	<p>Setakat 31 Mei 2012, Paket 1 telah disiapkan mengikut jadual manakala kemajuan kerja bagi Paket 2 selepas diambil kira lanjutan masa kelima dan perjanjian tambahan.</p>	<p>Pihak KLIACS serta Kementerian Pengangkutan (MOT) telah beberapa kali menggesa GUSB untuk meningkatkan prestasi kerja di tapak. Sebagai makluman, kebanyakan baki kerja-kerja ini adalah kerja-kerja subkontraktor <i>specialist</i>. Kementerian dimaklumkan bahawa subkontraktor menghadapi masalah dengan kontraktor utama. Namun, kegagalan GUSB melaksanakan perkara tersebut telah mengakibatkan Kontrak GUSB ditamatkan.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>
9.5.1.1.c	<p>Semakan Audit mendapati Paket 1 melibatkan 2 tarikh siap kerja iaitu pertama, <i>Taking Over Certificate</i> (TOC) dikeluarkan pada 30 September 2008 dan kedua, <i>Certificate Of Practical Completion</i> (CPC) dikeluarkan pada 4 Mac 2010. Tempoh tanggungan kecacatan pertama bermula dari 30 September 2008 hingga 29 September 2010 manakala tempoh kecacatan kedua bermula dari 4 Mac 2010</p>	<p>Pihak KLIACS mengesahkan bahawa semua kecacatan telahpun dibaiki termasuk kerja pembaikan jalur siling aluminium yang kemek tersebut. Penutupan Akaun telah dibuat.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hingga 3 Mac 2012. Semakan Audit selanjutnya mendapati senarai kecacatan pertama dan kedua yang masing-masingnya berjumlah 329 dan 224 telah dikemukakan oleh KLIACS kepada WCT. Berbanding senarai tersebut, didapati sebanyak 99.7% dan 44.2% daripada jumlah keseluruhan senarai kecacatan telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.	
9.5.1.1.d	Semakan Audit mendapati komponen kerja bagi Pakej 2 iaitu <i>northern taxiway extension; apron parking and strengthening of apron; rehab, strengthening, widening, resurfing of existing taxiway and runway; main runway and taxiway and earthworks and sea reclamation</i> menunjukkan peningkatan prestasi kerja yang sangat rendah oleh GUSB bagi tahun 2010 dan 2011 yang masing-masingnya 1.6% dan 3.6%. Selepas perjanjian tambahan ditandatangani, pihak Audit mendapati kemajuan kerja masih perlana bagi tempoh 30 April hingga 31 Mei 2012 iaitu hanya 0.2% sahaja. Lawatan Audit ke beberapa lokasi tapak Projek KKIA pada 9 Julai 2012 mendapati tiada kerja yang sedang dijalankan oleh GUSB antaranya di <i>runway 20 and taxiway mike</i> . Perbincangan Audit dengan KLIACS dan GUSB berkaitan perkara ini mendapati kemajuan kerja yang rendah ini telah berlanjutan semenjak bulan Jun 2012.	Kontrak GUSB ditamatkan berkuatkuasa pada 31 Disember 2012. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan permohonan untuk melantik kontraktor pada 14 Februari 2013 dan pelantikan Perunding Rekabentuk pada 18 Februari 2013. Pihak perunding rekabentuk pakar telah menyediakan rekabentuk terperinci, <i>bill of quantities (BQ)</i> dan dokumen tender bagi kerja-kerja penyiapan baki projek. Penilaian dokumen-dokumen ini telah dilakukan dan Mesyuarat Runding Harga dijangka diadakan pada minggu ke-2 bulan Mei 2013.
9.5.1.1.e	Berdasarkan surat daripada GUSB kepada KLIACS pada 8 Julai 2010, didapati GUSB menghadapi kekangan kewangan disebabkan aliran tunainya yang terjejas akibat daripada kesan kenaikan harga serta risiko luar biasa yang tidak diudu dari kerja tanah dalam salah satu projek lapangan terbang yang diuruskannya. Keadaan tersebut turut menjelaskan pelaksanaan kerja bagi Projek KKIA. Semakan Audit mendapati ada antara sub-kontraktor yang menghadapi kesukaran melaksanakan kerja disebabkan tidak menerima bayaran daripada GUSB. Sebagai contoh, sub-kontraktor Pengurusan Ruang Udara iaitu Pans-Ops Aero tidak dapat memberi komitmen untuk memuktamadkan <i>Airspace Management And Operations Plan (ATMOP)</i> kerana tidak menerima bayaran selama 7 bulan dan memberi kesan kepada kelewatan skop kerja Pakej 2.	Tuntutan tersebut adalah bagi Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (tidak berkaitan dengan KKIA). GUSB adalah kontraktor reka dan bina bagi projek ini. <i>Variation of price (VOP)</i> yang dituntut GUSB bernilai RM113 juta adalah sebelum tahun 2008 dan tambahan kerja tanah yang diperakuan bernilai RM50,595,246.24. Tuntutan VOP telah ditolak oleh Kementerian Kewangan (MOF). Walau bagaimanapun, MOF telah meluluskan bayaran <i>ex-gratia</i> bernilai RM50,595,246.24 kepada GUSB sebagai bayaran kerja tanah.
9.5.1.1.f	Selain itu, kerja bagi Seksyen 1 yang sepatutnya disiapkan pada 30 April 2012 telah gagal disiapkan oleh GUSB. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja untuk Seksyen 1 setakat bulan Jun 2012 adalah hanya 98.8%. Sehubungan itu, pada 16 Mei 2012, Sijil Tak Siap Kerja (CNC) bagi Seksyen 1 telah dikeluarkan kepada GUSB dan seterusnya Kadar Denda dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) sejumlah RM2,598.34 sehari telah dikenakan kepada GUSB berkuat kuasa pada 1 Mei 2012 sehingga baki kerja disiapkan. Nilai baki kerja yang telah dikenakan LAD adalah berjumlah RM17.32 juta.	Manakala bagi Pakej 2, alasan yang dibangkitkan oleh GUSB mengenai kekangan kewangan yang dihadapinya tidak dipersetujui kerana justifikasi berkenaan tiada kaitan dengan Projek KKIA. Masalah antara GUSB dengan sub-kontraktor tersebut pula telah menyebabkan kerja tertangguh. Pada 26 Disember 2012, Kementerian telah mengumumkan notis penamatan GUSB dan tarikh penamatan berkuat kuasa pada 31 Disember 2012. Kementerian, KLIACS dan perunding-perunding rekabentuk yang dilantik akan memantau pelaksanaan kerja kontraktor penyelamat supaya dapat menyiapkan baki kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>15 Mac 2013</p> <p>Lanjutan masa diberikan selaras dengan peruntukan kontrak. Manakala bagi baki senarai kecacatan pertama tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan adalah kecacatan memperbaiki jalur siling aluminium yang kemik dan ia telah diselesaikan pada bulan Oktober 2012. Bagi baki senarai kecacatan kedua, sejumlah 125 kerja (55.8%) telah diselesaikan pada bulan Disember 2012. Manakala bagi Pakej 2, alasan yang dibangkitkan oleh GUSB mengenai kekangan kewangan yang dihadapinya tidak dipersetujui kerana justifikasi berkenaan tiada kaitan dengan Projek KKIA. Pihak KLIACS serta Kementerian telah beberapa kali menggesa GUSB untuk meningkatkan prestasi kerja di tapak. Namun, kegagalan GUSB melaksanakan perkara tersebut telah mengakibatkan kontrak GUSB ditamatkan pada 31 Disember 2012. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan permohonan untuk melantik kontraktor baru pada 14 Februari 2013 dan pelantikan perunding reka bentuk pada 18 Februari 2013. Baki kerja yang gagal disiapkan oleh GUSB akan disenaraikan dalam skop kerja kontraktor baru.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menamatkan kontrak GUSB. Kementerian dan KLIACS hendaklah memantau pelaksanaan kerja kontraktor baru supaya dapat menyiapkan baki kerja dalam tempoh yang dipersetujui.</p>	
9.5.1.2.a	<p>Prestasi Kewangan - Kos Projek</p> <p>Mengikut klausula 1 <i>Conditions of Contract</i> (COC), harga kontrak untuk Pakej 1 dan Pakej 2 yang dipersetujui antara kontraktor dan Kerajaan adalah masing-masingnya berjumlah RM720 juta. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Mei 2012, harga kontrak bagi kedua-dua pakej telah berubah setelah mengambil kira Arahan Perubahan Kerja (APK), Lanjutan Masa dan Perjanjian Tambahan menjadikan harga kontrak Pakej 1 ialah RM700.20 juta dan Pakej 2 berjumlah RM773.29 juta. Peruntukan yang telah diluluskan dari tahun 2006 hingga 2012 pula adalah berjumlah RM707.83 juta bagi Pakej 1 dan RM784.08 juta bagi Pakej 2. Adalah didapati peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan yang diluluskan bagi Pakej 2 adalah 93.3%. Ini antaranya disebabkan terdapat kerja yang masih belum disempurnakan oleh GUSB.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p>Lebihan peruntukan diluluskan berbanding harga kontrak yang baru adalah merupakan peruntukan tambahan yang diperolehi oleh Kementerian. Manakala prestasi kewangan yang tidak selaras dengan peruntukan yang diluluskan adalah</p>	<p>Lebihan peruntukan diluluskan berbanding harga kontrak yang baru adalah merupakan peruntukan tambahan yang diperolehi oleh Kementerian. Manakala prestasi kewangan yang tidak selaras dengan peruntukan yang diluluskan adalah disebabkan oleh kegagalan GUSB untuk mengikuti program kerja yang disediakan.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>disebabkan oleh kegagalan GUSB untuk mengikuti program kerja yang disediakan.</i>	
9.5.1.2.b	<p><i>Rolling Plan</i></p> <p>Jemaah Menteri telah bersetuju supaya perancangan dan pelaksanaan program dan projek serta penyediaan siling di bawah RMKe-10 dibuat secara <i>Rolling Plan</i> (RP) setiap dua tahun. Melalui kaedah RP ini, Kerajaan mempunyai ruang untuk mengambil kira keutamaan dan mengelak berlakunya <i>over commitment</i> memandangkan siling peruntukan disediakan berdasarkan keupayaan semasa kewangan Kerajaan. Objektif pelaksanaan RP adalah untuk memudahkan UPE memantau kemajuan projek dari aspek kewangan. Peruntukan yang diluluskan bagi Projek KKIA meliputi RP 1 dan 2 dan ia berdasarkan unjuran perbelanjaan yang dikemukakan oleh Kementerian selepas sesi perbincangan antara UPE dengan Kementerian. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan Projek KKIA berdasarkan RP mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sungguhpun Pakej 1 telah disiapkan pada 4 Mac 2010, namun peruntukan di bawah RP 1 telah diluluskan berjumlah RM10.50 juta. Peruntukan tersebut diluluskan kerana tuntutan WCT bagi kerja pengubahsuaian yang dibuatnya setelah GUSB gagal untuk menyiapkan sistem <i>Aeronautical Ground Lighting</i> (AGL) yang baru dan penyenggaraan <i>Constant Current Regulator</i> (CCR) sedia ada mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, ia juga bagi membayai kos tambahan akibat penangguhan penghantaran <i>Passenger Loading Bridge</i> (PLB) ke tapak binaan; dan ii. Untuk Pakej 2, Kementerian telah diluluskan peruntukan bagi RP 1 berjumlah RM34.50 juta dan RM18.08 juta (52.4%) daripada jumlah itu telah dibelanjakan. Manakala bagi RP 2, peruntukan berjumlah RM20.60 juta telah diluluskan dan sehingga bulan Mei 2012 sejumlah RM12.26 juta (59.5%) telah dibelanjakan. Memandangkan terdapat lebihan peruntukan bagi RP 1 akibat kemajuan kerja Pakej 2 yang perlahan, ia akan dibawa ke RP 2 kerana program kerja yang sepatutnya dilaksanakan dalam RP 1 tidak diselesaikan dan menyebabkan skop kerja tersebut terpaksa dibuat penjadualan semula dalam RP 2. Berdasarkan temu bual dengan UPE, projek pembangunan lain yang dirancang oleh Kementerian menggunakan peruntukan RP akan terjejas sekiranya terdapat projek dalam senarai Kementerian seperti KKIA yang tidak dapat diuruskan dengan jayanya. <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian telah menguruskan perbelanjaan secara teratur dan bersistematis dengan merangka unjuran perbelanjaan berdasarkan kepada prestasi kemajuan</i></p>	<p>Kementerian telah menguruskan perbelanjaan dengan teratur dan sistematis. Unjuran perbelanjaan yang dirangka juga adalah berdasarkan kepada prestasi kemajuan projek dengan tempoh pelaksanaan yang ditetapkan mengikut Kontrak. Masalah kewangan dalaman yang dihadapi oleh pihak Kontraktor Pakej 2 adalah di luar kawalan Kementerian. Oleh demikian, kemajuan pelaksanaan yang lembab daripada Kontraktor akibat masalah dalaman tersebut tidak wajar dikaitkan dengan kelemahan dalam menguruskan perbelanjaan dengan lebih teratur dan sistematis.</p> <p>Kementerian telah bertindak melakukan penyelarasan dalaman dengan memindahkan baki peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan oleh Kontraktor pakej 2 ini kepada projek-projek lain yang lebih memerlukan. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, pihak Kementerian telah membelanjakan peruntukan diberi dengan teratur.</p> <p>Perancangan dan pelaksanaan program dan projek serta penyediaan siling di bawah RMKe-10 dibuat secara <i>Rolling Plan</i> (RP). Melalui kaedah RP ini, Kementerian telah mengambil kira keutamaan dan mengelak berlakunya <i>over commitment</i> memandangkan siling peruntukan disediakan berdasarkan keupayaan semasa kewangan Kerajaan. Selain itu, EPU juga telah dimaklumkan melalui surat dan perbincangan bagi memudahkan UPE memantau kemajuan projek dari aspek kewangan. Peruntukan yang diluluskan bagi Projek KKIA meliputi RP 1 dan 2 dan ia berdasarkan unjuran perbelanjaan yang dikemukakan oleh Kementerian selepas sesi perbincangan antara UPE dengan Kementerian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p>projek. Masalah kewangan dalaman yang dihadapi oleh pihak kontraktor Pakej 2 adalah di luar kawalan Kementerian. Kementerian juga telah melakukan penyelarasan dalaman dengan memindahkan baki peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan oleh kontraktor Pakej 2 ini kepada projek-projek lain yang lebih memerlukan.</p>																
9.5.2.1.a	<p>Pengurusan Projek - Kajian Kemungkinan</p> <p>Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, kajian kemungkinan yang meliputi analisis bagi menunjukkan sama ada sesuatu projek itu berdaya maju hendaklah dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Analisis tersebut antaranya hendaklah merangkumi analisis pasaran, kewangan, ekonomi, sosial dan teknikal serta kesan terhadap alam sekitar. Semakan Audit mendapati tiada kajian kemungkinan secara khusus untuk Projek KKIA dilakukan oleh Kementerian. Semakan Audit selanjutnya mendapati KLIACS turut berpendapat supaya satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji semula keupayaan semasa parkir Apron terutama yang melibatkan kehendak Low Cost Carrier akibat penambahan syarikat penerbangan seperti Fly Firefly Sdn. Bhd. dan kadar pertumbuhan penumpang yang meningkat. Perkara ini disebabkan reka bentuk Projek KKIA adalah berdasarkan kadar penumpang yang sederhana. Semakan Audit selanjutnya di Bahagian Udara, Kementerian mendapati prestasi trafik penumpang di KKIA bagi Terminal 1 dan 2 iaitu dari seramai 4.3 juta orang penumpang pada tahun 2007 ke 5.8 juta orang penumpang pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan ketara daripada aspek penumpang.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Walaupun tiada kajian kemungkinan secara khusus, keperluan untuk peningkatan Projek KKIA telah dikenal pasti secara terperinci oleh Kementerian dalam Government Need Statement (GNS).</i></p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Berdasarkan data pergerakan penumpang dan pesawat yang diperolehi dari DCA dan MAHB, Kementerian mendapati terdapat keperluan untuk menaiktaraf KKIA dilaksanakan segera. Ini kerana jumlah pergerakan penumpang telah melebihi kapasiti terminal iaitu 3 juta penumpang setahun. Kajian Pelan Induk Kebangsaan (PIK) oleh Malaysia Airport Berhad pada tahun 2008 telah mengambil kira keperluan sehingga tahun 2056.</i></p>	<p>Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah adalah lapangan sedia ada. Berdasarkan data pergerakan penumpang dan pesawat yang diperolehi dari DCA dan MAHB, Kementerian mendapati terdapat keperluan untuk menaiktaraf KKIA dilaksanakan segera. Ini kerana jumlah pergerakan penumpang telah melebihi kapasiti terminal seperti pada Jadual 1.</p> <p>Jadual 1 - Pergerakan Penumpang dan Pesawat KKIA Dari 2003 hingga 2006</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Jumlah Penumpang</th><th>Jumlah Pesawat</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2003</td><td>3,302,366</td><td>42,491</td></tr> <tr> <td>2004</td><td>3,918,201</td><td>50,313</td></tr> <tr> <td>2005</td><td>3,975,136</td><td>49,680</td></tr> <tr> <td>2006</td><td>4,015,221</td><td>50,594</td></tr> </tbody> </table> <p>*Kapasiti Terminal adalah 3 juta penumpang setahun</p> <p>Kajian Pelan Induk Kebangsaan/ National Airport Master Plan (NAMP) oleh Malaysia Airport Berhad pada tahun 2008 telah mengambil kira keperluan sehingga 2056.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>	Tahun	Jumlah Penumpang	Jumlah Pesawat	2003	3,302,366	42,491	2004	3,918,201	50,313	2005	3,975,136	49,680	2006	4,015,221	50,594
Tahun	Jumlah Penumpang	Jumlah Pesawat															
2003	3,302,366	42,491															
2004	3,918,201	50,313															
2005	3,975,136	49,680															
2006	4,015,221	50,594															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.1.b	<p>Sungguhpun tiada kajian kemungkinan dibuat secara khusus untuk Projek KKIA, namun <i>master plan</i> pembangunan KKIA telah disediakan oleh Kementerian untuk rancangan pembangunan pengambilan tanah bagi 10 tahun yang bermula dari tahun 2006 hingga 2016. <i>Master plan</i> tersebut menjurus kepada pembesaran infrastruktur di persekitaran Terminal 1 yang merupakan Terminal Utama KKIA. Berdasarkan <i>master plan</i> tersebut, masih banyak tanah kosong di persekitaran Terminal 1 yang belum dibangunkan berbanding persekitaran Terminal 2 yang terhad kawasannya. Lawatan Audit ke persekitaran Terminal 1 dan Terminal 2 pada 9 dan 12 Julai 2012 mendapati lokasi tanah kosong adalah seperti yang digambarkan dalam <i>master plan</i> tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Walaupun tidak ada kajian kemungkinan secara khusus bagi KKIA, keperluan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut telah dikenal pasti secara terperinci oleh Kementerian dalam Government Need Statement (GNS). Kajian Pelan Induk Kebangsaan (PIK) adalah juga berdasarkan kepada keperluan GNS. Kementerian mengambil maklum terhadap cadangan penyediaan Kajian Kemungkinan akan disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu projek pembangunan baru melebihi RM50 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian telah mengambil tindakan yang tepat dengan menyediakan <i>master plan</i>. Bagaimanapun <i>master plan</i> ini perlu selari dengan kajian kemungkinan yang sepatutnya dibuat secara menyeluruh di peringkat awal sebelum Projek KKIA dijalankan. Sekiranya kajian hanya dijalankan untuk mengkaji semula keupayaan KKIA setelah Pakej 1 disiapkan dan Pakej 2 masih dalam proses pembinaan, ianya akan memberi kesan kepada peningkatan kos projek kerana skop asal projek akan berubah sejajar dengan kajian tersebut.</p>	<p>Walaupun tidak ada kajian kemungkinan secara khusus bagi KKIA, keperluan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut telah dikenal pasti secara terperinci oleh Kementerian dalam Government Need Statement (GNS). Kajian Pelan Induk Kebangsaan (PIK)/ National Airport Master Plan (NAMP) dilaksanakan pada tahun 2008 adalah juga berdasarkan kepada keperluan GNS.</p> <p>Kementerian Pengangkutan (MOT) mengambil maklum terhadap cadangan penyediaan Kajian Kemungkinan akan disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu projek pembangunan baru melebihi RM50 juta dilaksanakan memandangkan NAMP perlu dikemaskini mengikut keperluan semasa.</p> <p>Sebagai makluman, kajian kemungkinan telah diadakan untuk Cadangan Pembinaan Lapangan Terbang Baru Lahad Datu.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>
9.5.2.2.a	<p>Pengambilan Tanah - Pengambilan Tanah Persendirian</p> <p>Mengikut Ordinan Pengambilan Tanah Negeri Sabah Bab 69, pengisyhtaran di bawah seksyen 3, antaranya menyatakan Kerajaan Negeri perlu mengisyiharkan tanah yang hendak diambil bagi maksud awam. Pada 5 Mei 2006, mesyuarat yang dipengerusikan oleh JKPTG telah memutuskan permohonan tanah milik persendirian di bahagian timur KKIA perlu dibuat untuk menempatkan <i>approach light</i>. Tanah tersebut merupakan sebahagian daripada tanah Kelab Lumba Kuda Diraja Sabah (RSTC). Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <p>i. Sungguhpun permohonan pengambilan tanah telah diputuskan pada bulan Mei 2006, namun pewartaan tanah hanya dibuat pada 6 November 2008 dan</p>	<p>Kementerian telah memberi keutamaan dalam isu pengambilan tanah dan telah menghantar banyak surat peringatan/perhubungan kepada Jabatan Tanah dan Ukar (JTU).</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>13 November 2008. Berdasarkan tarikh pewartaan bagi tujuan pengambilan tanah tersebut, KLIACS memaklumkan kerja di kawasan berkaitan telah dijadualkan semula pada 1 Februari 2009. Kesan terhadap kelewatan pewartaan tersebut telah menyebabkan 2 kali perubahan dalam penjadualan semula kerja tanah daripada tarikh asal yang ditetapkan iaitu pada 5 September 2006 (perbezaan sebanyak 879 hari). RSTC seterusnya hanya bersetuju untuk membenarkan kerja dalam kawasan terlibat pada 5 Oktober 2009.</p> <p>ii. Antara penyebab utama kelewatan kebenaran memasuki kawasan oleh RSTC adalah akibat kelewatan Kerajaan Negeri Sabah menyediakan kawasan sementara bagi operasi kandang kuda di Tambalang untuk RSTC. Ini menyebabkan kelewatan penyerahan kawasan kepada GUSB dan menjadi antara punca lanjutan masa diluluskan kepada GUSB. Jumlah peningkatan kos akibat lanjutan masa tersebut adalah RM9.05 juta, iaitu melebihi daripada kos pengambilan tanah yang berjumlah RM8.04 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian telah memberi keutamaan dalam isu pengambilan tanah dan telah menghantar banyak surat peringatan/perhubungan kepada Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU), Negeri Sabah.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses pengambilan tanah persendirian sepatutnya diberi keutamaan kerana implikasi kelewatan memberi kesan kepada projek ini. Selain itu, walaupun tanah telah diwartakan tetapi akibat syarat antara Kerajaan Negeri dengan RSTC tidak diselesaikan menyebabkan kebenaran masuk tapak ditangguhkan; kelulusan lanjutan masa dan kos kerja awalan projek bertambah.</p>	
9.5.2.2.b	<p>Pengambilan Tanah Bukan Persendirian</p> <p>Pengambilan tanah bukan persendirian melibatkan 3 lot tanah seluas 106.7 hektar dengan anggaran kos berjumlah RM32.21 juta, manakala anggaran cukai tahunan adalah berjumlah RM3.22 juta.</p> <p>Semakan Audit terhadap pengambilan tanah bukan persendirian mendapati perkara berikut:-</p> <p>i. Permohonan bagi lot PT2003010031 telah didaftarkan pada 17 Februari 2003. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati proses keseluruhan pengambilan tanah bagi lot tersebut mengambil masa yang lama. Adalah didapati proses permohonan tanah sehingga pembayaran premium tanah mengambil masa sehingga 2,780 hari.</p>	<p>Permohonan tanah-tanah tersebut telah dibuat pada tahun 2003 iaitu 3 tahun sebelum Projek Peningkatan KKIA dilaksanakan pada tahun 2006.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Permohonan bagi lot PT2013010032 dan PT2003010033 telah dibuat pada tahun 2003. Hasil perbincangan Audit dengan Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah dan KLIACS pada 5 dan 6 Julai 2012 mendapati permohonan bagi tanah lot PT2003010033 bertindih dengan permohonan Kerajaan Negeri untuk membina Terminal Bas Selatan (Kepayan) bersebelahan dengan KKIA.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari Dan 15 Mac 2013</p> <p><i>Permohonan tanah-tanah tersebut telah dibuat pada tahun 2003 iaitu 3 tahun sebelum Projek Peningkatan KKIA dilaksanakan pada tahun 2006. DCA masih menunggu keputusan tawaran keluasan tanah daripada pihak JTU Sabah. Pada 24 Disember 2012, JTU memaklumkan bahawa tanah PT 2003010033 masih berstatus tanah Kerajaan Negeri Sabah dan permohonan ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses perancangan dan permohonan pemilikan tanah sepatutnya dilaksanakan dengan lebih teratur. Bagi pemilikan tanah lot PT2003010031, pihak Audit berpendapat tempoh masa bagi proses pemilikan tanah adalah terlalu lama.</p>	<p>DCA masih menunggu keputusan tawaran keluasan tanah daripada pihak JTU Sabah. Pada 24 Disember 2012, JTU memaklumkan bahawa tanah PT 2003010033 masih berstatus tanah Kerajaan Negeri Sabah dan permohonan ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.</p>
9.5.2.3.a	<p>Pentadbiran Kontrak - Menandatangani Dokumen Kontrak</p> <p>Dokumen kontrak mesti ditandatangani oleh kontraktor dan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120]. Bahagian Kewangan, Kementerian telah mengeluarkan memo pada 10 Oktober 2006 dan 27 Julai 2006 yang masing-masingnya bagi Paket 1 dan Paket 2 yang menyatakan YB Menteri Pengangkutan telah bersetuju menurunkan kuasa untuk membolehkan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) menandatangani dokumen kontrak Paket 1 dan Paket 2 bagi pihak Kerajaan. Bagaimanapun sehingga pengauditan selesai dijalankan, surat penurunan kuasa di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 masih belum dikemukakan untuk pengesahan Audit.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari Dan 15 Mac 2013</p> <p><i>Surat penurunan kuasa bagi Kontrak Projek KKIA tidak dapat dikesan sehingga kini. Kementerian telah mengeluarkan Surat Arahan Penurunan Kuasa yang baru</i></p>	<p>Kementerian telah mengeluarkan Surat Arahan Penurunan Kuasa yang baru dari YB Menteri Pengangkutan apabila berlaku pertukaran pegawai kanan dan had nilai kontrak yang melebihi kuasa yang diberikan sebelum ini selain mengemas kini sistem fail kontrak dari masa ke semasa.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada YB Menteri Pengangkutan apabila berlaku pertukaran pegawai kanan dan had nilai kontrak yang melebihi kuasa yang diberikan sebelum ini selain mengemas kini sistem fail kontrak dari masa ke semasa.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu peka mengenai pentadbiran kontrak dengan memastikan setiap dokumen kontrak mestilah disimpan dengan selamat dan diuruskan secara sistematik.</p>	
9.5.2.4.a	<p>Pematuhan Undang-Undang Alam Sekitar - <i>Environmental Impact Assesment (EIA) Tambahan Dan Kajian Hidraulik</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berdasarkan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002, EIA perlu disediakan untuk kelulusan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) bagi aktiviti penebusgunaan tanah di tepi laut atau di tebing sungai sebelum projek dilaksanakan. Laporan EIA bagi aktiviti berkenaan untuk projek KKIA telah disediakan oleh perunding GUSB iaitu Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. (Chemsain) dan telah diluluskan oleh JPAS pada 13 Februari 2007. Bagaimanapun, adalah didapati pelan di dalam laporan EIA yang telah disediakan tersebut tidak menunjukkan lokasi bagi aktiviti pengorekan untuk komponen pembinaan <i>precision approach lighting</i> (PAL). Oleh itu, JPAS pada 16 Jun 2008 telah mengarahkan GUSB untuk mengemukakan <i>Supplementary Report</i>. Semakan Audit mendapati Chemsain telah mengemukakan laporan tersebut pada 1 Julai 2008. ii. Berdasarkan <i>Supplementary Report</i>, sebanyak 16 PAL akan dibina di bahagian selatan kawasan penebusgunaan laut berhadapan dengan Muara Sg. Petagas. Bagi pembinaan PAL, kerja cerucuk diperlukan dan pengorekan pasir di dasar laut akan dilakukan. Berdasarkan pertambahan skop tersebut, JPAS telah mengarahkan GUSB melaksanakan kajian EIA tambahan dan kajian hidraulik. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati hanya kajian hidraulik telah disediakan oleh GUSB tetapi ia mengambil masa selama satu tahun tujuh bulan untuk dikemukakan kepada JPAS dari tarikh yang ditetapkan. iii. Bagi penyediaan kajian EIA tambahan, Chemsain memaklumkan laporan mengenainya boleh dirujuk kepada laporan EIA yang disediakan perunding lain seperti EPR (Kuching) Sdn. Bhd. Ini kerana aktiviti pembinaan PAL adalah sebahagian daripada komponen projek landasan dan ia berasingan dengan aktiviti pengorekan pasir untuk pembinaan PAL yang sedang dijalankan oleh GUSB. Sehubungan itu, pada 9 Jun 2010, JPAS telah mengeluarkan surat untuk memaklumkan syarat tambahan kepada GUSB. 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.4.b	<p>Kegagalan Kontraktor Mematuhi Syarat Tambahan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh GUSB adalah antaranya menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Pantai (PTPP) berkaitan dengan program pemantauan dan langkah pemuliharaan terhadap hakisan pantai. Bagaimanapun pada 29 Jun 2010, GUSB telah membuat rayuan kepada Kementerian supaya penyediaan PTPP dipertanggungjawabkan kepada Kementerian. Pada 3 Ogos 2010, Kementerian telah memaklumkan kepada JPAS bahawa kaedah pengorekan pasir di kawasan pembinaan adalah atas pilihan kontraktor sendiri dan sebarang kos yang terlibat dengannya adalah menjadi tanggungan kontraktor. Kementerian juga berpandangan PTPP perlu disediakan oleh kontraktor sepanjang tempoh projek termasuklah tempoh tanggungan kecacatan. Sehingga tarikh pengauditan selesai dijalankan, PTPP masih tidak disediakan oleh kontraktor seperti yang dikehendaki oleh JPAS. ii. Memandangkan PTPP masih gagal disediakan oleh GUSB, JPAS telah mengenakan pindaan terhadap syarat tambahan iaitu GUSB perlu menggunakan kaedah pembinaan PAL yang mesra alam tanpa melibatkan sebarang bentuk pengorekan pasir dasar laut atau pasir di kawasan Muara Sg. Petagas. Syarat tambahan tersebut juga dibuat berdasarkan daripada aduan awam; pemeriksaan JPAS ke tapak projek serta penelitian semula terhadap laporan kajian hidraulik; <i>Supplementary Report</i> serta semua maklumat tambahan susulan oleh Chemsain. iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 25 Januari 2011, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Sabah (JPS) telah memberi maklum balas kepada JPAS berhubung kaedah pembinaan mesra alam yang dicadangkan. JPS berpandangan bahawa kaedah tersebut adalah memadai dan boleh dipertimbangkan berdasarkan faktor penggunaan <i>temporary steel staging as working platform</i> dan ianya bersifat sementara. Seterusnya pada 31 Januari 2011, JPAS bersetuju dengan kaedah pembinaan PAL dengan menggunakan kaedah <i>temporary steel staging as working platform</i>. iv. Perjanjian tambahan pada 13 Mac 2012 yang bernilai RM11.76 juta telah ditandatangani di antara Kementerian dengan GUSB kerana penggunaan kaedah tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati GUSB telah melanggar perjanjian tambahan kerana melalui surat GUSB kepada JPAS pada 17 Mei 2012, GUSB akan meneruskan kerja pembinaan menggunakan <i>barge</i> yang akan menggantikan <i>temporary steel staging</i> seperti yang dipersetujui sebelum ini. Pada 28 Jun 2012, KLIACS telah mengeluarkan <i>Non Conformance Report</i> (NCR) kepada GUSB kerana menjalankan kerja tanpa menggunakan kaedah yang dibenarkan dan tanpa mengemukakan dokumen untuk kelulusan. 	<p>Kontrak GUSB ditamatkan berkuatkuasa pada 31 Disember 2012. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan permohonan untuk melantik kontraktor pada 14 Februari 2013 dan pelantikan Perunding Rekabentuk pada 18 Februari 2013. Pihak perunding rekabentuk pakar telah menyediakan rekabentuk terperinci, <i>bill of quantities (BQ)</i> dan dokumen tender bagi kerja-kerja penyiapan baki projek. Penilaian dokument-dokumen ini telah dilakukan dan Mesyuarat Runding Harga dijangka diadakan pada minggu ke-2 bulan Mei 2013.</p> <p>Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) dalam surat bertarikh 25 September 2012 telah memaklumkan aktiviti pembinaan <i>Precision Approach Light (PAL)</i> hendaklah tidak melibatkan sebarang pengekstrakan, pengalihan pasir atau aktiviti penebusgunaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Lawatan Audit selanjutnya pada 11 Julai 2012 ke lokasi projek mendapati tiada aktiviti pembinaan cerucuk PAL kerana barge telah rosak.</p> <p>v. Sehingga tarikh pengauditan selesai dijalankan, adalah didapati JPAS masih belum meluluskan EIA (setelah tertakluk kepada syarat tambahan) bagi aktiviti kendalian GUSB tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari Dan 15 Mac 2013</p> <p><i>Setelah penamatan GUSB pada 31 Disember 2012, kontraktor baru yang dilantik akan dipastikan untuk menjalankan kerja mengikut syarat dan peraturan EIA yang berkuat kuasa. Satu mesyuarat khas telah diadakan pada 25 Februari 2013 bagi mengenalpasti perkara-perkara berbangkit sebelum kerja dijalankan.</i></p>	
9.5.2.4.c	<p>Kesan Terhadap Kelewatan Penyelesaian Masalah EIA</p> <p>Semakan Audit mendapati kesan terhadap kelewatan dalam menyelesaikan masalah EIA menyebabkan masalah hakisan tanah masih berlaku di Muara Sg. Petagas. Hasil lawatan Audit pada 12 Julai 2012 ke Kg. Contoh, Petagas mendapati berlaku hakisan di kawasan pantai yang memberi kesan kepada rumah yang berada di kawasan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan terdapat penduduk meninggalkan rumah mereka kerana faktor keselamatan. Terdapat juga penduduk yang membina benteng batu dengan kos pembinaan ditanggung oleh mereka sendiri.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Kementerian telah menetapkan bahawa pembinaan PAL perlu mengikut kaedah mesra alam yang telah diluluskan oleh JAS sebelum ini iaitu secara staging platform. Memandangkan kelulusan sebelum ini diberikan kepada GUSB, maka kontraktor sivil baru yang dilantik bagi menyiapkan kerja tersebut perlu mengemukakan semula permohonan kepada JAS untuk kelulusan dengan menggunakan kaedah pembinaan yang sama.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyelesaikan masalah EIA memberi kesan negatif kepada pelbagai aspek termasuk orang awam dan alam sekitar. Kementerian perlu memastikan kaedah bagi pembinaan <i>precision approach light</i> kelak tidak akan menyebabkan hakisan pantai.</p>	<p>Kementerian akan memastikan kontraktor penyelamat (Musyati Sdn Bhd) mengikuti syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) dalam menjaga kepentingan awam dan alam sekitar. Rundingan Harga dengan pihak Musyati Sdn Bhd akan diadakan pada minggu ke-2 bulan Mei 2013.</p> <p>JPAS dalam surat bertarikh 25 September 2012 telah memaklumkan aktiviti pembinaan <i>Precision Approach Light</i> (PAL) hendaklah tidak melibatkan sebarang pengekstrakan, pengalihan pasir atau aktiviti penebusgunaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.5	<p>Isu <i>Interfacing</i> Antara Kontraktor</p> <p>Berdasarkan Klausula 31(f), (g) dan (h) COC, sekiranya kerja <i>interface</i> gagal dilaksanakan, kontraktor layak membuat tuntutan kos tambahan dan lanjutan masa. Sebahagian skop kerja kontraktor Pakej 2 (GUSB) adalah melibatkan kerja <i>interface</i> dengan kontraktor Pakej 1 (WCT). Semakan Audit mendapati kesan daripada kelembapan kemajuan kerja GUSB telah menyebabkan lanjutan masa pertama dan kedua kepada WCT diluluskan dan kos tambahan sepanjang tempoh 2 lanjutan masa tersebut berjumlah RM5.93 juta. Selain itu, WCT telah membuat tuntutan kos tambahan kerana kelewatan kerja <i>maintaining existing Constant Current Regulator (CCR)</i> dan <i>Aeronautical Ground Lighting (AGL) control room at ETB</i> dan penangguhan penghantaran <i>Passenger Loading Bridge (PLB)</i> ke tapak bina. Semakan Audit mendapati tuntutan WCT bagi kerja <i>maintaining existing CCR</i> dan <i>AGL control room at ETB</i> selepas perbincangan adalah berjumlah RM0.69 juta manakala jumlah yang disyorkan oleh KLIACS adalah berjumlah RM0.68 juta. Manakala tuntutan WCT bagi kerja melibatkan penangguhan penghantaran PLB ke tapak bina adalah berjumlah RM0.73 juta dan jumlah yang disyorkan oleh KLIACS adalah berjumlah RM0.26 juta. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap butiran yang dilampirkan oleh Kementerian dalam notis penamatan pengambilan kontraktor kepada GUSB yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2012 tidak menunjukkan jumlah penolakan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>GUSB dan WCT telah mempunyai program kerja yang telah dipersetujui. Namun begitu, GUSB telah gagal mematuhi program tersebut dan telah mengakibatkan kelewatan kepada WCT. Surat peringatan daripada Kementerian telah diberikan dan perbincangan telah dibuat agar kontraktor dapat mematuhi program masing-masing. Penolakan nilai caj kelewatan (backcharge) kerja menyahtauliah peralatan CCR dan penyediaan Parking Apron di Bay 6, 7 dan 8 untuk pemasangan PLB akan dibuat apabila Akaun Muktamad disediakan.</i></p>	<p>GUSB dan WCT telah mempunyai program kerja yang telah mempunyai persetujuan. Namun begitu, GUSB telah gagal mematuhi program tersebut dan telah mengakibatkan kelewatan kepada WCT. Surat peringatan dari Kementerian telah diberikan dan perbincangan telah dibuat agar Kontraktor dapat mematuhi program masing-masing. Penolakan nilai caj kelewatan (<i>backcharge</i>) kerja menyahtauliah peralatan CCR dan penyediaan <i>Parking Apron</i> di Bay 6, 7 dan 8 untuk pemasangan PLB akan dibuat apabila Akaun Muktamad disediakan.</p> <p>Bon pelaksanaan projek bernilai RM36 juta juga telah dituntut dan telah diterima daripada Bank Pembangunan oleh pihak Kerajaan untuk digunakan bagi menyiapkan baki projek.</p>
9.5.3.1.a	<p>Kualiti Pembinaan - Pemasangan <i>Instruments Landing System (ILS)</i> Tidak Mengikut Jadual</p> <p><i>Instruments Landing System (ILS)</i> adalah suatu sistem yang digunakan oleh juruterbang untuk membuat pendaratan (precision approach) yang lebih selamat. Komponen sistem ini akan memberi panduan kepada juruterbang bagi membolehkan sesebuah pesawat dapat terbang ke tahap yang lebih tepat ke <i>center line runway</i> di samping paras ketinggian yang rendah lebih kurang 200 kaki sebelum membuat pendaratan. Berdasarkan perjanjian tambahan, pemasangan ILS yang merangkumi <i>localizer</i>, <i>distance measuring equipment</i> dan <i>glide path</i> adalah antara skop kerja di</p>	<p>Kontrak GUSB telah ditamatkan pada 31 Disember 2012. Kerja pemasangan ILS ini telah dimasukkan ke dalam skop kerja kontraktor penyelamat (International Aeradio (M) Sdn Bhd). Rundingan Harga dengan Kontraktor akan diadakan pada minggu ke-dua bulan Mei 2013. Kerja-kerja ini akan dipantau dengan bantuan Epsilon Jurutera Perunding (S) Sdn Bhd sebagai juruperunding rekabentuk dan KLIACS selaku Project</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bawah Seksyen 2 dan dijadualkan untuk disiapkan pada 31 Ogos 2012. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kemajuan kerja pada bulan Jun 2012 hanya 0.08% sahaja.	<i>Management Consultant (PMC).</i>
9.5.3.1.b	<p>Seterusnya, pihak Audit telah menemu bual juruterbang Malaysia Airlines (MAS) bagi perjalanan Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur pada 13 Julai 2012 dan beliau berpendapat kelewatan dalam pemasangan ILS ini menyukarkan juruterbang untuk membuat pendaratan di paras yang lebih rendah terutamanya dalam keadaan cuaca buruk termasuk jerebu. Dalam keadaan cuaca baik, fasiliti ini masih diperlukan terutamanya oleh pesawat yang membawa penumpang (commercial airlines) bagi memberi jaminan dan keyakinan kepada juruterbang untuk membuat pendaratan. Selain itu, kelewatan dalam pemasangan ILS akan memberi kesan kepada aspek keselamatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>ILS adalah sebuah fasiliti yang meningkatkan kecekapan operasi kapal udara. ILS tidak mempengaruhi tahap keselamatan operasi kapal udara. Masih terdapat beberapa lapangan terbang dan landasan di negara ini yang tidak mempunyai ILS tetapi selamat digunakan untuk pendaratan kapal udara. Pada masa ini, pendaratan visual approach dan VOR/DME approach digunakan di LTAB Kota Kinabalu sejak 1 Mei 2012 selaras dengan AIP Supplement 21/2011 bertarikh 3 November 2011.</i></p>	<p>ILS adalah sebuah fasiliti yang meningkatkan kecekapan operasi kapal udara. ILS tidak mempengaruhi tahap keselamatan operasi kapal udara. Masih terdapat beberapa lapangan terbang dan landasan di negara ini yang tidak mempunyai ILS tetapi selamat digunakan untuk pendaratan kapal udara. Pada masa ini, pendaratan visual approach dan VOR/DME approach digunakan di LTAB Kota Kinabalu sejak 1 Mei 2012 selaras dengan AIP Supplement 21/2011 bertarikh 3 November 2011.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>
9.5.3.1.c	Semakan Audit selanjutnya mendapati sebahagian peralatan ILS yang dibeli pada bulan Jun 2008 masih belum dipasang serta hanya disimpan dalam kontena dan stor. Perkara yang sama turut berlaku kepada <i>Aeronautical Ground Lighting (AGL)</i> yang dibuat perolehan pada bulan Jun 2007. Nilai peralatan yang belum dipasang ini tidak dapat ditentukan kerana kosnya dinyatakan secara <i>lump sum</i> di dalam kontrak.	Kontrak GUSB telah ditamatkan pada 31 Disember 2012. Kerja pemasangan ILS ini telah dimasukkan ke dalam skop kerja kontraktor penyelamat (International Aeradio (M) Sdn Bhd). Rundingan Harga dengan kontraktor akan diadakan pada minggu ke-dua bulan Mei 2013. Kerja-kerja ini akan dipantau dengan bantuan Epsilon Jurutera Perunding (S) Sdn Bhd sebagai juruperunding rekabentuk dan KLIACS selaku <i>Project Management Consultant (PMC)</i> projek.
9.5.3.1.d	Pihak Audit selanjutnya dimaklumkan kedua-dua peralatan ini telah tamat tempoh jaminan kilang. Bagaimanapun, pihak GUSB menegaskan bahawa peralatan ini masih di bawah tanggungan GUSB sehingga tamat tempoh kecacatan selama dua tahun.	Peralatan yang dipasang oleh kontraktor baru (International Aeradio (M) Sdn Bhd), akan dipastikan berfungsi dengan sempurna sepanjang tempoh <i>Defect Liability Period (DLP)</i> .
	Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Oleh kerana GUSB telah ditamatkan kontraknya, ujian terhadap peralatan ini akan dimasukkan ke dalam dokumen tender menyiapkan baki kerja. Oleh kerana peralatan tersebut merupakan peralatan specialist subcontractor, perlindungan waranti akan diperolehi daripada mereka. Sekiranya didapati tidak berfungsi atau tidak menepati kehendak kontrak, maka peralatan ini perlu diganti dan semua perbelanjaan lebihan ini akan di caj kepada GUSB ketika penyediaan Akaun Muktamad projek kelak.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pemasangan ILS dimasukkan ke dalam skop kerja kontraktor baru. Selain itu, jaminan kilang adalah penting bagi memastikan peralatan yang dipasang adalah pada kondisi yang terbaik. Sekiranya jaminan kilang telah tamat lebih awal, kemungkinan untuk pihak Kerajaan menanggung kos kerosakan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan oleh kontraktor adalah tinggi. Komponen dan peralatan projek hendaklah disimpan dengan baik dan selamat bagi memastikan kualiti komponen dan peralatan berada pada tahap maksimum apabila dipasang.</p>	
9.5.3.2.a	<p>Pembaikan Runway Dan Taxiway Tidak Mengikut Jadual</p> <p>Skop kerja Pakej 2 juga melibatkan kerja <i>rehabilitation and strengthening works</i> pada <i>runway</i> dan <i>taxiway</i> sedia ada dan ini meliputi kerja menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan 3 buah <i>pumping station</i> untuk mengawal paras air di kawasan <i>runway</i>. Semakan Audit mendapati GUSB telah melakukan kerja-kerja pembaikan pada <i>runway</i> sebelum tempoh pembinaan bermula iaitu pada awal tahun 2006 bagi memastikan keadaan <i>runway</i> selamat digunakan. Namun, pada awal tahun 2009, kerja pembaikan di kawasan <i>runway</i> dan <i>taxiway</i> tidak dijalankan mengikut jadual.</p>	<p>Baki kerja dengan kuantiti kerja (BQ) telah disediakan oleh Perunding Jubsar Sdn Bhd. Berdasarkan kepada BQ ini, satu rundingan harga akan diadakan dengan kontraktor Musyati Sdn Bhd pada minggu ke-2 bulan Mei 2013.</p>
9.5.3.2.b	<p>Semakan Audit mendapati mengikut perancangan, kerja perparitan sepatutnya dilaksanakan oleh GUSB mulai 10 Oktober 2006 sehingga 14 Januari 2009. Bagaimanapun, komponen kerja perparitan masih tidak disiapkan sepenuhnya sehingga <i>overall work programme</i> telah dijadualkan semula sebanyak 5 kali. Sebanyak 3 kolam takungan berserta <i>pump station</i> telah disiapkan tetapi ianya beroperasi secara manual dan hanya selepas perjanjian tambahan ditandatangani, <i>water level censor</i> dan <i>permanent power supply</i> dipasang dan beroperasi sepenuhnya secara automatik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Ketiga-tiga pump station telah siap dan beroperasi secara automatik. Bagaimanapun, masih terdapat sepanjang 300 meter longkang yang menghubung kepada pump station 1 yang masih belum siap. Akan tetapi, dengan berfungsinya stesen-stesen pam ini, paras air dapat dikawal. Baki kerja yang belum siap akan disiapkan oleh kontraktor Musyati Sdn Bhd. Rundingan Harga akan diadakan pada minggu ke-dua bulan Mei 2013.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>ini, paras air dapat dikawal. Baki kerja yang belum siap akan disiapkan oleh kontraktor baru.</i>	
9.5.3.2.c	<p>Semakan Audit mendapati setakat bulan Mei 2012, terdapat sebanyak 599 potholes yang dikenal pasti berlaku di runway dan taxiway semenjak bulan April 2010. Semakan Audit turut mendapati sehingga 30 April 2012, kerja overlay terhadap runway dan taxiway yang merupakan skop kerja asal Pakej 2 masih belum disiapkan sepenuhnya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Tindakan memperbaiki potholes telah diambil oleh GUSB. Masalah potholes tidak berlaku lagi sejak Mei 2012 dan sehingga kini tidak ada kerosakan potholes dilaporkan sejak tarikh berkenaan. Setelah kerja-kerja disiapkan dengan sempurna nanti, maka ujian integriti akan dijalankan oleh pihak kontraktor. Sekiranya ujian-ujian yang dijalankan tidak mencapai tahap rekaan yang dikehendaki, maka kontraktor perlu membuat pembaikan ke atas runway dan taxiway sehingga ianya memenuhi keperluan kontrak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan sebelum projek diserahkan kepada MAHB, ujian yang bersesuaian mengenai ketahanan kerja overlay yang telah dilakukan oleh GUSB dapat dibuktikan. Ini amat penting dari aspek keselamatan KKIA khususnya serta imej negeri Sabah dan Malaysia amnya.</p>	Kementerian akan memastikan ujian yang bersesuaian dilaksanakan bagi memastikan kerja-kerja kontraktor penyelamat mematuhi keperluan piawaian yang telah ditetapkan dalam skop kerja asal.
9.5.3.3.a	<p>Pembinaan Tidak Sesuai/Tidak Sempurna - Pam Di Kolam Takungan Tidak Berfungsi</p> <p>KKIA terletak di kawasan di mana aras air dalam tanah adalah tinggi dan memerlukan sistem perparitan yang berkesan bagi mengelakkan banjir dan kerosakan pada struktur pembinaan seperti landasan, taxiway dan sistem AGL. Sebanyak 3 kolam takungan telah dibina sebagai kawasan tадahan sementara sebelum air dilepaskan ke saliran luar. Lawatan Audit pada 12 Julai 2012 ke kolam takungan no.3 mendapati 3 daripada 7 pam yang disediakan tidak berfungsi. Perkara ini telah diutarakan kepada GUSB dan KLIACS supaya tindakan pembaikan dapat diambil dan memastikan sistem pam dapat berfungsi dengan baik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Tiga pam yang rosak telah diambil untuk diperbaiki oleh GUSB. Bagaimanapun, 3 pam tersebut masih belum dipulangkan sehingga kini. Memandangkan kontrak GUSB telah ditamatkan, KLIACS telah meminta GUSB memulangkan semula pam berkenaan. Sekiranya GUSB gagal memulangkannya, kos 3 pam ini akan dituntut daripada GUSB kelak. Kolam takungan nombor 3 pada masa kini berfungsi dengan 4 pam sahaja. Namun, ketiga-tiga stesen pam di kolam-kolam takungan dapat mengawal paras air lapangan terbang. Pembaikan tapak panel kawalan akan dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat (Musyati Sdn Bhd).</i></p>	<p>Tiga pam yang rosak telah diambil untuk diperbaiki oleh GUSB. Bagaimanapun, 3 pam tersebut masih belum dipulangkan sehingga kini. Memandangkan kontrak GUSB telah ditamatkan, KLIACS telah meminta GUSB memulangkan semula pam berkenaan. Sekiranya GUSB gagal memulangkannya, kos 3 pam ini akan dituntut daripada GUSB kelak. Kolam takungan nombor 3 pada masa kini berfungsi dengan 4 pam sahaja. Namun, ketiga-tiga stesen pam di kolam-kolam takungan dapat mengawal paras air lapangan terbang. Pembaikan tapak panel kawalan akan dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat (Musyati Sdn Bhd).</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Stesen Pam 1 – Jumlah pam dipasang oleh GUSB adalah 5 dan kesemua ada di tapak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>GUSB telah ditamatkan, KLIACS telah meminta GUSB memulangkan semula pam berkenaan. Sekiranya GUSB gagal memulangkannya, kos 3 pam ini akan dituntut daripada GUSB kelak. Kolam takungan nombor 3 pada masa kini berfungsi dengan 4 pam sahaja. Namun, ketiga-tiga stesen pam di kolam-kolam takungan dapat mengawal paras air lapangan terbang. Pembaikan tapak panel kawalan akan dilaksanakan oleh kontraktor baru.</i></p>	<p>2. Stesen Pam 2 – Jumlah pam dipasang oleh GUSB adalah 6 dan hanya 5 pam yang dikesan di tapak 3. Stesen Pam 3 – Jumlah pam dipasang oleh GUSB adalah 7 dan hanya 4 pam yang dikesan di tapak</p> <p>Buat masa kini, jumlah pam yang masih belum dipulangkan oleh GUSB adalah 4 pam. Laporan polis telah dibuat supaya pemulangan pam dilakukan.</p> <p>(Maklum balas seperti pada 15 Mac 2013)</p>
9.5.3.4.a	<p>Kerja Tidak Siap/Terbengkalai - Bilik Substesen Selatan</p> <p>Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, peraturan 19(2), alas getah dengan saiz dan ketebalan yang sesuai hendaklah diletakkan di atas lantai di hadapan setiap papan suis untuk mencegah renjatan elektrik kepada pengguna dan bilik tersebut hendaklah sentiasa kering. Bagaimanapun didapati alas getah tidak diletakkan di hadapan papan suis di bilik Substesen Selatan. Selain itu, terdapat air bertakung di dalam parit laluan kabel dan kabel berada dalam keadaan terendam di dalam air. Kabel elektrik ini digunakan untuk operasi bagi peralatan AGL dan CCR serta digunakan secara aktif.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Oleh kerana substesen belum diserahkan dan bagi mengelakkan kecurian, alas getah hanya akan dibekalkan setelah substesen diserahkan kepada operator. Baki kerja yang belum siap akan dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat. KLIACS akan memastikan kerja tersebut dilaksanakan mengikut kehendak dan piawaian yang ditetapkan.</i></p>	<p>Oleh kerana substesen belum diserahkan dan bagi mengelakkan kecurian, alas getah hanya akan dibekalkan setelah substesen diserahkan kepada operator. Baki kerja yang belum siap akan dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat. KLIACS akan memastikan kerja tersebut dilaksanakan mengikut kehendak dan piawaian yang ditetapkan.</p>
9.5.3.4.b	<p>Apron Taxiway</p> <p>Lawatan Audit pada 10 Julai 2012 mendapati kerja <i>pavement</i> di <i>apron taxiway</i> berhampiran <i>parking apron bay 4</i> hingga 6 masih tidak disiapkan oleh GUSB. Skop kerja ini telah dimasukkan dalam Perjanjian Tambahan bagi Seksyen 1 yang sepatutnya disiapkan pada 30 April 2012. Di samping itu, terdapat air bertakung di kawasan berkenaan. Air bertakung ini boleh mengakibatkan struktur turapan menjadi lemah.</p>	<p>Kerja-kerja di <i>Apron / Taxiway</i> akan disiapkan oleh kontraktor civil (Musyati Sdn Bhd). Rundingan Harga akan diadakan pada minggu ke-2 bulan Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.4.c	<p>Longkang Konkrit Jenis U-Shaped</p> <p>Pihak Audit mendapati kerja membina longkang konkrit jenis <i>u-shaped</i> masih belum siap sepenuhnya. Jajaran longkang konkrit yang belum dibina menyebabkan air bertakung dan menjadi kawasan tumpuan burung bangau serta pembiakan nyamuk. Di samping itu, pengaliran air permukaan tidak dapat dialirkan dengan sempurna disebabkan tiada sambungan (box culvert) antara longkang konkrit dan kolam takungan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Setakat bulan November 2012, kerja-kerja tersenarai di (b) dan (c) masih tidak disiapkan oleh GUSB. Berkenaan isu ini, sijil tidak siap kerja untuk Seksyen 1 telah dikeluarkan. Baki kerja ini telah dinilai semula dan kontraktor baru akan mengambil alih dan menyiapkan kerja tersebut.</i></p>	<p>Kerja-kerja pembinaan longkang konkrit ini akan disiapkan oleh kontraktor sivil (Musyati Sdn Bhd). Rundingan Harga akan diadakan pada minggu ke-2 Mei 2013.</p>
9.5.4.1	<p>Penggunaan Fasiliti Yang Siap Dibina - Keengganan AirAsia Berpindah Dari Terminal 2 Ke Terminal 1</p> <p>Pembinaan Terminal 2 merupakan langkah sementara bagi mengelakkan kesesakan di Terminal 1 yang sedang dalam kerja penaitarafan. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) dan dihadiri oleh wakil DCA, Kementerian, MAHB dan KLIACS pada 24 Februari 2011 telah memutuskan sebulat suara supaya AirAsia berpindah dari Terminal 2 ke Terminal 1. Pada 13 Jun 2011, Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) Bil. 18/2011 pula telah memutuskan supaya operasi syarikat penerbangan tambang murah perlu dipindahkan dari Terminal 2 ke Terminal 1. Perkara ini telah dimaklumkan kepada AirAsia dan AirAsia akan kembali beroperasi di Terminal 1 apabila Terminal 1 disiapkan. AirAsia telah menyatakan bahawa pihaknya bersedia berpindah dan beroperasi di Terminal 1 pada 1 Julai 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun Terminal 1 yang telah selesai kerja dinaiktaraf telah mula digunakan semenjak bulan Mac 2010, namun AirAsia enggan berpindah dari Terminal 2 ke Terminal 1 sehingga kini.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian, DCA dan MAHB hendaklah tegas serta konsisten terhadap perkara ini dan pelan tindakan mengenai pelaksanaan keputusan Mesyuarat EC tersebut hendaklah dipatuhi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>AirAsia pada dasarnya boleh berpindah ke Terminal 1. Bagaimanapun, masih terdapat kerja pembinaan di sebahagian connecting Taxiway Charlie dan Taxiway Mike yang belum siap. Keadaan ini akan menjelaskan kecekapan operasi serta meningkatkan kos operasi AirAsia jika operasinya dipindahkan ke Terminal 1. Perpindahan operasi AirAsia akan dilaksanakan apabila kerja-kerja berkaitan siap sepenuhnya. MAHB akan mengeluarkan notis kepada AirAsia untuk berpindah setelah kontraktor penyelamat (Musyati Sdn Bhd) menyiapkan Taxiway Charlie dan Taxiway Mike pada pertengahan tahun 2013. Runding Harga akan diadakan pada minggu ke-dua Mei 2013.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terdapat kerja pembinaan di sebahagian connecting Taxiway Charlie dan Taxiway Mike yang belum siap. Keadaan ini akan menjadikan kecekapan operasi serta meningkatkan kos operasi AirAsia jika operasinya dipindahkan ke Terminal 1. Perpindahan operasi AirAsia wajar dilaksanakan apabila kerja-kerja berkaitan siap sepenuhnya. MAHB akan mengeluarkan notis kepada AirAsia untuk berpindah setelah kontraktor baru selesai menyiapkan baki kerja Projek KKIA. Baki kerja yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2013.</p>	
9.5.4.2.a	<p>MAHB perlu melaksanakan penyenggaraan terhadap semua fasiliti di Terminal 1 termasuk peralatan yang dirizabkan untuk kegunaan Air Asia. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peralatan tersebut masih tidak digunakan dan terbiar. Kos terkumpul penyenggaraan sejak bulan April 2010 hingga Julai 2012 ialah RM0.6 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>Peralatan di Terminal 1 tidak dikhaskan untuk operasi AirAsia sahaja malah ia digunakan oleh semua syarikat penerbangan. Berkenaan dengan jaminan peralatan, KLIACS memaklumkan bahawa jaminan berkenaan telah pun tamat. Semua peralatan yang dipasang mempunyai waranti. Di samping itu, kontraktor yang memasang peralatan berkenaan perlu memastikan ianya beroperasi dengan baik dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Bagi mengelakkan pembaziran akibat peralatan tidak digunakan sepenuhnya, Kementerian akan menggesa AirAsia berpindah segera apabila connecting Taxiway Charlie dan Taxiway Mike siap pada pertengahan tahun 2013.</i></p>	
9.5.4.2.b	<p>Pada 12 Julai 2012 pihak Audit telah menjalankan kaji selidik berkenaan kepuasan penumpang terhadap kemudahan di Terminal 2. Borang kaji selidik ini telah diedarkan kepada seramai 100 penumpang dan pengguna di Terminal 2 yang dipilih secara rambang meliputi penumpang domestik dan antarabangsa.</p>	
9.5.4.2.c	<p>Analisis Audit mendapati 3 daripada 6 kemudahan yang terdapat di Terminal 2 mencatatkan ketidakpuasan pengguna. Seramai 70 penumpang tidak berpuas hati dengan keadaan tempat duduk yang tidak mencukupi. Analisis Audit turut mendapati 67 penumpang tidak berpuas hati dengan keadaan ruang menunggu di balai pelepasan yang kecil dan sempit serta panas. Keadaan ini mengganggu keselesaan penumpang terutamanya ketika waktu puncak di antara jam 1 tengah hari hingga 4 petang. Seterusnya keadaan tandas yang sentiasa penuh dan basah menjadi rungutan penumpang. Berdasarkan analisis, pengguna dan penumpang di Terminal 2 menyarankan supaya kemudahan di Terminal 2 ditambah baik dengan penambahan tempat duduk di ruang menunggu untuk pelepasan, ruang tempat letak kereta ditambah, sistem siar raya perlu lebih jelas (kurangkan gema), pembesaran ruang menunggu pelepasan, sistem penyaman udara ditambah baik dan kebersihan tandas dipertingkatkan. Terdapat juga penumpang mencadangkan agar Terminal 2</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dipindahkan ke Bangunan Terminal Utama (Terminal 1).</p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan di Terminal 2 perlu dipindahkan ke Terminal 1 kerana Kerajaan telah menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi mengatasi masalah kesesakan akibat penumpang yang semakin bertambah. Ini bagi memberikan keselesaan kepada penumpang sekali gus menaikkan imej Negeri Sabah dan Malaysia.</p>	
9.5.4.3.a	<p>Penutupan Landasan KKIA</p> <p>Landasan KKIA didapati telah mengalami masalah teknikal pada 25 hingga 26 Oktober 2012 sehingga menyebabkan penutupan landasan pada tarikh tersebut. Berdasarkan kenyataan rasmi MAHB pada 25 Oktober 2012, insiden penutupan landasan ini adalah atas alasan keselamatan kerana disyaki berlaku kebocoran kepada kabel elektrik lama yang mana ianya dalam proses penggantian dengan kabel elektrik baru oleh kontraktor. Pihak MAHB selaku pengendali KKIA juga telah mengesan kerosakan satu kabel elektrik <i>edger light</i> di landasan sedia ada. Ini adalah berdasarkan pemberitahuan kepada semua Syarikat Penerbangan melalui satu <i>Notice to Airmen</i> (NOTAM) yang dikeluarkan oleh MAHB untuk tempoh dari 8 hingga 31 Oktober 2012 yang memaklumkan hanya satu <i>runway edger light</i> yang beroperasi.</p>	<p>KLIACS telah mengesahkan bahawa semua kerja penukaran kabel asal telah siap dilaksanakan. Sistem AGL beroperasi pada <i>double circuit</i> dan mempunyai <i>redundancy</i> pada masa kecemasan.</p>
9.5.4.3.b	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun kerja penyenggaraan kabel elektrik lama di landasan sedia ada tidak termasuk dalam skop kerja projek GUSB, namun GUSB telah mengambil kira aduan MAHB mengenai keadaan kritikal <i>runway edger light</i>. Seterusnya, bagi menjalankan kerja <i>Emergency AGL Works - Change Over Existing Runway Edger Light Circuit to New Circuit And Light Fitting</i>, GUSB telah memohon tempoh 2 hari untuk ia diluluskan pada 5 hingga 6 Oktober 2012. Bagaimanapun, Kementerian memaklumkan GUSB tidak dapat menyiapkan kerja seperti yang dijadualkan kerana terdapat gangguan pendaratan kapal terbang pada 6 Oktober 2012. Pihak Audit juga mendapati tiada kesinambungan kerja dilakukan oleh GUSB selepas tarikh 6 Oktober 2012.</p>	
9.5.4.3.c	<p>Penutupan landasan tersebut telah menyebabkan gangguan penjadualan bagi 51 penerbangan yang melibatkan jumlah penumpang seramai 6,000 orang dari pelbagai lokasi serta pelbagai Syarikat Penerbangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pengangkutan Yang Diterima Pada 7 Januari 2013</p> <p><i>KLIACS telah mengesahkan bahawa semua kerja penukaran kabel telah siap dilaksanakan. Sistem AGL beroperasi pada double circuit dan mempunyai redundancy</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>redundancy pada masa kecemasan. Oleh itu, lapangan terbang adalah selamat.</i>	
9.5.5.1	<p>Mekanisme Pemantauan - <i>Superintending Officer (SO)</i></p> <p>Merujuk kepada perjanjian kontrak, SO Projek KKIA ialah Ketua Setiausaha Kementerian yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan bagi pihak Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan klausu tertentu di dalam perjanjian. Manakala Bahagian Pembangunan Kementerian adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek. Projek KKIA di bawah seliaan seorang Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) dan dua orang Penolong Setiausaha (PSU). Bagi pemantauan terhadap kerja teknikal, ia dilaksanakan oleh KLIACS sebagai <i>Employer's Representative</i>. Semakan Audit mendapati Pasukan Projek telah melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan.</p>	Bahagian Pembangunan hanya diwujudkan pada awal tahun 2009.
9.5.5.2	<p>Jabatan Penerbangan Awam (DCA)</p> <p>Berdasarkan surat Menteri Pengangkutan kepada DCA bertarikh 7 Februari 2005, DCA adalah terlibat dengan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal untuk Projek KKIA. DCA juga memainkan peranan penting membantu dalam isu pengambilan tanah dan urusan Menara Kawalan Trafik Udara (ATC) terutama yang melibatkan hal ehwal negeri Sabah. Selain itu, DCA turut berperanan untuk memberi pandangan dari aspek teknikal iaitu berasaskan piawaian dan keselamatan semasa projek sedang dilaksanakan.</p>	Kementerian dan KLIACS telah mengadakan perbincangan daripada semasa ke semasa dengan <i>Airport Standard Division</i> dan <i>Aviation Security Division</i> , DCA pada peringkat perancangan dan peringkat pelaksanaan. Selain itu, wakil DCA dan MAHB juga turut hadir dalam semua mesyuarat tapak yang diadakan dalam membantu pelaksanaan projek. Isu khusus berkenaan dengan masalah tapak dirujuk kepada pihak DCA dan MAHB.

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perenggan 10 : Pengurusan Projek Kemudahan Rekreasi Di Sekitar Bandaraya Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.1.a	<p>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek</p> <p>Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi 5 projek yang diaudit adalah antara 32 hingga 96 minggu. Semakan Audit mendapati 4 daripada 5 projek ini gagal disiapkan mengikut tarikh siap asal dan telah diluluskan antara satu hingga 3 lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 174 hingga 617 hari. Antara sebab lanjutan masa ialah persempadanan semula tapak projek; kerja ukur semula dan kerja reka bentuk pelan susun atur semula; halangan <i>accessibility</i> ke tapak projek disebabkan setinggan dan rumah ibadat serta masalah <i>remobilisation</i> pekerja dan jentera kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi fizikal kurang memuaskan memandangkan 4 daripada 5 projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh pelaksanaan kontrak yang asal.</p>	<p>Empat Projek yang dimaksudkan telah siap secara keseluruhan. Projek tersebut adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Cadangan Taman Dusun Bandar (City Orchard Park) di tapak bekas setinggan Kg. Delima, Jln Bellamy Kuala Lumpur Secara Design & Build; 2) Cadangan Pembangunan Taman Kejiran Air Panas Secara Design & Build; 3) Cadangan Menaiktaraf Taman Kejiran Air Panas, Setapak; dan 4) Cadangan Pembangunan Taman Rimba Bukit Kerinchi (Fasa 1) Secara Design And Build. <p>Untuk makluman, kebanyakan tapak projek adalah merupakan '<i>brown field</i>' yang mempunyai pelbagai halangan di tapak. Walau bagaimanapun, pembangunan kawasan tersebut perlu dibuat secara berperingkat</p>
10.5.1.2.a	<p>Pencapaian Kewangan Projek</p> <p>Bagi 5 projek yang diaudit, jumlah perbelanjaan setakat bulan Disember 2012 adalah RM42.08 juta (96.7%) daripada nilai projek berjumlah RM43.50 juta. Perbelanjaan ini termasuk kos pengambilan tanah. Selain itu, Arahan Perubahan Kerja (Kurangan) telah dikeluarkan bagi 2 projek.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek pada umumnya adalah memuaskan kerana prestasi perbelanjaan mencapai sehingga 96.7%.</p>	<p>DBKL akan mengekal dan menambahbaik prestasi perbelanjaan akan datang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.3	<p>Pencapaian Outcome Projek</p> <p>Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, <i>Key Performance Index (KPI)</i> hendaklah ditetapkan oleh Agensi dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati JLR, DBKL ada menetapkan KPI pada setiap tahun bagi Projek Kemudahan Rekreasi di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penentuan KPI tersebut telah digunakan sebagai pengukuran pencapaian prestasi projek kerana status pencapaianya tidak dikemaskinikan dan diperjelas dengan terperinci.</p> <p>Pada pendapat Audit, JLR perlu menitikberatkan pencapaian prestasi projek dicapai mengikut indikator yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>Adalah diakui tiada KPI yang ditetapkan bagi projek yang telah diaudit pada tahun 2007 hingga 2009. Bagi KPI JLR yang telah ditetapkan mulai tahun 2010, KPI tersebut dinilai pencapaiannya pada pertengahan dan akhir tahun. JLR juga akan membentuk Frame Work sebagai dasar bagi Projek Kemudahan Rekreasi yang akan datang meliputi fasiliti, pengurusan projek, penyenggaraan, prestasi kewangan dan kepuasan pengguna.</i></p>	-
10.5.2.1.a	<p>Pengurusan Pembangunan Projek - Siasatan/Penilaian Awal Tapak Projek</p> <p>Bagi Projek Pembangunan Taman Dusun Bandar, terdapat kelewatan terhadap kelulusan perizinan tanah oleh JKPTG. Sungguhpun pihak DBKL telah memohon untuk perizinan tanah Kerajaan pada 29 Mei 2005, namun kelulusan Perizinan Tanah Bagi Maksud Awam hanya dikeluarkan pada 13 Ogos 2009 dan diwartakan pada 17 Februari 2010. Ini kerana sebahagian besar daripada tapak cadangan pembangunan projek berkenaan berada di luar rizab tanah yang diluluskan dan beberapa kawasan yang hendak dibangunkan oleh DBKL dimiliki oleh agensi lain seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • PT 58 – Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang akan digunakan untuk kuarters. • PT 109 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang akan dibangunkan sebuah pejabatnya. • PT 1189 – Telekom Malaysia Berhad. 	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kelewatan perizinan tanah telah menyebabkan kerja awalan yang melibatkan persempadan kawasan tidak dapat dilaksanakan. Kelewatan menentukan persempadan ini telah mengganggu kelancaran pembangunan projek secara keseluruhannya. Reka bentuk projek juga telah diubah suai beberapa kali dan perkara tersebut telah menjadi antara alasan yang diberikan oleh kontraktor untuk memohon lanjutan masa.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>Selepas persempadan semula kawasan Taman Dusun Bandar dimuktamadkan, keluasannya menjadi 76,890.34 meter persegi berbanding 26,951 meter persegi pada asalnya dan ini membolehkannya menjadi tarikan pelancong pada masa akan datang.</i></p>	
10.5.2.1.b	<p>Bagi Projek Pembangunan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi, adalah didapati lokasi taman ini terletak di kawasan terpencil dan bersebelahan dengan tanah perkuburan. Laluan masuk ke taman ini juga didapati tidak begitu memuaskan di mana ia tidak rata dan sempit.</p> <p>Pada pendapat Audit, kajian terperinci berhubung lokasi yang dipilih perlu dibuat dan masalah berkaitannya perlu diselesaikan dengan segera bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 Mac 2013</p> <p><i>Projek Pembangunan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi dibuat memandangkan terdapat aliran anak sungai dan air terjun yang perlu diselamatkan dan dikekalkan keadaan semula jadinya yang dijangka akan menjadi tarikan utama bagi taman ini. Inisiatif bagi membangunkan taman rekreasi ini juga dijangka akan memberi nilai tambah kepada nilai harta tanah kawasan sekitar lembah pantai ini. Selain itu, kawasan luar di sekitar taman rimba ini akan dibangunkan oleh pemilik tanah sebagai kawasan perumahan dan komersial termasuk kawasan perkuburan tersebut akan diperindah dan dilengkapi dengan pembinaan sebuah masjid.</i></p>	-
10.5.2.2	<p>Kelewatan Menandatangani Kontrak</p> <p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, tempoh bagi menandatangani kontrak hendaklah dilaksanakan secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST). Bagaimanapun bagi Projek Pembangunan</p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Taman Dusun Bandar, semakan Audit mendapati kontrak telah lewat ditandatangani melebihi 8 bulan, di mana ia hanya ditandatangani pada 19 Ogos 2008 berbanding tarikh pengeluaran SST pada 6 Ogos 2007.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak boleh menjaskan kepentingan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>Memandangkan projek dilaksanakan secara design and build, kontraktor memerlukan masa untuk memuktamadkan reka bentuk terperinci yang hanya boleh dilaksanakan selepas persempadan semula diselesaikan.</i></p>	
10.5.2.3.a	<p>Penggunaan Projek Kemudahan Rekreasi Yang Dibangunkan/ Disediakan</p> <p>Setiap projek kemudahan rekreasi yang hendak dibangunkan sama ada pembangunan baru atau naik taraf perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan oleh orang awam dengan selamat dan selesa. Secara umumnya kesemua projek yang dipilih telah dapat digunakan/dimanfaatkan kecuali bagi Projek Pembangunan Taman Dusun Bandar. Lawatan Audit pada 27 September 2012 mendapati taman tersebut masih belum dibuka kepada orang awam walaupun ia telah disiapkan pada 30 April 2010. Selain itu, kemudahan seperti bangunan <i>retail</i> dan kafeteria/bilik pameran yang telah siap dibina juga dibiarkan kosong dan tidak digunakan.</p>	<p>Pelan konsep awal bagi bangunan retail yang akan dijadikan dewan pameran telah disediakan. Term of Reference "TOR" sedang disediakan bagi perlantikan juruperunding rekabentuk dalaman yang dijangka akan dilantik pada awal Jun 2013.</p> <p>Bangunan kafetaria akan dijadikan sebagai bangunan serbaguna sementara mendapatkan operator yang sesuai dan berminat.</p>
10.5.2.3.b	<p>Projek Pembangunan Taman Dusun Bandar telah dilaksanakan oleh Zikhtar Associates Sdn. Bhd. (ZASB) yang dilantik melalui kaedah rundingan terus dengan kontrak bernilai RM17.25 juta. Berdasarkan Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 17 April 2002 mengenai Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, perolehan secara rundingan terus hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Perolehan tersebut juga hanya boleh dipertimbangkan atas kriteria tertentu seperti keperluan mendesak; melibatkan keselamatan/strategik dan kontraktor yang terlibat adalah terhad. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kelulusan pelaksanaan projek ini secara rundingan terus tidak diperoleh daripada Kementerian Kewangan. Projek ini juga tidak memenuhi mana-mana kriteria untuk melayakkannya dilaksanakan secara rundingan terus sejalan dengan peraturan ditetapkan.</p>	<p>Perlaksanaan Projek Taman Dusun bandar adalah lanjutan daripada arahan Y.A.B Perdana Menteri kepada YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur yang telah ditaklimatkan pada 27 Ogos 2006. Cadangan Taman Dusun Bandar ini adalah merupakan satu projek yang julung kali dibina di Kuala Lumpur dan akan menjadi satu tarikan kepada Pelancong. Memandangkan projek ini perlu dilaksanakan dengan segera sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, maka ianya perlu dilantik melalui rundingan terus dan perlaksanaan secara 'design and build' di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.</p> <p>Perlaksanaan projek ini menggunakan peruntukan DBKL sendiri.</p>
10.5.2.3.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati projek ini tidak dapat dibangunkan mengikut objektif asal yang ditetapkan iaitu untuk mewujudkan sebuah taman awam di dalam dusun buah-buahan dan membolehkan pengunjung mempelajari pelbagai jenis buah-</p>	<p>Jumlah sebenar pokok ditanam adalah 1469 batang, yang terdiri daripada:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>buahan tempatan di Malaysia. Mengikut perancangan asal, Taman Dusun Bandar akan ditanam dengan 100 jenis spesies pokok yang kesemuanya merupakan pokok buah-buahan tempatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penanaman sebenar telah dibuat mengikut perancangan tersebut memandangkan tiada maklumat mengenainya. Berdasarkan bilangan pokok sebenar yang ditanam iaitu 2,528 pokok, hanya 573 (22.7%) daripadanya merupakan pokok buah-buahan tempatan manakala bakinya iaitu 1,955 pokok (77.3%) merupakan pokok hutan dan pokok buah-buahan liar (<i>wild fruit trees</i>). Selain itu, pihak Audit mendapati hanya RM2.31 juta (13.4%) daripada nilai kontrak berjumlah RM17.25 juta telah dibelanjakan untuk landskap lembut (<i>softscape</i>). Manakala bakinya yang berjumlah RM14.94 juta (86.6%) telah diperuntukkan untuk komponen-komponen lain iaitu bangunan dan landskap kejur (<i>hardscape</i>).</p>	<p>i) Pokok buah-buahan tempatan 339 Batang</p> <p>ii) Pokok Buah-buahan hutan (buah-buahan nadir) 631 Batang</p> <p>iii) Pokok Hutan 499 Batang</p> <p>Pokok-pokok bersaiz kecil yang ditanam oleh ZASB adalah pokok yang dibiakkan melalui biji benih dimana tumbesaran akan memakan masa dan agak lambat.</p> <p>Spesifikasi pembekalan pokok telah ditetapkan oleh perunding (kontraktor) di dalam kontrak mestilah pokok yang dibesarkan dari biji benih berdasarkan saranan dari kontraktor yang mengesahkan mereka berpengalaman dan pakar dalam bidang ini.</p> <p>Pembangunan Taman Dusun Bandar melibatkan kerja infrastruktur yang asas seperti bangunan-bangunan pejabat, retail, pergola, komponen siarkaki, jambatan, sistem perparitan yang lengkap disamping kerja-kerja tanah yang perlu dilaksanakan bagi membentuk rupabumi yang '<i>accessible</i>' memerlukan perbelanjaan yang besar.</p> <p>Walaupun pembangunan taman ini dikategorikan sebagai projek landskap, tetapi infrastruktur yang tinggi perlu disediakan memandangkan tapak ini merupakan kawasan baru. Oleh itu, peruntukan bagi komponen landskap (pokok) adalah tidak besar.</p>
10.5.2.3.d	<p>Antara faktor kegagalan pembangunan projek ini ialah:-</p> <ol data-bbox="338 1029 1252 1337" style="list-style-type: none"> Zikhtar Associates Sdn. Bhd. (ZASB) dan perunding arkitek landskap iaitu Gold Green Associates Sdn. Bhd. (GGASB) tidak mempunyai kepakaran khusus dalam pembangunan dusun. Berdasarkan semakan terhadap profil syarikat semasa lantikan, didapati hanya 18% daripada projek kendalian ZASB melibatkan taman rekreasi, namun hanya terhad kepada kerja menanam dan memotong rumput di kawasan rizab jalan. Manakala hanya 8% daripada projek kendalian GGASB melibatkan taman rekreasi, namun hanya terhad kepada padang golf. 	<p>Adalah diakui Syarikat ZASB berpengalaman luas dalam projek padang golf, tetapi mereka juga berpengalaman dalam projek-projek landskap. Diantara kerja landskap yang pernah dikendalikan oleh Syarikat ZASB adalah kerja landskap di kediaman rasmi YAB Perdana Menteri (Sri Perdana).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Kaedah penanaman landskap lembut dan penyediaan tapak tanaman didapati tidak dibuat dengan sempurna. Contohnya adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengikut syarat kontrak mengenai Spesifikasi Untuk <i>Material and Workmanship</i> Bagi Melaksanakan Kerja Landskap Lembut, pihak ZASB, perunding dan subkontraktor dikehendaki memberi notis secara bertulis dalam tempoh 48 jam kepada <i>Project Director</i> (PD) iaitu pihak DBKL untuk memulakan kerja-kerja penanaman; <i>topsoiling</i>; menanam rumput; membaja dan lawatan penyenggaraan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pihak ZASB telah memberikan notis tersebut, sebaliknya aktiviti penanaman pokok telah dimulakan tanpa makluman rasmi kepada pihak DBKL; dan • berdasarkan Garis Panduan Landskap Lembut Untuk Kerja Landskap yang dikeluarkan oleh Jabatan Landskap Negara, saiz lubang tanaman untuk pokok <i>transplant</i> seharusnya 2 kali ganda dari saiz bebola akar. Manakala untuk tanaman di kawasan tanah bermasalah, saiz lubang tanaman mestilah melebihi saiz piawaian untuk memastikan tanaman dapat tumbuh dengan baik. Memandangkan kerja penanaman pokok telah dijalankan di tapak, satu pemeriksaan telah dijalankan oleh JLR pada masa tersebut dan didapati saiz lubang tanaman yang telah disediakan oleh kontraktor adalah tidak mengikut saiz piawaian yang ditetapkan. • spesifikasi untuk <i>soils, materials and preparation</i> termasuk <i>soil mixes</i> dan sampel tanah untuk tanaman telah ditetapkan dalam syarat kontrak bagi kerja landskap lembut, di mana terdapat ketetapan bahawa kawasan <i>subsoil</i> yang akan dicampur dengan <i>topsoil</i> hendaklah diperiksa oleh wakil DBKL. Komposisi campuran <i>topsoil</i> dan kompos juga telah ditetapkan dalam syarat kontrak, di mana ia perlu diuji di makmal yang diiktiraf sebelum digunakan dan ia perlu dihantar untuk kelulusan DBKL. Bagaimanapun pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan ZASB telah memohon untuk pemeriksaan oleh wakil DBKL semasa penyediaan tapak tanaman. Selain itu, tiada bukti menunjukkan sampel <i>subsoil</i> dan <i>topsoil</i> telah dihantar kepada pihak DBKL untuk kelulusan. <p>iii. Tiada bukti menunjukkan ZASB telah menjalankan penyenggaraan tanaman mengikut jadual berkala sejak penanaman dimulakan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) pada bulan April 2012. Berdasarkan surat yang telah dikeluarkan oleh JLR pada 23 April 2012, JLR mendapati ZASB tidak menjalankan kerja-kerja penyenggaraan untuk penanaman landskap dengan sempurna sepanjang tempoh 18 bulan tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati DBKL hanya mengambil tindakan untuk menolak kadar bayaran sejumlah RM57,000 (10%) daripada nilai komponen penyenggaraan yang</p>	<p>DBKL telah memperkemaskan prosedur perancangan dan perlaksanaan projek landskap dengan menggunakan pakai prosedur kualiti ISO mulai bulan Februari 2012. Melalui prosedur tersebut, kualiti kerja kontraktor akan dipantau dengan rapi sebelum penyerahan dibuat setelah kerja disiapkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang bagi projek akan datang.</p> <p>DBKL juga menggunakan prosedur MS ISO 9001 bagi kerja-kerja penanaman pokok.</p> <p>Penyelarasian pembayaran adalah berdasarkan penilaian tapak yang dibuat oleh Pasukan Bangunan dengan mengambil kira jumlah sebenar pokok yang hidup dan kerja-kerja penyelenggaran yang dilaksanakan melalui laporan dan pemantauan.</p> <p>DBKL tidak membuat sebarang pembayaran ke atas pokok-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ditetapkan.	pokok yang mati dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
10.5.2.3.e	<p>Lawatan Audit ke Taman Dusun Bandar pada 27 September 2012 mendapati pokok buah-buahan yang ditanam ZASB (pokok asal) masih dalam keadaan terbantut/tidak subur; dijangkiti penyakit; tidak berbuah dan ada yang telah mati. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan DBKL menyediakan rekod terperinci mengenai statistik pokok asal yang terbantut/tidak subur; dijangkiti penyakit dan tidak berbuah. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,084 (42.9%) pokok telah mati daripada 2,528 pokok asal yang ditanam di mana peratus kematian bagi pokok buah dan pokok hutan masing-masingnya ialah 55.1% dan 39.3%. Pihak DBKL telah mengambil tindakan untuk mengurangkan pembayaran melalui satu Arahan Perubahan Kerja (kurangan) bernilai RM302,005 (termasuk 10% untuk penyenggaraan) bagi menyelaraskan kuantiti pokok yang telah mati.</p>	
10.5.2.3.f	<p>Pihak DBKL telah mengambil langkah penambahbaikan melalui perolehan tambahan bagi penanaman lain-lain pokok buah; pokok palma dan pokok instan (pokok yang telah mencapai tahap tumbesaran maksimum bertujuan untuk mendapatkan kesan penanaman segera). Pengurusan perolehan tambahan ini dilaksanakan melalui Arahan Kerja yang dikeluarkan kepada kontraktor berjadual sedia ada yang terlibat dalam projek penanaman pokok sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.56 juta telah dibelanjakan melibatkan perolehan dan penanaman 386 pokok instan untuk menambah baik Taman Dusun Bandar.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan DBKL menambah baik Taman Dusun Bandar melalui pembelian pokok instan yang melibatkan pertambahan kos projek boleh dielakkan sekiranya ZASB membaik pulih kelemahan projek yang dikenal pasti semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan. Selain itu, sungguhpun Taman Dusun Bandar masih belum dibuka kepada orang awam, kemudahan yang telah siap dibina perlu dimanfaatkan dengan menganjurkan aktiviti bersama dengan agensi lain seperti FAMA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan sebagainya.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 dan 21 Mac 2013</p> <p><i>DBKL sedang bekerjasama dengan FRIM bagi membaik pulih tanah di Taman Dusun Bandar yang dipercayai bermasalah kerana tapak ini merupakan tapak setinggan dan juga tapak pembuangan sampah dahulunya. Selain itu, cadangan DBKL untuk membuka Taman Dusun Bandar pada tahun 2012 tidak dapat dilaksanakan kerana terjadi runtuh tanah di lereng kolam dan kerja pemberian cerun sedang giat dijalankan. Taman ini dijangka dibuka secara rasmi kepada warga kota pada</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>pertengahan bulan Jun 2013 setelah pembaikan cerun disiapkan.</i>	
10.5.2.4.a	<p>Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Berkualiti - Spesifikasi Kerja Lanskap/Pembinaan</p> <p>Semakan Audit mendapati 7 komponen kerja melibatkan 2 projek yang bernilai RM25.11 juta tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, perubahan skop kerja yang telah dikurangkan dengan pertambahan kos untuk Taman Dusun Bandar adalah tidak munasabah dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Berdasarkan peraturan biasa, perubahan skop kerja perlu diluluskan dan disahkan sebagai APK oleh jawatankuasa terlibat sebelum bayaran dimuktamadkan. Selain itu, sekiranya tindakan tegas diambil terhadap kontraktor untuk membaik pulih kerosakan semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, kos tambahan untuk menaik taraf kerja yang sama dapat dielakkan.</p>	<p>Perubahan skop banyak berlaku semasa peringkat perlaksanaan projek kerana isu-isu ditapak dan persempadanan semula kawasan projek yang mengakibatkan keseluruhan rekabentuk terpaksa diselaraskan semula.</p> <p>Ianya juga melibatkan pengurangan dan pertambahan kos. Perubahan skop ini diselaraskan kelulusan diperingkat akaun akhir ke Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan tanpa menjelaskan kos siling projek.</p> <p>Kontraktor telah membuat kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan yang dilaporkan dari masa ke masa dan setakat ini tiada kerja-kerja naik taraf dilakukan terhadap kerja-kerja kontraktor.</p>
10.5.2.4.b	<p>Kualiti Kerja</p> <p>Mengikut Pekeling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 10 kerja melibatkan 2 projek bernilai RM25.11 juta yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak berkualiti.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL perlu memantau dan menyelia kerja kontraktor bagi projek akan datang untuk memastikan ia sentiasa berkualiti. Kerja yang tidak berkualiti perlu diambil tindakan pemberian dengan segera sebelum projek diserahkan kepada pengguna dan kontraktor yang ingkar perlu dikenakan tindakan tegas yang sewajarnya.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 Dan 21 Mac 2013</p> <p><i>Mulai tahun 2009, DBKL telah mewujudkan Perintah Tetap Datuk Bandar - Pasukan Pemeriksa Bil. 1/2009, di mana pasukan pemeriksa dilantik menjalankan pengauditan terhadap kesemua projek DBKL yang dilaksanakan bagi memantau dan memeriksa pengurusan projek termasuk dari segi kelulusan, kehendak kewangan dan teknikal. Selain itu, DBKL telah memperkemasan prosedur perancangan dan perlaksanaan projek landskap dengan menggunakan pakai prosedur kualiti ISO mulai bulan Februari 2012. Melalui prosedur tersebut, kualiti kerja kontraktor akan dipantau dengan rapi sebelum penyerahan dibuat setelah kerja disiapkan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.5	<p>Penanaman Pokok Di Lokasi Yang Sesuai</p> <p>Prinsip penanaman yang ditetapkan dalam Garis Panduan Landskap Negara (GPLN) menekankan tentang keperluan penanaman yang bersesuaian dengan fungsi yang dikehendaki. Antara faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam penetapan kaedah penanaman adalah lokasi tanaman. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati bagi Kerja Penyenggaraan Dan Pengindahan Taraf Landskap Di Sekitar Kuala Lumpur, sebanyak 34,544 batang pokok telah ditanam setakat bulan Disember 2011 berbanding sasaran tahunan yang ditetapkan oleh JLR iaitu 30,000 batang pokok rendang. Sungguhpun bilangan penanaman sebenar melebihi sasaran yang ditetapkan, namun semakan Audit mendapati pemilihan lokasi penanaman adalah tidak sesuai. Ini kerana semasa lawatan fizikal Audit di sepanjang Jalan Taman Desa, Kelang Lama, adalah diperhatikan sebanyak 200 batang pokok <i>cinnamomum iners</i> (kayu manis/medang teja) dengan kos berjumlah RM44,000 telah ditanam oleh kontraktor berhampiran kawasan hutan yang telah dipenuhi pokok rendang semula jadi.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti berhubung pemilihan lokasi tanaman boleh mengelakkan pembaziran.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 Mac 2013</p> <p><i>DBKL telah memperkemaskan tatacara penanaman pokok berdasarkan Garis Panduan Landskap Negara dan telah mendapat persijilan MS ISO 9000 serta menjalin kerjasama dengan FRIM.</i></p>	<p>DBKL juga sedang membuat kolaborasi bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung dan DBKL akan menggunakan kaedah rawatan tanah yang dijalankan oleh FRIM ke atas bekas lombong di Bidor, Perak bagi memulihkan kawasan-kawasan tanah di dalam Kuala Lumpur supaya pokok-pokok yang ditanam dapat hidup subur.</p>
10.5.3	<p>Perbandingan Harga</p> <p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Bagi menentukan sama ada perolehan elemen landskap projek yang dibuat memberi <i>value for money</i> kepada DBKL, perbandingan harga telah dibuat antara kadar DBKL dengan Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) terhadap 9 jenis <i>softscape</i> daripada 3 spesies tanaman. Perbandingan dibuat dengan mengambil kira harga sebenar yang dibayar oleh DBKL setelah diselaraskan dengan kurangan sebanyak 26% daripada harga kos. Sungguhpun pelarasian sudah diambil kira, semakan Audit mendapati harga yang dibayar oleh DBKL lebih tinggi antara 11% hingga 134% berbanding Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh JLN.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL perlu membuat kajian pasaran yang teliti terhadap</p>	<p>Tender pembekalan dan penanaman pokok yang dijangka akan ditender pada akhir Mei 2013 telah dibuat semakan harga pasaran melalui senarai pokok yang dikemukakan kepada nursery-nursery seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Penawar Hutan Sdn Bhd - Tanjung Malim, Perak 2) Growing Green - Kota Kemuning, Shah Alam 3) Sheby Global Nursery - Muar, Johor

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penetapan harga inventori landskap bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>DBKL akan menyemak kadar harga pokok yang dikeluarkan oleh Jabatan Landskap Negara bagi membolehkan DBKL mendapat harga yang kompetitif (value for money). Kajian terhadap kadar harga juga telah dilaksanakan dengan membuat lawatan ke nurseri, di mana kadar harga tersebut turut mengambil kira kos buruh; kos pengangkutan dan logistik serta waktu penanaman.</i></p>	<p>4) Fragan Nursery - Muar, Johor</p> <p>5) Bu Seng Chong - Muar, Johor</p> <p>6) Lian Mong International Sdn Bhd - Yong Peng, Johor</p>
10.5.4	<p>Rekod Inventori Landskap</p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Hidup Kerajaan, setiap aset hidup Kerajaan mestilah didaftarkan daripada proses penerimaan sehingga tahap pelupusan supaya pengurusannya dapat dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan. Berdasarkan semakan dan temu bual dengan pegawai JLR, adalah didapati JLR tidak menyediakan satu sistem inventori landskap yang lengkap dan menyeluruh bagi tujuan merekodkan perincian maklumat mengenai pokok yang telah ditanam. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kuantiti, jenis dan jangka hayat sebenar pokok yang ditanam di sekitar Kuala Lumpur. Rekod yang disimpan hanya secara <i>piece-meal</i>. Selain itu, adalah didapati pelabelan landskap juga tidak dibuat dengan menyeluruh. Sebagai contoh, bagi Projek Pembangunan Taman Dusun Bandar, semua pokok instant masih belum dilabel/ditag.</p> <p>Pada pendapat Audit, JLR perlu menyediakan sistem/rekod inventori landskap secara menyeluruh untuk memudahkan pemantauan dan penyenggaraan.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 Dan 21 Mac 2013</p> <p><i>Mulai tahun 2012, DBKL telah merangka sistem baru bagi inventori pokok dengan menggunakan alat GPS. Setakat bulan Mac 2013, pokok yang telah diambil data adalah sebanyak 2,480 batang pokok manakala yang telah ditag dan dicerap koordinatnya adalah sebanyak 455 batang pokok.</i></p>	<p>DBKL dijangka melantik kakitangan sambilan termasuk pelajar universiti untuk menjalankan kerja-kerja inventori. Perlantikan dijangka akan dibuat dalam bulan Julai 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.5.1	<p>Penyenggaraan</p> <p>Memandangkan peruntukan yang besar telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan/naik taraf kemudahan rekreasi, adalah penting kemudahan tersebut disenggarakan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan September 2012 mendapat 22 komponen/kerja yang telah disediakan/naik taraf berada dalam keadaan yang tidak memuaskan/kotor yang melibatkan 5 projek bernilai RM43.50 juta. Ia antaranya disebabkan oleh penyenggaraan yang kurang memuaskan oleh DBKL, di samping kegiatan vandalisme yang sukar dibendung di kalangan masyarakat serta masalah kecurian khususnya di Projek Pembangunan Taman Kejiranan Air Panas, Setapak. Kebanyakan kemudahan yang telah siap dibina/disediakan telah rosak akibat vandalisme yang serius dan berleluasa.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan tidak dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan menyebabkan sebahagian kemudahan tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam. Masalah vandalisme juga telah menyebabkan sebahagian peralatan hilang atau dirosakkan.</p> <p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 7 Mac 2013</p> <p><i>DBKL telah dan akan mengadakan aktiviti bersama sahabat taman, NGO dan sukarelawan di taman-taman awam DBKL bagi mewujudkan perasaan sense of belonging. Selain itu, DBKL juga telah memperbaharui kriteria pelantikan kontraktor seperti mewajibkan kontraktor menyediakan peralatan khusus seperti skylift dalam penyenggaraan pokok rendang dan juga menyediakan arborist/horticulturist yang pakar dalam bidang penyenggaraan landskap.</i></p>	<p>DBKL telah melantik seramai 15 kontraktor penyelenggaraan pokok dimana setiap kontraktor telah melantik seorang arborist bagi memantau kerja-kerja penebangan pokok.</p> <p>Proses ini berjalan dengan baik dan akan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang.</p>
10.5.6	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan terhadap projek kemudahan rekreasi hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif program. JLR bertanggungjawab untuk memantau semua projek melalui Mesyuarat Pengurusan/Tapak/Kemajuan Kerja Bulanan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pemantauan rapi melalui lawatan fizikal telah dibuat secara berkala terhadap kesemua projek memandangkan tiada maklumat mengenainya.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBKL perlu mempertingkatkan penyeliaan terhadap kontraktor dan perunding yang dilantik serta mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang gagal melaksanakan tugas dengan berkesan.</p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>Melalui Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi perancangan dan pelaksanaan projek, aspek pemantauan telah ditetapkan dalam prosedur tersebut. Pemantauan juga dilaksanakan oleh Building Team DBKL.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Perenggan 11 : Pengurusan Program Susu 1Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.1	Prestasi Pencapaian PS1M Setakat 31 Julai 2012, prestasi bekalan susu yang telah diagihkan hanya mencapai 19% (2011) dan 25.5% (2012).	
11.5.1.2	Bagi perbelanjaan pula, prestasi perbelanjaan pada tahun 2011 ialah RM32.49 juta (19%) berbanding dengan nilai keseluruhan kontrak berjumlah RM170.93 juta iaitu bagi pembekalan susu mulai bulan April hingga Disember 2011.	Rayuan pelaksanaan pelanjutan tempoh kontrak Program Susu 1Malaysia (PS1M) bagi tahun 2013 hingga 2014, no. ruj. KP(BPPA)600-2/6/1 Jld.7(5) bertarikh 27 Disember 2012 telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 18 Januari 2013, no. ruj. : S/K.KEW/PK/KA/900/080504/57/45 JLD. 5 SJ.4/1(18).
11.5.1.3	Kementerian telah melanjutkan tempoh perjanjian kepada Kontraktor yang sama untuk tempoh 1 Februari hingga 31 Disember 2012 dengan tertakluk kepada baki peruntukan pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM138.45 juta. Sehingga 31 Julai 2012, Kementerian hanya dapat membelanjakan secara keseluruhannya sebanyak RM35.31 juta (25.5%) daripada jumlah peruntukan.	Kelulusan tersebut bagi tempoh dua (2) tahun mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014 pada anggaran kos RM345,320,739.00 dengan opsyen pelanjutan tempoh selama satu (1) tahun berdasarkan prestasi syarikat. Walau bagaimanapun, KPM perlu memperhalusi semula agihan mengikut negeri bagi tempoh pelaksanaan 2013 hingga 2014 dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK I) pada 5 Mac 2013 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah meminta KPM untuk membuat agihan semula pembekalan susu UHT di bawah PS1M berdasarkan keupayaan syarikat-syarikat terlibat, di samping mengambil kira objektif asal PS1M iaitu untuk membangunkan industri tenusu negara.
11.5.1.4	Prestasi pencapaian kewangan bagi keempat-empat syarikat semenjak perjanjian dimeterai sehingga 31 Julai 2012 ialah RM67.80 juta (39.7%) daripada RM170.93 juta nilai kontrak.	
11.5.1.5	Walaupun Kementerian telah menetapkan syarat yang ketat terhadap Kontraktor yang membekalkan susu ke sekolah namun terdapat kes kejadian yang disyaki keracunan susu iaitu pada tahun 2011 sebanyak 97 kes dan 78 kes sehingga 30 November 2012.	
11.5.1.6	Kes keracunan yang berlaku menyebabkan penghantaran dan pengagihan susu ke sekolah di negeri yang terlibat terpaksa digantung yang mengakibatkan PS1M tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Pergantungan tersebut akan berterusan sehingga mendapat kelulusan untuk pembekalan dan pengagihan semula daripada KKM. Bagaimanapun, berdasarkan mesyuarat di antara KPM dan KKM pada 14 Julai 2011, pihak Kementerian telah mengambil tindakan penambahbaikan iaitu sekiranya berlaku kes keracunan, pengantungan hanya akan dilaksanakan mengikut 'batch' susu dan sekolah terlibat. Kontraktor dikehendaki mengambil semula susu berlebihan daripada 'batch' yang sama dan membekalkan dengan stok	Hasilnya, pada 15 Mac 2013, KPM sekali lagi mengemukakan permohonan kelulusan semula bagi perubahan agihan negeri kepada syarikat yang membekalkan susu UHT berperisa ke sekolah-sekolah rendah di bawah Program Susu 1Malaysia untuk tempoh 1 Januari 2013 Hingga 31 Disember 2014 kepada Kementerian Kewangan. Susulan dari itu, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan tersebut pada 1 April 2013, no. ruj. : S/K.KEW/PK/KA/900/080504/57/45 JLD.7 SJ.3 (9).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang baru.	
11.5.1.7	<p>Berdasarkan kes keracunan yang berlaku, Kementerian telah mengemukakan sampel susu kepada KKM untuk diuji dan hasil ujian mendapati keracunan yang berlaku sebahagian besarnya bukan berpunca daripada susu tetapi daripada keracunan makanan, tidak toleran laktosa, alahan terhadap susu lembu dan kaedah pengendalian susu.</p>	<p>Pada 11 April 2013, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada keempat-empat pembekal yang berjaya dan pembekalan susu PS1M ke seluruh sekolah dijangka bermula pada 2 Mei 2013 setelah pihak pembekal mendapat <i>clearance</i> daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pesanan Kerajaan (L/O) daripada Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.</p>
11.5.1.8	<p>Walaupun tempoh kontrak bagi tahun 2011 bermula pada 1 Februari 2011 hingga 31 Disember 2011, susu hanya mula dibekalkan selepas mendapat kelulusan KKM iaitu di antara bulan April hingga Julai 2011. Manakala, bagi tahun 2012, susu mula dibekalkan selepas cuti penggal persekolahan bulan Mac 2012.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</p> <p><i>Mengikut Kementerian, laporan prestasi sebenar perbelanjaan PS1M sehingga Disember 2012 ialah RM74.48 juta (43.6%). Penangguhan PS1M sepanjang tahun 2011 dan 2012 dibuat oleh KKM di bawah Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Namun penangguhan dibuat oleh KKM di beberapa buah negeri yang terlibat dengan kejadian keracunan makanan yang disyaki berpunca daripada susu.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sasaran PS1M untuk membekalkan susu sebanyak dua kotak seminggu tidak tercapai. Ini adalah kerana pada tahun 2011 berlakunya kes-kes keracunan dan penangguhan pembekalan susu. Selain itu, pembekalan susu ke sekolah juga hanya dimulakan di antara bulan April hingga Julai 2011 pada tahun 2011 dan pertengahan bulan Mac 2012.</p>	
11.5.2.1.a.i	<p>Syarat-Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi - Tiada Wakil Kontraktor (PIC) Pada Setiap Sesi Minum Susu 1Malaysia</p> <p>Didapati 13 daripada 19 buah sekolah yang dilawati pada hari sesi minum susu diadakan, PIC tidak hadir untuk membuat ujian lihat, hidu dan rasa kepada susu bagi menentukan susu masih berkeadaan baik. Berdasarkan temu bual bersama guru, mereka tidak mengetahui bahawa PIC perlu hadir pada setiap sesi minum susu. Pihak Audit difahamkan oleh pihak Kontraktor bahawa kegagalan mereka menyediakan PIC pada setiap sesi minum susu adalah disebabkan faktor kos dan kesukaran pengangkutan khasnya di sekolah yang terletak di pulau dan kawasan pedalaman. Selain itu, Kontraktor menganggap guru bertugas sebagai wakil mereka di sekolah tetapi tiada bukti menunjukkan guru berkenaan diberi kuasa sebagai wakil</p>	<p>Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) bagi tempoh 2013 – 2014, skop dan spesifikasi kontrak untuk wakil kontraktor (<i>Person Incharge – PIC</i>) telah digantikan dengan Pengawai Perhubungan PS1M.</p> <p>Pegawai Perhubungan PS1M berperanan sebagai penyelia, pemantau dan akan menyediakan laporan bulanan (bagi dua daerah jagaan mereka) kepada Jabatan Pelajaran Negeri serta bersedia 24 jam (di dua daerah jagaan mereka) membantu pihak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kontraktor.	<p>sekolah, Jabatan Pelajaran Daerah serta Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan pengagihan susu dan cara-cara meminum susu dengan betul kepada pihak guru dan murid-murid sekolah.</p> <p>Pihak Kontraktor juga dikehendaki mengadakan seminar/taklimat berkaitan pengendalian PS1M kepada Pegawai Perhubungan PS1M dan pegawai yang menguruskan PS1M di Pejabat Pelajaran Daerah sekurang-kurangnya sekali setahun yang melibatkan KKM dan KPM.</p>
11.5.2.1.a.ii	Dengan ketiadaan PIC semasa sesi minum susu diadakan, guru telah mengendalikan sesi tersebut. Akibatnya guru yang bertugas merasa terbeban dengan tambahan tugas tersebut. Terdapat juga sesi minum susu yang diadakan pada waktu pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan tugas guru untuk mengajar dipendekkan dan pembelajaran murid terjejas.	Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) bagi tempoh 2013 – 2014, skop dan spesifikasi kontrak, pihak kontraktor juga bertanggungjawab menyedia dan mengedarkan bahan-bahan pendidikan PS1M seperti Buku Panduan Pengendalian PS1M, Poster, Phamplet, CD atau apa-apa bahan berkaitan PS1M bagi tujuan pendidikan kepada warga sekolah mengikut keperluan.
11.5.2.1.b	Kontraktor Tidak Melupuskan Bahan Pembungkusan Susu (Kotak Susu) Konsep <i>end to end solution</i> tidak dipenuhi oleh Kontraktor seperti yang dinyatakan di dalam kontrak perjanjian. Kontraktor seharusnya melupuskan bahan pembungkusan (kotak susu) pada setiap sesi minum susu selesai diadakan. Adalah didapati bahan pembungkusan susu (kotak susu) tidak dilupuskan oleh Kontraktor di semua sekolah yang dilawati pada hari sesi minum susu diadakan. Sebaliknya pihak sekolah terpaksa melupuskan kotak susu tersebut.	Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) bagi tempoh 2013 – 2014 yang baharu, pihak Kontraktor hanya bertanggungjawab menyediakan plastik sampah yang mencukupi dan berkualiti kepada pihak sekolah bagi membolehkan kotak susu yang telah habis diminum dibuang dan dilupuskan setiap minggu dengan betul dan teratur dengan seliaan Pegawai Perhubungan PS1M. Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah akan memastikan plastik sampah ini dibekalkan dengan jumlah yang mencukupi serta berkualiti.
11.5.2.1.c.i	Buku Panduan Dan Poster Tidak Dibekalkan Dan Dipamerkan Di Tempat Yang Sesuai Buku panduan tidak dibekalkan di 38 sekolah (95%) dan poster tidak dipamerkan di 28 buah sekolah (70%) yang dilawati.	Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) bagi tempoh 2013 – 2014, skop dan spesifikasi kontrak, pihak kontraktor juga bertanggungjawab menyedia dan mengedarkan bahan-bahan pendidikan PS1M seperti Buku Panduan Pengendalian PS1M, Poster, Pamphlet, CD atau apa-apa bahan berkaitan PS1M bagi tujuan pendidikan kepada warga sekolah mengikut keperluan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.2	<p>Kawalan Stor Simpanan Susu Sementara Di Sekolah</p> <p>Mengikut Perjanjian, Kontraktor hendaklah membina stor bagi menyimpan bekalan susu dan mengawal stor berkenaan bagi melindungi susu daripada kecurian dan kehilangan. Semakan Audit mendapati Kontraktor tidak membina stor sementara sebaliknya menggunakan surau dan bilik sumber yang hanya dikunci selepas waktu persekolahan dan ruang bawah tangga untuk menyimpan susu yang terletak di tempat umum yang berisiko. Selain itu, stor tersebut dikawal oleh guru yang bertugas. Oleh kerana tempoh kontrak bekalan susu hanyalah setahun, pihak Audit difahamkan oleh Kontraktor terlibat bahawa mereka tidak bersedia mengeluarkan kos bagi menyediakan stor berkaitan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</p> <p><i>Kementerian mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan kontrak PS1M. Dalam kontrak tahun 2011/2012, Kementerian tidak menetapkan mana-mana pihak sebagai PIC sebaliknya pihak Kontraktor diberi kelonggaran memilih wakil mereka sendiri. Oleh itu, Kementerian bercadang menetapkan Kontraktor melantik pengusaha kantin sebagai PIC di bawah PS1M akan datang. Dengan melantik pengusaha kantin sebagai PIC, isu pelupusan pembungkusan susu tidak berbangkit. Di samping itu, bagi kontrak baru PS1M, Kementerian tidak bercadang mensyaratkan Kontraktor untuk membina stor khas bagi penyimpanan susu, sebaliknya Kontraktor hanya perlu menyediakan bekas/peralatan penyimpanan berdasarkan keperluan sekolah. Mengenai bahan maklumat program PS1M (buku panduan dan CD), maklumat akan diberikan kepada Kontraktor untuk dicetak dan diperbanyakkan. Kementerian juga akan memuat naik buku panduan/buku log/borang berkaitan dalam laman sesawang Kementerian sebelum pelaksanaan PS1M bagi tahun 2013 untuk rujukan. Kementerian dengan kerjasama Kontraktor akan menganjurkan seminar yang perlu dihadiri oleh pihak Kontraktor, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, dan guru terlibat di peringkat sekolah. Taklimat akan diberikan terus oleh Kementerian dan KKM. Seminar dijangka akan diadakan pada cuti persekolahan pada bulan Mei 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, cadangan untuk melantik pengusaha kantin sebagai PIC adalah langkah yang boleh dipertimbangkan. Bagaimanapun, Kementerian hendaklah memastikan tidak berlaku konflik kepentingan dengan kantin yang diusahakan.</p>	<p>Dalam kontrak baharu, pihak kontraktor dikehendaki mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya Garis Panduan Pengendalian Bekalan Susu Sekolah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</p> <p>Selain itu juga, sebagai penambahbaikan, pihak kontraktor juga perlu menyediakan rak penyimpanan mengikut keperluan semasa sekolah yang akan diselaras oleh Jabatan Pelajaran Negeri :</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Rak besi yang terbuka bagi sekolah yang mempunyai bilik berkunci dan dikawal; (b) Rak besi bertutup bagi sekolah yang tidak mempunyai bilik dan diletakan di tempat terbuka dan tidak dikawal (seperti stor sukan, surau, kelas dan lain-lain). <p>Memandangkan PS1M 2013 baru bermula pada 2 Mei 2013, seminar PS1M perlu dijadualkan semula. Ia dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.3	<p>Penyelenggaraan Rekod Stok Susu</p> <p>Garis Panduan Pengendalian Bekalan Susu Sekolah menetapkan semua petugas yang menerima dan mengeluarkan bekalan susu hendaklah merekod maklumat berkaitan ke dalam buku log. Semakan Audit mendapati 18 (45%) sekolah terlibat tidak merekodkan penerimaan dan pengeluaran, manakala 22 buah sekolah lagi ada merekodkan penerimaan dan pengeluaran susu tetapi di dalam pelbagai format seperti KEW.PS-4, Daftar Stor Bekalan Pejabat dan format sendiri. Antara sebab ketiadaan dan pelbagai format rekod diselenggarakan oleh sekolah kerana tiada panduan khusus dikeluarkan berkaitan keperluan menyelenggarakan rekod tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, oleh kerana pihak kantin dicadangkan akan dilantik sebagai PIC, pihak Kementerian hendaklah memastikan mereka juga perlu bertanggungjawab menyelenggarakan buku log rekod penerimaan dan pengeluaran susu.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013 <i>Kementerian telah menyediakan format rekod penerimaan dan pengeluaran susu yang akan dimuat naik ke laman sesawang KPM sebelum pelaksanaan PS1M bagi tahun 2013. Di samping itu, arahan akan dikeluarkan kepada semua sekolah terlibat berhubung kepentingan penyelenggaraan rekod stok susu secara lebih teratur dan seragam. Surat siaran ini akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) sebelum pelaksanaan PS1M bagi tahun 2013. Kementerian mengambil maklum pandangan pihak Audit dan akan memastikan penyelenggaraan buku log rekod penerimaan dan pengeluaran susu sentiasa dikemaskini.</i></p>	<p>Berdasarkan skop dan spesifikasi kontrak baharu, pihak kontraktor:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bertanggungjawab untuk mewujudkan rekod pengedaran susu dari kilang ke sekolah, rekod pensampelan termasuk keputusan analisis yang diterima dari makmal yang telah diakreditasikan oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM); (b) Kontraktor bertanggungjawab untuk menyimpan di gudang semua dokumen dan rekod berkaitan aktiviti bekalan susu sekolah untuk tujuan pemantauan dan traceability; dan (c) Kontraktor juga bertanggungjawab menyedia dan mengedarkan Buku Log PS1M kepada semua sekolah di negeri masing-masing untuk tujuan rekod serta pengesahan pihak sekolah terhadap pelaksanaan dan pengedaran susu di sekolah.
11.5.4.1.a	<p>Susu Tidak Disimpan Mengikut Tatacara Yang Betul</p> <p>Stok susu tidak disusun pada ketinggian 20sm daripada lantai bagi 4 buah sekolah yang dilawati iaitu SJK(C) Chi Hwa, SK Karamunting, SK Sg. Anib 2 dan SK Sri Tanjung Papat 1, Sandakan, Sabah.</p>	<p>Dalam kontrak baharu, pihak kontraktor dikehendaki mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya Garis Panduan Pengendalian Bekalan Susu Sekolah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</p>
11.5.4.1.b	<p>Manakala 8 buah sekolah, stok susu disusun kurang 15sm jaraknya daripada dinding iaitu di SK Tandop Besar, Padang Terap, SK Seri Bakti, Jitra, Kedah, SJK(C) Chi Hwa, SK Sg. Anib 2, SK Muhibah, SK Sri Tanjung Papat 1, SK Taman Rimba, Sandakan, Sabah dan SK Tobobon, Kota Kinabalu, Sabah.</p>	<p>Pihak kontraktor dikehendaki mematuhi keperluan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Semua kotak susu hendaklah disusun di atas pallet dengan ketinggian sekurang-kurangnya 15cm dari lantai. Penyusunan hendaklah tidak melebihi keluasan pallet;
11.5.4.1.c	<p>Selain itu, terdapat juga susu yang disusun tidak menggunakan kaedah susunan yang sesuai (interlocking stacking system) bagi mengelakkan kotak bergoyang dan terjatuh di SK St. Mary Convent dan SK St. Monica, Sandakan, Sabah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (b) Disusun pada jarak sekurang-kurangnya 15cm dari

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.4.2	<p>Berdasarkan temu bual bersama guru, didapati mereka tidak mengetahui tatacara penyimpanan susu yang sesuai memandangkan tiada buku panduan diterima oleh mereka. Selain itu, Kontraktor pula tidak memberi penerangan kepada guru mengenainya dan sekolah menghadapi masalah ruang yang kurang sesuai untuk penyimpanan susu.</p> <p>Pada pendapat Audit, susu yang tidak disimpan dengan teratur dan baik di tempat yang sesuai, mudah rosak dan tercemar dan berisiko keracunan. Susu juga perlu disimpan di lokasi yang mempunyai pengudaraan yang mencukupi bagi menjamin jangka hayat susu tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</p> <p>Kementerian mengambil perhatian mengenai teguran Audit. Arahan akan dikeluarkan oleh BPSH kepada semua sekolah dan kontraktor terlibat supaya mematuhi "Garis Panduan Pengendalian Bekalan Susu Sekolah" yang ditetapkan bagi PS1M 2013.</p>	<p>dinding;</p> <ul style="list-style-type: none"> (c) Penyusunan susu hendaklah menggunakan kaedah yang sesuai bagi memastikan kotak stabil dan tidak terjatuh contohnya kaedah <i>interlocking stacking system</i>; (d) Penyimpanan dan pengurusan stok hendaklah berdasarkan tarikh luput dan nombor batch bagi memudahkan amalan "MASUK DAHULU, KELUAR DAHULU / FIRST IN, FIRST OUT (FIFO); (e) Tidak menyusun tray melebihi ketinggian yang dibenarkan (8 tray); (f) Menyediakan system rekod penyimpanan yang lengkap bagi tujuan <i>traceability</i>; (g) Kandungan rekod perlu mengandungi maklumat berkaitan pengangkutan dan pengedaran bagi memudahkan proses penarikan semula produk dilakukan dengan berkesan sekiranya perlu; dan (h) Rekod hendaklah dijaga dan disimpan untuk jangka masa satu (1) tahun.
11.5.5.2	<p>Semakan terhadap Sijil Akuan Penerimaan (SAP), Pesanan Kerajaan dan Baucar Bayaran bagi tahun 2011 dan sehingga Julai 2012 yang melibatkan 12 sampel sekolah di negeri Selangor mendapati berlaku kelewatan pembekalan susu di antara 3 hingga 12 hari. Bagaimanapun, berdasarkan Baucar Bayaran pembekalan susu, didapati tiada tindakan diambil atau denda dikenakan terhadap Kontraktor. Kegagalan mengenakan denda ini telah menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dijaga dengan sewajarnya. Mengikut perkiraan Audit denda yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM10,054.</p>	<p>Berdasarkan kontrak tahun 2013 – 2014, denda kelewatan pembekalan susu , telah dinyatakan dengan jelas dalam Surat Setuju Terima (SST), Lampiran D – Hak-Hak Kerajaan seperti contoh salah satu SST pembekal, iaitu Kerajaan boleh sama ada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menolak susu itu, menamatkan Perjanjian ini dan mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan; atau
11.5.5.3	<p>Berdasarkan 53 sampel SAP melibatkan 100,343 kotak susu bagi tempoh pembekalan bulan September 2011 hingga Julai 2012 untuk 18 buah sekolah di Sabah, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh penyerahan susu ke sekolah sama ada telah mengikuti tempoh yang ditetapkan kerana semasa lawatan Audit mendapati Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan tidak diperincikan mengikut nama sekolah. Manakala, Kontraktor belum membuat tuntutan bayaran ke PPD Sandakan dan JPN Sabah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (b) membeli susu yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan membatalkan pesanan susu yang dipesan daripada Kontraktor. Bagi hal yang sedemikian, jika kos memperolehi susu itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Lampiran B, Kontraktor dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan; atau

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tindakan segera hendaklah diambil untuk mengutip denda terlibat. Kementerian juga hendaklah menyemak semua SAP bagi memastikan kelewatan pembekalan dikenakan denda seperti yang ditetapkan. Kementerian juga hendaklah memastikan pesanan kerajaan diperincikan bagi memudahkan perbandingan dengan SAP.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</i></p> <p><i>Bagi program PS1M untuk tahun 2013, Kementerian akan memastikan rekod penerimaan bekalan susu dibuat dengan teratur dan denda dikenakan ke atas Kontraktor bagi setiap kelewatan pembekalan susu. Semua sekolah yang terlibat dengan PS1M akan diminta supaya memantau pelaksanaan pembekalan susu oleh kontraktor dengan rapi dan memastikan terma kontrak dipatuhi dan kepentingan kerajaan terjaga. Di samping itu, rekod tuntutan dan dokumen bayaran akan disimpan dengan teratur. Surat siaran akan dikeluarkan oleh BPSH sebelum pelaksanaan kontrak baru bagi tahun 2013.</i></p>	<p>(c) setuju terima susu itu dan mengenakan denda dengan jumlah dua puluh peratus (20%) daripada nilai tuntutan jumlah pesanan bagi sekolah yang terlibat.</p> <p>Kerajaan boleh mengenakan tindakan tanpa menyentuh hak-hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah Perjanjian tersebut dan di bawah Undang-Undang lain yang berkenaan yang terpakai pada masa ini.</p> <p>Berdasarkan Surat Siaran yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BSPH) kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri (JPN), no.ruj. : KP(BPSH-SPKIA)701/015 Jld.7(27) bertarikh 15 April 2013, pihak JPN diminta untuk mengingatkan Guru Besar sekolah yang terlibat dengan PS1M mengambil tindakan-tindakan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Memastikan pihak kontraktor mematuhi sepenuhnya skop dan spesifikasi kontrak yang telah dikeluarkan pada 11 April 2012 (SST); (ii) Memaklumkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) jika terdapat sebarang aduan dan keraguan terhadap produk susu yang dibekalkan; (iii) Mengambil langkah berjaga-jaga sepanjang masa dari mula susu diminum oleh murid dan memainkan CD Treler Panduan Minum Susu Kotak yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai langkah pendidikan. <p>Selain itu juga, pihak JPN dan PPD dikehendaki membuat pemantauan yang rapi sepanjang masa dan memastikan Pegawai Perhubungan PS1M yang dilantik oleh pihak Kontraktor menghantar laporan setiap bulan pelaksanaan PS1M di daerah masing-masing.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Perenggan 12 : Projek Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Prasekolah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.1	<p>Prestasi Projek - Pencapaian Kewangan</p> <p>Jumlah peruntukan dari tahun 2010 hingga 2012 bagi projek pembangunan dan perolehan peralatan prasekolah adalah sebanyak RM387.93 juta. Manakala peruntukan yang telah dibelanjakan setakat bulan Disember 2012 berjumlah RM341.70 juta (88.1%). Pada tahun 2010, jumlah peruntukan yang dibelanjakan hanya mencapai 63.9% kerana projek pembinaan dan perolehan peralatan prasekolah bagi Fasa 1 baru bermula pada penghujung tahun 2010.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Dan 22 Mac 2013</p> <p><i>Kebanyakan kontrak masih di peringkat penyediaan akaun muktamad di mana setiap kontraktor mempunyai baki aman kontrak sekurang-kurangnya 5% lagi untuk dituntut. Kementerian akan meminta kontraktor untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi tujuan memuktamadkan akaun dan pembayaran kepada kontraktor akan segera dibuat setelah menerima dokumen yang lengkap.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Projek Peluasan Prasekolah adalah memuaskan kerana peratus perbelanjaan telah mencapai 88.1% daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan.</p>	<p>Jumlah perbelanjaan hanya mencapai 88.1% kerana masih ada sebilangan kecil projek yang masih belum disiapkan. Selain itu, kebanyakan kontrak masih di peringkat penyediaan akaun muktamad yang mana setiap kontraktor mempunyai baki aman kontrak sebanyak sekurang-kurangnya 5% lagi untuk dituntut. Bagi perbelanjaan tahun 2010, peruntukan kurang dibelanjakan disebabkan oleh projek hanya dimulakan pada bulan September 2010.</p> <p>KPM akan segera membuat pembayaran kepada kontraktor setelah menerima dokumen yang lengkap. Selain itu, KPM juga akan meminta kontraktor untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi tujuan memuktamadkan akaun.</p>
12.5.1.2.a	<p>Pencapaian Fizikal Projek Yang Diaudit</p> <p>Mengikut kontrak asal, syarikat yang dilantik hendaklah menyiapkan projek Bina Baru Prasekolah dan kemudahan lain yang berkaitan dalam tempoh 3 hingga 12 bulan dari tarikh milik tapak. Semakan Audit mendapati 19 (82.6%) daripada 23 projek Bina Baru lewat disiapkan antara 44 hingga 571 hari dari tarikh penyiapan asal dalam kontrak/tarikh akhir lanjutan masa. Kesemua 19 projek ini telah dikenakan Gantirugi Yang Ditentukan dan Ditetapkan [Liquidated Ascertained and Damages (LAD)]. Semasa lawatan Audit antara bulan Julai hingga akhir September 2012, sebanyak 11 (57.9%) daripada 19 projek tersebut iaitu 3 projek di Selangor, 5 projek di Johor dan</p>	<p>Peratusan bagi projek yang lewat disiapkan agak tinggi iaitu 82.6% jika dibandingkan dengan bilangan sampel yang diaudit (23 sampel). Sekiranya perbandingan dibuat dengan keseluruhan bilangan projek bina baru iaitu sebanyak 1001 projek, peratusan tersebut adalah jauh lebih rendah. Namun demikian, KPM akan sentiasa memastikan semua perkara yang terkandung di dalam kontrak dikuatkuasakan dan dipatuhi bagi membolehkan projek disiapkan mengikut jadual.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	3 projek di Sarawak masih belum siap/belum diserahkan. Bagaimanapun mengikut Laporan Kemajuan Kerja setakat bulan Januari 2013, kesemua projek tersebut telah dapat disiapkan.	
12.5.1.2.c	<p>Selain itu, pihak Audit mendapat terdapat kontraktor yang melantik subkontraktor untuk menyiapkan beberapa projek yang diterimanya. Antaranya, Glorious Trading bagi projek di SK Parit Kemang dan SK Seri Gading, Batu Pahat, Johor dan Betakota (M) Sdn. Bhd. yang melantik subkontraktor untuk melaksanakan projek di SK Nanga Selangau, Sibu, Sarawak. Hasil temu bual bersama subkontraktor mendapat kontraktor kurang memantau kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh mereka. Akibatnya projek lewat disiapkan dan kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan. Bagi projek lewat di SK Parit Kemang dan SK Seri Gading, subkontraktor yang dilantik bagi pihak Glorious Trading didapati gagal menepati jadual yang ditetapkan. Berdasarkan laporan kemajuan kerja pada bulan April 2012, prestasi kerja pembinaan bagi SK Parit Kemang dan SK Seri Gading masing-masingnya baru mencapai 10% dan 23%. Projek ini sepatutnya diserahkan pada bulan Januari 2012. Menurut perunding, kontrak bagi syarikat ini telah dicadangkan untuk ditamatkan. Bagaimanapun hasil perbincangan bersama Kementerian, kontraktor (Glorious Trading) diberi peluang akhir dan telah melantik subkontraktor yang lain untuk menyiapkan kedua-dua projek ini.</p>	<p>KPM tiada sebarang ikatan kontrak dengan subkontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama. Dalam hal ini, KPM akan berhubung dengan kontraktor untuk memastikan projek berjalan mengikut jadual. Surat amaran dikeluarkan kepada kontraktor sekiranya projek tidak mengikut jadual yang ditetapkan di dalam kontrak. Selain itu, akan mengambil tindakan dengan merekodkan sebarang prestasi buruk kontraktor bagi menjadi rujukan untuk tender-tender akan datang.</p> <p>KPM bercadang untuk membuat penilaian secara dalam berkenaan prestasi perunding dan kontraktor projek, seterusnya membuat sistem penilaian (<i>rating system</i>) dalam sebagai panduan bagi projek-projek yang akan datang.</p> <p>Perunding dan kontraktor yang berkenaan diminta untuk memberi penjelasan kepada KPM berhubung dengan perkara ini dan sebarang masalah atau kualiti pembinaan yang rendah akan dikenakan penalti semasa memuktamadkan akaun akhir.</p>
12.5.1.2.d	<p>Lawatan Audit ke SK Nanga Selangau pula mendapat subkontraktor hanya dibekalkan sehelai Pelan Lantai sebagai rujukan untuk menjalankan kerja pembinaan. Hasil temu bual bersama subkontraktor mendapat mereka tidak mengetahui skop kerja dan spesifikasi kontrak keseluruhan projek tersebut dan terpaksa meninjau beberapa projek prasekolah berhampiran untuk rujukan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Dan 22 Mac 2013</p> <p><i>Kesemua 19 prasekolah tersebut telah siap sepenuhnya dan digunakan oleh pihak sekolah. Semua kontraktor yang gagal menyiapkan kerja mengikut jadual telah diberikan Certificate of Non Completion (CNC), seterusnya dikenakan LAD. Kementerian tiada sebarang ikatan dan kontrak dengan subkontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama. Dalam hal ini, Kementerian akan berhubung dengan kontraktor untuk memastikan projek berjalan mengikut jadual. Surat amaran dikeluarkan kepada kontraktor sekiranya projek tidak mengikut jadual yang ditetapkan di dalam kontrak. Selain itu, Kementerian akan mengambil tindakan dengan merekodkan prestasi buruk kontraktor untuk menjadi rujukan bagi tender yang akan datang. Kementerian juga bercadang membuat penilaian secara dalam berkenaan prestasi perunding dan kontraktor, seterusnya membuat Sistem Penilaian</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>(Rating System) sebagai panduan bagi projek yang akan datang.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi projek bagi kategori Bina Baru secara keseluruhannya kurang memuaskan kerana hanya 4 (17.4%) daripada 23 projek dapat disiapkan mengikut jadual. Bagaimanapun, bagi 7 projek Ubah Suai yang diaudit, prestasinya adalah baik kerana kesemua projek telah dapat disiapkan mengikut jadual.</p>	
12.5.2.1.a	<p>Pengurusan Projek Pembinaan Dan Perolehan Peralatan Prasekolah - Perancangan Projek - Pengagihan Bilangan Projek Kepada Kontraktor Dan Tempoh Siap Projek Kurang Sesuai</p> <p>Daripada 19 sampel projek Bina Baru yang lewat disiapkan, pihak Audit mendapati pengagihan bilangan projek kepada kontraktor tidak mengambil kira faktor jarak antara lokasi bagi projek-projek di bawah sub pakej yang sama. Sebagai contoh, Betakota (M) Sdn. Bhd. ditawarkan 13 projek yang meliputi 6 daerah di Sarawak dan jarak di antara projek yang paling jauh melebihi 200km (antara Sibu hingga Bintulu). Selain itu, tempoh penyiapan projek yang ditetapkan juga kurang sesuai kerana tidak mengambil kira faktor lokasi dan bilangan projek yang perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, tempoh penyiapan projek di Negeri Sarawak adalah 6 bulan walaupun bilangan projek adalah antara 5 hingga 17 kelas prasekolah dan jarak lokasi projek yang jauh.</p>	<p>KPM akan memastikan pengagihan tapak bagi setiap kontraktor dibuat dengan lebih baik melalui perancangan projek sebelum sebarang tender dikeluarkan. Bilangan sekolah yang terlibat akan dikecikkan dengan mengambil kira jarak antara sekolah. Namun begitu, pengagihan tersebut akan bergantung kepada nilai kos projek bagi memastikan kelas kontraktor yang sesuai dicapai terutama untuk mengetahui kualiti kerja sesuatu kontraktor. Setelah Sistem GIS telah beroperasi sepenuhnya, pembahagian projek akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.</p>
12.5.2.b	<p>Semakan Audit terhadap proses bayaran bagi tuntutan kontraktor mendapati pembayaran interim pertama bagi 13 tuntutan telah dibuat melebihi tempoh 14 hari yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 103. Tempoh kelewatan adalah antara 13 hingga 76 hari dari tarikh tuntutan diterima oleh Kementerian. Antara sebab berlakunya kelewatan ialah Bahagian Teknikal lewat menyemak dan mengesahkan tuntutan; baucar dikuiri oleh Unit Bajet dan penyerahan maklumat/dokumen tambahan oleh perunding yang tidak lengkap. Kelewatan bayaran ini akan membebankan kontraktor, khususnya yang menghadapi kekangan kewangan dan boleh menjelaskan prestasi kerja kontraktor secara keseluruhannya.</p>	<p>Setiap bayaran hanya akan dibuat sekiranya semua dokumen yang lengkap dikemukakan oleh kontraktor. Pada masa ini, Bahagian Pembangunan KPM telah menubuhkan One Stop Centre bagi menerima dokumen tuntutan kontraktor di mana semua penerimaan dan proses bayaran dibuat dengan bersepadu. Sekiranya semasa penerimaan dokumen didapati tidak lengkap, tuntutan tersebut akan dikembalikan serta merta untuk disempurnakan.</p>
12.5.2.c.i	<p>Pihak Kementerian memaklumkan tapak asal yang dipilih bagi projek Prasekolah di SMK Luar Bandar Sibu No.1 merupakan tapak rata di belakang kawasan sekolah. Namun semasa projek hendak dimulakan, Pengetua telah menghalang kontraktor untuk memulakan kerja dan mengarahkan supaya tapak dipindahkan ke kawasan bukit di hadapan sekolah. Setelah penilaian dibuat, tapak yang dicadangkan tidak dapat dipertimbangkan kerana kos yang tinggi terutamanya kerja tanah yang melibatkan pemotongan bukit yang besar dan terdapat kuarters lama yang perlu dirobohkan. Sebagai alternatif, perunding bercadang untuk membina bangunan prasekolah di antara 2 lereng bukit di hadapan kawasan sekolah. Bagaimanapun, tapak alternatif tersebut juga tidak dipersetujui oleh Pengetua. Kementerian pada</p>	<p>Mengikut prosedur sedia ada, KPM mengarahkan perunding untuk melakukan lawatan tapak yang perlu dihadiri oleh PPD dan pihak sekolah supaya menentukan tapak yang akan dibina bangunan prasekolah. Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah menyediakan satu borang yang perlu ditandatangani oleh perunding, PPD dan pihak sekolah sebagai pengesahan tapak yang dipersetujui semasa lawatan tapak dan mula dikuatkuasakan bermula Fasa 2.</p> <p>Bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang pertikaian berhubung sesuatu tapak terutamanya apabila pembinaan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>akhirnya bersetuju supaya bangunan prasekolah dibina di atas tapak yang dicadangkan oleh Pengetua. Pertukaran lokasi dari tapak asal ke tapak projek yang baru telah menyebabkan tambahan kos berjumlah RM245,423. Selain itu, kerja pembinaan bangunan prasekolah yang sepatutnya disiapkan pada 21 Mac 2011 telah tertangguh dan semasa lawatan Audit pada 3 September 2012, bangunan prasekolah ini masih belum siap/belum diserah kepada pihak sekolah.</p>	<p>hendak dimulakan. Penguatkuasaan borang pengesahan dijangka akan dapat mengelak masalah sebegini berulang pada masa akan datang.</p>
12.5.2.c.ii	<p>Tapak asal yang dicadangkan oleh pihak sekolah dan perunding bagi bangunan prasekolah di SK Nanga Selangau adalah berhampiran tebing sungai dengan jarak lebih kurang 15 meter sahaja. Bagaimanapun, lokasi tapak bangunan prasekolah tersebut telah diubah ke kawasan yang lebih tinggi dan selamat daripada risiko banjir iaitu lebih kurang 100 meter daripada tapak asal. Kementerian memaklumkan kelulusan pertukaran tapak hanya dapat dibuat selepas Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja meluluskan kos tambahan bagi tapak baru yang berjumlah RM242,475. Kos tambahan ini melibatkan pembinaan tembok penahan disebabkan tapak projek yang bercerun. Selain itu, keseluruhan kawasan sekolah juga akan dipindahkan ke tempat lain bagi mengelakkan masalah banjir.</p>	<p>Bagi projek ubahsuai, KPM akan memastikan JPN tidak melaksanakan pembinaan bangunan baru walaupun peruntukan ubahsuai yang diberikan mencukupi. Sebarang perubahan terhadap perkara tersebut perlu mendapat kebenaran KPM terlebih dahulu.</p>
12.5.2.c.iii	<p>Pihak sekolah di SK Ulu Sungai Naman dan SK Perbandaran Sibu No. 4 telah mencadangkan ruang atau bilik darjah yang diperbuat daripada kayu untuk diubah suai. Ekoran itu, PPD telah bersetuju dengan cadangan pihak sekolah dan menyenaraikan projek tersebut dalam kategori Ubah Suai yang kemudianya diangkat kepada JPN Sarawak dan Kementerian. Bagaimanapun sebaik sahaja peruntukan diterima, pihak PPD Julau dan PPD Sibu telah menawarkan sebut harga bagi kontrak pembinaan bangunan Prasekolah untuk 2 sekolah tersebut yang masing-masingnya bernilai RM98,000 dan RM70,400 memandangkan bangunan yang diperbuat daripada kayu tidak sesuai dilaksanakan kerja Ubah Suai. Perubahan kategori dari Ubah Suai kepada Bina Baru telah mengakibatkan reka bentuk bangunan yang dibina tidak menepati panduan yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dari aspek keluasan binaan dan kemudahan yang disediakan. Mengikut Dokumen Spesifikasi Bangunan, Ruang, Perabot, Peralatan Dan Kelengkapan Prasekolah (DSBRPPKP) yang dikeluarkan oleh BPK, keluasan binaan yang sepatutnya adalah 24' x 70' dengan anggaran kos antara RM265,000 hingga RM450,000. Bagaimanapun, disebabkan peruntukan asal yang diluluskan adalah untuk kerja Ubah Suai, keluasan binaan bangunan prasekolah dan kemudahan yang disediakan tidak mencapai piawaian yang ditetapkan dalam DSBRPPKP.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengagihan bilangan projek yang banyak kepada satu kontraktor, jarak lokasi projek yang jauh antara satu sama lain dan tempoh penyiapan projek yang singkat telah memberi kesan kepada pencapaian prestasi projek. Selain itu, pemilihan tapak dan kategori projek yang tidak dibuat dengan teliti</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>telah memberi kesan terhadap kos projek dan tempoh penyiapan serta mengakibatkan panduan yang ditetapkan tidak dipatuhi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Dan 22 Mac 2013</p> <p>Kementerian mengakui bahawa tempoh pembinaan yang terlalu pendek telah memberi kesan terhadap kelewatan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual. Kementerian akan memastikan pengagihan tapak bagi setiap kontraktor dibuat dengan lebih baik sebelum sebarang tender dikeluarkan. Bilangan sekolah yang terlibat akan dikecilkan dengan mengambil kira jarak antara sekolah. Namun begitu, pengagihan tersebut akan bergantung kepada nilai kos projek bagi memastikan kelas kontraktor yang bersesuaian. Setelah Geographic Information System (GIS) beroperasi sepenuhnya, pembahagian projek akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Bagi isu bayaran lewat dibuat, pada masa ini Bahagian Pembangunan telah menujuhkan One Stop Centre bagi menerima dokumen tuntutan kontraktor di mana semua penerimaan dan proses bayaran dibuat secara bersepadu. Sekiranya semasa penerimaan dokumen didapati tidak lengkap, tuntutan tersebut akan ditolak dan dikembalikan serta merta untuk disempurnakan. Sementara itu, sering kali berlaku masalah di mana tapak yang telah dipersetujui bersama diminta untuk ditukarkan oleh Guru Besar. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian telah menyediakan satu borang yang perlu ditandatangani oleh perunding, PPD dan pihak sekolah sebagai pengesahan tapak yang dipersetujui semasa lawatan tapak dan mula dikuatkuasakan bermula Fasa 2. Ini dapat mengelakkan sebarang pertikaian berhubung tapak yang dipilih terutamanya apabila pembinaan hendak dimulakan.</p>	
12.5.2.2.a	<p>Reka Bentuk Bangunan, Ubah Suai Dan Perolehan Peralatan Tidak Mengikut Panduan</p> <p>Sebahagian reka bentuk projek Prasekolah bagi Fasa 1 kurang sesuai dan tidak mematuhi garis panduan DSBRPPKP. Reka bentuk tersebut boleh menyebabkan guru, murid dan peralatan prasekolah terdedah kepada risiko kemalangan dan kecurian, di samping suasana P&P yang kurang kondusif.</p>	
12.5.2.2.b	<p>Penemuan Audit juga mendapati perolehan jenis dan kuantiti bagi sebahagian perabot dan peralatan prasekolah adalah tidak sesuai dan tidak selaras dengan panduan DSBRPPKP.</p>	<p>Rekabentuk Fasa 1 telah ditambahbaik bagi Fasa 2 dan 3. Maklumbalas yang diperolehi selepas langkah penambahbaikan tersebut adalah positif. Sekiranya terdapat projek akan datang, KPM akan membuat penambahbaikan pada rekabentuk Fasa 2 dan 3 berdasarkan pandangan yang diterima.</p>
12.5.2.2.c	<p>Perolehan peralatan yang tidak sesuai antaranya disebabkan spesifikasi yang disediakan oleh perunding atau perolehan peralatan melalui sebut harga oleh JPN tidak merujuk kepada garis panduan DSBRPPKP. Selain itu, ia juga disebabkan</p>	<p>Berdasarkan kontrak, jenis dan spesifikasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada spesifikasi Kementerian dan tidak direka bentuk oleh perunding. Bagi peralatan tidak mengikut spesifikasi, kontraktor telah membuat penggantian. Sekiranya kontraktor tidak menggantikan semula dan tempoh kecacatan telah tamat, perunding yang bertanggungjawab diarahkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penyelarasan yang kurang berkesan antara Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum di peringkat Kementerian serta rujukan tidak dibuat terhadap garis panduan yang terkini. Akibat perolehan yang tidak sesuai, terdapat peralatan yang tidak digunakan oleh guru dan murid. Ini menyebabkan berlakunya pembaziran. Selain itu, sesi P&P juga menjadi tidak kondusif.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan semua bilik darjah prasekolah direka bentuk mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan bagi memastikan sesi P&P dilaksanakan dalam suasana yang kondusif serta semua ruang dan peralatan prasekolah dapat digunakan secara maksimum.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Bahagian Pembangunan tidak menyedari kewujudan Garis Panduan DSBRPPKP yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum pada tahun 2008. Reka bentuk bangunan Kerajaan terutamanya sekolah adalah merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi. Kos yang diluluskan juga menjadi faktor sesuatu bangunan direka bentuk. Kementerian mengakui reka bentuk projek Fasa 1 mempunyai banyak kelemahan dan ia telah diperbetulkan dalam projek Fasa 2 dan 3. Bagi projek Ubah Suai, Kementerian akan memastikan JPN tidak melaksanakan pembinaan bangunan baru walaupun peruntukan ubah suai yang diberikan mencukupi. Sebarang perubahan terhadap kategori projek perlu mendapat kebenaran Kementerian terlebih dahulu. Bagi peralatan tidak mengikut spesifikasi, kontraktor telah membuat penggantian. Sekiranya kontraktor tidak menggantikan semula dan tempoh kecacatan telah tamat, perunding yang bertanggungjawab dirahkan menggantikan semula dengan kos ditanggung oleh perunding tersebut. Kementerian akan membuat kajian semula bagi senarai, jenis, spesifikasi serta kuantiti perabot dan peralatan prasekolah. Ini akan melibatkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset serta Bahagian Pembangunan. Pelaksanaan kajian semula ini akan dimulakan selewat-lewatnya Jun 2013.</i></p>	<p>menggantikan semula dengan kos ditanggung oleh perunding tersebut.</p> <p>KPM akan membuat kajian semula bagi senarai, jenis, spesifikasi serta kuantiti perabot dan peralatan prasekolah. Ini akan melibatkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset serta Bahagian Pembangunan. Pelaksanaan kajian semula ini akan dimulakan selewat-lewatnya Jun 2013.</p>
12.5.2.3.a	<p>Kerja Pembinaan Bangunan Prasekolah - Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi</p> <p>Lawatan Audit mendapati 10 jenis kerja yang dilaksanakan di 15 prasekolah tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.</p>	<p>Semua kecacatan seperti di Jadual 10 telah siap diperbaiki oleh kontraktor.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.3.b	<p>Kualiti Kerja Bangunan Prasekolah</p> <p>Lawatan Audit mendapati kualiti kerja yang dilaksanakan oleh 16 kontraktor bagi 17 prasekolah kurang memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyeliaan oleh perunding terhadap kerja kontraktor dan pemantauan oleh JPN/PPD masih kurang memuaskan. Perunding/JPN/PPD perlu memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi syarat yang ditetapkan dalam skop kerja/spesifikasi kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian telah mengeluarkan arahan kerja pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan kepada kontraktor. Semua kecacatan seperti yang dinyatakan telah siap diperbaiki oleh kontraktor. Kementerian akan mengambil tindakan terhadap perunding sekiranya didapati perakuan dibuat terhadap sesuatu projek yang tidak disiapkan dengan sempurna mengikut kontrak. Adalah menjadi tanggungjawab profesional perunding memastikan semua perkara berada dalam keadaan tepat dan teratur sebelum perakuan dikeluarkan.</i></p>	Semua kecacatan seperti di Jadual 11 telah siap diperbaiki oleh kontraktor.
12.5.2.4.a.i	<p>Perolehan Peralatan Prasekolah - Peralatan Tidak Dibekalkan/Kurang Dibekalkan/Belum Dibekalkan/Tidak Mengikut Spesifikasi</p> <p>Sebanyak 26 unit/set peralatan tidak dibekalkan bagi 9 buah prasekolah. Bagaimanapun, hanya 12 unit/set peralatan yang dapat ditentukan nilainya iaitu berjumlah RM1,201 manakala 14 unit/set peralatan lagi tidak dapat ditentukan nilainya dalam kontrak. Antara peralatan yang tidak dibekalkan adalah seperti alat penimbang, perabot, set uji kaji sains, peralatan dapur, peralatan elektrik dan model haiwan. Selain itu, sebanyak 250 unit/set peralatan kurang dibekalkan bagi 7 prasekolah. Bagaimanapun, hanya 161 unit/set peralatan yang dapat ditentukan nilainya iaitu berjumlah RM4,864 (89 unit/set peralatan tidak dapat ditentukan nilainya). Antara peralatan yang kurang dibekalkan adalah peralatan landskap, set pertukangan, peralatan perkusi, kelengkapan solat, alat bantu mengajar dan peralatan dapur.</p>	<p>Semua pembekalan yang tidak lengkap telah dibekalkan semula oleh kontraktor. Semakan juga mendapati terdapat peralatan yang dibangkitkan telah pun dibekalkan oleh kontraktor tetapi telah hilang selepas diserahkan kepada sekolah. Dalam hal ini, perkara tersebut tidak menjadi tanggungjawab ke atas kontraktor. KPM akan memastikan pihak yang membuat penerimaan untuk membuat penyimpanan dengan lebih teratur bagi memastikan tiada kes kehilangan atau kecurian berlaku.</p> <p>Perabot dan peralatan di kesemua sekolah tersebut telah dibekalkan selepas bangunan disiapkan dan sebelum penyerahan kepada sekolah dilakukan. Penggunaan kelas sementara perlu memandangkan sesi persekolah dibuka pada setiap awal tahun dan juga pendaftaran murid telah dibuat. Pihak sekolah telah diberi pilihan samada untuk menerima perabot dan peralatan sebelum bangunan siap atau sebaliknya.</p>
12.5.2.4.a.ii	<p>Bagi 5 prasekolah, peralatan belum dibekalkan untuk projek Fasa 2 kerana bangunan prasekolah belum disiapkan. Sekolah yang terlibat adalah SK Parit Kemang, Batu Pahat; SK Seri Gading, Batu Pahat; SJK(C) Layang, Kluang; SK Nanga Selangau, Sibu dan SK Ulu Ranan, Kanowit, Sarawak. Tiga prasekolah sepatutnya disiapkan pada 7 Januari 2012 manakala 2 prasekolah sepatutnya disiapkan pada 6 Mac 2012. Namun begitu, sesi prasekolah telah beroperasi seperti</p>	Bagi projek akan datang, KPM akan memastikan projek

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>biasa dan murid-murid menumpang di bilik darjah sementara sehingga bangunan prasekolah disiapkan. Semasa lawatan Audit, didapati murid-murid bagi 5 prasekolah tersebut belajar di atas lantai dan guru-guru mengajar tanpa alat bantuan mengajar. Selain itu, pihak sekolah terpaksa menggunakan kerusi dan meja untuk murid dewasa dan membuat salinan bagi buku-buku modul pengajaran daripada guru prasekolah sedia ada.</p>	<p>dimulakan dengan lebih awal bagi mengelakkan masalah ini berulang. Sekiranya masih terdapat kelewatan, pendaftaran murid prasekolah akan ditangguhkan ke tahun berikutnya.</p>
12.5.2.4.a.iii	<p>Sebanyak 169 unit/set peralatan yang dibekalkan di 14 prasekolah tidak mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, hanya 141 unit/set peralatan yang dapat ditentukan nilainya iaitu berjumlah RM11,320 manakala 28 unit/set peralatan lagi nilainya tidak dapat ditentukan dalam kontrak. Antara peralatan terlibat ialah alat bantuan mengajar, peralatan elektrik, kelengkapan solat, peralatan dapur, alat pemadam api dan perabot. Spesifikasi yang tidak dipatuhi antaranya adalah seperti kerusi dan meja murid tanpa logo 'KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA' dan 'HAK KERAJAAN MALAYSIA'; peralatan bukan diperbuat daripada bahan buatan <i>plastic polypropylene</i> dan tidak mengikut ukuran sepatutnya. Alat bantuan mengajar, kelengkapan solat dan peralatan landskap yang dibekalkan bersaiz dewasa dan tidak sesuai digunakan oleh murid prasekolah.</p>	<p>Semua peralatan yang tidak mengikut spesifikasi telah digantikan semula oleh kontraktor. Bagi peralatan tidak mengikut spesifikasi yang disebabkan oleh kecualian perunding dalam mengesahkan sesuatu peralatan, perunding telah diarah untuk menggantikan semula peralatan tersebut dengan kos sendiri. Sekiranya perunding engkar, baki yuran perunding akan dipotong bagi menampung kos penggantian peralatan tersebut.</p> <p>KPM tidak akan membuat pembayaran sekiranya didapati perunding tidak mengesahkan sesuatu kerja atau pembekalan. Surat akuan terima hanyalah dokumen sokongan yang tidak menyebabkan pengesahan perunding dikecualikan.</p> <p>Bagi perolehan projek ubahsuai, KPM akan mengeluarkan peringatan kepada JPN dan PPD dalam masa terdekat.</p>
12.5.2.4.a.iv	<p>Peralatan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi, kurang dibekalkan dan tidak dibekalkan adalah disebabkan pengesahan oleh perunding/PPD/guru tidak teliti dan menyeluruh. Terdapat juga perunding yang tidak membuat pengesahan sebenar tetapi sebaliknya hanya berdasarkan kepada pengesahan akuan terima oleh pihak sekolah dengan kontraktor. Bagi perolehan peralatan projek Ubah Suai, guru membuat pengesahan di akuan penerimaan tanpa mengetahui spesifikasi peralatan sebenar. Selain itu, didapati penerimaan dan pengesahan akuan terima peralatan dibuat oleh pelbagai pihak di peringkat sekolah seperti Guru Prasekolah, Pembantu Pengurusan Murid (PPM), Pembantu Tadbir dan Guru Penolong Kanan. Akibatnya sesi P & P tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan objektif Kementerian melalui perolehan peralatan tersebut bagi tujuan perkembangan kanak-kanak tidak tercapai.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan dan pemantauan terhadap penerimaan peralatan prasekolah adalah kurang memuaskan. Kementerian perlu memastikan semua peralatan disemak, diuji dan diperiksa oleh perunding, pihak Kementerian/JPN/PPD dan kontraktor sebelum diserahkan kepada pihak sekolah.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i> Semua pembekalan yang tidak lengkap telah dibekalkan semula oleh kontraktor. Semakan juga mendapati terdapat peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor telah hilang selepas diserahkan kepada pihak sekolah. Dalam hal ini, perkara tersebut</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tidak menjadi tanggungjawab ke atas kontraktor. Kementerian akan memastikan pihak yang menerima peralatan menyimpannya dengan lebih teratur bagi memastikan tiada kes kehilangan atau kecurian berlaku. Semua peralatan yang tidak mengikut spesifikasi telah diganti semula oleh kontraktor. Bagi peralatan tidak mengikut spesifikasi yang disebabkan oleh kecuaian perunding dalam mengesahkan sesuatu peralatan, perunding telah diarah untuk menggantikan semula peralatan tersebut dengan kos sendiri. Sekiranya perunding ingkar, baki yuran perunding akan dipotong bagi menampung kos penggantian peralatan tersebut. Kementerian tidak akan membuat pembayaran sekiranya didapati perunding tidak mengesahkan sesuatu kerja atau pembekalan. SAP hanyalah dokumen sokongan yang tidak menyebabkan pengesahan perunding dikecualikan.</i></p>	
12.5.2.4.b	<p>Peralatan Yang Dibekalkan Tidak Diguna</p> <p>Perolehan sesuatu peralatan hendaklah dirancang dan ditentukan dengan jelas dari segi fungsi, tujuan dan kegunaannya. Adalah didapati peralatan bernilai RM19,615 (termasuk peralatan yang tidak dinyatakan nilainya dalam kontrak) seperti peralatan elektrik, perabot dan peralatan dapur yang dibekalkan bagi 20 sekolah tidak digunakan selepas diterima antara 2 hingga 15 bulan. Antara sebab peralatan tidak digunakan ialah peralatan tidak praktikal untuk digunakan oleh guru dan murid prasekolah, khususnya bagi komponen Pendidikan Islam dan Moral (carta Pendidikan Islam, cop huruf jawi, buku asas al-Quran dan rehal) dan kelengkapan solat (telekung, songkok, kain pelekat dan sejahad) disebabkan tidak terdapat murid-murid Islam di 4 prasekolah yang dibekalkan peralatan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Semua peralatan yang tidak digunakan disebabkan sekolah tersebut tidak mempunyai murid beragama Islam. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian telah mengeluarkan arahan kepada semua JPN untuk mengarahkan PPD memindahkan peralatan tersebut ke sekolah yang mempunyai keperluan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat pemeriksaan susulan terhadap penggunaan peralatan di prasekolah yang lain dan segera menyelesaikan masalah peralatan yang tidak digunakan.</p>	<p>Semua peralatan tersebut tidak digunakan disebabkan sekolah tersebut tidak mempunyai murid beragama Islam. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian telah mengeluarkan arahan kepada semua JPN untuk mengarahkan PPD memindahkan peralatan tersebut ke sekolah yang mempunyai keperluan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.4.c	<p>Bayaran Tuntutan Pembekalan Peralatan Tanpa Sijil Akuan Penerimaan (SAP)</p> <p>Mengikut Arahan Perbendaharaan 102, tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa adalah untuk memperakui tentang betulnya setiap butiran dalam baucar. Pegawai yang memperakui sesuatu baucar adalah bertanggungjawab bahawa perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna. Semakan Audit terhadap 10 baucar bayaran bagi tuntutan peralatan bernilai RM0.38 juta bagi 10 prasekolah yang telah dibekalkan dengan peralatan prasekolah mendapati tuntutan tersebut tidak disokong dengan SAP dari pihak sekolah. Sebaliknya tuntutan hanya dibuat berdasarkan kepada perakuan bayaran interim yang disahkan oleh perunding.</p> <p>Pada pendapat Audit, bayaran bagi tuntutan bekalan peralatan tanpa disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap adalah tidak teratur dan bercanggah dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian mementingkan perakuan daripada perunding yang dilantik berbanding meletakkan tanggungjawab kepada Guru Besar. SAP yang digunakan hanya bertujuan untuk 'check and balance'. Kementerian berpandangan sekiranya perunding telah dilantik, tanggungjawab untuk mengesahkan semua kerja sama ada kerja pembinaan atau pembekalan peralatan perlu diletakkan kepada perunding tersebut.</i></p>	<p>KPM mementingkan perakuan daripada perunding yang dilantik berbanding meletakkan tanggungjawab pada Guru Besar. Sijil Akuan Penerimaan (SAP) yang digunakan hanya bertujuan check and balance. Pada pandangan KPM, sekiranya perunding telah dilantik, tanggungjawab untuk mengesahkan semua kerja sama ada kerja pembinaan atau pembekalan peralatan perlu diletakkan kepada perunding tersebut.</p>
12.5.2.5.a	<p>Pengurusan Kontrak</p> <p>Sebanyak 8 daripada 19 kontrak untuk 23 projek Bina Baru telah lewat ditandatangani antara 34 hingga melebihi 146 hari dari tarikh ia sepatutnya ditandatangani.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Kelewatan menandatangani kontrak antaranya disebabkan oleh proses mematikan setem dan proses pelarasan harga oleh kontraktor mengambil masa terlalu lama. Kementerian akan berusaha untuk memastikan proses menandatangani kontrak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan setelah peringkat pelarasan harga oleh kontraktor selesai.</i></p>	<p>KPM akan berusaha untuk memastikan proses menandatangani kontrak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan setelah peringkat pelarasan harga oleh kontraktor selesai.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.5.b	Sebanyak 7 daripada 19 kontrak bagi projek Bina Baru tidak mempunyai klausula pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> . Manakala 4 daripada 7 kontrak tersebut tidak disokong dengan Surat Akuan Pembida Berjaya.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dan Surat Akuan Pembida Berjaya telah dipatuhi sepenuhnya bermula pada Fasa 2.
12.5.2.5.c	<p>Bagi 7 projek Ubah Suai prasekolah di 3 negeri yang perolehannya dibuat melalui sebut harga, peraturan <i>Integrity Pact</i> dalam Perolehan Kerajaan tidak dipatuhi oleh JPN/PPD.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak kurang memuaskan kerana terdapat kontrak yang lewat ditandatangani. Selain itu, peraturan berhubung <i>Integrity Pact</i> tidak dilaksanakan terhadap semua kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Makluman mengenai Surat Arahan Perbendaharaan bagi pelaksanaan Integrity Pact lewat disedari oleh Kementerian. Arahan penambahan Addendum No.1-Pelaksanaan Integrity Pact dalam Perolehan Kerajaan yang dikeluarkan pada saat akhir sebelum tender ditutup dibatalkan disebabkan oleh kebanyakan petender tidak dapat memulangkan dokumen tersebut. Pelaksanaan Integrity Pact dan Surat Akuan Pembida Berjaya telah dipatuhi sepenuhnya bermula pada Fasa 2. Kementerian telah mengeluarkan peringatan kepada JPN dan PPD bagi mematuhi pelaksanaan Integrity Pact.</i></p>	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset telah mengeluarkan peringatan kepada JPN dan PPD bagi mematuhi pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> .
12.5.2.6.c.i	Pemantauan yang diadakan melalui mesyuarat tapak walaupun secara berkala masih kurang berkesan kerana hampir semua projek yang diaudit telah gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, masih terdapat kerja yang tidak dilaksanakan, tidak mengikuti spesifikasi dan kualiti kerja pemasangan, pembinaan dan penyenggaraan yang kurang memuaskan. Terdapat juga peralatan yang tidak dibekalkan, tidak mengikuti spesifikasi dan tidak sesuai digunakan.	-
12.5.2.6.c.ii	Berdasarkan kepada terma dan syarat rujukan lantikan, perunding yang tidak menjalankan tanggungjawab semasa pentadbiran kontrak menyebabkan projek lewat disiapkan dan jika didapati perunding bertanggungjawab terhadap mana-mana kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan, maka Kerajaan berhak menahan atau menolak peratusan yuran perunding. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap fail perunding dan maklumat daripada pegawai Cawangan Teknikal, Kementerian mendapati Kementerian tidak ada menahan atau menolak peratusan yuran perunding walaupun hampir semua projek prasekolah telah gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.6.c.iii	<p>Semakan selanjutnya mendapati di peringkat Kementerian, hanya 2 pegawai daripada Seksyen Rendah, Cawangan Pengurusan Projek 2, Bahagian Pembangunan yang menguruskan Projek Peluasan Prasekolah ini. Pada masa yang sama, mereka juga perlu menjaga dan memantau projek-projek lain dan terpaksa bergantung kepada perunding yang dilantik bagi pihak mereka untuk menjalankan tugas penyeliaan dan pemantauan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kerja pembinaan bangunan dan perolehan peralatan prasekolah oleh perunding yang dilantik dan pihak Kementerian/JPN/PPD masih kurang berkesan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 27 Februari 2013</p> <p><i>Perunding yang bertanggungjawab telah dilantik untuk memantau projek dan melaporkan kepada Kementerian pada setiap bulan. Namun begitu, keadaan ini bergantung kepada kualiti perunding kerana agak sukar untuk mendapatkan perunding yang benar-benar kompeten untuk melaksanakan pemantauan berkala yang berkesan. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kelewatan sesebuah projek. Oleh yang demikian, perunding tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya sekiranya projek gagal disiapkan mengikut jadual. Kementerian hanya boleh mengambil tindakan sekiranya didapati kelewatan tersebut disebabkan oleh kecuaian perunding. Namun demikian, Kementerian mempunyai database prestasi perunding di mana perunding yang bermasalah tidak akan dipertimbangkan lagi untuk lantikan seterusnya. Kementerian akan mempertimbangkan untuk menambah pegawai sekiranya terdapat projek/fasa baru. Setakat ini, pegawai sedia ada adalah mencukupi kerana kebanyakan projek telah siap sepenuhnya.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Perenggan 13 : Pengurusan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Di Sekolah / Institusi Pendidikan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.1	<p>Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Manakala menurut SST pula, Bon Pelaksanaan hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari.</p>	<p>Satu Garis Panduan Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak-Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 1 Tahun 2013 telah dikeluarkan oleh KPM kepada semua agensi pada 10 April 2013.</p>
13.5.1.2	<p>Semakan Audit terhadap 20 kontrak perkhidmatan KBK yang melibatkan 34 sekolah/asrama mendapati 6 kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan iaitu berlaku kelewatan antara 28 hingga 81 hari. Manakala 13 syarikat telah gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu lewat antara 3 hingga 145 hari.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Dokumen kontrak yang terlibat lewat ditandatangani disebabkankekangan masa dan jumlah dokumen kontrak yang banyak pada masa itu. Bagaimanapun surat peringatan telah dikeluarkan kepada semua agensi terlibat. Bagi Bon Pelaksanaan yang lewat diserahkan adalah disebabkan kebanyakannya syarikat merupakan syarikat kecil dan pihak bank mengambil masa melebihi 14 hari bagi penyediaan Bon Pelaksanaan. Sehubungan itu mulai bulan Februari 2013, pihak Perbendaharaan telah memberikan kebenaran khusus kepada KPM untuk melanjutkan tempoh penyerahan Bon Pelaksanaan kepada 30 hari. KPM juga akan mengedarkan garis panduan kepada agensi pada penghujung bulan Mac 2013 berhubung perkara ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara umumnya pengurusan kontrak perkhidmatan KBK tidak teratur antaranya disebabkan kelewatan menandatangani kontrak dan penyerahan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan. Ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi dengan sewajarnya serta menjaskan pembayaran tuntutan bulanan.</p>	<p>Garis panduan ini dikeluarkan oleh KPM memandangkan kebanyakan syarikat didapati gagal untuk mengemukakan BG dalam tempoh 14 hari selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Garis panduan tersebut adalah seperti di lampiran.</p> <p>Berdasarkan garis panduan ini, semua BG bagi perolehan perkhidmatan dan bekalan hendaklah diserahkan kepada KPM dalam tempoh 30 hari selepas SST dikeluarkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.1.a	<p>Terma Dan Syarat Kontrak Tidak Jelas/Tidak Lengkap - Ketetapan Kuantiti Mesin/Peralatan Dalam Kontrak Tidak Mengikut Kadar Yang Seragam Dan Munasabah</p> <p>Mengikut syarat perjanjian, syarikat hendaklah melaksanakan perkhidmatan mengikut arahan Kerajaan sama ada secara lisan atau bertulis mengenai perkhidmatan mengikut terma dan syarat perjanjian. Syarikat juga hendaklah melaksanakan perkhidmatan dengan menggunakan kenderaan, mesin, bahan, peralatan atau alat kelengkapan.</p>	
13.5.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati mesin/peralatan yang disenaraikan dalam 20 kontrak yang dipilih tidak dijelaskan sama ada untuk kegunaan umum semua sekolah/asrama atau/dan bagi keperluan setiap sekolah/asrama. Sebahagian bilangan mesin/peralatan yang disenaraikan dalam kontrak-kontrak berkenaan tidak mengikut kadar yang seragam dan tidak munasabah serta tidak mencukupi sekurang-kurangnya satu bagi setiap sekolah. Sebagai contoh, kuantiti mesin/peralatan yang disenaraikan oleh Syarikat Zarinah bt Mohamad Yunus adalah tidak munasabah dan tidak mencukupi. Ini adalah kerana antaranya hanya satu unit mesin hampagas, satu unit <i>high pressure water jet</i>, 5 bilah gunting pokok, 3 buah kereta sorong, 5 batang cangkul dan 3 gulung hos getah bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di 9 buah sekolah/asrama. Manakala bagi Syarikat Yushima, langsung tidak menyenaraikan mesin/peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja pembersihan KBK bagi 3 sekolah. Keadaan ini telah menjelaskan kerja-kerja pembersihan yang perlu dilaksanakan mengikut jadual atau kekerapan yang telah ditetapkan.</p>	
13.5.2.1.c	<p>Selain itu, penetapan kadar harga kontrak tidak berdasarkan keluasan kawasan/bilangan bangunan dan bilangan murid di sesebuah sekolah. Kesannya, kuantiti/bilangan mesin/peralatan yang perlu disediakan oleh syarikat bagi melaksanakan perkhidmatan KBK tidak diberi penekanan semasa tawaran tender/sebut harga tetapi lebih berdasarkan kepada tawaran yang dibuat oleh pihak syarikat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Penyediaan peralatan/bahan yang ditetapkan dalam kontrak adalah berdasarkan zon dan bukannya sekolah. Bagi tender yang akan berkuatkuasa mulai bulan Jun 2013, KPM akan mengambilkira pandangan Audit dan juga sedang mengkaji pelaksanaan tender yang akan datang berdasarkan sistem output based yang mana pembayaran dilakukan berdasarkan kualiti kebersihan. Sistem tersebut tidak lagi berdasarkan bilangan pekerja, kuantiti barang, mesin dan peralatan kebersihan bagi mengantikan sistem kuantiti yang sedia ada. Penetapan harga kontrak dan kuantiti</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>peralatan serta bahan memang mengambil kira faktor keluasan kawasan, bilangan bangunan dan bilangan murid.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kebebasan yang diberikan kepada syarikat dalam menetapkan justifikasi bilangan mesin dan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan akan menyebabkan perkhidmatan pembersihan tidak dilaksanakan dengan memuaskan.</p>	
13.5.2.2.a	<p>Maklumat Pekerja, Pemeriksaan Dan Penggantian Pekerja</p> <p>Mengikut syarat perjanjian, syarikat hendaklah apabila diminta, memberikan kepada Kerajaan nama, gambar dan nombor telefon pekerja; kelayakan dan latar belakang pekerja; jadual bertugas pekerja; dan laporan harian atau bulanan perkhidmatan bagi maksud pemeriksaan, pengujian, kualiti atau pemantauan.</p>	<p>Surat arahan tersebut telah dikeluarkan oleh KPM kepada syarikat perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan pada 14 Mac 2013 melalui surat rujukan:KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(12)</p>
13.5.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati 5 sekolah/asrama yang melibatkan 5 syarikat gagal mengemukakan kepada pihak Audit maklumat/profil pekerja. Pihak syarikat memberi alasan bahawa mereka tidak membekalkan maklumat tersebut kerana terma dan syarat kontrak menyatakan maklumat/profil pekerja perlu dihantar apabila diminta oleh pihak sekolah. Tanpa mempunyai maklumat/profil pekerja boleh menyebabkan pihak sekolah tidak dapat mengenal pasti pekerja sebenar yang bertugas di premisnya dan latar belakang pekerja tersebut. Manakala pihak syarikat boleh memanipulasikan dengan menukar pekerja lebih kerap serta yang tidak berkebolehan. Keadaan ini juga boleh meningkatkan risiko keselamatan kepada warga sekolah, premis dan aset Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Surat arahan telah dikeluarkan kepada semua syarikat agar mengemukakan profil pekerja kepada pihak sekolah. KPM akan menambah baik klausa tersebut dengan mewajibkan pihak syarikat mengemukakan maklumat pekerja dalam tempoh 2 minggu hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan dan 7 hari bekerja bagi penggantian pekerja sedia ada. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan maklumat pekerja baru/penggantian, bayaran tuntutan bulanan syarikat boleh ditahan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, maklumat/profil pekerja adalah dokumen penting yang perlu diserahkan kepada pihak pengurusan sekolah/asrama. Ianya perlu disimpan di sekolah bagi tujuan pemantauan dan pengesahan rekod serta tuntutan bulanan syarikat.</p>	<p>Peringatan juga telah diberikan kepada pihak sekolah semasa Lawatan Pemantauan Kualiti Perkhidmatan (LPKP) dan Pengauditan Bersepadu (VAME) dilaksanakan di sekolah-sekolah.</p> <p>Taklimat mengenai kontrak perkhidmatan turut diberikan kepada pentadbir sekolah. Pada tahun 2012, sebanyak 4 taklimat telah diberikan kepada pentadbir sekolah yang melibatkan negeri Kedah, Pahang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.3.a	<p>Kekerapan Pemantauan Oleh Penyelia</p> <p>Mengikut syarat perjanjian, jawatan pengurus/penyelia telah disenaraikan dan dinyatakan gaji pokoknya sebulan. Namun begitu, tiada senarai tugas bagi jawatan tersebut serta kekerapan pemantauan yang perlu dilakukan bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dengan baik.</p>	<p>KPM telah memaklumkan kepada semua JPN dan PPD supaya melakukan aktiviti pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p>
13.5.2.3.b	<p>Semakan Audit bagi 34 sekolah/asrama mendapati tiada rekod diselenggara bagi membuktikan kehadiran oleh pengurus/penyelia. Ini disokong lagi dengan maklum balas yang diberi oleh pihak pengurusan sekolah tentang ketidakhadiran pengurus/penyelia bagi memantau pelaksanaan kerja dan keperluan peralatan/bahan. Timbul rungutan daripada pihak sekolah/asrama bahawa pengurus/penyelia berkenaan hanya hadir semasa ingin mengemukakan borang tuntutan kepada pihak sekolah untuk pengesahan. Pihak sekolah/asrama juga sukar untuk menghubungi pengurus/penyelia bagi melaporkan ketidakhadiran pekerja, kualiti perkhidmatan dan kekurangan bahan/peralatan yang dibekalkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM mengambil maklum dan mengakui isu yang dibangkitkan. Bagaimanapun, kebanyakannya syarikat telah melantik seorang ketua di kalangan pekerja pembersihan di kawasan sekolah. KPM sedang mengkaji pelaksanaan tender berdasarkan output based yang mana syarikat bertanggungjawab menentukan kaedah dan proses kerja terbaik bagi memastikan kualiti yang ditetapkan dapat dicapai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan dan lawatan yang tidak dilaksanakan secara berkala oleh pengurus/penyelia menyebabkan timbulnya masalah seperti ketidakhadiran pekerja, kedatangan tidak menepati masa, kerja-kerja pembersihan tidak memuaskan dan bahan/peralatan tidak dibekalkan dengan mencukupi.</p>	<p>Satu surat arahan mengenai pemantauan bagi perkhidmatan di sekolah-sekolah telah dikeluarkan oleh KPM pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4 (7).</p>
13.5.3.1.a	<p>Ketidakpatuhan Syarikat Terhadap Terma Dan Syarat Kontrak - Umur Pekerja Melebihi Had, Laporan Kesihatan Dan Permit Tidak Dikemukakan</p> <p>Mengikut syarat perjanjian, syarikat hendaklah memastikan bahawa pekerja antaranya adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. warganegara Malaysia atau warganegara asing yang dibenarkan oleh Kerajaan, berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun sepanjang tempoh perjanjian; ii. mengemukakan laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan bagi pekerja 	<p>KPM mengadakan Lawatan Pemantauan Kualiti Perkhidmatan (LPKP) dan Pengauditan Bersepadu (VAME) ke atas sekolah-sekolah bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak.</p> <p>Pemantauan ini juga bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak sekolah untuk memahami kontrak dan mengetahui hak mereka sebagai wakil Kerajaan yang menerima</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang berumur melebihi 55 tahun; dan</p> <p>iii. tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah dan tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah berbahaya.</p>	<p>perkhidmatan. Pada tahun 2012, LPKP telah dilaksanakan sebanyak 12 kali setahun yang melibatkan negeri-negeri di seluruh Malaysia. LPKP masih diteruskan pada tahun 2013. Sehingga April 2013, pemantauan ini telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan.</p>
13.5.3.1.b	<p>Semakan Audit bagi 34 sekolah/asrama yang melibatkan 210 pekerja sepertimana mengikut kontrak mendapati 9 pekerja telah melebihi had umur yang dibenarkan iaitu antara 59 hingga 65 tahun. Manakala 63 pekerja yang melibatkan 6 syarikat juga gagal mengemukakan kepada pihak Audit permit kerja (bagi pekerja bukan warganegara). Selain itu, laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan bagi membuktikan mereka masih sihat atau berkeupayaan untuk menjalankan tugas bagi 11 pekerja yang telah melebihi umur 55 tahun tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Kesannya, mutu perkhidmatan bagi pekerja yang melebihi umur 55 tahun tidak disokong dengan laporan kesihatan adalah diragui. Pihak syarikat memaklumkan dalam keadaan tertentu dan mendesak, pihaknya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja yang berumur di bawah 55 tahun. Mengikut syarikat, pihaknya akan membuat permohonan kepada KPM bagi mendapatkan pengecualian bagi kes seperti ini.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p>KPM akan menguatkuasakan syarat-syarat kontrak dari semasa ke semasa. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan didapati sebahagian sekolah lebih gemar mengambil pekerja yang berusia 55 tahun ke atas memandangkan mereka lebih bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas. Bagi pelaksanaan tender yang akan datang, KPM bercadang untuk meningkatkan had umur sehingga 60 tahun dan laporan kesihatan hanya perlu dikemukakan semasa melapor diri untuk bekerja.</p> <p>Pada pendapat Audit, KPM perlu tegas dalam menguatkuasakan syarat-syarat kontrak bagi menjamin keberkesanan mutu perkhidmatan yang diterima dan keselamatan warga sekolah/asrama.</p>	<p>Satu surat arahan mengenai pemantauan perkhidmatan di sekolah-sekolah juga telah dikeluarkan pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4 (7).</p>
13.5.3.2.a	<p>Rekod Kehadiran Pekerja</p> <p>Menurut syarat perjanjian, syarikat hendaklah memastikan rekod kehadiran pekerja dan jadual tugas dikemas kini pada setiap hari serta melaksanakan perkhidmatan mengikut skop perkhidmatan seperti yang dinyatakan. Rekod ini menjadi asas rujukan pihak sekolah/asrama untuk semakan silang pengesahan tuntutan syarikat. Semakan Audit terhadap penyelenggaraan rekod kehadiran pekerja adalah seperti berikut:</p>	<p>KPM mengadakan Lawatan Pemantauan Kualiti Perkhidmatan (LPKP) dan Pengauditan Bersepadu (VAME) ke atas sekolah-sekolah bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi termaterma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak.</p> <p>Pemantauan ini juga bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak sekolah untuk memahami kontrak dan mengetahui</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> i. rekod kehadiran pekerja bagi 12 sekolah/asrama tidak diselenggara dengan teratur; ii. rekod kehadiran pekerja tidak disimpan bagi 4 sekolah/asrama; iii. pekerja bagi 2 sekolah/asrama tidak mencatatkan dan menandatangani kehadirannya di rekod kehadiran sebagai bukti hadir bekerja; dan iv. pekerja bagi 9 sekolah/asrama tidak mencatat waktu sebenar masuk/keluar pada rekod kehadiran. 	<p>hak mereka sebagai wakil Kerajaan yang menerima perkhidmatan. Pada tahun 2012, LPKP telah dijalankan sebanyak 12 kali setahun yang melibatkan negeri-negeri di seluruh Malaysia. LPKP masih diteruskan pada tahun 2013. Sehingga April 2013, pemantauan ini telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan.</p>
13.5.3.2.b	<p>Keadaan ini telah menyebabkan pihak sekolah tidak dapat memastikan sama ada tuntutan syarikat pada setiap bulan adalah berdasarkan kepada kehadiran sebenar pekerja. Pengesahan pihak sekolah hanya berdasarkan kepada dokumen tuntutan yang dikemukakan oleh pihak syarikat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM mengambil maklum dan mengakui terdapat kelemahan penyelenggaraan rekod kehadiran pekerja di sekolah. Sehubungan itu, KPM akan meningkatkan pemantauan dengan memberi peringatan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap sekolah yang tidak mematuhiinya. KPM juga akan mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan yang juga akan melakukan aktiviti pemantauan di sekolah seluruh negara.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, rekod kehadiran pekerja perlu disimpan di sekolah kerana rekod ini penting bagi membuktikan pekerja hadir bertugas dan sebagai rujukan silang pihak sekolah untuk membuat pengesahan dan/atau kelulusan bayaran terhadap tuntutan bulanan syarikat.</p>	<p>Taklimat kepada pentadbir sekolah juga akan diteruskan seperti yang dijadualkan. Pada tahun 2012, sebanyak 4 kali taklimat telah berjaya diadakan yang melibatkan Negeri Kedah, Pahang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan. Sehingga April 2013, taklimat ini telah dilaksanakan di Langkawi.</p> <p>Mengenai Jawatankuasa Pemantauan, hasil semakan KPM mendapati bahawa Lawatan Pemantauan Kualiti Perkhidmatan (LPKP) dan Pengauditan Bersepadu (VAME) telah pun dilaksanakan.</p> <p>Justeru itu, KPM akan mengadakan mesyuarat penilaian prestasi kontraktor yang melibatkan pihak sekolah, PPD dan JPN bagi memantau prestasi perkhidmatan kontraktor di sekolah-sekolah di seluruh negara.</p>
13.5.3.3.a	<p>Jadual Kerja Tidak Mengikut Tempoh Masa/Hari Yang Ditetapkan</p> <p>Mengikut syarat perjanjian, masa bertugas bagi pekerja pembersihan adalah setiap hari iaitu bermula 7.00 pagi hingga 4.00 petang (8 jam) bagi sekolah satu sesi dan 7.00 pagi hingga 6.00 petang (10 jam) bagi sekolah dua sesi kecuali hari Ahad dan Hari Kelepasan Am.</p>	<p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Surat peringatan berkenaan perkara tersebut telah dikeluarkan kepada JPN terlibat pada 19 Februari 2013 melalui surat rujukan:KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(5).</p>
13.5.3.3.b	<p>Semakan Audit bagi 34 sekolah/asrama yang dilawati mendapati pelaksanaan waktu kerja tidak mengikut syarat perjanjian iaitu melibatkan 16 sekolah/asrama. Bagi 9 sekolah satu sesi, waktu bekerja yang ditetapkan oleh syarikat adalah bermula 7.00 pagi hingga 3.00 petang (7 jam) dan bagi 7 sekolah dua sesi waktu bekerja yang ditetapkan adalah dari 7.00 pagi hingga 4.00 petang (8 jam). Ada juga syarikat yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengamalkan sistem syif tanpa kelulusan pihak KPM seperti perkhidmatan KBK bermula 7.00 pagi hingga 3.00 petang bagi syif pertama dan dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang bagi syif kedua di 2 sekolah. Semakan juga mendapati pada hari Sabtu pihak syarikat telah melaksanakan waktu bekerja bermula dari 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja bagi 7 sekolah. Terdapat juga 4 sekolah yang membenarkan cuti setiap hari Sabtu atau setiap Sabtu minggu pertama dan ketiga.</p>	
13.5.3.3.c	<p>Pihak syarikat memaklumkan jumlah jam bekerja bagi sekolah 2 sesi telah melebihi 8 jam yang mana jika dilaksanakan pihak syarikat terpaksa membayar elaun lebih masa kepada pekerja. Selain itu, pengurangan jumlah jam bekerja ini bagi memberi peluang kepada pekerja untuk mencari pendapatan tambahan. Pengurangan masa dan jumlah jam bekerja antara 1 hingga 3 jam yang tidak mematuhi syarat perjanjian telah menyebabkan pihak Kerajaan mengalami kerugian. Mengikut pengiraan Audit berdasarkan sampel satu bulan tuntutan oleh 11 syarikat bagi 16 sekolah/asrama menunjukkan berlaku lebihan pembayaran sebanyak RM9,711 sebulan. Selain itu, bagi 16 sekolah/asrama lagi pihak Audit tidak dapat memastikan amaun yang dibayar bagi bulan tersebut adalah berdasarkan masa bekerja sebenar mengikut kontrak kerana baucar bayaran dan rekod kehadiran tidak dapat dikemukakan untuk semakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM telah mengemukakan maklumat kepada JPN berkenaan berkaitan rekod jadual bekerja bagi tujuan mengutip balik lebihan bayaran bagi semua kontrak yang dinyatakan. Kutipan balik akan dilaksanakan melalui potongan bayaran perkhidmatan bulanan atau potongan Bon Pelaksanaan (jika berkenaan) dan dijangka selesai pada bulan April 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak syarikat perlu mematuhi tempoh masa bekerja seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Pihak sekolah perlu memastikan syarikat mematuhi sebelum membuat perakuan pengesahan kerja pada setiap bulan. Sebarang ketidakpatuhan tempoh bekerja perlu dikenakan pemotongan/denda.</p>	
13.5.3.4.a	<p>Perkhidmatan Pembersihan</p> <p>Menurut syarat perjanjian, tandas dan bilik air antaranya seperti singki, manguk tandas, besen basuh tangan, cermin muka, lantai dan dinding hendaklah dicuci/dibersihkan 2 kali sehari bagi sekolah satu sesi. Manakala bagi sekolah 2 sesi 4 kali sehari. Pihak syarikat juga hendaklah memastikan bahan seperti karung plastik dan sabun sentiasa ada serta mencukupi. Bangunan sekolah/asrama antaranya seperti kaki lima, tangga, bilik pengetua/guru/ mesyuarat, stor, dewan, surau bengkel</p>	<p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada JPN terlibat pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan:KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(7).</p> <p>Sehingga April 2013, bilangan aduan bagi perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan yang telah diterima oleh</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan kawasan sekitar kolam hendaklah dibersihkan 2 kali sehari. Kawasan sekolah/asrama hendaklah juga dibersihkan 2 kali sehari; pokok tanaman dipotong/pangkas 2 minggu sekali; longkang dicuci 2 minggu sekali serta memelihara pokok-pokok bunga. Panjang rumput tidak boleh melebihi 30mm dari paras tanah dan dipotong setiap 2 minggu sekali (14 hari selepas potongan pertama) meliputi antaranya kawasan padang; simpang jalan; cerun/tebing yang berbukit dan beralun; 2 kaki dari luar pagar; bahu jalan dan longkang/partit.</p>	<p>KPM adalah sebanyak 257 aduan.</p>
13.5.3.4.b	<p>Pemeriksaan ke sekolah/asrama mendapati beberapa perkhidmatan pembersihan tidak memuaskan adalah seperti berikut:</p> <p>i. Tandas Dan Bilik Air</p> <p>Kerja-kerja pembersihan bagi 31 sekolah yang melibatkan 17 syarikat tidak mengikut kekerapan, menggunakan bahan/peralatan dan pelaksanaan kerja yang kurang bermutu serta berkesan. Akibatnya, kawasan tandas dan bilik air antaranya singki, mangkuk tandas, cermin muka, lantai, dinding, bilik air dan kolah walaupun telah dicuci dan dibersih tetapi masih berdaki, berlumut dan kelihatan kotor. Didapati juga pihak syarikat tidak menyediakan jadual pelaksanaan kerja pembersihan bagi membuktikan kerja pembersihan telah dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan dan boleh menjadi mekanisme pemantauan oleh penyelia syarikat serta pihak sekolah.</p> <p>ii. Bangunan Sekolah/Asrama</p> <p>Kerja-kerja pembersihan antaranya ialah dinding tempat mengambil wuduk di surau tidak dilaksanakan dengan sempurna, masih kotor dan berlumut. Berikut ditunjukkan gambar kerja-kerja pembersihan tidak dilaksanakan dengan memuaskan.</p> <p>iii. Kawasan Sekolah/Asrama</p> <p>Kerja-kerja pembersihan di kawasan sekolah/asrama tidak dilaksanakan dengan memuaskan antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • rumput tidak dipotong dengan sempurna di kawasan padang; simpang jalan; cerun/tebing yang berbukit dan yang beralun; luar pagar iaitu 2 kaki dari luar pagar dan; bahu jalan oleh 17 syarikat di 31 sekolah; • longkang masih berlumut, ditumbuhinya rumput dan dipenuhi sampah serta daun-daun bagi 23 sekolah; 	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> • tanah di dalam pasu dan tanaman tidak dibersih, digembur, dibaja dan disiram bagi 20 sekolah; • tong sampah tidak disarungkan dengan beg plastik; • sampah yang dikumpulkan tidak atau lambat diangkut ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh PBT; • ranting, sisa dahan dan daun kering tidak diangkut keluar oleh syarikat; dan • pekerja telah membakar sampah secara terbuka di sekitar sekolah. <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM akan mengeluarkan surat amaran dengan denda terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen kontrak. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 4 buah syarikat telah ditamatkan manakala 288 surat amaran telah dikeluarkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak syarikat hendaklah mempamerkan Jadual Pelaksanaan Kerja supaya pemantauan boleh dilaksanakan dengan berkesan oleh penyelia syarikat dan pihak pengurusan sekolah/asrama. Kegagalan melaksanakan perkhidmatan dengan memuaskan menyebabkan persekitaran sekolah/asrama menjadi tidak sihat, kondusif dan ceria.</p>	
13.5.3.5.a	<p>Bahan Tidak Mengikut Jenama Dalam Kontrak</p> <p>Menurut syarat perjanjian, bahan-bahan yang dicadangkan untuk digunakan telah disenaraikan oleh pihak syarikat bagi melaksanakan perkhidmatan KBK. Apa-apa perubahan atau modifikasi terhadap perkhidmatan perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan dan tanpa melibatkan kenaikan harga serta tidak menjelaskan pelaksanaan perkhidmatan termasuk dari aspek mutu, kualiti dan tempoh. Kerajaan juga boleh mengenakan denda bagi mana-mana perkhidmatan yang tidak dapat dilaksanakan tanpa alasan yang munasabah.</p>	<p>Pihak syarikat yang telah dilantik oleh KPM untuk melaksanakan tender kebersihan bangunan dan kawasan perlulah menyediakan jenama peralatan sepertimana yang telah dinyatakan didalam lampiran teknikal. Tambahan pula lampiran tersebut merupakan sebahagian dari terma dan syarat kontrak yang perlu dipatuhi oleh pihak syarikat.</p>
13.5.3.5.b	<p>Semakan Audit mendapati 17 daripada 20 syarikat tidak mematuhi pembekalan bahan-bahan pencuci dan kebersihan. Bahan-bahan yang dibekal tidak mengikut jenama seperti dalam kontrak antaranya seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. kertas tisu yang sepatutnya dibekal antaranya berjenama Soft, Clean dan Compact tetapi yang dibekalkan Yi Yi Fa 118, SnowTex dan Cutie Budget. Manakala sabun/cecair pencuci tangan mengikut kontrak berjenama Nutrijoy, Kleenfix dan Kiwi Clean tetapi dibekalkan Haigin, WRD Chem dan Renal-Sol; 	<p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua JPN pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan:KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(7).</p> <p>Di samping itu, semasa LPKP dilaksanakan, pihak KPM turut memaklumkan teguran mengenai pembekalan bahan yang tidak mengikut jenama yang ditetapkan semasa sesi exit conference diadakan. Sehingga April 2013, teguran ini telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan</p> <p>ii. bahan pencuci (detergent) untuk mencuci lantai, mangkuk tandas, singki dan cermin antaranya berjenama Multi Way Power, Nutrijoy dan Kleen tetapi yang dibekalkan berjenama lain iaitu Xceed, Yang-2Ply dan Clean World Bleach.</p>	
13.5.3.5.c	<p>Berdasarkan pemerhatian pihak Audit, bekalan bahan tidak mengikut jenama seperti dalam kontrak antara lain disebabkan pihak sekolah kurang peka terhadap jenama yang perlu dibekalkan dan tiada pemantauan yang berkesan. Kesannya, syarikat telah membekalkan bahan yang berkualiti rendah, kurang sesuai dan berkesan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak kontraktor perlu memastikan bahan-bahan yang dibekal adalah mengikut jenama seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Sesalinan rekod penghantaran dan penggunaan bahan hendaklah disalinkan kepada pihak sekolah bagi tujuan pemantauan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Penggunaan jenama tertentu dalam perkhidmatan yang diberikan bukanlah ditetapkan sebagai syarat perkhidmatan oleh KPM.</i></p>	
13.5.3.6.a	<p>Peralatan Dan Bahan Tidak Mencukupi/Dibekalkan</p> <p>Menurut syarat perjanjian, syarikat hendaklah menyediakan sabun basuh tangan pada setiap besen basuh tangan atau menyediakan alat <i>soap dispenser</i> berserta sabun cecair pada setiap tandas. Syarikat juga dikehendaki mencuci/membersih longkang dan parit di sekitar kawasan bangunan; dan menabur kapur pembersih kulat supaya longkang dan parit dapat dibersihkan dengan mudah. Perkhidmatan tersebut hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan bahan, kenderaan, mesin, peralatan atau alat kelengkapan yang digunakan bagi maksud perkhidmatan. Syarikat juga adalah bertanggungjawab menanggung perbelanjaan membeli, penggantian dan penyenggaraan peralatan.</p>	<p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada JPN pada 26 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(6).</p>
13.5.3.6.b	<p>Semakan Audit mendapati kesemua 20 syarikat tidak mematuhi penyediaan bahan-bahan, kenderaan, mesin, peralatan dan alat kelengkapan yang dikehendaki seperti mana yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Bahan/peralatan yang tidak mencukupi/dibekalkan antaranya seperti berikut:-</p> <p>i. kertas tisu dan sabun pencuci tangan tidak diletakkan di dalam tandas terutamanya tandas pelajar melibatkan 10 syarikat di 20 sekolah;</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> ii. baja tidak dibekalkan/mencukupi oleh 6 syarikat di 11 sekolah; iii. bahan pencuci (detergent) untuk pencuci lantai, mangkuk tandas, singki dan cermin kurang/tidak dibekalkan oleh satu syarikat di 2 sekolah; dan iv. peralatan yang dibekalkan antaranya seperti mesin hampagas, <i>high pressure water jet</i> dan <i>scrubbing machine</i> tidak mencukupi/dibekalkan serta rosak tidak dibaiki/lambat dibaiki oleh 20 syarikat di 34 sekolah. 	
13.5.3.6.c	<p>Selain itu, maklum balas dari pihak sekolah mengatakan peralatan seperti mesin hampagas, <i>high pressure water jet</i>, <i>scrubbing machine</i> dan mesin rumput (mini traktor dan mesin tolak) tidak dibekalkan dan tidak pernah digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan pihak syarikat mematuhi syarat atau terma di dalam kontrak menyebabkan Kerajaan tidak mendapat pulangan yang sewajarnya terhadap wang yang dibelanjakan. Sesalinan rekod penghantaran dan penggunaan bahan hendaklah disalinkan kepada pihak sekolah bagi tujuan pemantauan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM mengambil maklum mengenai perkara ini dan tindakan pemotongan/denda akan diambil sekiranya pihak syarikat gagal membekalkan bahan/peralatan yang telah ditetapkan.</i></p>	
13.5.3.7.a	<p>Etika Berpakaian Pekerja</p> <p>Menurut syarat kontrak, syarikat hendaklah memastikan pekerja memakai pakaian seragam atau uniform syarikat dan tanda nama serta menggunakan peralatan atau alat kelengkapan perkhidmatan yang diperlukan semasa melaksanakan perkhidmatan.</p>	<p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua JPN pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(7).</p>
13.5.3.7.b	<p>Adalah didapati pekerja bagi 14 syarikat yang melibatkan 25 sekolah tidak memakai pakaian seragam syarikat dan tag nama semasa bertugas di sekolah. Pekerja juga tidak memakai pakaian/peralatan yang sesuai seperti seluar, kasut dan sarung tangan semasa melaksanakan kerja terutamanya semasa melakukan kerja pembersihan bilik air/tandas.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM mengambil maklum dan mengakui terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat arahan telah</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dikeluarkan kepada semua JPN bagi memberi peringatan berhubung pentadbiran kontrak selaras dengan teguran Audit.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak sekolah/asrama perlu memastikan pekerja sentiasa mematuhi etika berpakaian agar mereka boleh dikenali dan mengelakkan pencerobohan.</p>	
13.5.3.8.a	<p>Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan Tidak Dilengkapkan</p> <p>Menurut Arahan Perbendaharaan 99(e)(i), baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Setiap bulan, syarikat hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan yang telah diisi dengan butir-butir perkhidmatan yang disahkan dan diperakukan oleh Kerajaan tidak lewat daripada 5 hari bulan berikutnya selepas perkhidmatan dilaksanakan. Seterusnya pihak sekolah perlu membuat pengesahan terhadap setiap butirannya sebelum diluluskan oleh JPN/PPD/sekolah terlibat agar pembayaran boleh dilaksanakan oleh Unit Kewangan.</p>	<p>Pekeliling Perolehan Bil 1 tahun 2011 telah diedarkan kepada semua agensi dibawah KPM bagi pengesahan pelaksanaan kerja bagi perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan dan perkhidmatan kawalan keselamatan.</p> <p>KPM telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua JPN terlibat pada 19 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(5).</p> <p>Seterusnya surat peringatan juga telah dikeluarkan kepada semua JPN pada 26 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(6).</p>
13.5.3.8.b	<p>Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan tidak dilengkapkan oleh 14 syarikat bagi 20 sekolah untuk tujuan pembayaran tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar. Perkara ini berlaku disebabkan pihak sekolah tidak teliti semasa menyemak dan mengesahkan laporan berkenaan. Selain itu, pihak Unit Kewangan di JPN/PPD/sekolah juga tidak memastikan bahawa semua dokumen sokongan telah dilengkapkan sebelum bayaran dibuat. Semakan dan pengesahan yang tidak teliti boleh menyebabkan denda/pemotongan tidak dikenakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan pihak syarikat boleh memanipulasikan perkhidmatan yang diberikan selain Kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sepadan dengan bayaran yang dibuat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk memastikan pihak syarikat melengkapkan Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perolehan BPPA Bil. 1 Tahun 2011 berkaitan pengesahan pelaksanaan kerja. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan surat bagi mendapatkan maklumat terhadap pembayaran tanpa dokumen sokongan dan akan mewujudkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kes-kes ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak sekolah perlu memastikan syarikat melengkapkan sepenuhnya Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti serta menilainya dengan teratur. Pihak JPN/PPD pula hendaklah memastikan setiap laporan berkenaan telah dilengkapkan oleh pihak syarikat dan pengesahan oleh pihak sekolah adalah sempurna sebelum kelulusan dibuat untuk tujuan pembayaran.</p>	
13.5.4.1	<p>Bayaran Perkhidmatan Yang Tidak Teratur</p> <p>Menurut syarat perjanjian, syarikat hendaklah menyediakan jumlah bilangan pekerja yang mencukupi. Kerajaan boleh mengambil tindakan jika perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut terma dan syarat perjanjian antaranya seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menolak perkhidmatan dan meminta syarikat menggantikan perkhidmatan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan; ii. menamatkan perjanjian dan melantik pihak lain melaksanakan perkhidmatan serta merampas bon pelaksanaan; iii. mengenakan denda 20% daripada jumlah bulanan Nilai Perjanjian bagi premis terlibat; dan iv. mengenakan denda dengan jumlah yang sama banyak dengan gaji sehari setiap pekerja yang tidak hadir. 	<p>KPM telahpun mengeluarkan surat peringatan kepada JPN terlibat pada 19 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(5).</p> <p>Surat peringatan telah juga dikeluarkan kepada semua JPN pada 26 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(6).</p>
13.5.4.2	<p>Semakan Audit terhadap sampel bayaran perkhidmatan KBK bagi bulan Mac atau April 2012 di 34 sekolah/asrama mendapat berlaku lebihan bayaran kepada 8 syarikat yang melibatkan 13 sekolah/asrama berjumlah RM7,077 sebulan. Ia disebabkan pihak JPN/PPD/sekolah tidak melaksanakan pemotongan walaupun jumlah kehadiran pekerja tidak mencukupi. Selain itu, bagi SMK Shahbandara, Klang, Selangor, Pengetuanya telah meluluskan cuti rehat dari semasa ke semasa kepada para pekerja syarikat IQM Global Resources apabila pekerja membuat permohonan cuti rehat tanpa membuat pemotongan bayaran.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM telah mengeluarkan surat kepada JPN terlibat untuk mendapatkan maklumat berkaitan rekod jadual bekerja bagi tujuan mengutip balik lebihan bayaran terhadap semua kontrak yang sedang berkuatkuasa di seluruh negara. Kutipan balik akan dilaksanakan melalui potongan bayaran bulanan atau potongan Bon Pelaksanaan dan KPM akan mewujudkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat kes ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak sekolah perlu memastikan tuntutan syarikat hanya</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar yang telah diberikan. Potongan/denda terhadap tuntutan perlu dilaksanakan terhadap pelanggaran terma dan syarat khususnya ketidakhadiran pekerja serta perkhidmatan yang tidak memuaskan. Tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang cuai dalam mengesahkan tuntutan berkenaan dan menyebabkan kerugian wang Kerajaan.	
13.5.5.1	<p>Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah Dan Murid - Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 74% guru/pentadbir berpuas hati terhadap pengurusan perolehan yang dilaksanakan sama ada di peringkat KPM/JPN/PPD/sekolah iaitu daripada aspek kontrak dan spesifikasi dibekalkan serta guru maklum dengan kontrak berkenaan. b. 75.1% guru/pentadbir berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut kekerapan, bermutu dan mesin/peralatan/bahan dibekalkan dengan mencukupi. c. 68.4% guru/pentadbir berpuas hati terhadap bilangan pekerja mencukupi dan kualiti pekerja yang disediakan iaitu pekerja beretika dan bertugas mengikut waktu. d. 82.5% guru/pentadbir berpuas hati terhadap pemantauan yang dilaksanakan di peringkat sekolah iaitu isu perkhidmatan KBK dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan dan jawatankuasa diwujudkan di peringkat sekolah. 	<p>Satu Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan telah dikeluarkan oleh KPM kepada semua agensi pada 8 Januari 2013. Ianya dikeluarkan oleh KPM memandangkan terdapat sebilangan sekolah, PPD,JPN yang gagal untuk mengemukakan penilaian prestasi kontraktor perkhidmatan kepada KPM. Garis panduan tersebut adalah seperti di lampiran.</p> <p>Berdasarkan garis panduan ini, semua agensi dibawah KPM melaksanakan penilaian prestasi kontraktor secara berjadual dan sistematis.</p> <p>Menerusi garis panduan tersebut, satu mekanisme penilaian menyeluruh terhadap prestasi kontraktor dilaksanakan menerusi borang kaji selidik yang dibuat kepada pentadbir sekolah, ibubapa, pelajar dan lain-lain.</p>
13.5.5.2	<p>Maklum Balas Murid</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 74.1% murid berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut kekerapan, bermutu dan mesin/peralatan/bahan dibekalkan dengan mencukupi. b. 67.9% murid berpuas hati terhadap bilangan pekerja yang mencukupi dan kualiti pekerja yang disediakan iaitu pekerja beretika dan bertugas mengikut waktu. <p>Secara keseluruhannya 63.8% guru/pentadbir dan 67.5% murid berpuas hati terhadap pengurusan perkhidmatan KBK kerana telah memberikan manfaat kepada semua sekolah/asrama yang menerima perkhidmatan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>KPM sering memantau prestasi perkhidmatan kontraktor dari semasa ke semasa dan mendapat maklum balas daripada pihak sekolah dan syarikat bagi tujuan penambahbaikan. Sepanjang tahun 2012, KPM telah melakukan lawatan pemantauan di 12 negeri. Selain itu, KPM juga akan melaksanakan sistem penilaian output based bagi menambahbaik pelaksanaan perkhidmatan di peringkat Agensi.</p> <p>Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas daripada guru/pentadbir sekolah dan murid, pihak KPM perlu melaksanakan penambahbaikan dalam perkhidmatan KBK kerana masih terdapat beberapa kelemahan terutamanya dari segi pengurusan perolehan, pelaksanaan perkhidmatan dan kualiti pekerja perkhidmatan KBK.</p>	
13.5.6	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan bagi perkhidmatan KBK perlu dilakukan secara berkala oleh KPM/JPN/PPD bagi memastikan pelaksanaan kerja adalah sempurna serta pembayaran mengikut perkhidmatan yang diberikan. Semakan Audit mendapati KPM melalui BPPA dan Unit Audit Dalam telah melaksanakan pemantauan sepanjang tahun terhadap perkhidmatan KBK bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Pihak Audit juga mendapati JPN Perlis juga telah membuat pemantauan ke sekolah secara berjadual. Manakala di peringkat PPD di Sabah dan Selangor, pemantauan tidak dilaksanakan secara berjadual tetapi pemeriksaan telah dilakukan terhadap mutu perkhidmatan KBK apabila ada aduan atau cadangan pemotongan bayaran daripada sekolah yang terlibat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>KPM telah mengadakan pemantauan ke 869 sekolah pada tahun 2011 dan 1,225 sekolah pada tahun 2012. Bagaimanapun, kekangan peruntukan menyebabkan pemantauan tidak dapat diadakan secara berkala. Penjelasan terhadap kontrak juga dilakukan semasa lawatan pemantauan berkenaan diadakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPN/PPD perlu melaksanakan pemantauan secara berjadual dan mengejut bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik dan memuaskan. Pemantauan ke sekolah-sekolah juga boleh menjelaskan kekeliruan yang mungkin timbul dalam penafsiran kontrak di peringkat sekolah.</p>	<p>KPM telahpun mengeluarkan surat arahan untuk menjalankan aktiviti pemantauan perkhidmatan di sekolah-sekolah. Surat ini telah dikeluarkan kepada semua JPN pada 27 Februari 2013 melalui surat rujukan: KP(BPPA)600-1/7/4 JLD 4(7).</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Perenggan 14 : Pengurusan Program Latihan Kejururawatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
14.5.1.1	<p>Prestasi Aktiviti - Prestasi Kewangan</p> <p>Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 daripada peruntukan berjumlah RM277.93 juta, sejumlah RM302.45 juta telah dibelanjakan bagi pengurusan Kolej Kejururawatan di seluruh Malaysia. Semakan Audit mendapati lebihan perbelanjaan berjumlah RM24.52 juta, di mana sejumlah RM12.26 juta lebihan perbelanjaan pada tahun 2010 adalah bagi menampung pemberian elauan kepada Jururawat Pelatih, manakala bakinya adalah untuk pembayaran gaji kepada pegawai dan kakitangan KJ. Lebihan perbelanjaan ini telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada setiap tahun.</p>	<p>Peruntukan yang diterima oleh Kolej Jururawatan bagi tahun 2010 adalah berkurangan sebanyak 13.50% iaitu bagi tahun 2009 sebanyak RM 49.05 juta dan pada tahun 2010 sebanyak RM 42.43 juta.</p> <p>Secara keseluruhannya jumlah peruntukan yang diterima bagi semua Kolej di bawah KKM bagi tahun 2010 adalah berkurangan sebanyak 10.24% daripada jumlah peruntukan pada tahun 2009 seperti berikut:-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tahun</th> <th style="text-align: center;">Aktiviti</th> <th style="text-align: center;">Objek Am</th> <th style="text-align: center;">Peruntukan Dipinda (RM)</th> <th style="text-align: center;">Perbelanjaan (RM)</th> <th style="text-align: center;">Lebihan/ (Kurangan) (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2010</td> <td style="text-align: center;">010400</td> <td style="text-align: center;">40000</td> <td style="text-align: center;">172,226,363</td> <td style="text-align: center;">172,174,882</td> <td style="text-align: center;">(51,481)</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: center;">40000</td> <td style="text-align: center;">154,595,000</td> <td style="text-align: center;">183,806,604</td> <td style="text-align: center;">(29,211,604)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pihak KKM telah memohon peruntukan sebanyak RM174.5 juta bagi tahun 2010 dan hanya diluluskan sebanyak RM 154.5 juta bagi bayaran biasiswa pelatih. Manakala bilangan pelatih bagi tahun 2010 menunjukkan peningkatan</p>	Tahun	Aktiviti	Objek Am	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Lebihan/ (Kurangan) (RM)	2010	010400	40000	172,226,363	172,174,882	(51,481)			40000	154,595,000	183,806,604	(29,211,604)
Tahun	Aktiviti	Objek Am	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Lebihan/ (Kurangan) (RM)															
2010	010400	40000	172,226,363	172,174,882	(51,481)															
		40000	154,595,000	183,806,604	(29,211,604)															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>sebanyak 2,198 orang atau 11.97% dari 18,358 orang pada 2009 kepada 20,556 orang pada tahun 2010.</p> <p>KKM telah memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan bagi menampung bayaran biasiswa tersebut menerusi surat bertarikh 30 Julai 2010, disusuli surat rayuan bertarikh 8 November 2010. Namun begitu, permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Justeru, pada 28 Januari 2011, KKM juga telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan bagi lebihan perbelanjaan tersebut dan diluluskan pada tahun 2011 di Parlimen yang bersidang pada awal tahun 2011.</p>
14.5.1.2 Prestasi Program	<p>Pengambilan Jururawat Pelatih di Kolej Kejururawatan Kementerian pada setiap tahun adalah berdasarkan kepada jangkaan kekosongan jawatan yang akan berlaku; fasiliti baru kesihatan yang akan dibina dalam tempoh 3 tahun dan trend kadar attrisi (bilangan jururawat yang akan bersara, meninggal dunia, meletak jawatan dan lain-lain). Pada tahun 2011, unjuran keperluan Jururawat ditambah baik dengan mengambil kira keperluan Jururawat berdasarkan kepada perkembangan fasiliti kesihatan sedia ada di Hospital dan Klinik Kesihatan; peningkatan skop perkhidmatan dan beban kerja sebenar jururawat dengan menggunakan kaedah <i>Workload Indicator for Staffing Needs (WISN)</i> daripada <i>World Health Organisation (WHO)</i> yang menyebabkan keperluan Jururawat tahun 2011 meningkat kepada 11,446 orang. Bagaimanapun kekurangan Jururawat akan ditampung dengan pengambilan graduan jururawat daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seramai 6,726 orang secara berperingkat sehingga tahun 2015 iaitu seramai 1,681 graduan setahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian unjuran bagi tahun 2011 dan 2012 adalah rendah. Sehubungan itu, Kementerian perlu merangka program yang lebih intensif bagi memastikan penghasilan jururawat memenuhi keperluan Kementerian sungguhpun kekurangan tersebut akan ditampung oleh jururawat daripada IPTS.</p>	<p>Pengambilan pelatih untuk ILKKM dibuat berdasarkan unjuran keperluan KKM dan keupayaan kolej. Unjuran keperluan jururawat bagi tahun 2012 hingga 2016. Sehingga kini, dasar KKM dalam aspek pengambilan pelatih paramedik adalah untuk memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan, Perkhidmatan Kesihatan Awam dan <i>patient care</i> di bawah KKM sahaja.</p> <p>Bagi mengisi kekosongan jawatan jururawat di Hospital/Klinik Kerajaan, KKM telah melaksanakan urusan lantikan graduan jururawat ke jawatan Jururawat U29 dari IPTA/IPTS sejak tahun 2007 seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahun 2007 – 146 orang • Tahun 2008 – 130 orang • Tahun 2009 – 270 orang • Tahun 2010 – 438 orang <p>Bagi tahun 2011, urusan lantikan graduan jururawat dari IPTA/IPTS tidak dapat dilaksanakan memandangkan kekangan perjawatan jururawat U29 yang diluluskan oleh agensi pusat. Walau bagaimanapun, bermula dari tahun 2012 hingga 2015, KKM telah mendapat pertambahan jawatan Jururawat U29 dari agensi pusat khusus bagi urusan lantikan graduan jururawat IPTA/IPTS iaitu seramai 1,681 orang setiap tahun bagi menampung keperluan jawatan yang tidak dapat dipenuhi oleh graduan keluaran ILKKM.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Untuk mengelakkan lebihan graduan, tindakan yang diambil KKM adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menetapkan kelayakan masuk minimum 5 kredit; ii. Moratorium bagi penawaran kursus kejururawatan di IPTS; iii. Pemantauan yang lebih kerap dan ketat oleh KKM bersama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); iv. Pinjaman PTPTN telah dihadkan; dan v. Penyemakan kuota - mengurangkan kouta pengambilan berdasarkan kepada pencapaian institusi. <p>Di samping itu, Kerajaan juga telah menetapkan supaya pengambilan jururawat dari kelulusan kolej swasta untuk mengisi jawatan di KKM adalah seramai 6,724 orang untuk tempoh 4 tahun mulai 2012. (satu tahun seramai 1,681 orang).</p>
14.5.2.1	<p>Struktur Pengurusan - Pengisian Perjawatan</p> <p>Perjawatan pengajar yang mencukupi membolehkan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Tenaga pengajar di peringkat KJ terdiri daripada 2 kategori iaitu Pengajar Gred U41 hingga U48 yang mengajar subjek medikal/surgikal/obstetik dan Pengajar Klinikal (clinical instructor) Gred U29 hingga U32 yang menyelia pelatih ketika penempatan klinikal. Semakan Audit mendapati 35 jawatan Pengajar bagi Gred U29 hingga U44 tidak diisi semenjak tahun 2006 di 4 KJ yang dilawati. Adalah didapati tiada usaha dilakukan oleh pihak kolej bagi mengisi kekosongan tersebut. Keadaan ini mengakibatkan beban kerja pengajar bertambah seperti perlu mengajar dengan kapasiti yang besar dalam setiap kelas antara 40 hingga 100 orang dan mengajar kedua-dua program iaitu program asas kejururawatan dan program pengkhususan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Tiada pengambilan baru Pengajar gred U41 pada tahun 2005 dan 2006 disebabkan peralihan Pengwujudan Skim Pengajar. Seramai 10 Pengajar (Gred 41) telah dilantik pada Oktober 2012 dan 2 pengajar pada Februari 2013. Penempatan pengajar ke KJ dibuat dengan mengambil kira nisbah pengajar dan pelatih.</i></p>	<p>KJ KUBANG KERIAN</p> <p>i. Kekosongan Jawatan Pengajar Gred U44</p> <p>Terdapat 161 kekosongan Pengajar Gred U44 pada 1 April 2011. Semasa proses pemangkuhan dilaksanakan seramai 143 Pengajar telah diluluskan pemangkuhan dari gred U41 ke U44 manakala 18 lagi tidak dapat diisi kerana kekurangan calon yang memenuhi kriteria pemangkuhan. Dari 143 pemangkuhan tersebut 99 adalah Pengajar Bidang Jururawat. Agihan telah dibuat kepada 33 ILKKM termasuk di KJ Kubang Kerian di mana 4 daripada 5 jawatan Gred U44 diisi. Satu lagi jawatan Gred U44 tidak dapat diisi kerana kekurangan calon yang memenuhi kriteria pemangkuhan.</p> <p>Tindakan untuk melantik seorang Pengajar Gred U41 bagi menangung kerja Gred U44 (Ketua Program Basik) telah dibuat pada 25 September 2012.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan segera dalam membuat pengagihan atau penempatan semula tenaga pengajar bagi memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.</p>	<p>KJ KUBANG KERIAN, KJ SANDAKAN, KJ MELAKA & KJ PULAU PINANG</p> <p>ii. Kekosongan Jawatan Pengajar Gred U41</p> <p>Tiada pengambilan baru Pengajar Gred U41 pada tahun 2005 dan 2006 kerana pada masa tersebut adalah masa peralihan Perwujudan Skim Pengajar (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005). Mulai tahun 2007 hingga 2012 seramai 599 telah ditawarkan untuk jawatan Pengajar Gred U41 dan 493 telah melapor diri. Daripada 493 yang melapor diri seramai 332 adalah Pengajar dari bidang Jururawat. Agihan ke ILKKM adalah berdasarkan kepada beban tugas, nisbah pengajar dengan pelatih dan kekosongan jawatan. Pada bulan Jun 2011 sebanyak 291 jawatan Pengajar Gred U41 (pelbagai bidang) telah dimansuhkan kerana pelaksanaan Penjawat Awam Yang Kejat. Pemansuhan ini termasuk 143 kekosongan Pengajar Gred U41 yang telah diluluskan pemangkuan ke Gred U44 pada 1 April 2011. Kekosongan sedia ada yang boleh diisi buat masa ini adalah 17 orang.</p> <p>Mengikut standard Kepastian Kualiti Latihan (QAP) Nisbah Pengajar dengan Pelatih adalah 1:20. Buat masa ini KJ Kubang Kerian dan KJ Melaka mempunyai nisbah pengajar dengan pelatih yang rendah (selesa) iaitu 1:16 dan 1:14 manakala KJ Pulau Pinang dan KJ Sandakan sedikit melebihi standard iaitu 1:24</p> <p>Bagi mengatasi ILKKM yang menghadapi kekurangan pengajar yang kritikal, KKM telah mengenal pasti ILKKM yang mempunyai beban tugas yang kurang dan membuat pengagihan atau penempatan semula mengikut keutamaan.</p> <p>KJ SANDAKAN</p> <p>iii. Kekosongan Jawatan Pengajar Gred U48</p> <p>Jawatan Pengajar Gred U48 diwujudkan di ILKKM termasuk KJ Sandakan pada tahun 2005 iaitu mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 tahun 2005 (Skim Pengajar). Walau bagaimanapun, jawatan tersebut tidak dapat diisi disemua</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>ILKKM kerana tiada calon/pengajar yang berada dalam Gred U44 pada waktu itu. Pengisian Pengajar Gred U44 dilaksanakan pada Oktober 2008 dan seterusnya pemangkuan untuk Gred U48 dibuat pada bulan 1 April 2011. Dengan pemangkuan tersebut Jawatan Pengajar Gred U48 telah diisi termasuk di KJ Sandakan. Buat masa ini jawatan Pengajar Gred U48 di KJ Sandakan masih diisi. Walau bagaimanapun penyandang telah ditahan kerja mulai 8 Ogos 2011 dan digantung kerja mulai 11 Mei 2012. Kes pegawai ini masih diperingkat rayuan.</p> <p>Bagi memastikan pentadbiran kolej berjalan lancar, KKM telah melantik seorang Pengajar Gred U44 untuk menanggung kerja Gred U48.</p> <p>KJ MELAKA & KJ PULAU PINANG</p> <p>iv. Kekosongan Jawatan Jururawat Gred U29</p> <p>PENJELASAN/ULASAN</p> <p>KJ Melaka – Terdapat 2 kekosongan Jururawat Gred U29 (Klinikal) di KJ Melaka pada tahun 2011 dan pengisian dua jawatan tersebut telah dibuat pada tahun 2012. Pengisian Jururawat Klinikal di KJ Melaka buat masa ini adalah adalah 25 daripada 25 jawatan iaitu 4 jawatan bagi Gred U32 dan 21 jawatan bagi Gred U29.</p> <p>KJ Pulau Pinang – Pengisian Jururawat Gred U29 pada tahun 2011 adalah seramai 2 orang dan pada tahun 2012 adalah seramai 4 orang. Kedudukan semasa pengisian jawatan Jururawat Gred U29 (Klinikal) sehingga Disember 2012 adalah 11 jawatan telah diisi daripada 20 jawatan.</p> <p>KJ PULAU PINANG</p> <p>v. Kekosongan Jawatan Jururawat Gred U32</p> <p>KKM mengambil maklum akan teguran Audit dan akan memastikan ianya tidak akan berulang pada masa hadapan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Buat masa ini, jawatan Jururawat Gred U32 (Kinikal) telah diisi sepenuhnya (3 daripada 3 jawatan). Pemantauan kawasan klinikal dilaksanakan bersama oleh Pengajar dan dibantu oleh staf perkhidmatan dengan pelaksanaan program Mentor-Mentee seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.</p> <p>Pihak KKM sentiasa berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan di kolej-kolej jururawat termasuk kolej-kolej yang dibangkitkan oleh pihak audit.</p> <p>Pada 16 Oktober 2012 seramai 10 Pengajar Jururawat Gred U41 telah dilantik oleh SPA dan tambahan dua orang pengajar lagi telah melapor diri pada 18 Februari 2013. Bagi pengajar-pengajar ini penempatan ke kolej telah dibuat dengan mengambilkira nisbah pengajar : pelatih.</p> <p>Di samping itu, bagi tahun 2013, pihak SPA telah menawarkan 26 jawatan Pengajar Jururawat Gred U41 kepada calon simpanan pada April 2013 dan mereka akan melapor diri di KKM pada 13 Mei 2013. Agihan semula pengajar-pengajar di Kolej Kejururawatan akan dibuat berdasarkan nisbah pengajar : pelatih setelah semua yang ditawarkan jawatan melaporkan diri.</p>
14.5.2.2.b	<p>Kelayakan Tenaga Pengajar</p> <p>Semakan Audit mendapati Pengajar (Gred U41-U48) adalah terdiri daripada Jururawat Berdaftar, bagaimanapun ada di kalangan mereka tidak memiliki Ijazah Pertama dalam bidang Kejururawatan (gred U41). Manakala bagi Pengajar lantikan baru (Gred U41) didapati tidak mempunyai pengalaman klinikal 3 tahun seperti yang ditetapkan, sebaliknya mereka diantar menjalani latihan klinikal selama 1 tahun apabila melaporkan diri sebagai pengajar. Kekurangan guna tenaga tenar terus berlaku walaupun pengisian perjawatan dibuat sepenuhnya kerana Pengajar (Gred U41) terpaksa ke Hospital/Klinik untuk menjalani latihan klinikal dan hanya dibenarkan mengajar subjek umum (tidak berkaitan dengan subjek kejururawatan) 6 jam seminggu selama 1 tahun. Pengajar (Gred U41) juga tidak mempunyai pengetahuan yang sepatutnya kerana tidak memiliki kelayakan minimum Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p>	<p>Untuk makluman, syarat lantikan bagi Skim Perkhidmatan Pengajar (Jururawat) tidak mensyaratkan supaya calon perlu mempunyai pengalaman selama 3 tahun untuk dilantik ke perkhidmatan awam. Selain itu, dasar pengambilan SPA adalah berdasarkan skim serta memberi peluang kepada graduan lepasan ijazah untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.</p> <p>Namun begitu, KKM telah berusaha untuk memenuhi syarat dalam Garis Panduan Standard dan Kriteria LJM melalui cadangan penambahbaikan skim dan menekankan tentang keperluan pengalaman sebagai syarat lantikan melalui pebincangan bersama SPA serta permohonan supaya pengalaman diambil kira semasa urusan lantikan pengajar.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Syarat pelantikan Skim Perkhidmatan Pengajar (Jururawat) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak mensyaratkan calon perlu mempunyai pengalaman 3 tahun untuk dilantik ke perkhidmatan awam dan tidak perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda bagi Pengajar ditukar lantik (U29/U32 kepada U41) sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Kriteria Lembaga Jururawat Malaysia (LJM). Dasar pengambilan SPA adalah berdasarkan skim serta memberi peluang kepada graduan lepasan ijazah untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kementerian berusaha memenuhi syarat LJM melalui cadangan penambahbaikan skim dan Kementerian mengambil inisiatif dengan memberi latihan klinikal sewajarnya kepada pengajar jururawat lantikan baru yang tidak mempunyai pengalaman sepatusutnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekosongan jawatan hendaklah diisi dengan segera dan syarat lantikan sebagai pengajar perlu seiring antara ketetapan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan Lembaga Jururawat Malaysia bagi memastikan standard kualiti pengajaran adalah sama bagi semua institusi yang menawarkan program jururawat di Malaysia.</p>	<p>Sehubungan itu, KKM telah mengambil inisiatif dengan memberi latihan-latihan klinikal sewajarnya kepada pengajar Jururawat lantikan baru yang tidak mempunyai pengalaman klinikal.</p> <p>Di KJ Kubang Kerian, Puan Zatinurnadiah bt Abd Hakim telah dilantik sebagai Pengajar Gred U41 pada 04.01.2010 dan tidak mempunyai pengalaman kinikal. Sebagai tindakan penambahbaikan, KJKubang Kerian telah merancang penempatan klinikal pegawai ini bagi fasa pertama selama 1 tahun 6 bulan dan selanjutnya bagi fasa kedua. Buat masa ini pegawai masih menjalankan penempatan klinikal dan dijangka selesai pada Disember 2013.</p> <p>Manakala itu, Puan Rohana bt Ludin dan Puan Kamisah Bt Muhamad Noh dilantik sebagai pengajar pada 31.12.2004 dalam gred U32. Mereka ditukar lantik ke Pengajar Gred U41 pada 31.12.2010 setelah genap 6 tahun pengalaman sebagai pengajar. Proses tukar lantik ini adalah berdasarkan kepada Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 (Skim Perkhidmatan Pengajar) Perkara 8(c). Hanya pelantikan pengajar mulai tahun 2005 diwajibkan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan. Bagi yang dilantik sebelum 2005 dan Pengajar yang ditukar lantik ke gred U41 mengikut Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 Perkara 8 (c) tidak diwajibkan mempunyai Ijazah Sarjana Muda tetapi digalakkan meningkat tahap akademik ke peringkat Sarjana Muda.</p> <p>Selain itu, di KJ Sandakan, Puan Rhina Madais dan Puan Elsie A.Julies pernah bertugas sebagai Jururawat di Sabah Medical Center mulai 7 November 2005 hingga 14 Jun 2007 dan mempunyai pengalaman klinikal selama 1 tahun 7 bulan. Mereka juga dijadual untuk mengikuti penempatan klinikal semasa bertugas di KJ Sandakan selama 12 bulan mulai Januari 2013 dan akan berakhir Jun 2014 selaras dengan Surat Arahan KKM bertarikh 8 April 2010.</p> <p>Di KJ Pulau Pinang, Puan Norhafizah bt Zulkipli, Puan Fadhilah bt Mohd Bakri dan Encik Mohd Firdaus bin Kamarudzman, pihak kolej telah menjadualkan penempatan klinikal selama 18 bulan mengikut Surat Arahan KKM bertarikh</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>8 April 2010. Sehingga kini, Puan Norhafizah bt Zulkipli dan Puan Fadhilah bt Mohd Bakri telah melengkapkan penempatan klinikal seperti yang dijadualkan.</p> <p>Manakala Encik Mohd Firdaus bin Kamarudzaman belum melengkapkan penempatan klinikal kerana masalah kesihatan dan mendapat cuti sakit dari masa ke semasa. Beliau juga telah diberikan cuti sakit yang panjang mulai Jun 2012 hingga Disember 2012. Pihak kolej telah menjadualkan penempatan klinikal Encik Mohd Firdaus bin Kamarudzaman mulai 1 Mac 2013. Kelewatan penjadualan ini disebabkan baru bertugas semula selepas cuti sakit selama 7 bulan dari Jun 2012 – Disember 2012.</p>
14.5.3.1.a	<p>Program Latihan - Program Outsourcing - Kontrak Perjanjian Tidak Dipatuhi</p> <p>Jadual III, perjanjian kontrak antaranya menetapkan tempoh pengajian adalah 3 tahun bagi seorang Jururawat Pelatih dengan kos RM34,700 termasuk kemudahan penginapan, pengangkutan, tuisyen, peperiksaan, komputer, perpustakaan, makmal, latihan klinikal dan uniform. Semakan Audit di KJ Kubang Kerian, Kelantan; KJ Melaka dan KJ Pulau Pinang yang dilantik sebagai Kolej Penghubung mendapati kemudahan uniform seperti kasut, stokin, cap, elauan jahit diberikan kepada pelatih di 3 ILS berjumlah RM0.14 juta daripada tahun 2009 hingga 2012 walaupun kemudahan tersebut sepatutnya disediakan oleh ILS seperti mana yang telah dinyatakan dalam perjanjian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Perkataan ‘Pakaian Seragam’ dalam perjanjian kontrak sepatutnya dinyatakan sebagai ‘Kain Untuk Pakaian Seragam’ seperti mana dalam Surat Setuju Terima (SST). Penasihat Undang-undang (PUU) Kementerian berpendapat apabila berlaku perbezaan tafsiran antara niat dan persetujuan sebenar kedua-dua pihak mengenai sesuatu terma kontrak, terdapat ruang bagi kedua-dua pihak untuk membuat pindaan perjanjian melalui suatu perjanjian tambahan dengan persetujuan bersama. Bagaimanapun Kementerian dalam tindakan untuk mengkaji dan meneliti cadangan supaya ILS membayar balik nilai pemberian kemudahan uniform melalui perbincangan dengan ILS terlibat.</i></p>	<p>Hasil semakan KKM mendapati perkataan ‘Pakaian Seragam’ dalam jadual III perjanjian kontrak yang mana sepatutnya dinyatakan sebagai ‘kain untuk pakaian seragam’ sepertimana dalam Jadual A surat setuju terima (SST). Terdapat kesilapan catatan perkataan dalam perjanjian kontrak yang tidak mentafsirkan maksud dan niat sebenar persetujuan kontrak di antara kedua-dua pihak KKM dan ILS.</p> <p>Untuk makluman, sebelum membuat tawaran melalui SST, KKM dan pihak ILS bersetuju bahawa komponen yuran pengajian meliputi ‘kain untuk pakaian seragam’ yang dibekalkan oleh ILS dan lain-lain peralatan pakaian seragam seperti elauan jahitan dan kasut dibekalkan oleh kolej penghubung (Kementerian). Keputusan dan persetujuan ini dibincangkan dalam dua mesyuarat mengenai perbincangan isu-isu/masalah berkaitan penyeliaan pelatih-pelatih outsourcing pada 17 Jun 2008 dan 27 Ogos 2008.</p> <p>Mesyuarat pada 17 Jun 2008 telah memaklumkan kepada pihak kolej penghubung dan ILS mengenai kadar yuran baru yang mana ILS hanya perlu membekalkan ‘kain untuk uniform’ kepada pelatih tajaan KKM (perenggan 4.2 Minit Mesyuarat). Perkara ini dibangkitkan semula dalam mesyuarat pada 27 Ogos 2008 dan mesyuarat berkenaan telah bersetuju mulai Julai 2008, pihak ILS perlu membekalkan kain untuk pakaian seragam. Bekalan kasut serta elauan jahit bagi pakaian</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>seragam akan terus dibekalkan oleh kolej penghubung (perenggan 3.1.1 Minit Mesyuarat). Keputusan ini telah digariskan dalam garis panduan peranan dan tanggungjawab kolej penghubung dibawah tajuk peranan dan tanggungjawab kolej penghubung. Oleh itu, kolej penghubung melaksanakan tanggungjawab dan tugas berdasarkan kepada keputusan perbincangan mesyuarat dan garispanduan peranan dan tanggungjawab kolej penghubung.</p> <p>Pandangan PUU, KKM mengenai perkara ini telah diperolehi pada 4 Mac 2013 seperti di Lampiran 4. Pihak PUU berpandangan bahawa sekiranya SST yang ditandatangani tidak dinyatakan di dalam perjanjian sebagai lampiran atau SST terpakai kepada perjanjian, maka SST tersebut bukanlah merupakan sebahagian daripada perjanjian. Oleh itu, perjanjian yang telah dimuktamadkan telah mengikat kedua-dua pihak dan bukannya SST tersebut. Perjanjian yang telah ditandatangani juga telah <i>override</i> SST yang tidak menjadi sebahagian daripada perjanjian.</p> <p>Pihak PUU juga berpandangan bahawa sekiranya kedua-dua pihak mendapati terma dalam perjanjian tidak mencapai maksud sebenar yang dikehendaki oleh kedua-dua pihak dan jika merasakan terma dalam SST adalah merupakan niat dan hasrat kedua-dua pihak berkenaan, pindaan kepada perjanjian boleh dibuat berdasarkan klausula 33 perjanjian.</p> <p>Hasil semakan mendapati bahawa perjanjian yang dibuat antara Julai 2009 hingga Julai 2011 sahaja yang mempunyai perbezaan terma antara perjanjian dan SST. KKM sedang menyemak secara terperinci mengenai jumlah keseluruhan bayaran dibuat untuk kemudahan elautan pakaian seragam kepada pelatih tajaan KKM di kolej swasta mengikut perjanjian dibuat berdasarkan sesi penghantaran pelatih (Julai 2009 – Julai 2011). KKM juga dalam tindakan untuk mengkaji dan meneliti mengenai cadangan/syor supaya kolej swasta membayar balik nilai pemberian kemudahan uniform melalui kaedah perbincangan dengan pihak kolej swasta yang terlibat. Ini kerana KKM khuatir bahawa pihak kolej swasta akan mencabar tindakan KKM/Kerajaan di Mahkamah dengan merujuk kepada niat dan hasrat sebenar melalui bukti-bukti seperti minit mesyuarat mengenai pelaksanaan program</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><i>outsourcing</i> selain dokumen SST. Ini akan memberi imej buruk kepada pihak Kerajaan.</p> <p>KKM telah megemukakan surat kepada semua ILS yang terlibat pada 17 April 2013 memaklumkan mengenai kesilapan/perbezaan terma kontrak dalam dokumen perjanjian dan SST. Dalam surat tersebut Kementerian meminta ILS untuk membayar balik nilai pemberian kemudahan uniform sekiranya ILS tidak mempunyai sebarang bantahan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan ILS tidak bersetuju dengan tuntutan ini dan perkara ini akan dirujuk semula kepada PUU untuk tindakan seterusnya.</p>
14.5.3.1.b	<p>Laporan Program Dan Aktiviti Tidak Dikemukakan Oleh ILS</p> <p>Perenggan 15.1 dan 20.1 perjanjian kontrak, antaranya menetapkan ILS perlu menyediakan senarai nama dan profil tenaga pengajar tetap serta bilangan pelatih tajaan Kementerian dan swasta mengikut semester setiap enam bulan sekali; laporan bulanan pertambahan atau pengurangan jururawat pelatih; kemajuan program dan laporan lain yang berkaitan setiap penghujung semester. Semakan Audit mendapati laporan berkenaan tidak pernah dihantar oleh ILS seperti mana yang ditetapkan dalam perjanjian kecuali 2 ILS iaitu Bukit Merah <i>Laketown Institute of Allied Health Sciences</i> dan <i>SEGI University College</i>. Pihak Audit juga mendapati tiada tindakan diambil oleh Kementerian bagi memastikan perjanjian ini dipatuhi menyebabkan kelayakan tenaga pengajar dan kualiti pembelajaran serta prestasi dan aktiviti pelatih tidak dapat ditentukan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian telah menghantar surat peringatan kepada semua ILS terlibat supaya mengemukakan laporan program serta aktiviti tahun 2011 dan 2012.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak, prosedur dan garis panduan berkaitan program <i>outsourcing</i> perlu dipatuhi sepenuhnya bagi memantapkan dan meningkatkan lagi kualiti pembelajaran pelatih. Bayaran tidak mematuhi kontrak hendaklah dikutip dengan segera.</p>	<p>Daripada 24 buah kolej sebanyak empat buah kolej sahaja telah mengemukakan laporan kepada KKM iaitu Kolej Segi, Kolej Bukit Merah, Kolej KDU dan Kolej UniKL. Melalui semakan didapati ILS yang tidak menghantar laporan telah beranggapan bahawa laporan yang disediakan oleh ILS kepada Kolej Penghubung semasa lawatan pemantauan sudah memadai untuk mematuhi perenggan 15.1 dan 20.1 dalam perjanjian kontrak. Namun didapati laporan tersebut tidak mencukupi dan tidak lengkap mengikut perjanjian.</p> <p>KKM telahpun menghantar surat peringatan kepada semua kolej ILS supaya mengemukakan laporan program dan aktiviti tahun 2011 dan 2012.</p> <p>KKM telah menerima Laporan Program Dan Aktiviti yang tidak dikemukakan oleh ILS daripada 14 buah kolej (bagi tahun 2011 dan 2012) manakala 6 ILS masih belum menghantar laporan. Surat peringatan kedua telah dikemukakan pada kolej yang lain pada 13 Februari 2013. Sehingga kini daripada 6 ILS tersebut, dua buah ILS masih belum mengemukakan laporan dan KKM sedang menyusuli perkara ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.3.2.b	<p>Yuran Rendah Bagi Jururawat Pelatih Daripada Institusi Luar</p> <p>Semakan Audit mendapati jururawat pelatih daripada institusi luar dikenakan yuran pengajian sebanyak RM7,350 sepanjang tempoh 3 tahun pengajian yang meliputi komponen pembelajaran, tuisyen; perpustakaan/ komputer/makmal; penempatan klinikal dan aktiviti kokurikulum. Yuran pengajian berjumlah RM7,350 ini adalah rendah berbanding yuran pengajian <i>outsourcing</i> yang berjumlah RM34,700 dan kadar tersebut tidak dapat dipastikan kelulusannya. Ini berlaku disebabkan tiada pengiraan kos dibuat bagi seorang jururawat pelatih sebelum kadar yuran pengajian kepada institusi luar ditetapkan dan tiada kajian semula dibuat yang mengakibatkan kadar yuran dikenakan antara institusi luar dengan ILS mempunyai perbezaan yang besar.</p> <p>Pada pendapat Audit, Jawatankuasa yang dibentuk perlu memuktamadkan kadar yuran baru dengan segera. Selain itu, konsep agensi tidak berorientasikan keuntungan perlu dinyatakan dengan jelas.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Yuran rendah dikenakan kepada agensi luar yang tidak berorientasikan keuntungan seperti Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan, Hospital Swasta dan NGO. Mesyuarat Kementerian bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan telah diadakan pada Mac 2013 dan satu jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji kadar yuran tersebut.</i></p>	<p>KKM mengenakan kadar yuran pelatih yang rendah kepada agensi luar yang tidak berorientasikan keuntungan seperti Badan-badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan, hospital-hospital swasta dan NGO seperti Persatuan Perancang Keluarga.</p> <p>KKM akan mengkaji semula kadar yuran tersebut sama ada ianya adalah berpatutan atau sebaliknya di mana KKM telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan pada 22 Februari 2013 untuk mendapatkan pandangan serta ulasan mengenai kadar yuran pengajian yang sedang di dalam kajian untuk dinaikkan.</p> <p>Selain itu, Mesyuarat bersama JPA dan Kementerian Kewangan Malaysia telah diadakan pada 8 Mac 2013 bagi mengkaji kadar yuran berkenaan. Satu Jawatankuasa telah dibentuk bagi mengkaji perkara ini yang melibatkan Bahagian Pengurusan Latihan KKM, Bahagian Kewangan KKM, JPA dan Kementerian Kewangan Malaysia.</p> <p>KKM telah menyediakan satu laporan kajian semula kadar yuran pengendalian program Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) kepada agensi swasta telah disediakan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal.</p>
14.5.3.3.a	<p>Program Kepastian Kualiti (QAP) - Jawatan Penyelaras Tidak Dilantik Mengikut Garis Panduan</p> <p>QAP menetapkan antaranya jawatan penyelaras hendaklah disandang oleh Timbalan Pengarah Akademik yang bertanggungjawab bagi merancang, melaksana dan memantau tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti latihan yang dijalankan oleh KJ. Semakan Audit mendapati jawatan penyelaras tidak dilantik berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Penstrukturkan semula telah dilaksanakan dengan mewujudkan satu Unit Penilaian dan Kualiti bagi memantapkan organisasi ILKKM, sejajar dengan urusan kenaikan pangkat pada tahun 2011. Bagaimanapun, garis panduan telah dipinda pada bulan</i></p>	<p>Bagi memantapkan organisasi ILKKM, sejajar dengan urusan kenaikan pangkat pada tahun 2011, penstrukturkan semula telah dilaksanakan dengan mewujudkan satu Unit Penilaian dan Kualiti. Salah satu tugas Ketua Penilaian & Kualiti (KP&K) adalah untuk menyelaras segala urusan program kepastian kualiti. Carta Organisasi serta Senarai Tugas juga telah disediakan dalam bulan Oktober 2011. Surat pelantikan juga telah dikeluarkan pada 3 Ogos 2011.</p> <p>Perubahan ini adalah untuk memastikan Timbalan Pengarah Akademik memberi tumpuan kepada kemantapan pengajaran dan pembelajaran. Hanya KJ Kubang Kerian yang tidak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Disember 2012 dengan menyatakan Jawatan Penyelaras perlu disandang oleh Ketua Unit Penilaian dan Kualiti berbanding Timbalan Pengarah Akademi sebelum ini dan pindaan buku garis panduan pelaksanaan QAP akan dimuktamadkan pada bulan Mac 2013.</i></p>	<p>melaksanakan pelantikan dengan anggapan kewujudan Unit Kualiti dan Penilaian dan senarai tugas telah menjadi tugas utama beliau. KJ Kubang Kerian juga telah membuat perlantikan Penyelaras mengikut garis panduan.</p> <p>Selain itu, surat peringatan juga telah dihantar kepada kolej-kolej pada 10/12/2012.</p> <p>Buku garis panduan pelaksanaan program kepastian kualiti (QAP) masih dalam proses semakan semula dan dijangka akan dikeluarkan pada Jun 2013.</p>
14.5.3.3.b	<p>Prestasi Tidak Dicapai Berdasarkan QAP</p> <p>QAP diwujudkan pada tahun 2008, antaranya menetapkan prestasi yang perlu dicapai oleh sebuah kolej adalah merangkumi aspek peratusan kelulusan peperiksaan akhir semester pelatih iaitu melebihi 85% (indikator 1); tempoh pertemuan pengajar dengan pelatih 20 jam seminggu (indikator 2); nisbah pengajar dan pelatih 1:20 (indikator 3); penyempurnaan pelan mengajar 100% (indikator 4) dan peratusan peperiksaan amali melebihi 85% (indikator 5). Semakan Audit mendapati prestasi peratusan kelulusan peperiksaan teori dan amali; tempoh pertemuan pengajar dengan pelatih dan nisbah pengajar dengan pelatih tidak dicapai. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah pelatih tidak membuat persediaan bagi tujuan peperiksaan; pengajar (lantikan baru U41) menjalani latihan klinikal; pengajar cuti bersalin dan bercuti tanpa gaji serta kekosongan perjawatan tidak diisi.</p> <p>Pada pendapat Audit, satu mekanisme perlu dibentuk bagi memastikan pencapaian QAP adalah berdasarkan perancangan yang telah dibuat bagi menjamin mutu latihan dan prestasi pelatih berada pada tahap yang baik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Penganalisaan dan tindakan penambahbaikan akan dibincangkan bagi mencapai indikator yang ditetapkan. Selain itu, kajian akan dilaksanakan bagi mengenal pasti punca ketidakakururan untuk melahirkan jururawat yang berkualiti. Antara kaedah dilaksanakan iaitu mengadakan jadual dan pemantauan oleh Pengajar/Jururawat Klinikal dan latihan berstruktur; latihan berkumpulan; latih tubi mengikut senarai semak; mind mapping; motivasi dan kaunseling serta memperkemaskan sistem mentor-mentee.</i></p>	<p>KKM sentiasa memantau pencapaian ke atas indikator-indikator seperti yang telah ditetapkan.</p> <p>Bagi pencapaian Indikator 1, hanya KJ Kubang Kerian tidak mencapai kelulusan peperiksaan 85% seperti yang ditetapkan. Kajian ketidakakururan telah dilaksanakan oleh pihak kolej. Keputusan seterusnya telah menunjukkan pencapaian keputusan yang baik. Sub-indikator (i) dan (ii) tindakan penambahbaikan telah dibincang dan dilaksanakan melalui mesyuarat QAP dan Akademik.</p> <p>Manakala itu, hasil semakan KKM mendapati sub indikator (i) di KJ Sandakan telah mencapai standard yang ditetapkan.</p> <p>Indikator 2- tidak tercapai kerana kebanyakan pengajar terlibat menghadiri kursus, menjalani penempatan klinikal, bercuti tanpa gaji ataupun bercuti sakit.</p> <p>Indikator 3, tidak dapat dicapai disebabkan oleh jumlah pengajar. Pengisian pelantikan pengajar dibuat jumlah sedia ada dan berdasarkan keperluan menyeluruh ILKKM. Walau bagaimanapun, nisbah pengajar : pelatih bertambah baik bagi 3 buah kolej kecuali di KJ Pulau Pinang. Perubahan ini berlaku disebabkan penambahan pelatih dengan kemudahan komplek kolej yang baru.</p> <p>Indikator 5 – hanya KJ Kubang Kerian tahun 2011 dan KJ Sandakan 2010, tidak mencapai dan melalui kajian ketidak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>kepatuhan kualiti, penambahbaikan di capai bagi tahun seterusnya.</p> <p>Semua Keputusan Peperiksaan Akhir Semester T1 S1 hingga T3 SII dibentangkan di mesyuarat berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> * mesyuarat Jawatankuasa QAP * mesyuarat MKSP * mesyuarat Pengarah ILKKM. <p>Penganalisaan dan tindakan penambahbaikan akan dibincang dalam mesyuarat bagi mencapai indikator.</p> <p>Punca ketidakakururan dikaji dan ditambahbaikan untuk melahirkan penjawat yang berkualiti.</p> <p>Kaedah berikut dilaksanakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan jadual dan pemantauan dari pengajar/jururawat klinikal dan latihan berstruktur. • Latihan berkumpulan. • Latih tubi mengikut senarai semak. • Mind mapping • Motivasi dan kaunseling • Memperkemaskan system mentor-mentee
14.5.4.1	<p>Pengurusan Jururawat Pelatih - Daftar Induk Disiplin Dan Tata Kelakuan Tidak Disediakan</p> <p>Tindakan tata tertib yang dikenakan kepada Jururawat Pelatih perlu direkod dan didaftarkan bagi tujuan pemantauan dan pengawasan dengan mewujudkan satu Daftar Induk. Semakan Audit mendapati Daftar Induk tidak diselenggarakan di semua KJ yang dilawati. Keadaan ini menyebabkan rujukan dan pemantauan pelatih yang dikenakan tindakan disiplin sukar dilakukan oleh Pihak Pengurusan dan Kementerian kerana rujukan perlu dibuat terhadap 2 fail yang berbeza iaitu fail peribadi pelatih dan fail tindakan disiplin (dikategorikan sebagai fail sulit) yang menggabungkan semua kes pengurusan tata tertib dan tata kelakuan Jururawat Pelatih termasuk Minit Mesyuarat Pengurusan Tata Kelakuan Pelatih. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah tiada peraturan yang menghendaki daftar induk disediakan dan tiada arahan daripada pihak pengurusan KJ atau Kementerian. Ini mengakibatkan kawalan dan statistik terhadap tindakan tata tertib Jururawat Pelatih sukar untuk disediakan dan dibuat pemantauan.</p>	<p>Surat edaran berkaitan penyediaan Buku Daftar Induk Pelanggaran Tatakelakuan Pelatih serta elemen-elemen yang perlu direkodkan dalam buku daftar tersebut telah dikeluarkan kepada semua ILKKM 10 Disember 2012 dan semua ILKKM telah mengambil tindakan menyelenggarakan Buku Daftar Induk Pelanggaran Tatakelakuan Pelatih.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Surat edaran berkaitan penyediaan Buku Daftar Induk Pelanggaran Tata Kelakuan Pelatih serta elemen-elemen yang perlu direkodkan dalam Buku Daftar tersebut telah dikeluarkan kepada semua KJ pada bulan Disember 2012.</i></p>	
14.5.4.2.a	<p>Pengurusan Kawalan Penghutang - Tiada Garis Panduan Bagi Kawalan Penghutang</p> <p>Garis panduan dan prosedur yang sempurna dan lengkap bagi pengurusan kawalan penghutang hendaklah diwujudkan dan didokumenkan sebagai bahan rujukan dan panduan. Semakan Audit di BPL mendapati:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. garis panduan dan prosedur bagi pengurusan kawalan penghutang berkaitan dengan notis peringatan, pengesanan Jururawat Pelatih dan tindakan mahkamah terhadap Jururawat Pelatih yang ingkar membayar denda tidak diwujudkan; ii. semenjak tahun 1993 sehingga bulan Julai 2012 seramai 271 Jururawat Pelatih telah ditamatkan latihan dengan denda berjumlah RM4.76 juta. Daripada jumlah tersebut hanya RM0.41 juta (8.6%) telah dikutip; iii. semakan lanjut terhadap 271 rekod Jururawat Pelatih mendapati tunggakan hutang bagi 75 orang Jururawat Pelatih sebelum tahun 2000 berjumlah RM1.11 juta masih belum diselesaikan, di mana 27 (36%) Jururawat Pelatih tidak pernah membuat bayaran yang melibatkan tunggakan berjumlah RM0.60 juta. Di samping itu, bagi tahun 2000 ke atas, didapati tunggakan hutang terhadap 196 orang Jururawat Pelatih berjumlah RM3.24 juta masih belum dijelaskan, di mana 59 (30%) Jururawat Pelatih tidak pernah membuat bayaran yang melibatkan tunggakan hutang berjumlah RM1.3 juta; dan iv. maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mendapati terdapat 38 Pelatih Jururawat yang ditamatkan latihan dengan denda telah berkhidmat dengan pelbagai Jabatan/Agenzi Kerajaan. Semakan lanjut mendapati mereka masih mempunyai tunggakan hutang berjumlah RM0.37 juta, bagaimanapun bayaran balik hutang tidak dibuat secara konsisten dan tiada tindakan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi perkara tersebut. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah tiada prosedur diwujudkan; hanya 2 orang pegawai ditugaskan untuk menguruskan tunggakan pelatih (pada masa yang sama turut menguruskan aset) dan tiada Jawatankuasa Khas diwujudkan bagi menguruskan 	<p>Garis Panduan Tuntutan Gantirugi ke atas Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan, Hadiah Latihan Persekutuan, Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa Pra Perkhidmatan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Ikatan Kontrak yang dipengerusikan oleh TKSU (Pengurusan) KKM seperti yang dinyatakan di dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Ikatan Kontrak Bagi Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan, Hadiah Latihan Persekutuan, Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa Pra Perkhidmatan yang bersidang pada 27 Jun 2012. Dari konteks pelatih, garis panduan ini dikuatkuasakan ke atas pelatih yang melanggar perjanjian setelah menamatkan pengajian. Garis panduan tersebut memperincikan hal-hal berkaitan tuntutan gantirugi seperti yang disenaraikan di bawah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tindakan yang dikenakan terhadap pelatih termasuk tuntutan gantirugi yang dikenakan sekiranya melanggar perjanjian; • Jenis-jenis pertimbangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Ikatan Kontrak sekiranya pelatih membuat rayuan pengecualian dan pengurangan tuntutan gantirugi yang dikenakan; • Kaedah Ahli jawatan kuasa membuat pertimbangan keatas pelatih yang membuat rayuan pengecualian dan pengurangan tuntutan gantirugi yang dikenakan; • Kaedah bayaran ansuran beserta jadual bayaran bulanan bagi pelatih yang diluluskan bayaran; dan • Rangka masa pemberian notis-notis tuntutan gantirugi kepada pelatih. <p>Garis panduan tersebut dijadikan rujukan oleh pegawai yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>hal berkaitan tunggakan hutang. Ini mengakibatkan notis peringatan tidak dihantar secara konsisten; tiada tindakan susulan diambil kepada penghutang ingkar dan kerugian hasil kepada Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Garis Panduan Penetapan Denda Bagi Kes Rayuan Tatatertib telah diwujudkan pada bulan November 2010, bagaimanapun ianya tidak menyeluruh kerana mekanisme kutipan denda tidak dinyatakan. Kementerian sedang menyediakan draf penambahbaikan garis panduan berkenaan agar ia menjadi lebih komprehensif dengan memasukkan elemen kaedah bayaran ansuran, jadual bayaran bulanan dan rangka masa pemberian notis-notis tuntutan ganti rugi kepada pelatih sehingga kes tersebut di bawa ke mahkamah. Perkara ini akan dibawa ke Jawatankuasa Ikatan Kontrak yang dipengerusikan oleh TKSU (Pengurusan) untuk mendapatkan kelulusan serta dijangka dimuktamadkan pada bulan Jun 2013. Kementerian juga akan memohon kerjasama dari Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Jabatan Imigresen untuk mendapatkan alamat pelatih terkini selewat-lewatnya bulan Disember 2013.</i></p>	<p>menguruskan tuntutan gantirugi dan Ahli Jawatan kuasa Ikatan Kontrak yang mempertimbangkan rayuan pengurangan gantirugi oleh pelatih yang melanggar kontrak setelah menamatkan pengajian.</p> <p>Bagi kes tuntutan gantirugi ke atas pelatih yang dikenakan tatatertib semasa di dalam pengajian, Garis Panduan Penetapan Denda Bagi Kes Rayuan Tatatertib telah diwujudkan pada November 2010. Ianya dikuatkuasakan dan dijadikan rujukan untuk membuat pertimbangan ke atas rayuan pengurangan gantirugi. Ia digunakan oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rayuan Tatakelakuan Pelatih. Walau bagaimanapun, ianya tidak begitu menyeluruh kerana garis panduan tersebut tidak memasukkan mekanisme kutipan denda di dalamnya.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, beberapa perkara akan dilaksanakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Isu prosedur kutipan hutang yang tidak diwujudkan bagi pelatih yang dikenakan denda semasa di dalam pengajian</u> Garis Panduan Kutipan Denda ke atas Pemegang Biasiswa Pra-Perkhidmatan sedang disediakan. Ia akan memperincikan mekanisme kutipan hutang terutamanya perincian tindakan yang diambil terhadap penghutang tegar beserta rangka masa dan kaedah penentuan bayaran ansuran bulanan bagi pelatih yang merayu pengurangan bayaran. Garis Panduan ini akan dimuktamadkan selewat-lewatnya bulan Jun 2013. • <u>Isu jururawat tidak dikesan</u> Bagi kes Jururawat yang tidak dapat dikesan berikutnya alamat yang telah bertukar, BPL telah menemui pegawai-pegawai JPN dan JPJ pada 5 dan 6 Februari 2013 di premis mereka. Senarai nama individu yang dipohon untuk dijejaki alamatnya telah diserahkan kepada pihak berkenaan. Pegawai berkenaan menjangkakan alamat-alamat tersebut dapat diberikan kepada BPL dalam tempoh sebulan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>Isu kakitangan tidak mencukupi di dalam operasi kutipan hutang</u></p> <p>Sejumlah 277 surat peringatan pembayaran denda telah dikeluarkan kepada individu-individu yang tidak membuat bayaran pada 22 Februari 2013. Isu kakitangan yang tidak mencukupi di dalam melaksanakan kutipan denda yang konsisten telah dapat diatasi dengan pengambilan 8 orang Pegawai Sambilan harian. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan yang melaksanakan kutipan denda berjumlah 10 orang. Sehingga kini, seramai 191 orang pemutang telah membuat bayaran denda berjumlah RM107,250.73.</p>
14.5.4.2.b	<p>Jumlah Tuggakan Hutang Kurang Tepat</p> <p>Sistem perekodan denda dan bayaran balik yang sistematik, tersusun dan kemas membolehkan jumlah hutang pecah kontrak dilaporkan dengan tepat. Semakan Audit di BPL mendapati pengemaskinian data hutang tertunggak dibuat oleh seorong Pembantu Tadbir dengan menggunakan sistem manual dan tiada pemeriksaan dibuat dari masa ke semasa ke atas rekod tersebut oleh Pegawai Penyelia. Bagi memastikan jumlah tuggakan adalah tepat, semakan lanjut terhadap 37 fail peribadi jururawat pelatih dengan jumlah tuggakan hutang berjumlah RM515,373 semenjak tahun 1991, didapati berlaku perbezaan terhadap tuggakan berjumlah RM11,328.01 bagi 5 fail Jururawat Pelatih serta 8 fail Jururawat Pelatih berjumlah RM84,275 tidak dapat dikesan/hilang. Keadaan ini mengakibatkan tuggakan hasil yang dilaporkan kurang tepat; risiko penyelewengan dan kesilapan kerana rekod hutang boleh dipindah menggunakan sistem manual (terutama fail individu yang hilang).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian akan membuat penyelarasan bagi pembayaran yang tidak direkodkan dan pembayaran yang direkodkan lebih tinggi atau rendah nilainya dari bayaran sebenar; mewujudkan satu unit khas iaitu Unit Perjanjian yang memantau secara dekat pematuhan perjanjian oleh pelatih dan menguatkuasakan klausu perjanjian sekiranya perjanjian dilanggar di samping membuat susulan terhadap pelatih yang terlepas pandang membuat bayaran; dan mewujudkan satu Sistem Pangkalan Data Rekod Denda yang bersistematis untuk memudahkan perekodan dan pengaksesan data denda serta dijangka dimuktamadkan pada bulan Jun 2013.</i></p>	<p>Semakan terhadap 5 fail pelatih yang dikatakan terdapat perbezaan di antara tuggakan denda yang direkodkan oleh KKM dan tuggakan denda yang dikira Juruaudit yang membuat siasatan telah dibuat.</p> <p>Daripada 5 fail tersebut, didapati bahawa 3 jururawat yang menarik diri iaitu Wong Mei Leng, Nur Masri Bin Omar dan Shamsinaz Mat Isa telah membuat bayaran semula eluan-eluan yang telah diterima semasa menarik diri. Resit bayaran telah diterima dan direkodkan ke dalam fail. Walau bagaimanapun bayaran yang masing-masing dibuat pada 04.06.1990, 18.11.1994 dan 01.07.1992 tidak dicatatkan sebagai jumlah yang telah dibayar untuk menyelesaikan denda pada ruangan jadual penerimaan bayaran. Bayaran denda dari jururawat-jururawat berkenaan masing-masing hanya direkodkan mulai 21.10.1997 dan 14.11.1997.</p> <p>Satu fail Jururawat Iszuanni Mohd Naim telah didapati mengandungi kesilapan di dalam kemasukan data jumlah yang telah dibayar di dalam ruangan jadual pembayaran iaitu RM 100. Ini adalah berbeza dengan jumlah RM200 yang telah dicatatkan pada resit penerimaan bayaran EV879029 yang dibuat pada 26.09.2007.</p> <p>Satu fail Jururawat Norhidawati A.Wahab didapati mempunyai</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
	<p>Pada pendapat Audit, rekod berkaitan dengan penghutang perlu diuruskan dengan lengkap, kemas kini, teliti dan tepat. Garis panduan yang komprehensif berkaitan Sistem Pangkalan Data Rekod Denda perlu dimuktamadkan dengan segera. Di samping itu, tindakan sewajarnya perlu diambil dengan segera bagi memungut tunggakan hutang khususnya tunggakan hutang yang melebihi 10 tahun.</p>	<p>maklumat baki denda yang tidak tepat kerana kesilapan pengiraan bagi bayaran bertarikh 12/06/2009. Hanya RM50 sahaja yang ditolak dari jumlah baki hutang di dalam rekod bayaran ansuran berbanding bayaran RM100 yang dicatatkan pada resit.</p> <p>Semakan dan carian yang dibuat terhadap 8 fail jururawat yang hilang seperti berikut tidak mendatangkan sebarang hasil.</p> <table> <tbody> <tr> <td>i.</td> <td>Aida bt Idris</td> <td>A1918252</td> </tr> <tr> <td>ii.</td> <td>Fatmah Othman</td> <td>A1973390</td> </tr> <tr> <td>iii.</td> <td>Hasniza Mohammed</td> <td>A2158155</td> </tr> <tr> <td>iv.</td> <td>Nor Asmah Othman</td> <td>A2325571</td> </tr> <tr> <td>v.</td> <td>Norzaini Norudin</td> <td>A2167332</td> </tr> <tr> <td>vi.</td> <td>Rujiah Diamin</td> <td>H0896037</td> </tr> <tr> <td>vii.</td> <td>Shalasiah Zakaria</td> <td>A2110351</td> </tr> <tr> <td>viii.</td> <td>Siti Hafidzah Yusof</td> <td>A2944945</td> </tr> </tbody> </table> <p>Keadaan ini adalah disebabkan penyimpanan rekod pembayaran hutang oleh setiap pelatih menggunakan sistem manual dan hanya dilaksanakan oleh seorang Pembantu Tadbir. Jumlah data yang terlalu besar yang dikendalikan oleh hanya seorang kakitangan dengan tiada semakan kedua terhadap tugas yang dilakukannya menjadikan kecenderungan berlakunya kesilapan penguncian data ke dalam sistem rekod manual tersebut adalah tinggi.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:-</p> <p><u>Penambahbaikan jangka pendek</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi memastikan daftar bayaran yang diterima dari pelatih adalah berpadanan dengan bukti-bukti pembayaran yang ada di dalam fail, seramai 8 orang Pegawai Sambilan harian sedang melaksanakan pemeriksaan terperinci bagi setiap fail. Sekiranya terdapat percanggahan yang dikesan, pembetulan akan terus dibuat pada fail berkenaan. Daripada 873 fail pelatih, sejumlah 580 buah fail telah disemak kandungannya dan dibandingkan dengan daftar bayaran denda. 	i.	Aida bt Idris	A1918252	ii.	Fatmah Othman	A1973390	iii.	Hasniza Mohammed	A2158155	iv.	Nor Asmah Othman	A2325571	v.	Norzaini Norudin	A2167332	vi.	Rujiah Diamin	H0896037	vii.	Shalasiah Zakaria	A2110351	viii.	Siti Hafidzah Yusof	A2944945
i.	Aida bt Idris	A1918252																								
ii.	Fatmah Othman	A1973390																								
iii.	Hasniza Mohammed	A2158155																								
iv.	Nor Asmah Othman	A2325571																								
v.	Norzaini Norudin	A2167332																								
vi.	Rujiah Diamin	H0896037																								
vii.	Shalasiah Zakaria	A2110351																								
viii.	Siti Hafidzah Yusof	A2944945																								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Daripada jumlah yang telah disemak, sejumlah 26 buah fail yang didapati mempunyai maklumat yang bercanggah telah dikemaskini.</p> <p><u>Penambahbaikan Jangka Panjang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan satu unit khas iaitu Unit Perjanjian yang memantau secara dekat pematuhan perjanjian oleh pelatih dan menguakuasakan klausa perjanjian sekiranya perjanjian dilanggar disamping membuat susulan terhadap pelatih yang terlepas pandang membuat bayaran. Mewujudkan satu sistem pangkalan data rekod denda yang bersistematis yang dapat memudahkan perekodan dan pengaksesan data denda.
14.5.4.3.a	<p>Elaun, Uniform Dan Kemudahan Asrama - Pemberian Elaun Upah Jahit, Uniform Dan Tuntutan Perjalanan Tanpa Kelulusan</p> <p>Kemudahan biasiswa, elauan, uniform, tuntutan lapor diri dan tamat latihan serta lain-lain yang diberikan kepada pelatih pra perkhidmatan perlu mendapat kelulusan khas daripada Pihak Berkusa seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Semakan Audit di BPL dan KJ yang dilawati bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati tiada bukti menunjukkan kelulusan khas tersebut telah diperolehi untuk pemberian elauan upah jahit dan uniform berjumlah RM1.2 juta serta tuntutan perjalanan lapor diri dan tamat latihan pelatih berjumlah RM0.16 juta. Semakan lanjut Audit mendapati tuntutan perjalanan lapor diri dan tamat latihan dibayar kepada jururawat pelatih di KJ Kubang Kerian Kelantan, Melaka dan Pulau Pinang melalui tuntutan perbatuan (<i>mileage</i>) dan pengangkutan awam. Bagaimanapun KJ di Sandakan, Sabah hanya dibayar atas tuntutan secara pengangkutan awam dan pelatih tamat latihan diantar pulang dengan menggunakan kenderaan jabatan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah Kementerian beranggapan Pekeliling Perkhidmatan Bil.7/1990 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/1995 berkaitan pemberian uniform kepada penjawat awam memadai dan boleh digunakan bagi tujuan pemberian elauan upah jahit dan uniform kepada pelatih pra-perkhidmatan; Kementerian tidak maklum tentang perlunya kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan dan telah menjadi amalan semenjak KJ ditubuhkan. Ini mengakibatkan perbelanjaan dibuat tanpa kelulusan dan tiada garis panduan khusus bagi tuntutan perjalanan lapor diri dan tamat latihan jururawat pelatih.</p>	<p>Surat kebenaran untuk ILKKM membekalkan pakaian seragam dan upah jahit pelatih ILKKM telah diperolehi melalui surat BPL bertarikh 25 September 2001. Surat ini mengandungi pekeliling-pekeliling JPA dan KKM mengenai bekalan pakaian seragam dan kadar upah jahitan dan bentuk jenis pakaian seragam.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> Surat penangguhan pembayaran tuntutan perjalanan lapor diri dan tamat pengajian pelatih Institusi Latihan KKM (ILKKM) telah diedarkan kepada semua ILKKM pada 4 Januari 2013. Surat permohonan pengesahan bertulis mengenai perbekalan pakaian seragam, pemberian Elaun Upah Jahit dan pembayaran tuntutan perjalanan lapor diri dan tamat pengajian Latihan Pra Perkhidmatan bertarikh 14 Januari 2013 telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan pada 28 Februari 2013

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kebenaran membekalkan pakaian seragam dan upah jahit pelatih ILKKM berdasarkan Surat Kementerian pada bulan September 2001 (mengandungi pekeliling berkaitan elaun dan kemudahan kepada penjawat awam). Berdasarkan cadangan Kementerian Kewangan, mesyuarat bersama antara Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan pada Mac 2013 bagi tujuan mendapatkan kelulusan pembayaran dan kertas pertimbangan telah dikemukakan ke JPA untuk sokongan sebelum dikemukakan Kementerian Kewangan bagi tujuan kelulusan.</i></p>	<p>mencadangkan supaya KKM mengemukakan permohonan rasmi kepada JPA berhubung cadangan pemberian kemudahan/elaun bagi pelatih dalam latihan pra perkhidmatan. Rujuk Lampiran 9.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu mesyuarat bersama JPA telah diadakan pada 8 Mac 2013 bagi tujuan mendapatkan kelulusan pembayaran. Kertas Pertimbangan telah dikemukakan kepada JPA untuk sokongan sebelum diangkatkan untuk kelulusan Kementerian Kewangan. • Susulan daripada itu, pihak JPA pada 26 April 2013 memaklumkan tiada halangan untuk pihak KKM membekalkan pakaian seragam dan membayar tuntutan tambang lapor diri dan tamat pengajian kepada pelatih pra perkhidmatan KKM. Perkara ini akan diperincikan oleh KKM selepas ini.
14.5.4.3.b	<p>Kadar Kutipan Deposit Kunci Tidak Dipatuhi Dan Diakaunkan</p> <p>BPL melalui surat arahan pada bulan Jun 2012 menetapkan antaranya kadar deposit kunci pada kadar RM100 seorang perlu dibayar oleh setiap Jururawat Pelatih yang menduduki asrama dan diakaunkan dalam akaun deposit kerajaan. Semakan Audit di KJ yang dilawati mendapat kutipan deposit kunci tidak dibuat seperti yang ditetapkan; tiada resit rasmi (kew.38) dikeluarkan bagi penerimaan tunai dan sejumlah RM28,255 tidak diakaunkan dalam akaun deposit kerajaan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah tiada prosedur dan garis panduan khusus; tidak semua KJ menerima surat arahan daripada Kementerian pada bulan Jun 2012 dan tiada pemantauan daripada Kementerian bagi memastikan arahan dipatuhi. Keadaan ini mengakibatkan tidak wujud keseragaman dalam pengurusan KJ; rekod tidak disimpan secara teratur; risiko kehilangan tunai adalah tinggi (simpan tunai di KJ) dan risiko penyalahgunaan dan penyelewengan disebabkan proses pengeluaran tidak mematuhi peraturan kewangan kerajaan yang berkuat kuasa.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian mengarahkan ILKKM membuat kutipan deposit kunci bagi mengurangkan masalah kerosakan yang dilakukan oleh pelatih, bagaimanapun tiada garis panduan disediakan menyebabkan kelemahan ini berlaku. Kementerian akan mewujudkan Akaun Amanah bagi membolehkan kutipan deposit kunci ini diperakaunkan. Sementara itu, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) telah</i></p>	<p>Kementerian telah mengarahkan semua ILKKM membuat kutipan deposit kunci bagi mengurangkan masalah kerosakan yang dilakukan oleh pelatih. Walau bagaimanapun, tiada garis panduan dan prosedur disediakan menyebabkan kelemahan ini berlaku.</p> <p>Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) telah mendapat kelulusan pihak Jabatan Akauntan Negara pada 21 Disember 2012 untuk digunakan sementara Akaun Amanah yang khusus diwujudkan untuk kutipan tersebut.</p> <p>Keperluan samada mengujudkan Akaun Deposit atau Akaun Amanah bagi mengakaunkan kutipan "Deposit Kunci" Kolej Jururawat adalah bergantung kepada kaedah bagaimana wang kutipan tersebut akan diuruskan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia, dalam perbincangan pada 10 Jun 2012 telah memberi pandangan supaya diwujudkan Akaun Amanah memandangkan Bahagian Perkhidmatan Latihan memaklumkan bahawa kutipan tersebut adalah untuk membiayai keperluan pelatih sepanjang tempoh pengajian iaitu bayaran perlindungan insuran, barang orientasi, kad metrik, tabung kebajikan, buku keluar masuk dan perbelanjaan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mendapat kelulusan pihak Jabatan Akauntan Negara untuk digunakan sementara menunggu kelulusan Akaun Amanah berkenaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, semua jenis kemudahan yang diberikan kepada Jururawat Pelatih perlu berdasarkan peraturan yang diluluskan oleh pihak berkuasa.</p>	<p>lain yang berkaitan.</p> <p>Akaun Amanah yang khusus telah disediakan dan dijangka dapat dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan sebelum akhir bulan Mei 2013.</p>
14.5.5.1	<p>Kemudahan Peralatan Dan Alat Bantuan Mengajar - Peralatan Usang Dan Tidak Mencukupi</p> <p>Penyediaan peralatan latihan/alat bantuan mengajar yang mencukupi dan berkeadaan baik adalah perlu bagi membolehkan Jururawat Pelatih menjalani latihan amali di makmal ketrampilan dengan lancar dan berkesan. Pemeriksaan fizikal Audit di 4 kolej yang dilawati dan hasil maklum balas pengajar mendapati peralatan makmal tidak mencukupi dan terdapat model patung manusia dewasa usang/rosak. Semakan lanjut mendapati tiada permohonan dibuat kepada Kementerian kecuali komputer, model patung manusia dewasa (KJ Sandakan Sabah) dan set oksigen (KJ Kubang Kerian Kelantan). Selain itu, didapati tiada norma ditetapkan bagi bilangan peralatan/alat bantuan mengajar yang patut disediakan di makmal ketrampilan. Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Model Patung Manusia yang usang/rosak telah dibaiki. Terdapat juga bahagian-bahagian lain (contohnya kepala, tangan dan lain-lain) masih digunakan untuk prosedur kejururawatan. KJ Sandakan telah membeli 17 unit komputer dan satu komputer riba pada bulan Julai 2012 dan Kementerian sentiasa berusaha untuk membekalkan kemudahan peralatan seperti yang diperlukan oleh KJ bagi memudahkan pelatih menjalani latihan.</i></p>	<p>KKM mengambil maklum akan peralatan bantuan mengajar yang usang dan tidak mencukupi di ILKKM. BPL telah menerima peruntukan sebanyak RM3.09 juta bagi tahun 2013 untuk perolehan aset perubatan dan bukan perubatan bagi 33 ILKKM dibandingkan dengan RM41,228,120.88 yang perlukan. Oleh demikian, banyak keperluan alatan kritikal pengajaran dan pembelajaran perlu diabaikan. Keutamaan telah diberi dalam perolehan komputer dan alatan pembelajaran yang amat diperlukan sahaja. Walaupun bagaimanapun, usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini telah dilaksanakan seperti berikut:-</p> <p><u>Manikin/Peralatan Amali</u></p> <p>Manikin usang masih disimpan kerana ada bahagian-bahagian manikin ini yang masih boleh digunakan dalam sesi amali.</p> <p>Permohonan peruntukan pembelian <i>manikin</i> (atau bahagian <i>manikin/torso</i>) dilakukan setiap tahun, namun oleh sebab peruntukan terhad tidak semua dapat dibekalkan ke ILKKM.</p> <p>Bagi menampung kekurangan model patung manusia biasa (<i>patient care manikin</i>), kolej membeli model spesifik untuk prosedur tertentu. Contohnya, <i>Female Catheterization Simulator</i>, <i>Breast Examination Simulator</i> dan <i>Advance Skeleton with muscle</i>).</p> <p>Walaupun manikin sudah usang tetapi masih boleh diguna oleh pelatih untuk tujuan latih tubi. Mengikut amalan latihan amali, peralatan amali saperti <i>surgical scissors</i>, <i>stitch scissors</i> dan <i>tray</i> adalah mencukupi untuk menampung keperluan latihan pelatih-pelatih.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>Komputer</u></p> <p>Komputer untuk para pengajar adalah tidak mencukupi kerana 2 atau 3 pengajar berkongsi satu komputer (jumlah pengajar 19 orang)</p> <p>Komputer yang lain digunakan oleh anggota pentadbiran dan diletakkan di makmal komputer bagi kegunaan para pelatih.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, <i>Manikin</i> dewasa yang usang/rosak tetapi masih boleh digunakan, telah dibaiki. Terdapat juga bahagian-bahagian lain (contohnya kepala, tangan dan lain-lain) yang spesifik kepada subjek berkaitan masih digunakan untuk prosedur kejururawatan.</p> <p>KJ Sandakan telah membeli 17 unit komputer dan 1 komputer riba pada 16 Julai 2012 untuk mengatasi masalah kekurangan peralatan komputer.</p> <p>Pada tahun 2013, Pegawai Pengawal telah meluluskan pembelian 183 buah komputer untuk 22 kolej.</p> <p>KKM sentiasa berusaha untuk membekalkan kemudahan peralatan seperti yang diperlukan oleh kolej-kolej bagi memudahkan pelatih menjalani latihan.</p> <p>KKM juga menggalakkan pelatih menujuhkan kumpulan KIK bagi menghasilkan inovasi dalam pembelajaran. Sebagai contoh Konvensyen KIK Peringkat ILKKM yang diadakan pada 1 dan 2 Disember 2012 kumpulan pelatih yang menang telah dapat menghasilkan model jahitan luka yang boleh digunakan di kolej.</p>
14.5.5.2	<p>Aset Rosak Tidak Dilupuskan</p> <p>Tatacara pelupusan yang ditetapkan dalam PP Bil. 5 Tahun 2007 antaranya menetapkan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari surat kelulusan; pelanjutan tempoh pelupusan hendaklah di kemukakan kepada kuasa melulus dalam tempoh 2 minggu sebelum tamat tempoh pelupusan dan kelulusan baru perlu diperolehi selepas tamat tempoh pelanjutan. Pemeriksaan fizikal Audit ke empat kolej yang dilawati mendapati komputer dan <i>overhead projector</i> (OHP) bernilai</p>	<p>Proses permohonan perlupusan aset telah dibuat untuk Kolej Kejururawatan Pulau Pinang dan Kolej Kejururawatan Kubang Kerian melalui memo bil (11) dlm.KKM.BPL.300-9/1 Jld.15 bertarikh 17 April 2013 yang masih dalam tindakan Bahagian Perolehan dan Penswastaan bagi mendapat kelulusan perlupusan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM72,331 telah rosak semenjak tahun 2007 belum dilupuskan di KJ Kubang Kerian Kelantan, KJ Pulau Pinang dan KJ Melaka. Semakan lanjut Audit mendapati tiada permohonan pelupusan dibuat kecuali di KJ Kubang Kerian Kelantan pada tahun 2012. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah pegawai aset tidak melaksanakan tugas dengan berkesan dan aset yang perlu dilupuskan tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Aset (JKPAK). Aset rosak tidak dilupuskan mengakibatkan ruang menjadi sempit dan nilai aset untuk pelupusan menjadi lebih rendah (jika melibatkan jualan sisa).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Proses permohonan pelupusan aset rosak telah dibuat pada bulan November 2012 di KJ Pulau Pinang dan pada bulan September 2012 di KJ Melaka. Manakala pemeriksaan Lembaga Pelupusan telah dilakukan pada bulan Disember 2012 dan kini menunggu surat perakuan pelupusan daripada JKR Kota Bharu di KJ Kubang Kerian Kelantan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan dan alat bantuan mengajar diurus dengan memuaskan, bagaimanapun peralatan perlu disediakan dengan mencukupi dan pelupusan perlu dilaksanakan dengan segera.</p>	<p>Bagi Kolej Kejururawatan Melaka pula, BER telah selesai dikeluarkan oleh Hospital Melaka merujuk surat HM/(P)7795 Jld.28 (1) bertarikh 27 Mac 2013. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM dan sedang dalam tindakan untuk mengeluarkan Sijil PEP.</p>
14.5.6.1	<p>Kemudahan Infrastruktur Dan Prasarana - Kemudahan Komputer Disediakan Tidak Berdasarkan Peraturan</p> <p>Makmal komputer yang disediakan perlu lengkap dan sempurna bagi membolehkan Jururawat Pelatih menyiapkan tugas dengan mudah, cepat dan sempurna. Garis panduan LJM menetapkan kemudahan komputer perlu disediakan berdasarkan nisbah 1 komputer : 8 pelatih. Semakan Audit mendapati nisbah komputer dengan pelatih tidak mematuhi garis panduan; tiada makmal komputer di KJ Kubang Kerian Kelantan; hanya 4 unit komputer boleh digunakan di KJ Sandakan Sabah dan komputer yang disediakan di KJ Pulau Pinang tiada akses internet. Keadaan ini mengakibatkan garis panduan tidak dipatuhi; menjelaskan proses pembelajaran kerana pelatih terpaksa ke pusat siber bagi mendapatkan maklumat dan menyiapkan tugas yang diberikan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian akan berusaha untuk membekalkan komputer kepada KJ berdasarkan kepentingan dan keperluan. Sebanyak 7 unit komputer telah dibekalkan kepada KJ Sandakan Sabah pada bulan Ogos 2012; akses internet telah diperolehi di KJ Pulau</i></p>	<p>KKM mengambil maklum akan kemudahan komputer di empat kolej yang dilawati tidak mematuhi nisbah 1 komputer : 8 pelatih seperti yang ditetapkan dan kemudahan komputer di KJ Pulau Pinang tidak mempunyai akses internet. KKM akan berusaha untuk membekalkan komputer kepada ILKKM berdasarkan kepentingan dan keperluan.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan KJ Sandakan, Sabah telah dibekalkan tambahan 7 unit komputer pada 30 Ogos 2012. Manakala KJ Pulau Pinang pula telah mendapat akses internet pada 30 Disember 2012.</p> <p>KKM telah memperuntukkan sebanyak RM3.09 juta bagi tahun 2013 untuk perolehan aset perubatan dan bukan perubatan bagi 33 ILKKM. Satu ruang untuk makmal komputer di KJ Kubang Kerian telah dikenalpasti.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pinang pada bulan Disember 2012 dan Kementerian sedang merancang untuk membina makmal komputer di KJ Kubang Kerian pada tahun 2013.</i></p>	
14.5.6.2	<p>Gelanggang Sukan Disediakan Tidak Sempurna</p> <p>Tempat riadah yang bersesuaian dan sempurna perlu disediakan bagi membolehkan aktiviti sukan dapat dilaksanakan. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati gelanggang badminton yang disediakan di KJ Kubang Kerian Kelantan telah rosak manakala gelanggang futsal di KJ Sandakan Sabah dibina di kawasan rendah (lereng bukit) menyebabkan ia sering ditenggelami air. Adalah didapati di KJ Sandakan Sabah, berlaku pembaziran terhadap gelanggang yang disediakan kerana tidak digunakan dan pelatih telah menggunakan kemudahan sukan di lokasi lain yang agak terhad berbanding bilangan pelatih yang ramai.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Permohonan peruntukan tahun 2013 bagi menyedia dan membaikpulih kemudahan tempat riadah di kedua-dua kolej berkenaan telah dilakukan.</i></p>	<p>KKM mengambil maklum akan kemudahan tempat riadah di KJ Kubang Kerian dan KJ Sandakan bermasalah seperti dilaporkan. KKM berusaha untuk membaikpulih segera kemudahan berkenaan. Permohonan peruntukan 2013, untuk menyedia dan membaikpulih kemudahan tempat riadah di kedua-dua kolej berkenaan telah dilakukan.</p>
14.5.7	<p>Kontrak Kawalan Keselamatan</p> <p>Kontrak kawalan keselamatan di antara Jerai Security Services dengan KJ Kubang Kerian Kelantan dimeterai pada bulan Januari 2012 bagi tempoh 2 tahun dengan nilai RM309,196.80. Di antara obligasi pihak syarikat kepada Kerajaan ialah Pengawal Keselamatan perlu berumur antara 18 hingga 55 tahun dan 2 orang Pengawal bertugas 3 syif sehari. Selain itu, denda dengan cara pemotongan bayaran bulanan perlu dikenakan sekiranya Pengawal Keselamatan tidak disediakan; syarikat tidak menjalankan perkhidmatan dengan sempurna dan mengikut syarat atau terma perjanjian. Semakan Audit mendapati Kontrak Perjanjian tidak dipatuhi iaitu terdapat 2 Pengawal Keselamatan berumur melebihi 55 tahun (iaitu 57 dan 60 tahun); Pengawal bertugas 2 syif sehari (8 pagi - 8 malam; 8 malam - 8 pagi); hanya seorang Pengawal keselamatan bertugas pada setiap syif selama 24 jam sehari; bayaran maksimum perkhidmatan bulanan berjumlah RM10,117.80 tidak sama dengan nilai kontrak RM12,883.20 (RM309,196.80/24 bulan); nilai denda sepatutnya dikenakan tidak dinyatakan dalam perjanjian; kawasan perkhidmatan yang dinyatakan dalam kontrak tidak merangkumi Cawangan Kota Bahru dan tiada tindakan diambil terhadap pelanggaran kontrak perjanjian. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah pengurusan KJ tidak memberi perhatian terhadap Kontrak Perjanjian dan kontrak tidak disemak oleh Penasihat Undang-undang (PUU). Keadaan ini mengakibatkan mutu perkhidmatan terjejas kerana pengawal keselamatan bertugas melebihi 24 jam sehari dan tidak cergas kerana berumur melebihi 55 tahun; kawasan</p>	<p>KKM telah mengambil tindakan untuk menyelaraskan terma kontrak perjanjian dengan dokumen sebutharga akan dilakukan dengan nasihat PUU. Deraf pindaan butiran dan terma dalam perjanjian tambahan bagi KJ Kubang Kerian telah dikemukakan untuk semakan dan penyelarasan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang dan deraf ini masih dalam semakan PUU.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perkhidmatan kawalan keselamatan tidak jelas; denda tidak dapat dikenakan kerana kadar tidak ditetapkan dan kepentingan kerajaan terjejas disebabkan kelemahan kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, terma yang berkaitan dengan denda, kawasan perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan bulanan perlu dinyatakan dengan jelas dalam kontrak perjanjian kawalan keselamatan di KJ Kubang Kerian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Deraf pindaan butiran dan terma dalam perjanjian tambahan bagi KJ Kubang Kerian telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang Kementerian bagi tujuan semakan dan penyelarasan serta dijangka dimuktamadkan pada bulan April 2013.</i></p>	
14.5.8	<p>Maklum Balas Pengajar, Jururawat Pelatih Dan Penyelia Jururawat</p> <p>Sebanyak 496 borang soal selidik diedarkan kepada pengajar (117 borang); jururawat pelatih (202 borang) di 4 KJ yang dilawati dan penyelia jururawat (177 borang) di 6 buah hospital dan satu Pejabat Kesihatan Daerah bagi mengukur sejauh mana kepuasan pengajar, jururawat pelatih dan penyelia terhadap program latihan kejururawatan, pengurusan kolej, kemudahan prasarana, infrastruktur dan peralatan serta mutu prestasi jururawat lepasan KJ Kementerian. Sebanyak 447(90%) borang soal selidik telah dikembalikan iaitu daripada pengajar 80 borang, jururawat pelatih 202 borang dan penyelia jururawat sebanyak 165 borang telah diterima. Analisis terhadap maklum balas mendapati 49.0% pengajar berpendapat tenaga pengajar sedia ada perlu ditambah kerana tidak berpadanan dengan bilangan pelatih. Manakala penyelia jururawat berpendapat 46.7% graduan Kementerian yang ditempatkan di hospital/klinik tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian telah mengenal pasti dan akan menyusun kemudahan ICT mengikut keperluan KJ. Kementerian juga telah mendapatkan maklumat berkaitan bilangan komputer, kenderaan dan peralatan bukan perubatan yang diperlukan oleh KJ serta kemudahan tempat niadah yang perlu dibaiki. Selain itu bagi memastikan mutu graduan Kementerian adalah berkualiti, tindakan seperti aktiviti jati diri dan pemantauan pengajar terhadap pelatih di tempat latihan klinikal dipertingkatkan serta pembelian aset perubatan akan dibuat.</i></p>	<p>Berhubung dengan hanya 51% pengajar berpendapat Tenaga Pengajar adalah mencukupi, salah satu indikator <i>Quality Assurance Program</i> (QAP) yang ditetapkan adalah nisbah pengajar kepada pelatih iaitu 1:20. Pada tahun 2012, indikator ini telah mencapai 1:24 di mana ia adalah hampir kepada sasaran yang ditetapkan.</p> <p>Berhubung dengan 41% pengajar berpendapat bilik kuliah, makmal ketrampilan dan makmal komputer yang disediakan tidak mencukupi dan memuaskan, KKM telah melaksanakan kajian Kepuasan Pelanggan seramai 3192 pelatih dari semua kolej dan hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 88.2% pelatih ILKKM adalah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi dan disediakan oleh pihak ILKKM. Walau bagaimanapun, terdapat pelatih yang tidak berpuas hati terhadap kemudahan ICT di ILKKM.</p> <p>Pada tahun 2012, pengambilan Pelatih Jururawat telah dikurangkan kerana dasar Kementerian untuk mengambil Jururawat dari Institusi Latihan Swasta. Dengan pengurangan pelatih Jururawat ini, KKM akan meningkatkan pengambilan calon Kursus Penghususan/Diploma Lanjutan supaya pengajar-pengajar Jururawat dapat dioptimumkan keperluannya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pendapat dan cadangan daripada pengajar, Jururawat Pelatih dan Penyelia Jururawat bagi menjamin dan meningkatkan mutu latihan program kejururawatan.</p>	<p>Selain itu, KKM juga telah mengenalpasti kemudahan ICT di seluruh ILKKM dan akan menyusun semula kemudahan ICT mengikut keperluan ILKKM. Terdapat ILKKM yang mempunyai kemudahan ICT yang lebih dan kemudahan ini boleh dikongsi dengan ILKKM yang lain. Dalam tahun 2013, KKM akan merancang keperluan tambahan komputer di KKM dan peruntukan akan dipohon untuk membeli komputer mengikut keutamaan.</p> <p>KKM telah mengumpul keperluan-keperluan asas seperti berikut iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bilangan komputer diperlukan mengikut kolej; ii) Bilangan Kenderaan diperlukan mengikut kolej; iii) Bilangan peralatan bukan perubatan diperlukan; dan iv) Kemudahan tempat riadah yang perlu dibaiki.

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Perenggan 15 : Pengurusan Ambulans

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1.a	<p>Prestasi Pengurusan Ambulans - Prestasi Perbelanjaan</p> <p>Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM92.27 juta bagi perolehan ambulans di peringkat ibu pejabat dan dalam tempoh berkenaan, Kementerian telah membelanjakan keseluruhan peruntukan tersebut.</p>	<p>KKM bersetuju dengan keperluan data khusus mengenai jumlah peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi penyenggaraan ambulans supaya keperluan sebenar penyenggaraan ambulans dapat ditentukan dan tidak menjelaskan perkhidmatan ambulans.</p>
15.5.1.1.b	<p>Kementerian juga menganggarkan telah menggunakan sejumlah RM64.17 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk penyenggaraan ambulans di semua hospital KKM yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai data khusus mengenai jumlah peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi penyenggaraan ambulans sahaja kerana peruntukan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat adalah untuk semua perkhidmatan penyenggaraan hospital yang diswastakan di bawah syarikat konsesi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak KKM memutuskan supaya Central Management Information System (CMIS) dipertingkatkan dengan menambah baik beberapa modul termasuk Modul Kewangan. Modul Kewangan ini akan memperincikan peruntukan dan pembayaran secara real time seperti pembayaran penyenggaraan ambulans.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya menyelenggara rekod perbelanjaan penyenggaraan ambulans dengan lebih teratur supaya keperluan sebenar peruntukan penyenggaraan ambulans dapat ditentukan dan tidak menjelaskan perkhidmatan ambulans.</p>	<p>Pada masa sekarang, pelaksanaan pembayaran yuran penyelenggaraan untuk kenderaan di Hospital dan Institusi di bawah Penswastaan Khidmat Sokongan Hospital adalah tidak dipecahkan mengikut jenis kenderaan. Pembayaran yuran penyelenggaraan kenderaan adalah mengikut kadar seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) <i>During warranty</i> : 1.5% p.a daripada harga belian b) <i>Post warranty</i> : 11% p.a daripada harga belian <p>Contoh:-</p> <p>Hospital A mempunyai lima buah kenderaan yang mana terdiri daripada tiga buah kenderaan biasa dan dua buah kenderaan ambulans. Maka pengiraan yuran penyelanggaraan bagi lima buah kenderaan tersebut adalah:-</p> <p>Kenderaan 1 : Harga Belian RM50,000 Yuran Penyelanggaraan setahun = $RM50,000 \times 11\% = RM5,500$</p> <p>Kenderaan 2 : Harga Belian RM60,000 Yuran Penyelanggaraan setahun = $RM60,000 \times 11\% = RM6,600$</p> <p>Kenderaan 3 : Harga Belian RM80,000</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Yuran Penyelanggaraan setahun = $RM80,000 \times 11\% = RM8,800$</p> <p>Kenderaan 4 : Harga Belian RM300,000 Yuran Penyelanggaraan setahun = $RM300,000 \times 11\% = RM33,000$</p> <p>Kenderaan 5: Harga Belian RM250,000 Yuran Penyelanggaraan setahun = $RM250,000 \times 11\% = RM27,500$</p> <p>Maka jumlah yuran penyelenggaraan setahun untuk lima buah kenderaan tersebut adalah:- $= RM5,500 + RM6,600 + RM8,800 + RM33,000 + RM27,500 = RM81,400.$</p> <p>KKM telah memutuskan supaya Sistem <i>Central Management Information System</i> (CMIS) dipertingkatkan dengan menambahbaik beberapa Modul termasuk Modul Kewangan. Modul Kewangan ini akan memperincikan peruntukan dan pembayaran secara <i>real time</i> seperti pembayaran penyenggaraan ambulans yang membolehkan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan Syarikat Konsesi mendapat akses ke atas modul berkenaan. Jemaah Menteri juga meluluskan kos tambahan yang terlibat turut diambilkira dalam Perjanjian Konsesi ini.</p> <p>Perjanjian Konsesi Khidmat Sokongan Hospital kini dalam perbincangan dan ulasan di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM dan keperluan terhadap modul-modul berkaitan kewangan di dalam <i>Central Management Information System</i> (CMIS) akan ditambahbaik berdasarkan kepada teguran audit terdahulu.</p>
15.5.1.2.a	<p>KPI Dan Dispatch Time</p> <p>Ketua Pengarah Kesihatan pada 5 Julai 2011 telah menetapkan 171 <i>Performance Indicator</i>. <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) bagi Program Perubatan termasuk KPI bagi <i>dispatch</i> atau ambulans bergerak keluar dari hospital adalah kurang 5 minit dari masa panggilan kecemasan diterima. KPI tersebut dipantau di peringkat hospital dan JKN melalui penggunaan Borang Panggilan Kecemasan (BPK). Laporan Prestasi KPI berkenaan bagi 3 hospital iaitu HUS, HSM dan HSNZ masing-masing bagi bulan dipilih ialah 93%, 100% dan 91.5%. Bagi memastikan ketepatan</p>	<p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Pihak HUS mengambil maklum bahawa ada Borang Dispatch Kecemasan yang tidak lengkap diisi sebagaimana yang telah dilaporkan. Borang tersebut sepatutnya diisi oleh tiga individu yang berbeza iaitu:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>laporan tersebut, semakan terhadap BPK telah dibuat. Di HUS, daripada 276 BPK didapati 53 yang digunakan tidak lengkap, manakala di HSM daripada 163 BPK hanya 9 dikemukakan untuk penganuditan dan didapati 1 daripadanya tidak lengkap. Di HSNZ pula, daripada 164 BPK hanya 19 dikemukakan untuk semakan dan mendapati 2 daripadanya mencatatkan masa lebih daripada 5 minit dan 3 tidak lengkap. Berdasarkan analisis yang dibuat mendapati pencapaian KPI bagi HUS, HSM dan HSNZ masing-masing adalah 80.8%, 89% dan 73.7%.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. "Call Taker" ii. "Dispatcher" iii. "Responder" <p>Pada masa sekarang hanya seorang sahaja anggota yang bertugas dalam setiap syif di Pusat Panggilan. Beliau memainkan peranan sebagai "Call Taker" dan juga "Dispatcher". Manakala peranan 'Responder' adalah tugas anggota-anggota daripada zon lain yang telah ditetapkan.</p> <p><u>Hospital Seri Manjung</u></p> <p>Hasil semakan ke atas Borang Dispatch Kecemasan seperti mana yang dibangkitkan oleh pihak audit mendapati pembantu perubatan yang bertugas pada waktu itu terlepas pandang untuk mencatat waktu keluar ambulans di dalam borang. Namun masa keluar ambulans memang dicatat di dalam buku log ambulans oleh pemandu.</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Pasukan <i>primary response</i> untuk panggilan ambulans adalah menggunakan kakitangan yang sama dalam syif tersebut. Siasatan mendapati pada masa tersebut, kikitangan yang terbabit telah keluar untuk <i>primary response</i> yang pertama, manakala kakitangan untuk <i>primary response</i> yang kedua pula sedang merawat pesakit yang kritikal.</p> <p>Hasil semakan juga mendapati sebanyak tiga borang yang tidak dicatatkan tarikh transaksi panggilan kecemasan 999 kerana kurangnya pematuhan anggota terhadap arahan yang diberi. Untuk makluman, HSNZ menggunakan borang panggilan kecemasan 999 yang diarahkan oleh KKM.</p> <p>Tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh hospital-hospital yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Bagi memastikan borang kes panggilan kecemasan direkodkan dengan lengkap, surat telah dikeluarkan supaya semua anggota yang berkenaan melengkapkan borang Dispatch Kecemasan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>melalui memo dalaman jabatan Bil. HUS/JKT/102D/G4(3) bertarikh 3 Ogos 2012. Memo dalaman ini telah dipamerkan di semua bahagian yang berkenaan.</p> <p>Pihak hospital juga telah mengadakan penerangan dan mesyuarat pada 8 Ogos 2012, dan yang terkini, pihak kami telah mempamerkan salinan laporan ini (mukasurat 19) di bilik Pusat Panggilan sebagai makluman serta peringatan kepada anggota.</p> <p>Mulai tahun 2013, selaras dengan penambahaikan Sistem MERS 999, bahagian ini akan menempatkan sekurang-kurang 2 orang di Call Center (MECC) yang mana selama ini hanya dilakukan oleh satu orang. Borang Dispatch pula telah dibuat penambahaikan dan akan diisi secara on-line.</p> <p>Peringatan kepada pegawai yang terlibat telah dibuat melalui Memo Dalaman Bil. HUS/JKT/102D/G4(3) bertarikh 3 Ogos 2012 dan Memo Dalaman Bil. HUS/SPAM/100-1/5 bertarikh 14 Januari 2013. Borang Despatch Kecemasan juga telah dibuat penambahaikan.</p> <p><u>Hospital Seri Manjung</u></p> <p>Peringatan berterusan kepada semua staf khususnya pegawai perubatan yang mengambil panggilan kecemasan dibuat oleh Ketua Jabatan Kecemasan dan penyelia. Masa keluar ambulans, tiba di lokasi dan balik semula ke hospital telah dicatatkan sepenuhnya dalam borang yang baru.</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Pihak HSNZ telah mengeluarkan memo kepada Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma HSNZ 17 Januari 2013 agar memastikan anggota akan mengisi Borang Panggilan Kecemasan dengan lengkap. Pihak HSNZ juga akan memberikan latihan dan peringatan secara berkala serta meningkatkan penyelian terhadap anggota.</p> <p>Selain itu, pihak HSNZ juga telah menempatkan <i>dedicated primary response team</i> untuk panggilan ambulans.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.2.b	<p><i>Dispatch time</i>, bermula dari panggilan diterima hingga ambulans sampai di lokasi kemalangan/kejadian adalah penting kerana ia akan menjadi pengukur kepada keberkesanan perkhidmatan ambulans terutama dalam mengendalikan kes kecemasan. Sehubungan itu, perenggan 1.4 Appendix 13 kepada <i>Emergency Medicine And Trauma Services - Services Policy</i> telah menetapkan ambulans sepatutnya sampai ke lokasi dalam tempoh 15 hingga 30 minit bagi lingkungan 5 kilometer selepas panggilan kecemasan diterima. Bagaimanapun tempoh ini tidak dipantau kerana tiada KPI ditetapkan. Di HSNZ 11 daripada 18 BPK (61.1%) pada bulan Jun 2012 yang diperiksa didapati mempunyai <i>dispatch time</i> kurang daripada 15 minit. Manakala baki 7 BPK (38.9%) lagi melebihi 15 minit. Bagi HUS pula sebanyak 22 daripada 55 BPK (40%) pada bulan Mac 2012 yang disemak mempunyai <i>dispatch time</i> kurang daripada 15 minit dan baki 33 kes (60%) melebihi 15 minit. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan <i>dispatch time</i> kerana maklumat mengenai jarak perjalanan tidak direkodkan dalam BPK berkenaan. Semakan lanjut terhadap 14 BPK bagi bulan Mei 2012 di HSM mendapati tiada ruangan masa ambulans sampai di lokasi dan jarak dinyatakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Borang Panggilan Kecemasan tidak diisi dengan lengkap kerana kekurangan pegawai yang di tempatkan di Pusat Panggilan. Bagaimanapun, memo peringatan kepada semua pegawai yang terlibat telah dikeluarkan bagi memastikan borang tersebut diisi dengan lengkap pada masa akan datang. Selain itu, antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan dispatch time melebihi 30 minit adalah kesibukan kenderaan dalam kawasan bandar di waktu puncak dan klinik berdekatan tidak dapat memberi respons kerana mengendalikan kes kecemasan lain. Pihak KKM juga akan menambah bilangan pegawai bertugas di Pusat Panggilan dan membuat penambahbaikan terhadap borang yang digunakan dengan mengambil kira masa serta anggaran jarak ke lokasi dengan menggunakan borang yang seragam untuk digunakan di seluruh negara.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh masa <i>dispatch</i> bergerak keluar dari hospital tidak melebihi 5 minit sebagai pengukur prestasi perkhidmatan ambulans perlu dibuktikan dengan maklumat yang tepat dan lengkap. KPI yang ditetapkan adalah tidak memadai kerana pengukuran prestasi sebenar perkhidmatan ambulans perlu mengambil kira tempoh masa yang diambil oleh sesebuah ambulans untuk sampai ke lokasi.</p>	<p><i>Response time</i> yang dinyatakan oleh pihak audit adalah sebenarnya <i>scramble time</i> atau <i>dispatch time</i>. Ianya digunakan untuk mengukur tahap kesediaan pasukan pra hospital bila menerima panggilan kecemasan untuk bergerak ke tempat kejadian. Pengisian borang ini dilakukan secara manual. Namun begitu dengan adanya sistem MERS999 di Selangor, Hospital Kuala Lumpur serta negeri-negeri lain seperti Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak masa ini akan dicatitkan menggunakan sistem berkomputer iaitu CAD (<i>Computer Aided Dispatch</i>). Di dalam sistem ini juga membolehkan KKM untuk mengukur <i>response time</i>.</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Tempoh masa respon hingga ambulans tiba di lokasi adalah dalam tempoh 15 hingga 30 minit bagi lingkungan lima kilometer mengikut EMTS Policy 2012 perenggan 1.4 Appendix 13.</p> <p>Siasatan mendapati beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan masa respon ambulans lebih daripada 30 minit adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jarak yang lebih 5 km radius; ii. Kesibukan dalam kawasan perbandaran di waktu puncak; dan iii. Pasukan dari Klinik Kesihatan yang terdekat tidak dapat memberikan respon kerana terdapat kecemasan lain. Ini menyebabkan pasukan HSNZ yang akan mengambil respon tersebut dan penyelarasannya akan memakan masa. <p>Berkaitan penemuan audit yang mendapati terdapat satu kes yang melebihi 60 minit ini merupakan kes terpencil. Ini adalah kerana siasatan mendapati kes tersebut bukan primary response dan merupakan kes transfer dari Pulau Redang (hanya kes primary response yang dimasukkan ke dalam data).</p> <p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Pihak HUS mengambil maklum bahawa dalam format Borang <i>Dispatch Kecemasan</i> sedia ada memang tiada ruang bagi mencatatkan perbatuan (<i>mileage</i>) perjalanan ambulans.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Bagaimanapun dalam borang tersebut ada disediakan petak untuk mencatatkan masa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menerima panggilan; ii. bertolak daripada lokasi; iii. tiba di lokasi; dan iv. tiba semula di stesen. <p>Pihak HUS juga mencatatkan alamat lokasi kejadian sebagai bukti anggaran jarak daripada stesen.</p> <p>Untuk makluman, KKM telah mewujudkan dan mengedarkan borang seragam untuk perkhidmatan pra hospital ini ke seluruh negara sejak 2007 dan telah diedarkan kepada semua hospital dan klinik. KKM juga telah membuat penambahbaikan ke atas borang ini dan telah diedarkan sekali lagi kepada semua hospital dan klinik di KKM.</p> <p>Selain itu, tindakan-tindakan penambahbaikan turut dilaksanakan di peringkat hospital iaitu:-</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Menambahkan anggaran jarak ke lokasi yang diambil tindakan (respon) pada borang panggilan kecemasan 999.</p> <p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Pihak HUS telah mengubahsuai format borang yang sedia ada iaitu termasuk mewajibkan anggota untuk mencatatkan masa dan perbatuan (<i>mileage</i>) perjalanan ambulans:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. semasa bertolak daripada stesen; ii. semasa tiba di lokasi; panggilan/kejadian; iii. semasa bertolak daripada lokasi ; iv. semasa tiba di hospital; v. semasa bertolak dari hospital (bagi pasukan ambulans dari stesen lain) dan, vi. semasa tiba semula di stesen. <p>Semua penambahbaikan akan diselaraskan dengan borang yang telah disediakan secara digital pada system MERS 999.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Bagi memantapkan lagi mutu perkhidmatan, pihak HUS telah menghantar seramai tujuh (7) orang anggota menjalani latihan sebagai “Call Taker” dan “Dispatcher” bertempat di Pusat Latihan Telekom, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur pada 19 hingga 31 November 2012 yang lepas.</p> <p><u>Hospital Seri Manjung</u></p> <p>Telah mengimplimtasi borang baru dengan ada catatan masa sampai di lokasi sebaik sahaja selepas teguran audit.</p>
15.5.2.1.a	<p>Pengurusan Perolehan Dan Penyewaan Ambulans - Perolehan Secara Sebut Harga</p> <p>PKD Kuala Terengganu dan PKD Klang masing-masing telah membuat perolehan satu unit ambulans dengan harga RM0.23 juta dan RM0.19 juta melalui sebut harga. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan kontrak formal diwujudkan bagi perolehan tersebut. Manakala di PKD Klang, 2 orang pegawai telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga. Namun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pegawai tersebut menganggotai Jawatankuasa Penilaian Teknikal atau Jawatankuasa Penilaian Harga kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan.</p>	<p><u>PKD Kuala Terengganu</u></p> <p>Hasil semakan KKM mendapati, PKD Kuala Terengganu tidak menyediakan kontrak formal sebagaimana syarat-syarat yang telah dinyatakan di dalam AP 176.1(c). Pihak PKD hanya menyediakan surat setuju terima kepada pembekal yang berjaya bertarikh 15 Oktober 2010. Untuk makluman, PKD pada waktunya, buat pertama kalinya telah menerima waran pembelian ambulans yang mana sebelum ini perolehan ambulans telah dibuat secara berpusat</p> <p>Manakala itu, Jawatankuasa Penilaian Harga Sebutharga PKD sebenarnya telah dibuat perlantikan oleh pihak Jabatan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pn. Rosida binti Hashim @ Abdullah; ii. En. M.Husin bin Ab.Ghani; dan iii. En. Hazaili bin Ismail <p>Selain itu, Jawatankuasa Penilaian Teknikal juga telah dilantik oleh Jabatan bertarikh 22 Oktober 2010. Ahli-ahli jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dr. Mohd Lotfi bin Hamzah Ketua Jabatan Kecemasan & Trauma Hospital Sultanah Nur Zahirah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>ii. Dr.Rohaiza binti Kadir Pakar Perubatan Keluarga Gred UD54 KK Batu Rakit</p> <p>iii. En. Mohd Shahrin bin Abu Bakar Penolong Pegawai Perubatan KK Batu Rakit</p> <p>Semakan juga telah dibuat ke atas dokumen tawaran/pelawaan sebutharga tersebut dan didapati PKD telah membuat tawaran/pelawaan kepada 7 syarikat seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Global Komited Sdn.Bhd ii. BIO ONE Sdn.Bhd iii. Imarah Auto Sdn.Bhd iv. Mega Trade sdn.Bhd v. Material Resources Sdn.Bhd vi. Toltrade Sdn.Bhd vii. Abnaa-Al-Abduly Sdn.Bhd <p>Hasil semakan juga mendapati terdapat 5 pembekal telah menyertai sebutharga tersebut dan Kertas taklimat bagi sebutharga berkenaan juga telah disediakan.</p> <p>Edaran sebutharga tersebut telah diselenggara berdasarkan buku <i>despatch</i> dan daftar sebutharga. Manakala itu, nombor siri pengawalan borang sebutharga dibuat berdasarkan kepada nombor rujukan surat.</p> <p><u>PKD Klang</u></p> <p>Hasil semakan KKM mendapati, kontrak di PKD Klang hanya menggunakan Pesanan Tempatan, Surat Setuju Terima dan Lampiran Q yang dianggap sebagai sebahagian daripada kontrak. Jawatankuasa Penilaian Sebutharga telah dilantik tetapi surat pelantikan tidak difailkan di dalam fail sebutharga tersebut.</p> <p>Hasil semakan juga mendapati, pelawaan telah dibuat kepada lebih dari 5 pembekal/penender dan telah direkodkan dan diberi nombor siri pengawalan di buku daftar sebutharga.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ-PTJ yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <p><u>PKD Kuala Terengganu</u></p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, JKN Terengganu telah menganjurkan Bengkel Perolehan Kerajaan kepada semua PTJ di bawah mereka pada bulan 26 hingga 28 Februari 2013 di Sanctuary Resort, Cherating.</p> <p>Selain itu, di masa hadapan KKM akan memastikan semua PTJ di bawah mereka untuk melantik pegawai penghubung yang dapat memberi dokumen serta maklumbalas yang tepat semasa sesi pgauditan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Audit Negara</p> <p><u>PKD Klang</u></p> <p>Pada masa hadapan, kontrak formal akan dirangka bagi tujuan perolehan dengan merujuk kepada Pejabat Undang-Undang, KKM terlebih dahulu. Setiap dokumen berkaitan sebutharga bagi bekalan/perkhidmatan/kerja akan disatukan dan difaiklan di dalam fail sebutharga berkenaan.</p>
15.5.2.1.b	<p>PKD Hulu Langat pula telah membuat perolehan satu unit ambulans bernilai RM0.20 juta secara pembelian terus. Semakan lanjut mendapati sehingga tarikh pengauditan, tiada bukti kontrak formal diwujudkan bagi perolehan tersebut. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan bahawa perolehan tersebut dibuat berdasarkan SPP Bil. 1 Tahun 2008 yang menetapkan pembelian kenderaan sehingga RM0.20 juta setahun adalah dibenarkan secara rundingan terus bagi empat jenis kenderaan iaitu jenis <i>saloon</i>; kenderaan jenis pacuan empat roda (4WD)/SUV; kenderaan jenis <i>utility</i> seperti <i>MPV</i>, van, <i>pick-up</i>; lori/trak dan bas/<i>coaster</i> 25 orang penumpang. Bagaimanapun, kenderaan ambulans tidak termasuk dalam jenis kenderaan yang disenaraikan dalam pekeliling tersebut. Ini disebabkan ambulans mempunyai spesifikasi dan fungsi yang berbeza. Sehubungan itu, perolehan ambulans melalui pembelian terus adalah tidak wajar dan bertentangan dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu mewujudkan kontrak formal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dijaga. Pihak Kementerian juga perlu mematuhi peraturan kewangan mengenai tatacara pengurusan perolehan yang sebenar.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p>	<p>Untuk makluman, PKD Hulu Langat pada waktu itu buat pertama kalinya telah menerima waran pembelian ambulans yang mana sebelum ini perolehan ambulans dibuat secara berpusat.</p> <p>Oleh yang demikian, pihak PKD telah membuat perolehan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2008 kerana;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ambulans tersebut dikategori sejenis van (Toyota Hiace); ii. Harga kenderaan tidak melebihi RM200, 000.00; dan iii. Kenderaan dan aksesori dipasang di dalam Negara. <p>Pihak PKD merasakan pekeliling tersebut boleh digunakan kerana berkaitan dengan perolehan kenderaan memandangkan pada masa kini tiada pekeliling khas berkaitan dengan tatacara perolehan ambulans.</p> <p>KKM bersama-sama JKN Selangor akan menganjurkan Bengkel</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kontrak formal akan dirangka bagi tujuan perolehan dengan merujuk kepada Pejabat Undang-undang KKM terlebih dahulu. KKM bersama-sama JKN akan menganjurkan Bengkel Perolehan Kerajaan kepada semua PTJ di bawah seliaan mereka bagi memastikan perkara yang dibangkitkan tidak berulang.</p>	<p>Perolehan Kerajaan kepada semua PTJ di bawah mereka bagi memastikan perkara ini tidak berulang di masa hadapan.</p>
15.5.2.2	<p>Pelantikan Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Teknikal</p> <p>Penentuan spesifikasi teknikal bagi kenderaan ambulans jenis A dan B telah disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penentuan (Spesifikasi) Teknikal yang ditubuhkan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM. Jawatankuasa ini telah menetapkan ambulans jenis A digunakan untuk perkhidmatan <i>Interfacility Transfer</i> dan <i>Medical Standby</i> manakala jenis B pula digunakan untuk perkhidmatan panggilan kecemasan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi ambulans tidak dilantik secara bertulis dan tiada bukti wujudnya terma rujukan bagi menerangkan fungsi dan peranan jawatankuasa terbabit.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Surat lantikan secara bertulis akan dibuat untuk proses penyediaan spesifikasi kenderaan ambulans yang baru atau semakan terhadap spesifikasi akan dibuat.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu mempercepatkan pelantikan dan menyediakan terma rujukan bagi Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Teknikal untuk memantau setiap perolehan ambulans yang dibuat oleh pihak Kementerian agar mematuhi piawaian yang ditetapkan.</p>	<p>Pelantikan Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi untuk penyediaan spesifikasi teknikal untuk kontrak tersebut sememangnya tidak dibuat secara bertulis.</p> <p>Walau bagaimanapun, spesifikasi teknikal untuk kontrak KKM-10/2006(RT) telah dibincang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal pada 2 November 2006.</p> <p>Untuk kontrak KKM-78/2010(RT), KKM telah diminta untuk menggunakan spesifikasi teknikal dan kos yang sama oleh Kementerian Kewangan. Oleh itu, tiada sebarang pindaan/semakan dibuat pada spesifikasi teknikal yang asal yang dipersetujui pada tahun 2006.</p> <p>Spesifikasi yang digunakan untuk dua kontrak di atas adalah berbeza kerana perbandingan telah dibuat dengan spesifikasi teknikal baru yang telah disemak semula untuk penambahbaikan pada tahun 2009.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi semua perolehan secara tender atau sebutharga di peringkat KKM selepas Oktober 2009, spesifikasi teknikal yang baru ini telah digunakan sehingga ke hari ini.</p> <p>Bagi setiap perolehan, pemantauan pematuhan kepada spesifikasi teknikal telah dibuat oleh Jawatankuasa Spesifikasi melalui pemeriksaan <i>prototype</i>, pemeriksaaan sebelum penghantaran bagi setiap unit dan pemeriksaan bagi setiap unit pada tarikh penyerahan.</p> <p>Spesifikasi ambulans AB adalah hasil dari beberapa siri mesyuarat antara pembekal dan KKM dan mesyuarat dalam KKM setelah cadangan asal oleh pembekal untuk ambulans Type A adalah terlalu mahal. Terdapat beberapa perubahan spesifikasi telah dibuat bagi membolehkan arahan rundingan terus</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dilaksanakan.</p> <p>Surat lantikan secara bertulis akan dibuat untuk proses penyediaan spesifikasi kenderaan ambulans yang baru atau semakan kepada spesifikasi sedia ada akan dibuat.</p> <p>Pembekal kenderaan secara rundingan terus perlu mematuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan.</p>
15.5.2.3	<p>Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan Tidak Dipatuhi</p> <p>Semakan Audit terhadap 14 bon pelaksanaan mendapati 4 daripadanya mempunyai tempoh sah laku kurang dari 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>KKM telah memaklumkan tempoh sah laku bon pelaksanaan (BG) hendaklah meliputi sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak di dalam semua SST yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan. Bagaimanapun, KKM akan memastikan kesilapan tempoh sah laku bon pelaksanaan tidak berulang di masa hadapan.</i></p>	<p>KKM telahpun memaklumkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan (BG) hendaklah meliputi sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak di dalam semua Surat Setuju Terima yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan.</p> <p>Ini adalah untuk memastikan bahawa syarikat maklum tentang keperluan tempoh BG yang lebih panjang daripada tempoh kontrak.</p>
15.5.2.4.a	<p>Penyeawaan Bot Ambulans</p> <p>Surat Setuju Lantik untuk perkhidmatan bot laju bagi KK Pulau Ketam telah diperbaharui oleh PKD Klang pada 31 Oktober 2011 kepada Syarikat Pulau Ketam Speedboat Services. Manakala surat perjanjian antara Syarikat Pan Silver Ferry Sdn. Bhd. dengan PKD Manjung telah diperbaharui pada 1 Oktober 2011. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 pihak PKD Manjung dan PKD Klang telah membayar masing-masing sebanyak RM1.05 juta dan RM0.16 juta seperti di jadual. Bagaimanapun, perjanjian penyeawaan bot bagi PKD Manjung dan PKD Klang didapati tidak sempurna kerana perjanjian tersebut tidak mengandungi klausa mengenai denda; insurans; bon pelaksanaan; tempoh perjanjian; kaedah bayaran dan penamatan kontrak.</p>	<p><u>PKD Klang</u></p> <p>Perolehan sebelum surat setuju lantik pada 31 Oktober 2011 telah dibuat secara '<i>case-to-case basis</i>'. Hanya apabila perkhidmatan diperlukan sahaja perolehan perkhidmatan tersebut akan dibuat. Rentetan dari penggunaan yang kerap dan untuk memudahkan pengguna menggunakan perkhidmatan ini maka PKD Klang telah mengeluarkan surat setuju lantik kepada syarikat tersebut. Pelantikan adalah berdasarkan kepada panggilan perkhidmatan 24 jam dan kes kecemasan dengan kadar perkhidmatan tetap mengikut perjalanan. Syarikat yang dipilih mempunyai lesen bot yang masih sah dengan Jabatan Laut. PKD tidak dapat mencari sebutharga dari syarikat yang lain kerana tiada syarikat yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>PKD Manjung</u></p> <p>Perjanjian antara syarikat dan Pejabat Kesihatan Manjung ada dibuat tetapi tidak dibuat secara formal. Perkara ini diakui ini kerana pengurusan bot ambulans merupakan perkara baru bagi pihak PKD di samping kakitangan yang kurang berpengetahuan dan mahir untuk menguruskan perkara ini.</p> <p>Tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ-PTJ yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <p><u>PKD Klang</u></p> <p>PKD Klang sedang membuat perolehan penyewaan bot ambulans secara sebutharga yang mana proses sebutharga masih berjalan. Bagi pelantikan kontraktor untuk penyewaan bot ambulans ini, satu kontrak formal akan diwujudkan melalui nasihat dan perbincangan dengan PUU.</p> <p><u>PKD Manjung</u></p> <p>Draf perjanjian penyewaan bot ambulans sedang disediakan untuk dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang. Satu perbincangan bersama Pejabat PUU KKM telah diadakan pada 28.2.2013. Dalam perbincangan berkenaan, pihak PUU telah mencadangkan supaya PKD Manjung menyatakan spesifikasi kerja di dalam draf perjanjian. Pihak PUU pula akan membantu dari segi penyediaan terma-terma kontrak. PKD Manjung masih dalam tindakan untuk menyediakan draf perjanjian penyewaan bot ambulans berkenaan.</p>
15.5.2.4.b	<p>Surat Perjanjian Penyewaan juga menetapkan PKD Manjung dikenakan bayaran sebanyak RM1,500 bagi sewa khas bulanan, RM360 setiap satu trip kes kecemasan (charted) dan tambang bagi seorang pesakit/pegawai kesihatan pergi dan balik dari Pulau Pangkor adalah RM6 (non charted). Manakala tambang bagi seorang pegawai kesihatan yang menjalankan tugas di KK Pulau Pangkor pergi dan balik dari Lumut adalah RM10. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:-</p> <p>i. Pihak PKD Manjung telah mengeluarkan borang khas penggunaan bot ambulans kepada syarikat yang dilantik sebagai tiket kepada pegawai yang bertugas ke Pulau Pangkor dan setiap pengeluaran borang akan direkodkan dalam Daftar Pengeluaran Borang. Manakala KK Pulau Pangkor pula telah</p>	<p>Untuk makluman, perbezaan bilangan pegawai yang dicatatkan di borang dan Daftar Pengeluaran Borang adalah disebabkan pegawai yang menambah atau mengurangkan bilangan pengguna bot tidak memaklumkan kepada pejabat terlebih dahulu</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengeluarkan borang khas lain bagi kegunaan pegawai/pengiring dan pesakitnya untuk ke Lumut. Semakan terhadap 3 baucar bayaran di PKD Manjung mendapati, bilangan pegawai pada borang adalah berbeza dengan bilangan pegawai yang direkodkan pada Daftar Pengeluaran Borang penggunaan bot. Selain itu, daftar berkenaan juga tidak lengkap kerana tiada maklumat mengenai bilangan pegawai. Semakan Audit terhadap Daftar Pengeluaran Borang penggunaan bot di KK Pulau Pangkor mendapati sebanyak 42 borang yang dikeluarkan tidak dicatatkan dengan lengkap pada daftar berkenaan di mana ruangan <i>Charted</i> dan <i>Non Charted</i> tidak diisi dengan sempurna. Pihak Audit juga mendapati terdapat 5 nombor siri borang iaitu 551 hingga 555 telah digunakan sebanyak 2 kali;</p> <p>ii. Pihak PKD Kuala Terengganu pada tahun 2007 telah membuat perolehan sebuah bot bernilai RM0.19 juta untuk tujuan kes kecemasan di Pulau Redang. Semakan Audit mendapati, buku log penggunaan bot tidak diselenggara daripada bulan Oktober 2007 hingga Januari 2011 dan bulan November 2011 sehingga Disember 2012. Selain itu, semakan Audit terhadap Kew.PA-9 dan Kew.PA-14 mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM12,129 kos penyenggaraan telah dibayar. Bagaimanapun tempoh masa yang diambil bagi meluluskan permohonan kerosakan adalah tidak munasabah iaitu di antara 380 hingga 941 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan pengurusan penyewaan bot dibuat dengan teratur. Pihak Kementerian juga hendaklah mewujudkan perjanjian yang lebih menyeluruh untuk penyewaan bot bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Draf perjanjian penyewaan bot ambulans sedang disediakan oleh PKD Manjung untuk dikemukakan kepada PUU. Satu perbincangan dengan PUU telah diadakan pada 28 Februari 2013 dan PUU mencadangkan agar PKD menyatakan spesifikasi kerja dalam draf perjanjian dengan PUU dalam penyediaan terma kontrak. Perbezaan bilangan pengguna di borang dan Daftar Pengeluaran Borang kerana pegawai yang menggunakan perkhidmatan bot tidak memaklumkan pihak pengurusan mengenai perubahan bilangan pengguna. Kesilapan penggunaan nombor siri berulang disebabkan pegawai yang bertanggungjawab keliru dengan nombor siri yang sedia ada. Bagi mengelakkan perkara tersebut berulang, pada 19</i></p>	<p>untuk dibuat pindaan pada buku daftar waran.</p> <p>Hasil semakan KKM juga mendapati terdapat nombor siri yang berulang disebabkan pegawai yang merekod buku daftar keliru dengan nombor siri yang ada.</p> <p>KKM melalui PKD berkenaan telah mengambil tindakan mulai 19 September 2012 dengan mencetak waran yang ditempat melalui syarikat percetakan seperti yang diarahkan oleh pihak Audit. Waran yang dicetak juga mempunyai tiga salinan iaitu salinan Syarikat Pan Silver, salinan audit dan salinan pejabat. Bagi memastikan waran ini dikawal, rekod pengeluaran waran direkodkan pada Kew. 67.</p> <p>Untuk makluman, pihak pengurusan PKD Kuala Terengganu menerima aduan kerosakan bot melalui telefon daripada Klinik Desa Pulau Redang. Oleh itu, Borang Penyelenggaraan Aduan Kerosakan Aset Alih Kerajaan, Kew.PA-9 tidak diselenggarakan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Daftar Penyelenggaraan Harta Modal, Kew.PA-14 juga tidak diselenggarakan.</p> <p>Selepas mendapat teguran audit, pihak pengurusan PKD Kuala Terengganu telah membetulkan semula rekod dengan mengemaskini semula Kew.PA-9 dan Kew.PA-14 mulai 2010 sehingga 2012 mengikut tahun semasa iaitu tahun 2013 seperti yang telah dikemukakan kepada pihak audit. Justeru itu, tarikh yang dicatatkan pada Kew.PA-9 dan Kew.PA-14 tersebut adalah tarikh setelah pengemaskinian dibuat.</p> <p>Walau bagaimanapun, kos penyelenggaraan sebanyak RM12,129 yang telah dibayar adalah mengikut prosedur kewangan yang betul di mana permohonan Pesanan Tempatan dipohon menggunakan Borang Permohonan Pembelian pada masa tersebut walaupun tidak menggunakan Kew.PA-9. Kelulusan untuk membuat penyelenggaraan telah diberi oleh Pegawai Kesihatan Daerah di Borang Permohonan Pembelian bagi Pesanan Tempatan pada waktu itu.</p> <p>PKD Kuala Terengganu telah menyelenggara serta mengemaskini Kew.PA-9 dan Kew.PA-14 selaras dengan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>September 2012 PKD telah mencetak borang/waran perjalanan feri bernombor siri dan pengeluarannya direkodkan pada Kew.67. PKD Kuala Terengganu telah menyelenggara serta mengemaskini Kew.PA-9 dan Kew.PA-14 setelah mendapat teguran daripada pihak Audit kerana dokumen berkenaan tidak diselenggara sebelum ini.</p>	Pekeling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 setelah mendapat teguran daripada pihak Audit.
15.5.3.1	<p>Pengurusan Kontrak - Kontrak Lewat Ditandatangani</p> <p>SPP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Semakan Audit mendapati 6 daripada 10 kontrak perolehan ambulans lewat ditandatangani antara 21 hingga 157 hari iaitu 4 bulan selepas SST dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Bagi kontrak KKM-78/2010(RT), surat peringatan kepada syarikat dikemukakan pada 2 Ogos 2011 dan 26 Ogos 2011. Pada 10 Oktober 2011, KKM telah meminta syarikat berkenaan untuk memulangkan dokumen kontrak dan syarikat terabit hanya mengemukakan dokumen tersebut pada 2 November 2011 namun hasil semakan terdapat kesilapan dan dipulangkan semula kepada syarikat. Pihak syarikat hanya mengemukakan dokumen kontrak yang lengkap dan teratur pada 20 Disember 2011. Bagaimanapun, pada masa hadapan KKM akan memastikan dokumen perjanjian ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu mempercepatkan proses menandatangani kontrak bagi memastikan syarat dan spesifikasi ditetapkan dapat dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (i) Bagi kontrak no.: KKM-78/2010(RT), SST telah dikeluarkan kepada AVP Engineering (M) Sdn. Bhd. pada 11 April 2011. KKM telah mengemukakan dokumen kontrak yang telah disemak oleh Pejabat Undang-Undang (PUU) pada 11 Julai 2011 kepada syarikat. <p>Syarikat pada 1 Jun 2011 telah memohon untuk meminda Jadual Penghantaran (Jadual C kepada dokumen kontrak) tanpa sebarang pecahan penghantaran secara kelompok (<i>batches</i>) atau pada bulan-bulan tertentu seperti mana cadangan asal. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK) melalui memo bertarikh 20 Jun 2011, berpendapat penetapan tarikh serahan yang spesifik adalah penting untuk menjaga kepentingan Kerajaan dalam memantau kemajuan perolehan 100 unit ambulans dan penting dalam pengiraan denda sekiranya syarikat gagal menyerahkan ambulans pada tarikh yang telah ditetapkan. Semasa Mesyuarat Penyelarasian Perolehan Ambulans pada 20 Julai 2011 syarikat tetap memohon perkara yang sama.</p> <p>Surat peringatan supaya menandatangani dokumen kontrak dikemukakan kepada syarikat pada 2 Ogos 2011.</p> <p>Peringatan untuk melengkapkan Jadual Penghantaran di dalam dokumen kontrak dikemukakan kepada syarikat sekali lagi pada 26 Ogos 2011.</p> <p>Pada 15 September 2011, KKM sekali lagi menghantar surat kepada syarikat menyatakan Kerajaan tidak bersetuju dengan permintaan syarikat untuk meminda Jadual Penghantaran asal dan seterusnya meminta syarikat memulangkan dokumen kontrak yang lengkap.</p> <p>Pada 10 Oktober 2011, KKM telah meminta syarikat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>memulangkan dokumen kontrak dan syarikat hanya menyerahkannya kepada KKM pada 02 November 2011 namun hasil semakan mendapati terdapat kesalahan dan dipulangkan untuk pembetulan. Syarikat hanya mengembalikan dokumen kontrak yang lengkap dan teratur pada 20 Disember 2011.</p> <p>Secara keseluruhannya, syarikat mengambil masa lebih kurang 6 bulan untuk mengembalikan dokumen perjanjian yang menepati kehendak Kerajaan.</p> <p>(ii) Bagi kontrak no. : KKM(JKNS) 9/2010)133/2010, KKM(JKN:TR:7/2010)124/2010, M(JKN:TR:8/2010)125/2010, KKM(JKNS)9/2010)134/2010 dan KKM(JKN.PK.T.003/2010)159/2010 didapati bahawa draf perjanjian telah dikemukakan kepada PUU untuk semakan pada bulan Ogos 2010. Pihak PUU perlu menyemak draf perjanjian berkenaan dengan lebih teliti bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Memandangkan masa yang semakin suntuk, KKM telah menggunakan draf/template perjanjian sedia ada bagi kontrak-kontrak tersebut dan kesemua kontrak-kontrak berkenaan telah ditandatangani pada bulan Disember 2010.</p> <p>KKM akan memastikan dokumen perjanjian ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST dikeluarkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.</p>
15.5.3.2	<p>Pindaan Pada Klausula Kontrak Tidak Teratur</p> <p>Dua kontrak bagi pembekalan 24 unit ambulans menetapkan sebarang pindaan kepada kontrak hendaklah dibuat dalam bentuk bertulis dan dipersetujui sepenuhnya serta ditandatangani bersama oleh kedua-dua pihak. Arahan Perbendaharaan 204.1 pula menetapkan sesuatu syarat perjanjian perlu disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang (PUU) kecuali bagi kegunaan am di mana pegawai yang diberi kuasa boleh melaksanakannya tanpa merujuk semula untuk nasihat undang-undang selanjutnya. Nasihat dari Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang adalah perlu sekiranya dibuat pindaan yang material; kontrak walaupun kecil nilainya tetapi mengandungi implikasi undang-undang dan sesuatu kontrak memasukkan prinsip atau dasar baru atau kontrak bagi sesuatu jenis perkhidmatan yang belum pernah dikontrakkan. Semakan Audit mendapati klausula 19.1.3 hingga 19.1.7 dan 19.2 kepada kontrak</p>	<p>Pindaan telah dibuat kerana didapati klausula 19.1.3, 19.1.4, 19.1.5, 19.1.6 dan 19.2 tidak berkaitan dengan kontrak-kontrak berkenaan.</p> <p>Oleh kerana kontrak ini telahpun tamat, JKN Sarawak telah mengemukakan surat kepada PUU, KKM pada 18 Januari 2013 untuk pandangan supaya dapat dijadikan panduan pihak jabatan pada masa akan datang. Pihak PUU, KKM sedang meneliti dokumen-dokumen berkaitan perkara ini dan akan memberikan pandangan setelah semakan selesai.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tersebut telah dipinda dengan menggariskan klausa tersebut dengan menggunakan pen tetapi tiada tandatangan pengesahan terhadap pindaan berkaitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu mengambil kira pandangan PUU berkaitan kontrak JKN Sarawak supaya sebarang pindaan ke atas syarat kontrak pada masa hadapan dilakukan dengan teratur bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pindaan dibuat kerana klausa berkenaan tidak berkaitan dengan keperluan kontrak tersebut. Bagaimanapun, JKN Sarawak telah mengemukakan surat kepada PUU pada 18 Januari 2013 untuk mendapatkan pandangan supaya menjadi panduan pihak jabatan pada masa akan datang memandangkan kontrak tersebut telah tamat. PUU sedang meneliti dokumen tersebut dan akan memberi pandangan setelah semakan selesai.</i></p>	
15.5.3.3.a	<p>Percanggahan Syarat Kontrak Dengan Jadual Penghantaran</p> <p>Melalui kontrak KKM-181/2009(51/2010), KKM telah membeli 100 unit ambulans dengan nilai RM36 juta. Klausa 3.5 dan 3.6 kepada kontrak tersebut menetapkan Kerajaan akan membayar sebanyak 75% dari harga perolehan kepada kontraktor selepas penyerahan dan penerimaan kesemua barang-barang dengan memuaskan, borang Pesanan Kerajaan diperakui, invois dan Sijil Pemeriksaan Sebelum Penghantaran diterima oleh Pusat Tanggungjawab. Manakala bayaran baki 25% akan dibayar selepas pemasangan, pentauliahan dan latihan disempurnakan oleh kontraktor dengan syarat Sijil Pemeriksaan dan Penerimaan dikemukakan. Semakan Audit mendapati, penghantaran ambulans oleh kontraktor dibuat secara berperingkat mengikut lokasi. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan didapati telah membuat pembayaran secara berperingkat selepas penyerahan dan pentauliahan. Ini bertentangan dengan syarat kontrak di mana sepatutnya pembayaran sebanyak 75% hanya boleh dibuat setelah keseluruhan 100 unit ambulans selesai diterima pada 7 April 2011. Manakala baki 25% dibayar setelah pemasangan pentauliahan dan latihan disempurnakan oleh kontraktor pada 8 April 2011. Percanggahan antara syarat kontrak dengan jadual penghantaran sebenar menyebabkan Kementerian membayar sejumlah RM28.1 juta bagi 78 unit ambulans 90 hari lebih awal berbanding hari terakhir penerimaan kesemua ambulans.</p>	<p>Pembayaran kepada pembekal tidak dibuat mengikut klausa pembayaran 75% dan 25% tetapi dibuat secara 100% bagi setiap peringkat penyerahan kerana kedua-dua proses bagi pembayaran berkenaan dilaksanakan secara berturut-turut selama dua (2) hari.</p> <p>Semakan ke atas kontrak mendapati Klausa 3.5 menyatakan <i>KERAJAAN akan membayar kepada KONTRAKTOR selepas hantar serah dan penerimaan yang memuaskan kesemua Barang-barang tersebut sebanyak 75% dari Harga Barang-barang tersebut dalam tempoh 30 hari selepas dokumen-dokumen berikut diterima.</i></p> <p>Manakala semakan ke atas Klausa 3.6 menyatakan bahawa <i>Bayaran untuk baki 25% daripada Harga tersebut akan dibayar selepas pemasangan, pentauliahan dan latihan telah disempurnakan oleh KONTRAKTOR dengan syarat Sijil Pemeriksaan dan Penerimaan seperti di Jadual G.</i></p> <p>Untuk makluman, penyerahan kenderaan ambulans dibuat secara berperingkat mengikut negeri dan kontraktor akan membuat permohonan bayaran selepas penyerahan, pentauliahan dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																			
		<p>latihan dibuat. Pembayaran selepas penyerahan adalah lebih menjamin hak Kerajaan dari segi mengelakkan kelewatan perbekalan.</p> <p>Hasil semakan KKM mendapati, tarikh penyerahan seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Audit Negara di dalam Jadual 2 adalah sebenarnya tarikh permohonan bayaran oleh kontraktor di mana sebanyak lima (5) permohonan telah diterima dan dibuat bayaran dan bukannya tarikh penyerahan kenderaan. Tempoh serahan bagi negeri-negeri adalah dari 11 November 2010 hingga 20 April 2011. Manakala itu, tarikh serahan adalah seperti di jadual di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Negeri</th><th>Tarikh Serah</th><th>Tarikh T/C latihan</th><th>Bil.</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kedah</td><td>21.11.2010</td><td>22.11.2010</td><td>5</td></tr> <tr> <td>P.Pinang</td><td>23.11.2010</td><td>24.11.2010</td><td>6</td></tr> <tr> <td>Perak</td><td>24.03.2011</td><td>25.03.2011</td><td>10</td></tr> <tr> <td>Selangor</td><td>29.12.2010</td><td>30.12.2010</td><td>11</td></tr> <tr> <td>WP</td><td>07.03.2011</td><td>08.04.2011</td><td>3</td></tr> <tr> <td>Labuan</td><td>20.04.2011</td><td>07.03.2011</td><td>1</td></tr> <tr> <td>N.Sembilan</td><td>05.04.2011</td><td>06.04.2011</td><td>4</td></tr> <tr> <td>Melaka</td><td>04.04.2011</td><td>05.04.2011</td><td>2</td></tr> <tr> <td>Pahang</td><td>11.11.2010</td><td>12.11.2010</td><td>7</td></tr> <tr> <td>Johor</td><td>07.04.2011</td><td>08.04.2011</td><td>3</td></tr> <tr> <td>Terengganu</td><td>14.11.2010</td><td>15.11.2010</td><td>4</td></tr> <tr> <td>Kelantan</td><td>25.10.2010</td><td>26.10.2010</td><td>7</td></tr> <tr> <td>Sarawak</td><td>15.12.2010</td><td>16.12.2010</td><td>20</td></tr> <tr> <td>Sabah</td><td>29.12.2010</td><td>30.12.2010</td><td>18</td></tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>100</td></tr> </tbody> </table> <p>Klausu berkaitan pembayaran telah ditambahbaik dan disesuaikan dengan proses kerja yang sebenar di dalam perjanjian kontrak perolehan pusat yang baru untuk tahun 2010 dan 2011 di mana pembayaran hanya dibuat setelah penyerahan</p>				Negeri	Tarikh Serah	Tarikh T/C latihan	Bil.	Kedah	21.11.2010	22.11.2010	5	P.Pinang	23.11.2010	24.11.2010	6	Perak	24.03.2011	25.03.2011	10	Selangor	29.12.2010	30.12.2010	11	WP	07.03.2011	08.04.2011	3	Labuan	20.04.2011	07.03.2011	1	N.Sembilan	05.04.2011	06.04.2011	4	Melaka	04.04.2011	05.04.2011	2	Pahang	11.11.2010	12.11.2010	7	Johor	07.04.2011	08.04.2011	3	Terengganu	14.11.2010	15.11.2010	4	Kelantan	25.10.2010	26.10.2010	7	Sarawak	15.12.2010	16.12.2010	20	Sabah	29.12.2010	30.12.2010	18				100
Negeri	Tarikh Serah	Tarikh T/C latihan	Bil.																																																																		
Kedah	21.11.2010	22.11.2010	5																																																																		
P.Pinang	23.11.2010	24.11.2010	6																																																																		
Perak	24.03.2011	25.03.2011	10																																																																		
Selangor	29.12.2010	30.12.2010	11																																																																		
WP	07.03.2011	08.04.2011	3																																																																		
Labuan	20.04.2011	07.03.2011	1																																																																		
N.Sembilan	05.04.2011	06.04.2011	4																																																																		
Melaka	04.04.2011	05.04.2011	2																																																																		
Pahang	11.11.2010	12.11.2010	7																																																																		
Johor	07.04.2011	08.04.2011	3																																																																		
Terengganu	14.11.2010	15.11.2010	4																																																																		
Kelantan	25.10.2010	26.10.2010	7																																																																		
Sarawak	15.12.2010	16.12.2010	20																																																																		
Sabah	29.12.2010	30.12.2010	18																																																																		
			100																																																																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dibuat dengan semua dokumen sokongan disertakan oleh pembekal. Klausula baru bagi pembayaran adalah seperti berikut:</p> <p>[Pembayaran adalah mengikut setiap peringkat penyerahan ATAU mengikut jumlah bilangan ambulans yang telah siap dengan sempurna dan disahkan memenuhi spesifikasi oleh KERAJAAN]</p> <p>Perbekalan untuk kontrak KKM-78/2010(RT) (perbekalan Feb-Oktober 2012) telah selesai sepenuhnya dan pembayaran telah dibuat mengikut keperluan kontrak.</p>
15.5.3.3.b	<p>Selain itu, semakan Audit mendapati 7 kontrak yang bernilai RM12.76 juta telah dibayar oleh JKN Terengganu, JKN Selangor dan JKN Perak masing-masing berjumlah RM6.87 juta, RM1.13 juta dan RM4.76 juta. Klausula 19 kepada semua kontrak berkaitan menetapkan bahawa Kerajaan akan membayar kontraktor 75% dari harga barang selepas dokumen Pesanan Kerajaan (<i>Local Purchase Order</i>), Invois, Senarai Bungkusan (<i>Packing List</i>), Sijil Negara Asal (<i>Certificate Of Origin</i>), Bil Muatan Bil Angkutan Udara (<i>Bill Of Loading/Airway Bill</i>), Sijil Penerimaan Penghantaran (<i>Forwarder's Certificate Of Receipt</i>) dan Sijil Pemeriksaan Sebelum Penghantaran (<i>Jadual E</i>) diterima oleh Pusat Tanggungjawab. Manakala baki 25% akan dibayar selepas pemasangan, pentauliahan dan latihan disempurnakan oleh kontraktor dengan syarat Sijil Pemeriksaan dan Penerimaan (<i>Jadual G</i>) dikemukakan. Semakan selanjutnya mendapati kesemua kontrak berkenaan telah dibayar 100% melalui satu baucer bayaran bagi setiap kontrak serta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan sebelum penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan latihan telah disempurnakan sejajar dengan syarat kontrak tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan semua syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak adalah jelas dan menjamin kepentingan Kerajaan dan kontraktor yang terlibat. Kementerian perlu memastikan syarat berkaitan pembayaran hendaklah selaras dengan jadual penghantaran ambulans yang ditetapkan dalam kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p>Kementerian akan memastikan pembayaran dibuat berdasarkan kepada syarat kontrak yang telah disediakan. Klausula berkaitan pembayaran telah ditambahbaik dan disesuaikan dengan proses kerja sebenar dalam perjanjian kontrak pusat yang</p>	<p><u>JKN Terengganu</u></p> <p>Arahan pembayaran yang melibatkan Jadual E dan Jadual G tidak dipatuhi dan pembayaran dibuat 100%. Hasil semakan mendapati, pihak JKN tidak maklum tentang pembayaran 75% dan 25 % dan membuat pembayaran berdasarkan pengesahan penerimaan aset berada dalam keadaan baik dan penyerahan serta latihan dibuat semasa ambulans diserahkan, dan turut dilampirkan sijil pemeriksaan dan pengujian.</p> <p><u>JKN Selangor</u></p> <p>Pembayaran sekaligus dalam satu baucer dibuat atas persetujuan pihak pembekal dan pembekal dapat menyempurnakan kerjanya dalam tahun semasa. Pihak JKN juga telah membayar 100% jumlah kontrak setelah semua kerja disempurnakan oleh pihak pembekal termasuk pemeriksaan sebelum penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan latihan sejajar dengan kehendak kontrak. Jadual E dan Jadual G kepada kontrak telah dikemukakan oleh kontraktor.</p> <p><u>JKN Perak</u></p> <p>Pesanan Tempatan telah dikeluarkan untuk keseluruhan nilai kontrak. Justeru, pembayaran telah dibuat berdasarkan Pesanan Kerajaan yang telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pembayaran hanya dibuat setelah kesemua ambulans diterima dan setelah selesai Pengujian dan Pentauliahan dilaksanakan.</p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, klausula berkaitan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>baru untuk tahun 2010 dan 2011 di mana pembayaran dibuat mengikut setiap peringkat penyerahan ambulans yang telah siap dengan sempurna dan disahkan memenuhi spesifikasi serta disokong dengan dokumen yang lengkap.</p>	<p>pembayaran telah ditambahbaik dan disesuaikan dengan proses kerja yang sebenar di dalam perjanjian kontrak perolehan pusat yang baru untuk tahun 2010 dan 2011 di mana pembayaran hanya dibuat setelah penyerahan dibuat dengan semua dokumen sokongan disertakan oleh pembekal. Klausu baru bagi pembayaran adalah seperti berikut:-</p> <p>[Pembayaran adalah mengikut setiap peringkat penyerahan ATAU mengikut jumlah bilangan ambulans yang telah siap dengan sempurna dan disahkan memenuhi spesifikasi oleh KERAJAAN]</p>
15.5.4.1.a	<p>Penggunaan Ambulans - Ambulans Yang Tidak Digunakan</p> <p>Pihak HUS telah membuat permohonan pelupusan ambulans pada 30 Januari 2009 kepada syarikat konsesi. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, status permohonan pelupusan tersebut tidak dapat disahkan.</p>	<p>Perakuan Pelupusan (PEP) Aset Alih Kerajaan KEW.PA-16 bagi ketiga-tiga ambulans (QSG1377, SG2843A dan SG3122A) telah diterima pada 8 November 2012.</p> <p>Lembaga Pemeriksa Pelupusan yang dilantik telah membuat pemeriksaan ke atas ketiga-tiga buah ambulans tersebut pada 13 Disember 2012. Laporan Pemeriksa Pelupusan (KEW.PA-17) yang lengkap telah dikemukakan ke Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 26 Disember 2012 untuk kelulusan pelupusan di peringkat KKM.</p> <p>Kelulusan pelupusan tiga ambulans ini telah diperolehi pada 7 Februari 2013 dan sedang dalam tindakan JKN Sarawak untuk pelupusan.</p>
15.5.4.1.b	<p>Terdapat dua buah ambulans milik Hospital Sri Aman terbiar di HUS semenjak tahun 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk memastikan ambulans yang rosak dan terbiar dilupuskan dengan sewajarnya bagi mengelakkan kesesakan ruang dan penurunan nilai yang berterusan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Lembaga Pemeriksa Pelupusan yang dilantik telah membuat pemeriksaan ke atas ketiga-tiga buah ambulans di HUS pada 13 Disember 2012. Laporan Pemeriksa Pelupusan (KEW.PA-17) yang lengkap telah dikemukakan ke Jabatan Kesihatan</i></p>	<p>i. WLP 8705</p> <p>Permohonan kelulusan pelupusan pada 9 Januari 2012 sebelum ini tidak dapat diproses kerana laporan kemalangan dan laporan kerosakan yang diperakukan oleh JKR tidak dikemukakan. Laporan kemalangan dan laporan kerosakan berkenaan telah diperolehi daripada JKR. Walau bagaimanapun, disebabkan Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-16) yang diperoleh sebelum ini telah tamat tempoh, JKN Sarawak telah mengemukakan permohonan pelupusan baru. Sijil Perakuan Pelupusan (Kew.PA-16) yang baru telah diperolehi pada 29 April 2013 dan ambulans sedang dalam tindakan pelupusan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Negeri Sarawak pada 26 Disember 2012 untuk kelulusan pelupusan di peringkat KKM. Kelulusan pelupusan tiga ambulans tersebut telah diperolehi pada 7 Februari 2013 dan sedang dalam proses pelupusan oleh JKN Sarawak. Permohonan kelulusan pelupusan WLP 8705 sedang dibuat dan sijil BER 1 bagi QSG 3608 tidak dapat dikeluarkan oleh syarikat konsesi kerana kes kemalangan ambulans tersebut masih dalam siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).</p>	<p>ii. QSG 3608</p> <p>Kenderaan ini telah terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 03 Julai 2011 lalu. Penasihat Undang-undang pada 18 Januari 2012 melalui surat KKM 300-75/2/529(10) menasihatkan supaya kes berkenaan ditutup dan ambulans tersebut dilupuskan. Walau bagaimanapun, pihak konsesi tidak dapat mengeluarkan sijil BER 1 kerana pihak polis pada 27 November 2012 memaklumkan kes kemalangan ini masih dalam siasatan. Pihak Hospital Sri Aman akan melupuskan ambulans ini segera sebaik siasatan pihak polis selesai.</p>
15.5.4.2.a	<p>Kemalangan Yang Melibatkan Ambulans</p> <p>Berdasarkan rekod di Bahagian Perkembangan Perubatan, sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 sebanyak 124 ambulans terlibat dalam kemalangan jalan raya dan merekodkan 44 kematian di seluruh negara. Semakan Audit mendapat jumlah kemalangan dan kematian di 4 buah negeri telah menurun daripada 33 kemalangan dan 27 kematian pada tahun 2010 kepada 8 kemalangan dan 1 kematian pada tahun 2012.</p>	<p>Hasil semakan KKM bagi 34 kes kemalangan yang dibangkitkan oleh pihak audit mendapati status kes berkenaan antaranya adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • kes telah ditutup atas pandangan PUU; • masih dalam tindakan PUU; dan • dalam tindakan Jabatan Peguam Negara <p>Bagi tiga kes kemalangan yang telah diselesaikan siasatan oleh PDRM, status kes-kes tersebut adalah seperti berikut:-</p> <p><u>WUR 8741</u></p> <p>Pejabat PUU dalam proses untuk mengemukakan maklumat tambahan yang dipohon oleh Jabatan Peguam Negara.</p> <p><u>BKN 3135</u></p> <p>Pejabat PUU sedang menunggu maklumat tambahan yang dipohon daripada Bahagian Guaman Jabatan Peguam Negara.</p>
15.5.4.2.b	<p>Hasil semakan Audit mendapat sehingga 31 Disember 2012 sebanyak 34 kes kemalangan melibatkan kos pembaikan melebihi RM0.41 juta yang dibiayai oleh KKM. Bagaimanapun pihak PDRM masih belum menyelesaikan siasatannya yang melibatkan kelewatan antara 147 hingga 1,079 hari seperti di jadual. Bagi kes yang telah diselesaikan oleh pihak PDRM dan melibatkan tuntutan insurans atau tindakan mahkamah, kes tersebut perlu dirujuk kepada pihak PUU, KKM. Sehingga tarikh yang sama sebanyak 3 kes kemalangan dengan anggaran kos sebanyak RM0.12 juta masih belum diselesaikan disebabkan dokumen yang tidak lengkap dan masih dalam semakan PUU.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian akan memastikan segala proses kes kemalangan ambulans dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kes kemalangan melibatkan ambulans boleh menyebabkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perkhidmatan ini. Pemantauan yang lebih perlu diberikan terhadap keselamatan ambulans dengan memastikan semua</p>	<p><u>WUX 2739</u></p> <p>Pejabat PUU dalam proses untuk merujuk kes ke Jabatan Peguam Negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ambulans berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.	KKM akan memastikan segala proses kes-kes berkaitan kemalangan ambulans dapat diselesaikan dengan secepatnya.
15.5.4.3	<p>Bilangan Ambulans Kurang Berbanding Norma</p> <p>Bilangan ambulans yang mencukupi adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kesihatan khususnya bagi kes kecemasan tidak terjejas dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Bagi tujuan ini, Kementerian melalui Garis Panduan <i>Emergency Medicine and Trauma Services</i> yang dikeluarkan pada tahun 2012 oleh Bahagian Perkembangan Perubatan telah menetapkan norma bilangan ambulans berdasarkan beban kerja tahun 2010. Semakan Audit mendapati berdasarkan norma tersebut, HSM, HS, HSNZ dan HUS mengalami kekurangan ambulans masing-masing sebanyak 9, 18, 11 dan 16 buah.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Kementerian memerlukan masa untuk penggantian ambulans bagi memenuhi norma yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pada tahun 2010 hingga 2012 perolehan sebanyak 100 buah ambulans telah selesai dijalankan. Perolehan sebanyak 200 ambulans telah bermula pada bulan Disember 2012 dan dijangka berakhir pada Januari 2014. Selain itu, Kementerian juga mengambil langkah penambahbaikan dengan menggunakan perkhidmatan ambulans dari Non Goverment Organization (NGO); Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Persatuan Bulan Sabit dan St. John.</i></p>	<p>Norma ambulans yang digunakan oleh hospital tersebut menggunakan norma yang baru dikeluarkan oleh KKM pada tahun 2012 seperti dinyatakan di dalam buku polisi EMTS. Norma ini dihasilkan bersama dengan pakar – pakar Perubatan Kecemasan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Ianya dibuat berdasarkan beban kerja setiap hospital di KKM. Oleh itu, ianya memerlukan masa untuk penggantian ambulans supaya memenuhi norma yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, perolehan ambulans sedang dilakukan oleh KKM di mana bagi tahun 2010 – 2012 sebanyak 100 buah ambulans telah selesai dijalankan. Manakala perolehan sebanyak 200 buah ambulans telah bermula pada bulan Disember 2012 dan dijangka berakhir pada Januari 2014. Hospital Serdang dan Hospital Sultanah Nur Zahirah telah menerima masing-masing sebuah ambulans pada perolehan pertama dan akan menerima 2 buah lagi pada perolehan yang kedua. Manakala Hospital Seri Manjung dan Hospital Umum Sarawak masing-masing akan menerima 1 – 2 buah ambulans tambahan bagi menampung kekurangan ambulans. Dijangka 100 buah ambulans akan dibekalkan pada tahun 2013 – 2014. Diharap dengan perolehan ambulans ini dapat memenuhi norma yang telah ditetapkan.</p> <p>Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dibuat oleh KKM adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat perolehan ambulans secara tahunan sejak tahun 2009; ii. Menggunakan perkhidmatan ambulans dari NGO seperti JPAM, Bulan Sabit, St. John dan lain-lain; dan iii. Mengenalpasti kaedah lain dalam penyediaan ambulans seperti sewaan dan sebagainya untuk memenuhi keperluan perkhidmatan jika terdapat keperluan mendesak.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.5.1	<p>Penyenggaraan Ambulans - Tempoh Penyenggaraan Ambulans Yang Lama</p> <p>Semakan Audit terhadap 18 <i>work order</i> di data <i>Central Management Information System</i> (CMIS) bagi 2 buah hospital iaitu HUS dan HSNZ mendapati tempoh penyenggaraan ambulans lewat antara 20 hingga 118 hari. Bagaimanapun tiada bukti pemotongan yuran dikenakan bagi kelewatan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak KKM akan membuat pemantauan terhadap aduan dan work order yang dikeluarkan oleh syarikat konsesi. Kementerian juga akan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak hospital dan syarikat konsesi supaya mengambil tindakan dengan segera terhadap aset yang mengalami kerosakan dan menyelesaikan pembaikan aset dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, potongan akan dikenakan terhadap syarikat konsesi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, aspek penyenggaraan yang tidak dipantau dengan berkesan boleh menyebabkan perkhidmatan ambulans terjejas kerana bilangan ambulans yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan operasi.</p>	<p><u>Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan</u></p> <p>Berdasarkan kepada prosedur Pemantauan Penswastaan Khidmat Sokongan Hospital, sekiranya terdapat aset yang disenaraikan di bawah <i>exemption list</i>, aset tersebut akan dikecualikan dalam satu tempoh tertentu berdasarkan kepada kelulusan <i>exemption list</i> tersebut.</p> <p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Pihak HUS mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan pemotongan bayaran telah dilakukan seperti yang dinyatakan di dalam <i>Deduction Assesment Report</i> (DAR) yang dipersetujui sewaktu mesyuarat validasi.</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Pemotongan yuran syarikat konsesi tidak dapat dibuktikan dalam Sistem CMIS, sebaliknya pemotongan yuran kepada syarikat konsesi dapat dibuktikan melalui sistem SMIS. Berdasarkan sistem SMIS, jurutera akan melakukan pemotongan berdasarkan indikator yang dikenakan kepada syarikat konsesi dalam sistem CMIS dan memasukkan nilai pemotongan yuran tersebut sistem SMIS. Cara pengiraan pemotongan yuran syarikat konsesi adalah secara pukal mengikut jenis perkhidmatan (FEMS) dan <i>indicator</i> yang telah dikenakan.</p> <p>Antara tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh adalah seperti berikut:-</p> <p><u>Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan</u></p> <p>Pemantauan akan dibuat secara lebih berkesan terhadap aduan dan <i>work order</i> yang dikeluarkan kepada pihak konsesi. Bahagian ini telah mengeluarkan surat peringatan kepada pihak hospital dan konsesi pada 3 Januari 2013 supaya mengambil tindakan dengan kadar segera terhadap aset yang mengalami kerosakan dan menyelesaikan pembaikan aset dalam tempoh yang telah ditetapkan, sekiranya melebihi tempoh tersebut <i>deduction</i> perlu dikenakan kepada pihak konsesi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>KKM telah mengeluarkan satu surat peringatan pada 3 Januari 2003 kepada pihak hospital dan konsesi supaya mengambil tindakan segera terhadap aset yang mengalami kerosakan dan menyelesaikan pembaikan aset dalam tempoh yang telah ditetapkan, sekiranya melebihi tempoh tersebut <i>deduction</i> perlu dikenakan kepada pihak konsesi.</p> <p><u>Hospital Umum Sarawak</u></p> <p>Pemotongan bayaran telah dilakukan seperti yang dinyatakan di dalam <i>Deduction Assesment Report</i> (DAR) yang dipersetujui sewaktu mesyuarat validasi.</p> <p><u>Hospital Sultanah Nur Zahirah</u></p> <p>Pihak hospital telah mengambil tindakan memotong yuran perkhidmatan penyenggaraan yang lewat dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Bagi <i>work order</i> Wo025/153857/2010 sebanyak RM231.34 telah dipotong secara pukal untuk yuran perkhidmatan FEMS bagi bulan Julai, Ogos dan September 2010.</p> <p>Bagi <i>work order</i> Wo025/173007/2011 nilai pemotongan adalah sebanyak RM113.75 di mana pemotongan secara pukal telah dibuat untuk perkhidmatan FEMS bagi bulan Mei dan Jun 2011.</p> <p>Bagi <i>work order</i> Wo025/160183/2010 sebanyak RM240.94 telah dipotong secara pukal untuk perkhidmatan FEMS bagi bulan Oktober, November dan Disember 2010.</p> <p>Sebanyak RM291.35 telah dipotong secara pukal untuk perkhidmatan FEMS bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2010 bagi kelewatan penyenggaraan untuk <i>work order</i> Wo025/140499/2010.</p> <p>Manakala bagi kelewatan penyenggaraan bagi <i>work order</i> SWO025/98404/2010, pemotongan yuran tidak dikenakan kerana PPM selesai pada hari yang sama PPM dijadualkan semula. PPM dijadualkan dijalankan pada 10 Mei 2010. Walau bagaimanapun, PPM ditangguhkan kepada 17 Julai 2010 kerana kenderaan sedang digunakan atas kehendak pengguna.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Pihak HSNZ akan memantau dan menambahbaik sistem penyelenggaraan ambulans dengan segera bagi memastikan perkhidmatan ambulans tidak terjejas atau terganggu. Antara penambahbaikan-penambahbaikan tersebut adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan pihak pengguna/ <i>user</i> akan peka kepada jadual penyelenggaraan dan menghantar ambulans untuk penyelenggaraan segera. ii. Pihak Konsesi melaksanakan segera kerja-kerja penyelenggaraan ambulans. iii. Pemantauan lebih teliti terhadap kerja-kerja penyelenggaraan oleh Jurutera hospital.
15.5.5.2.a	<p>Pembayaran Penyenggaraan Dalam Tempoh Jaminan</p> <p>Para 17 kepada spesifikasi kontrak JKNSWK-10/2010(HQ-KEN)T(73/2010) bagi pembekalan 24 unit ambulans menetapkan tempoh waranti bagi pemberian dan penggantian alat ganti (termasuk <i>item consumable</i>) yang disenaraikan hendaklah dibekalkan secara percuma dalam tempoh 36 bulan atau 100,000 km yang mana terdahulu. Antara alat ganti berkenaan ialah <i>air filter; oil filter; fuel filter; spark plugs for petrol engine (once during warranty period); radiator coolant; battery fluid; engine oil; top-up transmission oil; top-up hydraulic oil (power steering); top-up brake fluid; top-up air condition refrigerant; wiper blades (once during warranty period); engine tuning with computer and grease labour charges</i>. Semakan Audit mendapati 4 ambulans di PKB Samarahan telah dihantar kepada syarikat UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. untuk penyenggaraan dalam tempoh jaminan dan sejumlah RM3,715.65 telah dibayar bagi alat ganti yang dilindungi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Berdasarkan tuntutan Kementerian pembekal telah membuat bayaran balik berjumlah RM66,895.43 pada 8 Mac 2013.</i></p>	<p>Pihak pembekal telah memaklumkan JKN Sarawak mengenai kesilapan menaip bagi pematuhan terhadap spesifikasi 17.6 kepada kontrak tersebut. Namun, KKM tidak bersetuju dengan perkara ini dan telah mengeluarkan surat kepada pembekal untuk mengutip semula perbelanjaan yang telah dibayar.</p> <p>KKM telah mengemukakan surat kepada pembekal memaklumkan bahawa akan membuat kutipan balik perbelanjaan yang telah dibayar ke atas 24 buah ambulans berkenaan bertarikh 14 Januari 2013. Selain itu, KKM juga telah mengemukakan surat kepada semua PKB yang berkenaan supaya memberi maklumat terperinci berhubung perbelanjaan 24 buah ambulans ini sepanjang tempoh warranti berkuatkuasa melalui surat bertarikh 15 Januari 2013.</p> <p>Pihak Pembekal telah membuat bayaran balik melalui cek RHB 906650 berjumlah RM66,895.43.</p>
15.5.6	<p>Latihan Pemandu Ambulans Tidak Mencukupi</p> <p>Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 17 Tahun 2012 menetapkan antaranya pemandu ambulans hendaklah mengikuti latihan pemanduan ambulans dan latihan berkaitan pengendalian kecemasan dan trauma seperti <i>Basic Life Support, Pre Hospital Care, Paediatric Advance Life Support, Malaysia Trauma Life</i></p>	<p>Hasil dari siasatan bebas 4 kemalangan ambulans yang melibatkan kematian pada 2011 telah dibentangkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan. Kesinambungan dari pembentangan itu, satu Pekeliling Latihan Pemanduan Ambulans Bil 17/2012</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Support dan Cardiopulmonary Resuscitation.</i> Semakan Audit mendapati daripada 103 buku perkhidmatan pemandu di 9 buah hospital/klinik mendapati 69 pemandu tidak mengikuti kursus berkaitan pengendalian kecemasan dan trauma. Selain itu, seramai 41 pemandu tidak mengikuti latihan berkaitan pemanduan dengan sewajarnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, semua pemandu ambulans perlu diberi latihan pemanduan, pengendalian kecemasan dan trauma serta pemanduan berhemah sejajar dengan peraturan yang berkuat kuasa khususnya kepada pemandu yang pernah mengalami kemalangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Latihan kepada seramai 26 orang pemandu di HSNZ telah diadakan pada Oktober 2012 dan November 2012. Selain itu, semua PTJ akan menghantar pemandu ambulans untuk mengikuti kursus berkaitan pada tahun akan datang sebagai kursus "Refresher" bagi meningkatkan kebolehan serta pengetahuan secara berterusan.</i></p>	<p>yang baru dikeluarkan pada bulan Mei 2012. Ini menyebabkan masih ramai pemandu yang tidak mengikuti latihan pemanduan ambulans mengikut Pekeliling tersebut. Pekeliling yang baru ini adalah penambahbaikan kepada pekeliling KPK Bil 6/2007. Ia merangkumi aspek perubatan dan aspek keselamatan pemanduan dimana ia memakan masa selama 5 hari. Kebanyakan pemandu telah di berikan latihan pemanduan berhemah mengikut pekeliling KPK Bil 6/2007.</p> <p>JKN Terengganu telah merancang untuk menjalankan kursus bagi modul tersebut yang merangkumi modul perubatan (pengurusan pesakit kecemasan dan trauma) dan Modul Pemanduan (teknik pemanduan berkesan). Pada tahun 2012 sebanyak 2 sesi kursus telah dibuat , iaitu pada 16-18 Oktober 2012 dan 6 hingga 8 November 2012 dengan penyertaan seramai 80 orang pemandu ambulans dilatih seluruh negeri Terengganu.</p> <p>Sebelum tahun 2012, modul latihan yang digunakan adalah berdasarkan pekeliling Pekeliling KPK Bil. 6/2007 Garis Panduan Latihan Pemandu Ambulans KKM. Seramai 241 orang pemandu di JKNT iaitu 80.1% telah dilatih mengikut modul. Baki 60 orang atau 20% akan dilatih pada tahun 2013.</p> <p>Berdasarkan kepada modul latihan serta keperluan kemahiran dan latihan, pemandu ambulans hanya perlu mengikuti kursus <i>Basic Trauma, Basic Life Support</i> atau CPR.</p> <p>Latihan seperti PALS, PHC MTLS hanya untuk pasukan paramedik atau Pegawai Perubatan Sahaja.</p> <p>Manakala itu, hasil semakan di HSNZ mendapati, seramai 26 orang daripada 28 orang pemandu telah menghadiri Kursus Pemanduan Ambulans Mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 17/2012. Kursus tersebut diadakan Bilik Seminar Pejabat Kesihatan Daerah Marang dalam dua siri iaitu Siri 1 pada 14 – 18 Oktober 2012 dan Siri 2 pada 4 – 8 November 2012 anjuran JKN Terengganu.</p> <p>Kursus Pemanduan Berhemah adalah terhad kerana ianya dilaksanakan di peringkat Negeri (JKNT) dan pihak HSNZ tidak boleh melepas semua pemandu secara serentak untuk hadir ke kursus tersebut atas kepentingan perkhidmatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Pihak Hospital Serdang memaklumkan mempunyai dua pasukan iaitu satu pasukan di Jabatan Kecemasan dan Trauma sememangnya telah terlatih manakala satu pasukan lagi belum terlatih sepenuhnya bersama dengan para pemandu yang merupakan lantikan baru di Hospital Serdang. Pasukan yang belum terlatih ini adalah kerana memandangkan skop kerja mereka yang tidak berdepan dengan pengendalian kes kecemasan dan trauma. Bagaimanapun pihak Pengurusan telah/akan menghantar para pemandu untuk mengikuti kursus lain (pelbagai) di mana ianya akan memberi pendedahan kepada individu tersebut selain dapat menambah pengetahuan.</p> <p>HUS pula telah menghantar seramai 21 orang pemandu ambulans untuk mengikuti Kursus Pemanduan Ambulans yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sejak tahun 2008. Selain daripada menekankan pemanduan berhemah, kursus tersebut turut merangkumi aspek “First Responder” yang menekankan “BLS/CPR”, Pertolongan Cemas dan Pengendalian Pesakit Trauma.</p> <p>Latihan pemanduan akan dijalankan oleh JKN Perak secara berterusan. Kursus Pemanduan Berhemah termasuk BLS akan dilakukan oleh pemandu KK Greentown secara berperingkat.</p> <p>Semua PTJ akan menghantar para pemandu ambulans untuk mengikuti kursus-kursus berkaitan pada tahun-tahun yang akan datang sebagai kursus “refresher” dan juga peningkatan kebolehan serta pengetahuan yang berterusan.</p>
15.5.7.a	<p>Kepuasan Terhadap Pengurusan Ambulans</p> <p>Bagi menilai tahap kepuasan pihak pengurusan terhadap pengurusan ambulans sebanyak 20 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak hospital/klinik/PKD/PKB yang dilawati. Hasil maklum balas pihak yang terlibat mendapat sebanyak 55% responden berpendapat bilangan pemandu dan ambulans serta peruntukan penyenggaraan/pembaikan adalah tidak mencukupi. Sebanyak 40% responden tidak berpuas hati dengan kualiti penyenggaraan dan 50% responden berpendapat tempoh pembaikan adalah tidak munasabah.</p>	<p><u>Maklumbalas Pengurusan</u></p> <p>Peruntukan penyenggaraan diagihkan berdasarkan kepada keupayaan kewangan KKM dan ianya sentiasa diberi keutamaan terutamanya bagi kes yang memerlukan pembaikan segera.</p> <p>Bilangan kenderaan ambulans sedia ada berdasarkan beban kerja memang tidak mencukupi. Norma agihan kenderaan ambulans mengikut hospital adalah berdasarkan beban kerja telah dikeluarkan pada tahun 2012. Sebagaimana maklum, kos perolehan ambulans adalah tinggi dan perancangan perolehan</p>
15.5.7.b	Manakala seramai 33 daripada 74 pemandu atau 44% tidak bersetuju ambulans yang disediakan adalah berkualiti berbanding 42% berpendapat ambulans yang disediakan mudah dikendalikan. Seramai 49 orang (66%) menyatakan kursus yang	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dihadiri adalah berkaitan bidang tugas sebagai pemandu ambulans. Manakala 23 orang (31%) pemandu menyatakan sebaliknya dan seramai 19 orang (26%) pernah mengalami kemalangan semasa bertugas.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memberi perhatian terhadap maklum balas yang diberikan oleh pihak pengurusan dan pemandu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ambulans.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Bagi menjamin kualiti kenderaan yang dibekalkan, KKM telah menetapkan pembekal yang berdaftar sebagai pembuat sahaja menyertai tender dan Jawatankuasa Teknikal membuat pemeriksaan kepada kenderaan prototype, pemeriksaan sebelum penghantaran dan pemeriksaan selepas penghantaran. Selain itu, maklum balas pengoperasian, khidmat selepas jualan, alat ganti, keupayaan teknikal pembuat turut dijadikan asas dalam penyediaan spesifikasi dan perolehan ambulans yang baru. Modul latihan kepada pemandu dilaksanakan oleh JKN dan latihan pemanduan ambulans baru disediakan oleh pembekal. Pendedahan kaedah pemanduan yang betul dan selamat berdasarkan keupayaan kenderaan, jalanraya dan sebagainya dibuat dari masa ke semasa.</i></p>	<p>dibuat mengikut keupayaan kewangan KKM.</p> <p>Ambulans yang disediakan adalah sesuai dengan perkhidmatan yang diperlukan iaitu respons kepada panggilan kecemasan, pemindahan pesakit dan sebagainya. Spesifikasi dan keperluan teknikal/peralatan disediakan oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh Pakar Kecemasan, Pembantu Perubatan dan Jurutera. Spesifikasi dan keperluan rekabentuk sentiasa dikaji selaras dengan perkembangan teknologi serta pengoperasian dan dengan mengambil kira maklumbalas/isu dari pengguna (Hospital/klinik) dalam perbekalan terdahulu.</p> <p>Kualiti kerja pembaikan dan penyenggaraan melibatkan dua pihak iaitu pembekal (dalam tempoh jaminan) dan syarikat konsesi (selepas tempoh jaminan). Pemantauan pembaikan dan penyenggaraan dalam tempoh jaminan diselia oleh KKM dan syarikat konsesi. Selepas tempoh jaminan, syarikat konsesi akan melaksanakan penyenggaraan dan pemantauan/pemotongan bayaran akan diselia oleh Jurutera Hospital.</p> <p>kerja pembaikan dan penyenggaraan dalam tempoh yang munasabah adalah tertakluk kepada jenis kerosakan, kesediaan alat ganti, bengkel yang berkemampuan melaksanakan kerja pembaikan dan lokasi bengkel.</p> <p>KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri memberi keutamaan kepada kerja penyenggaraan dan pembaikan ambulans.</p> <p>Bagi menjamin kualiti kenderaan yang dibekalkan, KKM telah menetapkan pembekal yang berdaftar sebagai pembuat sahaja menyertai tender dan Jawatankuasa Teknikal membuat pemeriksaan kepada kenderaan prototype, pemeriksaan sebelum penghantaran dan pemeriksaan selepas penyerahan. Ambulans juga perlu melepassi pemeriksaan oleh JPJ, Puspakom dan Jabatan Kerja Raya. Selain dari itu, maklumbalas pengoperasian dari segi pengawalan, khidmat selepas jualan, alat ganti, keupayaan teknikal pembuat turut dijadikan asas dalam penyediaan spesifikasi dan perolehan kenderaan ambulans yang baru.</p> <p>Spesifikasi teknikal ambulans sentiasa dikaji bagi memastikan ia sesuai dengan tujuan perkhidmatan, mudah untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>pengoperasian dan efisyen dalam tugas penghantaran pesakit.</p> <p>Pemantauan dalam tempoh jaminan melalui mesyuarat berkala dengan pembekal. Bagi syarikat konsesi, klausa yang berkaitan telah disemak bagi memantapkan lagi dokumen perjanjian yang baru dan memudahkan pemantauan dibuat.</p> <p><u>Maklumbalas Pemandu</u></p> <p>Kualiti kenderaan ambulans bergantung kepada banyak faktor seperti spesifikasi teknikal, pembuat, pengoperasian dan khidmat selepas jualan. Spesifikasi boleh disemak dan dikaji selaras dengan keperluan perkhidmatan dan kemajuan teknologi.</p> <p>Kendalian ambulans bergantung kepada kemahiran pemandu, bentuk jalanraya dan juga jenis kenderaan. Ini termasuklah latihan yang diterima dan pengalaman pemanduan kenderaan yang lain.</p> <p>Kualiti sentiasa dipertingkatkan dengan penetapan syarat-syarat kepada pembekal, maklumbalas dari pengguna dan kewujudan teknologi semasa di pasaran. Pemantauan semasa proses pemasangan dan pemeriksaan perlu dijalankan dengan lebih berkesan di kilang (lebih masa dan kakitangan diperlukan).</p> <p>Modul latihan kepada pemandu dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan latihan pemanduan untuk ambulans baru disediakan oleh pembekal. Pendedahan kaedah pemanduan yang betul dan selamat berdasarkan keupayaan kenderaan, jalanraya dan sebagainya telah dibuat dari semasa ke semasa samada di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Hospital.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Perenggan 16 : Pengurusan Kenderaan Dan Jentera

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1	<p>Prestasi Pengurusan Kenderaan Dan Jentera - Usia Kenderaan Dan Jentera</p> <p>Pada umumnya, JBPM telah menetapkan bahawa kenderaan/jentera yang telah berusia melebihi usia 15 tahun perlu dilupuskan/diganti sekiranya tidak ekonomi untuk dibaiki dan juga telah mencapai umur <i>beyond economy repair</i> (BER). Setakat 30 September 2012, analisis Audit terhadap 899 kenderaan dan jentera yang masih digunakan bagi 5 negeri yang dilawati secara sampel mendapat 145 unit (16%) kenderaan/jentera adalah berusia melebihi 15 tahun; 272 unit (30%) kenderaan/jentera berusia antara 10 hingga 15 tahun dan 478 unit (53%) kenderaan/jentera adalah berusia kurang daripada 10 tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, kedudukan usia kenderaan dan jentera adalah baik di mana 83% daripada kenderaan dan jentera di 5 negeri yang dilawati adalah berusia kurang daripada 15 tahun.</p>	JBPM akan menerima 100 unit jentera baru jenis <i>Fire Rescue Tender</i> (FRT) pada 31 Disember 2013 bagi menggantikan 100 unit jentera Bomba yang telah mencapai umur <i>beyond economy repair</i> (BER). Ini akan meningkatkan peratusan usia kenderaan dan jentera JBPM yang kurang daripada 15 tahun.
16.5.1.3.a	<p>Prestasi Perkhidmatan - Prestasi Perkhidmatan Pesawat</p> <p>Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, JBPM mempunyai 8 unit pesawat yang terdiri daripada 2 unit Mi-171, 2 unit Mi-17-IV, 2 unit Agusta AW139 dan 2 unit Agusta A109E (Power). Kesemua pesawat ini beroperasi di dua pangkalan udara di Semenanjung Malaysia iaitu Pangkalan Udara Subang, Selangor dan Pangkalan Udara Bertam, Pulau Pinang. Namun seunit pesawat Agusta A109E (Power) telah terhempas pada bulan September 2010 dan pelupusan secara hadiah kepada Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia bagi tujuan pembelajaran telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 22 November 2012.</p> <p>Berdasarkan kontrak penyenggaraan, bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, jumlah jam penerbangan maksimum tanpa caj tambahan bagi pesawat Mi-17-IV/Mi-171 adalah 3,840 jam , manakala Agusta A109E (Power) dan Agusta AW139 adalah 2,520 jam. Analisis Audit mendapat jumlah jam penerbangan sebenar bagi 8 unit pesawat untuk tempoh tahun 2009 hingga 2012 adalah hanya di antara 1,219.10</p>	Mulai 7 Disember 2011, JBPM telah melaksanakan <i>Performance Base Contract</i> .

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p>jam (32.8%) hingga 1,836.70 jam (72.9%) daripada yang ditetapkan dalam kontrak. Ketiadaan tempoh masa yang ditetapkan dalam kontrak bagi kerja penyenggaraan/pembaikan dan pesawat berada dalam keadaan <i>unserviceable</i> untuk satu tempoh yang lama menyebabkan jumlah jam penerbangan yang ditetapkan tidak dapat dicapai.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Sasaran jam penerbangan (Utilization Effort Rate) yang ditetapkan di dalam kontrak penyenggaraan pesawat adalah panduan untuk menentukan kekerapan penyenggaraan pesawat oleh Syarikat Airod Sdn. Bhd. Ia bukan penetapan jam penerbangan yang perlu dilaksanakan. Kegagalan mencapai jam penerbangan tersebut tidak memberi kesan terhadap kadar kos penyenggaraan ataupun menyebabkan pembaziran. Penyenggaraan 2 unit pesawat yang mengambil masa panjang telah mengurangkan jumlah dan peratus keseluruhan jam penerbangan.</i></p> <p>Bagi tempoh tahun 2009 hingga November 2011 pembayaran adalah berdasarkan klaus 5, syarat kontrak iaitu <i>monthly firm fixed price</i> dan pada pendapat Audit ini menyebabkan pembaziran walaupun tiada penerbangan dijalankan. Bagaimanapun, bagi tempoh bulan Disember 2011 hingga Disember 2012, penambahbaikan telah dilaksanakan dengan mewujudkan kontrak berdasarkan <i>Performance Base Contract (PBC)</i>.</p>																
16.5.1.3.b.i	<p>Prestasi perkhidmatan udara diukur melalui <i>Aircraft Serviceability</i> (tahap fungsi pesawat); <i>Aircraft Availability</i> (tahap kesediaan pesawat) dan <i>Mission Reliability</i> (tahap keupayaan menjayakan operasi). Semakan Audit terhadap prestasi perkhidmatan udara adalah seperti berikut:-</p> <p>Bagi tempoh tahun 2009 hingga November 2011, peratus pencapaian <i>aircraft serviceability</i> melebihi 75% untuk kesemua jenis pesawat adalah di antara 31% hingga 61%.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Antara punca ketidakcapaian aircraft serviceability adalah kerana pesawat memasuki pemeriksaan rutin; komponen utama pesawat mengalami kerosakan dan pesawat menjalani penyenggaraan overhaul. Turn Around Time (TAT) untuk kebanyakan komponen yang dihantar ke negara pembekal untuk pembaikan tidak boleh dijangkakan tarikh ia dikembalikan kerana negara pembekal tidak mampu memberi dengan tepat tempoh masa pembaikan dan tempoh masa penghantaran semula komponen tersebut ke Malaysia.</i></p>	<p>Faktor yang menjadikan <i>serviceability</i> 4 pesawat Mi-17 dan Mi-171 adalah disebabkan tempoh <i>downtime</i> yang lama untuk penyenggaraan <i>overhaul</i> seperti di jadual di bawah.</p> <p style="text-align: center;"><i>Tempoh Downtime Penyenggaraan Overhaul Pesawat</i></p> <table border="1" data-bbox="1304 975 1955 1156"> <thead> <tr> <th>No</th> <th>Model A/C</th> <th>Bil. (Unit)</th> <th>Penyelenggaraan (Overhaul)</th> <th>Tempoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a.</td> <td>Mi-17</td> <td>2</td> <td>Penyelenggaraan 1,000 jam</td> <td>6 – 8 bulan</td> </tr> <tr> <td>b.</td> <td>Mi-171</td> <td>2</td> <td>Penyelenggaraan 1,500 jam</td> <td>6 – 7 bulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mulai 7 Disember 2011, JBPM telah melaksanakan <i>Performance Base Contract</i> di mana <i>Aircraft Availability</i> berdasarkan kepada KPI seperti di jadual di bawah.</p>	No	Model A/C	Bil. (Unit)	Penyelenggaraan (Overhaul)	Tempoh	a.	Mi-17	2	Penyelenggaraan 1,000 jam	6 – 8 bulan	b.	Mi-171	2	Penyelenggaraan 1,500 jam	6 – 7 bulan
No	Model A/C	Bil. (Unit)	Penyelenggaraan (Overhaul)	Tempoh													
a.	Mi-17	2	Penyelenggaraan 1,000 jam	6 – 8 bulan													
b.	Mi-171	2	Penyelenggaraan 1,500 jam	6 – 7 bulan													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																					
		<p style="text-align: center;">KPI Bagi Penyenggaraan Pesawat</p> <table border="1" data-bbox="1364 263 2022 477"> <thead> <tr> <th>No</th><th>Model A/C</th><th>Performance Measure</th><th>Contractual Target</th><th>Weightage</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">a.</td><td rowspan="2">Mi-17/Mi-171</td><td>Aircraft Availability</td><td>3 FMC</td><td>65%</td></tr> <tr> <td>Mission Reliability</td><td>90%</td><td>35%</td></tr> <tr> <td rowspan="2">b.</td><td rowspan="2">A109E/A W139</td><td>Aircraft Availability</td><td>2 FMC</td><td>65%</td></tr> <tr> <td>Mission Reliability</td><td>90%</td><td>35%</td></tr> </tbody> </table> <p>Sekiranya pihak kontraktor tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan seperti di atas bayaran bulanan akan ditolak. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak RM498,407 penalti telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan.</p>	No	Model A/C	Performance Measure	Contractual Target	Weightage	a.	Mi-17/Mi-171	Aircraft Availability	3 FMC	65%	Mission Reliability	90%	35%	b.	A109E/A W139	Aircraft Availability	2 FMC	65%	Mission Reliability	90%	35%
No	Model A/C	Performance Measure	Contractual Target	Weightage																			
a.	Mi-17/Mi-171	Aircraft Availability	3 FMC	65%																			
		Mission Reliability	90%	35%																			
b.	A109E/A W139	Aircraft Availability	2 FMC	65%																			
		Mission Reliability	90%	35%																			
16.5.1.3.b.ii	<p>Bagi tempoh bulan Disember 2011 hingga Disember 2012 di bawah kontrak baru pula, pencapaian <i>aircraft availability</i> berstatus FMC (<i>Full Mission Capable</i>) adalah hanya 71.3% bagi jenis Mi-17-IV/Mi-171 manakala 2.8% bagi pesawat Agusta AW139/A109E (<i>Power</i>) berbanding KPI yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian KPI bagi <i>Mission Reliability</i> untuk semua pesawat adalah melebihi 90% daripada yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Aircraft availability</i> tidak dapat mencapai <i>Full Mission Capable</i> (<i>FMC</i>) kerana peralatan misi rosak dan kelewatan pembekalan spare part oleh negara pembekal. Bagaimanapun keadaan tidak menjelaskan keupayaan pesawat menjalankan sesuatu misi kerana keperluan misi akan disokong oleh pesawat lain yang mempunyai peralatan misi yang diperlukan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian KPI bagi penyenggaraan pesawat adalah kurang memuaskan kerana peratusan pencapaian <i>aircraft serviceability</i> dan <i>aircraft availability</i> adalah rendah.</p>	Mulai 7 Disember 2011, JBPM telah melaksanakan <i>Performance Base Contract</i> . Sekiranya pihak kontraktor tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan bayaran bulanan akan ditolak. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak RM498,407 penalti telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan.																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.4.a	<p>Prestasi Perkhidmatan Kenderaan Darat Dan Marin</p> <p>Norma keluaran (<i>turn out</i>) bagi perkhidmatan kenderaan darat dan marin ditetapkan berdasarkan kategori balai, jenis perkhidmatan dan bilangan perjawatan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapat sebanyak 12 (21.8%) daripada 55 balai bomba yang dilawati tidak mengikuti norma keluaran yang ditetapkan. Ini adalah kerana terdapat kekurangan perjawatan sebanyak 160 berbanding dengan norma perjawatan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Justifikasi dan punca norma perjawatan yang tidak dipatuhi bagi balai bomba yang berkaitan adalah kerana permohonan perjawatan pasukan-pasukan khas seperti Pasukan Penyelamatan Di Air (PPDA), Emergency Medical Rescue Services (EMRS) dan Rapid Intervention Motorcycle (RIM) mengikut norma keluaran bagi setiap balai bomba tidak diluluskan oleh pihak JPA pada tahun 2011.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perkhidmatan kenderaan udara, darat dan marin JBPM adalah kurang memuaskan kerana sasaran jumlah jam penerbangan pesawat, norma keluaran yang diukur melalui <i>Aircraft Serviceability</i> (tahap fungsi pesawat); <i>Aircraft Availability</i> (tahap kesediaan pesawat) dan norma keluaran bagi kenderaan darat dan marin yang ditetapkan tidak dapat dicapai sepenuhnya.</p>	<p>Pengauditan Penjajaran Perjawatan di JBPM akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Mei 2013 dan dijangka selesai pada November 2013. Jawatankuasa Pengauditan Penjajaran Perjawatan JBPM ini terdiri dari wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tujuan pengauditan ini adalah untuk merumuskan sama ada terdapat keperluan perjawatan tambahan/pengurangan berdasarkan keperluan semasa atau perjawatan sedia ada diselaraskan di Bahagian/Unit/Balai yang berkenaan seperti yang diputuskan dalam mesyuarat <i>exit conference</i> pada 6 Mac 2013.</p>
16.5.2.1.a	<p>Pengurusan Kenderaan Dan Jentera - Norma Keperluan Kenderaan Dan Jentera Bomba Tidak Dipatuhi</p> <p>Bilangan keperluan kenderaan dan jentera bomba bergantung kepada kategori balai bomba dan mengikut norma yang ditetapkan oleh JBPM berdasarkan kepada risiko yang dihadapi di sesuatu zon berdasarkan kategori balai bomba sama ada di Zon A, Zon B dan Zon C. Semakan Audit terhadap pengagihan jentera FRT/Water Tander, LFRT/RFRT dan Kenderaan Khas di 55 balai bomba mendapat hanya 2 (4%) balai bomba mengikuti norma keperluan yang telah ditetapkan. Manakala bagi kenderaan utiliti, pihak Audit mendapat JBPM tidak menetapkan norma keperluan mengikut kategori balai bomba.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Proses perolehan jentera bomba termasuk kenderaan PPDA dan Pasukan EMRS tidak dapat dipenuhi kerana JBPM tidak mempunyai peruntukan kewangan yang</i></p>	<p>JBPM telah melaksanakan proses perolehan 100 unit jentera FRT pada tahun 2010 melalui proses rundingan terus dan diagihkan pada tahun 2012. Sejumlah 100 unit jentera FRT lagi akan diperolehi melalui kaedah rundingan terus pada tahun 2013. Surat kelulusan rundingan terus oleh Kementerian Kewangan diperolehi pada 2 April 2012. Jentera FRT tersebut akan diserahkan kepada JBPM pada 31 Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mencukupi untuk meneruskan perancangan perolehan jentera bomba untuk ditempatkan di balai-balai mengikut norma yang telah ditetapkan pada tahun 2012. JBPM akan menyediakan cadangan norma keperluan bagi kenderaan utiliti untuk diguna pakai di balai-balai seluruh negara.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan keperluan jentera dan kenderaan bomba adalah kurang memuaskan kerana norma keperluan jentera dan kenderaan yang ditetapkan tidak dipatuhi di 53 (96%) daripada balai bomba yang dilawati.</p>	
16.5.2.2	<p>Pengagihan Tidak Mengikut Perancangan Asal</p> <p>Analisis Audit terhadap perancangan dan pengagihan sebenar kenderaan dan jentera ke 5 negeri yang dilawati bagi tempoh perolehan tahun 2009 hingga 2011 mendapati tiada bukti pengagihan ke negeri dan balai bomba telah dibuat mengikut perancangan yang telah ditetapkan di peringkat Ibu Pejabat JBPM. Analisis lanjut terhadap Laporan Tahunan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-8) bagi lokasi sampel yang dipilih mendapati beberapa negeri/lokasi tidak menerima kenderaan/jentera seperti mana yang dicadangkan; terdapat kurangan pengagihan di antara 2 hingga 29 unit dan terdapat juga negeri yang menerima kenderaan melebihi bilangan yang dicadangkan antara 5 hingga 9 unit.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Pengagihan jentera dan kenderaan ke JBPM Negeri tidak mengikut perancangan asal disebabkan tidak semua bilangan kenderaan yang dirancang dapat diperolehi di dalam tempoh tersebut. Pengagihan semula kenderaan perlu dibuat bagi menampung kekurangan tersebut serta menilai keadaan semasa dan faktor risiko kebakaran di kawasan jagaan sesebuah balai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, masih terdapat kelemahan dalam pengagihan kenderaan/jentera kerana pengagihan tidak dibuat berdasarkan perancangan asal.</p>	<p>JBPM telah melaksanakan proses perolehan 100 unit jentera FRT pada tahun 2010 melalui proses rundingan terus dan diagihkan pada tahun 2012. Sejumlah 100 unit jentera FRT lagi akan diperolehi melalui kaedah rundingan terus pada tahun 2013. Surat kelulusan rundingan terus oleh Kementerian Kewangan diperolehi pada 2 April 2012. Jentera FRT tersebut akan diserahkan kepada JBPM pada 31 Disember 2013.</p>
16.5.2.3.a	<p>Pangkalan Udara Tidak Beroperasi Sepenuhnya</p> <p>Pangkalan Udara Bertam bernilai RM43.56 juta telah dibina dan diserahkan kepada JBPM secara rasmi pada 24 November 2009. Semakan Audit mendapati JBPM telah menempatkan satu <i>detasmen</i> pesawat Mi-171 di Pangkalan Udara Bertam secara sementara bermula bulan September 2011 iaitu setelah 22 bulan daripada tarikh pangkalan diserahkan kepada JBPM. Pangkalan Udara Bertam tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana perjawatan bagi pengoperasian pangkalan udara ini masih belum diluluskan. JBPM terpaksa menempatkan pegawai secara sementara</p>	<p>JBPM telah menerima Waran Perjawatan Bil. S58 Tahun 2013 bertarikh 27 Mac 2013 yang meluluskan perjawatan di Pangkalan Udara Bertam melalui surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BPB (19.00) 202/1/2-1 JD.18 s.k (13)(3) bertarikh 28 Mac 2013. JBPM akan membuat pengisian perjawatan secara berperingkat pada tahun 2013 bermula pada 15 Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>bagi membolehkan pengendalian pesawat dijalankan. Adalah didapati JBPM hanya mengemukakan permohonan pewujudan jawatan baru di Pangkalan Udara Bertam kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 19 Mei 2010 iaitu selepas 6 bulan daripada tarikh penyerahan rasmi dibuat. Manakala KPKT hanya memajukan permohonan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Mei 2012 iaitu berlaku kelewatan selama 24 bulan. KPKT memaklumkan bahawa kelewatan permohonan ini adalah disebabkan dasar pembekuan pengambilan jawatan di semua kementerian/jabatan oleh pihak JPA yang telah dikeluarkan pada 22 April 2010.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Permohonan perjawatan baru telah pun dibuat dan kini dalam pertimbangan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh sebab permohonan perjawatan ini melibatkan pewujudan fasiliti baru di JBPM, kertas permohonan tersebut perlu diangkat untuk pertimbangan ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) pada 12 Mac 2013 sebelum perakuan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk maksud pengeluaran Waran Perjawatan. Kelewatan yang berlaku di dalam mengemukakan permohonan perjawatan kepada JPA adalah disebabkan terdapatnya beberapa kekurangan di dalam kertas permohonan yang dikemukakan dan perlu dibaiki dengan tambahan maklumat lain yang diperlukan.</i></p>									
16.5.2.3.b	<p>Analisis lanjut mendapati JBPM hanya mempunyai sejumlah 47 perjawatan juruterbang/anak kapal atau 66% berbanding 64 perjawatan yang sepaututnya. Kelemahan dalam merancang keperluan perjawatan selaras dengan perancangan perolehan pesawat telah mengakibatkan norma perjawatan tidak dapat dipenuhi seterusnya mengakibatkan pangkalan udara tidak dapat beroperasi sepenuhnya.</p>	<p>JBPM telah menerima Waran Perjawatan Bil. S58 Tahun 2013 bertarikh 27 Mac 2013 yang meluluskan perjawatan di Pangkalan Udara Bertam melalui surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BPB (19.00) 202/1/2-1 JD.18 s.k (13)(3) bertarikh 28 Mac 2013.</p> <p>Sehingga 7 Mei 2013, jumlah perjawatan bagi kedua-dua Pangkalan Udara Subang dan Pangkalan Udara Bertam ialah 96 perjawatan seperti di Jadual di bawah.</p> <p style="text-align: center;">Ringkasan Analisis Perjawatan Yang Diluluskan Oleh JPA</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <thead> <tr> <th rowspan="2" style="width: 40%;">Bidang Tugas</th> <th colspan="2" style="width: 60%;">Bilangan Mengikut Waran Perjawatan (W.P.)</th> </tr> <tr> <th style="width: 30%;">W.P. Bil. S 56 2009 (Pangkalan)</th> <th style="width: 30%;">W.P. Bil. S 58 2013 (Pangkalan Bertam)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Bidang Tugas	Bilangan Mengikut Waran Perjawatan (W.P.)		W.P. Bil. S 56 2009 (Pangkalan)	W.P. Bil. S 58 2013 (Pangkalan Bertam)			
Bidang Tugas	Bilangan Mengikut Waran Perjawatan (W.P.)									
	W.P. Bil. S 56 2009 (Pangkalan)	W.P. Bil. S 58 2013 (Pangkalan Bertam)								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini		
			Subang)	
		Juruterbang/Pembantu Juruterbang	25	18
		Flight Engineers/Kuartermaster Udara	29	24
		Jumlah	54	42
16.5.2.3.c	<p>Selain itu, kekurangan juruterbang juga telah menjaskankan operasi pangkalan udara. Semenjak tahun 2001 hingga 2012, JBPM telah membelanjakan sejumlah RM15.27 juta bagi menampung kos latihan kursus asas juruterbang bagi 25 orang pelatih. Bagaimanapun setakat 31 November 2012, seramai 19 pelatih atau 76% masih kekal berkhidmat di mana 7 daripadanya masih berkursus dan hanya terdapat 12 juruterbang/pembantu juruterbang untuk memberikan perkhidmatan udara berbanding 28 juruterbang/pembantu juruterbang mengikut norma perjawatan pesawat yang sepatutnya. Semakan juga mendapati 6 orang pelatih tidak kekal berkhidmat di JBPM disebabkan tempoh kontrak telah tamat dan bayaran insentif penerbangan mempengaruhi motivasi juruterbang dan anak kapal untuk terus kekal berkhidmat di JBPM.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pembinaan Pangkalan Udara Bertam tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana sehingga kini ia tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana ketiadaan perjawatan.</p>	<p>Pengisian perjawatan di Pangkalan Udara Subang sehingga kini adalah berjumlah 47 perjawatan. Bagaimanapun, terdapat 7 orang pelatih juruterbang yang sedang menjalani latihan. 3 daripada 7 orang pelatih juruterbang tersebut akan tamat latihan pada 14 Julai 2013 manakala baki 4 orang pelatih juruterbang akan tamat latihan pada 1 November 2013.</p> <p>Pengisian perjawatan di Pangkalan Udara Bertam pula akan disi secara berperingkat pada tahun 2013 mulai 15 Mei 2013.</p>	<p>3 daripada 7 orang pelatih juruterbang akan tamat latihan pada 14 Julai 2013 manakala baki 4 orang pelatih juruterbang akan tamat latihan pada 1 November 2013.</p> <p>JBPM juga telah menerima Waran Perjawatan Bil S58 Tahun bertarikh 27 Mac 2013 melalui rujukan surat Kementerian kewangan KK/BPB (19.00) 201/1/2-1 JD.18 s.k. (13)(3) bertarikh 28 Mac 2013 yang meluluskan pengisian perjawatan di Pangkalan Udara Bertam.</p> <p>Mulai 15 Mei 2013, Pangkalan Udara Bertam akan beroperasi secara rasmi di mana 3 daripada 7 pesawat bomba akan ditempatkan di pangkalan tersebut. Pengisian jawatan Pangkalan Udara Bertam juga akan dibuat pada 15 Mei 2013.</p>	
16.5.2.4	Kualiti Pembinaan Pangkalan Udara Tidak Memuaskan			
	<p>Lawatan Audit ke Pangkalan Udara Bertam mendapati terdapat kerosakan dan berlaku keretakan yang ketara pada struktur bawah bangunan hangar, berlaku mendapan tanah dan air bertakung di kawasan sekitar landasan pesawat. Ini berpunca daripada tanah kawasan ini adalah jenis tanah gambut dan kerja-kerja tambakan tanah yang tidak sempurna menyebabkan struktur tanah mendap.</p>	<p>Pada 5 April 2013, Bahagian Udara JBPM telah mengemukakan memo rujukan JBPM/IP/UDA:200-3/4 kepada Cawangan Pengurusan Kewangan JBPM untuk memohon peruntukan berjumlah RM110,000 di bawah OS 3200 bagi kerja-kerja meratakan tanah mendap di kawasan helipad, Pangkalan Udara</p>		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kelemahan dalam menentukan reka bentuk projek serta pemantauan dan penyeliaan projek telah menyebabkan kualiti pembinaan bagi projek ini tidak memuaskan.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Kerosakan ini berpunca daripada kerosakan yang berulang selepas tempoh jaminan tamat di mana pemberian kerosakan perlu dibuat di bawah OS 32000. JBPM tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi pada tahun 2012. JBPM akan memohon peruntukan untuk menampung kos pemberian kerosakan di Pangkalan Udara Bertam dalam permohonan peruntukan penyenggaraan tanah dan bangunan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Pembinaan Pangkalan Udara Bertam tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana bangunan yang dibina dengan nilai RM43.56 juta telah mula mengalami kerosakan dan berlaku mendapan terutama di bangunan hangar dan kawasan pendaratan pesawat. Ini menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian dan tidak mendapat <i>value for money</i>.</p>	<p>Bertam. Permohonan tersebut telah diluluskan dan pengagihan waran peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus <i>one-off</i> tahun kewangan 2013 berjumlah RM110,000 telah dibuat kepada Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang menerusi surat bil. JBPM/IP/CPK:400-4/7/1 (C)(2) bertarikh 10 April 2013.</p>
16.5.2.5.a	<p>Penerimaan Dan Penyimpanan Peralatan Operasi/Skuba/Alat Ganti Tidak Diuruskan Dengan Teratur</p> <p>Lawatan fizikal terhadap 35 buah balai bomba mendapati peralatan operasi dan menyelamat telah disimpan di lokasi yang tidak sesuai dan selamat antaranya di bilik mesyuarat, bay jentera dan di luar stor. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ruang penyimpanan yang terhad dan ini boleh mengakibatkan risiko berlakunya kehilangan peralatan operasi yang bernilai tinggi. Pihak Audit juga mendapati rekod berkaitan penerimaan peralatan operasi secara berasingan seperti <i>hose, basket strainer, metal strainer, 3 way collecting head, hydrant adaptor</i> dan lain-lain termasuk peralatan skuba seperti <i>life jacket snorkel, booties, regulator, wet suit, fin, clarity</i> tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Lawatan Audit ke Balai Bomba Dan Penyelamat Teluk Kemang, Negeri Sembilan dan Unit Marin, Pulau Pinang mendapati tiada rekod berkaitan peralatan skuba/alat ganti diselenggarakan dan peralatan/alat ganti tersebut tidak disimpan dengan teratur.</p>	<p>Pada 20 Mac 2013, JBPM telah mengeluarkan arahan “Peringatan Pematuhan Penggunaan Dan Penyimpanan Aset Alih Kerajaan” melalui surat rujukan JBPM/IP/CPT (UPA):400-2/1/2 (1) kepada semua JBPM negeri di seluruh Negara.</p> <p>Peralatan/alat ganti di Unit Marin JBPM Negeri Pulau Pinang telah disusun dan disimpan dengan teratur seperti gambar di bawah.</p> <p>Peralatan/alat ganti di Stor Unit Marin JBPM Negeri Pulau Pinang yang telah disusun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		
16.5.2.5.b	<p>Pemeriksaan Audit di Pangkalan Udara Subang, Selangor dan Bertam, Pulau Pinang mendapati baki sampel minyak telah disimpan dalam <i>drum</i> yang berkapasiti 200 liter per <i>drum</i> dan ditempatkan di kawasan yang terdedah kepada risiko kecurian dan kebakaran. <i>Drum</i> tersebut juga tidak dilabelkan mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>JBPM akan mengambil tindakan sewajarnya pada tahun 2013 bagi memastikan perkara seumpama ini tidak berulang dengan memperbaiki dan memperkemaskin sistem pengurusan aset di JBPM Negeri-Negeri. Drum baki sampel minyak yang diuji telah dialihkan ke dalam stor Petroleum Oil And Lubrication (POL) milik Syarikat Airod Sdn. Bhd.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan stor alat ganti dan peralatan operasi adalah kurang memuaskan kerana alat ganti di stor tidak disimpan dengan teratur mengikut peraturan pengurusan stor.</p>	<p>Drum baki sampel minyak yang diuji telah dialihkan ke dalam stor Petroleum Oil And Lubrication (POL) milik Syarikat Airod Sdn. Bhd.</p> <p>Drum baki sampel minyak yang telah dipindahkan.</p>  <p>Telah Dipindahkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Drum baki sampel minyak yang telah dipindahkan.</p>  <p>Drum baki sampel minyak yang ditempatkan dalam stor Petroleum Oil And Lubrication (POL) milik Syarikat Airod Sdn. Bhd.</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.6	<p>Kelemahan Dalam Memantau Pergerakan Peralatan Operasi</p> <p>Semakan Audit mendapati terdapat kelemahan di dalam mengawal setiap pergerakan peralatan operasi yang berada di dalam jentera mahupun peralatan operasi yang diterima secara berasingan daripada jentera. Lawatan Audit mendapati berlaku pindahan peralatan operasi dari satu jentera ke jentera lain atau ditanggalkan daripada jentera berkenaan. Ini menyukarkan pihak anggota mengenal pasti dan mengawal pergerakan peralatan operasi.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, JBPM telah pun membangunkan sistem e-log (on-line) iaitu Sistem Pemantauan Aset Negeri dan Ibu Pejabat di mana setiap negeri/balai mengetahui status semasa kedudukan aset-aset di seluruh negara. JBPM telah melantik Pegawai Aset yang bertanggungjawab untuk menguruskan aset alih di balai bomba dan negeri masing-masing. Sistem ini perlu dikemas kini setiap masa di mana antara aspek-aspek yang ada termasuklah pemantauan pergerakan aset, penyenggaran dan pemberian aset, penerimaan aset baru dan pelupusan aset. Sistem ini boleh diakses secara on-line oleh Pengarah Negeri, Pengarah Bahagian, Ketua Balai, Pegawai-Pegawai Aset yang dilantik dan pegawai-pegawai yang mempunyai password. Bagi mengenal pasti setiap pergerakan peralatan operasi sesebuah jentera, JBPM bercadang untuk menggunakan sistem penandaan peralatan operasi berdasarkan jentera bomba sebagai alternatif penyelesaian bagi masalah yang wujud.</i></p>	<p>Pada 22 April 2013, surat arahan rujukan JBPM/IP/OPS:300-3/10(70) berkaitan penandaan/<i>tagging</i> dan pengemaskinian pendaftaran inventori peralatan serta kelengkapan kebombaan di dalam jentera bomba telah dikeluarkan kepada semua JBPM negeri di seluruh negara bagi menggunakan pakai sistem penandaan/ <i>tagging</i> sebagai tindakan penambahbaikan.</p>
16.5.2.7	<p>Peralatan Operasi Tidak Digunakan</p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 4 <i>Cobra Cutting Extinguisher E300</i> bernilai RM1.68 juta (RM0.42 juta setiap satu) yang dibeli melalui rundingan terus pada tahun 2006 tidak digunakan di 4 lokasi balai bomba. Peralatan ini telah dipasang di jentera dan digunakan untuk memecahkan dinding bangunan ketika operasi kebakaran dan menyelamat dilaksanakan. Pihak JBPM memaklumkan peralatan ini tidak digunakan kerana didapati telah rosak. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan tempoh kerosakan yang berlaku serta tiada bukti menunjukkan tindakan pemberian mahupun tindakan pelupusan diambil terhadap peralatan ini.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>JBPM telah pun menerima perolehan ini melalui proses rundingan terus pada tahun 2006 dengan nilai kontrak berjumlah RM9,980,000 (10 set) dan kontrak tambahan RM38,649,000 (92 set) di mana Syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn. Bhd. telah</i></p>	<p>JBPM telah bersetuju untuk melupuskan peralatan ini dan satu mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan tindakan pelupusan akan diadakan pada 16 Mei 2013 yang melibatkan Timbalan-timbalan Pengarah JBPM Negeri dan dijangka pelupusan akan dapat selesai pada bulan Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>membekalkan sejumlah 102 set peralatan ini. JBPM telah membuat perolehan ini melalui kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 6 Februari 2006, walaupun pada peringkat awal JBPM telah menolak tawaran pembelian peralatan ini kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 13 Februari 2006 dan 22 Februari 2006 kepada pihak Kementerian Kewangan memandangkan ianya tidak termasuk di dalam perancangan JBPM di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) dan JBPM tidak mempunyai keperluan mendesak bagi memperolehi peralatan tersebut. Pemasangan peralatan ini pada jentera bomba telah pun menimbulkan banyak masalah antaranya ialah jentera menjadi senget, keberatan bertambah, kebocoran pada badan jentera dan masalah teknikal yang lain. Tambahan lagi peralatan-peralatan sedia ada sudah memadai untuk digunakan bagi tujuan memadam kebakaran dan menyelamat. Di samping itu juga boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna kerana working pressure yang tinggi antara 260 hingga 300 bar.</i></p> <p><i>JBPM dalam tindakan untuk mengeluarkan peralatan ini daripada jentera dan akan dipasang pada kenderaan-kenderaan yang lain. Bagi peralatan-peralatan yang rosak dan melibatkan kos penyenggaraan yang tinggi, ia dicadangkan untuk dilupuskan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan operasi dan peralatan di balai bomba adalah kurang memuaskan dan peralatan tidak digunakan serta tiada bukti tindakan pembaikan/pelupusan diambil terhadap peralatan <i>Cobra Cutting Extinguisher</i>. Di samping itu, perolehan yang tidak dirancang akan menyebabkan berlakunya pembaziran.</p>	
16.5.2.8.a.i	<p>Penyenggaraan Kenderaan Dan Jentera - Norma Masa Pembaikan Dan Penyenggaraan Tidak Ditetapkan</p> <p>Semakan Audit mendapati tiada norma masa telah ditetapkan oleh JBPM bagi menentukan tempoh masa yang diperlukan bagi membaiki pesawat yang <i>unserviceable</i>. Bagi tahun 2011, pihak Audit dimaklumkan bahawa pesawat Mi-17-IV (M994-02) dan Mi-171 (M994-03) telah menjalani penyenggaraan <i>overhaul</i>. Berdasarkan kepada <i>Final Firm Fixed Quotation</i> bagi kedua-dua jenis pesawat tersebut telah menetapkan tempoh kerja penyenggaraan <i>overhaul</i> bagi pesawat Mi-17-IV adalah selama 120 hari manakala Mi-171 selama 140 hari. Semakan Audit terhadap <i>Monthly Average Serviceability Report</i> mendapati bagi tempoh bulan Mei 2011 hingga Disember 2011 pesawat Mi-17-IV (M994-02) berada dalam status <i>unserviceable</i> iaitu selama 245 hari melebihi tempoh <i>overhaul</i> yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tuntutan ganti rugi (LAD) berjumlah RM444,347 telah dibuat kepada kontraktor pada 20 Mac 2013.</p>	<p>JBPM telah mengemukakan tuntutan LAD berjumlah RM444,347 kepada kontraktor berhubung kelewatan penyenggaraan <i>overhaul</i> bagi pesawat.</p> <p>Mulai 7 Disember 2011, JBPM telah melaksanakan <i>Performance Base Contract</i>. Sekiranya pihak kontraktor tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan bayaran bulanan akan ditolak. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak RM498,407 penalti telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.8.a.ii	<p>Analisis Audit menunjukkan antara punca KPI pesawat (<i>aircraft serviceability</i> dan <i>aircraft availability</i>) tidak dapat dicapai adalah kerana pesawat berada dalam tempoh penyenggaraan yang lama iaitu di antara 30 hingga 245 hari dan kelewatan untuk mendapatkan alat ganti daripada negara pembekal. Ini telah mengakibatkan penggunaan pesawat tidak berada di tahap optimum.</p>	<p>JBPM telah mengemukakan tuntutan LAD berjumlah RM444,347 kepada kontraktor berhubung kelewatan penyenggaraan <i>overhaul</i> bagi pesawat.</p> <p>Mulai 7 Disember 2011, JBPM telah melaksanakan <i>Performance Base Contract</i>. Sekiranya pihak kontraktor tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan bayaran bulanan akan ditolak. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak RM498,407 penalti telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan.</p>
16.5.2.8.a.iii	<p>Adalah didapati juga tiada norma masa ditetapkan bagi tempoh masa penyenggaraan dan pembaikan kenderaan dan jentera darat yang dihantar kepada syarikat swasta. Berdasarkan rekod penyenggaraan dan pembaikan kenderaan dan jentera yang dihantar kepada syarikat swasta mendapat tempoh masa pembalikan kenderaan dan jentera adalah di antara 83 hingga 155 hari.</p>	<p>Tempoh masa pembalikan kenderaan dan jentera JBPM antara 83 hingga 155 hari berlaku pada tahun 2010 dan 2011 yang melibatkan 3 buah kenderaan dan jentera bomba. Berdasarkan penjelasan yang telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada 26 Mac 2013, antara punca tempoh pembalikan yang lama adalah alat ganti berkaitan kerosakan enjin perlu diimport dan pengimportan mengambil masa antara 3-4 bulan; kajian bagi menentukan rekabentuk komponen yang boleh disesuaikan pada jentera LFRT perlu dibuat sebelum tempahan; dan komponen yang ditempah hanya diterima selepas 2 bulan.</p>
16.5.2.8.b.i	<p>Penyenggaraan Berjadual Tidak Mengikut Norma Yang Ditetapkan</p> <p>Penyenggaraan berjadual yang dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan Negeri adalah berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap Buku Daftar Kerja Servis/Daftar Penyenggaraan/KEW.PA-2 bagi 900 unit kenderaan dan jentera mengikut kategori di 5 negeri yang dilawati mendapat pencapaian prestasi kerja penyenggaraan berjadual adalah tidak memuaskan di mana norma penyenggaraan berjadual hanya dapat dipatuhi di antara 0.6% hingga 13% daripada yang ditetapkan. Penyenggaraan yang tidak mengikut norma boleh mengakibatkan gangguan kerosakan besar terhadap kenderaan dan jentera seterusnya menjelaskan operasi kebombaan.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Norma kerja penyenggaraan berjadual hanya mula ditetapkan berdasarkan dokumen ISO yang telah dipinda dan disahkan untuk diguna pakai pada 8 Februari 2011 di mana dalam dokumen tersebut telah dinyatakan secara umum bahawa semua kenderaan/jentera dan peralatan hendaklah disenggara sekurang-kurangnya 3 kali setahun; mengikut manual kenderaan atau mengikut jumlah perjalanan kenderaan. Prestasi penyenggaraan berjadual menurun disebabkan pelaksanaan</i></p>	<p>Norma kerja penyenggaraan berjadual hanya mula ditetapkan oleh JBPM pada 8 Februari 2011. Norma kerja penyelenggaraan tersebut telah dilaksanakan di semua negeri pada tahun 2012. Pencapaian norma kerja penyelenggaraan pada tahun 2012 bagi 5 negeri yang dilawati oleh Jabatan Audit Negara adalah antara 64.1% dan 72.1%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
		Penyenggaraan Berjadual Mengikut Kategori Kenderaan Bagi Tahun 2012						
Peratus (%)	Jumlah	WP Putrajaya	Sabah	N.Sembilan	P.Pinang	WPKL	Negeri	
	850	29	262	171	200	188	Jumlah Kend.	
72.1	106	3	15	27	25	36	Ikut Jadual	
27.9	44	0	35	0	9	0	Tidak Ikut Jadual	
64.1	66	7	1	15	17	26	Ikut Jadual	
35.9	37	1	16	8	5	7	Tidak Ikut Jadual	
67.8	299	10	66	72	75	76	Ikut Jadual	
32.2	142	2	75	16	27	22	Tidak Ikut Jadual	
69.7	108	0	23	33	31	21	Ikut Jadual	
30.3	48	6	31	0	11	0	Tidak Ikut Jadual	
							Kend. Marin	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Punca utama ketidakcapaian norma kerja penyenggaraan adalah kekurangan mekanik.
16.5.2.8.b.ii	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti peralatan bermotor seperti <i>chain saw, power saw, circular saw</i> dan <i>portable pump</i> yang ditempatkan di dalam jentera bomba telah disenggarakan mengikut jadual atau norma iaitu 2 kali setahun. Ini disebabkan tiada dokumen lengkap berkenaan butiran penyenggaraan peralatan bermotor mengikut jentera bomba di Bahagian Kejuruteraan Negeri mahu pun di balai bomba yang dilawati.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Peralatan-peralatan yang diletakkan di dalam jentera tidak mempunyai kad harta modal individu sebaliknya ia diwujudkan bersama-sama dengan kad harta modal jentera bomba. Keadaan ini menyebabkan rekod penyenggaraan tidak dapat dibuktikan. JBPM bercadang untuk mewujudkan rekod penyenggaraan untuk setiap peralatan yang terdapat di dalam jentera bomba.</i></p>	Mulai bulan Januari 2013, JBPM telah mewujudkan rekod penyelenggaraan untuk setiap peralatan yang terdapat di dalam jentera bomba dengan menggunakan borang KEJ-1.
16.5.2.8.c	<p>Kenderaan Rosak Tidak Diambil Tindakan Pembaikan</p> <p>Pemeriksaan Audit pada bulan September 2012 mendapati terdapat kenderaan/jentera yang rosak dan tidak dapat digunakan lagi namun tiada bukti menunjukkan tindakan pembaikan ada diambil.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Kerosakan bagi 2 unit jentera (merujuk Gambar 16.32 dan 16.33) telah dibaiki melalui proses sebut harga/dalaman (peringkat Kejuruteraan Negeri) dan telah siap sepenuhnya pada 10 Disember 2012 dan 19 Februari 2013 manakala Jentera Ford Light Truck dicadangkan untuk tindakan pelupusan kerana tiada alat ganti. Anggaran kos pembaikan adalah antara RM50,000 hingga RM60,000.</i></p>	JBPM Negeri Sabah telah mengambil keputusan untuk tidak melupuskan jentera FRT <i>Ford Light</i> tetapi melaksanakan pembaikan dalaman dengan perolehan alat ganti secara pembelian terus. Proses menanggalkan <i>gear box</i> telah dilaksanakan dan proses perolehan sedang dilaksanakan. JBPM menjangkakan jentera tersebut boleh digunakan selepas kerja pembaikan diselesaikan pada bulan Jun 2013.
16.5.2.8.d	Kekurangan Perjawatan Mekanik Bagi Melaksanakan Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan Kenderaan	Analisis Audit terhadap jumlah perjawatan yang diwujudkan di Bahagian Kejuruteraan Negeri dan Bahagian Kejuruteraan Zon mendapati 51 jawatan atau 91% diisi daripada 56 jawatan yang disediakan mengikut gred iaitu Jurutera (J41), Penolong Jurutera Kanan (J36), Penolong Jurutera (J29), Juruteknik Kanan (J22), Nisbah antara mekanik dengan jumlah kenderaan adalah 1:08 pada tahun 1997. Nisbah ini telah meningkat ke 1:12 pada tahun 2000, 1:20 pada tahun 2003 dan 1:26 pada tahun 2012. Ini jelas menunjukkan beban tugas yang ditanggung oleh mekanik

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																				
	<p>Juruteknik (J17), Pegawai Bomba (KB17) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi N17). Daripada jumlah 56 perjawatan tersebut, didapati 20 atau 36% perjawatan yang disediakan adalah daripada Gred J17 hingga J41 dan N17, manakala 36 atau 64% perjawatan adalah daripada Pegawai Bomba Gred KB17. Berdasarkan kepada nisbah perjawatan yang terlibat secara langsung dengan pembaikan dan penyenggaraan kenderaan/jentera berbanding jumlah kenderaan/jentera yang diselia didapati Bahagian Kejuruteraan di negeri Pulau Pinang menunjukkan nisbah yang tertinggi iaitu (1:27) di mana setiap satu tenaga kerja mengawal selia 27 kenderaan/jentera. Ini adalah disebabkan wujud kekurangan perjawatan tenaga kerja mekanik berbanding bilangan kenderaan dan jentera yang dikawalselia serta penglibatan tenaga kerja mekanik di dalam aktiviti jabatan kerana tenaga kerja mekanik adalah terdiri daripada Pegawai Bomba Gred KB17.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Jawatan mekanik merupakan perjawatan kader JPA di mana pada waktu tersebut pengisian tidak dapat dibuat sehingga tahun 2011 dan seterusnya perjawatan tersebut dimansuhkan oleh pihak JPA hingga menyebabkan kekurangan mekanik bagi kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan kenderaan. JPA akan mempertimbangkan keperluan jawatan tersebut bersekali dengan pelaksanaan kajian keperluan jawatan JBPM yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kerja penyenggaraan kenderaan dan jentera adalah tidak memuaskan kerana norma masa penyenggaraan/pembaikan pesawat tidak ditetapkan, penyenggaraan berjadual tidak mematuhi norma yang ditetapkan; tempoh masa pembalikan yang lama di bengkel swasta; tiada bukti peralatan bermotor disenggarakan mengikut norma yang ditetapkan, kenderaan/jentera yang rosak tidak diambil tindakan dengan segera dan kekurangan perjawatan mekanik bagi melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan di Bahagian Kejuruteraan.</p>	<p>meningkat dari tahun 1997 ke tahun 2012. Nisbah antara mekanik dengan jumlah kenderaan bagi tahun 1997 hingga tahun 2012 adalah seperti di Jadual di bawah.</p> <p style="text-align: center;">Nisbah Antara Mekanik Dengan Jumlah Kenderaan Bagi Tahun 1997 Hingga Tahun 2012</p> <table border="1" data-bbox="1275 377 1932 1327"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Nisbah Antara Mekanik Dengan Jumlah Kenderaan</th> <th rowspan="2">Statistik Kenderaan</th> <th rowspan="2">% Pertambahan Kenderaan</th> <th rowspan="2">Jum. Kenderaan</th> <th rowspan="2">Perjawatan Mekanik</th> <th colspan="2">Perkara</th> <th rowspan="2">Tahun</th> </tr> <tr> <th>% Pertambahan Mekanik</th> <th>Bil Mekanik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1:08</td> <td>-</td> <td>951</td> <td>-</td> <td>118</td> <td>1997</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1:12</td> <td>46.9</td> <td>1397</td> <td>0</td> <td>118</td> <td>2000</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1:20</td> <td>144.8</td> <td>2328</td> <td>0</td> <td>118</td> <td>2003</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1:20</td> <td>149.7</td> <td>2375</td> <td>0</td> <td>118</td> <td>2006</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1:21</td> <td>174.3</td> <td>2609</td> <td>3.4</td> <td>122</td> <td>2009</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1:26</td> <td>229.8</td> <td>3137</td> <td>3.4</td> <td>122</td> <td>2012</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Nisbah Antara Mekanik Dengan Jumlah Kenderaan	Statistik Kenderaan	% Pertambahan Kenderaan	Jum. Kenderaan	Perjawatan Mekanik	Perkara		Tahun	% Pertambahan Mekanik	Bil Mekanik	1:08	-	951	-	118	1997		1:12	46.9	1397	0	118	2000		1:20	144.8	2328	0	118	2003		1:20	149.7	2375	0	118	2006		1:21	174.3	2609	3.4	122	2009		1:26	229.8	3137	3.4	122	2012	
Nisbah Antara Mekanik Dengan Jumlah Kenderaan	Statistik Kenderaan	% Pertambahan Kenderaan						Jum. Kenderaan	Perjawatan Mekanik		Perkara		Tahun																																									
			% Pertambahan Mekanik	Bil Mekanik																																																		
1:08	-	951	-	118	1997																																																	
1:12	46.9	1397	0	118	2000																																																	
1:20	144.8	2328	0	118	2003																																																	
1:20	149.7	2375	0	118	2006																																																	
1:21	174.3	2609	3.4	122	2009																																																	
1:26	229.8	3137	3.4	122	2012																																																	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Pengauditan Penjajaran Perjawatan di JBPM akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Mei 2013 dan dijangka selesai pada November 2013. Jawatankuasa Pengauditan Penjajaran Perjawatan JBPM ini terdiri dari wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Hasil daripada pengauditan ini, dapat dirumus sama ada terdapat keperluan perjawatan tambahan/pengurangan berdasarkan keperluan semasa ataupun jawatan sedia ada diselaraskan di Bahagian/Unit/Balai yang berkenaan seperti yang diputuskan dalam mesyuarat exit conference pada 6 Mac 2013.
16.5.2.9.a	<p>Pelupusan Kenderaan/Jentera Dan Alat Ganti</p> <p>Pelupusan bagi 18 unit kenderaan JBPM telah diuruskan secara lelongan awam oleh Syarikat Langkawi Auctioneer Sdn. Bhd. pada 30 Oktober 2008. Hasil dari lelongan awam berkenaan, didapati hanya 6 unit kenderaan sahaja yang telah berjaya dilelong manakala 12 kenderaan tidak dijual kerana tiada pembida. Semakan Audit mendapati Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi hanya mengemukakan permohonan kedua bagi tindakan pelupusan secara jualan sisa ke atas 12 unit kenderaan melalui surat bertarikh 7 Ogos 2012 iaitu setelah hampir 4 tahun lelongan awam dibuat.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>12 Unit kenderaan tersebut tidak mendapat sambutan dari orang awam untuk membelinya. Permohonan untuk melanjutkan proses pelupusan secara sebut harga telah dihantar ke Bahagian Kewangan Dan Pemantauan, Kementerian Kewangan pada 9 Januari 2013. Kelulusan telah diperolehi daripada Bahagian Kewangan Dan Pemantauan, Kementerian Kewangan pada 18 Januari 2013 di mana tarikh jangkaan selesai urusan pelupusan adalah sehingga 10 April 2013.</i></p>	Jawatankuasa Pelupusan JBPM telah meluluskan sebut harga pelupusan 15 unit kenderaan secara jualan sisa pada 29 Mac 2013 berjumlah RM51,680 termasuk 10 unit kenderaan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara kepada pembida yang berjaya. Kesemua kenderaan berkenaan telah pun diambil oleh pembida tersebut pada 1 April 2013. Manakala baki 2 unit kenderaan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara masih tidak mempunyai pembida sehingga sebut harga ditutup pada 22 Mac 2013.
16.5.2.9.b	<p>Pihak Audit juga mendapati sebanyak 11 unit kenderaan yang rosak serta tidak ekonomik dibaiki masih disimpan di Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi dan tindakan pelupusan masih tidak diambil.</p> <p>Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>11 unit kenderaan ini masih dalam proses untuk pelupusan. Pihak Kejuruteraan masih menunggu dokumen dari negeri-negeri seperti geran dan kad harta modal</i></p>	Surat permohonan telah pun dihantar kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 19 April 2013 bagi permohonan untuk mendapatkan salinan geran bagi 11 kenderaan tersebut bagi tujuan pelupusan. Pada 30 April 2013, salinan geran telah diperolehi dan JBPM sedang melaksanakan proses pelupusan yang dijangka selesai pada bulan Ogos 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>dan tindakan pelupusan akan dilaksanakan dengan segera setelah dokumen lengkap diterima daripada Pusat Kejuruteraan JBPM.</i>	
16.5.2.9.c	Pemeriksaan fizikal juga mendapat terdapat kenderaan/jentera yang dicadangkan untuk pelupusan diletakkan di tempat yang tidak sesuai.	Jawatankuasa Pelupusan JBPM telah meluluskan sebut harga pelupusan 15 unit kenderaan secara jualan sisa pada 29 Mac 2013 berjumlah RM51,680 termasuk 10 unit kenderaan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara kepada pembida yang berjaya. Kesemua kenderaan berkenaan telah pun diambil oleh pembida tersebut pada 1 April 2013. Manakala baki 2 unit kenderaan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara masih tidak mempunyai pembida sehingga sebut harga ditutup pada 22 Mac 2013.
16.5.2.9.d	Pihak Audit mendapat sebanyak 41 item alat ganti pesawat yang telah dikenal pasti antara tahun 2008 hingga bulan September 2012 untuk dilupuskan. Bagaimanapun sehingga 30 September 2012, masih tiada tindakan pelupusan dibuat oleh Unit Pengurusan Aset, JBPM terhadap item berkenaan. Ini kerana maklumat berkenaan dengan item yang akan dilupuskan juga adalah tidak lengkap seperti tarikh barang dibeli dan tarikh dikeluarkan daripada stok untuk dilupuskan tidak direkodkan. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap stor sementara bagi alat ganti pesawat mendapat terdapat barang yang disimpan di luar daripada stor dan sebahagian di dalam stor dan tidak diuruskan secara teratur. Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 <i>Pangkalan Udara JBPM telah memajukan permohonan kepada Unit Pengurusan Aset JBPM melalui surat bertarikh 26 Februari 2013 bagi alat ganti pesawat yang telah dikenal pasti untuk dilupuskan atas sebab-sebab keadaan usang (obsolete) dan naik taraf pesawat (upgrading). JBPM juga telah mendapat hangar, tambahan stor baru (tanpa melibatkan kos sewaan tambahan) daripada Syarikat Airod Sdn. Bhd. untuk menempatkan komponen yang dalam proses pelupusan.</i>	Surat permohonan pelupusan alat ganti terpakai pesawat, JBPM telah dimajukan oleh Unit Aset, JBPM ke Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT pada 29 April 2013. Kelewatan ini disebabkan oleh nilai keseluruhan alat ganti yang hendak dilupuskan berjumlah RM6.23 juta dan memerlukan semakan yang teliti. Proses pelupusan dijangka dapat diselesaikan pada bulan Oktober 2013.
16.5.2.9.e	Pemeriksaan fizikal di Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi mendapat permohonan bagi pelupusan alat ganti bernilai RM145,955 telah dibuat permohonan pada 28 Februari 2011. Bagaimanapun sehingga 15 Ogos 2012, tindakan pelupusan masih belum diambil. Maklum Balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013 <i>Permohonan bagi pelupusan alat ganti bernilai RM145,955 telah pun dikemukakan</i>	Pada 29 Mac 2013, pelupusan alat ganti bernilai RM145,855 telah dilaksanakan secara jualan sisa dengan nilai hasil jualan sisa sebanyak RM1,050.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kepada Unit Pengurusan Aset JBPM pada 8 Oktober 2012 dan kini dalam penyeliaan dan pemantauan urusan pelupusan oleh Unit Pengurusan Aset dalam proses meluluskan pelupusan.</i></p>	
16.5.2.9.f	<p>Selanjutnya pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan tindakan ada diambil terhadap alat ganti bagi kenderaan RFRT GMC yang tidak aktif/tidak digunakan. Bagaimanapun didapati alat ganti tersebut masih disimpan di stor Kejuruteraan di Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Pusat Kejuruteraan, Salak Tinggi, Sepang.</p> <p>Maklum balas JBPM Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Tiada perancangan pelupusan untuk alat ganti bagi kenderaan Rapid Fire Rescue Tender (RFRT) GMC. Alat ganti RFRT GMC yang terdapat di dalam stor Bahagian Kejuruteraan Negeri akan ditempatkan di Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi dan akan diguna pakai untuk RFRT GMC yang masih digunakan sebagai jentera latihan kawat operasi bagi rekrut-rekrut di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia (FRAM) Kuala Kubu Bahru, Selangor.</i></p>	<p>JBPM Negeri Sembilan dan Pulau Pinang telah menghantar alat ganti jentera RFRT ke Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi masing-masing pada 7 Mac 2013 dan 12 April 2013.</p>
16.5.2.9.g	<p>Kelemahan dalam penyeliaan dan pemantauan urusan pelupusan oleh Unit Pengurusan Aset telah menyebabkan kenderaan/jentera/alat ganti yang rosak/tidak ekonomik tidak dilupuskan dengan segera. Keadaan ini juga telah mengakibatkan berlaku kesesakan di ruang penyimpanan kenderaan/jentera/alat ganti malah nilai kenderaan/jentera/alat ganti juga merosot disebabkan keusangan dan kerajaan tidak mendapat nilai pelupusan yang optimum.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan kenderaan/jentera/alat ganti adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan tindakan pelupusan lewat dilakukan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekurangan ruang penyimpanan serta mengakibatkan kenderaan/jentera tersebut ditempatkan di kawasan yang tidak sesuai dan menjelaskan nilai kenderaan/jentera tersebut.</p>	<p>Maklum balas adalah seperti di perenggan 16.5.2.9.a, 16.5.2.9.e dan 16.5.2.9.f.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Perenggan 17 : Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.1.1	<p>Prestasi Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan - Prestasi Kewangan</p> <p>Pemberian bantuan kewangan kepada NGO dibiayai daripada peruntukan mengurus. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM109.35 juta telah diperuntukkan untuk geran dan sejumlah RM101.24 juta (92.6%) telah diagihkan kepada NGO setakat bulan Disember 2012. Peruntukan keseluruhan BKP pula berjumlah RM11.95 juta dan sejumlah RM11.96 juta (100.1%) telah diagihkan kepada NGO untuk melaksanakan 726 program setakat bulan Disember 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi aktiviti pemberian bantuan kewangan kepada NGO adalah baik kerana hampir keseluruhan peruntukan telah diagihkan kepada NGO berdasarkan permohonan yang diterima.</p>	-
17.5.1.2.a	<p>Prestasi Penggunaan Geran/Pelaksanaan Program – Geran</p> <p>Semakan Audit terhadap dokumen kewangan yang diselenggarakan oleh 48 NGO yang dilawati mendapati Elaun Khas Pekerja dan Geran Pentadbiran telah digunakan dengan sepenuhnya berdasarkan peratus penggunaan tahun 2010 dan 2011 yang mencapai sehingga 90% dan ke atas. Bagi Geran Rangsum dan Elaun Khas Murid OKU, didapati geran yang telah diagihkan kepada NGO tidak digunakan sepenuhnya bagi tujuan ia diagihkan. Secara keseluruhannya, peratus penggunaan geran rangsum pada tahun 2010 dan 2011 masing-masingnya adalah 78.5% dan 82.4% sahaja. Manakala peratus penggunaan Elaun Khas Murid OKU bagi tahun 2010 dan 2011 masing-masingnya adalah 87.7% dan 72.6% berbanding jumlah geran yang diagihkan. Peratus penggunaan geran bagi tahun 2012 tidak dapat dinilai dengan tepat memandangkan lawatan Audit hanya dapat menyemak perbelanjaan yang dilakukan setakat bulan Oktober 2012.</p> <p>Berdasarkan statistik di atas, pihak Audit berpendapat Geran Rangsum, Elaun Khas Murid OKU dan Elaun Khas Pekerja yang diagihkan kepada NGO secara umumnya adalah mencukupi untuk menampung keperluan NGO. Bagaimanapun, terdapat sebahagian kes yang menunjukkan agihan Geran Rangsum kepada NGO telah melebihi keperluan sebenar (merujuk kepada NGO yang mencatat peratus</p>	<p>JKM telah mengadakan <i>Road Show</i> Pengurusan Pemberian Geran di seluruh negara pada bulan Mac dan April 2013 seperti di bawah:-</p> <p>Kelantan, Terengganu & Pahang (Zon Timur) – 27 Mac 2013 W.P. Kuala Lumpur - 2 April 2013 Negeri Selangor – 3 April 2013 Perlis, Kedah & Pulau Pinang (Zon Utara) – 9 April 2013 Negeri Perak – 16 April 2013 Negeri Sembilan, Melaka & Johor (Zon Selatan) – 17 April 2013 Negeri Sarawak – 26 April 2013 Negeri Sabah & W.P. Labuan – 27 April 2013</p> <p>Peserta yang terlibat terdiri daripada:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penggunaan yang rendah). Bagi geran pentadbiran, peratus penggunaan sebenar melebihi jumlah agihan. Ini menunjukkan NGO memerlukan sumbangan lebih besar untuk menampung perbelanjaan pentadbiran mereka.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>JKM akan mengadakan road show di setiap negeri pada tahun 2013 bagi memberi penjelasan mengenai penemuan Audit serta Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan kepada semua NGO yang menerima geran.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri ii. Pegawai Penyelaras Pembangunan Komuniti Negeri iii. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah iv. Pegawai Pembangunan Komuniti Daerah v. Pegawai Ex-Officio vi. Pengerusi, Setiausaha atau AJK persatuan yang menerima geran JKM
17.5.1.2.b	<p>Bantuan Khas Perbendaharaan</p> <p>Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP) diberikan kepada NGO bagi membantu Kerajaan dalam memantapkan lagi institusi keluarga dan menangani gejala sosial melalui penganjuran program secara bersepadu dengan agensi Kerajaan terlibat. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan, NGO yang diluluskan BKP perlu melaksanakan program dalam tempoh 12 bulan selepas perjanjian ditandatangani. Semakan Audit mendapati daripada 726 program yang telah menerima BKP daripada JPW, sebanyak 649 (89.4%) program telah dilaksanakan manakala 77 program melibatkan BKP berjumlah RM2.04 juta masih belum dilaksanakan setakat bulan Disember 2012. Daripada 77 program tersebut, sebanyak 75 (97.4%) program masih dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.</p>	<p><i>Sehingga 31 Mac 2013, status terkini adalah seperti berikut:-</i></p> <p>Daripada 77 program tersebut terdapat dua (2) program yang telah dilaksanakan iaitu program 1st Sea Entreprenuer Women Conference yang dilaksanakan pada 22-24 Mei 2012 oleh Dewan Usahawan Wanita Malaysia (DEWANITA Sarawak). Satu lagi program telah dilaksanakan pada 27 Januari ialah Program Aerobikthon oleh Persatuan Senamrobik Daerah Hulu Selangor.</p> <p>Sehingga 31 Mac 2013, 6 daripada 75 program telah dilaksanakan. Manakala baki sebanyak 69 program lagi masih dalam tempoh pelaksanaan yang dibenarkan yang akan berakhir pada Disember 2013</p>
17.5.1.3.b	<p>Impak Pemberian Bantuan Kewangan Kepada NGO</p> <p>Semakan Audit mendapati satu kajian telah dijalankan oleh JKM dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia pada tahun 2010 yang bertajuk Keberkesanan Pertubuhan Sosial Kebajikan Yang Menerima Geran Dalam Pengurusan Perkhidmatan Kebajikan. Hasil kajian ini telah digunakan sebagai rujukan dalam membuat penambahbaikan dasar pemberian geran. Pihak Audit juga telah menemu bual pegawai di NGO yang dilawati dan mengedarkan borang soal selidik secara e-mel/faks kepada sebanyak 102 NGO di 5 negeri iaitu Johor, Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menentukan impak pemberian geran kepada NGO. Bagaimanapun, pihak Audit hanya menerima maklum balas daripada 39 (38.2%) NGO.</p>	<p>-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.1.3.c	<p>Pihak NGO juga telah mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan geran seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Selain makanan dan minuman, Geran Rangsum dibenarkan untuk membayar gaji tukang masak, membeli peralatan dan perkakasan memasak/dapur serta membeli vitamin untuk golongan sasaran; ii. Elaun Khas Pekerja dikaji semula supaya bersesuaian dengan taraf hidup semasa, boleh digunakan untuk membayar elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan serta dipanjangkan kepada kakitangan selain pengajar/jurupulih; iii. Geran Pentadbiran diluaskan skop penggunaannya; dan iv. pembayaran geran dibuat secara suku tahunan atau pada awal tahun. <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Kajian Penilaian Impak dilaksanakan setiap 5 tahun dan kajian seterusnya adalah pada tahun 2015.</i></p>	
17.5.1.3.d	<p>Bagi BKP, pihak Audit mendapati JPW masih belum menjalankan kajian penilaian impak secara terus kepada peserta program. Bagaimanapun, NGO ada mengedarkan borang penilaian keberkesaan pelaksanaan program untuk diisi oleh peserta sepetimana disyaratkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Peruntukan Bantuan Khas Perpendaharaan. Bagi menentukan impak pemberian BKP, pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik secara e-mel/faks kepada 27 NGO. Maklum balas hanya diterima daripada 12 (44.4%) NGO.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Satu kajian impak akan dijalankan dengan menggunakan peruntukan Bajet Pembangunan Tahun 2014 (Rolling Plan ke-3 RMKe-10).</i></p>	<p>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Bajet Pembangunan Tahun 2014 (<i>Rolling Plan</i> ke-3, RMKe-10) dalam suratnya yang bertarikh 27 Februari 2013 supaya Kementerian ini dapat menjalankan kajian keberkesaan program yang dijalankan oleh NGO penerima Bantuan Khas Perpendaharaan.</p> <p>Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan tindakan-tindakan awal seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti skop projek; ii. Menetapkan tempoh pelaksanaan; iii. Memilih negeri dan responden yang bersesuaian; iv. Menetapkan KPI kajian/ <i>outcome</i> yang dijangkakan; dan v. Penetapan jangkaan impak pelaksanaan projek.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.1.a	<p>Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Kepada NGO - Pengurusan Pemberian Geran (Jabatan Kebajikan Masyarakat) - Pengagihan Geran</p> <p>Mengikut surat pemakluman kelulusan pemberian geran kepada NGO, wang geran hanya akan diagihkan oleh JKM kepada NGO setelah urusan surat perjanjian disempurnakan. Semakan Audit mendapati pengagihan wang geran tidak mematuhi syarat yang ditetapkan di mana daripada 234 sampel geran (yang diluluskan kepada 45 NGO bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012), didapati tempoh kuat kuasa sebenar perjanjian bagi 22 (9.4%) geran tersebut tidak dapat ditentukan kerana tarikh perjanjian tidak dicatatkan. Bagi 212 (90.6%) geran yang mempunyai maklumat perjanjian yang lengkap (dicatatkan tarikh perjanjian), pihak Audit telah membandingkan tarikh wang dimasukkan ke akaun NGO dengan tarikh perjanjian ditandatangani. Berdasarkan perbandingan tersebut, didapati perjanjian bagi 42 (19.8%) geran hanya ditandatangani antara 12 hingga 210 hari selepas bayaran geran diagihkan kepada NGO. Jumlah keseluruhan bayaran geran yang telah diagihkan sebelum perjanjian ditandatangani ialah RM3.79 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan JKM menyerahkan wang geran kepada NGO sebelum perjanjian disempurnakan boleh mengakibatkan Klausus 10 kepada surat perjanjian tidak dapat dikuatkuasakan. Klausus 10 adalah mengenai hak Kerajaan untuk mengambil tindakan dengan menarik balik peruntukan dan menamatkan perjanjian sekiranya pihak NGO melanggar syarat dan terma yang ditetapkan dalam surat perjanjian. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan kandungan perjanjian adalah seragam untuk semua jenis geran (kecuali Lampiran A mengenai butiran geran yang diluluskan). Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Antara sebab berlakunya kelemahan ini ialah semakan semula tidak dilakukan semasa menerima surat perjanjian serta kurangnya pemahaman mengenai kepentingan aspek perundangan. Selain itu, pengagihan geran kepada NGO sebelum perjanjian ditandatangani adalah disebabkan JKM mengambil kira kepentingan dan kebajikan kumpulan sasar di bawah jagaan NGO berkenaan. Bagaimanapun, Standard Operating Procedure bagi aktiviti pemberian geran yang diguna pakai pada tahun 2013 telah mengambil kira ketetapan pengagihan geran dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat perjanjian ditandatangani.</i></p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.1.b.i	<p>Penggunaan Geran - Geran Rangsum</p> <p>Geran Rangsum diberikan kepada NGO bagi menampung sebahagian perbelanjaan makan dan minum penghuni yang berada di bawah tanggungjawab NGO berkenaan. Sebelum tahun 2012, geran rangsum juga dibenarkan untuk tujuan pembayaran Elaun Pekerja (Tukang Masak) dan pembelian peralatan dapur. Namun mulai tahun 2012, pembayaran rangsum ditetapkan hanya untuk perbelanjaan makan dan minum serta pembelian bahan mentah (makanan). Kadar rangsum bagi setiap penghuni ialah RM8 sehari (institusi berkediaman) atau RM4 sehari (institusi harian). Berdasarkan sampel, didapati sejumlah RM649,967 (68.4%) daripada RM950,892 geran rangsum yang diluluskan kepada 7 NGO di Johor, Pahang dan Pulau Pinang telah digunakan untuk tujuan-tujuan lain selain daripada yang ditetapkan. Contoh perbelanjaan yang tidak dibenarkan ini ialah seperti pembelian cenderahati dan hamper untuk majlis penyampaian sijil dan hari sukan, jamuan makan untuk jemputan, gaji/upah/elaun/EPF/SOCSO kakitangan NGO, bayaran utiliti dan sewa premis; hadiah kepada kakitangan NGO, yuran sekolah dan yuran tuisyen serta keselamatan dan pemberian premis.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Dasar Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada NGO telah diwujudkan dan diguna pakai mulai tahun 2010 di mana Geran Rangsum telah dikhususkan untuk tujuan makan dan minum sahaja. Bagaimanapun, Lampiran A kepada Surat Perjanjian tidak selari dengan dasar yang ditetapkan di mana Geran Rangsum juga boleh digunakan untuk tujuan lain seperti membayar Elaun Tukang Masak serta pembelian bahan mentah dan peralatan dapur.</i></p>	Penambahbaikan dalam Surat Perjanjian telah dilakukan. Skop Bantuan Kewangan yang menyenaraikan perbelanjaan yang dibenarkan sahaja selari dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan Tahun 2013.
17.5.2.1.b.ii	<p>Geran Pentadbiran</p> <p>Geran Pentadbiran diberi kepada NGO di peringkat kebangsaan sahaja untuk menampung sebahagian kos pentadbiran seperti sewa premis, elektrik, telefon dan air. Berdasarkan sampel, didapati sejumlah RM355,716 (6.3%) daripada RM5.65 juta geran pentadbiran yang diluluskan kepada 3 NGO telah digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti sambutan penubuhan, kursus, penginapan, makan, bayaran elaun, lawatan dan kos perubatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Sebagai langkah penambahbaikan, kelulusan geran mulai tahun 2013 akan mengambil kira kepatuhan NGO terhadap penggunaan peruntukan seperti yang</i></p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dinyatakan dalam surat perjanjian dan JKM Negeri dikehendaki melaporkan secara terperinci perbelanjaan NGO berkenaan.</p> <p>Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada NGO-NGO, penggunaan geran yang tidak mengikut syarat antaranya disebabkan oleh Jawatankuasa Pengurusan NGO kurang arif mengenai syarat perjanjian dan prosedur kewangan Kerajaan serta mereka tiada sumber kewangan lain untuk membiayai gaji pelatih/kakitangan dan kos pentadbiran NGO. Selain itu, terdapat juga NGO yang memaklumkan mereka memerlukan sumber kewangan yang lebih untuk menggaji juru terapi dan guru berkelayakan bagi mengendalikan kelas pendidikan khas (spastik). Ini kerana NGO perlu membayar gaji yang bersesuaian dengan tahap profesionalisme mereka. NGO-NGO terlibat juga memaklumkan walaupun berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan, namun mereka menjamin wang geran telah sebenarnya digunakan untuk kepentingan golongan sasaran JKM (kanak-kanak/orang tua/OKU).</p>	
17.5.2.1.b.iii	<p>Elaun Khas Murid OKU</p> <p>Elaun Khas Murid OKU diberikan kepada kanak-kanak OKU yang mengikuti program pendidikan khas di sekolah pendidikan khas kelolaan NGO yang diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kadar elauan ini bagi setiap murid adalah RM150 sebulan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM804,000 telah dibayar kepada seramai 317 OKU yang berumur antara 20 hingga 76 tahun dan tidak lagi mengikuti program pendidikan khas di sekolah pendidikan khas.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p>Antara sebab berlakunya kelemahan ini ialah dasar yang disediakan oleh JKM pada tahun 2010 tidak menyatakan umur kelayakan menerima Elaun Khas Murid OKU. Selain itu, kekurangan pemantauan di peringkat JKM Negeri terhadap senarai murid OKU yang mengikuti program pendidikan khas. JKM telah mengeluarkan surat teguran kepada NGO yang terlibat pada 22 Januari 2013. Sebagai langkah penambahbaikan, Dasar Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada NGO tahun 2013 telah menetapkan had umur murid OKU secara spesifik iaitu 19 tahun serta mengikuti program pendidikan khas sekurang-kurangnya 3 jam sehari dan 3 kali seminggu. Selain itu, JKM akan menambah baik pemantauan di peringkat negeri dan daerah dengan menambah baik borang pemantauan dan Senarai Semak Permohonan. NGO juga perlu mengemukakan profil murid OKU semasa memohon geran.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi memastikan aktiviti ini memberikan manfaat yang sepenuhnya kepada kumpulan sasaran, Kementerian/Jabatan perlu memastikan NGO</p>	<p>Garis Panduan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan Tahun 2013 telah digunakan dalam pertimbangan geran kepada PSK. Ketetapan bagi pertimbangan Elaun Khas Murid OKU telah dibuat seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid OKU yang berumur di bawah 19 tahun adalah layak dipertimbangkan Elaun Khas Murid OKU. ii. OKU yang berumur lebih 19 tahun adalah layak dipertimbangkan lain-lain bantuan JKM. <p>Proses pemantauan telah ditambahbaik melibatkan peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah sebagaimana dalam Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan Tahun 2013 dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan Tahun 2013. Penambahbaikan melibatkan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Senarai Semak Naziran ii. Laporan Naziran iii. Laporan Prestasi iv. Senarai Semak Dokumen

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menggunakan wang geran hanya bagi tujuan yang ditetapkan. Bagi Geran Rangsum, Kementerian/Jabatan disyorkan supaya mengkaji semula skop perbelanjaan dengan mengambil kira pandangan daripada pihak NGO. Selain itu, tindakan yang bersesuaian seperti mengeluarkan amaran atau mengenakan penalti/potongan jumlah bantuan perlu diambil terhadap NGO yang terbukti telah menyalahgunakan wang bantuan.	Kekerapan pemantauan / naziran kepada PSK yang telah diluluskan bantuan kewangan kerajaan adalah 2 kali setahun.
17.5.2.1.c	<p>Pemulangan Wang Geran Yang Tidak Dibelanjakan</p> <p>Klaus 3.2 kepada surat perjanjian menyatakan nilai bantuan geran yang diberi adalah merupakan nilai anggaran sahaja. Nilai bantuan sebenar adalah tertakluk kepada nilai sebenar yang dibelanjakan dalam NGO dengan syarat bahawa jumlah bantuan geran yang diberi tidak melebihi amaun geran yang dinyatakan dalam perjanjian. Jika terdapat apa-apa tambahan kos terlibat, ia hendaklah ditanggung oleh NGO. Selanjutnya pihak Audit mendapati Klaus 4.8 kepada surat perjanjian menghendaki NGO memulangkan semula kepada Kerajaan apa-apa <i>surplus</i> atau baki atau apa-apa amaun yang tidak dibelanjakan kepada Kerajaan dalam tempoh 30 hari selepas tamatnya perjanjian. Semakan Audit terhadap dokumen kewangan yang diselenggarakan oleh NGO mendapati baki geran yang tidak dibelanjakan berjumlah RM2.07 juta melibatkan pemberian geran tahun 2010 dan 2011 kepada 57 NGO, masih belum dipulangkan kepada Kerajaan setakat bulan Disember 2012. Bagaimanapun sebaik sahaja menerima teguran Audit, pihak JKM telah mengambil tindakan segera dengan mengemukakan surat peringatan kepada NGO supaya memulangkan baki geran yang tidak dibelanjakan. Setakat bulan Mac 2013, baki geran berjumlah RM675,323 (35.6%) telah berjaya dipungut daripada NGO terlibat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p>Antara sebab berlaku kelemahan ini ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> JKM menghadapikekangan dari aspek bilangan kakitangan dan masa; NGO kurang memberi kerjasama walaupun Surat Perjanjian Klaus 4.8 telah menyatakan bahawa NGO perlu memulangkan semula baki/lebihan geran kepada Kerajaan; dan JKM Negeri tidak mengadakan pemantauan dengan berkesan terhadap pengurusan kewangan NGO dan tidak melaporkan kepada Ibu Pejabat JKM mengenai baki/lebihan geran semasa mengemukakan permohonan NGO pada tahun berikutnya. <p>JKM telah mengambil tindakan serta merta dengan mengeluarkan surat arahan</p>	<p>Sehingga 29 April 2013, sejumlah RM784,136.96 telah dipulangkan kepada JKM. Mekanisme pemulangan wang geran yang tidak dibelanjakan telah disebutkan di dalam Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) Tahun 2013 di mana adalah menjadi tanggungjawab PSK untuk memulangkan baki / lebihan wang geran dalam tempoh 30 hari selepas tamat perjanjian kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat melalui cek atau bank draf.</p> <p>Pemulangan wang geran adalah seperti berikut:-</p> <p>Tahun 2010 – RM333,268.04 (11 daripada 29 PSK) Tahun 2011 – RM371,329.47 (13 dari 28 PSK) Tahun 2012 – RM79,539.45 (10 PSK)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pemulangan baki/lebihan geran kepada NGO pada 22 Januari 2013. Selain itu, tindakan penambahbaikan berikut juga telah diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mulai tahun 2013, permohonan geran tahun semasa oleh NGO perlu dikemukakan bersama-sama dengan bukti pemulangan baki/lebihan geran tahun sebelumnya (jika ada); dan • JKM akan memasukkan mekanisme pemulangan baki/lebihan geran dalam surat perjanjian. <p>Pada pendapat Audit, klausa yang terkandung dalam perjanjian yang tidak dikuatkuasakan secara tegas boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan.</p>	
17.5.2.2.a	<p>Pengurusan Bantuan Khas Perbendaharaan (Jabatan Pembangunan Wanita) - Pengagihan BKP</p> <p>Berdasarkan Garis Panduan Permohonan, Pelaksanaan Dan Pelaporan Program Di Bawah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan, surat perjanjian akan disediakan setelah NGO mengembalikan Surat Setuju Terima. Surat perjanjian yang disediakan dalam 2 salinan perlu ditandatangani dan dimatikkan setem oleh NGO dan sesalinan perjanjian dikembalikan kepada JPW dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat jabatan. Bayaran bantuan hanya akan dikeluarkan setelah urusan surat perjanjian diselesaikan. Semakan Audit mendapati pengagihan geran tidak mematuhi syarat yang ditetapkan di mana daripada 43 program yang diluluskan dan telah diagihkan BKP, didapati bayaran berjumlah RM0.72 juta melibatkan 9 program telah dibuat kepada 8 NGO sebelum urusan surat perjanjian diselesaikan. Perbandingan telah dibuat antara tarikh wang dimasukkan ke akaun NGO dengan tarikh perjanjian ditandatangani. Berdasarkan perbandingan tersebut, pihak Audit mendapati surat perjanjian hanya ditandatangani antara 8 hingga 134 hari selepas bayaran dibuat ke akaun NGO.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p>Antara sebab berlaku kelemahan ini ialah kurang pemantauan disebabkan oleh kekangan masa dan sumber manusia serta kurang mendapat kerjasama daripada NGO. Sebagai langkah penambahbaikan, tindakan berikut telah diambil mulai tahun 2013 bagi mengelakkan masalah yang sama berulang lagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • JPW akan sentiasa membuat follow up secara panggilan telefon, bertulis dan lawatan naziran bagi memastikan NGO mematuhi peraturan sedia ada, khususnya yang berhubung dengan pemulangan Surat Setuju Terima dan penyempurnaan perjanjian. 	<p>Penambahbaikan telah dilaksanakan mulai Januari tahun 2013 adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkenalkan Kaedah Penerangan One-2-One Session bersama NGO bagi menjelaskan peraturan dan Garis Panduan Permohonan BKP kepada NGO yang ingin memohon BKP; 2. Sebagai langkah segera, JPW telah mewujudkan Alert System secara manual menggunakan kaedah senarai semak dan <i>timeline</i> yang ditetapkan; 3. Mengemukakan Surat Perjanjian (SP) bersama-sama dengan Surat Setuju Terima (SST) supaya tindakan dapat diambil oleh NGO secara serentak. Tindakan ini dapat mempercepatkan tindakan penyerahan SST dan SP yang lengkap disempurnakan bagi membolehkan peruntukan dikeluarkan oleh JPW kepada NGO. Amalan ini telah mula dilaksanakan ke atas Bantuan Khas Perbendaharaan yang diluluskan kepada NGO pada tahun 2012; dan 4. Standard Operating Procedure (SOP), Garis Panduan & Surat Perjanjian telah dikemaskini dengan pelaksanaan Bengkel Penambahbaikan SOP Bantuan Khas Perbendaharaan pada 4 Mac 2013 dan 29 April 2013 dalam memastikan proses kerja menjadi lebih efisyen dan efektif.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <i>Mewujudkan Sistem Pelaksanaan Projek yang akan dapat memastikan kawalan di setiap peringkat dalam Carta Alir Kerja dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan.</i> <i>Membentangkan laporan prestasi pengagihan dan pelaksanaan program BKP kepada Ketua Setiausaha Kementerian pada setiap suku tahun (4 kali setahun).</i> <p>Pada pendapat Audit, tindakan JPW menyerahkan wang bantuan kepada NGO sebelum perjanjian ditandatangani boleh mengakibatkan syarat perjanjian tidak dapat dikuatkuasakan untuk melindungi kepentingan Kerajaan dan tindakan tidak dapat diambil terhadap NGO yang gagal melaksanakan program/tanggungjawab yang ditetapkan.</p>	
17.5.2.2.b.i	<p>Pelaksanaan Program</p> <p>Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan, NGO perlu melaksanakan program dalam tempoh 12 bulan selepas perjanjian ditandatangani supaya hasrat murni Kerajaan dalam aspek pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dapat dicapai. Sekiranya peruntukan tidak digunakan, ia akan ditarik balik secara keseluruhan. Bagi NGO yang menjalankan program bersiri, baki peruntukan yang tidak digunakan perlu dikembalikan kepada Kerajaan. Sekiranya NGO ingin melanjutkan tempoh pelaksanaan program, NGO perlu memohon kelulusan secara bertulis kepada Ketua Pengarah JPW dalam tempoh 60 hari sebelum tarikh perjanjian tamat. Semakan Audit terhadap 41 NGO yang menerima BKP mendapati secara umumnya, program-program yang menerima BKP telah dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan yang ditetapkan kecuali bagi 2 NGO iaitu Persatuan Minda D'Home dan Persatuan Belia Rakan Nusa Kuala Lumpur yang menjalankan program bersiri. Kedua-dua NGO ini didapati masih belum melaksanakan baki program masing-masingnya satu siri (baki BKP berjumlah RM9,461) dan 8 siri (baki BKP berjumlah RM114,433) walaupun telah melebihi tempoh 12 bulan yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Surat tuntutan mengembalikan baki telah dikeluarkan kepada 2 NGO terlibat masing-masingnya pada 11 Julai 2012 dan 29 Januari 2013 bagi menuntut peruntukan yang tidak dibelanjakan berjumlah RM123,894. Sebagai langkah penambahbaikan, tindakan berikut telah diambil:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Kementerian dalam proses menambah baik klausa dalam surat perjanjian</i> 	<p>Persatuan Minda D'Home telah memulangkan baki peruntukan pada 6 Mac 2013 sebanyak RM9,460.00.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan Kementerian telah mengadakan bengkel bersama Penasihat Undang-Undang pada 4 Mac 2013 untuk menambahbaik klausa dalam Surat Perjanjian, Garis Panduan dan tindakan punitif yang boleh diambil ke atas NGO yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Susulan daripada bengkel tersebut, perbincangan bersama agensi-agensi yang terlibat di bawah Kementerian telah diadakan pada 29 April 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>meliputi tindakan punitif yang boleh diambil sekiranya NGO gagal melaksanakan program; permohonan pelanjutan tempoh dan pelaksanaan program; dan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>menyenaraihitamkan NGO yang tidak mematuhi peraturan.</i> 	
17.5.2.2.b.ii	<p>Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan, NGO hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program (LPP) kepada JPW dalam tempoh 30 hari selepas program berakhir. NGO yang tidak mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program akan dianggap sebagai telah gagal melaksanakan program seperti yang dipersetujui dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap 43 program yang telah dilaksanakan antara tahun 2010 hingga 2012 mendapat LPP bagi 23 program lewat dikemukakan antara 10 hingga 749 hari. Manakala LPP bagi 5 program yang menerima BKP berjumlah RM372,160 masih belum dikemukakan walaupun telah melepassi tempoh 90 hari yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p>Kementerian melalui agensinya (JKM dan JPW) telah mengeluarkan surat peringatan kepada NGO yang masih belum mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program (LPP). NGO terlibat diberi tempoh 30 hari untuk berbuat demikian dan jika gagal, mereka akan diberi Notis Tunjuk Sebab dan seterusnya disenaraihitamkan. Kementerian juga melaksanakan penambahbaikan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>mempertingkatkan pemantauan penerimaan LPP dengan mewujudkan jadual pemantauan secara bulanan; dan</i> • <i>menambah baik klausu dalam surat perjanjian, meliputi keperluan NGO mengemukakan LPP yang terperinci serta tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap NGO yang gagal mengemukakan LPP.</i> <p>Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada NGO-NGO, kelewatan mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program (LPP) antaranya disebabkan oleh NGO mengambil masa untuk menyelesaikan pembayaran; lewat memperoleh resit asal perbelanjaan serta LPP asal yang dikemukakan kepada JPW tidak mengikut format ditetapkan dan NGO dikehendaki mengemukakan LPP yang baru.</p> <p>Pihak Audit berpendapat pelaksanaan program secara amnya telah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan kecuali bagi 2 NGO yang melaksanakan program bersiri. Bagi isu kelewatan dan kegagalan NGO mengemukakan LPP, Kementerian perlu memastikan tindakan penambahbaikan yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi menjamin kepentingan Kerajaan.</p>	<p>Surat Peringatan Kedua telah dikeluarkan kepada 5 NGO yang berkaitan pada 8 Mac 2013. Sehingga 6 Mei 2013 hanya 1 daripada 5 NGO yang terlibat telah mengemukakan LPP.</p> <p>Pihak Jabatan telah mengeluarkan Notis Tunjuk Sebab kepada 4 NGO pada 8 April 2013 yang masih belum mengemukakan LPP. Sementara itu, pegawai-pegawai JPW akan menjalankan naziran ke atas NGO mulai pertengahan bulan Mei 2013 bagi NGO yang masih belum memberi maklum balas.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.2.c	<p>Pemulangan Wang BKP</p> <p>Mengikut Klausula 4.10 kepada perjanjian, NGO perlu memulangkan semula kepada Kerajaan apa-apa surplus atau baki atau apa-apa amaun yang tidak dibelanjakan dalam tempoh 30 hari selepas tamatnya program yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati baki BKP yang tidak dibelanjakan berjumlah RM64,362 melibatkan 19 NGO masih belum dipulangkan kepada Kerajaan setakat bulan Disember 2012. Bagaimanapun sebaik sahaja menerima teguran Audit, pihak Kementerian telah mengambil tindakan segera dengan mengemukakan surat peringatan kepada NGO supaya memulangkan baki BKP yang tidak dibelanjakan. Setakat bulan Mac 2013, baki BKP berjumlah RM20,741 (32.2%) telah berjaya dipungut daripada 8 NGO. Baki yang belum dipungut berjumlah RM43,621 melibatkan 11 NGO di mana 3 daripada NGO tersebut mempunyai baki yang perlu dipulangkan melebihi RM5,000.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Antara sebab berlakunya kelemahan ini ialah NGO tidak mengambil serius terhadap surat peringatan tuntutan baki peruntukan; NGO sukar untuk dihubungi menerusi telefon dan NGO sukar dikesan kerana tidak lagi beroperasi di alamat yang diberikan. Sebagai langkah penambahaikan, Kementerian telah mengambil tindakan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>melakukan semakan alamat dan talian perhubungan NGO melalui Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Syarikat;</i> • <i>mempergiatkan aktiviti pemantauan dan naziran ke premis NGO; dan</i> • <i>menyemak klausula dan merangka mekanisme alternatif untuk menuntut baki peruntukan dengan mendapatkan pandangan dari aspek perundangan.</i> <p>Pada pendapat Audit, klausula yang terkandung dalam perjanjian tidak dikuatkuasakan sepenuhnya dalam aspek pemungutan lebihan peruntukan BKP. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan perlu memungut semula lebihan baki peruntukan BKP daripada NGO selaras dengan syarat perjanjian.</p>	<p>Dua (2) daripada empat (4) NGO telah memulangkan wang lebihan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) : RM18,689.00 ii. Persatuan Minda D'Home – RM9,460.00 <p>Persatuan Dyslexia Sarawak telah membelanjakan kesemua peruntukan untuk menjalankan 2 siri program seperti yang dirancang.</p> <p>Manakala 1 NGO lagi telah memaklumkan akan memulangkan baki BKP yang tidak dibelanjakan setelah urusan penyimpanan rekod mereka dikemaskini sehingga 21 Mei 2013.</p>
17.5.2.3.a.ii	<p>Pemantauan Terhadap Pelaksanaan Aktiviti NGO – Geran</p> <p>JKM telah menetapkan lawatan pemantauan terhadap sesebuah NGO hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Semakan Audit mendapati pemantauan ada dijalankan melalui lawatan ke premis dan pemeriksaan rekod-rekod yang diselenggarakan oleh Pertubuhan. Bagaimanapun, kecuali Johor, tiga negeri lain iaitu Pahang, Pulau Pinang dan Selangor tidak menjalankan lawatan secara</p>	<p>JKM telah menjalankan pemantauan kepada PSK Kebangsaan yang telah membuat permohonan dan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penilai Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada PSK iaitu sebanyak 8 buah PSK bagi Bilangan 1/2013 dan 17 buah PSK bagi Mesyuarat Bilangan 2/2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyeluruh. Manakala bagi NGO peringkat Kebangsaan, pemantauan dijalankan melalui mesyuarat secara berkala dengan pihak NGO di mana mesyuarat tersebut membincangkan masalah yang berkaitan dengan NGO.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Antara sebab pemantauan tidak dijalankan secara menyeluruh ialah JKM menghadapi kekangan dari aspek bilangan kakitangan dan masa. Hanya terdapat antara satu hingga 3 orang pegawai di peringkat negeri yang bertanggungjawab untuk memantau semua NGO di negeri. Mulai tahun 2013, setiap JKM Negeri perlu menyediakan Laporan Pemantauan setiap 6 bulan sekali.</i></p>	<p>Lawatan ke Negeri Pahang, Pulau Pinang dan Selangor akan dijalankan pada awal Jun 2013.</p>
17.5.2.3.b.ii	<p>Semakan Audit mendapati JPW telah menyediakan cadangan lawatan naziran terhadap NGO yang menerima BKP. Selanjutnya didapati lawatan sebenar yang dijalankan adalah antara 20% hingga 93.3% berbanding cadangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKM dan JPW telah menetapkan mekanisme yang jelas berhubung pemantauan terhadap NGO-NGO yang diberikan bantuan kewangan Kerajaan. Bagaimanapun, pelaksanaan mekanisme yang telah ditetapkan ini masih kurang memuaskan. Sehubungan itu, JKM dan JPW perlu mempertingkatkan pemantauan berdasarkan mekanisme yang ditetapkan bagi memastikan NGO mematuhi semua syarat yang ditetapkan dan tidak berlaku penyalahgunaan wang bantuan.</p>	<p>Bagi tahun 2013, mekanisme pemantauan telah dipertingkatkan dengan penambahbaikan Garis Panduan dan SOP.</p> <p><i>Standard Operating Procedure(SOP) dan Garis Panduan telah dikemaskini dengan pelaksanaan Bengkel Penambahbaikan SOP Bantuan Khas Perpendaharaan pada 29 April 2013 dalam memastikan proses kerja menjadi lebih efisyen dan efektif. Bengkel pemurniaan dijadualkan pada 21 hingga 22 Mei 2013 untuk memuktamadkan Standard Operating Procedure(SOP).</i></p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 18 : Pengurusan Rangsum Kering Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1	<p>Prestasi Perbelanjaan</p> <p>Depot Bantuan/Logistik Wilayah bertanggungjawab untuk menyediakan anggaran penggunaan rangsum bagi satu tempoh tertentu mengikut kekuatan dan kelayakan anggota. Anggaran tersebut akan dikemukakan kepada Cawangan Materiel, Markas Logistik TLDM untuk kelulusan pihak berkaitan. Bahagian Perolehan kemudiannya dimaklumkan dan proses tender dilaksanakan bagi memilih kontraktor yang layak. Kontrak pembekalan rangsum yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan meliputi kontrak bagi ATM sama ada secara berasingan bagi setiap Markas Angkatan Tentera ataupun secara bersama. Semakan Audit mendapati sebanyak 30 kontrak melibatkan TLDM berjumlah RM47.96 juta telah dimeterai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran sebenar untuk pembekalan rangsum kering TLDM bagi tempoh tersebut adalah rendah iaitu hanya RM13.46 juta (28.1%) daripada nilai keseluruhan kontrak yang berjumlah RM47.96 juta. Prestasi pembayaran yang rendah adalah disebabkan nilai kontrak pembekalan rangsum kering yang terlalu tinggi berbanding nilai sebenar rangsum kering yang diperlukan oleh TLDM.</p> <p>Pada pendapat Audit, nilai kontrak rangsum kering TLDM adalah terlalu tinggi berbanding nilai sebenar yang diperlukan oleh TLDM.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian bersetuju supaya nilai kontrak patut dikaji semula supaya iaanya selaras dengan nilai kegunaan rangsum sebenar. Oleh yang demikian, nilai kontrak semasa yang dibuat pembaharuan telah dikaji semula supaya ia selaras dengan nilai kegunaan sebenar. Bagi kontrak-kontrak lain yang akan tamat kemudian, tindakan yang sama akan dilaksanakan sewajarnya.</i></p>	<p>Nilai kontrak semasa yang dibuat pembaharuan ditapis dan dikaji semula oleh Markas Tentera Laut dan Bahagian Perolehan supaya ia selaras dengan nilai keperluan sebenar. Bagi kontrak-kontrak lain yang tamat kemudian, tindakan yang sama akan dilaksanakan sewajarnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.a	<p>Pengurusan Kontrak - Kontrak Lewat Ditandatangani/Tidak Disimpan Dengan Teratur</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Para 47.1 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Semakan Audit mendapati 23 (76.7%) daripada 30 dokumen kontrak pembekalan rangsum kering yang masih berkuasa lewat ditandatangani antara 12 hingga 600 hari dari tarikh yang sepatutnya. Manakala sebanyak 4 dokumen kontrak pula tidak dapat disemak disebabkan berada di dalam simpanan kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Proses semakan dan pembetulan draf kontrak ini sedikit sebanyak telah menyebabkan kelewatan kontrak ditandatangani. Selain itu, kelewatan juga sering berlaku akibat kelewatan pihak syarikat mengemukakan Jaminan Bank yang mana perlu disahkan terlebih dahulu oleh Bahagian Perolehan dengan bank sebelum boleh dimasukkan dalam dokumen kontrak. Semua masalah ini telah pun diambil tindakan penambahbaikan oleh Bahagian Perolehan bagi memastikan dokumen kontrak dapat ditandatangani dalam jangka waktu yang ditetapkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak berkenaan boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya berlaku pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan.</p>	<p>Bermula Januari 2013, Kementerian telah memastikan supaya draf kontrak akhir telah disediakan sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Proses ini akan dapat mencepat dan melancarkan proses penyediaan dokumen kontrak untuk ditandatangani.</p>
18.5.2.b.i	<p>Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi</p> <p>Mengikut syarat kontrak, rangsum kering yang dibekalkan hendaklah ditanda 'Makanan Angkatan Tentera' dan maklumat seperti tarikh pembungkusan/tamat tempoh/kandungan bagi tujuan mengelakkan penyalahgunaan dan pemantauan. Semakan Audit di 4 Depot Bantuan/Logistik Wilayah mendapati sebanyak 67 item rangsum kering yang bernilai RM0.18 juta tidak mempunyai penandaan 'Makanan Angkatan Tentera'.</p>	<p>Penandaan Makanan Angkatan Tentera dan maklumat-maklumat penting lain telah diletakkan sebagai salah satu kalusa dalam kontrak-kontrak semasa dan yang akan datang.</p>
18.5.2.b.ii	<p>Penandaan bungkusan rangsum kering juga hendaklah kekal supaya maklumat seperti tarikh pembungkusan/tamat tempoh/kandungan dapat dibaca dengan mudah/jelas sungguhpun disimpan bagi tempoh yang lama. Bagaimanapun semakan Audit di Depot Bantuan/Logistik Wilayah yang dilawati mendapati penandaan bungkusan rangsum kering seperti rempah masakan (kari/kunyit/kurma) menggunakan dakwat yang kurang bermutu serta mudah tertanggal sehingga maklumat yang berkaitan tidak dapat dibaca dengan mudah/jelas.</p>	<p>Penandaan bungkusan rangsum kering yang kekal dengan menggunakan dakwat bermutu tidak mudah tertanggal supaya maklumat yang berkaitan dapat dibaca dengan mudah / jelas telah diletakkan sebagai salah satu kalusa dalam kontrak-kontrak semasa dan yang akan datang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.b.iii	<p>Berdasarkan kontrak, kandungan rangsum kering yang dibekalkan hendaklah menepati kehendak Spesifikasi Pertahanan Malaysia (MDS) dan lain-lain Akta Makanan. Sampel rangsum kering bagi setiap konsaimen yang dihantar secara pukal perlu dikemukakan ke Jabatan Kimia oleh Depot Bantuan/Logistik Wilayah untuk diuji sama ada kandungannya menepati spesifikasi/akta yang ditetapkan. Kementerian Pertahanan berhak mengenakan denda, mendapatkan rangsum gantian atau menuntut ganti rugi daripada kontraktor sekiranya sampel yang diuji tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Cerakinan Kimia mendapat kesemuanya Depot Bantuan/Logistik Wilayah yang dilawati telah melaksanakan ujian tersebut kecuali Depot Logistik Wilayah 3 yang tidak menerima rangsum kering secara pukal untuk simpanan. Semakan selanjutnya di Depot Bantuan TLDM Lumut dan Depot Logistik Wilayah 1 mendapat tiada tindakan mengenakan denda/mendapatkan rangsum gantian/menuntut kerugian terhadap kontraktor dibuat sungguhpun 2 sampel rangsum kering yang diuji tidak menepati spesifikasi MDS. Bagaimanapun selepas teguran Audit, tindakan mendapatkan penggantian sedang diambil oleh Kementerian.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah melaksanakan tindakan secara menyeluruh bagi memastikan setiap Depot Bantuan/Logistik mengambil langkah/tindakan awal terhadap kontraktor yang tidak mematuhi terma dan syarat kontrak supaya pembekalan rangsum yang dibuat adalah mengikut standard kualiti yang telah ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Surat teguran kepada kontraktor yang terlibat telah dibuat. Penolakan rangsum telah dilakukan terhadap pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Pihak kontraktor telah diarahkan untuk membekalkan semula rangsum yang ditolak tersebut mengikut jangka masa yang ditetapkan. Surat denda rendah mutu bagi sampel yang tidak mengikut standard kualiti yang ditetapkan telah dimajukan kepada Bahagian Perolehan untuk mengenakan denda kepada kontraktor yang berkaitan. Pihak kontraktor juga telah membekalkan semula rangsum gantian yang menepati spesifikasi. Pemantauan dari semasa ke semasa akan dilakukan bagi memastikan standard kualiti dipatuhi seperti yang ditetapkan.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Tindakan penolakan telah diambil terhadap pembekalan rangsum yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. b. Pembekalan semula rangsum yang ditolak mengikut jangka masa yang ditetapkan telah dilakukan. c. Denda rendah mutu bagi sampel yang tidak mengikut standard kualiti yang ditetapkan telah dilaksanakan. d. Pemantauan dari semasa ke semasa dilakukan oleh depot dan unit berkaitan bagi memastikan standard kualiti dipatuhi seperti yang ditetapkan.
18.5.3.1	<p>Penyimpanan Rangsum Kering</p> <p>Secara amnya setiap Depot Bantuan/Logistik Wilayah perlu dilengkapkan dengan stor penyimpanan rangsum kering/material teknikal bagi tujuan kawalan dan pemantauan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun semakan Audit mendapat Depot Logistik Wilayah 3 tidak mempunyai stor penyimpanan rangsum</p>	<p>Cadangan Pembinaan Stor Rangsum Kering dan Pukal Depot Logistik Wilayah 3 telah diperakui dalam ABM 2014. Pembinaannya adalah tertakluk kepada kelulusan dan kesediaan peruntukan kewangan semasa tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kering/material teknikal. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembinaan stor penyimpanan telah dimasukkan ke dalam <i>blue print</i> pembinaan Markas Wilayah 3 di bawah RMKe-7 namun tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi. Sehubungan itu, Depot Logistik Wilayah 3 hanya berfungsi sebagai <i>transit point</i> dan kontraktor membekalkan rangsum secara terus kepada pengguna akhir. Kesannya, rangsum kering tidak dapat dihantar secara pukal untuk simpanan stok Depot Logistik Wilayah 3 dan ujian spesifikasi MDS terhadap rangsum kering tidak dapat dilakukan.</p>	
18.5.3.2	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati keperluan rangsum Depot Logistik Wilayah 3 diperolehi terus dari stor pembekal yang terletak di Pulau Pinang. Apabila permohonan rangsum kering dibuat, pembekalan dilakukan secara terus ke KD Sultan Badlishah, Langkawi iaitu unit pengguna di Depot Logistik Wilayah 3. Selain itu, tiada bukti menunjukkan Depot Logistik Wilayah 3 menjalankan pemeriksaan di stor pembekal bagi memastikan stok simpanan/<i>buffer stock</i> disediakan dan keselamatan serta kebersihan rangsum kering adalah terjamin.</p>	<p>Stok rangsum rezab pembekal telah diperiksa di mana keselamatan serta kebersihan rangsum di stor pembekal adalah terjamin dan disahkan stok simpanan / <i>buffer stock</i> disediakan oleh pembekal.</p>
18.5.3.3	<p>Semakan Audit di Depot Logistik Wilayah 3 juga mendapati hanya 31 (62.0%) daripada 50 perjawatan yang diluluskan untuk pengurusan depot telah diisi memandangkan stor simpanan rangsum kering masih belum dibina. Kesannya, beban tugas penerimaan/kemas kini lejar bagi rangsum kering terpaksa dilakukan oleh pegawai yang bertugas di stor materiel yang juga terlibat dengan pengurusan rangsum basah.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Cadangan Pembinaan Stor Rangsum Kering dan Pukal Depot Logistik Wilayah 3 akan dimasukkan ke dalam ABM 2014 kerana peruntukan yang dipohon bagi ABM 2013 tidak diluluskan. Pembinaannya adalah tertakluk kepada kelulusan dan kesediaan peruntukan kewangan semasa. Stok rangsum rezab pembekal telah diperiksa dan disahkan stok simpanan/<i>buffer stock</i> disediakan, keselamatan serta kebersihan rangsum di stor pembekal adalah terjamin. Perjawatan yang kurang telah dibuat pengisian bagi membolehkan Depot Logistik Wilayah 3 berfungsi dengan lebih berkesan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan stor penyimpanan dan pengisian perjawatan di Depot Logistik Wilayah 3 perlu dilaksanakan dengan segera bagi membolehkan ia berfungsi sebagai depot logistik dengan lebih berkesan.</p>	<p>Perjawatan yang kurang telah dibuat pengisian dan pengagihan tugas telah dilaksanakan bagi membolehkan Depot Logistik Wilayah 3 berfungsi dengan lebih berkesan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.3.4	<p>ATBM secara terperinci menerangkan kaedah pengurusan stor yang perlu dipatuhi, berkenaan susun atur dan keselamatan rangsum daripada serangan serangga perosak. Bagaimanapun semakan Audit mendapati kaedah susun atur rangsum kering stor pengguna/galley KD Malaya/KD Sultan Badlishah/KD Sri Kuantan/Wisma Kejora/Wisma Pelayaran/Wisma Samudera adalah tidak bersesuaian sehingga boleh menyebabkan kemalangan dan kerosakan rangsum. Kebersihan rangsum di Wisma Samudera terjejas kerana terdapat serangga perosak di dalam bungkusan agar-agar dan serbuk kari yang boleh mengakibatkan keracunan makanan. Manakala di KD Sultan Badlishah, bungkusan agar-agar dan miyun terbuka serta terdedah kepada serangga perosak sekali gus menjelaskan kualiti rangsum tersebut. Selepas teguran Audit, tindakan serta merta telah diambil seperti menyusun, mengemas dan membersihkan stor pengguna/galley tersebut.</p>	<p>Pihak TLDM telah mengambil tindakan di mana depot dan unit terlibat telah melaksanakan konsep 5S bagi memastikan tahap kebersihan dan penyusunan sentiasa bersih dan kemaskini.</p>
18.5.3.5	<p>ATBM menetapkan permohonan rangsum kepada kontraktor perlu dibuat mengikut keperluan unit serta tempoh sajian. Kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (FIFO) perlu dipatuhi apabila membuat pengeluaran rangsum. Bagaimanapun semakan Audit di stor pengguna/galley Wisma Samudera dan Wisma Kejora mendapati 5 item rangsum kering yang telah melebihi tarikh tamat tempoh masih disimpan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, tindakan serta merta melupuskan item rangsum tersebut telah diambil.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Semua teguran telah diambil tindakan oleh unit dengan melupuskan rangsum yang terlibat. Proses pengeluaran rangsum sekarang dilakukan mengikut prosedur First In First Out (FIFO) dan permohonan dari unit pengguna dibuat berpandukan kepada keperluan menu harian. Depot dan Unit terlibat juga telah melaksanakan konsep 5S bagi memastikan tahap kebersihan dan penyusunan sentiasa bersih dan kemaskini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan keadaan rangsum melebihi tarikh tamat tempoh, permohonan bekalan rangsum dari Depot Bantuan/Logistik Wilayah oleh stor pengguna/galley hendaklah mengambil kira keperluan menu sebenar dan rangsum digunakan sepenuhnya.</p>	<p>Proses pengeluaran rangsum dilakukan mengikut prosedur <i>First In First Out (FIFO)</i> dan rangsum kering yang melebihi tarikh tamat tempoh telah dibuat pelupusan. Sementara itu, permohonan dari unit pengguna dibuat berpandukan kepada keperluan menu harian.</p>
18.5.4.2.a	<p>Semakan Audit terhadap 174 sampel baucar bayaran pembekalan rangsum kering berjumlah RM3.83 juta mendapati perkara berikut:-</p> <p>Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki setiap baucar disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap untuk membolehkannya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen lain selain daripada yang dikembarkan bersamanya. Selain itu kontrak juga menghendaki Penyata Perbelanjaan Had Bumbung</p>	<p>Baucar bayaran rangsum kering yang berkaitan telah disemak, dikemaskini dan disertakan dengan Penyata Perbelanjaan Had Bumbung. Pemantauan dari semasa kesemasa dilaksanakan secara berterusan oleh depot dan unit berkaitan bagi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disertakan apabila kontraktor menuntut bayaran. Penyata Had Bumbung merupakan penyata mengenai kedudukan perbelanjaan terhadap kontrak yang telah dimeterai bertujuan untuk memantau perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi had siling yang dibenarkan. Semakan Audit mendapat 36 (20.7%) sampel baucar bayaran bernilai RM1.24 juta tidak disertakan dengan Penyata Perbelanjaan Had Bumbung.</p>	<p>memastikan perkara yang sama tidak berulang.</p>
18.5.4.2.b	<p>Surat Pekelingiling Akauntan Negara Bil. 1 Tahun 2009 menetapkan setiap baucar dan dokumen sokongan yang telah dibuat bayaran perlu dicop ‘Telah Dibayar’ dan hendaklah disimpan dengan selamat dan teratur. Semakan Audit mendapat 10 (5.7%) baucar bayaran bernilai RM272,488.74 tidak dicop lengkap dengan perkataan ‘Telah Dibayar’.</p>	<p>Baucar bayaran rangsum kering yang berkaitan telah disemak, dikemaskini dan dicop lengkap dengan perkataan “Telah Dibayar”. Pemantauan secara berterusan dilakukan oleh depot dan unit berkaitan bagi memastikan perkara yang sama dapat dielakkan.</p>
18.5.4.3	<p>Penerimaan Rangsum</p> <p>Perjanjian kontrak menetapkan denda boleh dikenakan terhadap kontraktor yang gagal/lewat membekalkan rangsum mengikut tarikh penghantaran seperti yang dinyatakan dalam nota pesanan. Semakan Audit terhadap 133 baucar bayaran bernilai RM3.19 juta mendapat pegawai penerima hanya menurunkan tandatangan tanpa mencatatkan tarikh penerimaan sebenar rangsum kering di Nota Penghantaran. Kesannya, syarat kontrak mengenai pengenaan denda akibat daripada kegagalan/kelewatan pembekalan rangsum sukar dikuatkuasakan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, semakan juga mendapat tiada tarikh invois diterima menyebabkan pembayaran dalam tempoh 14 hari tidak dapat dipastikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan peraturan kewangan sentiasa dipatuhi. Siasatan lanjut dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 18 Februari 2013 Dan 14 Mac 2013</p> <p><i>Pegawai bertanggungjawab telah mengemas kini baucar bayaran yang terlibat dan telah diberi amaran serta peringatan supaya mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. TLDM akan menentukan perkara ini tidak akan berlaku di masa hadapan. Sementara itu semua depot/unit telah diberi peringatan supaya setiap dokumen yang ditandatangani dicatatkan bersama tarikh tandatangan dilakukan dan tindakan disiplin akan dikenakan bagi depot/unit yang gagal di masa akan datang.</i></p>	<p>Baucar bayaran yang terlibat telah dikemaskini dan pegawai bertanggungjawab telah diberi amaran serta peringatan supaya mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. TLDM akan menentukan perkara ini tidak akan berlaku dan berulang di masa hadapan. Sementara itu, semua depot dan unit telah diberi peringatan supaya setiap dokumen yang ditandatangani dicatatkan bersama tarikh tandatangan dilakukan dan tindakan disiplin akan dikenakan bagi depot dan unit yang gagal mematuhiinya di masa akan datang.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Perenggan 19 : Pembinaan Kompleks CIQ Dan Jeti Penumpang Di Muara Sungai Melaka, Melaka

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.2.a	<p>Prestasi Projek - Prestasi Kewangan</p> <p>Projek ini pada asalnya menggunakan peruntukan pembangunan dengan siling berjumlah RM35 juta. Susulan daripada penamatkan secara bersama pada 17 September 2008, baki siling peruntukan sedia ada berjumlah RM29.28 juta telah disalurkan kepada projek lain. Siling peruntukan baru yang diluluskan bagi projek ini adalah di bawah peruntukan <i>Private Finance Initiative</i> (PFI) berjumlah RM45 juta. Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan siling peruntukan tambahan berjumlah RM40 juta menjadikan keseluruhan siling peruntukan berjumlah RM85 juta. Memandangkan terdapat lebihan siling, KDN telah menarik balik peruntukan berjumlah RM2.5 juta. Setakat bulan Mei 2012, jumlah perbelanjaan adalah RM71.13 juta.</p>	<p>Kontraktor baru tidak dapat dilantik pada tahun 2008 disebabkan oleh kekangan peruntukan di bawah Belanja Pembangunan. Walaubagaimanapun, projek ini telah disambung semula setelah mendapat suntikan peruntukan secara <i>Private Finance Initiative</i> (PFI) pada tahun 2009.</p>
19.5.1.2.b	<p>Semakan Audit mendapati nilai kontrak asal bagi projek ini adalah berjumlah RM32.89 juta. Bagaimanapun selepas kontraktor baru dilantik, nilai kontrak telah meningkat sebanyak RM40.11 juta kepada RM73 juta. Antara sebab peningkatan nilai kontrak ini ialah peningkatan dalam <i>preliminaries</i>; kerja tanah dan geoteknik; kerja-kerja bangunan; mekanikal dan elektrik; dan kerja marin.</p> <p>Pada pendapat Audit, peningkatan dalam nilai kontrak ini dapat dielakkan sekiranya pelantikan kontraktor baru dilakukan dengan lebih cepat supaya kenaikan bahan mentah di pasaran dapat dielakkan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 6 November 2012</p> <p><i>Pelantikan kontraktor tidak dapat dibuat dengan lebih cepat kerana pihak pelanggan iaitu KDN tidak dapat menyediakan peruntukan setelah projek ditamatkan pada 17 September 2008. Bagaimanapun, atas keperluan mendesak daripada Kerajaan Negeri Melaka untuk meneruskan projek ini kerana telah terbengkalai dan menjaskan imej Negeri Melaka, projek telah ditender semula pada 2 Ogos 2010 dengan menggunakan peruntukan PFI.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.3.a.i	<p>Pelaksanaan Industrialised Building System (IBS)</p> <p>Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008, semua agensi adalah dikehendaki mempelawa projek baru menggunakan kaedah IBS iaitu:-</p> <p>Mempertingkatkan kandungan komponen IBS bagi setiap projek Kerajaan pada tahap tidak kurang daripada 70%. Pengiraan penggunaan kandungan IBS dalam sesuatu projek binaan bangunan adalah berdasarkan kepada Manual <i>Industrialised Building Systems (IBS) Content Scoring System</i> yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).</p>	Tiada maklum balas tambahan. Maklum balas adalah seperti mana dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada 21 Mac 2013.
19.5.2.3.a.ii	Memasukkan syarat kontrak dan klausa keperluan penggunaan IBS dalam projek baru agensi dengan merujuk ke laman web JKR.	
19.5.2.3.b	<p>Semakan Audit terhadap skor IBS mendapati skor IBS keseluruhan adalah 40.2% merangkumi 30.2% untuk sistem struktur dan 10% pula skor IBS bagi sistem dinding. Bagaimanapun, skor IBS ini tidak mencapai skor IBS yang ditetapkan iaitu 70%. Peratusan komponen yang ditetapkan adalah 50% bagi sistem struktur IBS dan 20% bagi sistem dinding IBS. Pihak Audit juga mendapati tiada pengecualian dibuat daripada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia.</p> <p>Pada pendapat Audit, memandangkan projek ini adalah projek melebihi RM70 juta maka pencapaian skor IBS sebanyak 70% hendaklah dipatuhi supaya penggunaan kaedah IBS ini dapat dipertingkatkan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, pengesahan daripada CIDB perlu diperolehi terhadap skor IBS.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 21 Mac 2013</p> <p><i>Markah penemuan IBS Score 40.2% adalah disebabkan pengiraan Part 2: Wall System dan Part 3: Other Simplified Construction Solutions tidak diambil kira. Markah skor IBS sebenar dicapai adalah 70.5% iaitu melebihi 70%. Di JKR, pengesahan skor IBS dibuat oleh sektor pakar iaitu Cawangan Kejuruteraan Awam Struktur dan Jambatan serta Cawangan Arkitek.</i></p>	
19.5.2.4	<p>Program Penglibatan Kontraktor Kelas F</p> <p>Program Penglibatan Kontraktor Kelas F adalah bagi projek bernilai RM10 juta ke atas sahaja. Mengikut arahan kepada petender, bagi kontrak reka dan bina, petender yang dipersetujui hendaklah mensubkontrakkan kepada kontraktor Kelas F sekurang-kurangnya 10% dari nilai kerja pembina daripada peruntukan 30% jumlah Harga Kontrak yang dikhaskan untuk kontraktor/syarikat/profesional Bumiputera.</p>	Kementerian ini mengambil maklum akan keperluan pengagihan kerja kepada kontraktor Bumiputera Kelas F.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Semakan Audit mendapati peruntukan 10% daripada nilai kerja pembina kepada kontraktor Kelas F tidak tercapai di mana hanya kerja landskap yang berjumlah RM431,543 sahaja diperuntukkan kepada kontraktor Kelas F.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan peratusan pengagihan kerja yang telah diperuntukkan diberi kepada kontraktor Kelas F supaya program penglibatan Kontraktor Kelas F akan tercapai.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 8 Mac 2013</p> <p><i>Penyertaan kontraktor Bumiputera dalam projek ini adalah 23.6% dan penyertaan kontraktor Kelas F adalah 2%. Pengagihan 10% dari nilai kerja pembina diperuntukkan kepada kontraktor Kelas F adalah berdasarkan kepada surat Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) bertarikh 16 April 2008. Bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini telah ditangguhkan dan dikaji semula mekanisme pelaksanaannya pada 7 Mei 2009. Surat Arahan KPKR bertarikh 5 April 2010 telah menyatakan bahawa jumlah pengagihan kerja yang boleh diperuntukkan di bawah Wang Peruntukan Sementara adalah fleksibel (tiada minimum) tetapi nilai maksimum kepada kontraktor Kelas F hendaklah tidak melebihi 15% dari nilai kerja pembina. Tarikh Surat Setuju Terima bagi projek ini adalah 28 Julai 2010 dan berdasarkan kepada surat Arahan KPKR bertarikh 5 April 2010 maka keperluan pengagihan kepada kontraktor Kelas F adalah tercapai.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 20 : Pengurusan Perolehan Pesawat Beechcraft King Air 350 Untuk Pasukan Gerakan Udara

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.1.2.b	<p>Pembayaran Bagi Perolehan 2 Unit Pesawat Pengawasan Berserta Peralatan Khas Operasi (Special Mission Equipment)</p> <p>Semakan Audit mendapati pemeriksaan pesawat telah dibuat oleh pasukan PDIPT dan PDI di Wichita, Kansas, Amerika Syarikat pada bulan November 2009. Berdasarkan Laporan Pemeriksaan PDIPT, 2 unit pesawat tersebut telah dibuat penerimaan oleh pasukan PDI. Lanjutan daripada itu, <i>Certificate for Services Performed</i> telah dikeluarkan dan bayaran sebanyak USD14.55 juta telah dibuat pada bulan Disember 2009 berdasarkan tuntutan 45% daripada harga pesawat pengawasan yang dikemukakan oleh pembekal.</p>	<p>Kementerian mengambil perhatian berkenaan teguran pihak Audit. Dalam perkara ini kementerian ingin menjelaskan sebab pembayaran PDI bagi peralatan SME dibuat adalah berdasarkan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada unjuran peruntukan perbelanjaan pembangunan (P.62) yang telah ditetapkan dan perlu mencapai prestasi perbelanjaan yang sempurna sehingga 31 Disember 2012. Oleh itu, memandangkan peralatan SME iaitu <i>Telephonics Surveillance Radar</i> dan <i>FLIR Star Safire III</i> telah sedia untuk diperiksa, maka sesi PDI telah dijalankan dan pembayaran hanya dibuat berdasarkan item yang telah disemak sahaja. b. Kedua-dua peralatan tersebut perlu disemak awal memandangkan ia perlu disahkan untuk proses modifikasi dan <i>certification</i> sebelum dipasang ke pesawat. <p>Bagi tujuan korektif, kementerian akan meminda kontrak dan memasukkan klausa pembayaran separa (<i>partial payment</i>) bagi kes-kes seperti di para (a) dan seterusnya meminda jadual pembayaran mengikut kesesuaian jadual pemasangan dan persediaan pesawat.</p>
20.5.1.2.c	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati pemeriksaan dan penerimaan peralatan khas operasi bagi 2 unit pesawat pengawasan telah dijalankan pada bulan September dan Oktober 2011 serta bulan Jun dan Julai 2012 di New York, Amerika Syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarat kontrak menetapkan pemeriksaan terhadap peralatan khas operasi sepatutnya tertumpu antaranya pada peralatan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>FLIR Star Safire III System</i>; ii. <i>Telephonics Radar and Skyquest Surveillance Management System</i>; iii. <i>Direction Finder</i>; iv. <i>Video Recorder</i>; v. <i>BMS Microwave Downlink</i>; dan vi. <i>FlightCell Satellite Phone/Tracking System</i>. 	
20.5.1.2.d	<p>Klausa 6.16 dan 6.17 perjanjian kontrak menetapkan bahawa pembayaran hanya boleh dilakukan setelah tamat pemeriksaan PDI terhadap peralatan khas operasi. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap <i>Certificate Of Pre-Delivery Inspection</i> mendapati Pasukan PDIPT/PDI hanya menjalankan pemeriksaan dan penerimaan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terhadap peralatan <i>Telephonics Surveillance Radar</i> dan <i>FLIR Star Safire III System</i> di samping melakukan beberapa perkara seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memeriksa dokumentasi dan mengesahkan kerja teknikal; ii. menguji sistem radar yang akan dipasang di pesawat; iii. menyediakan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Bahagian Operasi Penerbangan dan Kejuruteraan; dan iv. menyemak kesesuaian <i>Test Protocol</i>. 	
20.5.1.2.e	<p>Semakan Audit mendapati, sungguhpun pemeriksaan PDIPT/PDI masih belum dilaksanakan secara menyeluruh terhadap peralatan khas operasi yang ditetapkan di dalam perjanjian kontrak, sejumlah USD10.94 juta (RM34.85 juta) telah dibayar kepada pembekal. Tuntutan bayaran oleh pembekal adalah berdasarkan <i>Certificate Of Pre-Delivery Inspection</i> hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan.</p>	
20.5.1.2.f	<p>Semakan Audit selanjutnya juga mendapati klaus 12 perjanjian kontrak menetapkan hak milik/risiko bagi pesawat 1, 2 dan 3 akan dipindahkan kepada Kerajaan setelah pesawat memperoleh <i>C of A</i>. Bagaimanapun, syarat pengambilalihan hak milik/risiko bagi pesawat pengawasan 4 dan 5 serta peralatan khas operasi adalah berbeza di mana hak milik dan segala risiko akan dipindahkan kepada Kerajaan apabila pembayaran berjumlah USD27.48 juta (85%) daripada USD32.33 juta harga pesawat dilakukan. Ini bermakna, sungguhpun pesawat masih berada di lokasi pengeluar, hak milik/tanggungan risiko kedua-dua pesawat akan dipindahkan kepada Kerajaan dan kemungkinan caj penyimpanan, penjagaan serta keselamatan terhadap pesawat tersebut akan ditanggung oleh Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tuntutan daripada pembekal bagi pemeriksaan dan penerimaan peralatan khas operasi tidak sepatutnya dibayar walaupun dengan penangguhan bayaran bernilai USD2 juta kerana pembekalan peralatan tersebut belum menepati klaus 6.16 dan 6.17. Selain itu, klaus perjanjian kontrak mengenai pemindahan hak milik/risiko bagi pesawat 4 dan 5 adalah tidak memihak kepada Kerajaan. Ini adalah kerana segala tanggungjawab berkaitan pesawat akan dipindahkan kepada Kerajaan sungguhpun proses perolehan pesawat masih belum selesai dan pesawat serta peralatan khas operasi masih berada dengan pembekal.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian mengambil perhatian berkenaan teguran Audit. Dua peralatan yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
	<p><i>diterima tersebut adalah untuk proses modifikasi dan certification sebelum dipasangkan ke pesawat. Bagi tujuan corrective, Kementerian akan mengambil tindakan untuk memasukkan unsur bayaran separa (partial payment) di dalam kontrak yang diwujudkan bagi mengelakkan perkara sama berulang.</i></p>													
20.5.1.3	<p>Pembekalan Pesawat</p> <p>Pesawat pengawasan 4 dan 5 masih belum dibekalkan kerana masalah pertukaran sistem radar pesawat daripada jenama/model Raytheon SeaVue kepada Telephonics RDR 1700B Radar dan SkyQuest Surveillance Management System. Selain itu, terma baharu oleh Federal Aviation Administration (FAA) yang perlu dipatuhi oleh pembekal bagi kerja penerbangan untuk <i>interior work station</i> dan peralatan khas operasi bagi pesawat yang mesti dilaksanakan melalui proses <i>Supplemental Type Certificate</i> (STC) turut menyebabkan kelewatan pembekalan pesawat. Mengikut perkiraan Audit, LAD yang sepatutnya dikenakan terhadap pembekal.</p> <p>Pada pendapat Audit, KDN/PGU perlu mengenakan LAD terhadap pembekal kerana kelewatan pembekalan pesawat selaras dengan syarat yang ditetapkan di dalam kontrak. Tindakan untuk menamatkan kontrak juga hendaklah diambil sekiranya pembekal gagal membekal pesawat 4 dan 5 seperti yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Kementerian akur teguran Audit mengenai kegagalan mengenakan LAD terhadap pembekal kerana kelewatan pembekalan pesawat. Walau bagaimanapun, tindakan LAD akan dipertimbangkan selaras dengan surat kelulusan MOF bertarikh 22 November 2012.</i></p>	<p>Kementerian akur teguran Audit mengenai kegagalan mengenakan LAD terhadap pembekal kerana kelewatan pembekalan pesawat. Namun kementerian ingin menjelaskan sebab LAD tidak dikenakan kepada syarikat semasa pelanjutan pertama:-</p> <p>a. Syarikat telah merayu untuk tidak dikenakan LAD dan pada masa yang sama telah bersetuju untuk membuat pindaan kepada <i>commercial consideration</i> di dalam <i>first supplementary contract</i> untuk membekalkan peralatan SME seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1425 700 2000 1137"> <thead> <tr> <th data-bbox="1439 708 1989 732">Item</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1439 732 1989 755">Flight Data Recorder as specified by the DCA</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 755 1989 819">6 places on the Collins P21 course Singapore (5 days)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 819 1989 843">Mapping Overlay for SMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 843 1989 867">FLIR Geo Pointer AND rangefinder</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 867 1989 890">Observer Training in country</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 890 1989 914">SIRM factory dedicated maintenance procedure</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 914 1989 938">Plus enhanced capability:-</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 938 1989 1002">Improved video recording system (Flash cards/better compression)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 1002 1989 1025">Addition of Audio recording capability</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 1025 1989 1089">Addition to SMS capability (multi picture display etc)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1439 1089 1989 1113">Larger Screen installation (two per aircraft)</td> </tr> </tbody> </table> <p>b. Syarikat juga bersetuju untuk melanjutkan perkhidmatan <i>technical support</i> selama 21 bulan untuk pesawat 1, 2 dan 3 manakala tambahan selama 6 bulan daripada tarikh penerimaan pesawat 4 dan 5 tanpa caj kepada Kerajaan.</p> <p>c. Selain itu, kementerian juga telah menerima surat</p>	Item	Flight Data Recorder as specified by the DCA	6 places on the Collins P21 course Singapore (5 days)	Mapping Overlay for SMS	FLIR Geo Pointer AND rangefinder	Observer Training in country	SIRM factory dedicated maintenance procedure	Plus enhanced capability:-	Improved video recording system (Flash cards/better compression)	Addition of Audio recording capability	Addition to SMS capability (multi picture display etc)	Larger Screen installation (two per aircraft)
Item														
Flight Data Recorder as specified by the DCA														
6 places on the Collins P21 course Singapore (5 days)														
Mapping Overlay for SMS														
FLIR Geo Pointer AND rangefinder														
Observer Training in country														
SIRM factory dedicated maintenance procedure														
Plus enhanced capability:-														
Improved video recording system (Flash cards/better compression)														
Addition of Audio recording capability														
Addition to SMS capability (multi picture display etc)														
Larger Screen installation (two per aircraft)														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>kelulusan pelanjutan yang pertama bagi tempoh 2011 – 2012 daripada Kementerian Kewangan tanpa sebarang arahan untuk mengenakan tindakan LAD kepada syarikat.</p> <p>Walau bagaimanapun tindakan LAD akan dipertimbangkan selaras dengan surat kelulusan MOF bertarikh 22 November 2012.</p>
20.5.2.1.b	<p>Perolehan Pesawat - Rundingan Harga Perolehan Pesawat</p> <p>Mesyuarat rundingan harga telah diadakan pada 13 Disember 2007 dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Semakan Audit mendapati harga perolehan yang diputuskan melalui mesyuarat rundingan harga tersebut adalah USD58.25 juta iaitu melebihi USD17.49 juta (42.9%) daripada harga siling yang ditetapkan. Berdasarkan kertas taklimat tender yang dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan A pada 11 Januari 2008, peningkatan harga kepada USD58.25 juta adalah disebabkan harga siling asal tidak merangkumi kos yang melibatkan pemasangan radar pada 2 unit pesawat jenis pengawasan. Lembaga Perolehan A selanjutnya memperakui untuk menerima tawaran harga USD58.25 juta seperti yang diputuskan dalam mesyuarat rundingan harga dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 18 Februari 2008.</p>	<p>-</p>
20.5.2.1.c	<p>Semakan Audit juga mendapati tawaran harga bagi pesawat pengawasan adalah bernilai USD16.16 juta seunit iaitu melebihi 100% daripada harga bagi seunit pesawat dari jenis pesawat <i>high density</i> (USD7.73 juta) dan <i>low density</i> (USD7.09 juta). Perbezaan harga pesawat antara USD8.43 juta hingga USD9.07 juta adalah disebabkan pesawat pengawasan akan dipasang dengan peralatan khas operasi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kos perincian yang dinyatakan oleh pembekal bagi radar untuk 2 unit pesawat pengawasan tersebut adalah hanya berjumlah USD4.05 juta.</p>	
20.5.2.1.d	<p>Namun demikian, semakan Audit mendapati KDN dan pembekal telah bersetuju untuk mengganti radar dan peralatan daripada jenis <i>Raytheon SeaVue</i> kepada <i>Telephonics RDR 1700B Radar</i> dan <i>SkyQuest Surveillance Management System</i> disebabkan syarikat pengeluar radar mengikut jenis/spesifikasi yang asal telah gagal untuk meneruskan pembekalan.</p> <p>Pada pendapat Audit, maklumat terperinci berkaitan kos/harga pesawat pengawasan ini perlu dinyatakan dengan jelas bagi membantu Kementerian menilai sama ada harga perolehan pesawat dan peralatan khas operasi yang dipasang adalah <i>value for money</i>.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Kajian pasaran telah dilaksanakan dan laporan telah dikemukakan kepada MOF. Walau bagaimanapun, Kementerian akur dengan teguran Audit berkenaan maklumat terperinci kos/harga pesawat pengawasan perlu dinyatakan dengan jelas. Dalam perkara ini, Kementerian akan memastikan setiap tawaran harga akan diperincikan bagi perolehan pesawat pada masa hadapan.</i></p>	
20.5.2.2.b.i	<p>Program Latihan Pegawai Dan Anggota - Program Latihan Untuk Juruterbang Pengajar</p> <p>Semakan Audit mendapati 6 juruterbang PGU telah lulus menjalani latihan bersama pembekal dan secara umumnya adalah layak menjadi juruterbang pengajar berdasarkan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun juruterbang pengajar ini masih tidak dapat menggunakan lesen kelayakan tersebut disebabkan modul latihan yang sepatutnya disediakan oleh PGU masih belum diserahkan kepada DCA untuk diluluskan. Kesannya, kesemua 6 juruterbang PGU tersebut tidak dapat mempraktikkan kelayakan masing-masing untuk melatih juruterbang baru atau menaik taraf pembantu juruterbang kepada juruterbang.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembekal sepatutnya bekerjasama dengan PGU untuk mendapatkan pengiktirafan DCA bagi program latihan yang dianjurkan supaya juruterbang yang telah dilatih oleh pembekal diiktiraf oleh DCA sebagai juruterbang pengajar. Tanpa pengiktirafan DCA, usaha PGU untuk melahirkan juruterbang baru tidak akan menjadi kenyataan dan matlamat untuk mengoptimumkan penggunaan pesawat yang diperoleh akan terhalang kerana bilangan juruterbang PGU yang terhad.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Sebagai tindakan penambahbaikan, pihak PGU telah menyediakan draf silibus program tersebut untuk semakan DCA. Penyemakan awal telah diadakan dengan pihak DCA pada bulan Disember 2012. Draf pindaan akan dikemukakan semula pada pihak DCA setelah semua kajian dan saranan DCA selesai disempurnakan yang mana dijangkakan sebelum pertengahan tahun 2013. Tempoh yang panjang diperlukan disebabkan semua silibus perlu disahkan melalui fasa penerangan oleh PGU dan tertakluk kepada availability of aircraft yang mana kini giat digunakan sepenuhnya untuk operasi Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah.</i></p>	<p>Draf silibus telah disempurnakan dan telah di hantar ke Jabatan Penerbangan Awam Malaysia(DCAM) pada 30 April 2013 menunggu perbincangan dan kelulusan. Apabila mendapat kelulusan satu program latihan akan disediakan untuk memulakan latihan secepat mungkin.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.2.2.b.ii	<p>Program Latihan Untuk Jurutera</p> <p>Berdasarkan klausula yang sama, seramai 13 jurutera (termasuk seorang jurutera daripada DCA) dan 10 orang mekanik perlu dihantar untuk menjalani latihan/kursus yang terbahagi kepada dua peringkat. Latihan peringkat pertama dijalankan di Flight Safety, Wichita, Amerika Syarikat dan latihan peringkat kedua dijalankan di Singapura. Semakan Audit mendapati kesemua kursus yang ditawarkan oleh pembekal telah dilaksanakan. Bagaimanapun, jurutera/mekanik PGU yang telah menghadiri kursus tersebut masih tidak dapat melibatkan diri dengan kerja pembaikan dan penyenggaraan pesawat sepenuhnya memandangkan kelayakan jurutera/mekanik PGU masih belum memenuhi perubahan syarat kelayakan <i>Aircraft Maintenance Licence</i> (AML) oleh DCA yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.</p> <p>Berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh DCA, seseorang jurutera perlu lulus 17 modul peperiksaan dan menjalani latihan praktikal sekurang-kurangnya selama 2 tahun sebelum mendapat lesen AML daripada DCA. Walaupun beberapa modul telah diberikan pengecualian oleh DCA kepada jurutera PGU, masih terdapat modul tambahan yang perlu diambil oleh jurutera dan mekanik PGU seperti yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, memandangkan ketetapan syarat kelayakan yang baharu adalah daripada pihak ketiga dan berkuat kuasa setelah kontrak dipersempit, pihak KDN/PGU disarankan untuk mengambil tindakan lain yang lebih proaktif bagi memastikan jurutera dan mekanik PGU lulus dalam modul tambahan yang telah ditetapkan oleh DCA.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Hanya 2 perjawatan jurutera khusus untuk pesawat Beechcraft King Air diluluskan pada tahun 2012. Jurutera sedia ada telah dilatih secara berperingkat sejak tahun 2003 di institusi latihan dalam negeri yang diiktiraf oleh DCA dan layak untuk menduduki peperiksaan bertulis Lesen Asas Jurutera Penyenggara Kapal Terbang selepas tempoh 2 tahun latihan amali. Bagaimanapun hanya 2 jurutera yang lulus manakala yang lain sama ada lulus separa atau sebahagian.</i> ii. <i>Pada tahun 2011, DCA telah memperkenalkan sistem peperiksaan baru, justeru mereka yang belum lulus penuh dikehendaki mengambil semula semua 17 modul peperiksaan. Frequency peperiksaan yang dianjurkan oleh DCA adalah terhad.</i> iii. <i>Pada masa yang sama 8 orang jurutera yang bertauliah telah meninggalkan PGU kerana tawaran yang lebih baik dan kenaikan pangkat ke bahagian lain di luar PGU.</i> 	<p>Hanya 2 perjawatan jurutera khusus untuk pesawat Beechcraft King Air diluluskan pada tahun 2012. Walaubagaimanapun seramai 14 pegawai dalam perjawatan kapal terbang sedia ada telah dilatih secara berperingkat sejak tahun 2003 di institusi latihan dalam negeri yang diiktiraf oleh DCAM selama 2 tahun 6 bulan. Mereka kemudian layak untuk menduduki peperiksaan bertulis Lesen Asas Jurutera Penyenggara Kapal Terbang dengan DCAM secara berperingkat. Bagaimanapun hanya 2 jurutera yang lulus sepenuhnya, manakala yang lain sama ada lulus separa atau sebahagian.</p> <p>Pada tahun 2011, DCA telah memperkenalkan sistem peperiksaan baru, justeru mereka yang belum lulus penuh dikehendaki mengambil semula semua 17 modul peperiksaan. Frequency peperiksaan yang dianjurkan oleh DCA adalah terhad.</p> <p>Dalam masa yang sama 8 orang jurutera yang bertauliah telah meninggalkan PGU kerana tawaran yang lebih baik dan kenaikan pangkat ke bahagian lain di luar PGU. Ini disebabkan peluang kenaikan pangkat di PGU adalah terhad. Permohonan perjawatan fleksi untuk jurutera telah dikemukakan kepada JPA sejak tahun 2008, tetapi hanya 2 perjawatan fleksi telah diluluskan dalam perjawatan King Air dalam tahun 2012; menyebabkan PGU kekurangan jurutera untuk menyenggara kapal terbang King Air 350.</p> <p>Penyenggaraan pesawat ini mesti dilaksanakan oleh organisasi bertaraf <i>Approve Maintenance Organisation</i> (AMO) di mana pengesahan kepada kerja-kerja pada pesawat berasaskan kepada <i>Company Approval</i> dan tidak berdasarkan kepada <i>type rating</i>. Apabila pesawat ini diselenggarakan oleh Syarikat Hawker Pacific Malaysia yang bertaraf AMO melalui <i>technical support service</i>, jurutera PGU yang mempunyai <i>type rating</i> tidak lagi boleh mengesahkan kerja-kerja pada pesawat ini kecuali mendapatkan <i>company approval</i> dari syarikat ini. Peranan jurutera PGU hanyalah setakat melaksanakan <i>oversight function</i> dan mengatur, pengesahan serta menguruskan keperluan alat ganti. Bagijurutera yang masih belum ada <i>Type Rating</i> kapal terbang King Air 350, mereka perlu dihantar kursus <i>type rating</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>PGU. Ini disebabkan peluang kenaikan pangkat di PGU adalah terhad. Permohonan perjawatan fleksi untuk jurutera telah dikemukakan kepada JPA sejak tahun 2008, hanya 2 perjawatan fleksi telah diluluskan dalam perjawatan bagi pesawat Beechcraft King Air pada tahun 2011.</p> <p>iv. Penyenggaraan pesawat ini mesti dilaksanakan oleh organisasi bertaraf Approve Maintenance Organisation (AMO) di mana pengesahan kepada kerja pada pesawat berasaskan kepada Company Approval dan tidak berdasarkan kepada type rating. Apabila pesawat ini diselenggarakan oleh Syarikat Hawker Pacific Malaysia yang bertaraf AMO melalui technical support service, jurutera PGU yang mempunyai type rating tidak lagi boleh mengesahkan kerja pada pesawat ini kecuali mendapatkan Company Approval dari syarikat ini. Peranan jurutera PGU hanyalah setakat melaksanakan Oversight Function dan mengatur, pengesahan serta menguruskan keperluan alat ganti.</p> <p>v. Bagi membolehkan kedua-dua pegawai ini mendapat Type Rating, mereka perlu dihantar kursus Type Rating dan menjalani latihan praktikal di bawah seliaan di organisasi penyenggaraan bertaraf Approve Maintenance Organization sekurang-kurangnya 6 bulan dan disahkan kompeten oleh assessor dan validator di organisasi tersebut sebelum dimajukan kepada DCA Malaysia untuk mendapatkan rating.</p>	<p>dan menjalani latihan praktikal di bawah seliaan di organisasi penyenggaraan bertaraf Approve Maintenance Organization sekurang-kurangnya 6 bulan dan disahkan telah memalui kerja amali keseluruhan bahagian kapal terbang berkaitan Type Rating yang dipohoh, serta kompeten oleh assessor dan validator di organisasi tersebut sebelum dimajukan kepada DCA Malaysia untuk mendapatkan rating.</p>
20.5.2.3.c	<p>Perkhidmatan Sokongan Teknikal</p> <p>Semakan Audit mendapati perkhidmatan sokongan teknikal diwakili oleh jurutera yang mempunyai kepakaran dalam bidang elektrikal, instrumen dan radio, manakala seorang jurutera lagi mempunyai kepakaran dalam bidang airframe dan enjin. Semakan selanjutnya mendapati perkhidmatan sokongan teknikal bagi tempoh 2 tahun untuk 5 pesawat tersebut telah dibayar sepenuhnya dengan jumlah USD0.58 juta (RM1.83 juta) walaupun hanya 3 pesawat sahaja yang telah diterima.</p> <p>Pada pendapat Audit bayaran tidak sepatutnya dibuat sepenuhnya bagi perkhidmatan ini memandangkan pembekal belum menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal terhadap 2 unit pesawat pengawasan (<i>surveillance</i>) termasuk peralatan radar, sistem pengawasan dan peralatan khas operasi kerana masih belum dibekalkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p>Kementerian akur dengan teguran Audit dan ingin memaklumkan di bawah pelanjutan kedua kontrak ini dan berdasarkan syarat kelulusan oleh Kementerian</p>	<p>Kementerian mengambil perhatian berkenaan teguran pihak Audit. Dalam perkara ini kementerian ingin menjelaskan sebab pembayaran <i>technical support</i> dibuat sepenuhnya kepada syarikat walaupun masih belum menerima pesawat 4 dan 5:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada unjuran peruntukan perbelanjaan pembangunan (P.62) yang telah ditetapkan dan perlu mencapai prestasi perbelanjaan yang sempurna sehingga 31 Disember 2012. Oleh itu, tertakluk kepada prestasi perbelanjaan yang telah ditetapkan, maka kementerian telah melaksanakan pembayaran bagi perkhidmatan <i>technical support</i> sebagaimana di dalam jadual pembayaran kontrak. b. Berdasarkan <i>first supplementary contract</i> yang dibuat pada tahun 2011, syarikat telah bersetuju untuk melanjutkan perkhidmatan <i>technical support</i> selama 21 bulan untuk pesawat 1, 2 dan 3 manakala tambahan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kewangan, perkhidmatan sokongan teknikal hendaklah dilanjutkan sehingga tamat kontrak. Dalam perkara ini Kementerian telah memasukkan terma tersebut di dalam Surat Setuju Terima pelanjutan kedua bahawa perkhidmatan sokongan teknikal bagi pesawat 4 dan 5 akan bermula 9 bulan selepas penerimaan.</p>	<p>selama 6 bulan daripada tarikh penerimaan pesawat 4 dan 5 tanpa caj kepada Kerajaan. Ia dianggap sebagai bayaran pampasan kepada kegagalan untuk membuat <i>technical support</i> bagi pesawat 4 dan 5.</p> <p>c. Berdasarkan jadual penyerahan kontrak asal, kelewatan penerimaan pesawat 1, 2 dan 3 telah menyebabkan teknikal support tidak dapat dilaksanakan pada pesawat 1,2, dan 3 secara purata adalah 2.5 bulan. Manakala sekiranya mengikut jadual asal pesawat ke-4 dan 5 sepatutnya menerima perkhidmatan teknikal <i>support</i> sejumlah 12.5 bulan.</p> <p>Berdasarkan lajutan pertama kontrak yang memberikan lanjutan teknikal <i>support</i> untuk tambahan 21 bulan yang telah dilaksanakan kepada 3 pesawat, sedangkan tanggungan kontraktor untuk 3 pesawat hanya 2.5 bulan dan tanggungan untuk 2 pesawat adalah 12.5 bulan, justeru berpendapat adalah wajar pembayarn dibuat disamping akan mendapat tambahan 6 bulan lagi teknikal support bagi pesawat 4 dan 5 selepas penerimaan tanpa sebarang bayaran tambahan.</p>
20.5.2.4.b	<p>Commercial Considerations Terhadap Pelanjutan Kontrak</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga tamat tempoh lanjutan kontrak pada 31 Disember 2012, hanya kursus Collins Proline 21 Avionics telah dilaksanakan bagi <i>commercial considerations</i> yang dipersetujui. Kursus tersebut telah diadakan di Singapura selama 5 hari pada bulan Mac 2011 yang dihadiri oleh 6 pegawai PGU.</p> <p>Pada pendapat Audit, PGU/KDN perlu memastikan peralatan dan perkhidmatan yang dipersetujui sebagai <i>commercial considerations</i> dibekalkan/dilaksanakan oleh pembekal selaras dengan syarat pelanjutan kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>PGU bersetuju dengan pendapat Audit bahawa hanya kursus Collins Proline 21 Avionics di samping technical support services untuk tempoh 21 bulan telah dilaksanakan. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 22 November 2012 telah meluluskan permohonan lanjutan kontrak kali kedua Pembekalan 5 Unit Pesawat Beechcraft King Air 350 untuk PDRM selama satu tahun mulai 1 Januari</i></p>	<p>PGU bersetuju dengan pandangan Audit bahawa hanya kursus Collins Proline 21 Avionics dan teknikal <i>support service</i> untuk tempoh 21 bulan juga telah dilaksanakan.</p> <p>Bagi lain-lain komitmen daripada senarai Commercial Considerations tersebut, ia nya hanya boleh disahkan apabila semua modifikasi dokumentasi, fizikal pada pesawat, ujian terbang dan pesawat telah disahkan boleh didaftarkan dengan pendaftaran malaysia dibuat.</p> <p>Sekiranya PGU berpuas hati bahawa semua spesifikasi kontrak telah dipatuhi barulah sijil pengesahan boleh dikeluarkan oleh pihak syarikat.</p> <p>Manakala tambahan 6 bulan teknikal <i>support service</i> hanya boleh dilaksanakan apabila pesawat-pesawat tersebut telah diterima oleh kerajaan yang dijangkakan pada pertengahan bulan Julai dan pertengahan bulan Ogos 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2013 hingga 31 Disember 2013 secara rundingan terus dengan Hawker Pacific Air Services Ltd. tertakluk kepada had nilai kontrak sedia ada berjumlah USD58.25 juta. Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada 9 Januari 2013 dan dikemukakan kepada syarikat pada 25 Februari 2013. Kementerian mengambil maklum pandangan Audit dan akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan kontrak sekiranya pembekal masih gagal melaksanakan obligasinya.</p>	
20.5.3.1.c	<p>Penggunaan Pesawat - Pengurusan Penggunaan Pesawat</p> <p>Semakan Audit mendapati jenis penerbangan yang dibuat bagi tujuan jenayah dan ketenteraman awam bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah rendah iaitu hanya sejumlah 43 jam dan 89 jam sahaja. Jumlah jam tersebut tidak menunjukkan penggunaan pesawat telah memenuhi matlamat pembelian pesawat yang utama iaitu untuk membanteras kegiatan jenayah dan menjaga keselamatan negara. Ketiga-tiga pesawat tersebut lebih banyak digunakan untuk aktiviti sokongan operasi dan latihan sahaja. Semakan lanjut Audit terhadap Arahan Penugasan dan log penerbangan yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapati rekod penggunaan bagi pesawat 1 (9M PTA), 2 (9M PTB) dan 3 (9M PTC) tidak seragam dalam menentukan klasifikasi penerbangan. Beberapa penerbangan melibatkan penghantaran pegawai bagi melaksanakan tugas kepolician terutama tugas khas masih diklasifikasi sebagai pergerakan operasi walaupun Panduan Pelan Strategik Hala Tuju PGU PDRM yang dikemas kini telah menggariskan klasifikasi yang jelas.</p>	<p>PGU akur dengan teguran audit dan telah mengambil tindakan sewajarnya.</p> <p>Sejak penubuhan PGU pada tahun 1979, fokus pengukuran prestasi operasi penerbangan berdasarkan kepada pencapaian jam penerbangan yang dikategorikan kepada penerbangan berjadual dan penerbangan yang tidak berjadual.</p> <p>Bermula dari tahun 2012, PGU telah memperkenalkan klasifikasi penerbangan yang lebih khusus untuk menggambarkan prestasi pencapaian sebenar yang merangkumi enam (6) bidang keberhasilan utama iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Jenayah ii) Ketenteraman iii) Sokongan Operasional iv) Ihsan v) Taktikal vi) Latihan
20.5.3.1.d	<p>Semakan Audit juga mendapati beberapa penerbangan bagi pergerakan operasi untuk pesawat 2 tidak direkod dengan sempurna dalam <i>Log Master</i> penerbangan yang disediakan dan Arahan Penugasan penerbangan tidak disimpan dalam fail dengan lengkap. Ini menyukarkan pegawai yang bertanggungjawab untuk mengemas kini dan memadankan maklumat tersebut dalam log penerbangan utama dan arahan penugasan penerbangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, adalah menjadi tanggungjawab setiap juruterbang untuk merekod setiap penerbangan yang dibuat dengan betul dan tepat. Ini bagi memastikan rekod penugasan penerbangan sentiasa teratur dan kemas kini, tiada pertindihan penugasan dan rekod penerbangan boleh dijejak semula dengan mudah. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>PGU akur dengan teguran Audit dan telah mengambil tindakan sewajarnya. Surat arahan rujukan KPN 6/6/1/1 bertarikh 20 Februari 2013 telah dikeluarkan supaya pemeriksaan mengejut dilaksanakan dari semasa ke semasa. Sejak penubuhan PGU pada tahun 1979, fokus pengukuran prestasi operasi penerbangan berdasarkan kepada pencapaian jam penerbangan yang dikategorikan kepada</i></p>	<p>Keenam – enam bidang keberhasilan tersebut merupakan satu anjakan dalam mekanisme pengukuran prestasi ke arah pencapaian objektif PDRM selaras dengan Sek. 3(3) Akta Polis 1967.</p> <p>Bagi mengatasi masalah ketiadaan rekod, satu surat arahan rujukan KPN 6/6/1/1 bertarikh 20 Februari 2013 telah dikeluarkan oleh Komander Pangkalan Semenanjung untuk membuat pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa, selain mengingatkan keperluan Arahan Komander Unit Udara Bahagian II, Operasi no.7 yang berkaitan dengan arahan penugasan penerbangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>penerbangan berjadual dan yang tidak berjadual merangkumi 6 bidang keberhasilan utama iaitu jenayah, ketenteraman, sokongan operasi, ihsan, taktikal dan latihan.</i>	Memandangkan pelbagai dokumen diguna pakai untuk mengaktifkan sesuatu penugasan, tindakan berhemah mencantumkan dokumen-dokumen yang berkaitan telah dikuatkuasakan agar rekod simpanan lebih teratur.
20.5.3.2.b	<p>Pesawat Grounded Melebihi 3 Bulan</p> <p>Hasil analisis terhadap log penerbangan yang dikemukakan, semakan Audit mendapati pesawat 2 tidak digunakan selama 8 bulan bermula bulan September 2011 hingga April 2012. Manakala pesawat 1 pula tidak digunakan dari bulan Jun hingga November 2012.</p>	
20.5.3.2.c	<p>Semakan Audit di Stor Material Spesifik (SMS), Shah Alam, Selangor mendapati setiap alat ganti yang dipesan untuk tujuan pembaikan dan penyenggaraan telah diterima dan telah dikeluarkan untuk kegunaan pesawat. Oleh yang demikian pihak Audit tidak dapat mengenal pasti punca sebenar pesawat 2 tidak digunakan/<i>grounded</i> memandangkan penyenggaraan telah dilakukan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PGU perlu memastikan kesemua pesawat sentiasa digunakan dan selamat untuk penerbangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Peruntukan kewangan PGU adalah terhad dan dikawal oleh Jabatan Logistik Bukit Aman. Bagaimanapun, peruntukan tambahan telah diperoleh pada bulan November 2012 berjumlah RM194.75 juta untuk perolehan komponen yang rosak dan pembaikan terhadap 3 buah pesawat.</i></p>	<p>Berkaitan isu pesawat <i>grounded</i> melebihi 3 bulan, adalah disebabkan dalam tahun 2011 peruntukan kewangan PGU adalah terhad dan dalam tahun 2012 pula, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan AP 58 PDRM sebanyak RM261 juta dibayar dengan menggunakan peruntukan semasa (2012) melalui 27 surat kelulusan Rujukan KPN 4/24 bertarikh di antara 4 Februari hingga 19 Disember 2012. Ini menyebabkan peruntukan OS 26000 dan OS 28000 PGU terjejas kerana urusan perbelanjaan PGU dikawal oleh PTJ di Jabatan Logistik Bukit Aman. Bagi mengimbangi kekurangan ini PGU hanya memberi keutamaan untuk menyediakan maksimum dua(2) buah kapal terbang saja beroperasi pada satu masa.</p> <ul style="list-style-type: none"> i) PTA – Kapal terbang ini mula di <i>grounded</i> pada Jun 2012 hingga November 2012 kerana ada keperluan untuk <i>review the C of A</i> nya pada masa itu. Dalam tempoh tersebut beberapa komponennya telah diambil untuk membolehkan kapal terbang PTB dan PTC terus boleh diterbangkan. ii) PTB – Kapal terbang ini mula di <i>grounded</i> pada September 2011 hingga April 2012 kerana pada ketika itu beberapa komponennya hampir tiba untuk selenggaraan dan adalah lebih ekonomi untuk meneruskan kapal terbang PTC yang memerlukan komponen diambil dari kapal terbang ini. Dalam tempoh berikutnya beberapa komponennya pula telah diambil untuk membolehkan PTC dan PTA terus diterbangkan. iii) Walau bagaimanapun dalam tempoh tersebut ada 51 aktiviti selenggaraan dijalankan secara berterusan pada kapal terbang PTA dan 50 aktiviti selenggaraan pada PTB walaupun ianya <i>grounded</i>. iv) Keadaan ini berlarutan sehinggalah pada Sept 2012 PGU memulakan perolehan komponen menggunakan pakai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>peruntukan tambahan yang diperoleh di peringkat PTJ logistik Bukit Aman pada 12 dan 22 November 2012 sejumlah RM 194.75 juta. Sejak 31hb Januari 2013 apabila semua komponen pesawat yang rosak telah dibuat perolehan dan pembaikan tiga(3) buah kapal terbang ini telah mula beroperasi sepenuhnya secara serentak sehingga sekarang.</p> <p>PGU bersetuju dengan pandangan audit bahawa walaupun semua alat ganti yang dipesan untuk tujuan pembaikan dan penyenggaraan telah diterima dari Stor Material Spesifik (SMS), Shah Alam, tetapi kapal terbang tidak dapat diselenggarakan segera.</p> <p>Keadaan ini berkait rapat dengan masalah peruntukan kewangan dalam tahun 2010, 2011 dan 2012. Di samping itu juga, proses perolehan alat ganti sekiranya komponen yang dikehendaki tiada di stor SMS, proses perolehannya mengambil masa di antara 3 minggu hingga 2 bulan.</p> <p>Justeru sekiranya dalam tempoh menunggu sesuatu komponen diperoleh, jika komponen kapal terbang lain pula rosak, jalan terbaik untuk memastikan kapal terbang kedua dapat terus diterbangkan ialah dengan mengambil komponen dari kapal terbang yang pertama yang juga sedang menunggu komponennya tiba.</p> <p>PGU telah mengemukakan permohonan semua keperluannya dalam ABM 2013 dan ABM 2014 bagi mengatasi masalah ini.</p>
20.5.4.2	<p>Penyenggaraan Pesawat</p> <p>Tempoh kuat kuasa kerja penyenggaraan oleh Pasukan Sokongan Teknikal bermula dari 27 November 2008 hingga 26 November 2010. Bagaimanapun disebabkan pesawat pengawasan 4 dan 5 masih belum dibekalkan, perkhidmatan Pasukan Sokongan Teknikal telah dilanjutkan selama 21 bulan lagi sehingga 30 September 2012 tanpa dikenakan sebarang bayaran. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan 3 unit pesawat Beechcraft King Air 350 masih dilakukan oleh jurutera dari pembekal memandangkan jurutera dan mekanik PGU masih belum memiliki kelayakan (<i>type rating</i>) yang diperlukan untuk tujuan penyenggaraan.</p>	<p>PGU bersetuju sepenuhnya dengan pendapat Audit. Bagi memenuhi hasrat ini, PGU mestilah mempunyai peruntukan dan perjawatan yang mencukupi. Bagi mempercepatkan proses ini, dicadangkan pegawai kejuruteraan dihantar berkursus di Approve Training School yang telah terbukti mampu menghasilkan jurutera berlesen seperti di Air Service Training School di Scotland dan Bristol College Of Art And Technology di United Kingdom.</p> <p>Bagi jurutera yang telah lulus separa dalam sistem lama serta</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.4.3	<p>DCA telah mengkategorikan pesawat pengawasan 4 dan 5 sebagai pesawat <i>aerial work</i> kerana pesawat ini dikenal pasti sebagai menyediakan perkhidmatan pengawasan dan juga perkhidmatan mencari dan menyelamat. Oleh yang demikian, pesawat 4 dan 5 perlu disenggarakan oleh organisasi yang bertaraf <i>145 Maintenance Organisation</i>. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan dijalankan PGU masih belum memenuhi standard organisasi penyenggaraan yang tersebut. Sehubungan itu, kerja penyenggaraan 3 pesawat Beechcraft King Air 350 yang telah diterima dan 2 unit pesawat pengawasan yang bakal diterima dilakukan oleh syarikat swasta yang berkelayakan. Bermula bulan Oktober 2012 syarikat Allied Aero Resources (AAR) telah dilantik untuk melaksanakan kerja penyenggaraan bagi 3 pesawat yang telah diterima dengan nilai kontrak berjumlah USD75,000 sebulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, persediaan dan perancangan yang lemah menyebabkan PGU terpaksa bergantung kepada syarikat swasta sepenuhnya bagi tujuan penyenggaraan pesawat. Tindakan yang segera dan lebih proaktif hendaklah diambil bagi memastikan PGU menjadi organisasi yang layak menjalankan penyenggaraan pesawat selaras dengan standard yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>PGU bersetuju sepenuhnya dengan pendapat Audit. Bagi memenuhi hasrat ini, PGU mestilah mempunyai peruntukan dan perjawatan yang mencukupi. Bagi mempercepatkan proses ini, dicadangkan mereka dihantar berkursus di Approve Training School yang telah terbukti mampu menghasilkan jurutera berlesen seperti di Air Service Training School di Scotland dan Bristol College Of Art And Technology di United Kingdom. Bagi jurutera yang telah lulus separa dalam sistem lama serta telah memiliki pengalaman praktikal melebihi 2 tahun, dicadangkan untuk dihantar kursus jangka pendek khas untuk menduduki peperiksaan lesen sahaja selama 4 bulan di Air Service Training School, Scotland.</i></p>	<p>telah memiliki pengalaman praktikal melebihi 2 tahun, akan membuat permohonan mencadangkan mereka dihantar kursus jangka pendek khas secara berperingkat untuk menduduki peperiksaan lesen sahaja selama 4 bulan di Air Service Training tertakluk kepada kelulusan kewangan.</p> <p>Dalam masa yang sama PGU memantau dari semasa ke semasa untuk menilai pusat pusat latihan dalam negeri yang boleh menawarkan kursus yang sama yang telah menunjukkan prestasi yang baik.</p> <p>PGU juga sedang menyediakan sekali lagi permohonan perjawatan jurutera dan juruterbang kapal terbang King Air 350 dan dijangkakan dapat dikemukakan kepada JPA di penghujung bulan Mei 2013. Bagi membolehkan perjawatan khas jurutera dan juruterbang diluluskan untuk penugasan kapal terbang ini.</p>
20.5.5.2	<p>Sijil Perakuan Keselamatan Terbang [Certificate of Airworthiness (C of A)]</p> <p>Bagi memastikan pesawat sentiasa dapat digunakan, <i>C of A</i> hendaklah diperbaharui dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pesawat tidak mempunyai <i>C of A</i> antara 34 hingga 182 hari bagi tahun 2010 hingga 2012 di mana dalam tempoh ketidaan <i>C of A</i> tersebut pesawat tidak dibenarkan beroperasi.</p> <p>Pada pendapat Audit status <i>C of A</i> hendaklah dipantau oleh PGU dari semasa ke semasa supaya sentiasa sah kerana tanpa sijil tersebut pesawat tidak dibenarkan terbang dan seterusnya menjelaskan operasi yang akan dijalankan.</p>	<p>Sejak awal tahun 2010 salah satu daripada tiga pesawat ini telah mula di <i>grounded</i> disebabkan masalah peruntukan kewangan.</p> <p>Proses pembaharuan <i>C of A</i>, akan melibatkan pemeriksaan dokumentasi selenggaran untuk tempoh setahun kebelakangan, pemeriksaan fizikal pada pesawat dan penerbangan ujian.</p> <p>Fasa kedua melibatkan pemeriksaan dokumentasi dan fizikal oleh pegawai DCA. Dalam hal ini pesawat perlu dalam keadaan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>Sejak awal tahun 2010, satu daripada 3 buah pesawat ini telah mula grounded disebabkan masalah peruntukan kewangan. Apabila sesuatu pesawat grounded, komponennya yang lain akan diambil secara berterusan sehingga masalah alat ganti diselesaikan. Kesempatan untuk membolehkan pesawat ini diterbangkan hanya dapat dilakukan apabila terdapat pesawat lain mengalami kerosakan yang tempoh pembaikannya mengambil masa yang panjang atau selenggaraan berjadual yang panjang di mana komponennya digunakan untuk membolehkan pesawat yang menunggu pemeriksaan C of A oleh DCA disempurnakan.</i></p>	<p>boleh terbang tetapi tidak boleh diterbangkan sehingga pemeriksaan selesai/ tidak boleh diterbangkan sekiranya C of A nya telah lopus.</p> <p>Kesempatan ini digunakan untuk mengambil komponenya untuk membolehkan pesawat yang grounded dibaiki supaya operasi penerbangan diteruskan dengan minimum 2 buah pesawat.</p> <p>Pada kebiasaan apabila sesuatu pesawat di grounded komponenya yang lain akan diambil secara berterusan sehingga masalah alat ganti diselesaikan.</p> <p>Kesempatan untuk membolehkan pesawat ini diterbangkan hanya dapat dilakukan apabila pesawat lain mengalami kerosakan yang tempoh pembaikannya panjang atau selenggaraan berjadual yang panjang dimana komponenya digunakan untuk membolehkan pesawat yang menunggu pemeriksaan C Of A oleh DCA disempurnakan.</p> <p>PGU juga telah memohon di dalam peruntukan ABM 2013 dan 2014 untuk membeli stok minima supaya apabila berlaku kerosakan sentiasa ada alatganti segera dan tidak perlu menunggu lama kerana terpaksa melalui proses birokrasi perolehan.</p>
20.5.6.1.b	<p>Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga - Norma Keperluan Perjawatan Bagi Pesawat 2 Enjin</p> <p>Bagi tujuan mengoptimumkan penggunaan pesawat pengawasan, operasi hendaklah dijalankan secara 24 jam melalui 3 syif. Bagi tujuan ini penugasan juruterbang, pemerhati udara dan jurutera hendaklah dijalankan secara syif supaya mereka mendapat rehat yang secukupnya dan sentiasa bersedia dari aspek fizikal dan mental untuk menjalankan tugas. Berdasarkan cadangan keperluan perjawatan yang disediakan, PGU memerlukan 102 perjawatan merangkumi jawatan juruterbang, pemerhati udara, jurutera mekanik/avionik dan mekanik mekanikal/avionik oleh PGU untuk mengoptimumkan penggunaan pesawat pengawasan. Bagaimanapun daripada jumlah tersebut, hanya 22 (21.5%) perjawatan pelbagai fungsi telah diluluskan bagi tujuan penggunaan pesawat Beechcraft King Air 350.</p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa perjawatan tambahan, PGU akan berhadapan dengan masalah pengurusan pesawat Beechcraft King Air yang serius. PGU juga akan gagal memperoleh taraf organisasi penyenggaraan yang diiktiraf untuk menjalankan</p>	<p>PGU bersetuju dengan pandangan Audit bahawa sekiranya penggunaan pesawat hendak dioptimumkan, operasi pengawasan hendaklah dijalankan untuk tempoh 24 jam di mana penugasan 3 syif diperlukan. Norma perjawatan kapal terbang Beechcraft King Air 350 yang dipohon kepada JPA melalui permohonan perjawatan kritikal dalam tahun 2010 adalah 8 perjawatan juruterbang bagi setiap kapal terbang dan 3 perjawatan Inspektorat Penerbangan. Daripada 43 perjawatan juruterbang yang dipohon, hanya 7 perjawatan yang diluluskan oleh JPA pada tahun 2012 iaitu 6 perjawatan juruterbang dan satu perjawatan Inspektorat Penerbangan yang merupakan perjawatan bagi 3 buah kapal terbang yang telah diterima. Tiada perjawatan lagi diluluskan untuk kapal terbang keempat dan kelima.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerja penyenggaraan, oleh itu terpaksa menyerahkan kerja penyenggaraan kepada syarikat swasta dengan perbelanjaan yang tinggi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p> <p><i>PGU bersetuju dengan pandangan Audit bahawa sekiranya penggunaan pesawat hendak dioptimumkan, operasi pengawasan hendaklah dijalankan untuk tempoh 24 jam di mana penugasan 3 syif diperlukan. Norma perjawatan kapal terbang Beechcraft King Air 350 yang dipohon kepada JPA melalui permohonan perjawatan kritikal dalam tahun 2010 adalah 8 perjawatan juruterbang bagi setiap kapal terbang dan 3 perjawatan Inspektorat Penerbangan. Daripada 43 perjawatan juruterbang yang dipohon, hanya 7 perjawatan yang diluluskan oleh JPA pada tahun 2012 iaitu 6 perjawatan juruterbang dan satu perjawatan Inspektorat Penerbangan yang merupakan perjawatan bagi 3 buah kapal terbang yang telah diterima. Tiada perjawatan lagi diluluskan untuk kapal terbang keempat dan kelima.</i></p>	<p>Bagi mengatasi masalah ini PGU mestilah mempunyai peruntukan dan perjawatan yang mencukupi. Bagi mempercepatkan proses ini, dicadangkan pegawai kejuruteraan dihantar berkursus di Approve Training School yang telah terbukti mampu menghasilkan jurutera berlesen seperti di Air Service Training School di Scotland dan Bristol College Of Art And Technology di United Kingdom.</p> <p>Bagi jurutera yang telah lulus separa dalam sistem lama serta telah memiliki pengalaman praktikal melebihi 2 tahun, akan membuat permohonan mencadangkan mereka dihantar kursus jangka pendek khas secara berperingkat untuk menduduki peperiksaan lesen sahaja selama 4 bulan di Air Service Training tertakluk kepada kelulusan kewangan.</p> <p>Dalam masa yang sama PGU memantau dari semasa ke semasa untuk menilai pusat pusat latihan dalam negeri yang boleh menawarkan kursus yang sama yang telah menunjukkan prestasi yang baik.</p> <p>PGU juga sedang menyediakan sekali lagi permohonan perjawatan jurutera dan juruterbang kapal terbang King Air 350 dan dijangkakan dapat dikemukakan kepada JPA di penghujung bulan Mei 2013. Bagi membolehkan perjawatan khas jurutera dan juruterbang diluluskan untuk penugasan kapal terbang ini.</p> <p>Dalam masa yang sama PGU juga telah mengemukakan cadangan perjawatan jurutera dan juruterbang satu daripada kapal terbang ini khas untuk penugasan pengawasan 24 jam di timur sabah.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

Perenggan 21 : Pengurusan Aktiviti Pendaftaran Pertubuhan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.2.1	<p>Permohonan Dan Pendaftaran Pertubuhan</p> <p>JPPM telah dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9000:2000 Perkhidmatan Awam Malaysia yang sah laku sehingga 25 Januari 2008. Pada 15 November 2011 pihak JPPM telah menyediakan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 yang telah dikemaskinikan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pihak JPPM tidak memohon untuk memperbaharui Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9000:2000 Perkhidmatan Awam Malaysia yang telah tamat tempoh sah lakunya pada 25 Januari 2008 dan juga tidak memohon untuk mendapatkan sijil bagi Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 yang telah disediakan pada tahun 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati JPPM telah menggunakan dokumen tersebut sebagai panduan dalam pengurusan aktiviti pendaftaran pertubuhan walaupun tidak mempunyai persijilan yang sah.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Pihak JPPM sedang meneliti beberapa standard yang lain berdasarkan 'benchmarking' pengurusan pertubuhan yang baik di negara lain. Lawatan kerja ke Singapura juga telah dirancang bagi mencapai tujuan tersebut.</i></p> <p><i>Pihak JPPM sedang dalam usaha menambahbaik proses penyampaian perkhidmatannya kepada rakyat melalui transformasi dalam pengurusan aktiviti Jabatan yang mana sebelum ini semua proses kerja dilaksanakan secara manual telah dilaksanakan secara sistem atas talian (online) iaitu melalui sistem eROSES mulai 1 Januari 2012. Pihak JPPM tidak memperbaharui Sijil MS ISO yang telah tamat tempoh berdasarkan perubahan dan keperluan semasa yang melibatkan proses transformasi tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPPM perlu sama ada mengambil tindakan untuk mendapatkan pengiktirafan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 yang telah</p>	<p>Lawatan Kerja Bersama Rakan Strategik Yang Mengendalikan Pengurusan Aktiviti Pertubuhan telah diadakan pada 2 April 2013 bertempat di Registry of Societies, Singapore bagi tujuan menjalinkan perkongsian yang baik bersama agensi yang terlibat di dalam menguruskan pertubuhan dari negara lain disamping dapat mengenal pasti prosedur kerja yang boleh digunakan untuk penambahan di JPPM.</p> <p>JPPM juga menimbang untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:2008 setelah sistem eRoses sempurna dibangunkan sepenuhnya dan prosedur tersebut dijangka siap disediakan pada Jun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dikemaskinikan pada tahun 2011 atau mana-mana standard yang bersesuaian selaras dengan kehendak peraturan Kerajaan.	
21.5.2.2.b	<p>Pendaftaran Parti Politik</p> <p>Semakan Audit terhadap 31 fail permohonan pendaftaran parti politik bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan September 2012 mendapati 15 permohonan masih belum diberi keputusan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 12 permohonan belum diberi keputusan disebabkan maklum balas daripada Bahagian Hal Ehwal Pendaftaran Negara Dan Pertubuhan, KDN belum diterima. Manakala bagi baki 3 permohonan pendaftaran yang belum diberi keputusan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status permohonannya kerana tiada surat berkaitan dikemukakan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Januari 2013</p> <p><i>Tiada tempoh masa yang ditetapkan untuk memberi keputusan kepada permohonan pendaftaran parti politik memandangkan keperluan untuk merujuk kepada agensi lain sebagaimana keputusan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan pada 7 Mac 1994 dan Surat Pekelliling Bil. 4 Tahun 1994 (Tapisan Keselamatan). Walau bagaimanapun, pihak Ibu Pejabat JPPM akan sentiasa memberi perhatian terhadap 15 permohonan tersebut berdasarkan arahan dan keputusan yang dikeluarkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan pertubuhan parti politik adalah kurang memuaskan disebabkan kelewatan menerima maklum balas kelulusan khas dari pihak ketiga. Bagaimanapun, JPPM perlu memberi maklum balas mengenai status permohonan dalam tempoh yang munasabah untuk menunjukkan sistem penyampaian Kerajaan yang cemerlang dan telus.</p>	JPPM sentiasa memantau permohonan pendaftaran pertubuhan parti politik di negara ini. Daripada 15 jumlah permohonan tersebut 2 daripadanya telah diputuskan ditolak permohonan pendaftarannya melalui keputusan yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah iaitu Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS) dan Parti Kerjasama Rakyat Sabah (PAKAR) manakala 13 yang lain masih dalam pertimbangan pihak Kementerian Dalam Negeri.
21.5.2.3.c	<p>Pendaftaran Pertubuhan Bukan Parti Politik</p> <p>Semakan Audit terhadap sampel 150 permohonan pendaftaran pertubuhan di JPPN Pahang, Pulau Pinang dan Johor bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan September 2012 mendapati 38 (25.3%) daripadanya lewat diluluskan antara 14 hingga 339 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua kelewatan meluluskan permohonan adalah bagi permohonan sebelum pelaksanaan Sistem Elektronik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES). Bagaimanapun mulai tahun 2012 tiada kelewatan bagi permohonan yang telah menggunakan sistem eROSES.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p>	Pengurusan permohonan pendaftaran pertubuhan secara atas talian (eROSES) merupakan kaedah bagi penyelesaian bagi menangani isu kelewatan meluluskan pendaftaran pertubuhan. Semua permohonan pendaftaran dapat diberikan keputusan dengan lebih cekap dan efektif setelah sistem ini mengambil tempat bagi menggantikan sistem fail dan manual.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Sistem eRoses diwujudkan bagi menyelesaikan masalah lewat meluluskan pendaftaran kepada pertubuhan. Melalui sistem ini, setiap permohonan dibuat secara atas talian serta diluluskan dalam tempoh 5 hari bekerja.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan pendaftaran pertubuhan bukan parti politik adalah memuaskan selepas sistem eROSES mula digunakan.</p>	
21.5.2.4.b.ii	<p>Penggunaan Sistem ROSES Dan eROSES Dalam Aktiviti Pendaftaran Pertubuhan - Sistem eROSES</p> <p>Semakan Audit mendapati Scot Technology (M) Sdn. Bhd. telah memohon untuk melanjutkan tempoh kontrak perjanjian selama 3 bulan mulai 1 Julai 2009 hingga 30 September 2009. Namun begitu Lembaga Perolehan KDN telah menolak permohonan tersebut. KDN telah menamatkan kontrak pada 29 Oktober 2009 kerana pihak kontraktor hanya dapat menyelesaikan 30% daripada projek keseluruhannya walaupun tempoh kontrak telah tamat pada 30 Jun 2009. Setakat kontrak ditamatkan, bayaran yang telah dibuat kepada Scot Technology (M) Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM121,090.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p>JPPM telah pun membuat tindakan bagi menghalang sebarang bentuk pembaziran dari terus dilakukan dengan tidak melanjutkan kontrak tersebut. Pasukan Projek eRoses (baru) yang ditubuhkan oleh pihak JPPM pada tahun 2011 dengan menggunakan pegawai-pegawai IT dari pihak Kementerian Dalam Negeri sahaja telah membawa lebih banyak penjimatan kepada pihak Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini merupakan suatu pembaziran memandangkan pembayaran sejumlah RM121,090 telah dibuat kepada kontraktor berkenaan tetapi kerja hanya disiapkan setakat reka bentuk sahaja dan tidak dapat digunakan.</p>	<p>Pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui. Kegagalan Scot Technolgy (M) Sdn. Bhd. menyiapkan projek menyebabkan permohonan untuk melanjutkan tempoh kontrak tidak dipertimbangkan. Pembayaran RM121,090 adalah bagi perkhidmatan dan perkakasan yang telah dibekalkan. Tiada sebarang pembayaran lain dibuat selepas kontrak tersebut ditamatkan.</p> <p>Sistem eROSES yang dibangunkan bersama Pasukan Perunding MAMPU tanpa melibatkan kos telah dapat melicinkan dan meningkatkan kecekapan JPPM/JPPN menguruskan permohonan pendaftaran pertubuhan. Ianya juga merupakan usaha JPPM dalam menangani sebarang bentuk pembaziran terhadap perolehan kerajaan sekiranya pihak pembekal gagal melaksanakan sesuatu projek dengan sempurna.</p>
21.5.2.4.b.iv	<p>Semakan Audit terhadap 10 sampel permohonan pendaftaran pertubuhan melalui sistem eROSES di JPPN Johor pada bulan Ogos 2012 dan 5 sampel di JPPN Pahang pada bulan September 2012 mendapati permohonan pendaftaran pertubuhan menggunakan sistem tersebut berjalan dengan baik. Permohonan dan kelulusan permohonan pendaftaran pertubuhan dapat dilaksanakan dengan lancar.</p> <p>Pada pendapat Audit, sistem eROSES yang dibangunkan bersama Pasukan Perunding MAMPU tanpa melibatkan kos telah dapat melicinkan dan meningkatkan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kecekapan JPPM/JPPN menguruskan permohonan pendaftaran pertubuhan.	
21.5.3.1.d	<p>Pemantauan Terhadap Pertubuhan - Penyerahan Penyata Tahunan Oleh Pertubuhan</p> <p>Semakan Audit terhadap 181 fail pertubuhan yang telah didaftarkan merangkumi 31 fail parti politik di Ibu Pejabat JPPM Putrajaya dan 150 fail pertubuhan di JPPN Pulau Pinang, Johor dan Pahang mendapat 67 (37%) pertubuhan telah menghantar penyata tahunan dengan lengkap dalam tempoh ditetapkan. Manakala 90 (49.7%) pertubuhan tidak menghantar penyata tahunan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Selain itu, 24 (13.3%) pertubuhan berdaftar lewat menyerahkan penyata tahunan.</p>	JPPM telah mula menguatkuasakan penghantaran maklumat pertubuhan secara atas talian mulai Mac 2013. Semua pertubuhan yang berdaftar dikehendaki menghantar pelaporan secara atas talian dengan menggunakan sistem eROSES.
21.5.3.1.e	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapat JPPM/JPPN tidak mengeluarkan Perintah Mengemukakan Penyata Tahunan di bawah Seksyen 14(2), Perintah Sementara Bagi Membubarkan Pertubuhan di bawah Seksyen 14(5) dan Perintah Pembatalan di bawah Seksyen 13(1) Akta Pertubuhan 1966 terhadap 90 pertubuhan yang gagal menghantar penyata tahunan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Pihak JPPM/JPPN juga tidak mengemukakan surat peringatan di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966 kepada 24 pertubuhan yang menghantar penyata tahunan melebihi tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Perkara yang demikian adalah disebabkan oleh kegagalan pihak Pertubuhan dalam mengemukakan pelaporan yang perlu dikemukakan kepada Jabatan pada setiap tahun. Pertubuhan bertanggungjawab menghantar penyata dan lain-lain dokumen yang diperlukan seperti mana di dalam Akta Pertubuhan 1966.</i></p> <p><i>Usaha untuk mengawal dan memantau pertubuhan yang berdaftar diperuntukkan di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966. Mulai 14 Januari 2012, Notis Peringatan 14(1) telah dikeluarkan kepada pertubuhan yang berdaftar untuk mengingatkan pertubuhan menghantar maklumat pertubuhan yang berkaitan. Daripada jumlah tersebut, terdapat juga beberapa pertubuhan yang tidak lagi berada di bawah Jabatan kerana dipindahkan kepada pihak Pesuruhjaya Sukan, Pendaftaran Belia dan sebagainya.</i></p> <p><i>Pihak JPPM juga mengambil inisiatif dengan membangunkan sistem eRoses yang membolehkan pertubuhan untuk menghantar penyata tahunan secara atas talian. Melalui pembangunan sistem eRoses yang dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2013 akan lebih membantu untuk semakan penghantaran Penyata Tahunan serta</i></p>	<p>Pemantauan terhadap pelaporan ini juga dapat dibuat dengan lebih cekap dan efisyen melalui pengkalan data sedia ada berbanding dengan kaedah manual yang menggunakan sistem fail sebelum ini.</p> <p>Pemeriksaan ke atas pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar sedang giat dijalankan diperingkat Ibupejabat dan JPP Negeri. JPPM sentiasa menambahbaik usaha dalam memantau pertubuhan yang berdaftar di negara ini. Pemeriksaan bernotis dan tidak bernotis juga sedang giat dilaksanakan dengan pelbagai kaedah antaranya dengan mewujudkan pejabat bergerak, pemeriksaan maklumat pertubuhan dan premis serta mengadakan program taklimat dan dialog kepada jawatankuasa pertubuhan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dapat dipantau dengan lebih teratur dan menyeluruh.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penyerahan penyata tahunan oleh pertubuhan adalah kurang memuaskan disebabkan oleh kegagalan JPPM memantau semua pertubuhan yang berdaftar dan mengambil tindakan mengikut peraturan yang ditetapkan.</p>	
21.5.3.2.a	<p>Mengikut Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 berkenaan Aktiviti Permohonan Pertubuhan, pemeriksaan ke atas sesebuah pertubuhan berdaftar hendaklah dilaksanakan bagi memastikan setiap pertubuhan berdaftar berfungsi serta menjalankan aktivitinya selaras dengan undang-undang dan peraturan pertubuhan.</p> <p>Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat JPPM tidak merancang pemeriksaan bernotis atau tanpa notis bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 dan juga tiada pemeriksaan bernotis dan tanpa notis dijalankan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Januari 2013</p> <p><i>JPPM mengambil maklum teguran tersebut. Pemeriksaan ke atas pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar akan diadakan secara berkala.</i></p>	
21.5.3.2.b	<p>Semakan Audit di JPPN Johor, Pahang dan Pulau Pinang mendapati JPPN Johor, Pahang dan Pulau Pinang ada merancang pemeriksaan bernotis bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagi JPPN Johor, pemeriksaan bernotis yang dilaksanakan adalah melebihi bilangan yang telah dirancang. Di JPPN Pahang pula, pemeriksaan bernotis yang dilaksanakan adalah seperti yang dirancang. Semakan Audit juga mendapati pemeriksaan tanpa notis telah dirancang di JPPN Pulau Pinang. Namun begitu, pemeriksaan tanpa notis yang dilaksanakan adalah kurang daripada yang dirancang. Manakala di JPPN Johor dan Pahang, pemeriksaan tanpa notis tidak dirancang tetapi dilaksanakan bergantung kepada jumlah aduan yang diterima pada tahun berkenaan.</p>	-
21.5.3.2.c	<p>Semakan Audit terhadap 30 fail pertubuhan yang telah dijalankan pemeriksaan bernotis dan tanpa notis di JPPN Pulau Pinang, Johor dan Pahang mendapati 21 pertubuhan tidak mengemukakan penyata tahunan seperti yang ditetapkan oleh Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966. Namun begitu, pihak JPPN berkenaan tidak mengeluarkan surat perintah mengemukakan penyata tahunan di bawah Seksyen 14(2) Akta Pertubuhan 1966 dan Kenyataan Sebelum Pendaftaran Dibatalkan di bawah Seksyen 13(2) Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Semua tindakan yang berkaitan terhadap 21 pertubuhan ini telah pun diambil antaranya ialah pembatalan pendaftaran ke atas pertubuhan yang masih gagal mematuhi Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan yang menepati telah diberikan peluang kedua.</i></p> <p><i>Mulai tahun 2013, pemeriksaan bernotis dan tanpa notis telah dirancang dan diletakkan di bawah Sasaran Kerja Tahunan di peringkat Ibu Pejabat JPPM dan JPPN. Pemeriksaan bernotis dan tanpa notis ini akan dilaksanakan sebagai salah satu pemantauan kepada pertubuhan yang berdaftar.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pemeriksaan bernotis dan tanpa notis adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan keperluan perancangan ditetapkan. JPPM perlu merancang pemeriksaan dan memastikan pelaksanaannya adalah teratur bagi memastikan pertubuhan berdaftar sentiasa mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mematuhi perlembagaan pertubuhan masing-masing. Selain itu, tindakan susulan terhadap pertubuhan yang tidak mematuhi peraturan perlu diambil selepas pemeriksaan bernotis dan tanpa notis dijalankan.</p>	
21.5.4.3	<p>Pengurusan Aduan Dan Siasatan</p> <p>Semakan Audit mendapati jenis aduan yang diterima oleh JPPM dan JPPN ialah salah guna kuasa dan penyelewengan wang pertubuhan, mesyuarat yang diadakan melanggar Akta Pertubuhan 1966, melanggar undang-undang berdaftar pertubuhan, tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan, tidak puas hati terhadap mesyuarat agung tahunan, pelanggaran Akta Pertubuhan 1966 oleh pertubuhan, persatuan pindah alamat tanpa kebenaran, pemecatan ahli, persatuan tidak puas hati terhadap penyiasatan JPPM dan masalah dalaman parti. Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat Putrajaya, JPPN Johor, Pulau Pinang dan Pahang mendapati 321 aduan diterima dan disiasat dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012. Daripada 321 aduan berkenaan, 262 (81.6%) aduan telah diselesaikan manakala 59 (18.4%) aduan masih dalam siasatan.</p>	<p>Semua aduan yang diterima telah dijalankan siasatan dan diambil tindakan sewajarnya. Bagi tujuan menambah pengurusan aduan dan siasatan, JPPM telah menyediakan Prosedur Siasatan yang mengandungi tatatacara bagi mengendalikan aduan dan siasatan ke atas pertubuhan serta dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012.</p>
21.4.4.4	<p>Semakan Audit terhadap Buku Daftar Aduan di Ibu Pejabat Putrajaya pula mendapati daripada 161 aduan yang diterima hanya 13 (8.1%) aduan direkodkan di dalam buku daftar berkenaan. Tempoh masa yang diambil dari tarikh aduan diterima hingga ke siasatan mula dijalankan adalah antara 6 hingga 98 hari bagi 13 aduan tersebut. Manakala semakan Audit di JPPN yang dilawati pula mendapati Buku Daftar Aduan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Tiga belas aduan yang direkodkan di dalam buku daftar tersebut merupakan kes-kes yang didaftar bagi tempoh tahun 2012. Manakala yang lainnya adalah aduan-aduan yang diterima bagi tahun 2010 dan 2011.</i></p> <p><i>Sebelum menjalankan siasatan beberapa perkara perlu diberi perhatian dan semakan terlebih dahulu. Antaranya termasuklah mengenal pasti status pertubuhan yang diadu, butiran pengadu serta jenis aduan yang dibuat sama ada berkaitan pelanggaran mana-mana Akta Pertubuhan 1966, Perlembagaan Pertubuhan dan sebagainya.</i></p>	
21.5.4.5.a	<p>Tiga fail aduan di JPPN Pulau Pinang adalah berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan wang pertubuhan dan tidak menyerahkan tugas sebagai bendahari. Hasil siasatan JPPN mendapati pertubuhan berkenaan tidak berdaftar. Namun begitu, semakan Audit selanjutnya mendapati JPPN tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pemegang-pemegang jawatan atau mana-mana orang yang mengurus atau menolong dalam pengurusan pertubuhan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 42 atau Seksyen 48(1), Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Tiga fail aduan yang diterima di JPPN Pulau Pinang merupakan aduan terhadap pertubuhan yang tidak berdaftar. Tindakan telah pun diambil dengan merujuk kes aduan tersebut kepada pihak SPRM.</i></p>	-
21.5.4.5.b	<p>Tiga aduan berasingan yang dibuat oleh ahli Persatuan Hindu Lipis pada 27 November 2006, 11 Disember 2006 dan 3 Januari 2007 di JPPN Pahang masih belum diselesaikan sehingga kini. Semakan Audit terhadap Fail Kertas Siasatan Aduan persatuan tersebut mendapati siasatan telah dijalankan oleh Pegawai Pendaftaran JPPN Pahang atas arahan Ibu Pejabat Putrajaya. Siasatan telah selesai dijalankan oleh JPPN Pahang dan laporan hasil siasatan telah dikemukakan ke Ibu Pejabat Putrajaya untuk tindakan lanjut. Mengikut laporan siasatan, pihak pengurusan persatuan telah melanggar perlembagaan pertubuhannya. Oleh itu, pada 4 Januari 2007 Bahagian Penguatkuasaan, JPPM mencadangkan supaya Kenyataan Sebelum Pendaftaran Dibatalkan di bawah Seksyen 13(2) Akta Pertubuhan 1966 dikeluarkan terhadap persatuan tersebut kerana melanggar perkara 2, 12(i), 10(i)(a)(i) dan 18(iii) perlembagaan pertubuhan berkenaan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kenyataan tersebut tidak dikeluarkan sehingga aduan kali ke-4 diterima daripada ahli persatuan pada 15 Julai 2010 berkenaan dengan penyelewengan pengurusan aset persatuan. Pihak Audit telah</p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>membuat susulan pada 26 September 2012 di Ibu Pejabat Putrajaya dan mendapati notis untuk membatalkan pertubuhan di bawah Seksyen 13(2) Akta Pertubuhan 1966 masih belum dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>JPPM telah merancang untuk membuat pemeriksaan semula terhadap persatuan ini bagi memastikan kesalahan pada notis yang dikeluarkan diambil tindakan sebelum tindakan pembatalan/penarikan semula notis dibuat. Bagi menyelaras pengurusan aduan dan siasatan dengan lebih teratur, Prosedur Siasatan telah disediakan dan diguna pakai berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah kurang memuaskan di mana terdapat aduan belum diselesaikan walaupun telah melebihi tempoh satu bulan dari tarikh aduan diterima. JPPM/JPPN juga tidak mengambil tindakan terhadap pertubuhan yang melanggar Akta Pertubuhan 1966 atau perlembagaan pertubuhan hasil daripada siasatan aduan yang dijalankan.</p>	
21.5.5.2	<p>Pendakwaan</p> <p>Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2012, terdapat 23 kes pendakwaan masih belum selesai. Analisis Audit mendapati 23 kes tersebut terdiri daripada 5 kes pada tahun 2008, 5 kes pada tahun 2009, 4 kes pada tahun 2010, 2 kes pada tahun 2011 dan 7 kes pada tahun 2012. Pendakwaan ini adalah berkenaan dengan pelanggaran Akta Pertubuhan 1966 termasuk pindah alamat pertubuhan tanpa kebenaran, memegang jawatan dalam pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya, persatuan yang belum lulus pendaftarannya tetapi telah menjalankan aktiviti tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan pertubuhan memberi maklumat palsu.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Perbincangan dengan pihak Jabatan Peguam Negara akan diadakan bagi membincangkan tindakan susulan kepada kes-kes yang masih tertangguh. Setakat ini 5 kes telah diselesaikan iaitu melibatkan SC Sports Club yang dibicarakan di Mahkamah Majistret Pulau Pinang dan Mahkamah memutuskan tiada bukti untuk dituduh di Mahkamah dan kes ditutup. Manakala 4 yang lainnya iaitu Kelab Rekreasi dan Sosial Batu Kawa, Kuching, Sarawak, Persatuan Kebajikan Skuad 69 PDRM</i></p>	<p>JPPM sentiasa memberi pantauan terhadap kes-kes pendakwaan. Kes-kes berikut sedang dirujuk kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Sarawak, Persatuan Penduduk Kondo Tiara Intan, Ampang Selangor Dan Momentive Sport Club Pulau Pinang telah dibawa kepada Timbalan Pendakwa Raya dan memutuskan NFA.</p> <p>Pada pendapat Audit, JPPM perlu memantau perkembangan kes pendakwaan ini dari semasa ke semasa.</p>	
21.5.6.2	Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan Semakan Audit di Ibu Pejabat Putrajaya dan JPPN yang dilawati mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 4,849 pertubuhan telah dibatalkan pendaftarannya.	JPPM mengambil perhatian terhadap pertubuhan-pertubuhan yang gagal mematuhi Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan yang gagal mengemukakan maklumat pertubuhan diberikan notis-notis perintah yang berkaitan serta tindakan pembatalan pendaftaran pertubuhan diambil kepada pertubuhan yang tidak mengambil sebarang tindakan lanjut terhadap notis-notis perintah tersebut.
21.5.6.3	<p>Adalah didapati JPPN Selangor telah membatalkan pendaftaran pertubuhan yang paling banyak iaitu daripada 156 kes pada tahun 2010 kepada 429 kes pada tahun 2012. Bagi JPPN Melaka pula, bilangan kes pertubuhan yang dibatalkan pendaftaran telah meningkat daripada 30 kes pada tahun 2010 kepada 336 kes pada tahun 2012. Manakala JPPN Pulau Pinang menunjukkan 114 pertubuhan yang dibatalkan pendaftaran pada tahun 2010 telah menurun kepada 97 pertubuhan pada tahun 2011. Bilangan tersebut meningkat semula kepada 269 kes pada tahun 2012.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Januari 2013</p> <p><i>Notis 14(2) telah pun dikeluarkan kepada pertubuhan yang tidak mengemukakan penyata tahunan dan notis 13(1) bagi pertubuhan yang tidak wujud. Pertubuhan yang gagal memberikan respons terhadap notis-notis tersebut telah dibatalkan. Peningkatan mendadak pembatalan persatuan adalah kerana tindakan ‘house keeping’ atau pengemaskinian terhadap persatuan yang tidak aktif sedang giat dilaksanakan.</i></p>	
21.5.6.4	<p>Semakan Audit terhadap 30 fail pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya mendapati JPPN mengambil masa antara 1 bulan hingga 4 tahun dari tarikh tamat tempoh surat perintah mengemukakan maklumat yang diperlukan di bawah Seksyen 14(2) Akta Pertubuhan 1966 untuk mengeluarkan perintah pembubaran sementara di bawah Seksyen 14(5) Akta Pertubuhan 1966. Sementara itu, JPPN juga mengambil masa antara 1 bulan hingga 3 tahun untuk membatalan pertubuhan di bawah Seksyen 13(1), Akta Pertubuhan 1966 selepas perintah pembubaran sementara dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Tindakan yang diambil mengambil masa yang panjang kerana dilaksanakan secara manual dan pemantauan yang lemah. Namun begitu, JPPM sedang menggiatkan usaha dalam memastikan pertubuhan-pertubuhan diberikan pantauan yang sewajarnya melalui semakan maklum balas penghantaran Penyata Tahunan yang akan dijalankan secara talian melalui sistem eRoses. Pertubuhan yang gagal menghantar maklum balas akan dikeluarkan notis-notis yang berkaitan.</i></p> <p><i>JPPM sememangnya meneliti dan mengambil tindakan terhadap pertubuhan yang melanggar apa-apa peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Tindakan 'house keeping' dan pendakwaan dilaksanakan sebagaimana ditetapkan di bawah Arahan Pendaftar Pertubuhan Bil. 1 Tahun 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 Februari 2012.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPPM hendaklah mengambil tindakan serta merta apabila pihak pertubuhan gagal untuk mematuhi peraturan atau memberi maklum balas yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	
21.5.7.2	<p>Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan Belum Diwartakan</p> <p>Semakan Audit terhadap 30 fail pertubuhan di JPPN Pulau Pinang, Johor dan Pahang yang telah dibatal pendaftarannya mendapati 23 pembatalan masih belum diwartakan walaupun ada di antaranya telah dibatalkan sejak tahun 2010.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Proses pewartaan dijalankan setelah semua proses rayuan dilaksanakan. Pertubuhan yang gagal dalam rayuannya akan diwartakan. Tindakan pewartaan kepada pertubuhan yang terbabit telah dilaksanakan dengan menghantar ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad.</i></p> <p><i>Pihak JPPM mengambil inisiatif untuk menangani masalah ini dengan cara melaksanakan pewartaan di JPPN negeri berbanding dengan pelaksanaan tindakan pewartaan yang dijalankan di pihak Ibu pejabat serta Modul e-Warta juga dimasukkan di dalam pembangunan eRoses Fasa 2.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPPM hendaklah mengambil tindakan segera untuk mewartakan pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya. Pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya tetapi tidak diwartakan boleh menyebabkan orang awam terus berurusan dengan pertubuhan tersebut.</p>	<p>Daripada jumlah 23 pertubuhan yang telah dibatalkan tersebut semuanya telah pun dibawa ke Percetakan Nasional Malaysia bagi tujuan pewartaan.</p> <p>Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dikalangan orang awam terhadap status sesebuah pertubuhan, JPPM telah membuat penamaan dengan menyenaraikan semua pertubuhan yang berdaftar di portal rasmi JPPM.</p> <p>Orang awam boleh mendapatkan status pertubuhan dengan melayari portal tersebut di alamat www.ros.gov.my.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.8.1	<p>Lawatan Ke Premis Pertubuhan</p> <p>Pihak Audit telah membuat lawatan ke premis pertubuhan yang dipilih bagi memastikan aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan adalah seperti yang telah diluluskan oleh JPPN berkenaan dan pengurusan pertubuhan adalah teratur. Sebanyak 6 pertubuhan berdaftar yang berstatus aktif telah dipilih iaitu masing-masingnya 2 di pertubuhan Johor, Pahang dan Pulau Pinang. Hasil daripada lawatan tersebut mendapat 4 daripada pertubuhan berkenaan iaitu 2 di JPPN Johor dan 2 di JPPN Pulau Pinang telah menjalankan aktiviti seperti yang diluluskan oleh JPPN. Selain itu, pengurusan pertubuhan tersebut juga adalah baik di mana pertubuhan telah menghantar maklumat yang diperlukan oleh JPPM dalam tempoh masa yang ditetapkan dan aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan perlembagaan pertubuhan tersebut.</p>	<p>Kesemua teguran dan penemuan audit berkaitan lawatan ke premis pertubuhan telah diberi tindakan.</p> <p>JPPM mengambil perhatian perkara tersebut dengan mengadakan perancangan yang lebih teratur di dalam mengadakan lawatan ke premis pertubuhan.</p> <p>Lawatan ke premis-premis pertubuhan sedang giat dijalankan ke atas pertubuhan yang berdaftar.</p>
21.5.8.2	<p>Semasa lawatan Audit ke 2 pertubuhan berdaftar di Kuantan, Pahang Pengurus Kelab Didik Usahawan Jaya Gading memerlukan bahawa kelab ini berhenti menjalankan aktivitinya selama 6 tahun. Beliau juga memaklumkan, sepanjang tempoh 6 tahun, pertubuhan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada JPPN Pahang. Semakan Audit terhadap fail pertubuhan di JPPN Pahang mengesahkan kenyataan beliau. Hasil lawatan juga mendapat bangunan yang menempatkan pejabat pertubuhan itu telah dirobohkan untuk memberi ruang kepada pembinaan bangunan baru.</p>	
21.5.8.3	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapat pihak JPPN Pahang tidak mengeluarkan surat perintah kepada pertubuhan tersebut untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan, surat perintah pembubaran sementara atau surat perintah pembatalan.</p>	
21.5.8.4	<p>Lawatan ke Kelab Warga Kerja IKIP di Kuantan, Pahang pula mendapat pengurus baru kelab tersebut telah mengambil alih jawatan pada bulan Ogos 2012. Namun begitu, perkara ini tidak dimaklumkan kepada JPPN Pahang. Semakan Audit juga mendapat kelab tersebut telah gagal untuk mengemukakan penyata tahunan kepada JPPN Pahang sepanjang tempoh 6 tahun. Namun begitu, pihak JPPN Pahang tidak mengeluarkan surat perintah untuk mengemukakan penyata tahunan, surat perintah pembubaran sementara atau surat perintah pembatalan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Mac 2013</p> <p><i>Tindakan telah diambil kepada kedua-dua pertubuhan tersebut iaitu:-</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>a. <i>Kelab Didik Usahawan Jaya Gading, Kuantan, Pahang</i> <i>Jabatan telah mengambil tindakan mengeluarkan notis Seksyen 13(2) pada 30 Oktober 2012 selaras dengan Akta Pertubuhan 1966. Manakala pada 03 Disember 2012 Jabatan telah mengeluarkan Seksyen 13(1)(c)(v) bagi tujuan pembatalan pertubuhan.</i></p> <p>b. <i>Kelab Warga Kerja IKIP, Kuantan, Pahang</i> <i>Persatuan melalui suratnya bertarikh 22 November 2012 memohon tempoh kepada Jabatan untuk menyediakan dokumen Penyata Tahunan. Jabatan bersetuju terhadap permohonan penangguhan sehingga 31 Disember 2012 bagi tujuan menghantar Penyata Tahunan 2007 sehingga 2011. Penyata tersebut telah diterima dan pihak Pertubuhan dibenarkan menjalankan aktivitinya.</i></p> <p><i>Tanggungjawab memantau dan mengawal aktiviti pertubuhan boleh dilaksanakan dengan lebih cekap melalui pemeriksaan tanpa notis yang telah dirancang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPPN perlu meningkatkan tindakan pemantauan dengan menjalankan pemeriksaan bernotis atau tanpa notis untuk memastikan pertubuhan berdaftar mematuhi peraturan sedia ada dan menjalankan aktiviti yang dibenarkan.</p>	
21.5.9.1.b	<p>Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga Kerja – Perjawatan</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 272 jawatan telah diluluskan di JPPM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 (95.2%) jawatan telah diisi manakala 13 jawatan masih belum diisi. Salah satu bahagian di JPPM ialah Bahagian Pemantauan yang bertanggungjawab untuk memantau aktiviti pertubuhan di bawah seliaannya. Semakan Audit mendapati perjawatan yang diluluskan untuk bahagian ini adalah seramai 6 orang di setiap JPPN. Bilangan pegawai ini didapati terlalu sedikit berbanding bilangan pertubuhan berstatus aktif di setiap JPPN. Purata bilangan pertubuhan yang perlu dipantau oleh setiap pegawai adalah di antara 365 hingga 1,076 pertubuhan. Perkara ini telah menyebabkan aktiviti pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Januari 2013</p> <p><i>Kajian semula perjawatan memang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, perjawatan di negeri ialah berdasarkan nisbah jumlah pertubuhan di sebuah negeri dan juga keluasan negeri tersebut. RO Litar dan ‘Reverse Staffing’ juga telah dilaksanakan bagi menangani isu perjawatan ini.</i></p>	<p>Menyedari kekangan dari sudut perjawatan yang agak terhad di Jabatan ini, JPPM mengambil inisiatif mewujudkan sistem permohonan pendaftaran pertubuhan secara atas talian (eROSES) yang membolehkan semua aktiviti pengurusan pendaftaran pertubuhan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.</p> <p>Peranan teknologi terkini dan sistem secara atas talian sistem secara atas talian secara tidak langsung telah mengurangkan bebanan tugas para pegawai di dalam mengendalikan pendaftaran pertubuhan dan menambah kecekapan.</p> <p>Kajian perjawatan akan dilaksanakan setelah sistem eROSES siap dibangunkan sepenuhnya bagi mengenal pasti kesesuaianya dan keperluan semasa.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, walaupun kajian semula perjawatan telah dilaksanakan, JPPM disarankan supaya mengkaji semula struktur perjawatan di semua negeri supaya kerja kawalan dan pemantauan terhadap pertubuhan dapat dipertingkatkan. Ini akan dapat memastikan pertubuhan yang tidak aktif atau tidak beroperasi dibatalkan/dikeluarkan daripada senarai pertubuhan yang berdaftar.</p>	
21.5.9.2.b	<p>Latihan</p> <p>Semakan Audit terhadap maklumat kursus dan latihan yang dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat JPPM, JPPN Johor, Pahang dan Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapat bilangan kursus yang dilaksanakan adalah 206. Namun demikian, hanya 35 (17%) kursus adalah berkaitan dengan pengurusan pertubuhan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Januari 2013</p> <p><i>Isu yang dihadapi oleh pihak JPPM dalam mengadakan latihan kepada para pegawai dan kakitangan ialah kekurangan pakar/pengajar di dalam mengadakan latihan yang melibatkan core business. Namun begitu, pihak JPPM akan mengadakan latihan dan kursus melalui jalinan smart partnership bersama dengan agensi yang mempunyai corak perkhidmatan yang hampir sama dengan JPPM, antaranya Pesuruhjaya Sukan, Pendaftaran Belia dan sebagainya. Pihak JPPM juga akan mengimbangkan kursus dan latihan yang akan disediakan kepada para pegawai dan kakitangan. Kursus dan latihan akan difokuskan kepada core business di samping kursus perkhidmatan sokongan seperti pengurusan kewangan, pentadbiran dan lain-lain.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPPM hendaklah memberi penekanan kepada kursus dan latihan berkaitan dengan pengurusan pertubuhan untuk pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan aktiviti pendaftaran pertubuhan memandangkan aktiviti utama JPPM adalah berkaitan dengan pengurusan pertubuhan.</p>	<p>JPPM telah mengambil tindakan dengan mengadakan beberapa siri latihan dan kursus yang melibatkan <i>core business</i> kepada para pegawai. Antaranya termasuklah Kursus Helpdesk Bagi eROSES, Kursus Pengurusan Aduan dan Siasatan dan Kursus Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>Kursus bagi perkhidmatan sokongan turut diadakan seperti Bengkel Pengurusan Akaun dan Kewangan, Bengkel Pengurusan Fail dan Pelupusan Rekod dan Bengkel HRMIS serta lain-lain kursus yang berkaitan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

HASIL PENG AUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Perenggan 22 : Case Management System (CMS)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.3	<p>Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga November 2012 mendapati pada umumnya pembangunan dan penggunaan Modul Audit Sistem CMS, LHDNM adalah memuaskan. Selain itu, kawalan keselamatan am dan fizikal bagi sistem CMS adalah baik. Bagaimanapun, sistem CMS yang mula dibangunkan pada 1 Disember 2005 dan sepatutnya disiapkan sepenuhnya pada 30 Oktober 2006 didapati hanya disiapkan pada 3 Januari 2008 dengan kelewatan selama 430 hari. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kontrak; kawalan akses logikal serta kawalan input, proses dan output.</p>	<p>Sistem CMS yang dibangunkan mengikut keperluan pengguna dan telah digunakan semenjak 2008 dengan penambahbaikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat bersama pengguna (Jabatan Pematuhan Cukai) dari masa ke semasa dan penambahbaikan terbaru adalah mewujudkan taksiran integrasi antara CMS dan STS (Kerangka utama)</p>
22.3.1	<p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati kontrak hanya ditandatangani pada 28 Jun 2006 iaitu kelewatan melebihi 5 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan iaitu pada 30 September 2005.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 19-Februari 2013 Dan 14 Mac 2013</p> <p><i>Pelaksanaan pembangunan sistem CMS tertangguh antaranya disebabkan pembangunan logik pengaturcaraan yang tidak selaras dengan dokumen Spesifikasi Keperluan Pengguna (User Requirement Specification-URS); perubahan sistem percuakian memberi kesan langsung terhadap logik pengaturcaraan sistem dan LHDNM tidak mempunyai pegawai yang berkemahiran bertugas sepenuh masa memahami keperluan CMS secara keseluruhan. URS yang merupakan komponen utama pembangunan sistem perlu disediakan setelah cadangan asal pembekal untuk membangunkan sistem secara Pembangunan Secara Paket (Package Development) atau secara Off The Shelf ditolak oleh Jabatan Pengguna kerana kedua-dua cadangan tidak dapat memenuhi keperluan LHDNM. Sehubungan ini,</i></p>	<p>Jabatan Teknologi Maklumat mengambil perhatian mengenai perkara ini di masa akan datang untuk memantau pembangunan sistem oleh pihak pembekal mengikut spesifikasi yang dipersetujui.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tarikh menandatangani kontrak turut tertangguh kerana URS tersebut hanya siap pada 13 Jun 2006 setelah semakan terhadap proses sedia ada bagi memastikan tiada percanggahan dengan sistem sedia ada dan CMS boleh dihubungkan dengan ke semua sistem berkaitan dilaksanakan.</i></p>	
22.3.2	<p>Arahan Teknologi Maklumat MAMPU yang dikeluarkan pada bulan Disember 2010 menyatakan tidak membenarkan lebih dari satu sesi <i>login</i> untuk setiap pengenalan pengguna. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati satu pengenalan pengguna boleh digunakan lebih daripada satu capaian dalam satu masa.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Aplikasi web membenarkan lebih dari satu capaian di dalam satu masa. Ia akan dikawal oleh time out yang ditetapkan iaitu 30 minit. Selepas aplikasi ditinggalkan lebih dari 30 minit, sistem akan auto logout.</i></p>	<p>Jabatan Teknologi Maklumat telah melaksanakan <i>auto logout</i> semenjak Mac 2012 di persekitaran <i>production</i>.</p> <p>Sebelum JTM memperkenalkan <i>load-balancing</i> di server aplikasi CMS, cawangan diagihkan mengikut kumpulan dan ditetapkan laluan yang patut dilalui untuk capaian CMS.</p> <p>Cawangan juga dibenarkan menukar laluan capaian jika terdapat kesesakan di laluan yang telah ditetapkan. Keadaan ini telah menyebabkan pengguna akan berusaha <i>log in</i> lebih dari sekali melalui laluan <i>alternative</i> apabila terdapat masa tindakbalas yang lambat.</p> <p>Setelah diperkenalkan <i>load balancing</i> pada server aplikasi CMS pengguna tidak dibenarkan (arahan kepada pengguna) untuk <i>log in</i> lebih dari sekali. Sistem CMS masih tidak ada fungsi untuk halang pengguna dari <i>log in</i> lebih dari sekali. Sistem hanya ada <i>audit trail</i> bagi semua sesi <i>log in</i>.</p> <p>JTM akan mencari penyelesaian mengadakan <i>auto logoff</i> bagi sesi terdahulu untuk setiap pengenalan pengguna yang <i>log in</i> lebih dari sekali.</p>
22.3.3.1	Semakan Audit mendapati maklumat terperinci pembayar cukai mengikut tahun yang dipilih gagal dipaparkan.	Maklumat terperinci pembayar cukai adalah berdasarkan maklumat pembayar cukai di STS di mana maklumat adalah maklumat yang terkini bukan mengikut tahun yang dipilih. Maklumat mengikut tahun boleh di view pada maklumat borang.
22.3.3.2	Semakan Audit mendapati sekiranya tarikh taksiran tidak dimasukkan di Bahagian K Helaian Kerja Pengiraan Cukai (Peringkat E bagi Audit Meja) akan menyebabkan CMS memaparkan <i>default</i> tarikh iaitu 1/1/0001 sedangkan sumber maklumat tarikh sebenar transaksi adalah berbeza dan ia terdapat dalam sistem STS.	Paparan tarikh 1/1/0001 adalah tarikh <i>default (null)</i> . Tindakan telah diambil semasa pelaksanaan integrasi CMS dan STS bagi Borang B, BE dan M mulai 15 April 2013 mengikut cawangan yang di <i>roll out</i> . Sehingga hari ini, Cawangan yang terlibat ialah Cawangan Penaksiran Jalan Duta, Petaling Jaya, Cawangan KL Bandar, Wangsa Maju dan Klang. Pindaan program untuk yang belum terlibat dengan integrasi adalah di dalam proses.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.3.3.3.a	<p>Hasil analisis Audit terhadap <i>table Case</i> di dalam pangkalan data CMS bagi tahun pengauditan 2010 dan 2011 yang melibatkan sejumlah 3,656,556 rekod (2010: 1,749,557 rekod dan 2011: 1,906,999 rekod) mendapat terdapat 42 rekod yang memaparkan tahun taksiran adalah 0 pada medan <i>year assessment</i>.</p>	<p>Maklumat tahun taksiran 0 ini diperolehi dari kes-kes <i>event triggered</i> dari STS. Pihak STS telah membuat pindaan program untuk tidak membenarkan kes tahun taksiran '0' dihantar dan di CMS juga membuat pindaan program untuk tidak membenarkan kes tahun taksiran '0' didaftarkan pada Oktober 2012.</p>
22.3.3.3.b	<p>Terdapat kesilapan semasa memasukkan tahun taksiran dan sistem didapati tidak mengawal jumlah digit tahun taksiran di mana sistem dapat menerima kurang atau lebih daripada empat digit. Analisis mendapat sebanyak 107 kes tahun taksiran adalah kurang atau melebihi 4 digit.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Paparan tarikh 1/1/0001 adalah tarikh default (null). LHDNM akan memperbetulkan paparan kepada spaces dan masalah akan diatasi apabila integrasi CMS dan STS bagi Borang B, BE dan M dilaksanakan pada April 2013. Selain itu, tindakan untuk semakan kes tahun taksiran kosong telah diambil sebelum kes dihantar ke Cawangan. Tindakan semakan juga akan dibuat untuk kes pendaftaran kelompok pada Januari 2014.</i></p>	<p>Tindakan untuk membuat semakan kes tahun taksiran kosong telah diambil sebelum kes dihantar ke Cawangan. Tindakan semakan juga telah dibuat untuk kes pendaftaran kelompok pada 28 Mac 2013.</p>
22.3.3.4	<p>Semakan Audit telah dijalankan terhadap contoh nombor fail C 1059972805 dan mendapat berlaku perbezaan kaedah kemasukan data dan pengemaskinian oleh pegawai audit LHDNM. Perkara yang sama ini berkemungkinan turut berlaku di fail yang lain. Perbezaan tersebut antaranya melibatkan ketepatan tarikh audit di CMS dan ketepatan kod perniagaan.</p> <p>Maklum Balas Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Memo peringatan berkaitan pengemaskinian kod perniagaan di Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC)/Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) berdasarkan Arahan Operasi Bil. 5/2011 dan Manual Prosedur Kerja Audit Luar (MPKAL), Aktiviti 6.4.1 (c) ix telah dikeluarkan pada 30 Januari 2013 kepada semua cawangan.</i></p>	<p>Jabatan Pematuhan Cukai melakukan Lawatan Bantuan Teknikal dan Pemantauan Audit secara berterusan ke cawangan-cawangan. Semakan ke atas isu pengemaskinian kod perniagaan di Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC)/Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) adalah salah satu dari agenda semakan pemantauan audit.</p>

**(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN)**

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

Perenggan 24 : Pendinginan Megajana Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.2.c	<p>Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p>Selain dari itu, semakan Audit juga mendapati pengukuran yang digunakan untuk menilai pencapaian KPI adalah berbeza setiap tahun. Perbezaan ini menyukarkan perbandingan mengikut tahun mengenai trend pencapaian setiap elemen/pengukuran.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p>Secara amnya pihak Megajana ada menetapkan secara konsisten bagi elemen-elemen seperti pencapaian keuntungan, pencapaian kecekapan untuk operasi loji, kepuasan pelanggan dan modal insan. Hanya sub-elemen sahaja akan berubah dengan penambahan sub-elemen baru untuk mengikut keadaan semasa. Seperti yang telah dimaklumkan bahawa model perniagaan Megajana ini adalah dinamik dan keadaan semasa sentiasa berubah. Jadi untuk bersaing maju syarikat perlu memahami dan tahu keadaan sekeliling.</p> <p>Pada pendapat Audit, Megajana perlu memastikan elemen/kaedah pengukuran yang ditetapkan adalah konsisten setiap tahun supaya pencapaian sebenar KPInya dapat diukur.</p>	Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.2.2.c
24.5.2.3	<p>Kepuasan Pelanggan</p> <p>Sungguhpun kebanyakan pelanggan Megajana berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan, namun syarikat perlu memberi lebih perhatian terhadap beberapa aspek seperti keupayaan pegawai Megajana dalam mengendalikan tindak balas terhadap aduan; bekalan air dingin yang berterusan; air dingin yang dibekalkan adalah bertaraf antarabangsa; ketepatan dan pengiraan bacaan bil; kadar yang ditetapkan adalah setara dengan perkhidmatan yang diberi serta bilangan saluran untuk penerimaan dan pembayaran bil.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p>	Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.2.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pihak Megajana telah menjadikan kepuasan pelanggan sebagai salah satu daripada KPInya. Kepuasan pelanggan juga telah menjadi salah satu daripada elemen untuk mendapatkan pensijilan ISO 9001:2008 di mana Megajana sedang dalam proses pengauditan. Di bawah mekanisme yang telah digunakan pakai berkuat kuasa 1 Disember 2012 setiap aduan pelanggan akan direkodkan di dalam borang tertentu. Di dalam borang tersebut segala maklumat seperti jenis aduan, tarikh dan masa, punca kerosakan, tindakan pembetulan dan syor akan ditulis. Setelah aduan itu dibaikpulih, fail tersebut akan ditandatangani oleh pelanggan yang membuat aduan dan fail tersebut akan ditutup.</p> <p>Pihak Audit berpendapat maklum balas yang diberikan oleh pelanggan Megajana ini perlu diambil perhatian untuk menambah baik perkhidmatan syarikat pada masa hadapan.</p>	
24.5.3.1.a	<p>Pengurusan Aktiviti - Operasi Dan Penyenggaraan Sistem Pendinginan Lingkaran - Loji Air Sejuk Berpusat</p> <p>Proses penyejukan air bermula di loji air sejuk yang terdiri daripada penyejuk, menara penyejuk, pam, Thermal Energy Storage Tank, Heat Exchanger, Air Handling Unit System, Fan Coil Unit System dan Ventilation Fan and Exhaust Fan System. Untuk memastikan proses penyejukan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, mulai tahun 2012 pihak pengurusan Megajana sedang dalam proses menyediakan Standard Operating and Procedure (SOP) untuk merancang, melaksana dan memantau operasi loji. Pihak Audit telah membuat lawatan fizikal ke Loji DCP 2 di Cyberjaya dan menyemak laporan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh pengurusan Megajana. Semakan Audit mendapati Megajana ada menyediakan jadual penyenggaraan dan telah menjalankan penyenggaraan seperti yang dijadualkan bagi tempoh Jun 2012 hingga Disember 2012. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyenggaraan tersebut telah dilaksanakan secara konsisten di semua loji Megajana pada tahun 2009 hingga bulan Mei 2012 kerana tiada rekod yang lengkap disenggarakan bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p>Kesemua loji Megajana memang ada membuat penyenggaraan untuk peralatan yang kritikal seperti penyejuk, yang disenggarakan oleh Carrier Malaysia dan menara penyejuk oleh Witco Sdn. Bhd. Selepas setiap lawatan pemeriksaan dibuat oleh syarikat tersebut, laporan akan dikemukakan kepada Megajana dengan mengesyorkan beberapa tindakan selanjutnya. Untuk peralatan elektrik pula, kita mempunyai 'visiting engineer' untuk membuat pemeriksaan ke atas semua peralatan</p>	Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.3.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>elektrik setiap bulan. Laporan juga akan dikeluarkan selepas setiap pemeriksaan. Berdasarkan kepada laporan-laporan tersebut, pihak Megajana akan mengambil tindakan susulan sama ada peralatan diperbaiki atau ditukar ganti. Berdasarkan kepada mekanisme yang kita amalkan selama ini semua peralatan kita tidak pernah mengalami kerosakan yang serius walaupun separuh daripada peralatan di DCP#1 telah beroperasi lebih kurang 14 tahun. Berkuat kuasa 1 Disember 2012 SOP berkaitan penyenggaraan telah digunakan.</p>	
24.5.3.1.b	<p>Rangkaian Paip Pengagihan Air Dingin Keluar (Pelanggan)</p> <p>Rangkaian paip yang mengagihkan air dingin kepada pelanggan adalah sistem tertutup di mana tiada penambahan atau pengurangan kuantiti air kecuali berlaku kebocoran pada paip. Adalah didapati pada bulan Mei 2012 berlaku kebocoran pada rangkaian paip di Persiaran APEC. Bagaimanapun siasatan telah dijalankan dan mendapati perkara ini berlaku disebabkan kenderaan berat membawa mesin ataupun bahan binaan selalu melalui jalan tersebut ke kawasan pembinaan di sekitar Cyberjaya dan tindakan pemberaan telah dilakukan pada 15 hingga 20 Mei 2012. Berikutnya kejadian paip bocor tersebut pihak Megajana sedang melaksanakan proses tender daripada kontraktor yang berdaftar untuk melakukan <i>chemical treatment</i> pada air dingin dalam semua paip agihan sedia ada untuk mengekalkan paras kualiti air dingin yang terkawal untuk mengelakkan proses pengaratan dan <i>sludge</i> apabila air dingin bercampur dengan air paip biasa. Mengikut maklum balas daripada pegawai yang bertanggungjawab, proses <i>chemical treatment</i> ini akan dilakukan secara tetap dan berkala setahun sekali mulai tahun hadapan untuk memastikan kualiti paip terjamin.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pada dasarnya chemical treatment dilakukan pada tahun pertama di mana bahan kimia akan dipam ke dalam sistem pipe retikulasi. Oleh sebab rangkaian pipe retikulasi Megajana terlalu besar, proses chemical treatment ini akan dilakukan berperingkat-peringkat. Pada tahun-tahun berikutnya hanya penambahan dan penyelenggaraan perlu dilakukan.</i></p>	<p>Pada 11 April 2013 Megajana telah melantik Permulab Sdn Bhd untuk membuat analisis sampel air dingin di empat lokasi. Air ini akan diuji di makmal Permulab untuk menentukan kandungan kimia dan juga tahap kekotoran air.</p> <p>Tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan makmal tersebut sama ada perlu untuk menambah bahan kimia di rangkaian paip atau tidak.</p>
24.5.3.1.c	<p>Sistem Pemantauan Berpusat</p> <p>Sistem pemantauan berpusat melibatkan <i>District Cooling System</i> (DCS) yang berada di loji dan juga <i>meter reader</i> yang berada di bangunan pelanggan. Untuk memastikan DCS dan <i>meter reader</i> berfungsi dengan baik, mulai tahun 2012 pihak pengurusan Megajana sedang dalam proses menyediakan <i>Standard Operating and Procedure</i> (SOP) untuk merancang, melaksana dan memantau DCS ini. Semakan</p>	<p>“Megajana tidak mempunyai kontrak perkhidmatan pada tahun 2009 dan 2010. Oleh itu, kerja-kerja pemberaan pada tahun tersebut hanya dilakukan apabila berlaku kerosakan. Pada tahun 2011 dan 2012, Megajana telah mempersetujui kontrak perkhidmatan dengan MNC dan Naluri Merpati. Pihak Megajana</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Audit mendapati Megajana ada menyediakan jadual penyenggaraan dan telah menjalankan kerja penyenggaraan seperti yang dijadualkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyenggaraan tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2009 hingga bulan Mei 2012 kerana tiada rekod diselenggarakan bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan sebelum ini.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Berkuatkuasa 1 Disember 2012 pihak Megajana telah menyiapkan SOP yang lengkap untuk merancang, melaksana dan memantau DCS. SOP yang telah disediakan adalah untuk proses Operasi dan penyelenggaraan penyejuk, menara penyejuk, pam dan motor, peralatan elektrik, BAS; pengebilian kepada pelanggan; pembayaran kepada kontraktor dan pembekal; pungutan cek dari pelanggan; perihal pelanggan seperti permintaan chilled water, pindaan kontrak dan komunikasi dengan pelanggan dan latihan untuk pekerja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Megajana perlu mewujudkan mekanisme dan prosedur tetap untuk memantau kerja yang diserahkan kepada kontraktor ini bagi memastikan ia dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, pengurusan Megajana perlu menyegerakan penyediaan SOP penyenggaraan DCS dengan memastikan ianya adalah lengkap meliputi proses pemantauan serta penyediaan rekod bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.</p>	<p>juga telah mewujudkan SOP untuk semua Building Automation System dalam setiap fasa. Dari tahun 2009 hingga 2011, Megajana memberi keutamaan dalam menyelenggara mesin-mesin yang kritikal sahaja. Walau bagaimanapun, Megajana mempunyai kontrak perkhidmatan dengan Carrier untuk penyejuk, Witco untuk menara penyejuk dan Rejang Jati dan NSD untuk penyelenggaraan pam. Bagi peralatan elektrik, Jurutera Pelawat (Visiting Engineer) akan memeriksa semua peralatan elektrik setiap bulan dan akan membuat cadangan jika peralatan perlu dibaiki atau diganti. “</p> <p><i>Berkuatkuasa 1 Disember 2012 pihak Megajana telah menyiapkan SOP yang lengkap untuk merancang, melaksana dan memantau DCS. SOP yang telah disediakan adalah untuk proses Operasi dan penyelenggaraan penyejuk, menara penyejuk, pam dan motor, peralatan elektrik, BAS; pengebilian kepada pelanggan; pembayaran kepada kontraktor dan pembekal; pungutan cek dari pelanggan; perihal pelanggan seperti permintaan chilled water, pindaan kontrak dan komunikasi dengan pelanggan dan latihan untuk pekerja. Salinan SOP telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.</i></p>
24.5.3.2.a	<p>Hubungan Pelanggan - Perjanjian CWPA Tidak Diperbaharui</p> <p>Semakan Audit mendapati Megajana ada memeterai perjanjian dengan 21 pemilik bangunan yang melanggar perkhidmatannya. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 21 perjanjian CWPA mendapati 5 daripadanya telah tamat dan belum diperbaharui. Satu daripadanya telah tamat semenjak bulan Julai 2009 dan dari tempoh tamat perjanjian sehingga bulan Disember 2012 sebanyak RM5.25 juta (Setia Haruman Sdn. Bhd.) dan RM0.63 juta (NTT MSC Sdn. Bhd.) telah dibilikan kepada syarikat terlibat. Pihak Audit difahamkam kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk meneruskan pembekalan (<i>agreed by action</i>). Bagaimanapun, tiada bukti secara bertulis yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak bagi menyetujui syarat tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan ketiadaan prosedur kerja (SOP) yang jelas tentang perjanjian dengan pelanggan.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 dan 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Megajana dan pelanggan telah terlepas pandang untuk memperbaharui</i></p>	<p>Pihak Megajana telah mengadakan mesyuarat dengan pihak NTT pada 19 April 2013 untuk memperbaharui CWPA yang telah loput. Pada dasarnya kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk menyambung kontrak tersebut untuk 8 tahun lagi dengan menggunakan terma dan tarif sedia ada. CWPA baru dijangka akan ditandatangani pada penghujung bulan Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>CWPA dengan NTT. Manakala CWPA dengan Setia Haruman tidak ditandatangani sebab pihak Megajana meminta ianya ditangguhkan kerana ingin meningkatkan dan memperbaiki terma-terma yang terdahulu. NTT masih lagi mengkaji draf CWPA dan Setia Haruman telah bersedia untuk menandatangani CWPA dan dijangkakan ia boleh selesai pada penghujung Mac 2013. Dalam pada itu Megajana telah pun mengubah suai format invois yang sedia ada di mana tarikh luput CWPA akan direkodkan bersama di dalam invois. Dengan demikian Megajana dan juga pelanggan-pelanggan tidak akan terlepas pandang tarikh luput pada tiap-tiap CWPA tersebut. Invois baru ini akan diguna pakai pada bulan April 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Megajana perlu segera menyediakan prosedur kerja yang lengkap tentang perjanjian. Syarikat Megajana juga perlu segera memperbaharui perjanjian tersebut bagi menjaga kepentingan syarikat jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini pada masa hadapan.</p>	
24.5.3.2.b	<p>Tiada Mekanisme Yang Sistematik Bagi Merekodkan Aduan Pelanggan</p> <p>Pengurusan aduan yang sistematik adalah penting bagi memastikan semua aduan dan pertanyaan berkaitan operasi dan bil diuruskan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati tiada mekanisme yang sistematik untuk memproses aduan daripada pelanggan. Bagaimanapun aduan ada direkodkan dalam Buku Log Aduan tetapi maklumat mengenai aduan pelanggan, tindakan pemberian dan tarikh pemberian tidak dicatatkan dengan lengkap. Perkara ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada tindakan telah diambil ataupun tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan aduan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>SOP yang lengkap mengenai aduan pelanggan telah diwujudkan berkuatkuasa 1 Disember 2012. Dibawah mekanisme yang telah diguna pakai setiap aduan pelanggan akan direkodkan di dalam borang aduan pelanggan. Di dalam borang tersebut segala maklumat seperti jenis aduan, tarikh dan masa, punca kerosakan, tindakan pembetulan dan syor akan ditulis. Setelah aduan itu dibaikpulih, fail tersebut akan ditandatangani oleh pelanggan yang membuat aduan dan fail tersebut akan ditutup.</i></p> <p>Pihak Audit berpendapat mekanisme yang diwujudkan hendaklah merekodkan semua aduan yang diterima, tindakan yang diambil dan tempoh masa tindakan dengan lengkap. Selain itu SOP berkaitan aduan pelanggan perlu diwujudkan khususnya norma tempoh masa tindakan di ambil.</p>	<p>Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.3.2.b</p> <p>Mekanisme ini telah pun dilaksanakan pada 1 Disember 2012.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.2.c	<p>Tiada Sijil Pengesahan Pemeriksaan Jentera Daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja</p> <p>Berdasarkan Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan 3 (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera (Pindaan) 2004, syarikat perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja berkaitan dengan pemasangan jentera dan jika syarikat mempunyai jentera dandang stim ataupun pengandung tekanan tak berapi. Bagaimanapun semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan Megajana telah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja walaupun Megajana ada membuat pemasangan jentera seperti <i>Carrier Centrifugal Ice Chillers</i> di lojinya.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Megajana telah menghantar surat permohonan untuk mendapatkan sijil pengesahan pada 13 Mac 2013 kepada JKPP Selangor. Pada kebiasaananya pihak JKPP akan melawat loji dan akan membuat pemeriksaan peralatan terutamanya peralatan penyejuk dimana ia terpaksa dibuka untuk memeriksa pengandung tekanan tak berapi. Peralatan penyejuk ini terpaksa diberhentikan dari beroperasi untuk tujuan pemeriksaan tersebut. Walau bagaimanapun apabila maklum balas telah diterima daripada JKPP nanti, pihak Megajana akan membuat rayuan supaya pemeriksaan penyejuk dapat dikecualikan. Ini memandangkan Megajana beroperasi 24 jam dan kita tidak mampu untuk menyalurkan chilled water pada suhu yang dipersetujui dengan pelanggan jika peralatan penyejuk tidak beroperasi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Megajana perlu mengambil tindakan segera untuk mendapat sijil Pemeriksaan Jentera ataupun mendapatkan surat pengecualian berkaitan.</p>	<p>Pihak Pengurusan Megajana telah mengadakan perbincangan dengan pihak JKPP (Bahagian Rekabentuk) di Putrajaya pada 21 Mei 2013. Pihak Megajana perlu menghantar dokumen-dokumen berikut untuk kelulusan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>design drawing</i> 2. <i>design calculation</i> 3. laporan ujian dan pemeriksaan dari pihak pembekal 4. ujian <i>hydrostatic</i> <p>Pada masa yang sama Megajana juga meminta pengecualian daripada melakukan ujian <i>hydrostatic</i>. Pihak Megajana telah memaklumkan kepada pembekal (Carrier) untuk menyediakan dokumen-dokumen tersebut. Megajana mensasarkan untuk menyampaikan dokumen-dokumen tersebut kepada JKPP pada pertengahan bulan Jun 2013.</p>
24.5.3.3.a.i	<p>Projek Yang Dibangunkan - Alat Ubah (Power Transformer) Tidak Dapat Digunakan</p> <p>Pada tahun 2010, apabila kerja menaik taraf DCP 1 dimulakan, Megajana telah membeli 2 unit alat ubah berkapasiti 33/11KV yang baru dengan kos RM2.54 juta termasuk kos pemasangan untuk membekal keperluan pendinginan bagi Fasa 3 dan juga bagi meningkatkan mutu perkhidmatannya. Bagaimanapun semakan Audit mendapati dua unit alat ubah tersebut tidak dapat digunakan. Perkara ini berlaku disebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak mempunyai <i>sub-station</i> 33kV di Cyberjaya. Jika Megajana masih memerlukan tenaga elektrik tersebut dibekalkan, Megajana perlu menanggung kos penyambungan dari <i>sub-station</i> Putrajaya dengan caj sambungan pengguna berjumlah RM11 juta.</p>	<p>Pihak Megajana telah mengadakan mesyuarat susulan dengan TNB Putrajaya/Cyberjaya pada 15 April 2013. Dalam mesyuarat tersebut, TNB telah memaklumkan bahawa pihaknya akan mengambil masa di antara 12 bulan hingga 18 bulan untuk pembinaan. Anggaran caj sambungan untuk satu <i>feeder</i> adalah RM2.2 juta dan untuk 2 <i>feeder</i> sebanyak RM6 juta.</p> <p>Megajana akan memberikan pengesahan secara bertulis kepada pihak TNB sama ada Megajana memerlukan bekalan kuasa</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.3.a.ii	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati Megajana ada menghantar permohonan awal tentang pembekalan kuasa elektrik 33kV ini kepada TNB dan tiada halangan pada mulanya. Pihak Audit difahamkan jika pelanggan Megajana meningkat, tenaga elektrik yang tinggi amat diperlukan dan sekiranya pembekalan kuasa elektrik 33kV ini tidak dibuat, risiko berlakunya kekurangan tenaga elektrik (power failure) mungkin terjadi. Selain dari itu, alat ubah yang dibeli akan rosak dan berlaku pembaziran serta pelabur yang memerlukan tenaga elektrik yang tinggi seperti pusat data tidak akan berminat untuk membuat pelaburan di Cyberjaya.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 dan 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak TNB telah mengesahkan bahawa mereka boleh membekalkan kuasa elektrik 33 kV dengan mengenakan caj sambungan sebanyak RM2.3 juta berdasarkan permohonan declared kehendak maksimum Megajana sebanyak 9.1MW dengan hanya 1 kabel 33kV. Jumlah ini jauh lebih rendah daripada caj yang dimaklumkan terdahulu iaitu sebanyak RM11 juta berdasarkan permohonan declared kehendak maksimum Megajana sebanyak 14.4MW dengan 2 kabel 33kV. Berdasarkan kepada permintaan yang dijangka daripada pelanggan-pelanggan baru untuk chilled water, Megajana berpendapat keperluan untuk 33kV adalah pada suku tahun pertama 2014. Seperti yang telah dimaklumkan, pihak TNB telah bersetuju untuk membekalkan kuasa elektrik 33kV kepada Megajana. Oleh yang demikian tidak akan berlaku pembaziran terhadap alat ubah yang telah dibeli di mana ianya boleh diguna pakai pada suku kedua tahun hadapan seperti yang dirancang oleh pihak Megajana.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, bagi memastikan pelaburan di Cyberjaya meningkat dan berterusan serta tidak berlaku pembaziran, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah Megajana/Cyberview perlulah memastikan proses mendapatkan bekalan kuasa 33kV tersebut berjalan seperti yang dirancang bagi menjamin agenda nasional di Cyberjaya tercapai.</p>	33kV atau tidak, pada penghujung bulan Mei 2013.
24.5.4.1.b	<p>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat - Prosedur/Peraturan Pengurusan</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati Megajana tidak mempunyai SOP berkaitan aktiviti utamanya iaitu seperti pengebilan, pengurusan aduan, pengurusan dan penyenggaraan loji serta mesin semenjak ianya ditubuhkan. Bagaimanapun mulai tahun 2012 Megajana telah mengambil tindakan menyediakan SOP berkaitan aktiviti utamanya.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 8 Februari 2013 dan 15 Mac 2013</p>	<p>SOP telah dilaksanakan.</p> <p>Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.4.1.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Megajana akan berusaha sama dengan Cyberview dan pemegang syar yang baru iaitu Cofely Malaysia untuk menyediakan SOP yang berkaitan. SOP yang telah dilaksanakan bermula 1 Disember 2012 adalah operasi dan penyelenggaraan penyejuk, menara penyejuk, pam dan motor, peralatan elektrik dan BAS; pengebilan kepada pelanggan; pembayaran kepada kontraktor dan pembekal; pungutan cek dari pelanggan; perihal pelanggan seperti permintaan chilled water, pindaan kontrak dan komunikasi dengan pelanggan dan latihan pekerja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa SOP, Megajana berkemungkinan menghadapi risiko berlakunya kelemahan dalam proses kerja dan perlu mempercepatkan proses penyediaan SOP berkaitan.</p>	
24.5.4.2.a Tadbir Urus Korporat	<p>Pekeling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 telah menetapkan tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat Induk antaranya adalah menentukan dasar dan operasi syarikat subsidiari serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga perlu membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat dengan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Megajana tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan, di mana Lembaga Pengarah Megajana hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2009, 2 kali pada tahun 2010 dan 3 kali pada tahun 2011. Perkara ini berlaku kerana Megajana beranggapan Mesyuarat Lembaga Pengarah 2 hingga 3 kali adalah memadai bagi syarikat kecil seperti Megajana. Keadaan ini akan menyebabkan Lembaga Pengarah tidak dapat memantau prestasi syarikat secara tetap dan berkala.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p>Oleh sebab Megajana hanyalah sebuah organisasi yang kecil maka agendanya terlalu terhad untuk dibincangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah setiap suku tahun. Walau bagaimanapun seperti yang telah termaktub di dalam Shareholders' Agreement di antara Cyberview dan Cofely Malaysia, Lembaga Pengarah perlu bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun berkuat kuasa pada tahun 2013. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang pertama untuk tahun 2013 telah diadakan pada 8 Mac 2013. Mesyuarat berikutnya akan diadakan pada setiap suku tahun iaitu pada bulan Jun, September dan Disember 2013. Pada tahun 2012 Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali termasuk satu kali mesyuarat khas.</p> <p>Pihak Audit berpendapat, Lembaga Pengarah perlulah memenuhi keperluan</p>	<p>Pada tahun 2013, mesyuarat pertama Lembaga Pengarah telah diadakan pada 8 Mac 2013 dan mesyuarat kedua telah dijadualkan pada 10 Mei 2013.</p> <p>Pihak Megajana akan memastikan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemantauan minimum yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 dan juga <i>Shareholders' Agreement</i> di antara Cyberview dan Cofely Malaysia Sdn. Bhd.	
24.5.4.2.b.i	<p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Pekeliling ini juga menekankan bahawa Pengurus Audit Dalam mestilah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit dan perlulah mempunyai kelulusan dan pengalaman yang berkaitan serta menjadi Ahli Badan Profesional Institut Akauntan Malaysia. Semakan Audit mendapati Megajana tidak menujuhan Jawatankuasa Audit dan pihak Audit dimaklumkan tanggungjawab tersebut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Audit syarikat induknya iaitu Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview). Manakala fungsi Unit Audit Dalam Megajana dilaksanakan melalui Unit Audit Dalam Cyberview.</p> <p>Pihak Audit mendapati Jawatankuasa Audit Cyberview hanya membincangkan tentang penyata kewangan dan prestasi kewangan Megajana setiap suku tahun.</p>	<p>Berkuatkuasa 17 Disember 2012, Cofely Malaysia Sdn Bhd telah membeli 49% saham Megajana daripada Cyberview Sdn Bhd. Dengan adanya pemegang saham yang baru, Jawatankuasa Audit Cyberview tidak ada kuasa untuk membincangkan tentang penyata kewangan dan prestasi kewangan Megajana.</p> <p>Kuasa ini telah diserahkan kepada EXCO yang ahlinya dianggotai oleh seorang wakil daripada Cyberview, dua orang wakil daripada Cofely Malaysia dan Pengurus Besar Megajana. Pihak Megajana memberi kuasa kepada Jabatan Audit Dalam Cyberview untuk membuat pengauditan (<i>field work</i>) dan penemuan audit tersebut akan dibentangkan kepada EXCO Megajana.</p>
24.5.4.2.b.ii	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, tiada sebarang pengauditan dijalankan oleh Unit Audit Dalam Cyberview terhadap Megajana disebabkan unit ini baru ditubuhkan pada tahun 2010. Selain daripada itu, pihak Audit mendapati Pelan Audit Dalam 2012 hingga 2015 hanya merancang menjalankan pengauditan terhadap Megajana pada suku ketiga tahun 2012. Bagaimanapun, menurut Ketua Unit Audit Dalam, Pengarah Urusan Megajana meminta supaya pengauditan ini ditunda memandangkan dalam tempoh tersebut Megajana terlibat dengan pelbagai tugas Audit antaranya pengaudit <i>due diligence</i> berdasarkan perancangan pengambilalihan Megajana oleh pihak yang berminat dan Pasukan Audit Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan syarikat.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Jabatan Audit Dalam Cyberview akan melakukan audit untuk Megajana pada suku ketiga 2013. Skop pengauditan adalah seperti aspek kewangan; tadbir urus korporat; aktiviti utama Megajana dan susulan terhadap pemerhatian audit dari Jabatan Audit Negara. Pengauditan (<i>field work</i>) akan dijangka mengambil masa 3 minggu hingga ke 4 minggu.</i></p> <p>Pihak Audit berpendapat, bagi memastikan kawalan ke atas syarikat dapat dilaksanakan dengan berkesan, Jawatankuasa Audit Cyberview perlu menetapkan satu agenda tetap berkaitan Megajana dan anak syarikatnya yang lain dalam</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mesyuarat Jawatankuasa Audit Cyberview memandangkan Megajana tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit sendiri. Selain itu, Unit Audit Dalam Cyberview perlu merancang dan melaksanakan pengauditan yang menyeluruh terhadap proses dan prosedur Megajana secara tetap dan berkala bagi memastikan wujudnya kawalan dalam yang berkesan.</p>	
24.5.4.2.c	<p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2009, 2010 dan 2011, Megajana telah mencatat keuntungan dalam operasinya tetapi tiada bayaran dividen dibuat kepada Cyberview bagi 3 tahun berkenaan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati syarikat induk iaitu Cyberview tidak memberikan sebarang justifikasi mengapa syarikat subsidiarinya tidak membayar dividen. Selain itu, berdasarkan kenyataan yang terdapat dalam Penyata Kewangan yang diaudit, Lembaga Pengarah Megajana telah membuat keputusan untuk tidak membuat sebarang bayaran dividen kepada pemegang saham syarikat, bagaimanapun tiada sebarang justifikasi diberikan.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 8 Februari 2013</p> <p><i>Walaupun Megajana telah mencatat keuntungan pada tahun 2009, 2010 dan 2011 tetapi Megajana masih lagi menghadapi deficit keuntungan tertahan (retained profit) iaitu pada tahun 2009 (RM24 juta), 2010 (RM19 juta) dan 2011 (RM4 juta). Megajana juga masih lagi menghadapi masalah aliran tunai di mana ia memerlukan pinjaman daripada Cyberview untuk modal kerja.</i></p>	<p>Pada tahun 2012 Megajana telah mendapatkan pinjaman mudah sebanyak RM8 juta daripada Cyberview. Berdasarkan kepada bajet 2013, Megajana memerlukan pinjaman sebanyak RM6.5 juta untuk menampung perbelanjaan bagi menaik taraf dan meningkatkan prestasi loji dan peralatan.</p> <p>Loji dan peralatan fasa 1 telah beroperasi selama 14 tahun.</p>
24.5.4.2.d	<p>Pembelajaran berterusan hendaklah diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan Megajana bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi. Bagi memastikan program latihan tahunan yang tersusun dan sistematik, Megajana sewajarnya menyediakan perancangan latihan setiap tahun berasaskan keperluan semua pegawai dan kakitangannya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan latihan mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Ogos 2012, seramai 14 (73.7%) daripada 19 kakitangan Megajana tidak pernah menghadiri sebarang kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang kerja yang dijalankan. Manakala 3 (15.8%) daripadanya hanya menghadiri satu kursus dan 2 (10.5%) kakitangan menghadiri lebih daripada satu kursus. Perkara ini berlaku disebabkan Megajana tidak mempunyai polisi yang jelas dan tidak menyediakan</p>	<p>Pada tahun 2013 pekerja-pekerja Megajana telah menghadiri latihan-latihan berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Internal Auditing ISO 9001 – Feb 2013 2. Certification of Management System ISO 9001 – Mac 2013 3. Management Representative Skills ISO 9001 – Mac 2013 4. Excell Intermediate and Advance Level – Feb 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perancangan serta juga tiada SOP berkaitan latihan termasuk prosedur perancangan latihan sama ada di peringkat Cyberview ataupun Megajana sendiri. Kekurangan latihan boleh menyebabkan kakitangan tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang kerja yang dijalankan secara berterusan.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pada tahun 2009/2010 jumlah kakitangan Megajana hanya ada dua belas orang sahaja. Memandangkan jumlah yang kecil dan loji beroperasi 24 jam Megajana tidak mampu untuk menghantar kesemua kakitangan untuk menghadiri latihan/kursus oleh sebab ia akan mengganggu jadual operasi. Ini tidak mengambil kira kakitangan yang bercuti dan/atau cuti sakit. Walau bagaimanapun pada tahun 2013, Lembaga Pengarah telah meluluskan bajet untuk latihan banyak RM114,000. Pihak majikan telah merancang untuk menghantar kakitangan untuk menghadiri latihan/kursus untuk pembangunan kemahiran dan pembangunan diri. Kami juga bercadang untuk menghantar juruteknik kanan kami ke GDF SUEZ untuk menimba pengalaman dan pemindahan teknologi ke Megajana. Latihan/kursus yang telah dikenal pasti untuk suku pertama dan kedua 2013 adalah seperti Training for ISO Auditors; Training for Document Controller; Training for Quality Management Representative; Advance Excell; Malaysia International Accounting Standard; Effective Business Communication Writing Skill; Contract Administration; Air Conditioning System; Energy Management; Beyond Maintenance; Pengurusan Masa dan Penetapan Keutamaan dan Teknik Penyelesaian Masalah – Pendekatan Praktikal yang Mudah dan Menyeluruh.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Megajana perlu mempunyai Perancangan Latihan Tahunan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya secara berterusan serta menyediakan SOP berkaitan latihan.</p>	
24.5.4.3.a.i	<p>Pengurusan Kewangan Syarikat - Proses Perolehan</p> <p>Megajana telah menggunakan pakai <i>Procurement And Tender Procedures</i> yang dikeluarkan oleh syarikat induknya iaitu Cyberview bagi urusan perolehannya merangkumi proses perolehan terhadap bekalan, kerja dan perkhidmatan. Semakan Audit terhadap 47 sampel berkaitan pembelian terus iaitu pembelian sehingga RM50,000 bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, mendapati semua pembelian dan perkhidmatan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p>Semakan Audit terhadap proses perolehan sebut harga dan tender bagi pembinaan DCP 2 mendapati para 3.2.5 dan 3.3.6 <i>Procurement and Tender Procedures</i> menyatakan bahawa sebut harga dan tender hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa</p>	<p>Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.4.3.a.i</p> <p>DAL terbaru akan dibentangkan di EXCO Megajana pada 23 Mei 2013 dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah dijangka diadakan pada Suku 3 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pembuka Sebut harga dan Tender yang dilantik oleh Cyberview. Para 3.3.7 pula menghendaki Jawatankuasa Penilaian Tender dibuat oleh 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Manakala bagi proses sebut harga Jawatankuasa Penilaian hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Komersial. Semakan Audit mendapati proses pembukaan sebut harga dan tender dan penilaian tender adalah dibuat oleh wakil daripada Cyberview, Megajana dan Pengurus Projek dan juga konsultan. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada wakil-wakil tersebut adalah terdiri daripada Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Cyberview ataupun tidak kerana tiada lantikan secara bertulis dibuat oleh Cyberview. Menurut pegawai perolehan Cyberview, mereka dalam proses merangka manual perolehan yang baru dan perkara ini akan dimasukkan dalam manual tersebut.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Di bawah peraturan baru Pengurus Besar boleh melantik mana-mana pekerja Megajana untuk menjadi jawatankuasa untuk membuka sebut harga dan tender di bawah RM1 juta. Empat orang pegawai syarikat telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa untuk membuka sebut harga dan tender. Pihak Megajana dalam proses untuk menghasilkan Discretionary Authority Limit (DAL) yang baharu untuk mengambil kira terma-terma yang telah dipersetujui di dalam "Shareholders' Agreement". DAL ini akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang untuk kelulusan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Cyberview hendaklah membuat pelantikan secara bertulis kepada pegawainya atau pegawai daripada subsidiarinya bagi menganggotai/mewakili mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan demi menjaga kepentingan syarikat.</p>	
24.5.4.3.b	<p>Pengurusan Perbelanjaan</p> <p>Pengurusan Megajana telah menetapkan had kuasa bagi menandatangani baucar bayaran yang bernilai sehingga RM20,000, kelulusan bayaran hendaklah ditandatangani oleh mana-mana 2 orang pegawai daripada kumpulan A hingga C. Manakala bagi baucar bayaran yang bernilai melebihi RM20,000 oleh 2 orang pegawai iaitu seorang daripada kumpulan A dan seorang lagi daripada kumpulan B. Semakan Audit terhadap 132 baucar bayaran berjumlah RM11.82 juta yang antaranya melibatkan perbelanjaan tuntutan perjalanan, latihan kakitangan, percetakan & alat tulis, pembaikan & penyenggaraan dan <i>staff relation</i> mendapati 91 baucar bernilai antara RM500 hingga RM1.8 juta hanya ditandatangani oleh seorang pegawai. Manakala 5 baucar bernilai antara RM1,511.70 hingga RM60,000 pula</p>	<p>SOP untuk pembayaran telah disediakan dan berkuatkuasa pada 1 Disember 2012 bagi memastikan kawalan dalam dalam proses pembayaran dan perbelanjaan Megajana. Salinan SOP telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa dan 4 baucar yang bernilai antara RM1,959.22 hingga RM87,821.70 tanpa tandatangan oleh pegawai pelulus. Perkara ini terjadi disebabkan Megajana tidak mempunyai SOP tentang prosedur pembayaran.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pegawai-pegawai yang diberi kuasa telah terlepas pandang untuk menandatangani baucar bayaran. Bahagian Akaun akan memastikan setiap baucar bayaran akan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dan SOP untuk prosedur pembayaran telah disediakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pegawai yang diberi kuasa menandatangani cek perlulah meluluskan baucar bayaran terlebih terdahulu sebelum menandatangani cek. Pihak pengurusan Megajana juga perlulah menyediakan prosedur pembayaran yang lengkap dengan segera bagi meningkatkan kawalan dalaman dalam proses bayaran dan perbelanjaan.</p>	
24.5.4.3.c.i	<p>Pengurusan Aset - Tiada Garis Panduan Terhadap Kawalan Aset</p> <p>Megajana tidak mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati tidak ada polisi dan prosedur pengurusan aset yang telah diluluskan untuk diterima pakai sebagai dokumen rasmi. Pemeriksaan aset dan verifikasi aset juga tidak pernah dijalankan semenjak Cyberview mengambil alih Megajana pada tahun 2007 untuk memastikan kewujudan dan keadaan aset melalui pengesahan secara fizikal, secara semakan terhadap rekod dan mengenal pasti lokasi penempatannya.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk menggunakan pakai garis panduan yang digunakan oleh Cyberview pada mesyuaratnya pada 8 Mac 2013.</i></p>	Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.4.3.c.i
24.5.4.3.c.ii	<p>Daftar Aset Tetap Tidak Di Kemas kini Dengan Lengkap</p> <p>Daftar Aset Tetap tidak dikemas kini dengan lengkap dan tepat di mana jenis aset, lokasi dan nilai aset yang sebenar tidak dinyatakan dengan terperinci. Semakan Audit mendapati maklumat harta tetap bagi tempoh sebelum tahun 2007 berjumlah RM83.85 juta tidak dinyatakan dengan terperinci butiran asetnya seperti tarikh pembelian, jenis aset (nama mesin/jentera), kos setiap aset yang dibeli tetapi hanya ditulis nama syarikat pembekal dan lain-lain perkara. Keadaan ini boleh</p>	Maklum balas adalah sama seperti di penemuan audit perenggan 24.5.4.3.c.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyebabkan kesulitan kepada pihak Megajana untuk memastikan kewujudan aset dalam pegangannya iaitu sama ada masih wujud ataupun hilang. Menurut pegawai yang bertanggungjawab, butiran harta tersebut tidak dapat dikesan kerana ia adalah aset yang diambil alih dari pemegang syer yang terdahulu.</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pada peringkat awal, Megajana akan merekodkan secara terperinci aset-aset terbaru iaitu untuk DCP 1 Upgrading dan DCP 2. Proses ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada suku kedua 2013. Aset-aset yang terdahulu akan dijangka memakan lebih masa untuk disenaraikan secara terperinci oleh kerana rekod-rekod pembayaran telah diarkib dan dijangka akan dapat dilaksanakan suku keempat 2013 atau suku pertama 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan Megajana perlu mengambil tindakan segera untuk mengenal pasti aset di bawah kawalannya khusus kewujudannya.</p>	
24.5.4.3.c.iii	<p>Tiada Pelabelan Kod Harta Tetap</p> <p>Pemeriksaan fizikal terhadap aset di Megajana telah dijalankan pada 30 Oktober 2012 dan 1 November 2012. Semakan Audit mendapati kesemua aset Megajana tidak ditandakan dengan nombor kod pendaftaran/pengenalan. Ini menyebabkan kedudukan fizikal dan lokasi sebenar aset, kewujudan dan kebolehgunaannya tidak dapat ditentukan .</p> <p>Maklum Balas Megajana Yang Diterima Pada 15 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Megajana dengan bantuan daripada Cyberview akan melaksanakan kerja-kerja melabelkan kesemua aset dari tempoh suku kedua hingga suku ketiga pada tahun 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Megajana hendaklah mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Pemeriksaan aset dan verifikasi aset hendaklah dijalankan bagi memastikan kewujudan dan kebolehgunaannya melalui pengesahan secara fizikal, secara semakan terhadap rekod dan mengenal pasti lokasi penempatannya. Megajana juga perlu memastikan rekod penyelenggaraan aset sentiasa dikemas kini, aset hendaklah dilabel dan dinyatakan lokasi sebenar bagi mengelakkan daripada berlakunya kehilangan dan penyalahgunaan ke atas aset.</p>	<p>Pihak Megajana telah membeli <i>asset sticker</i> dan kerja-kerja untuk melabelkan aset-aset tersebut akan dilaksanakan setelah senarai aset dikemas kini. Pengemaskinian senarai aset dijangka siap pada bulan Jun 2013.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

Perenggan 25 : Sarawak Hidro Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.1.1.a	Prestasi Kewangan - Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan SHSB menjana pendapatan utama hasil penjualan tenaga bermula pada bulan Ogos 2011 dengan mencatatkan hasil pendapatan tahun 2011 berjumlah RM48.23 juta. Pada tahun 2009 dan 2010, keuntungan syarikat ini dijana daripada pendapatan lain seperti untung atas jualan harta dan kelengkapan, bayaran sewa dan penjualan borang tender serta faedah atas deposit jangka pendek. Perbelanjaan utama SHSB meliputi belanja operasi projek Bakun (belanja susut nilai aset yang dipermodalkan; belanja di bawah operasi dan penyenggaraan; bayaran kepada Kerajaan Negeri Sarawak meliputi levi air, lesen dan permit); lain-lain belanja operasi serta kos kakitangan. Secara keseluruhannya, keuntungan sebelum cukai serta keuntungan bersih menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 dan sedikit penurunan pada tahun 2011.	Maklumbalas adalah sama seperti diperenggan 25.5.1.3.b
25.5.1.1.b	Bagi tahun kewangan 2011, SHSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.30 juta berbanding dengan tahun 2010 yang berjumlah RM20.41 juta dengan penurunan keuntungan sejumlah RM13.11 juta (64.2%). Antara faktor penurunan ini adalah kerana pendapatan utama daripada penjualan tenaga digunakan bagi membayai perbelanjaan operasi berjumlah RM57.24 juta di mana belanja susut nilai bagi aset yang dipermodalkan menyumbang 79.1% (RM45.30 juta) daripada keseluruhan belanja operasi projek. Selain itu, peningkatan dalam perbelanjaan operasi lain sejumlah RM0.62 juta (78.5%) serta peningkatan kos kakitangan sejumlah RM0.79 juta (10.6%) pada tahun 2011 juga menyumbang kepada penurunan untung sebelum cukai syarikat.	
25.5.1.1.c	SHSB mencatatkan keuntungan bersih yang ketara pada tahun 2010 menerusi faedah atas deposit jangka pendek berjumlah RM28.01 juta yang dijana melalui dana pinjaman berjumlah RM5.750 bilion. Peningkatan keuntungan pada tahun 2010 turut di sumbang oleh penjimatan perbelanjaan operasi lain sebanyak 15.1% daripada RM0.93 juta pada tahun 2009 kepada RM0.79 juta pada tahun 2010.	
25.5.1.1.d	Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, SHSB telah membayar sejumlah RM0.93 juta bagi Lesen Penjanaan dan RM10.12 juta bagi Lesen Pendudukan Sementara kepada Kerajaan Negeri Sarawak.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.1.1.e	Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, SHSB masih belum membayar dividen kepada Kerajaan meskipun memperoleh keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut kerana tanggungan syarikat untuk membayar faedah atas pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM5.350 bilion dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) berjumlah RM400 juta. Pada tahun 2009, jumlah pinjaman berjangka daripada kedua-dua institusi tersebut adalah RM4.40 bilion manakala pada tahun 2010 dan 2011 meningkat kepada RM5.75 bilion.	
25.5.1.1.f	Perolehan pendapatan SHSB pada tahun 2009 dan 2010 adalah melalui pendapatan lain yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM18.70 juta (184.4%) pada tahun 2010 berbanding 2009. Ini adalah disebabkan peningkatan ketara faedah atas deposit jangka pendek daripada pinjaman berjangka berjumlah RM1.35 bilion yang diperoleh pada 2010.	
25.5.1.2	<p>Analisis Nisbah</p> <p>Bagi menentukan prestasi kewangan SHSB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan bersih; nisbah pulangan ke atas aset; nisbah pulangan ke atas ekuiti; nisbah hutang; serta nisbah hutang/ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011.</p>	
25.5.1.3.a	<p>Prestasi Aliran Tunai</p> <p>Penyata aliran tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan.</p>	
25.5.1.3.b	<p>Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapat SHSB mengalami defisit aliran tunai bagi aktiviti operasi dan pelaburan. SHSB mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi berjumlah RM54.52 juta pada tahun 2011 berbanding dengan pulangan positif aliran tunai pada tahun 2010 berjumlah RM85.40 juta. Antara faktor berlaku defisit ini adalah penggunaan tunai bagi membayar hutang lain. Pada akhir tahun kewangan 2011, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM545.75 juta yang terdiri daripada deposit jangka pendek berjumlah RM545.28 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM0.47 juta. Manakala, pada akhir tahun kewangan 2009 dan 2010, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM81.58 juta dan RM961.04 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai SHSB masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SHSB bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 berada pada tahap sederhana. Keuntungan syarikat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini														
	<p>pada tahun 2009 dan 2010 disumbang oleh pendapatan lain di mana 95% dijana daripada perolehan faedah atas deposit jangka pendek hasil pinjaman berjangka. Sebahagian besar nisbah kewangan adalah memuaskan dan syarikat ini berupaya beroperasi dengan mendapat pembiayaan dari luar.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 15 Februari 2013</p> <p><i>SHSB bersetuju dengan pendapat Audit yang syarikat berupaya beroperasi dengan mendapat pembiayaan luar bagi tahun kewangan 2009 dan 2010. Pendapatan SHSB bagi tahun 2009 dan 2010 disumbang daripada perolehan faedah atas deposit jangka pendek dan juga pendapatan lain sahaja. Walau bagaimanapun, SHSB yakin prestasi kewangan bertambah baik bagi tahun akan datang. Ini adalah kerana SHSB telah mula menjana hasil jualan elektrik pada bulan Ogos 2011. Jadual di bawah menunjukkan hasil jualan elektrik bagi tahun 2011 dan 2012 serta unjuran hasil jualan elektrik bagi tahun 2013 sehingga 2016.</i></p> <table border="1" data-bbox="422 647 1288 847"> <thead> <tr> <th></th><th>2011 (RM Juta)</th><th>2012 (RM Juta)</th><th>Unjuran 2013 (RM Juta)</th><th>Unjuran 2014 (RM Juta)</th><th>Unjuran 2015 (RM Juta)</th><th>Unjuran 2016 (RM Juta)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hasil Jualan Elektrik</td><td>48.23</td><td>163.49</td><td>411.81</td><td>499.34</td><td>677.27</td><td>783.42</td></tr> </tbody> </table> <p><i>SHSB berbangga dengan prestasi kewangan terkini. Peningkatan hasil jualan elektrik akan dapat membantu keupayaan SHSB untuk beroperasi dengan lebih baik dan mantap serta boleh membantu syarikat untuk membayar faedah serta prinsipal pinjaman sedia ada.</i></p>		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Unjuran 2013 (RM Juta)	Unjuran 2014 (RM Juta)	Unjuran 2015 (RM Juta)	Unjuran 2016 (RM Juta)	Hasil Jualan Elektrik	48.23	163.49	411.81	499.34	677.27	783.42	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Unjuran 2013 (RM Juta)	Unjuran 2014 (RM Juta)	Unjuran 2015 (RM Juta)	Unjuran 2016 (RM Juta)										
Hasil Jualan Elektrik	48.23	163.49	411.81	499.34	677.27	783.42										
25.5.2.1.a	<p>Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti - Pencapaian Fizikal Paket Kerja Utama</p> <p>SHSB diberi mandat bagi membangunkan Projek Hidroelektrik Bakun (projek Bakun) selepas Kerajaan Persekutuan mengambil alih daripada Ekran Berhad pada akhir tahun 1997. Aktiviti utama syarikat ini adalah sebagai pengurus projek Bakun serta menjana penjualan tenaga daripada Empangan Bakun. Pengurusan projek Bakun melibatkan 3 pakej utama iaitu pakej kerja sivil (CW), elektro-mekanikal (EM) dan talian penghantaran (TR) serta kerja lain berkaitan.</p> <p>Pakej kerja utama terdiri daripada pakej kerja Sivil, Elektro-Mekanikal dan Talian Penghantaran. Bagi pakej kerja utama ini, skop semakan Audit meliputi pakej CW2,</p>	<p>Pakej CW2 telah siap pada 28 Disember 2010 dan tempoh kecacatan tamat pada 28 Disember 2012.</p> <p>Pakej EM1 telah siap pada 24 April 2012 dan tempoh kecacatan akan tamat pada 24 April 2014.</p> <p>Manakala kemajuan kerja Pakej EM2 setakat 25 Januari 2013 ialah sebanyak 97.88%.</p>														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>EM1, EM2 dan TR1. Mengikut syarat kontrak, setiap pakej kerja perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 4 kontraktor tidak dapat menyiapkan pakej kerja mengikut tarikh asal kontrak dan telah memohon lanjutan masa daripada SHSB. Tempoh kelewatan penyiapan projek berbanding kontrak asal dan tempoh lanjutan masa yang diberikan adalah antara 18.5 bulan hingga 49 bulan.</p>	<p>Pakej TR1 telah siap pada 13 April 2011 dan tempoh kecacatan tamat pada 13 April 2013.</p>
25.5.2.1.b.i	<p>Prestasi Kewangan Projek - Perubahan Kerja</p> <p>Semakan Audit terhadap pencapaian kewangan projek pakej kerja utama serta pakej kerja berkaitan mendapati sehingga akhir bulan Disember 2012, sejumlah RM4.052 bilion (97.0%) telah dibelanjakan daripada nilai kontrak RM4.177 bilion (merangkumi kontrak asal, perubahan kerja, perjanjian tambahan serta penyelesaian komersil).</p> <p>Perubahan Kerja (VO) dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Bagi 4 pakej kerja utama, perubahan kerja kepada kontrak asal telah diluluskan dengan peningkatan kos sebanyak RM143.87 juta (5.12%) daripada nilai kontrak keseluruhan asal iaitu RM2.811 bilion. Bagi setiap pakej kerja, peningkatan kos melibatkan perubahan kerja adalah antara 1.5% hingga 14.5% daripada nilai asal kontrak.</p>	<p>Adalah dipersetujui bahawa setiap pakej kerja perlu disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak dan lanjutan masa akan hanya diberikan sekiranya terdapat peristiwa yang mengganggu penyiapan kerja Kontraktor samada berpunca dari "Client" atau yang diluar kawalan kedua belah pihak.</p> <p>Dalam 4 kontrak utama projek ini, lanjutan masa telah diberikan mengikut syarat/peruntukan yang telah digariskan didalam kontrak dan tidak ada yang melibatkan budibicara sendiri.</p> <p>Pada amnya, adalah sukar untuk meramalkan apa yang akan berlaku semasa pelaksanaan sesuatu projek yang melibatkan banyak pihak dalam tempoh yang sama, lebih-lebih lagi bagi projek mega kejuruteraan awam seperti projek empangan Bakun ini.</p>
25.5.2.1.b.ii	<p>Perjanjian Tambahan Pakej Kerja Sivil (CW 2)</p> <p>Perjanjian Tambahan berjumlah RM708 juta telah ditandatangani oleh Kementerian Kewangan pada bulan Disember 2007 sebagai kos tambahan kepada kontraktor CW 2. Peningkatan kos 39.6% menjadikan kos asal projek meningkat kepada RM2.496 bilion tanpa mengambil kira peningkatan kos perubahan kerja yang diluluskan.</p>	<p>Setakat 30 April 2013, kos perubahan kerja yang diluluskan adalah sebanyak RM79,822,920.84.</p>
25.5.2.1.b.iii	<p>Penyelesaian Komersil/Tuntutan/<i>Global Settlements</i></p> <p>Kesan daripada kelewatan dan gangguan kerja, kontraktor di bawah pakej kerja elektro-mekanikal telah menuntut sejumlah ganti rugi. Bagi pakej kerja EM1, sejumlah RM130 juta penyelesaian komersil/tuntutan telah dibayar menyebabkan kos bagi pakej kerja ini meningkat 28.6% daripada kos asal. Bagi pakej kerja EM2 pula, sejumlah RM301.59 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan sebagai penyelesaian komersil serta <i>Global Settlements</i> menjadikan peningkatan kos yang ketara sebanyak 65.5% berbanding kos asal projek ini.</p>	
25.5.2.1.b.iv	<p>Tambahan Kos Kepada Kontrak Kerja Berkaitan</p> <p>Bagi 3 kontrak kerja berkaitan, tambahan kos kepada kontrak asal melibatkan peningkatan kos antara 33% hingga 49.0%. Peningkatan kos bagi pakej BRP02</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>adalah kerana sisa buangan balak yang masih banyak di kawasan kolam takungan. Manakala 2 lanjutan kontrak berjumlah RM10.99 juta sebagai kos tambahan bagi pakej <i>Independent Environmental Audit</i> adalah kerana kelewatan dalam proses takungan air menyebabkan perkhidmatan perundingan Juruaudit Alam Sekitar dilanjutkan.</p>	
25.5.2.1.b.v	<p>Kos Asal Kontrak Berbanding Kos Semasa Kontrak</p> <p>Perubahan kerja, perjanjian tambahan, penyelesaian tuntutan kontraktor (penyelesaian komersial dan <i>Global Settlements</i>), tambahan serta lanjutan masa kontrak menyebabkan peningkatan sejumlah RM1.306 bilion (45.5%) daripada nilai kontrak asal berjumlah RM2.871 bilion bagi 4 pakej kerja utama serta 3 pakej kerja berkaitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan syarikat adalah baik di mana 97.0% daripada keseluruhan nilai semasa kontrak berjumlah RM4.177 bilion telah dibelanjakan. Bagaimanapun, peningkatan kos projek sebanyak 45.5% berbanding nilai kontrak asal merupakan tanggungan tambahan syarikat berikutan perubahan kerja, lanjutan kontrak serta pelbagai tuntutan di bawah 4 pakej kerja utama serta lanjutan kontrak bagi 3 pakej kerja berkaitan.</p>	
25.5.2.2.a.i	<p>Pengurusan Aktiviti - Penjualan Tenaga - Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) Administration Committee</p> <p>Perenggan 7.02 PPA menetapkan <i>Administration Committee</i> hendaklah ditubuhkan untuk memastikan sistem dan keselamatan grid serta pencawang diuruskan dengan teratur. Keahlian Jawatankuasa ini adalah sekurang-kurangnya 4 orang, di mana 2 wakil masing-masing daripada SHSB dan SESCO. Semakan Audit mendapati setakat bulan November 2012, Jawatankuasa ini masih belum ditubuhkan meskipun PPA telah dimeterai antara SHSB dengan pihak SESCO pada bulan Jun 2011 dan sumber tenaga mula disalurkan pada bulan Ogos 2011.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</p> <p><i>Fungsi Administration Committee telah pun sebenarnya berjalan. Ini dapat dilihat melalui beberapa mesyuarat yang diadakan di antara pihak SHSB dan SESCO bagi menyelesaikan beberapa isu termasuk pengebilan, tuntutan dan sebagainya. Pada awal bulan Januari 2013 Administration Committee telah ditubuhkan. Ia dianggotai oleh 2 wakil daripada pihak SHSB iaitu Senior Station Manager dan Senior Electrical Manager.</i></p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.2.2.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah memastikan sistem dan keselamatan grid serta pencawang diuruskan dengan teratur supaya kepentingan dan liabiliti kedua-dua pihak terjamin.	
25.5.2.2.a.i	<p>Kelewatan Penyiapan Turbin</p> <p>Mengikut perjanjian, semua 8 turbin perlu beroperasi antara bulan Ogos 2011 hingga bulan Ogos 2013 bagi memastikan <i>nominated capacity</i> dapat dijana. Semakan Audit mendapati 4 turbin di bawah pakej kerja EM2 tidak dapat beroperasi seperti yang ditetapkan PPA. Kelewatan ini disebabkan kelemahan pengurusan projek oleh kontraktor dan ia memberi risiko impak kepada SHSB untuk menjana 745 MW bagi setiap jam sekiranya 4 turbin di bawah pakej kerja EM1 tidak dapat menjana tenaga yang diperlukan kesan daripada <i>tripping</i> dan <i>outage</i> yang berpanjangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan projek secara berterusan oleh SHSB serta langkah proaktif perlu diambil bagi menangani masalah yang wujud kesan daripada kelewatan penyiapan pakej kerja EM2 supaya obligasi syarikat kepada termasuk PPA dapat dipatuhi.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>Pemantauan rapi dan profesional terhadap prestasi kerja kontraktor memang menjadi teras budaya kerja SHSB kerana maklum akan kesan kelewatan terhadap obligasi di bawah PPA. Namun begitu masalah aliran tunai kontraktor telah menjelaskan kemajuan kerja di tapak dan sebaik sahaja pihak Kementerian Kewangan meluluskan tuntutan sejumlah RM156 juta kepada kontraktor, SHSB telah mengambil langkah proaktif dengan merangka satu Perjanjian Tambahan yang mengikat setiap bayaran dengan syarat yang perlu dipenuhi sebelum bayaran dibuat pada setiap peringkat.</i></p> <p><i>Walaupun PPA menunjukkan tarikh siap unit 4 adalah pada 27 November 2012, SHSB berpendapat ia bukanlah suatu komitmen sebaliknya bersifat indikatif. Lantaran itu, tiada nilai Liquidated Damages dikenakan sekiranya tarikh tersebut tidak dapat dicapai. Prinsip ini terpakai bagi unit 1 hingga 4 dan Unit 6. Hujah ini disokong melalui perenggan 16.02-(a) Seller Default. Manakala bagi unit 5, 7 dan 8, Liquidated Damages berjumlah RM700, 000 dikenakan atas setiap satu hari kelewatan. Ini kerana permintaan daripada pelanggan SESCO telah dapat ditentukan jumlah dan tarikh obligasinya dengan tepat. Bagi unit 1 hingga 4 dan Unit 6, obligasinya ditentukan oleh SESCO hanya selepas PPA ini ditandatangani.</i></p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.2.2.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.2.b.i	<p>Kelemahan Dalam Pengurusan Kontrak - Kontrak Lewat Ditandatangani</p> <p>Bagi menjamin kepentingan syarikat, kontrak kerja secara amnya perlu ditandatangani sebelum sesuatu kerja dimulakan atau bayaran dilakukan. Bagi kontrak Kerajaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak lewat ditandatangani antara satu hingga 55 bulan sekiranya tempoh 4 bulan diambil kira.</p> <p>Pihak Audit mendapati antara sebab kontrak di atas lewat ditandatangani adalah kerana keperluan pengesahan dan persetujuan terma kontrak oleh kedua-dua pihak. Ketiadaan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> bagi pengurusan projek/kontrak turut menyumbang kepada kelonggaran pemantauan terhadap proses muktamad kontrak. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kontrak semasa kontrak masih belum dimuktamadkan, kepentingan SHSB tidak terjamin.</p> <p>Pada pendapat Audit, SHSB sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak bagi tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan syarikat. Sebagai amalan terbaik syarikat, tempoh kontrak perlu dimuktamadkan bagi sesuatu kerja itu hendaklah dinyatakan dalam Surat Setuju Terima supaya kedua-dua pihak sedar tanggungjawab masing-masing.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>Cadangan Audit diambil maklum dan pihak SHSB berkeyakinan kes kelewatan menandatangani kontrak akan dapat diatasi di masa hadapan kerana tugasan di bawah pakej utama seperti CW2, EM1 dan TR1 telah hampir selesai dan tumpuan boleh diberi kepada projek baru. Untuk tujuan penambahbaikan, mulai tahun 2013 pihak SHSB akan melakukan pemantauan lebih rapi dari tarikh SST dikeluarkan dengan mengeluarkan notis peringatan kepada kontraktor dan pegawai secara bulanan.</i></p>	Sila rujuk maklumbalas di perenggan 25.5.3.1 berkenaan ketiadaan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> .
25.5.2.2.b.ii	<p>Lanjutan Masa</p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya sebab kelewatan penyiapan projek di luar kawalannya. Penilaian lanjutan masa dibuat berdasarkan program kerja asal dengan mengambil kira tahap kemajuan kerja sebenar di tapak bina, kelewatan yang bertindih dan kelewatan yang disumbangkan oleh kontraktor sendiri. Sekiranya lanjutan masa diluluskan, wakil majikan hendaklah mengeluarkan Sijil Lanjutan Masa sebelum tamat tempoh kontrak</p>	Pakej EM2 – lewat selama 844 hari. Untuk makluman, lanjutan masa no. 2 telah diluluskan selama 176 hari, menjadikan jumlah kelewatan selama 844 hari atau 28.13 bulan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang dibenarkan bagi mengelakkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (<i>time is at large</i>). Semakan Audit mendapati kontraktor bagi pakej kerja utama telah diberikan lanjutan masa keseluruhan antara 555 hingga 1,403 hari dari tarikh asal yang ditetapkan mengikut kontrak.</p>	
25.5.2.2.b.ii	<p>Lanjutan Masa Kedua Bagi Pakej Kerja EM2 Masih Belum Dimuktamadkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Klausula 44.2 <i>Condition of Contract</i> menyatakan kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada wakil majikan sebab berlaku kelewatan kepada <i>Substantial Completion</i> atau <i>Key Event</i> dalam tempoh 14 hari sebelum kontrak semasa tamat. Klausula 44.7 <i>Condition of Contract</i> pula menyatakan SHSB boleh meluluskan lanjutan masa sekiranya kontraktor layak. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi pakej EM2 iaitu IMPSA telah diluluskan lanjutan masa pertama selama 22 bulan 8 hari dari 30 November 2009 hingga 8 Oktober 2011. Pada 12 April 2012, Perjanjian Tambahan ditandatangani di mana klausula 2.3 menghendaki IMPSA untuk menyerahkan <i>Revised Programme</i> dalam tempoh 120 hari. IMPSA juga telah menyerahkan <i>Revised Programme</i> bersama permohonan penilaian lanjutan masa kedua pada 5 Julai 2012. Bagaimanapun, pihak SHSB meminta IMPSA menyerahkan semula permohonan serta justifikasi lengkap bagi membolehkan SHSB menilai sama ada lanjutan masa dibuat kepada <i>key events</i> atau keseluruhan kerja. - Semakan Audit selanjutnya mendapati meskipun lanjutan masa pertama telah loput bermula 9 Oktober 2011, SHSB tidak mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja bagi menuntut Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM1.3 juta sehari sekiranya kelewatan kontraktor dalam menyiapkan <i>Substantial Completion of Works</i>. Kesannya, masa kontrak selepas 8 Oktober 2011 adalah dalam keadaan tergantung iaitu <i>time is at large</i>. Keadaan ini juga menyebabkan anggaran kerugian berjumlah RM555.1 juta kepada SHSB sehingga bulan Disember 2012 kerana notis bagi membolehkan LAD dikenakan tidak dikeluarkan. <p>Pada pendapat Audit, tindakan SHSB tidak mengeluarkan notis atau Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja boleh menyebabkan syarat LAD tidak boleh dikuatkuasakan kerana masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>SHSB tidak mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja untuk pakej EM2 kerana Kontraktor telah membuat permohonan tuntutan lanjutan masa selama 28 bulan tanpa memberikan justifikasi yang lengkap. Permohonan tersebut sedang dalam semakan/penilaian pasukan projek yang akan memberikan laporan/cadangan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kepada Employer's Representative untuk keputusan rasmi dalam tempoh terdekat.</i></p> <p><i>SHSB tidak memuktamadkan lanjutan masa kedua sebelum lanjutan masa pertama tamat disebabkan kontraktor telah gagal memberikan justifikasi mengenai peristiwa yang membawa kepada kelewatan seperti yang didakwa. Klausa 2.3 Perjanjian Tambahan bertarikh 12 April 2012-penyelesaian mengenai lanjutan dibuat dalam tempoh 120 hari dari tarikh penyerahan revised programme oleh kontraktor. Dengan revised programme bertarikh 17 April 2012, asas permohonan lanjutan masa masih gagal dikemukakan oleh kontraktor walaupun sekali lagi diminta melalui surat bertarikh 30 Ogos 2012.</i></p> <p><i>Ahli Lembaga Pengarah telah dimaklumkan oleh pihak pengurusan pada 20 November 2012 mengenai isu kegagalan kontraktor memberikan justifikasi lanjutan masa bagi pihak SHSB mengeluarkan perakuan lanjutan masa yang difikirkan munasabah pada bulan Mac 2013. Memandangkan kebanyakannya komponen utama peralatan dan perkakasan telah pun berada di tapak bina dan kerja berjalan lancar, kontraktor akan dimaklumkan mengenai pengenaan LAD yang akan dikira selepas dari tarikh siap baru yang tercatat dalam perakuan lanjutan masa kedua tertakluk kepada jumlah maksimum 20% daripada nilai harga kontrak.</i></p> <p><i>Sebelum ini, pihak SHSB sangat berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan mengenakan LAD kerana bimbang akan memberi kesan kepada kemajuan kerja ekoran dari status aliran tunai kontraktor yang amat kritikal, hutang dengan sub kontraktor, pembekal dan bank serta kebanyakannya komponen utama peralatan dan perkakasan bagi kerja pakej ini masih belum sampai ke tapak bina ketika tempoh kontrak di bawah lanjutan masa pertama tamat. Jika berlakunya penamatkan kontrak, boleh mengakibatkan projek tertangguh lebih lama dan SHSB akan menanggung kerugian yang lebih teruk akibat kegagalan memenuhi terma dan syarat PPA.</i></p>	
25.5.2.2.b.ii	Penjadualan Semula Penyerahan Unit Turbin	
	<p>Lanjutan masa yang diluluskan bagi pakej kerja EM1 dan EM2 menyebabkan program kerja bagi penyerahan 8 unit turbin terpaksa ditukar sebanyak 2 kali daripada bulan serahan asal.</p>	
	Bon Pelaksanaan Tamat Tempoh Bagi Pakej Kerja EM2	
	Mengikut kontrak kerja bagi pakej EM2, klausa 10.1 <i>Condition of Contract</i> menyatakan kontraktor hendaklah memperbaharui bon pelaksanaan supaya kekal sah sehingga 6 bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan. Manakala klausa 10.4 <i>Condition of Contract</i> menyatakan SHSB boleh menahan apa-apa bayaran kepada kontraktor sehingga bon pelaksanaan diperbaharui.	Mesin pertama Pakej Kerja EM2 (IMPSA) iaitu Unit 4 akan siap mengikut jadual kerja dan boleh beroperasi pada 14 Ogos 2013. Tetapi dari prestasi kemajuan kerja, ujian dan mula tugas yang sedang dijalankan ketika ini menunjukkan Unit 4 kemungkinan besar boleh menjana tenaga pada minggu pertama Julai 2013;

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Semakan Audit mendapati Perjanjian Tambahan pertama bertarikh 25 Julai 2008 telah melanjutkan tarikh siap asal dari 30 November 2009 kepada 8 Oktober 2011. Pihak IMPSA telah memperbaharui bon pelaksanaan berjumlah RM23.20 juta di mana bon ini berkuat kuasa sehingga 8 Oktober 2011. Memandangkan tarikh penyerahan siap kerja telah loput dan kerja masih berjalan, SHSB pada bulan Disember 2011 telah meminta kontraktor memperbaharui bon pelaksanaan sehingga 31 Januari 2014. Pada bulan Mei 2012, surat peringatan kedua telah dikeluarkan. Bagaimanapun, pihak IMPSA meminta SHSB menyelesaikan isu lanjutan masa kedua sebelum bon pelaksanaan diperbaharui. SHSB seterusnya telah menghantar 3 peringatan kepada kontraktor bertarikh 11 Jun 2012, 24 Julai 2012 dan 16 Ogos 2012 serta menyatakan isu pembaharuan bon pelaksanaan adalah berbeza dengan isu lanjutan masa. SHSB juga telah mengambil tindakan menahan bayaran ke-4 tuntutan penyelesaian berjumlah RM10 juta pada bulan September 2012. Bagaimanapun, berdasarkan kemajuan kerja semasa, pihak pengurusan bersetuju membayar semula bayaran tersebut. Pertikaian bagi memperbaharui isu bon pelaksanaan bagi pakej EM2 ini adalah kerana pihak IMPSA berpandangan SHSB perlu menyelesaikan isu lanjutan masa sebelum bon pelaksanaan diperbaharui.</p> <p>Pada pendapat Audit, isu pembaharuan bon pelaksanaan perlu diselesaikan segera bagi menjamin kepentingan SHSB sekiranya pihak IMPSA gagal melaksanakan tanggungjawab. Penyelesaian antara SHSB dan IMPSA adalah penting supaya SHSB tidak terdedah kepada risiko implikasi kedudukan kewangan syarikat.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</p> <p><i>Isu memperbaharui nilai dan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan telah dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 20 November 2012 setelah semua usaha SHSB tidak berkesan. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah SHSB telah memutuskan agar isu bon ditangguhkan sehingga Unit no.4 disiapkan supaya tanggungjawab Syarikat untuk membekalkan 745mw tenaga elektrik pada tahun 2013 mengikut terma PPA dapat tercapai. Perlu ditekankan bahawa sebarang gangguan pada aliran tunai Kontraktor yang memang berada dalam keadaan yang amat kritikal akan memberi kesan langsung kepada aktiviti pakej kerja EM2 di tapak binaan.</i></p> <p><i>SHSB yakin bahawa Kontraktor tidak akan meninggalkan kerja mereka separuh jalan yang bernilai dalam lingkungan RM16.986 juta bagi menjaga nama dan imej mereka di peringkat antarabangsa. Di samping itu semua bahan dan peralatan yang diperlukan telah ditempah dan sebahagian besar (lebih 90%) telah pun berada di tapak projek.</i></p>	<p>iaitu 1.5 bulan awal daripada jadual kerja yang dirancangkan.</p> <p>Jika ini terjadi ianya dapat menyelamatkan Syarikat dari penalti yang akan dikenakan oleh pihak SESCO sebanyak RM1.2 juta/hari yang mana berjumlah:- 45 hari x RM1.2 juta/hari = RM54 juta.</p> <p>Oleh itu Lembaga Pengarah SHSB telah bersetuju dalam mesyuarat pada 20 November 2012 untuk menangguhkan isu bon ini sehingga Unit no.4 disiapkan supaya tanggungjawab Syarikat untuk membekalkan 745MW tenaga elektrik pada tahun 2013 mengikut terma PPA dapat tercapai dan penalti sebanyak RM54 juta dapat dielakkan. Perlu ditekankan bahawa sebarang gangguan pada aliran tunai Kontraktor yang memang berada dalam keadaan yang amat kritikal akan memberi kesan langsung kepada aktiviti pakej kerja EM2 di tapak binaan.</p> <p>Apabila keadaan Unit 4 telah diketahui, Lembaga Pengarah SHSB akan membuat keputusan mengenai isu lanjutan Bon ini. Perlu ditekankan, pihak Syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah SHSB senantiasa sedar dan meletakkan kepentingan Syarikat dalam segala perkara yang diputuskan. SHSB yakin bahawa Kontraktor tidak akan meninggalkan kerja mereka separuh jalan yang bernilai dalam lingkungan RM16.986 juta bagi menjaga nama dan imej mereka di peringkat antarabangsa. Di samping itu semua bahan dan peralatan yang diperlukan telah ditempah dan sebahagian besar (lebih 90%) telah pun berada di tapak projek.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.2.b.iv	<p>Taking Over Certificate (TOC) Bagi Pakej Kerja CW2 Lewat Dikeluarkan</p> <p>Klausula 48.1 - <i>Taking Over Certificate (TOC)</i> menyatakan dalam tempoh 21 hari selepas menerima notis penyiapan daripada kontraktor, wakil majikan hendaklah mengeluarkan TOC manakala klausula 48.2 <i>Substantial Completion of Parts</i> pula menyatakan wakil majikan boleh mengeluarkan TOC mengikut budi bicara sekiranya kerja asal telah disiapkan dan memberi arahan kepada kontraktor untuk membaiki kerja kecacatan yang dikenal pasti untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sebelum TOC muktamad dikeluarkan. Tempoh liabiliti kecacatan adalah selama 2 tahun dikira bermula daripada tarikh siap kerja dalam TOC.</p> <p>Semakan Audit terhadap TOC bagi pakej kerja CW2 mendapat, TOC 02, TOC 03 dan TOC 04 telah dikeluarkan pada 26 Julai 2012 meskipun tarikh pengambilalihan kerja yang tercatat di TOC adalah pada 13 Oktober 2010 dan 28 Disember 2010. Selanjutnya, pihak Audit juga mendapat <i>Final TOC</i> dikeluarkan pada tarikh yang sama iaitu 26 Julai 2012 sedangkan tarikh pengambilalihan bagi keseluruhan kerja adalah pada 28 Disember 2010.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pengeluaran sijil TOC selama 2 tahun menyebabkan arahan tidak dibuat secara formal kepada kontraktor bagi membaiki kerja kecacatan yang dikenal pasti untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sebelum TOC muktamad dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</p> <p><i>Sijil Pengambilalihan Kerja pakej CW2 lewat dikeluarkan atas beberapa sebab seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>kelewatan menerima persetujuan ke atas punch list items yang perlu dikeluarkan bersama sijil berkenaan;</i> ii. <i>berdasarkan senarai punch list items tersebut, kontraktor telah diarah supaya menyiapkan terlebih dahulu beberapa items yang melibatkan security, safety and environment sebelum sijil boleh dikeluarkan;</i> iii. <i>rujukan juga telah dibuat kepada sepucuk surat daripada pihak SHSB kepada kontraktor CW2 bertarikh 20 September 2010 di mana pihak SHSB telah menyatakan bahawa sekiranya kontraktor dapat menyiapkan beberapa aktiviti kritikal seperti yang tersenarai bagi membolehkan kontraktor EM1 melaksanakan commissioning activities, maka ianya merupakan keperluan minimum bagi pihak SHSB untuk mempertimbangkan bahawa kontraktor telah mencapai penyiapan</i> 	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.2.2.b.iv

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerja (<i>Substantial Completion of the Works</i>); dan</p> <p>iv. kontraktor EM1 akhirnya dapat melaksanakan <i>commissioning activities</i> bagi Unit 8 pada 28 Disember 2010 dan bagi memenuhi janji yang dibuat dalam surat bertarikh 20 September 2010, maka tarikh Siap Keseluruhan Kerja telah ditetapkan pada tarikh tersebut, 2 tahun ke belakang berbanding tarikh TOC dikeluarkan.</p>	
25.5.2.2.b.v	<p>Tuntutan Daripada Kontraktor Kesan Daripada Kelewatan Dan Gangguan Kerja</p> <p>Berdasarkan kontrak, pakej kerja sivil (CW2) perlu disiapkan pada bulan September 2007. Bagaimanapun, lanjutan masa telah diberikan selama 932 hari di mana tarikh kontrak semasa berkuat kuasa adalah sehingga bulan April 2010. Selanjutnya, berdasarkan <i>Overall Project Program</i> bertarikh 20 Jun 2007, <i>Substantial Completion</i> bagi pakej kerja CW2 adalah pada bulan Jun 2010. Melalui semakan Audit, antara faktor penyebab kepada kelewatan dan gangguan kerja secara keseluruhannya adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - kelemahan kontraktor dalam perancangan dan pengurusan projek (CW2, EM1 dan EM2); - pembahagian kerja oleh kontraktor CW2 yang dilakukan secara subkontraktor di mana setiap subkontraktor adalah melalui tender; - keputusan Kerajaan bagi menambah bilangan turbin daripada 3 kepada 8 menyebabkan tambahan kerja sivil di <i>Powerhouse</i>; - kelewatan dalam proses kelulusan Kerajaan Negeri Sarawak bagi memulakan takungan air; - kelewatan dan gangguan kerja kepada pemasangan <i>draft tube</i> daripada kontraktor IMPSA; dan - kekangan penggunaan <i>powerhouse crane</i> yang dihadapi oleh kontraktor IMPSA. <p>Kesan daripada kelewatan dan gangguan kerja, kontraktor bagi pakej kerja Elektro-Mekanikal iaitu ALSTOM dan IMPSA telah membuat tuntutan berjumlah RM259.57 juta dan RM757.20 juta masing-masing kepada SHSB kesan daripada kenaikan kos bahan dan buruh. Lembaga Pengarah SHSB telah meluluskan sejumlah RM130 juta bagi tuntutan ALSTOM, manakala bagi kes tuntutan IMPSA sejumlah RM301.59 juta diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Tuntutan ini menyebabkan peningkatan kos operasi serta implikasi kewangan kepada SHSB.</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.2.2.b.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 15 Februari 2013</p> <p><i>Pihak SHSB bersetuju dengan kenyataan Jabatan Audit Negara bahawa berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek ini secara keseluruhannya dan ia disebabkan oleh semua pihak yang terlibat. Perlu ditekankan bahawa tuntutan oleh pakej EM1 dan EM2 telah disemak dengan teliti dari sudut entitlement dan juga dokumen sokongan oleh pihak SHSB. Dalam kes tuntutan sejumlah RM156.29 juta yang diluluskan oleh MOF bagi pakej EM2, ia telah disemak dan disyorkan oleh mediator yang dilantik atas persetujuan kedua-dua pihak.</i></p>	
25.5.2.2.b.vi	<p>Program Latihan Di Bawah Pakej Kerja CW2</p> <p>Klausula 49.1A kontrak kerja sivil CW2 menyatakan kontraktor perlu memberi latihan yang komprehensif bagi operasi dan penyenggaraan kerja. Kos dan perbelanjaan latihan tersebut diambil kira dalam penetapan harga kontrak. Semakan Audit mendapati sejumlah RM4.98 juta ditetapkan sebagai bayaran program latihan seperti dalam dokumen kontrak. Berdasarkan bayaran kemajuan bil. 100, sejumlah RM2.75 juta telah dibayar kepada kontraktor dan baki bayaran akan dibayar mengikut program latihan yang diadakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, memandangkan tempoh kecacatan bagi pakej kerja sivil keseluruhan tamat pada 27 Disember 2012, pihak SHSB perlu membuat perancangan sama ada untuk mengeluarkan perubahan kerja di bawah item <i>omission</i> dan melaksanakan dasar penjimatan atau menjalankan program latihan sebelum berakhirnya tempoh penutupan akaun kontrak.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</p> <p><i>SHSB telah membuat perancangan bersama kontraktor CW2 untuk menghabiskan baki program latihan pada hujung tahun 2012. Nama pegawai teknikal yang terpilih untuk mengikuti program tersebut juga telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah SHSB dan telah dimaklumkan kepada Kontraktor. Bagaimanapun, program berkenaan terpaksa ditangguhkan buat sementara kerana kekangan kerja di tapak projek yang memerlukan kehadiran semua pihak. Persetujuan telah pun dicapai dengan Kontraktor CW2 untuk menjadualkan semula program tersebut dan dijangka selesai pada suku pertama tahun ini.</i></p>	Program Latihan di bawah Pakej Kerja CW2 telah dilaksanakan dan selesai pada 20 April 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.2.2.c	<p>Pewartaan Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan Di Stesen Hidroelektrik Bakun</p> <p>Stesen Hidroelektrik Bakun telah disenaraikan sebagai Sasaran Penting I Negeri Sarawak dan diluluskan untuk diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) pada bulan April 2011 oleh Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting. Pewartaan KLTL adalah penting untuk memastikan kepentingan dan tahap keselamatan terutama di kawasan pepasangan dan bangunan jana kuasa pada tahap yang selamat. Bagaimanapun, stesen Hidroelektrik Bakun serta kawasan persekitaran masih belum diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL). Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, pejabat berkenaan masih belum menerima permohonan untuk pewartaan stesen Hidroelektrik Bakun kerana pelan kawasan/tempat yang perlu diwartakan masih belum dimuktamadkan oleh Pejabat Tanah Dan Survei Sarawak.</p> <p><i>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</i></p> <p><i>Hasil daripada teguran Jabatan Audit Negara, SHSB telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak pada 23 Januari 2013 bagi memaklumkan status terkini permohonan pewartaan dan menyegerakan proses pewartaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, SHSB masih perlu mengadakan perundingan berterusan dengan pihak Kementerian Kemudahan Awam Sarawak untuk memuktamadkan pelan kawasan/tempat larangan bagi tujuan pewartaan.</p>	<p>SHSB telah berhubung dengan pihak Kementerian Kemudahan Awam Sarawak melalui surat bertarikh pada 19 April 2013 dan pihak kementerian telah memaklumkan melalui surat bertarikh 23 April 2013 bahawa keputusan masih lagi dalam pertimbangan.</p>
25.5.2.2.d	<p>Sistem Keselamatan Di Tapak Projek Tidak Berfungsi</p> <p>Sistem keselamatan adalah penting bagi melindungi sesuatu tempat daripada dicerobohi. Lawatan Audit pada 7 November 2012 ke <i>Powerhouse</i> dan <i>Switchyard</i> mendapati sistem kawalan keselamatan iaitu Kamera Litar Tertutup (CCTV), Sistem Akses Kad dan <i>E-fencing</i> tidak berfungsi. Semakan Audit selanjutnya mendapati CCTV di bangunan <i>Powerhouse</i> dan <i>Switchyard Control Building</i> tidak berfungsi sejak bulan Mac dan Julai 2012 disebabkan oleh <i>CCTV Server faulty/crash</i>. Bagi Sistem Akses Kad dan <i>E-fencing</i>, pihak Audit mendapati kedua-dua sistem keselamatan tersebut telah dipasang tetapi masih belum dijalankan pengujian dan petaulahan sungguhpun TOC telah dikeluarkan pada akhir bulan Januari 2012. Hal ini memberi risiko kepada SHSB kerana aktiviti/pergerakan keluar masuk ke bangunan <i>Powerhouse</i>, <i>Power Intake</i>, <i>Spillway</i> dan <i>Switchyard Control Building</i> tidak dapat dipantau dan dikesan meskipun terdapat pengawal keselamatan bertugas di</p>	<p>Kerja-kerja penyelenggaraan Data Center untuk memastikan ia bersih dari gas H_2S dijangka siap akhir Mei 2013. Dalam pada itu, peralatan-peralatan server dan workstation untuk fungsi CCTV, Akses Kad dan E-fencing juga telah rosak dan sedang di dalam proses untuk dibaikpulih.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pintu masuk utama.</p> <p>Pada pendapat Audit, SHSB perlu memastikan sistem keselamatan di tapak projek sentiasa berfungsi bagi mencegah risiko pencerobohan.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013</p> <p><i>Pihak kontraktor pernah mencuba untuk membaiki sistem keselamatan tersebut namun masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya disebabkan oleh masalah server yang kerap rosak dengan kehadiran gas hidrogen sulfat (H2S). Pihak SHSB telah mengambil langkah untuk memulakan kerja penyenggaraan Data Center bagi memastikan ianya bersih dari gas H2S. Setelah proses penyenggaraan selesai, server tersebut akan ditempatkan/dipindahkan ke dalam Data Center. Di samping itu, pihak SHSB juga telah mengambil langkah untuk menambahkan lagi bilangan pengawal keselamatan bertugas daripada 18 orang ke 30 orang untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan serta pemantauan operasi dan aktiviti di Bakun.</i></p>	
25.5.2.2.e.i	<p>Pelupusan Sisa Buangan Balak Menggunakan Kaedah <i>Trench Type Burner</i></p> <p>Wargana Consortium Sdn. Bhd. (WCSB) dilantik pada bulan Mac 2011 bagi menjalankan kerja pembersihan sisa buangan balak dengan kos permulaan kontrak berjumlah RM14.56 juta untuk tempoh kerja selama 2 tahun dan boleh dilanjutkan selama 12 bulan. Nilai kontrak telah diubah pada bulan September 2012 kepada RM21.70 juta dengan penambahan kos berjumlah RM7.14 juta. <i>Green Burner</i> yang dicadangkan oleh kontraktor bernilai RM0.38 juta telah dibina bagi membakar sisa balak dan biomas yang dikutip. Kelulusan NREB telah diperoleh pada bulan Jun 2011. Semakan Audit mendapati pada bulan November 2011, WCSB telah membuat permohonan secara bertulis kepada SHSB bagi menjalankan <i>Trench Type Burner</i> memandangkan <i>Green Burner</i> tidak dapat menampung pelupusan jumlah kutipan kuantiti sisa balak. Bagaimanapun, kaedah pelupusan secara <i>Trench Type Burner</i> masih belum diberi sebarang kelulusan oleh NREB kerana masih dalam peringkat percubaan dan <i>pilot</i> untuk kaedah pelupusan sisa tumbuhan di kawasan projek hidro.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 15 Februari 2013</p> <p><i>Trench Type Burner menggunakan konsep pembakaran yang sama seperti Green Burner. Melalui surat kontraktor bertarikh 25 Januari 2012, pihak WCSB telah memaklumkan kepada NREB untuk membina Trench Type Burner bagi menampung penambahan kutipan sisa balak. Maklum balas daripada NREB diterima pada</i></p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.2.2.e.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>10 September 2012 dan sebarang bantahan terkandung di dalam surat yang diterima ini bagi penggunaan Trench Type Burner.</i></p>	
25.5.2.2.f.i	<p>Juruaudit Bebas Alam Sekitar - Lokasi Penempatan Water Quality Continuous Monitoring Station (CMS)</p> <p>Berdasarkan terma dan syarat perlindungan alam sekitar bagi kolam tadahan air, SHSB perlu melantik Juruaudit Bebas Alam Sekitar bagi memantau kesan pelaksanaan projek kepada alam sekitar serta menyediakan laporan setiap sukuhan tahun kepada NREB dan SHSB. Gunung-Ganang Corporation Sdn. Bhd. (GGCSB) telah dilantik sebagai Juruaudit Bebas Alam Sekitar berdasarkan perjanjian pada 13 November 2006. Skop kerja bagi perjanjian ini adalah audit bebas alam sekitar, semakan dokumen dan penyediaan laporan tahunan, analisis impak penakungan terhadap kolam tadahan air, <i>Environmental Baseline Survey</i> serta menyediakan pelan pelupusan biomas.</p> <p>Bagi memantau sebarang perubahan kesan kepada kolam takungan, 4 CMS telah dipasang di Kapit, Kanowit, Sibu dan Bakun (Jadual 16). Bagaimanapun semasa lawatan Audit pada 7 November 2012, CMS Bakun tidak dapat dikesan. Berdasarkan penjelasan pihak SHSB, CMS Bakun telah dimusnahkan oleh air yang deras daripada <i>spillway</i> dan tidak beroperasi sejak kolam tadahan air dilepaskan pada 11 November 2011. Lokasi stesen yang dipasang ini adalah tidak sesuai memandangkan aliran air yang deras daripada <i>spillway</i> telah menutupi CMS tersebut. Semakan Audit mendapati, pada bulan September 2008, pihak GGCSB mencadangkan tapak yang sesuai bagi pemasangan CMS Bakun iaitu 1 kilometer daripada hiliran Camp 1 di mana aliran sungai adalah stabil dan aliran utama sungai adalah di kanan tebing sungai. Bagaimanapun, atas faktor keselamatan dan memudahkan pemantauan, SHSB memutuskan supaya CMS Bakun dipasang di <i>Hap Rapid</i> yang berhampiran pejabat SHSB. Sepanjang CMS Bakun ini tidak berfungsi GGCSB memantau kualiti air sungai secara manual. Memandangkan lokasi penempatan tidak bersesuaian, objektif pemasangan dan peranan CMS Bakun bagi mengesan sebarang perubahan kualiti air semasa kolam takungan air dimulakan adalah tidak tercapai.</p> <p>Pada pendapat Audit, perbelanjaan sejumlah RM0.28 juta tidak dapat dimanfaatkan secara optimum bagi memastikan SHSB mendapat <i>value for money</i> terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan kerana ketidaksesuaian lokasi penempatan CMS Bakun.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 22 Mac 2013</p>	<p>Lokasi CMS yang baru akan diputuskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Mei 2013 ini. Seterusnya pemasangan akan dilakukan dengan segera supaya pemantauan kualiti air hilir akan dapat diteruskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>CMS dipasang berdekatan dengan spillway bagi membolehkan pihak konsultan (GGCSB) membuat pemantauan kualiti air di hilir sungai kawasan empangan yang datang daripada terowong lencongan sebelum takungan dan juga campuran air daripada penjanaan kuasa dan lepasan melalui spillway semasa operasi. Tapak pemasangan CMS yang telah disarankan oleh GGCSB iaitu 1 kilometer daripada hiliran Camp 1 tidak mempunyai jalan masuk. Oleh itu, kos anggaran dari GGCSB bagi pembinaan CMS dan jalan masuk adalah tinggi di mana jumlah keseluruhan kos bagi pilihan pertama adalah RM1.25 juta dan RM1.10 juta bagi pilihan kedua.</p> <p>Memandangkan Stesen Hidrologi telah dipasang di Hap Rapid yang berada di bawah pejabat tapak, SHSB membuat keputusan untuk membuat pemasangan CMS di tapak yang sama bagi menjimatkan kos serta memudahkan kerja-kerja pemantauan dibuat. Kos pemasangan CMS yang berada di Hap Rapid bawah pejabat SHSB bernilai RM280,000.</p> <p>Namun demikian, objektif bagi pemantauan kualiti air sebelum proses takungan telah tercapai berdasarkan laporan dan bacaan yang telah dibuat oleh GGCSB. Bagaimanapun, CMS tidak dapat berfungsi selepas kolam tahanan air dilepaskan melalui spillway pada 11 November 2011. Oleh itu, bacaan terakhir yang diperolehi dari CMS Bakun adalah pada 18 Oktober 2011. Pihak SHSB akan mengambil tindakan bagi memindahkan CMS tersebut ke tempat yang lebih sesuai untuk meneruskan pemantauan kualiti air di hilir sungai bagi memenuhi arahan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak.</p>	
25.5.2.2.f.ii	<p>Pengambilalihan Peralatan</p> <p>Berdasarkan klausula 7A.(7) kontrak, GGCSB perlu menyerahkan semula peralatan setelah kontrak tamat. Pada bulan Januari 2012, pihak GGCSB ada mencadangkan pengambilalihan peralatan tersebut sebelum kontrak tamat antaranya penyenggaraan 4 CMS dan tukar hak milik kenderaan jenis Toyota HILUX Twin Cab. Pada bulan Mei 2012, pihak GGCSB sekali lagi mencadangkan pelan pengambilalihan untuk perhatian SHSB. Bagaimanapun, sehingga bulan November 2012, semakan Audit mendapati tiada tindakan di pihak SHSB bagi pengambilalihan peralatan ini sungguhpun kontrak telah tamat pada 31 Ogos 2012.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013 Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>Pengambilalihan peralatan daripada GGCSB telah ditangguhkan kerana pihak SHSB masih dalam perundingan/pertimbangan untuk meneruskan kontrak bersama GGCSB bagi mengendalikan dua stesen CMS (Kapit/Kanowit). Pada 1 Februari 2013, pihak GGCSB telah menghantar cadangan kos untuk mengendalikan 2 stesen</i></p>	<p>SHSB masih mengekalkan perkhidmatan GGCSB untuk menjaga peralatan-peralatan dan CMS sehingga diputuskan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 13 Mei 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>CMS (Kapit/Kanowit). Pihak SHSB bercadang untuk mengadakan perbincangan dan rundingan harga dengan GGCSB pada akhir bulan Februari 2013.</i></p>	
25.5.3.1	<p>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat - Rancangan Korporat</p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) dan menetapkan strateginya bagi mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Semakan Audit terhadap dokumen dan temu bual dengan Pengarah Urusan dan kakitangan syarikat mendapat perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang bagi syarikat ini masih belum disediakan memandangkan tumpuan dan matlamat SHSB adalah menyiapkan pakej kerja serta masalah berkaitan bagi projek Bakun. Hal ini menyebabkan tiada garis panduan bertulis disediakan bagi memantapkan pengurusan projek dan perancangan jangka panjang bagi output yang dikeluarkan oleh projek Bakun. Bagaimanapun, model kewangan syarikat ada disediakan oleh perunding yang dilantik.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan perlu memberi perhatian kepada penyediaan perancangan strategik syarikat bagi menentukan hala tuju syarikat. Garis panduan yang jelas dan komprehensif perlu disediakan bagi memastikan program yang hendak dilaksanakan adalah menyeluruh, sistematik serta mencapai <i>outcome</i> dan objektif yang telah ditetapkan. Perbincangan antara SHSB, MOF dan MKD perlu diadakan bagi mencapai kata persetujuan berkaitan hala tuju penubuhan dan pencapaian matlamat SHSB.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>Pihak SHSB bersetuju dengan pandangan Jabatan Audit Negara. SHSB menggunakan rujukan panduan daripada TNB dan juga JKR. Sebagai tindakan penambahbaikan, sebuah syarikat telah dilantik untuk menggubal Manual Pengurusan Perolehan dan draf dokumen dijangka akan disiapkan pada bulan Mac 2013. Kelulusan berhubung perkara ini akan diperoleh daripada Ahli Lembaga Pengarah yang dijangka pada bulan Mei atau Jun 2013.</i></p>	<p>Draf dokumen Manual Pengurusan Perolehan dijangka siap pada 7 Mei 2013. Kelulusan berhubung perkara ini akan diperolehi daripada Ahli Lembaga Pengarah yang dijangka bersidang pada bulan Jun atau Julai 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.3.2.a	<p>Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Kontrak Kerja Pengubahsuaian Di Bangunan CP Tower</p> <p>Kerja pengubahsuaian bernilai RM2.50 juta terhadap Aras 19 Bangunan CP Tower telah diberikan kepada Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn. Bhd. Tempoh kerja adalah selama 9 minggu iaitu dari bulan Jun hingga Ogos 2012. Semakan Audit mendapati kerja pengubahsuaian siap pada 3 Ogos 2012 dan <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> bersama senarai <i>outstanding items</i> dikeluarkan pada 8 Oktober 2012. Mengikut temu bual dengan pegawai SHSB, projek pengubahsuaian dilaksanakan secara <i>fast track</i>. Semakan Audit selanjutnya mendapati 3 Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan pada 23 Oktober 2012 dan satu APK pada 24 Oktober 2012. Ini bermakna Bahagian Kontrak hanya mengeluarkan APK secara rasmi selepas tarikh CPC dikeluarkan. Pada pendapat Audit, SHSB perlu lebih teliti dalam perancangan projek sebelum ditender serta dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari 2013 Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>SHSB telah menerima arahan untuk mengosongkan ruang pejabat di Aras 5 dan 6, Blok F, Kompleks Kerajaan Bukit Perdana pada akhir Disember 2012 dan sehubungan itu tender ubah suai pejabat baru di CP Tower telah dirancang supaya siap untuk diduduki pada bulan Disember 2012. Namun demikian, Arahan daripada Pejabat Setiausaha Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri telah diterima melalui surat bertarikh 23 Julai 2012 yang menyatakan bahawa pihak SHSB perlu mengosongkan ruang pejabat di Kompleks Kerajaan Bukit Perdana selewat-lewatnya 1 Ogos 2012. Oleh yang demikian kontrak ubah suai CP Tower terpaksa dibuat secara <i>fast track</i> dan kebanyakan kerja perubahan telah dibuat secara lisan dan dimuktamadkan secara bertulis setelah penyiapan kerja. Namun begitu, Pengarah Urusan sentiasa dimaklumkan mengenai sebarang perubahan oleh mana-mana pegawai yang mengeluarkan arahan lisan berkenaan. Manakala Arahan Perubahan Kerja yang bernilai RM0.32 juta adalah bersamaan dengan 12.8% daripada jumlah kontrak asal iaitu RM2.50 juta yang tidak melebihi 20%. Pihak SHSB akan lebih berhati-hati dan membuat perancangan yang lebih rapi untuk projek yang akan datang.</i></p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 25.5.3.2.a
25.5.3.2.b	<p>Pengurusan Pinjaman</p> <p>Bagi membiayai projek Bakun, SHSB telah membuat pinjaman berjangka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Sehingga bulan Disember 2012, jumlah pinjaman berjangka SHSB daripada kedua-dua institusi tersebut adalah RM5.75 bilion di mana RM5.35 bilion diperoleh daripada KWSP dan RM400 juta daripada KWAP. Semakan Audit</p>	-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mendapati 2 pinjaman berjangka sepatutnya dilunaskan oleh SHSB pada tahun 2012. Bagaimanapun, pinjaman tersebut telah diluluskan pelanjutan tempoh bayaran balik pinjaman oleh institusi berkenaan tanpa sebarang <i>fee tambahan</i>. Pada tahun 2010, belanja faedah atas pinjaman ini berjumlah RM897.42 juta berbanding RM642.21 juta pada tahun 2009.</p>	
25.5.3.2.c	<p>Perekodan Daftar Aset</p> <p>Akta Syarikat 1965 menetapkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap, teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit pada bulan November 2012 terhadap daftar aset yang diselenggara mendapati daftar tersebut hanya dikemas kini sehingga bulan Mei 2012. Bagaimanapun daftar yang diselenggara ini masih belum menyenaraikan aset baru di bangunan CP Tower dan juga aset yang telah diberikan <i>Final Taking Over Certificate</i> di bawah pakej kerja CW2. Sekiranya urusan pendaftaran aset tidak dibuat, risiko kehilangan aset adalah tinggi tanpa rekod pengesahan. Seterusnya, pihak Audit juga mendapati urusan pelabelan aset masih belum dijalankan.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 15 Februari 2013</p> <p><i>Senarai aset di CP Tower dan juga aset yang diambil alih dari pakej CW2 telah dikemas kini sehingga bulan Disember 2012. Bagi tujuan penambahbaikan, pihak SHSB dalam perancangan untuk mengemas kini rekod pelabelan serta penempatan aset. Proses ini akan mengambil masa selama 2 bulan meliputi aset di Ibu Pejabat dan juga di lokasi tapak. Pihak SHSB menjangkakan ianya akan selesai pada hujung bulan April 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit SHSB perlu memastikan daftar aset syarikat disediakan dengan lengkap dan kemas kini pada setiap masa. Secara keseluruhan, tadbir urus korporat, pengurusan kewangan SHSB serta pengurusan sumber manusia meliputi prosedur pembayaran bonus, gaji serta kaedah pengambilan kakitangan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali perkara yang dibangkitkan di perenggan di atas.</p>	<p>Proses pelabelan aset di Ibu Pejabat telah selesai pada awal bulan April 2013. Manakala, proses pelabelan aset di lokasi tapak ditangguhkan buat sementara waktu berikutan keputusan pihak pengurusan untuk mengambil alih aset dari pihak MCHJV. Proses pelabelan akan diteruskan apabila proses pengambilalihan dan perekodan aset-aset tersebut siap. Ianya dijangkakan siap pada hujung Jun 2013.</p>
25.5.4.1	<p>Pemantauan Subsidiari</p> <p>SHSB telah menujuhkan syarikat subsidiari iaitu Sarawakhidro Power Sdn. Bhd. (Sarawakhidro Power) pada 1 Ogos 2011 dengan modal berbayar RM2. Semakan Audit mendapati syarikat ini masih belum beroperasi sepenuhnya di mana urusan kewangan serta pentadbiran subsidiari ini masih di bawah seliaan SHSB. Dari segi tadbir urus, 4 orang ahli Lembaga Pengarah dilantik di mana Lembaga Pengarah ini</p>	<p>Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Sarawak Hidro Bhd yang diadakan di Bakun pada 4 Mac 2013 telah membuat keputusan bahawa aktiviti Operasi & Penyelenggaraan (O&M) diambil alih oleh SarawakHidro Power Sdn Bhd berkuatkuasa pada 1 Jun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>telah mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali sejak penubuhan syarikat. Sehingga bulan Disember 2012, SHSB telah menyalurkan pendahuluan kepada Sarawakhidro Power berjumlah RM16 juta. Syarikat ini ditubuhkan dengan 3 objektif utama iaitu:</p> <p>Menjalankan perniagaan yang mempunyai hubung kait dengan stesen kuasa hidroelektrik dari aspek pengurusan, khidmat nasihat/perundingan serta pembekal tenaga kepada orang persendirian atau organisasi di Malaysia dan di luar Negara.</p>	
25.5.4.2	<p>Memeterai kontrak atau perjanjian bagi mengendalikan dan mengekalkan penjanaan tenaga dan peralatan lain, menyewa atau memajak peralatan berkaitan aktiviti penjanaan tenaga.</p>	
25.5.4.3	<p>Membuat pelaburan serta menguruskan perniagaan berkaitan pelancongan di kawasan loji jana kuasa, empangan dan kawasan sekitar.</p> <p>Antara keputusan Kementerian Kewangan bagi menubuhkan subsidiari ini ialah nisbah pegangan ekuiti SHSB dan Sarawak Energy Berhad (SEB) adalah disyorkan 70:30. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2012, semakan Audit mendapat tiada penyertaan ekuiti daripada SEB.</p> <p>Pada pendapat Audit, hala tuju penubuhan Sarawakhidro Power perlu diperjelaskan bagi mencapai objektif utama penubuhan syarikat ini.</p> <p>Maklum Balas SHSB Yang Diterima Pada 29 Januari Dan 15 Februari 2013</p> <p><i>Penubuhan Sarawakhidro Power adalah selaras dengan keputusan Kementerian Kewangan supaya Syarikat JV Kendalian dan Senggaraan ditubuhkan bersama dengan SEB bagi mengendalikan Stesen Janakuasa Bakun. Aktiviti utama Syarikat adalah menguruskan Stesen Janakuasa Bakun, manakala lain-lain aktiviti termasuk perundingan, pengurusan projek dan pelancongan. Tiada penyertaan SEB dalam penubuhan subsidiari ini kerana tiada kesepakatan dicapai berkenaan peratusan pemilikan syarikat di antara SHSB dan SEB. Bagi hala tuju penubuhan subsidiari ini, perkara ini sedang dibincang di peringkat syarikat induk bagi menentukan sama ada kewujudan subsidiari ini masih relevan atau sebaliknya.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

Perenggan 26 : Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.1.2	<p>Penyata Aliran Tunai</p> <p>Berdasarkan Penyata Aliran Tunai HDC bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011, prestasi aliran tunai syarikat secara keseluruhannya menunjukkan penurunan tunai berjumlah RM31.92 juta (61.6%) pada akhir tahun 2011 berbanding dengan tahun 2009 iaitu daripada RM51.84 juta pada tahun 2009, RM30.15 juta pada tahun 2010 dan RM19.92 juta pada tahun 2011. Penurunan pada tahun 2011 adalah disebabkan HDC tidak menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011.</p>	<p>Seperti dimaklumkan sebelum ini, HDC ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan dan oleh sebab itu, prestasi kewangan HDC tidak boleh diukur berdasarkan rekod keuntungan tahunannya. Sebagai sebuah syarikat pembangunan, sumber kewangan bagi perbelanjaan pembangunan dan operasi diperoleh dari Kerajaan yang bersesuaian dengan fungsi HDC.</p> <p>HDC dalam proses untuk diperbadankan di mana sumber kewangan bagi perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan operasi akan diperoleh daripada Kerajaan.</p> <p>Sehingga proses pemerbadanan selesai, HDC akan memohon daripada MITI agar peruntukan bagi perbelanjaan operasi dapat disalurkan. Permohonan peruntukan perbelanjaan operasi telah pun dibuat dan diluluskan bagi tempoh September 2012 – Mac 2013. Keperluan bagi peruntukan bulan April 2013 dan seterusnya telah pun dimaklumkan kepada MITI.</p>
26.5.2.1.b.i	<p>Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p>Berdasarkan kepada laporan pencapaian KPI yang dikemukakan kepada MKD, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya HDC telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 dan 2012 iaitu sebanyak 91.5% dan 92.9%. Bagaimanapun pada tahun 2010, HDC tidak dapat mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dengan memperoleh 79.6% daripada 80% yang ditetapkan. Laporan pencapaian KPI juga ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan dikemukakan kepada MKD pada setiap suku tahun.</p>	<p>Pihak pengurusan telah pun mengambil langkah meningkatkan pemantauan pencapaian KPInya. Bermula dari Mac 2013, laporan pencapaian KPI telah dibuat secara bulanan dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan.</p> <p>Laporan ini kemudiannya akan dilaporkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) untuk setiap suku tahun sebelum diserahkan kepada MKD.</p>
26.5.2.1.b.ii	<p>Semakan Audit selanjutnya ke atas penilaian pencapaian KPI secara individu bagi setiap elemen mendapati pada tahun 2010 hanya satu KPI yang memenuhi sasaran manakala 4 KPI tidak memenuhi sasaran. Bagi tahun 2011 pula, hanya 2 elemen</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 3 elemen tidak memenuhi sasaran. Bagi tahun 2012 didapati HDC telah mengemas kini petunjuk KPI. Bagaimanapun, hanya 2 elemen yang mencapai sasaran manakala 3 elemen lain tidak memenuhi sasaran yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Sasaran pencapaian KPI bagi suku tahun ketiga 2010 adalah 75% (25% bagi suku pertama dan 50% bagi suku kedua). Oleh yang demikian, berdasarkan pencapaian semasa 60.6%, pencapaian sebenar KPI adalah pada 80.8%. Pencapaian ini adalah memuaskan kerana peruntukan pembangunan hanya diterima pada bulan Jun 2010.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian keseluruhan KPI HDC telah meningkat daripada tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, pihak pengurusan HDC perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemennya yang tidak dapat dicapai. Selain daripada pembentangan KPI kepada Lembaga Pengarah, satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu disediakan bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI.</p>	
26.5.2.1.c.ii	<p>Pencapaian Sebenar Aktiviti Berbanding Sasaran</p> <p>Semakan Audit terhadap pencapaian sebenar aktiviti yang dirancang mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun 2010 hanya 25 daripada 45 aktiviti (56%) yang dirancang dengan perbelanjaan berjumlah RM13.57 juta dapat dilaksanakan; 12 daripada 27 aktiviti (44%) berjumlah RM6.55 juta telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 sebanyak 37 daripada 46 aktiviti (80%) berjumlah RM8.95 juta dapat dilaksanakan. Antara sebab aktiviti tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan adalah tiada peruntukan kewangan diterima oleh HDC daripada Kerajaan bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pada tahun 2010. Manakala, pada tahun 2011 dan 2012, peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti yang dirancang telah lewat diterima daripada Kerajaan iaitu pada pertengahan tahun 2011 dan 2012. Selain itu, perancangan yang kurang teliti dan terperinci juga menyumbang kepada pencapaian sebenar program berbanding sasaran. - Pada tahun 2011, terdapat peningkatan pencapaian pelaksanaan program berbanding tahun sebelumnya disebabkan HDC telah mengambil tindakan mengklasifikasikan semula perancangan program yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2010 dengan melaksanakannya pada tahun 2011. Klasifikasi tersebut 	<p>Permasalahan berkenaan peruntukan ini telah pun dibincangkan antara HDC dan MITI. Bagi tahun 2013, pihak pengurusan dan MITI telah pun membuat sedikit perubahan kepada cara penyaluran peruntukan pembangunan di mana peruntukan akan disalurkan melalui nilai kerja yang telah dilaksanakan.</p> <p>Perjanjian Perkhidmatan yang diguna pakai dalam proses penyaluran ini sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dapat dikeluarkan pada bulan Jun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>telah melibatkan penggabungan antara program dan aktiviti yang telah dapat meningkatkan peratusan pencapaian pada tahun 2011 serta dapat memberi impak yang signifikan kepada pembangunan Industri Halal. Bagaimanapun, pencapaian objektif penubuhan HDC masih belum tercapai.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Prestasi HDC secara keseluruhannya adalah agak baik jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diterima daripada Kerajaan sejak tiga tahun yang lalu. Program-program yang dijalankan pada tahun 2010 adalah dengan menggunakan sumber kewangan dalaman yang diperoleh kerana tiada suntikan modal daripada Kerajaan pada tahun 2006 sehingga 2008. Sehubungan itu, pelaksanaan program tahun 2010 adalah sebagai titik permulaan bagi memperkenalkan program yang perlu dilaksanakan oleh HDC di bawah MITI. Manakala pengklasifikasi semula program-program pada tahun 2011 adalah dibuat berdasarkan kesesuaian dengan peruntukan yang diterima daripada MITI. Tambahan pula, tahun tersebut merupakan tahun peralihan HDC sebagai sebuah agensi di bawah MITI dan elemen-elemen seperti hala tuju, objektif dan Key Result Area (KRA) MITI termasuk isu pertindihan skop dengan agensi-agensi lain di bawah MITI telah diambil kira.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tahap pencapaian sebenar aktiviti yang dirancang masih perlu diperbaiki bagi memastikan objektif Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Antarabangsa tercapai.</p>	
26.5.2.1.d	<p>Prestasi Kewangan Aktiviti</p> <p>Secara keseluruhannya, HDC telah membelanjakan sejumlah RM34.60 juta (47%) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk membolehkan HDC melaksanakan program pembangunan industri halal. Sejumlah RM16.88 juta (48.2%) daripada RM35.02 juta peruntukan Kerajaan telah dibelanjakan. Manakala sejumlah RM17.72 juta (45.9%) telah dibelanjakan daripada peruntukan sumber kewangan dalaman yang berjumlah RM38.63 juta. Semakan Audit mendapati jumlah perbelanjaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah kurang daripada 50% berbanding jumlah peruntukan sedia ada. Ini disebabkan terdapat aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang. Selain itu, sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan adalah merupakan kerjasama HDC dengan syarikat/agensi yang memberi sumbangan kewangan di dalam aktiviti yang dijalankan.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang</p>	<p>Permasalahan berkenaan peruntukan ini telah pun dibincangkan antara HDC, MITI dan MOF. Bagi tahun 2013, pihak pengurusan dan MITI telah pun membuat sedikit perubahan kepada cara penyaluran peruntukan pembangunan di mana peruntukan akan disalurkan melalui nilai kerja yang telah dilaksanakan.</p> <p>Perjanjian Perkhidmatan yang digunakan dalam proses penyaluran ini sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dapat dikeluarkan pada bulan Jun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>HDC hanya menerima peruntukan Kerajaan pada bulan Julai 2011 dan Jun 2012. Kelewatan penerimaan peruntukan menyebabkan pelaksanaan program terpaksa dilanjutkan ke tahun-tahun berikutnya. Sekiranya analisis dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang diterima bagi tujuan pembangunan secara keseluruhannya, HDC telah membelanjakan sejumlah RM16.88 juta (63.9%) bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012 daripada jumlah yang diterima bagi tujuan pembangunan (83.5% untuk tahun 2011 dan 54.8% untuk tahun 2012).</i></p> <p>Maklum Balas Pengurusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) Yang Diterima Pada 24 Mac 2013</p> <p><i>Kaedah penyaluran peruntukan kepada HDC adalah berbeza sekiranya dibandingkan dengan agensi-agensi MITI iaitu MIDA, MATRADE, SME CORP dan sebagainya. Ini adalah disebabkan oleh struktur semasa HDC yang masih merupakan syarikat sendirian berhad. Oleh sebab kaedah penyaluran peruntukan seperti ini tidak pernah dilaksanakan oleh MITI, ia memerlukan sedikit masa untuk penelitian.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan aktiviti HDC perlu ditambah baik untuk memastikan peruntukan pembangunan yang disalurkan dibelanjakan sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian perkhidmatan bagi memastikan objektif pelaksanaan aktiviti HDC tercapai.</p>	
26.5.2.2.a.i	<p>Pengurusan Aktiviti - Program Latihan Halal Di Bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)</p> <p>Pada tahun 2010, HDC telah menerima peruntukan geran berjumlah RM3.61 juta daripada INSKEN di bawah MITI bagi melaksanakan program latihan halal kepada pihak industri dan orang awam. Pelaksanaan program latihan INSKEN disediakan oleh HDC mengikut arahan MITI. Antara program latihan yang diperkenalkan adalah Program Halal Eksekutif (HEP), Go Halal dan Peningkatan Kepakaran Dalaman dengan objektif meningkatkan kesedaran keperluan halal, kehendak persijilan dan isu halal semasa. Sebagai pulangan, peserta latihan dapat berkongsi dan menggunakan pengetahuan yang diperoleh bagi industri halal negara.</p>	<p>Lanjutan daripada teguran audit, pihak pengurusan sedang mengambil tindakan untuk mengemas kini SOP seperti dimaksudkan dan dijangka akan diselesaikan dalam bulan Julai 2013.</p> <p>SOP tersebut juga akan menetapkan keperluan untuk menyediakan perjanjian bagi setiap kontrak latihan yang disediakan.</p>
26.5.2.2.a.ii	<p>Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 sebanyak 2 sesi program latihan HEP telah dijalankan dengan peserta seramai 70 orang. Manakala pada tahun 2011 seramai 68 peserta mengikuti 2 sesi program latihan HEP dan pada tahun 2012 sebanyak 3 sesi program latihan HEP dengan penyertaan 103 peserta. Selain itu, Program Go Halal dan Program Peningkatan Kemahiran Dalaman (SEP) juga telah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.a.iii	<p>dilaksanakan pada tahun 2012. Keseluruhan perbelanjaan bagi program INSKEN dari tahun 2010 sehingga tahun 2012 adalah berjumlah RM3.01 juta.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada satu standard prosedur latihan yang lengkap disediakan oleh HDC sebagai rujukan bagi pengurusan pelaksanaan dan pemantauan program. Selain itu, tiada perjanjian perkhidmatan (Services Level Agreement) ditandatangani bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengurusan Program, <i>project owner</i> dan kaedah serta pendekatan melaksanakan dan memantau program tersebut. Ketidadaan satu standard prosedur yang lengkap boleh menyebabkan pengurusan dan pemantauan program yang dilaksanakan tidak sistematis dan tidak konsisten di antara projek serta elemen kawalan dalaman tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak pengurusan HDC melaksanakan program tersebut berdasarkan arahan yang diputuskan dalam mesyuarat yang dipengerusikan di peringkat MITI.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan polisi dan garis panduan yang jelas dan lengkap dapat membantu pegawai yang bertanggungjawab menguruskan projek dengan lebih cekap dan berkesan. Tanpa sebarang perjanjian boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan dan objektif program latihan halal tidak tercapai.</p>	
26.5.2.2.b.ii	<p>Program/Aktiviti Di Bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) - Program Lewat Dilaksanakan</p> <p>Klausula 3.2 Perjanjian Perkhidmatan menetapkan projek perlu disiapkan dalam masa 6 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Sekiranya projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh tersebut, HDC boleh memohon kepada MITI untuk pelanjutan tempoh pelaksanaan tidak lewat daripada 3 bulan sebelum tamat perjanjian. MITI boleh meluluskan pelanjutan tempoh masa sehingga 2 tahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 10 program yang sepatutnya dilaksanakan pada bulan Jun 2011 hingga akhir bulan Disember 2011 dengan peruntukan berjumlah RM6.44 juta hanya dilaksanakan pada tahun 2012 dan sejumlah RM3.54 juta (54.9%) dibelanjakan. Sehubungan dengan itu, tiada bukti yang menunjukkan bahawa pihak HDC telah memohon lanjutan masa kepada MITI bagi 10 program tersebut.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang</p>	<p>Perjanjian Perkhidmatan 2011 telah pun dimuktamadkan, manakala bagi Perjanjian Perkhidmatan 2012, HDC telah pun mengemukakan surat permohonan lanjutan masa kepada MITI pada 6 Mac 2013. Tarikh lanjutan masa yang dipohon adalah sehingga Jun 2013.</p> <p>Permasalahan berkenaan peruntukan ini telah pun dibincangkan antara HDC, MITI dan MOF.</p> <p>Bagi tahun 2013, pihak pengurusan dan MITI telah pun membuat sedikit perubahan kepada cara penyaluran peruntukan pembangunan di mana peruntukan akan disalurkan melalui nilai kerja yang telah dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pelaksanaan program menggunakan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan melalui Perjanjian Perkhidmatan adalah sesuatu yang baru bagi HDC dan MITI. HDC juga pada dasarnya menerima arahan dari MITI berkenaan perkara-perkara yang berbangkit di dalam kontrak memandangkan penyaluran adalah dari pihak MITI. Namun begitu, pihak pengurusan mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengambil langkah yang perlu dengan segera bagi menangani perkara ini.</i></p> <p>Maklum Balas Pengurusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)</p> <p><i>MITI telah melakukan beberapa langkah bagi memantau pelaksanaan program di bawah HDC melalui penubuhan jawatankuasa pemantauan dan jawatankuasa pembangunan bagi memantau pelaksanaan program seperti yang dipersetujui di bawah SLA.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak HDC perlu mematuhi kehendak perjanjian supaya aktiviti yang dilaksanakan tidak menjelaskan kepentingan pihak Kerajaan.</p>	<p>Perjanjian Perkhidmatan yang diguna pakai dalam proses penyaluran ini sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dapat dikeluarkan pada bulan Jun 2013.</p>
26.5.2.2.b.ii	<p>Program Peningkatan Inovasi Dan Komersial Syarikat Halal</p> <p>Di bawah program ini, syarikat pembuatan barang halal berpeluang menyertai aktiviti pembangunan industri yang khusus dianjurkan oleh HDC berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan di bawah SOP Halal Featured Companies (HFC) yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Peruntukan yang disediakan bagi projek HFC adalah berjumlah RM1.3 juta untuk membiayai perbelanjaan berkaitan projek pembangunan produk; penjenamaan dan pemasaran (domestik dan antarabangsa). Manakala pelaksanaan aktiviti adalah secara individu mengikut kesesuaian dan keperluan perniagaan syarikat tersebut. Tempoh masa bagi melaksanakan program adalah daripada tarikh surat tawaran sehingga 31 Disember 2011. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011, sebanyak 12 daripada 20 syarikat telah dipilih oleh jawatankuasa yang terdiri daripada Ketua Bahagian untuk menyertai program HFC dan telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan lanjut mendapati 3 daripada 12 syarikat telah menyertai program HFC pada tahun 2011 dengan perbelanjaan berjumlah RM119,206 dan baki 8 syarikat diteruskan pada tahun 2012 dengan perbelanjaan berjumlah RM1.14 juta. Manakala satu syarikat tidak menyertai program HFC. Tiada laporan dan rekod pencapaian syarikat berkaitan disediakan oleh HDC sebagai bukti pengesahan syarikat berkaitan menghadiri program HFC.</p>	<p>Seperti yang telah dimaklumkan kepada pihak audit, pelaksanaan program yang dilaksanakan telah pun diubah cara perlaksanaannya iaitu dengan melibatkan lebih ramai peserta dari industri lanjutan daripada peruntukan yang tidak mencukupi.</p> <p>Perlaksanaan program yang telah diubah ini telah pun dimulakan bagi tahun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Bagi program HFC, HDC pada asalnya mencadangkan bantuan peruntukan yang lebih besar. Namun begitu, amaun yang sebenarnya diluluskan amatlah rendah iaitu RM1.3 juta pada tahun 2011. Kelulusan amaun yang rendah ini telah menyebabkan perancangan asal bantuan yang sebenarnya hendak dibuat tidak lagi boleh dilaksanakan. Peruntukan yang sedikit ini juga telah menjadikan program yang hendak dibuat bersama syarikat HFC tidak berupaya menarik minat penyertaan syarikat-syarikat tersebut. Tambahan dari itu, amaun yang telah diperuntukkan hanyalah diperoleh pada bulan Julai 2011. Lanjutan dari itu, pihak pengurusan merasakan impak yang boleh dihasilkan dari pelaksanaan program ini tidak dapat menepati seperti apa yang telah dirancang. Bagi memperoleh impak yang lebih besar, HDC telah mencadangkan pelaksanaannya dibuat berdasarkan pelaksanaan program yang akan melibatkan lebih ramai peserta industri. Cadangan perubahan pelaksanaan program ini telah pun dibawa kepada Ahli Lembaga Pengarah dan telah diluluskan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, HDC hendaklah menyediakan perancangan yang teliti supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh perjanjian dan mencapai objektif yang ditetapkan. Kegagalan pihak HDC melaksanakan program yang dirancang seperti yang ditetapkan dalam perjanjian perkhidmatan boleh mendatangkan kerugian kepada Kerajaan dan hasrat Kerajaan untuk pembangunan industri halal tidak tercapai.</p>	
26.5.2.2.b.ii	<p>Sijil HALMAS</p> <p>Sijil HALMAS merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada Operator Taman Halal yang mematuhi kehendak "HDC Designated Halal Parks Development Guidelines" yang dikeluarkan pada bulan Jun 2009 oleh HDC untuk taman halal bagi menggalakkan pelaburan asing dan domestik secara langsung ke taman halal; menggalakkan insentif halal; untuk pengendali industri taman halal dan pengendali logistik halal serta untuk memperoleh agenda nasional dalam menjadikan Malaysia sebagai hab global halal. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengikut "HDC Designated Halal Parks Development Guidelines", syarikat yang memohon Sijil HALMAS akan dikenakan yuran pemprosesan berjumlah RM1,000 dan kelulusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 30 hari daripada tarikh terima surat permohonan. - Sehingga bulan Oktober 2012, HDC telah menerima 14 permohonan bagi 	<p>Pihak pengurusan telah mengambil maklum berkenaan perkara ini. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pengeluaran sijil HALMAS adalah penggazetan sesuatu kawasan dan ianya tidak tertakluk kepada had-had masa tertentu.</p> <p>Bagi mengelakkan kekeliruan, pihak pengurusan telah mengambil keputusan memansuhkan keperluan tempoh masa di dalam semua sijil yang dikeluarkan. Ianya telah pun bermula dari Mac 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mendapatkan sijil HALMAS. Daripada permohonan tersebut, sebanyak 10 permohonan telah mendapat kelulusan, 2 permohonan tidak diluluskan dan 2 permohonan masih dalam proses mendapat kelulusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bagi 10 Sijil HALMAS yang dikeluarkan, kesemuanya telah diluluskan dalam tempoh antara 3 hingga 10 bulan. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun sijil berkenaan mempunyai ruangan “tempoh” tetapi ruangan tersebut tidak dilengkapkan bagi semua kes. <p>Pihak Audit berpendapat ketiadaan tempoh masa sijil dan tiada pemeriksaan yang rapi boleh menjelaskan kualiti sijil tersebut.</p>	
26.5.2.2.b.ii	<ul style="list-style-type: none"> - Lawatan Audit ke lokasi Selangor Halal Hub, Pulau Indah pada 9 Januari 2012 mendapati Syarikat Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. merupakan operator taman halal ini dan 20 syarikat pelabur telah mendaftar bagi beroperasi di kawasan ini. Empat daripada 20 syarikat pelabur tersebut sedang beroperasi, satu masih dalam pembinaan, satu masih belum beroperasi walaupun premis telah siap dibina dan selebihnya 14 syarikat pelabur telah memiliki tapak tanah tetapi belum mendirikan premis atau belum beroperasi. - Antara syarat yang ditetapkan dalam “HDC Designated Halal Parks Development Guidelines” yang dikeluarkan pada bulan Jun 2009, untuk layak mendapat insentif adalah syarikat pelabur telah beroperasi di dalam kawasan Taman Halal yang diiktiraf dan <i>Logistics Cold Hubs</i> hendaklah mendapat kelulusan daripada HDC. Semakan Audit mendapati daripada 5 syarikat pelabur yang telah menerima insentif tersebut, 3 syarikat (Syarikat Ramly Food Industries Sdn. Bhd., Syarikat Sydney Cake House Sdn. Bhd. dan Syarikat Nilam Tekad Sdn. Bhd.) telah diluluskan pengecualian cukai pendapatan walaupun tidak memenuhi syarat kelayakan, iaitu beroperasi di Taman Halal. Pihak Audit tidak dapat memastikan mekanisme diwujudkan untuk memastikan insentif yang telah diterima tidak dituntut lagi syarikat tersebut belum mematuhi syarat yang ditetapkan. <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pemberian insentif adalah berdasarkan kepada permohonan syarikat kepada HDC dan hanya akan diberikan setelah didapati syarikat telah membeli tapak di Taman Halal yang disediakan yang berstatus HALMAS serta menjalankan aktiviti yang melibatkan pengeluaran produk-produk halal.</i></p>	<p>Insentif yang diberikan kepada status HALMAS adalah dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan daripada perbelanjaan modal yang telah dibuat.</p> <p>Salah satu daripada syarat penggunaan insentif adalah komitmen pelabur untuk menjalankan operasi di lokasi Taman Halal di mana perbelanjaan modal perlu dibuat untuk menjana pendapatan di Taman Halal.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.b.ii	<ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan kepada Proses Permohonan Insentif yang terdapat di dalam "Building Blocks Of The Halal Industry" (Copyright (c) 2008 – 2012 HDC), ianya melibatkan 6 fasa proses berserta 3 fungsi Bahagian/Jawatankuasa iaitu "Incentive Processing Unit", "Incentive Technical Committee" dan "National Committee On Investment (NCI)". Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pelantikan "Incentive Processing Unit" dan "Incentive Technical Committee" diluluskan kerana maklumat mengenainya tidak didokumenkan di samping peranan bagi kedua-dua fungsi itu juga tidak dinyatakan secara bertulis. <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Incentive Processing Unit (IPU) adalah terdiri daripada kakitangan Unit Taman Halal dan Incentive Technical Committee (ITC) adalah terdiri daripada kakitangan Unit Taman Halal dan wakil MIDA. Semakan akan dilakukan berpandukan kepada checklist yang disediakan, lawatan tapak, pembentangan daripada pemohon, laporan penilaian untuk dimajukan kepada National Committee on Investment (NCI) (MIDA) untuk kelulusan. Kelulusan bagi insentif hanya dikeluarkan oleh pihak NCI dan bukan HDC. HDC hanya memproses permohonan insentif berpandukan kepada kriteria yang telah ditetapkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak HDC perlu mematuhi kehendak peraturan dan garis panduan yang ditetapkan supaya tidak menjelaskan kualiti sijil dan memastikan insentif diberi kepada syarikat pelabur yang sebenarnya layak sahaja.</p>	<p>Pihak pengurusan telah mengambil tindakan membuat pelantikan dan fungsi-fungsinya kepada ALP dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat ALP akan datang yang dijangkakan pada 21 Mei 2013.</p>
26.5.2.2.c	<p>Program/Aktiviti Di Bawah Kementerian Kewangan</p> <p>Pada 18 Julai 2012, Kementerian Kewangan Malaysia telah memberi peruntukan berjumlah RM5 juta kepada HDC bagi tabung penyelidikan dan kajian pembangunan vaksin halal. Peruntukan ini adalah untuk membayar perkhidmatan perundingan dan perbelanjaan sampingan pakar dan saintis yang akan menjalankan kajian. Bagi melaksanakan projek ini, HDC akan bekerjasama dengan sebuah syarikat perunding kewangan yang beroperasi di London. Syarikat ini berperanan sebagai organisasi saluran untuk mengenal pasti dan mengumpul pakar-pakar dan saintis dunia yang terlibat dalam bidang virologi dan imunologi. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2012, projek ini belum dilaksanakan dan peruntukan yang telah diterima itu disimpan di dalam akaun simpanan tetap.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p>	<p>Sehingga kini, HDC telah pun menyiapkan Terma Rujukan yang melibatkan pelbagai institusi tempatan dan UK untuk digunakan sebagai asas kepada Tawaran Tender yang akan dikeluarkan.</p> <p>Ini adalah bagi memastikan pemilihan terbaik dapat dibuat bagi perlaksanaan projek ini selain memastikan proses yang dijalankan adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Program pembangunan vaksin halal adalah satu program yang agak kompleks dan memerlukan perancangan yang amat teliti. Ini disebabkan tidak terdapat ramai saintis yang pakar di dalam bidang ini. Oleh sebab itu, HDC mengambil sedikit masa bagi mengenal pasti saintis yang dapat membantu di dalam program ini. Pembangunan vaksin halal ini juga melibatkan Research & Development serta pembangunan sumber manusia terutamanya untuk menghasilkan saintis vaksin. Lanjutan dari itu, HDC adalah di peringkat berbincang bersama universiti tempatan dan United Kingdom (UK) bagi pelaksanaan program ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pelaksanaan projek boleh menjelaskan pencapaian objektif asal program.</p>	
26.5.3.1.a	<p>Pematuhan Terhadap Kawalan Pengurusan Dan Tadbir Urus Korporat - Tadbir Urus Korporat</p> <p>Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Semakan Audit mendapati beberapa peraturan berhubung dengan tadbir urus korporat tidak dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:-</p> <p>Sejak penubuhannya pada 26 November 2008 sehingga tarikh pengauditan, Jawatankuasa Audit hanya bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu 2 kali pada tahun 2011 dan 2 kali pada tahun 2012.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak pengurusan mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengambil tindakan segera bagi menangani perkara ini.</i></p>	<p>Pihak pengurusan telah pun menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Audit perlu dibuat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun iaitu pada setiap suku tahun.</p> <p>Mesyuarat pertama bagi tahun 2013 telah pun dibuat pada suku tahun yang pertama iaitu pada 26 Mac 2013.</p>
26.5.3.1.b	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah HDC telah diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2010 hingga Julai 2012 adalah memuaskan. Bagaimanapun, Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah yang disediakan telah mengambil masa antara 1 hingga 5 bulan untuk ditandatangani oleh pengurus mesyuarat.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p>	<p>Proses menandatangani minit mesyuarat telah ditetapkan untuk dilaksanakan selewat-lewatnya dua (2) minggu daripada tarikh mesyuarat.</p> <p>Perkara ini akan diletakkan dalam SOP syarikat yang dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Julai 2013 (walau bagaimanapun, pelaksanaannya akan dibuat serta-merta).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pihak pengurusan mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengambil tindakan segera bagi menangani perkara ini.</i></p>	
26.5.3.2.a	<p>Pengurusan Pembayaran</p> <p>Pihak Audit telah menyemak 287 baucar bayaran bernilai RM24.46 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Antara perbelanjaan yang dilakukan adalah bayaran tambang kapal terbang dan penginapan bagi pegawai; bayaran sewa dewan bagi menganjurkan acara seperti World Halal Research; bayaran kepada perunding; kos perubatan kakitangan; yuran latihan serta bayaran pengiklanan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <p>Tiada penurunan kuasa secara bertulis disediakan bagi pegawai yang menyedia/meluluskan baucar bayaran dan hanya berdasarkan kepada senarai tugas pegawai yang terlibat.</p>	<p>Penurunan kuasa serta had bagi meluluskan pembayaran telah pun dibuat dalam <i>Discretionary Authority Limit (DAL)</i>.</p> <p>Pihak pengurusan telah pun mengambil langkah menambah baik penurunan kuasa dalam DAL dan akan dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat ALP yang dijangka akan diadakan pada 21 Mei 2013.</p>
26.5.3.2.b	<p>Manual Prosedur Kewangan HDC tidak menetapkan had kelulusan pembayaran seorang pegawai yang meluluskan bayaran.</p> <p>Maklum Balas Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 14 Mac 2013</p> <p><i>Pihak Pengurusan mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengambil tindakan segera bagi menangani perkara ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, HDC hendaklah memastikan bahawa kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkan dipatuhi bagi memastikan pengurusan pembayaran dibuat dengan teratur dan berhemat. Ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan boleh menjurus kepada penyelewengan atau <i>improper payment</i>.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012 SIRI 1**

Perenggan 27 : Technology Park Malaysia College Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.1.1.a	<p>Prestasi Kewangan - Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi</p> <p>Pada tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011, TPMC telah mencatat keuntungan kasar masing-masingnya berjumlah RM5.53 juta, RM3.53 juta dan RM3.87 juta. Sehingga akhir tahun 2011, kerugian terkumpul TPMC telah menurun sedikit kepada RM21.18 juta berbanding RM21.39 juta pada akhir tahun 2009.</p>	<p><u>Punca/Sebab-Sebab</u></p> <p>Pihak Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC) sentiasa berusaha untuk meningkatkan keuntungan syarikat. Kerugian terkumpul yang dialami adalah disebabkan oleh kekurangan bilangan pelajar berdaftar berbanding jumlah yang diperlukan untuk melepassi titik pulang modal (<i>break-even point</i>). Ini adalah kerana kebanyakan bakal pelajar yang dihubungi oleh pasukan pemasaran TPMC, memberi alasan yang mereka sedang menunggu keputusan dari Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)/Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tersohor. Pelajar-pelajar tersebut lebih berminat untuk memasuki IPTA/IPTS tersohor kerana institusi-institusi ini menawarkan yuran pengajian yang lebih murah. Selain daripada itu, peningkatan trend keuntungan bersih pula adalah disebabkan oleh pengurangan berperingkat perbelanjaan operasi lain atas usaha berterusan TPMC untuk menjimatkan kos.</p> <p>Pada pendapat Audit kedudukan kewangan TPMC adalah memuaskan kerana mencatat keuntungan operasi pada tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011. Bagaimanapun, TPMC perlu terus berusaha untuk meningkatkan keuntungan tersebut secara berterusan bagi mengurangkan kerugian terkumpul yang dialami.</p>
27.5.1.1.b		<p><u>Corrective</u></p> <p>Bagi mengurangkan kerugian terkumpul yang dialami oleh TPMC, TPMC kini telah mengambil langkah untuk meningkatkan keuntungan bersih syarikat dengan memberi lebih tumpuan kepada menawarkan program-program latihan berkemahiran tinggi yang mempunyai margin yang lebih baik. TPMC juga mengambil langkah mengurangkan kebergantungan kepada program <i>tertiary</i> yang bersaing hebat dengan IPTA/IPTS tersohor.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.1.3.b	<p>Aliran Tunai</p> <p>Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati TPMC telah mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi berjumlah RM1.55 juta bagi tahun 2011 walaupun mengalami lebihan tunai pada tahun 2009 dan 2010. Bagi tahun 2009 terdapat aliran tunai masuk sejumlah RM4.65 juta hasil daripada operasi syarikat yang rancak ketika itu. Seterusnya aliran tunai menurun bagi tahun berikutnya disebabkan penurunan aliran tunai operasi.</p> <p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>Sebab utama penurunan aliran tunai keseluruhan ialah penurunan pendapatan pada tahun 2011 dan pembayaran elauan untuk pelajar bantuan dana pinjaman Kementerian Kewangan yang juga bermula pada 2011. Bagaimanapun, Pengurusan TPMC sentiasa berusaha untuk berhemah dalam perbelanjaan pengurusan serta berusaha untuk memperbaiki pengurusan pungutan hutang semasa dan tertunggak khususnya dengan melantik ejen pemungut hutang (debt collector) bagi tujuan tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, usaha giat perlulah diteruskan bagi meningkatkan lagi pendapatan TPMC agar aliran tunai syarikat dapat ditingkatkan pada tahap yang lebih baik.</p>	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Pada tahun 2009 dan 2010, Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC) mengalami lebihan tunai adalah kerana TPMC telah menerima dana pinjaman daripada Kementerian Kewangan (MOF) bertujuan disalurkan kepada pelajar-pelajar TPMC, selain daripada perolehan pendapatan daripada latihan Program Khas HCD-MOSTI.</p> <p>Walau bagaimanapun, pada tahun 2011, TPMC mencatatkan defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi sebanyak RM1.55 juta adalah disebabkan di antaranya TPMC telah menyalurkan dana berjumlah RM1.97 juta bagi membayai pembelajaran 79 orang pelajar TPMC.</p> <p><u>Corrective/Preventive</u></p> <p>Bagi meningkatkan aliran tunai pada tahun 2013, TPMC telah menumpukan strategi perniagaan ke arah program latihan berkemahiran tinggi yang dijangka akan memberikan margin yang lebih tinggi. Di samping itu juga, TPMC telah mengambil tindakan untuk melaksanakan <i>right-sizing</i> organisasi supaya menjadi lebih efisien.</p>
27.5.2.1.a.i	<p>Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p>Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan TPMC telah mewujudkan KPI mulai tahun 2009 berdasarkan kepada 7 objektif strategik yang melibatkan 20 kriteria KPI. Sebanyak 28 sasaran KPI secara keseluruhan telah ditetapkan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:</p> <p>Sasaran untuk setiap KPI seharusnya boleh diukur memandangkan ia merupakan perancangan yang ingin dicapai pada sesuatu tempoh atau jumlah yang ingin diperolehi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 7 (25%) daripada 28 sasaran KPI bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sukar diukur.</p>	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Tujuh (7) sasaran yang tidak boleh diukur tersebut adalah merupakan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) yang lebih berbentuk kepada bukan akademik seperti kemudahan kolej, menaik taraf makmal sains, aktiviti pelajar, menyediakan program kerjaya dan sistem ganjaran, sistem dan menyediakan sistem <i>College Management System</i> (CMS). KPI tersebut lebih tertumpu kepada pengurusan operasi dan tiada impak terus ke atas prestasi kewangan syarikat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.2.1.a.ii	<p>Bagi tahun 2010, 5 daripada 11 sasaran tidak mencapai KPI yang disasarkan manakala 6 yang lain telah mencapai KPI. Bagi tahun 2011, 4 sasaran tidak mencapai KPI yang disasarkan berbanding 9 sasaran lain yang telah mencapai sasaran KPI. Bagi tahun 2012, kesemua 4 sasaran telah mencapai KPI.</p> <p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>Antara sebab ketidakcapaian kriteria KPI (kekurangan pelajar) adalah didorong oleh persaingan yang semakin sengit oleh rasionalisasi industri pendidikan. Sebagai contoh, terdapat institut pengajian tinggi awam ("IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta ("IPTS") yang mula giat menawarkan kursus pra-diploma dan diploma dengan yuran yang rendah. IPTA dan IPTS ini mampu berbuat demikian kerana nama mereka sudah terkenal didalam industri pengajian tinggi dan mampu menarik bilangan pelajar yang ramai justeru itu mereka memperolehi faedah ekonomi sekala TPMC baru memulakan penggunaan KPI pada tahun 2011 dimana diawal penggunaan KPI masih terdapat kelemahan di dalam pelan tindakan TPMC. Walau bagaimanapun, TPMC cuba menyempurnakan sasaran KPI bagi tahun 2012 dan seterusnya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan TPMC perlu menilai semula faktor yang menyebabkan sasaran KPI tidak dapat dicapai. Selain itu, pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi bagi setiap objektif strategiknya. TPMC juga hendaklah memastikan sasaran KPI yang dirancang boleh diukur supaya pencapaianya dapat dinilai dan tindakan susulan dapat diambil.</p>	<p>Bagi lima (5) kriteria dan empat (4) kriteria yang tidak mencapai KPI yang disasarkan masing-masing pada tahun 2010 dan 2011, ia adalah berkaitan kewangan yang disebabkan oleh kekurangan pelajar baru yang mendaftar di Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC). Ketidakcapaian ini adalah didorong oleh persaingan yang sengit hasil daripada rasionalisasi industri pendidikan tinggi. Selain daripada itu, saiz memainkan peranan penting untuk menentukan <i>survival</i> dan kejayaan dalam industri ini di mana Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tersohor mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Sebagai contoh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan institusi pendidikan tinggi yang lain telah mula giat menawarkan kursus diploma dengan yuran yang minimum; dan ii) Kolej-kolej tersohor seperti Taylor's University, SEGi University College, KDU University College dan sebagainya telah meningkatkan fasiliti kampus dan pengambilan pelajar dengan agresif. <p><u>Corrective</u></p> <p>Pelan tindakan yang lebih komprehensif telah pun dirangka dan dijalankan pada tahun 2013 di mana semua KPI boleh diukur.</p>
27.5.2.1.b	<p>Pendapatan Dan Keuntungan Sebenar Berbanding Sasaran</p> <p>Jumlah pendapatan daripada operasi utama TPMC bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 secara amnya tidak mencapai anggaran pendapatan yang disasarkan. Peratus pencapaian antara pendapatan sebenar dengan anggaran pendapatan bagi yuran yang dikutip adalah kurang memuaskan iaitu pada kadar 86.7% dan 82.7%. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku peningkatan bagi kos jualan bagi ketiga-tiga tahun pengauditan. Ini adalah disebabkan kenaikan bilangan tenaga pengajar di samping komisen kepada ejen pengambilan pelajar.</p> <p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>Sebab utama ketidakcapaian sasaran ialah rasionalisasi industri pendidikan yang menyebabkan kolej kecil seperti TPMC menghadapi situasi getir dalam usaha</i></p>	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Peningkatan kos jualan bagi ketiga-tiga tahun pengaudit tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan bilangan tenaga pengajar dan pembayaran komisen kepada ejen-ejen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kenaikan bilangan tenaga pengajar adalah bagi memenuhi syarat Malaysian Qualifications Agency (MQA) yang mengkehendaki supaya tenaga pengajar adalah mencukupi bagi membolehkan akreditasi penuh sesuatu program akademik itu dapat dicapai; dan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mencapai pendapatan syarikat seperti yang dirancang.</i></p>	<p>ii) Pelantikan ejen-ejen pengambilan pelajar juga adalah perlu sebagai strategi pemasaran yang lebih efektif bagi menarik pelajar ke Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC) seperti yang dipraktikkan oleh semua institusi pengajian tinggi yang lain.</p> <p><u>Corrective</u></p> <p>Pada tahun 2013, TPMC telah menukar model dan strategi perniagaan untuk tidak bertumpu kepada program <i>tertiary</i> dan sebaliknya menjalankan program latihan berkemahiran tinggi. Dengan ini, bilangan tenaga pengajar tidak akan meningkat dan penggunaan ejen akan diberhentikan.</p>
27.5.2.2.a.i	<p>Pengurusan Aktiviti - Pelajar Aktif</p> <p>Pelajar aktif adalah pelajar yang berdaftar dan meneruskan pembelajaran di TPMC. Bilangan pelajar yang aktif dalam sesuatu jurusan adalah penting bagi memastikan kemudahan yang dibekalkan dapat digunakan secara optimum. TPMC boleh menampung pelajar sehingga 1,100 pelajar pada satu-satu masa.</p> <p>Semakan Audit mendapati jumlah pelajar yang aktif bagi sesetengah jurusan adalah rendah iaitu hanya seramai 572 pelajar menuntut di TPMC pada masa kini berbanding kapasiti seramai 1,100 pelajar yang mampu ditampung.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kekurangan bilangan pelajar aktif antaranya disebabkan oleh strategi pemasaran yang menetapkan bilangan sasaran yang rendah berbanding bilangan pelajar sebenar yang berdaftar untuk memasuki kolej. - Pemberhentian pelajar berdaftar juga disebabkan oleh pertukaran ke institusi pengajian tinggi yang lain yang menawarkan yuran pengajian yang lebih rendah seperti IPTA, serta mempunyai masalah akademik; masalah diri dan masalah kewangan. Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, seramai 186 pelajar telah berhenti daripada meneruskan pengajian di TPMC atas sebab tersebut. - Jumlah pelajar aktif yang rendah ini mengakibatkan penggunaan kelas tidak optimum. Daripada 20 kelas sedia ada, terdapat 3 kelas yang langsung tidak digunakan. Manakala tahap penggunaan bagi 7 kelas lagi adalah kurang daripada 30% dan baki 10 kelas yang lain digunakan antara 32.4% hingga 59.1% dalam tempoh seminggu. 	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Jumlah pelajar aktif di Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC) adalah rendah walaupun TPMC telah melaksanakan usaha giat untuk menarik pelajar baru mendaftar di dalam program-program yang ditawarkan melalui usaha pemasaran yang berterusan. Disebabkan itu, TPMC menghadapi cabaran getir untuk menambah jumlah pelajar baru serta menetapkan bilangan sasaran yang berpatutan dan bukan rendah seperti yang dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara.</p> <p>Sebab-sebab jumlah pelajar aktif yang rendah, penggunaan kelas yang tidak optimum dan pemberhentian pelajar-pelajar adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. TPMC menghadapi persaingan hebat daripada institusi-institusi pendidikan yang lebih besar dan tersohor. Rasionalisasi industri pendidikan tinggi telah menyebabkan lagi persaingan sengit kerana Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)/Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tersohor dibenarkan untuk meningkatkan pengambilan pelajar baru secara mendadak dan menawarkan program diploma dan kursus-kursus latihan; ii. Majlis Amanah Rakyat (MARA) tidak lagi menaja program

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>TPMC telah melaksanakan usaha giat untuk menarik pelajar baru mendaftar di dalam program yang ditawarkan melalui usaha pemasaran yang berterusan. Walaupun begitu, TPMC menghadapi cabaran getir untuk menambah jumlah pelajar baru berdasarkan rasionalisasi industri pendidikan. Berdasarkan sebab tersebut penggunaan kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya. TPMC telah pun merangka semula strategi bagi tahun 2013 dan seterusnya bagi memastikan penggunaan peralatan dan fasiliti kolej adalah optimum.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah TPMC dan pengurusan TPMC hendaklah perlu teruskan usaha untuk merangka strategi jangka panjang yang bersesuaian dengan "trend"pasaran semasa bagi memastikan penggunaan peralatan dan fasiliti kolej sentiasa efisien bagi menarik lebih ramai pelajar.</p>	<p>berkembar Degree 2+2 di TPMC malah kuota MARA untuk pelajar Diploma juga telah dikurangkan kepada 40 orang sahaja mulai tahun 2010;</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. Kegagalan untuk mendapatkan pelajar berdaftar ke program Asasi (program baru) di TPMC kerana bantuan kewangan daripada pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk program ini telah tidak mendapat kelulusan; iv. Masalah kewangan pelajar untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup dan oleh sebab itu, ramai pelajar yang memilih untuk bekerja daripada melanjutkan pelajaran; v. Pelajar-pelajar di TPMC bertukar ke institusi pendidikan tinggi lain yang a) menawarkan yuran yang lebih rendah dan b) yang menawarkan pengajaran dalam Bahasa Melayu kerana pelajar-pelajar mempunyai masalah dalam menguasai Bahasa Inggeris. Ini adalah kerana bahasa pengantar di TPMC adalah Bahasa Inggeris; dan vi. Walaupun TPMC berjaya mendaftarkan bilangan pelajar yang tinggi pada awal semester, bilangan ini akan berkurangan sehingga 50% apabila pelajar-pelajar meninggalkan TPMC untuk memasuki IPTA lain semasa pengambilan sesi kedua dan ketiga terutamanya ke Universiti Teknologi Mara (UiTM). <p><u>Corrective</u></p> <p>Lembaga Pengarah TPMC dan Pengurusan TPMC telah memutuskan strategi jangka panjang untuk menukar model dan strategi perniagaan daripada menawarkan pelajaran <i>tertiary</i> yang bersaing dalam industri <i>red ocean</i> kepada Pusat Latihan Berkemahiran Tinggi. Sebagai contoh, TPMC akan menjalankan program di bawah <i>Entry Point Project</i> (EPP) 11 bersama <i>National Instrument</i> (NI) pada tahun 2013 di mana NI adalah sebuah syarikat multi-nasional dari Amerika Syarikat. Program ini menawarkan <i>Advanced Engineering Design Skill Using Lab View^(R)</i> dari NI. Selain daripada itu, TPMC pada masa ini sedang giat menjalankan latihan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		kursus-kursus pendek memandangkan TPMC adalah penyedia latihan berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).
27.5.2.2.b	<p>College Management System (CMS)</p> <p><i>College Management System (CMS)</i> dibangunkan pada tahun 2009 dengan kos RM886,880 bagi menyediakan pangkalan data; permohonan dalam talian; pendaftaran dalam talian; sistem dermasiswa dan asrama. Ia bertujuan memudah dan meningkatkan penyampaian pembelajaran dan pengajaran memandangkan sistem pendaftaran pelajar yang lama tidak mempunyai modul yang menyeluruh seperti modul pendaftaran dan akaun pelajar yang terhad/tidak boleh dikemas kini. Antara modul CMS meliputi modul pendaftaran; kewangan; akademik; hal-ehwal pelajar; penggredan pelajar dan penempatan pelajar di asrama. Sehingga ke tarikh pengauditan, pembangunan sistem tersebut belum selesai dan tidak mengikut tarikh yang dirancang mengikut <i>System Development Life Cycle (SDLC)</i>, di mana kelewatan bagi setiap fasa adalah antara 22 hingga 180 hari. Perkara ini berlaku kerana terdapat <i>bugs</i> di dalam sistem yang ditemui setelah diguna pakai selama beberapa bulan terutamanya di Bahagian Pendaftaran, Bahagian Kewangan dan Bahagian Peperiksaan. Pihak kontraktor telah mencadangkan agar TPMC mengadaptasikan sistem CMS yang diguna pakai di Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS). Kegagalan menyiapkan sistem ini mengikut jadual telah memberi kesan terhadap usaha TPMC meningkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar.</p> <p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>Masalah bugs didalam sistem telah diselesaikan dan sistem CMS telah pun diguna pakai sepenuhnya pada awal tahun 2013.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah syarikat induk serta TPMC perlu memastikan pelaksanaan sepenuhnya sistem yang dirancang kerana ia dapat memberi nilai tambah kepada TPMC dalam menghadapi persaingan masa kini.</p>	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Pembangunan sistem <i>College Management System (CMS)</i> belum selesai dan tidak mengikut tarikh dirancang kerana terdapat <i>bugs</i> di dalam sistem CMS yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak pembekal.</p> <p><u>Corrective</u></p> <p>Atas saranan Lembaga Pengarah Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dan Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC), TPM IT Sdn Bhd (TPMIT) iaitu anak syarikat TPM, telah dilantik sebagai Pengurus Projek bagi menyelesaikan masalah <i>bugs</i> tersebut. TPMIT dan juga pihak pembekal telah berjaya menyelesaikan masalah <i>bugs</i> ini dan sistem CMS telah pun diguna pakai sepenuhnya pada awal tahun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.2.2.c.i	<p>Pinjaman Kementerian Kewangan</p> <p>Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menarik balik pembiayaan pinjaman pada tahun 2010 untuk 320 pelajar di bawah tajaannya yang menuntut di TPMC sebelum meneruskan pengajian di California State Polytechnic University, Pomona, California, ("CalPoly") di Amerika Syarikat. Lanjutan daripada itu TPMC telah memohon dan mendapat pinjaman sejumlah RM7.82 juta dari Kementerian Kewangan (MOF) bagi menampung yuran dan perbelanjaan pelajar tersebut.</p> <p>Semakan Audit terhadap pinjaman tersebut mendapati hanya RM1.97 juta atau 25.2% daripada jumlah keseluruhan RM7.82 juta telah digunakan bagi membiayai pelajar yang terlibat. Selebihnya iaitu baki sejumlah RM5.85 juta telah disimpan di dalam simpanan tetap dengan kadar keuntungan purata 2.5% setahun.</p>	<p><u>Punca/Sebab-sebab</u></p> <p>Hanya 25.2% daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang diterima daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM7.82 juta telah disalurkan kerana 241 daripada 320 orang pelajar asal telah meninggalkan Technology Park Malaysia College Sdn Bhd (TPMC) untuk meneruskan pengajian ke Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)/Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang lain. Ini adalah kerana mereka telah menunggu terlalu lama dan tidak yakin bahawa pembiayaan akan diterima.</p> <p>Bagi baki pinjaman sebanyak RM5.85 juta, pihak TPMC telah merancang untuk menyalurkan kepada pelajar-pelajar baru di TPMC yang dijangka masuk pada tahun 2011 dan tahun-tahun seterusnya. Bagi melaksanakan hasrat tersebut, satu surat permohonan bertarikh 10 April 2013 telah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan (MOF). Sementara menunggu keputusan tersebut, baki pinjaman tersebut telah disimpan di dalam akaun berasingan jenis simpanan tetap untuk memisahkan dari akaun operasi harian.</p>
27.5.2.2.c.ii	<p>Pelaburan tersebut dibuat selaras dengan ketetapan Ahli Lembaga Pengarah mengenai keperluan membuat pelaburan dalam Simpanan Tetap sekiranya ada lebihan dana di dalam akaun semasa syarikat. Selain itu, pelaburan tersebut dibuat disebabkan hanya seramai 79 pelajar sahaja meneruskan ijazah tersebut daripada 320 pelajar asal yang dijangkakan berbuat demikian. Daripada jumlah tersebut, hanya 41 pelajar sahaja dengan perbelanjaan berjumlah RM1.23 juta yang berjaya melanjutkan pengajian mengikut perancangan asal iaitu ke CalPoly, di Amerika Syarikat seperti mana yang dipersebutui dalam perjanjian tajaan. Manakala sejumlah RM0.71 juta telah dibelanjakan sebagai tajaan terhadap pelajar yang memilih untuk ke universiti lain dan berhenti. Semakan Audit juga mendapati tiada sebarang peruntukan disediakan bagi menaja pelajar untuk belajar di universiti lain selain daripada CalPoly di Amerika Syarikat.</p> <p>Maklum Balas TPMC Yang Diterima Pada 27 Disember 2012</p> <p><i>Sebagai maklum balas terhadap surat TPMC bertarikh 30 Mei 2012 (Usul bagi menggunakan Lebihan Peruntukan Dana dari MOF bagi Pelajar Kolej TPM), MOF melalui surat bertarikh 24 Julai 2012 pada dasarnya tidak menyokong usul untuk menggunakan baki wang pinjaman ini bagi tujuan lain. Pihak TPMC telah menyediakan bayaran melalui cek MBB 326717 yang berjumlah RM5, 847, 193.75 sebagai penyelesaian lebihan baki peruntukan dana dari MOF.</i></p>	<p>Untuk makluman, hanya 41 pelajar yang diterima masuk untuk melanjutkan pelajaran di California State Polytechnic University, Pomona, California, Amerika Syarikat (CalPoly), manakala pelajar selebihnya sama ada tidak layak ke CalPoly atau mencari alternatif yang lebih murah iaitu melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti lain.</p> <p><u>Corrective</u></p> <p>Setelah rayuan dan permohonan TPMC untuk menggunakan lebihan wang pinjaman bagi menampung pelajar-pelajar TPMC yang baru tidak disokong oleh Bahagian Pengurusan Belanjawan, MOF melalui surat bertarikh 24 Julai 2012, TPMC telah pun membuat bayaran balik kepada MOF pada 18 April 2012. (Cek MBB 326717 berjumlah RM5,847,193.75)</p>



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
WJD001114

KEMENTERIAN KEWANGAN

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62592 WP Putrajaya